

# **DEWAN MAJLIS**

**LAPORAN PENUH  
(HANSARD)**

**MESYUARAT PERTAMA DARI  
MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**PADA**

**HARI KHAMIS, JUMAAT, SABTU DAN ISNIN,  
SELASA, RABU, KHAMIS DAN SABTU DAN ISNIN,  
SELASA, RABU, KHAMIS DAN SABTU, ISNIN,  
SELASA DAN RABU, 24, 25, 26, 28 DAN 29 RABIULAKHIR,  
1, 2, 4, 6, 7, 8, 9, 11, 13, 14 DAN 15 JAMADILAWAL 1434 HIJRAH  
BERSAMAAN 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 16, 18, 19, 20, 21, 23, 25, 26  
DAN 27 MAC 2013 MASIHI**

**BERTEMPAT  
DI DEWAN PERSIDANGAN,  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,  
DEWAN MAJLIS,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**JILID 1**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja  
Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri  
Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim,  
DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL.  
**Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya  
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,  
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,  
**Jurutulis I (Pertama) Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin,  
DPMB., PJK., PIKB.,  
**Jurutulis II (Kedua) Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB.  
**Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara**

Yang Mulia Awang Haji Adanan bin Haji Manggong,  
SNB., SMB., PIKB., PKL.  
**Pegawai Tugas-Tugas Khas**

Yang Mulia Awang Omsarule bin Haji Awang Omar  
**Pegawai Pentadbir Tingkat Khas**

Yang Mulia Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra  
**Penolong Jurutulis**

Yang Mulia Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah  
**Pegawai Perhubungan Awam**

## **PENYEDIAAN LAPORAN PENUH (HANSARD)**

### **Bahagian Laporan**

Awang Haji Adam bin Haji Abdul Wahab, Ketua Pemberita Majlis  
Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan.  
Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Pemberita Majlis Kanan.  
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis.

### **Penyemak**

Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir.  
Awang Haji Abdullah bin Haji Tengah, Ketua Penterjemah.

### **Bahagian Penjilidan**

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod.  
Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II.  
Dayang Hajah Nimat Salmah binti Haji Idris, Penjilid.

### **Pemberita Sambilan**

Dayang Hajah Sarimah binti Haji Amit/Hamid, Setiausaha Sulit.  
Dayang Rabayah binti Mohamad, Setiausaha Sulit.  
Dayangku Aminah binti Pengiran Abdul Rahman, Setiausaha Sulit.  
Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Kerani Sulit.  
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Rane, Kerani Sulit.  
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin, Kerani Sulit.  
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit.  
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah,  
Penolong Pegawai Kerja Tingkat II. (Compiler)  
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani.  
Dayang Noor Rosmahwati binti Haji Ismail, Pembantu Perpustakaan II.  
Dayang Susilawati binti Saie, Kerani.  
Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani.  
Awangku Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Hari Khamis , 24 Rabiulakhir 1434 / 7 Mac 2013</b>	
1.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	<b>PERKARA I</b> - Doa Selamat	4
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua	4
4.	<b>PERKARA II</b> – Mensahkan Minit	5
5.	<b>PERKARA III</b> - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
6.	Doa Selamat	8
	<b>Hari Jumaat, 25 Rabiulakhir 1434 / 8 Mac 2013</b>	
7.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	9
8.	Doa Selamat	12
9.	<b>PERKARA IV - KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 1 TAHUN 2013 - SENARAI PERINTAH-PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2012 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b>	14
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan.	14
	<b>KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA NO. 2 TAHUN 2013 – ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN 2013/2014</b>	14
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	14
10.	<b>PERKARA VI - USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS:</b>	15
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	15
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	18

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	18
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	21
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	22
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	26
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	29
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	30
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	31
	<b>Hari Sabtu, 26 Rabiulakhir 1434 / 9 Mac 2013</b>	
11.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	37
12.	Doa Selamat	40
13.	<b>PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2013), PERBEKALAN 2013/2014</b>	41
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	41, 42
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	63
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	64
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	64
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	65
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	66
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	66

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	66
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	67
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	67
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	68
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	68
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	69
14.	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>	71
	<b>Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri</b>	71
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	71
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	73
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	74
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	75
	<b>Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara</b>	75
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	75
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	77
	<b>Tajuk SA03A - Jabatan Audit</b>	77
	<b>Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik</b>	77
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	78
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	78
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	79

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	79
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	79
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	80
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	80
	<b>Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah</b>	80
	<b>Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri</b>	80
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	80
	<b>Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat</b>	81
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerana Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	81
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	81
	<b>Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei</b>	82
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	82
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	82
	<b>Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan</b>	83
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	83
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	83
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	83
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	84
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	84

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam</b>	84
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	85
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	86
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	87
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	89
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	89
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	90
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	91
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	92
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	92
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	93
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	93
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulaiman	93
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	93
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	94
	<b>Hari Isnin, 28 Rabiulakhir 1434 / 11 Mac 2013</b>	
15.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	96
16.	Doa Selamat	99
	<b>SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
	<b>Tajuk SA11A – Jabatan Perkhidmatan Pengurusan</b>	100
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	100



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	108
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	109
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	109
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	110
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	111
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	111
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	112
	<b>Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei</b>	113
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	113
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	113
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	114
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	114
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	115
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	116
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	117
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	118
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	120
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	120
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	121

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	122
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	122
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim	123
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	123
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	124
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	124
	<b>Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam</b>	124
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	124
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	125
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	125
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	126
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	126
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	127
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	128
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	128
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	129
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	130
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	130
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	131
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	131
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	131

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	131
	<b>Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga</b>	133
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	133
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	134
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	134
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	135
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	136
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	137
	<b>Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan</b>	138
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	138
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	139
	<b>Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi</b>	140
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	140
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	142
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	146
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	148
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	150

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	150
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	150
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	151
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	152
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	152
	<b>Hari Selasa, 29 Rabiulakhir 1434 / 12 Mac 2013</b>	
17.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	154
18.	Doa Selamat	157
	<b>SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
	<b>Sambungan Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi</b>	158
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	158
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	163
	<b>Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang</b>	164
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	164
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	166
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	166
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	166
	<b>Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan</b>	167
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	167
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	168

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	168
	<b>Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara</b>	170
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	170
	Yang Berhormat Menterian Kewangan II (Kedua)	170
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	171
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	171
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	171
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	172
	Yang Berhormat Menterian Kewangan II (Kedua)	172
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	172
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	173
	<b>Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara</b>	174
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	174
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	175
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	178
	<b>Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan</b>	179
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	179
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	180
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	181
	<b>Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik</b>	181
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	182

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	182
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	183
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	184
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	184
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	184
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	185
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	185
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	187
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	187
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	188
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	189
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	189
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	189
	<b>Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei</b>	190
19.	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b>	191
	<b>Tajuk SB - Kementerian Pertahanan</b>	191
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	191
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	194
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	194
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	194

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
20.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN</b>	195
	<b>Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan</b>	195
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	195, 196
21.	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b>	197
	<b>Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan</b>	197
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	197
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	197
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	199
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	200
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	201, 202
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	204
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	205
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	205
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	206
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	206
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	206
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	207
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	207

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	208
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	208
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	208
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	209
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	209
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	209
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	210
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	211
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	212
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	212
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	213
	<b>Hari Rabu, 1 Jamadilawal 1434 / 13 Mac 2013</b>	
22.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	215
23.	Doa Selamat	218
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</b>	
	<b>Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja</b>	219
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	219
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	220



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	221
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	221
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	222
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	222
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	223
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	223
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	224
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	224
	<b>Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan</b>	225
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	225
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	226
	<b>Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian</b>	226
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal	226
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	226
	<b>Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara</b>	227
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	227
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	227
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	228
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	228

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	229
	<b>Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF</b>	229
24.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>	229
	<b>Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri</b>	229
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	229
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	232
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	233
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	235
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	235
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	236
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	237
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	239
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	240
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	242
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	242
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	243
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	243
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	244
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	245

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	246
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	249
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	251
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	251
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	252
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	252
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	252
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	253
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	253
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	254
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	254
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	255
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	256
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	256
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	256, 257
	<b>Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan</b>	257
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	257
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	258
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	258

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria</b>	259
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	259
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal dalam Negeri	260
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	260
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	261
	<b>Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong</b>	261
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	261
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	263
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	263
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	264
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	265
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	266
	<b>Tajuk SE05A - Jabatan Buruh</b>	266
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	266
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	267
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	268
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	269
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	270
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	270
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	272
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	272

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	272
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	273
	<b>Hari Khamis, 2 Jamadilawal 1434 / 14 Mac 2013</b>	
25.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	274
26.	Doa Selamat	277
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>	
	<b>Sambungan Tajuk SE05A - Jabatan Buruh</b>	278
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	278
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	278
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	280
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	281
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	284
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	284
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	286
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	286
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	286
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	287, 288
	<b>Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara</b>	290
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	290
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	291
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	291

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	292
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	294
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	294
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	294
	<b>Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait</b>	295
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	295
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	296
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	296
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	297
	<b>Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong</b>	297
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	297
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	298
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	299
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	299
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	299
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	300
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	301
	<b>Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong</b>	301
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	301
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	302

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</b>	302
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	302
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	303
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	303
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	304
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	304
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	304
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	305
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	305, 307
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	309
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	309
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	310
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	311
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	312
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	313
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	315
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	315
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	315
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	316
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	316

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	317
	Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin	318
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	318
	<b>Tajuk SE11A - Jabatan Penjara</b>	319
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	319
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	320
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	320
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	321
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	321
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	321
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	322
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	323
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	323
	<b>Tajuk SE12 – Jabatan Bomba dan Penyelamat</b>	324
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	324
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	325
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	325
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	326
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	326
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	326
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	326



<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	327
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	328
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	329
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	329, 330
	Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua)	331
	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>	332
27.	<b>Tajuk SF - Kementerian Pendidikan</b>	332
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	332
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	337
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	339
	Yang Berhormat Datin Paduka Haji Salbiah binti Haji Sulaiman	339
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	340
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Mohd. Jaafar	341
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	342
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	342
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	343
	<b>Hari Sabtu, 4 Jamadilawal 1434 / 16 Mac 2013</b>	
28.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	345
29.	Doa Selamat	348

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>		
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	349
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	351
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	355
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	357
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	361
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	365
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	365
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	368
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	368
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	369
	Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	370
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	372
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	372
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	373
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	373
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	374, 381

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
30.	<b>KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA</b>	384
	<b>Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama</b>	384
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	384
	Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid	386
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	388
	Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	389
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	389
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	391
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	392
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	392
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	393
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	393
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	395
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	396
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	397
	<b>Hari Isnin, 6 Jamadilawal 1434 / 18 Mac 2013</b>	
31.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	411
32.	Doa Selamat	414

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>SAMBUNGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA</b>	
	<b>Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan</b>	
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	415
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	415
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	416
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	416
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	417
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	418
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	419
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	419
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	424
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	425
	<b>Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan</b>	425
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	425
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	426
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	427
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	428
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	428
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	429

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	429
	<b>Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan</b>	434
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	434
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	436
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	437
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	438
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	439
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	440
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	441
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	443
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	443
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	444
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	444
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	446
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	455
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	455
	<b>Tajuk SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)</b>	457
	Yang Berhormat Menteri Tenaga	457

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	458
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	459
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	460
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	460
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	461
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	462
	Yang Berhormat Menteri Perhubungan	464
	<b>Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan</b>	465
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	465
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	466
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	466
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	467
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	468
	Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama	469
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	471
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	471
33.	<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>	472
	<b>Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama</b>	472
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	472

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>Hari Selasa, 7 Jamadilawal 1434 / 19 Mac 2013</b>	
34.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	479
35.	Doa Selamat	482
	Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal	483
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman	486
	Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad	489
	Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar	490
	Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim	491
	Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain	493
	Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin	495
	Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim	498
	Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin	499
	Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	500
	Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf	502
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad	503
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin	505
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal	506
	Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking	507

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman	508
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	511, 525, 526
<b>36.</b>	<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>	531
	<b>Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan</b>	531
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	531





**DEWAN MAJLIS****Khamis, 24 Rabiulakhir 1434 / 7 Mac 2013****YANG DI-PERTUA****DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

**HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang  
jam 10.00 pagi****Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini Khamis, 24 Rabiulakhir 1434 Hijrah bersamaan dengan 7 Mac 2013 Masihi didahului dengan Doa Selamat.

**DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien)

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat pagi.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan pagi ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana jua di permesyuaratan-permesyuaratan sebelum ini, Persidangan pada kali ini juga akan membincangkan beberapa kertas terutamanya kertas yang berkaitan dengan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013/2014.

Di Dewan yang mulia ini, kita memikul tanggungjawab yang berat untuk kepentingan bangsa dan negara. Kita juga berperanan untuk mempertingkatkan lagi martabat Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi yang memelihara Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Maka dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita semua dalam persidangan kali ini, marilah kita sama-sama berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala supaya kita sentiasa dikurniakan petunjuk serta kebijaksanaan di sepanjang permesyuaratan ini.

Sebagaimana jua Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjelasan yang tepat dan tindakan segera ke atas perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam permesyuaratan adalah aspek yang

penting dalam Persidangan ini. Oleh itu, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengingatkan bahawa tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam permesyuaratan lepas, sebaiknya diambil tindakan dengan segera. Adalah kurang elok ianya ditangguh-tangguhkan sehingga menunggu untuk dilaporkan dalam permesyuaratan tahun berikutnya.

Tindakan yang segera seperti yang saya maksudkan bukan sahaja akan mencerminkan tugas yang efisien tetapi juga dengan tidak secara langsung turut menggambarkan peranan penting yang dimainkan oleh Majlis Mesyuarat Negara sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina. Ianya juga akan memberikan peluang kepada orang ramai untuk mengetahui tentang kesungguhan dan sifat pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap permasalahan rakyat dan penduduk negara ini.

Saya penuh percaya Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan telah pun mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian terhadap perkara-perkara yang dibincangkan di mesyuarat yang lepas dan adalah diharapkan pula tindakan-tindakan tersebut menepati seperti yang dihasratkan. Sekian terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Perkara Yang Kedua, Meneliti dan seterusnya mensahkan Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Yang Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang pada hari Khamis dan Sabtu, Ahad, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu, Ahad, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat dan Sabtu, 8 dan 10, 11, 12, 13,

14, 15 dan 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24 Rabiulakhir 1433 Hijrah bersamaan dengan 1 dan 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17 Mac 2012 Masihi bertempat di Dewan Persidangan, Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat telah berkesempatan untuk meneliti Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu dan jika ada apa-apa pindaan atau perubahan saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyatakannya.

Oleh kerana tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang pembetulan atau pindaan, maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan minit-minit tersebut adalah dipersetujui dan dengan itu saya luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar lagi.

Maka dengan demikian, Majlis Permesyuaratan ini ditangguhkan sementara bagi menunggu dan menjunjung keberangkatan Baginda ke majlis ini. Oleh yang demikian, saya tangguhkan sementara permesyuaratan majlis ini. Sekian terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## T I T A H

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR  
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI  
WADDIEN, SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT  
PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT  
PERTAMA DARI MUSIM  
PERMESYUARATAN KESEMBILAN  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA  
HARI KHAMIS, 24 RABIULAKHIR,  
1434H BERSAMAAN 7 MAC 2013M  
BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN  
MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ  
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-9 Majlis Mesyuarat Negara dapat diadakan pada hari ini.

Sewajarnya kita wajib bersyukur, kerana Allah telah menjadikan negara kita Brunei Darussalam kekal aman dan

makmur, serta rakyat dan penduduk pula menikmati kehidupan yang selesa.

Namun, kita tidak boleh bersikap ambil ringan atau cepat berpuas hati (*complacent*) dalam usaha kita memelihara keamanan dan mengekalkan kemakmuran. Lebih-lebih lagi, sejak lima tahun kebelakangan ini, dunia kita terus dibayangi oleh pergolakan ekonomi global, yang dikhuatiri mungkin, dapat menjejaskan kehidupan rakyat dan penduduk, walaupun, pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pada akhir-akhir ini, telah melahirkan sentimen lebih positif terhadap situasi ekonomi dunia. Namun pada pengamatan Beta, kedudukan fiskal, sistem kewangan dan ekonomi di beberapa buah negara utama dunia masih saja terus bermasalah, masih terus teruji.

Dengan sebab inilah, Kerajaan Beta berhasrat untuk meneruskan dan melipatgandakan lagi usaha-usaha mengukuhkan ekonomi dan pertumbuhannya.

Sebagai salah satu keperluan utama ialah mengembangkan perniagaan dan perdagangan, serta menarik lebih banyak lagi pelaburan asing. Kita juga akan terus mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif. Industri hulu dan hiliran sektor minyak dan gas juga akan terus dimantapkan selaku penyumbang utama ekonomi kita.

Begitu juga, untuk tujuan menggalakkan pelaburan dalam negara, Beta telah memperkenankan bagi cukai harta pusaka (*Estate Duty*) ditiadakan mulai 1 Januari 2013. Ini, termasuk juga mana-mana cukai harta pusaka yang masih tertunggak, akan turut dihapuskan dari kira-kira.

Manakala kemajuan sektor swasta yang bukan minyak dan gas, akan terus dipermudahkan, sebagaimana berjalan sekarang.

Sementara sumbangan sektor kerajaan pula akan diteruskan, terutama dalam bentuk pembinaan prasarana-prasarana utama. Peruntukan kewangan sebanyak \$6.5 bilion ringgit dalam RKN Ke-10, adalah merupakan komitmen yang sangat besar daripada Kerajaan Beta untuk membiayai pelbagai projek pembangunan negara.

Semua ini perlu mendapat perhatian yang serius daripada sekalian Ahli MMN, terutama Ahli-Ahli Yang Dilantik. Mereka itu perlu, untuk memberikan pandangan, sebanyak yang mungkin.

Adalah tidak memadai setakat banyak bertanya sahaja, tanpa memberikan pandangan. Begitu juga tidak memadai setakat menyebut-nyebut jumlah peruntukan yang besar, tanpa melihat apa dan bagaimana ia digunakan dengan berkesan?

Ini semua, tidak dapat disangkal lagi, adalah memerlukan pandangan dan buah fikiran daripada Ahli-Ahli.

Kita percaya, Ahli-Ahli, terutama mereka yang dilantik, tentu saja sudah maklum atau mengetahui bidang-bidang yang dimajukan di dalam perancangan Kerajaan. Maka bersabit itu, tidakkah tepat pada masanya untuk mereka itu mesti sama-sama memberikan pandangan?

Berikanlah pandangan, misalnya: bagaimanakah cara untuk meningkatkan lagi pendidikan, memperbaiki taraf

kesihatan, mengatasi pengangguran, memajukan pelaburan, pelancongan, pertanian, perikanan dan alam sekitar? Di dalam bidang-bidang ugama dan undang-undang pula, diperlukan juga pandangan dan buah fikiran, bagaimana cara umpamanya, untuk memperkemas serta melicinkan lagi perlaksanaannya? Begitu juga di bidang sosial, bagaimanakah cara yang berkesan untuk mengatasi dan mengubati penyakit jenayah dan lain-lain penyakit moral?

Pendeknya, bidang-bidang ini adalah sangat luas dan terbuka untuk disebut dan dibincangkan. Jika ada respons baik dan hangat daripada Ahli-Ahli mengenainya, maka barulah ada makna kita bersidang.

Pada hemat Beta, inilah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat. Mereka ingin untuk mendengarnya. Mereka suka untuk tahu apa dia perkembangan di dalam negara, melalui projek-projek kerajaan yang telah dan sedang berjalan. Adalah tidak memadai dengan cuma menyebut RKN Ke-10 dengan peruntukannya yang begitu besar, tanpa memberikan gambaran, apa dia projek-projek yang diungkayahkan itu dan bagaimana ia berjalan?

Pada hemat Beta, inilah dia tanggungjawab besar Ahli-Ahli MMN selaku pemimpin akar umbi. Mereka berkewajipan untuk mengetahui selengkapnya semua inisiatif Kerajaan, baik yang telah mahupun yang sedang dilaksanakan, meliputi semua aspek dan bidang: ugama, ekonomi, pendidikan, infrastruktur dan utiliti, keselamatan dan sosial.

Dengan cara ini, Ahli-Ahli MMN, barulah akan dapat dianggap telah memartabatkan Majlis ini selaku institusi



yang dihormati. Selaku forum perbincangan, ia diharapkan mampu untuk menghindari perkara-perkara remeh-temeh, dan sebaliknya mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan negara.

Akhirnya, Beta berharap, MMN Ke-9 ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu mencapai objektifnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

**(Majlis bersurai sebentar)**

**(Majlis bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Persidangan Majlis Mesyuarat pada hari ini, ditangguhkan dan akan bersidang lagi pada esok iaitu hari Jumaat, 25 Rabiulakhir 1434 Hijrah bersamaan 8 Mac 2013 pada jam 9.00 pagi.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Jumaat, 25 Rabiulakhir 1434 / 8 Mac 2013****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.00 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara disambung semula bagi hari yang kedua didahului dengan bacaan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan telah pun selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kelmarin hari Khamis, 24 Rabiulakhir 1434 bersamaan 7 Mac 2013. Dalam hubungan ini, saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bagi pihak Majlis Mesyuarat Negara nanti akan menyembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sembah banyak-banyak menjunjung kasih di atas keberangkatan Baginda itu dan di atas kurnia titah yang telah Baginda lafazkan.

Dalam hubungan ini, saya akan menyentuh sedikit sebanyak Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang isi

kandungannya itu ditujukan khusus untuk Majlis Mesyuarat Negara ini.

Sebagaimana kita sama-sama telah mendengar, Baginda menghendaki supaya sekalian Ahli Majlis Mesyuarat Negara terutama Ahli-Ahli Yang Dilantik memberikan perhatian yang serius terhadap perkara-perkara yang melibatkan projek-projek pembangunan Negara. Dalam hal ini, Baginda menasihatkan adalah tidak memadai bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa persidangan ini setakat banyak bertanya sahaja tanpa memberikan pandangan dan buah fikiran. Ini termasuklah melihat sendiri apa dan bagaimana peruntukan sesuatu projek itu digunakan dengan berkesan. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan lagi pendidikan, memperbaiki taraf kesihatan, mengatasi pengangguran, memajukan pelaburan, pelancongan, pertanian, perikanan dan alam sekitar. Bagaimana cara untuk memperkemas serta melicinkan lagi pelaksanaan di dalam bidang-bidang ugama dan undang-undang. Bagaimanakah cara yang berkesan untuk mengatasi dan mengubati penyakit jenayah dan lain-lain penyakit moral.

Pada hemat Baginda, rakyat di Negara ini ingin untuk mendengar dan mengetahui perkembangan di dalam negara melalui projek-projek Kerajaan yang telah dan sedang berjalan.

Pada hemat Baginda juga inilah tanggungjawab besar Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku pemimpin akar umbi adalah berkewajipan untuk mengetahui selengkapnya semua inisiatif kerajaan baik yang telah mahupun yang sedang dilaksanakan meliputi semua aspek dalam bidang ugama, ekonomi,

pendidikan, infrastruktur, utiliti, keselamatan dan sosial. Baginda seterusnya bertitah dengan cara ini Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara barulah akan dapat ditanggap telah memartabatkan Majlis ini selaku institusi yang dihormati. Baginda berharap selaku forum perbincangan, persidangan ini akan mampu untuk menghindari perkara-perkara remeh-temeh dan sebaliknya mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan negara. Baginda pada akhirnya mengharapkan supaya Majlis Mesyuarat Negara Kesembilan ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu mencapai objektifnya.

Dari titah Baginda itu, adalah jelas kepada kita semua bahawa Baginda menzahirkan harapan yang sangat tinggi terhadap Majlis Mesyuarat Negara selaku institusi yang dihormati dan berperanan penting untuk memikir secara mendalam, membahar secara terbuka serta membuat saranan-saranan dan juga sokongan-sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan Negara.

Adalah sudah barang setentunya semua kita menjunjung tinggi dan menanai dengan sepenuh hati titah dan harapan Baginda itu dengan cara berpadu tenaga dan pemikiran pada merangka dan melaksanakan apa jua usaha yang menjurus kepada pencapaian harapan Baginda itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepertimana jua yang sudah menjadi tradisi dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita akan membincangkan dan bersoal jawab dalam beberapa hari yang akan datang dengan semangat perpaduan dan kerjasama yang erat kerana masing-

masing kita mempunyai matlamat yang sama iaitu menyumbang tenaga dan pemikiran ke arah menjaga dan memelihara kepentingan Negara. Sekian terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Perkara yang ke IV, Kertas-Kertas yang akan dibentangkan di atas meja, Kertas No. 1 Tahun 2013 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dengan segala hormat memohon keizinan kepada Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2013 iaitu:

**“Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2012 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam”.**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Perkara yang ke IV, Kertas No. 2 Tahun 2013 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala

Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola dengan segala hormatnya memohon keizinan Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2013 iaitu:

**“Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2013/2014.”** Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan membuat satu cadangan atau pernyataan. Saya persilakan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin mengusulkan bahawa menurut Peraturan 4(3) daripada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara telah membolehkan supaya Perkara VI, iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis dan Perkara VII, Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 dan perenggan-perenggan daripada Perkara VIII, Ketetapan di bawah Fasal 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136) akan terlebih dahulu dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara ini saya usulkan kerana perkara tersebut adalah amat mustahak untuk disegerakan dan diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat ini bagi melicinkan pentadbiran-pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, saya

berharap usul saya ini akan dapat dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**(Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri bangun berdiri tanda menyokong)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah mendengar kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu, yang mana telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, saya berpendapat perkara ini adalah jelas dan tidak perlu dibahaskan. Maka saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat yang lain, adakah usul ini dipersetujui?

(Semua bersetuju untuk mendahulukan perbincangan terhadap perkara yang dinyatakan oleh Menteri Pendidikan dan disokong oleh Menteri Kewangan II (Kedua)).

Nampaknya semua ahli bersetuju sepertimana cadangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Perkara VI, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wassalaatu Wassalamu 'Aala Sayyidina Muhammadin Asyrafil Ambiyaa Ewal

Mursaleen Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada Hari Khamis, 24 Rabiulakhir 1434 Hijrah bersamaan 7 Mac 2013 Masihi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara kelmarin jelas mencerminkan pengamatan Baginda yang tajam, berpandangan jauh dan penuh bijaksana. Baginda bukan saja dapat meneliti, mengkaji dan memahami akan masalah dan isu serantau malah juga arif akan isu-isu antarabangsa untuk dimanfaatkan khususnya dalam konteks hala tuju Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, kita sewajarnya mengambil serius akan titah nasihat Baginda supaya tidak bersikap *complacent* khasnya mengenai keamanan dan kemakmuran. Pengamatan Baginda terhadap pergolakan ekonomi dan global perlu diambil berat kerana catatan sejarah menunjukkan bagaimana kekacauan seumpama ini boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat sebuah Negara dari segenap aspek.



Pergolakan politik di beberapa buah Negara termasuk Negara Islam sendiri telah menunjukkan bagaimana ketidakstabilan ekonomi dan kehidupan rakyat dan penduduk terjejas dan mengambil masa bertahun-tahun untuk mengembalikan keamanan. Itu belum lagi untuk membangun semula negaranya.

Yang Di-Pertua, Alhamdulillah, berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Negara kita selama ini dapat menikmati kehidupan yang aman dan tenteram. Dengannya kita telah dapat melaksanakan rancangan-rancangan yang menjana kemakmuran Negara serta kesejahteraan hidup rakyat dan penduduknya.

Namun demikian, di sinilah kita selaku warga bumi bertuah ini perlu berwaspada dan terus mengorak langkah menyediakan benteng-benteng pertahanan melalui pembangunan yang terarah, berdaya tahan dan terus maju ke hadapan. Atas dasar ini juga, kita semua wajib memelihara dan mempertahankan suasana aman dan tenteram di Negara ini supaya insya-Allah ianya terus berkekalan.

Kuncinya ialah bagi kita sama-sama memikul tanggungjawab, menghayati cara hidup Islam dengan nilai-nilai murni orang-orang Melayu di bawah Sistem Beraja yang selama ini terbukti berjaya mewujudkan kestabilan yang sangat diperlukan bagi kemakmuran. Pegangan Islam kita kini akan lebih dilestari melalui arah tuju untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam 'Negara Zikir'.

Selaras dengan pegangan ini, kita sewajarnya mensyukuri nikmat keamanan

dan kemakmuran yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita sesuai dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7, *"Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku tambah nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras"*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha menjana kemajuan dan kemakmuran Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berwawasan jauh dan tajam untuk tidak semata-mata bersandar kepada ramalan dan andaian agensi antarabangsa seperti IMF. Melalui analisa yang mendalam, Baginda mengingatkan kita di Dewan ini supaya melihat keadaan ekonomi global yang masih bermasalah. Baginda menganjurkan kita untuk memikirkan cara-cara dan kaedah yang dapat meningkatkan lagi kemajuan dan kemakmuran Negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyentuh beberapa pendekatan ke arah pembangunan ekonomi yang kukuh dan mantap khususnya dalam sektor-sektor perniagaan dan perdagangan, pelaburan, usaha pemantapan industri-industri huluran dan hiliran, minyak dan gas termasuk usaha melipatgandakan lagi kemajuan sektor industri bukan minyak dan gas.

Perkara yang turut atau dititahkan oleh Baginda jua adalah mengenai penghapusan Cukai Harta Pusaka atau

*Estate Duty* yang juga merupakan hadiah yang sangat berharga serta amat tinggi nilainya, dan ketulusan kurnia Baginda ini sewajarnya disyukuri. Terpantul jelas kebijaksanaan Baginda yang bukan saja menilai atau menimbangkan dari segi keuntungan pendapatan kepada Kerajaan semata-mata tetapi juga implikasi kerugian harta keluarga yang kadang-kadang terpaksa dilepaskan ke tangan orang lain. Ini memperlihatkan akan keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menasihatkan Majlis Mesyuarat Negara untuk membuat anjakan paradigma atau *paradigm shift* dari memfokus ke arah perkara-perkara remeh-temeh semata-mata kepada meninjau dan memikir sesuatu inisiatif secara menyeluruh atau holistik.

Sekali lagi perlu diberikan perhatian serius, hasrat Baginda adalah untuk menjadikan MMN sebagai satu platform untuk kita sama-sama memikirkan isu-isu dengan sebaik-baiknya. Dengan demikian dapat menonjolkan imejnya sebagai institusi yang dihormati. Ke arah memenuhi hasrat Baginda ini, dalam memartabatkan institusi MMN ini khasnya dalam perkara-perkara yang Baginda titahkan itu, kita semua sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara seharusnya menunaikan kewajipan yang diamanahkan dengan melakukan yang terbaik serta sepenuh upaya kita untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Pengamatan dan keprihatinan Baginda terhadap peranan yang dimainkan oleh Majlis ini, menghendakkan kita semua untuk

muhasabah diri dan sama-sama bertindak untuk memberi pandangan strategik yang menyeluruh ke arah mempertingkatkan, memperkemas, melicinkan pelaksanaan usaha-usaha Kerajaan termasuk dalam membantu menangani dan mengatasi masalah-masalah yang ada.

Pada hemat kaola, titah Baginda ini mencerminkan rasa kurang puas hati Baginda terhadap kualiti perbincangan dan perbincangan di Dewan ini. Kita sekali lagi wajar menjunjung tinggi pandangan mendalam Baginda dan berazam untuk menjelmakan menjadi realiti hasrat murni Baginda itu. Oleh yang demikian, melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, Ahli-Ahli Rasmi Kerajaan dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik boleh sama-sama bertukar-tukar fikiran dan membincangkan pelbagai isu, cabaran dan permasalahan yang makro bagi kemaslahatan serta pembangunan rakyat dan penduduk Negara ini. Kebijaksanaan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memberikan pandangan-pandangan yang bernas di Majlis ini nanti, sudah setentunya membawa impak yang signifikan kepada perkembangan dan kemajuan Negara. Insya-Allah Ahli-Ahli Rasmi Kerajaan akan sama-sama meneliti pandangan dan buah fikiran secara terbuka dan telus serta mengongsikan status pelaksanaan pelbagai usaha-usaha setiap Kementerian dan inisiatif Kerajaan secara menyeluruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kepentingan pendidikan adalah asas bagi meningkatkan semua bidang yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam titahkan, baik dari aspek pembangunan ekonomi,

keteguhan ugama hinggalah kepada isu pertahanan budaya dan sosial. Menyedari hakikat ini, pendidikan akan terus menjadi prioriti Kerajaan dalam melahirkan tenaga kerja dan modal insan yang berwibawa, berwawasan, berakhlak mulia serta mengamalkan nilai-nilai murni yang berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya di sini bagi mewakili semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mencadangkan suatu usul yang berbunyi, "Majlis ini bersetuju meluluskan Satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan Baginda ke Majlis ini pada hari Khamis, 24 Rabiulakhir 1434 Hijrah bersamaan 7 Mac 2013 Masihi dan atas kurnia Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang Majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya".

Sebelum mengakhiri ucapan ini, kaola sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin di atas pelantikan beliau selaku Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara dan penuh percaya akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh dedikasi dan efisien. Sekian, Wabillahir

Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih, ada Ahli Yang Berhormat akan menyokong?

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Terima kasih.

**(Yang Berhormat Menteri Kesihatan bangun berdiri tanda menyokong)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mencadangkan Usul Yang Telah Diberi Notis dan telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Maka Usul ini saya bukakan untuk dibahas.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Wassalamu 'Ala Manittaba'el Huda, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Aalaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan telah dapat memulakan persidangan dalam suasana Negara kita dalam keadaan aman dan selamat yang membolehkan kita bersidang

dalam suasana aman, harmoni dan semangat kerjasama yang erat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di sini adalah atas sifat kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik Dari Orang-Orang Bergelar dan juga mewakili rakan-rakan koala Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik dari Orang-Orang Yang Bergelar. Abis koala menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada 24 Rabiulakhir 1434 Hijrah bersamaan dengan 7 Mac 2013 Masihi dan di atas kurnia titah Baginda dalam istiadat perasmian tersebut.

Abis koala dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah Baginda yang menggambarkan betapa kasih sayang Baginda terhadap rakyat dan Negara dengan menyediakan peruntukan belanjawan yang besar terutama dalam membiayai berbagai projek pembangunan Negara termasuk melipatgandakan bagi menggalakkan dan mengembangkan pelaburan, memajukan sektor swasta dengan memberikan apa jua kemudahan yang bersesuaian.

Mengenai dengan penghapusan Cukai Harta Pusaka yang dijelaskan Baginda dalam titah tersebut adalah sangat dialu-alukan kerana ianya bukan sahaja menghapuskan bebanan membayar cukai oleh ahli-ahli waris bahkan juga adalah menepati kehendak hukum syarak bahawa hanya ahli-ahli waris kepada harta pusaka yang berhak memilikinya dan berhak meluluskan apa-apa wasiat si mati yang ada kaitan dengannya.

Ada bukti yang menunjukkan bahawa dengan adanya Cukai Harta Pusaka itu ada setengah-setengah ahli waris tidak dapat memiliki harta pusaka yang berhak kepada mereka kerana bebanan cukai yang tinggi yang di luar kemampuan mereka untuk membayarnya, dengan penghapusan Cukai Harta Pusaka itu satu lagi bukti yang jelas betapa besar keprihatinan Baginda dalam usaha menegakkan hukum-hukum Allah di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Janganlah hendaknya ada pihak yang berpendapat bahawa penghapusan cukai harta pusaka itu satu kerugian kepada Negara, malah sebaliknya ia adalah mengundang keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran Surah Al-A'raf ayat 96;

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Tafsirnya: "*Jikalau sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa pastilah Kami akan melimpahkan keberkatan-keberkatan dari langit dan bumi kepada mereka tetapi mereka mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatan mereka*".

Menurut sebahagian ahli-ahli tafsir, perkataan berkat itu bermakna pintu-pintu kebaikan dalam maknanya yang luas termasuklah kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk sesebuah negara. Dengan izin Allah keberkatan-keberkatan itu pasti akan dikurniakan oleh Allah kepada orang-orang yang beriman dan bertakwa yang berusaha menegakkan hukum Allah di atas sesebuah negara. Dalam titah Baginda itu juga, Baginda telah meminta Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik supaya memberikan pandangan dan buah fikiran. Misalnya bagaimana memajukan lagi bidang pendidikan, bagaimana mengatasi pengangguran dan lain-lain demi untuk kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan Negara.

Kaola ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat ini mengenai ugama dan undang-undang. Mengenai undang-undang yang digelar "Perintah Kanun Jenayah Syariah Tahun 2013" yang telah disiapkan drafnya oleh pihak-pihak berkenaan dalam Kerajaan. Kaola difahamkan bahawa Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013 itu tidak lama lagi akan dapat diperkuatkuasakan khasnya sesudah CPCnya disiapkan kelak. Dalam Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013 itu terdapat peruntukan-peruntukan hukuman-hukuman sebat, potong tangan dan rejam sampai mati. Untuk pelaksanaan hukuman-hukuman itu tentulah diperlukan pegawai-pegawai yang mahir dalam menjalankan hukuman. Sebatan menurut hukum syarak tentu berbeza dengan sebatan menurut Undang-Undang Sivill.

Hukuman potong tangan tentu memerlukan pengetahuan bagaimana cara pemotongan itu dijalankan dan begitulah

juga dengan hukuman rejam. Sudah sampai masanya supaya pegawai-pegawai yang akan ditugaskan bagi menjalankan hukuman-hukuman itu diberi latihan dari sekarang. Pihak yang berkenaan dalam Kerajaan boleh mendapatkan maklumat tempat-tempat di mana pegawai-pegawai itu patut dilatih kerana sudah ada beberapa negara Islam yang sudah ada pengalaman melaksanakan hukuman sedemikian. Mungkin satu lawatan oleh pegawai-pegawai tinggi dalam Kerajaan ke negara-negara berkenaan untuk mendapatkan maklumat yang berguna sebelum penghantaran pegawai-pegawai yang akan dilatih itu.

Selain daripada itu, sudah sampai masanya bagi pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan menyiapkan tempat yang bersesuaian bagi tujuan melaksanakan hukuman-hukuman sebat, potong tangan dan rejam itu bagi mengelakkan ketidaktentuan di mana hukuman sedemikian akan dijalankan. Kelambatan menyiapkan tempat-tempat di mana akan dilaksanakan hukuman itu, mungkin boleh melambatkan penguatkuasaan Perintah Kanun Jenayah Syariah 2013 itu. Adalah lebih baik menyediakan payung sebelum hujan. Demikianlah secara ringkas ucapan kaola berhubung dengan Usul Menjunjung Kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi semalam. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-Ahli yang lain ingin berucap?

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik. Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat menghadirkan diri di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini.

Kaola bagi mewakili Ahli-Ahli Yang Dilantik Dari Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dengan rendah diri menyembahkan berbanyak - banyak menjunjung kasih di atas Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga di atas pengurniaan titah Baginda yang mana titah Baginda itu adalah dijunjung setinggi-tingginya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah Baginda itu adalah padat dan bernas yang mencerminkan kebijaksanaan dan prihatin Baginda terhadap perkara-perkara yang mustahak. Sebagai sebuah negara yang sedang menempuh berbagai-bagai cabaran sama ada yang datang dari dalam mahupun dari luar negeri. Kemurahan hati Baginda untuk memperkenankan bagi Cukai Harta Pusaka atau *Estate Duty* ditiadakan bermula 1 Januari 2013 dan menghapuskan dari kira-kira mana-mana Cukai Harta Pusaka yang masih tertunggak diharap akan membantu mempertingkatkan pelaburan dalaman

iaitu pelaburan oleh penduduk dan orang Brunei sendiri.

Sebagai menunjukkan rasa syukur dan junjung kasih kita kepada Baginda diharap sektor swasta akan memberi sokongan dan tindak balas yang positif kepada hasrat Baginda tersebut. Hasrat Baginda mengukuhkan ekonomi negara serta harapan supaya ekonomi terus bertumbuh, perniagaan dan perdagangan terus berkembang telah pun Baginda titahkan berulang-ulang kali. Ke arah ini, Kerajaan Baginda juga telah memberikan dan menyediakan beberapa insentif kepada sektor swasta.

Walaupun negara mempunyai ekonomi, politik dan keselamatan yang stabil dan banyak andaian-andaian telah difikirkan dan diambil tindakan, namun langkah-langkah yang dibuat sejauh ini nampaknya masih jua belum menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Dalam hal ini, mungkin Kerajaan perlu meneliti semula dan mengkaji secara lebih mendalam strategi, pelan tindakan serta pelaksanaan yang telah dibuat dan dijalankan sejauh ini. Perkara ini perlu dinilai secara menyeluruh atau holistik.

Dalam masa yang sama, kemurahan hati Baginda untuk memperkenankan Cukai Harta Pusaka ditiadakan juga menunjukkan keprihatinan Baginda ke atas kesusahan yang dihadapi oleh rakyat Baginda. Dengan adanya tindakan ini, ia akan menimbulkan keharmonian di kalangan keluarga-keluarga yang terlibat. Kita selaku rakyat sangat-sangat menjunjung kasih atas kurnia perkenan Baginda ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di kesempatan ini kaola bersama rakan-rakan yang lain ingin menyampaikan rasa syukur dan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah nasihat yang diberikan oleh Baginda. Kami akan sentiasa menjunjung segala nasihat yang dihulurkan. Nasihat Baginda yang jelas dan terang ini merupakan satu perkara yang dinanti-nantikan oleh kami di sini dan akan dijadikan sebagai panduan dalam menjalankan tugas kami sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, abis kaola Ahli-Ahli Yang Dilantik juga bersetuju dan menyokong sepenuhnya pandangan Baginda bahawa bidang-bidang yang menjadi kemusykilan dan yang sentiasa ditimbulkan oleh rakyat adalah luas dan terbuka untuk dibincangkan. Dari itu, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik telah mengambil beberapa langkah untuk mengadakan Majlis Muzakarah dengan beberapa kementerian sebelum Majlis Mesyuarat diadakan. Langkah ini juga bertujuan semata-mata untuk mengetahui selengkapnya inisiatif Kerajaan dan perkembangan ke atas projek-projek yang sedang dijalankan oleh Kerajaan serta menyampaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat seperti yang disarankan di dalam titah Baginda tersebut.

Bagaimanapun, bagi menyambut baik nasihat Baginda supaya Ahli-Ahli Yang Dilantik memberikan respons yang baik dan hangat dan untuk memartabatkan Majlis yang mulia ini, maka abis kaola ingin mencadangkan supaya Majlis juga akan bersidang untuk membincangkan perkara-perkara lain selain membahaskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan.

Dalam masa yang sama, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik juga berharap supaya semua cadangan yang dikemukakan perlu diterima dengan positif. Penerimaan positif di sini ialah dengan maksud apa jua tindakan yang dibuat adalah dengan penjelasan yang membina dan mengambil kira kaedah-kaedah atau cara-cara mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat supaya rakyat lebih memahami dan menerima segala keputusan dan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan masalah-masalah yang mereka hadapi.

Sementara itu, kami Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik juga bersyukur dan menjunjung kasih ke atas saranan Baginda supaya pihak Kerajaan lebih bersikap terbuka dan transparan dalam memaklumkan kepada rakyat berhubung perkara-perkara yang melibatkan peruntukan Kerajaan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung semalam.

Bagi mewakili Ahli-Ahli Yang Berhormat Daerah Brunei dan Muara, dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mengenai dengan titah Kebawah Duli Tuan Patek itu. Titah Baginda merupakan taburan mutiara yang amat berharga dan bernilai tinggi. Kita dituntut melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur lagi amanah. Sikap prihatin Baginda memeduli dan menjaga kepentingan rakyat Baginda merupakan kurnia yang tidak dapat dipersoalkan oleh mana-mana pihak baik dalam dan luar negeri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kemakmuran negara yang sedang kita kecapai dan nikmati adalah merupakan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala yang sewajarnya disyukuri di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda mengingatkan kita semua supaya tidak leka dan lalai dalam usaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara. Semua pemimpin dan seluruh rakyat hendaklah meningkatkan usaha dalam semua aspek seperti berusaha memberikan khidmat yang berkualiti dan berkesan. Rakyat diseru rajin berusaha meninggikan taraf hidup agar tidak

banyak bergantung kepada sokongan dan bantuan orang lain.

Untuk meningkatkan ekonomi negara, peranan pengusaha kecil dan sederhana perlu diberikan perhatian agar mereka dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Pandangan dan wawasan Baginda jelas untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini berdaya tahan dan berdaya saing dalam global ekonomi dunia. Kekhuatiran ini diluahkan Baginda dengan serius dengan membuat perbandingan melalui situasi beberapa buah negara di dunia yang masih mengalami krisis ekonomi.

Oleh kerana itu titah Baginda usaha perlu ditingkatkan dengan pengukuhan ekonomi seperti menarik pelaburan asing dengan mewujudkan suasana yang lebih kondusif. Selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amat menjunjung kasih atas kurnia perkenan Baginda bagi Cukai Harta Pusaka ditiadakan serta mana-mana cukai tertunggak juga turut dihapuskan.

Perkara ini telah disambut baik oleh semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan seterusnya memberikan peluang kepada mereka untuk menjadikan harta pusaka itu dikembangmajukan untuk kesejahteraan dan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Peluang sudah terbuka luas, cuma apa yang penting rakyat mesti bijak menggunakan kesempatan ini dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, melalui kesempatan ini amalan tradisi harus dikikis seperti;



1. kurang komitmen dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan;
2. untuk lebih maju dan sentiasa berdaya saing;
3. permudahkan birokrasi yang melambatkan usaha pihak swasta dan pelabur dalam dan luar negeri.

Baginda ingin melihat prasarana di negara ini berjalan terus. Peruntukan berjumlah \$6.5 bilion itu dalam RKN Ke-10 adalah sumbangan dan pelaburan yang sangat besar dalam usaha Kerajaan untuk membangun Negara. Baginda menarik perhatian MMN agar menilai peruntukan yang diberikan itu seperti segunung intan yang amat berharga dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Apa jua projek yang telah dan sedang dibuat hendaklah dilaksanakan menurut piawaian berkualiti dan menepati masa yang dijadualkan serta mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Baginda berhasrat agar Majlis Mesyuarat Negara bersifat proaktif dan berinovasi dalam merancang berbagai strategi selain mengetahui apakah yang kerajaan lakukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola penuh yakin sumbangan dan saranan adalah amat penting sepertimana titah Baginda dalam usaha kita untuk membangun bangsa dan negara. Baginda secara tegas ingin melihat usaha dan komitmen Kerajaan melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang dipikulkan kepada kita bersama, memerlukan usaha bersepadu dan saling membantu antara satu dengan yang

lain. Dalam perkara ini tidak dinafikan wujud kerjasama di antara kementerian-kementerian dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin akar umbi. Dalam usaha meningkatkan prasarana dan kemudahan pendidikan serta memerlukan tenaga mahir, bersifat kreatif, inovasi, positif dan proaktif serta responsif.

Baginda mahukan apa jua program yang dirancang bersistem dan bercirikan nilai budaya dan teliti serta menekankan aspek keselamatan pelajar dan penuntut. Kesihatan dan kesejahteraan menjadi perhatian Baginda, umpamanya meningkatkan kemudahan dan pengurusan hospital dan klinik kesihatan di tahap yang baik dan diharapkan lebih banyak pakar dan doktor diperlukan. Tempoh masa perkhidmatan di beberapa klinik akan dapat ditambah serta kereta kecemasan ditempatkan beroperasi 24 jam di klinik di luar bandar.

Pengangguran juga menjadi perhatian Baginda. Pengangguran merupakan penyakit yang perlu ditangani dengan segera dengan mewujudkan peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta. Usaha meningkatkan pelaburan sebagai pemangkin untuk pembangunan negara dengan memberikan peluang pelabur berskala besar dan sederhana dengan mewujudkan peluang pekerjaan adalah menjadi agenda yang sangat penting bagi masa depan negara.

Pelancongan, pertanian dan perikanan masing-masing di bawah payung Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama diyakini telah membuat pelan strategi untuk meningkatkan sektor berkenaan bagi memenuhi keperluan Negara.

Baginda juga mahu melihat lebih jauh mengenai Isu Alam Sekitar yang memerlukan perhatian serius terutama pemusnahan hutan, pencemaran sungai, pencemaran udara dan pencemaran alam sekitar seperti pembuangan sampah yang tidak bersistem di beberapa kawasan disebabkan kurangnya tempat pembuangan sampah.

Perlu juga diberikan perhatian peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan agar dikenakan peraturan yang lebih ketat tentang kebersihan dan disiplin bagi mengatasi perbuatan setengah pengusaha supaya sama-sama bertanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar dengan tidak membuang sampah atau bahan binaan di tempat yang dilarang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda sangat serius dan memandang tinggi tentang ugama Islam dan keluhuran undang-undang sebagai cara hidup yang lengkap dan menjadi teras MIB dan Negara Zikir. Dalam perkara ini Baginda ingin supaya pelaksanaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Umpamanya, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama bertanggungjawab memberikan sokongan kepada usaha mengangkat martabat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 dan Akta Pendidikan Ugama Wajib. Walau bagaimanapun, kajian menyeluruh patut dibuat mengenai keberkesanan sistem pendidikan tersebut. Apa yang sangat penting ialah pelaksanaan Undang-Undang Syariah yang mana disebut oleh salah seorang ahli tadi akan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya Baginda ingin melihat di Dewan yang tersergam indah ini, akan dapat menyaksikan dan mendengar isu-isu yang sangat penting dan memberikan impak dan kesan yang positif pada pembangunan negara. Sebagai contoh, projek mega yang sedang dan akan dilaksanakan iaitu pembinaan 2 buah jambatan penghubung Bandar Seri Begawan ke Lumapas dan Temburong ke Bandar Seri Begawan, di mana rakyat dan penduduk negara ini ingin tahu dan mahu tahu bila projek besar ini akan bermula, tempoh masa yang diambil bagi menyiapkan dan adakah syarikat bumiputera terlibat sama dengan projek berbilion ringgit ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada masa yang sama, penduduk Kampung Menunggul juga ingin tahu adakah pulau yang kaya dengan khazanah alam ini akan menikmati perkara yang serupa iaitu pembinaan jambatan penghubung dengan pusat bandar.

Baginda menyentuh peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh Ahli-Ahli MMN sebagai pemimpin yang perlu memahami keperluan semua aspek yang merangkumi ugama, ekonomi, infrastuktur pendidikan dengan meneliti keselamatan dan semua aspek bagi kepentingan semua pihak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terakhir titah Baginda ialah mengenai martabat Majlis Mesyuarat Negara selaku institusi yang dihormati dalam persidangan yang penuh mencabar ini, berharap tidak akan membawa isu-isu yang kurang penting. Baginda mengingatkan supaya akan memberikan fokus kepada masalah yang

lebih utama untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan menyusun jari sepuluh, kaola bagi mewakili rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Daerah Brunei dan Muara, sekali lagi menyembahkan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali kaola ingin berpantun:

*Sultan Brunei sangat berkat,  
Sering berangkat ke laut ke darat,  
Raja pengasih kepada rakyat,  
Tiada memilih pangkat dan darjat.*

*Sultan kami putera gahara,  
Memimpin rakyat seluruh negeri,  
Tuanku laksana payung Negara,  
Tempat rakyat berlindung diri.*

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Aalaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Wamantabihaha Biehsanin Ila Wau Mitdeen, Laa Haula Wala Quwwata Illa Billahil Aliyil Aziem, Rabbish Rahli

Sadri, Waya sirli Amri, Wahlu Uqdatam millisani, Yafqahu qauli.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Hadirin yang dimuliakan dan dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mewakili Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong, turut serta menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Maka dengan ini, kaola sebagai wakil Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan Baginda dan seterusnya menyempurnakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan pada 14 Rabiulakhir 1434 Hijrah bersamaan dengan 7 Mac 2013.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dan rakan dari kalangan Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua pada tahun ini dapat menghadirkan diri di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Kaola dan rakan kaola dari Daerah Tutong akan cuba sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana dalam

titah Baginda dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan pada 7 Mac 2013 yang menyentuh tentang peranan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik supaya dapat mengusulkan cadangan-cadangan yang dapat membantu ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kepentingan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk masalah-masalah sosial ekonomi, pendidikan, kesihatan, keagamaan dan keselamatan yang menjurus kepada pembangunan rakyat dan pembangunan Negara dan tidak ketinggalan mengenai isu-isu ekonomi global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah Baginda juga menyentuh mengenai masalah sosial terutama soal keselamatan berkaitan dengan jenayah dalam Negara yang perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Kaola dan rakan mencadangkan supaya Pos Polis di setiap mukim dan kampung ditambah keanggotaannya agar rondaan dan pemantauan dapat sentiasa dijalankan terutama pada waktu malam dan dapatlah kiranya keanggotaan polis ini dibekalkan dengan motosikal atau skuter agar dapat memasuki jalan-jalan kecil. Selain dari itu, pihak yang berkuasa haruslah mengambil tindakan cepat apabila ada aduan orang ramai mengenai kejadian jenayah di kawasan mereka. Selain dari itu, diadakan pemasangan CCTV di kawasan-kawasan strategik bagi melindungi orang ramai terutama sekali kaum wanita dan kanak-kanak dari mangsa ragut, rompak dan pencabulan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga menyentuh mengenai dengan pendidikan yang boleh ditafsirkan sebagai

pengurusan sumber tenaga manusia yang perlu dipertingkatkan dengan luas. Untuk menghubungkan kait titah Baginda pada 7 Mac 2013 itu, kaola memetik titah Baginda sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang ke-23 pada 23 Februari 2007 iaitu antara lain Baginda bertitah:

*"...kita perlu melihat selaku sebuah Negara kecil dengan sumbernya yang terhad sudah tentu memerlukan tenaga-tenaga yang inovatif untuk mengurus sumber tersebut. Hanya dengan ini saja kita akan mampu mengekalkannya serta juga mengadakan nilai tambah yang diperlukan oleh Negara..."*

Tafsiran kaola, mengekalkan dan nilai tambahan adalah bermaksud mengekalkan sumber yang sedia ada, umpamanya memelihara sumber minyak dan gas, mengekalkan sumber hutan, sungai dan laut dan lain-lain sumber di dalam bumi Brunei yang dicintai ini.

Dengan adanya kepakaran iaitu hasil pengurusan sumber tenaga manusia yang baik maka Negara kita dapat melaksanakan nilai tambah dari sumber-sumber yang sedia ada. Adalah dicadangkan supaya Kementerian Pendidikan ataupun agensi-agensi yang berkaitan berganding bahu melakarkan Program Pendidikan Kemahiran dalam bidang-bidang yang berkenaan kalau belum ada. Jika sudah ada dipertingkatkan lagi umpamanya dikhususkan beberapa orang belia atau kanak-kanak untuk menjalani bidang-bidang yang berkenaan hingga ke tahap maksima sehingga mereka boleh menghasilkan beberapa produk peringkat tinggi.

Di Negara ini selain dari Kampung Wasan di Daerah Brunei Muara dan Perdayan di Daerah Temburong terdapat di kawasan pedalaman seperti Mukim Ukong, Mukim Rambai di Daerah Tutong, Labi dan Kuala Balai di Daerah Belait adalah mempunyai tanah subur yang luas yang boleh dimajukan untuk tanaman padi. Harapan kita sebagai rakyat agar Negara ini dapat menghasilkan beras yang mencukupi untuk sara diri menjelang 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, isu kesihatan juga telah disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam menangani masalah kesihatan, berbagai-bagai promosi kesihatan telah dilancarkan dan dilaksanakan sama ada di peringkat mukim dan kampung mahu pun peringkat Negara. Umpamanya, larian, *walkaton*, berbasikal, sukan dalam dewan dan termasuk kempen pemeriksaan kesihatan.

Kini semua peringkat ghairah sehingga ada yang mengurangkan pengambilan makanan dan malah langsung tidak menjamah makanan kerana fobia kegemukan dan takut terhadap dihinggapinya penyakit. Hal ini adalah trend baru tetapi membahayakan diri sendiri kerana kurang pengetahuan bagaimana sukat-sukat umur dan keupayaan diri.

Oleh itu, adalah dicadangkan supaya Kementerian Kesihatan menerbitkan panduan atau menyebarkan pengetahuan mengenai perkara ini untuk mengelakkan terjadinya kemalangan dan kematian semasa menjalani aktiviti-aktiviti sukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga menyentuh mengenai dengan keagamaan. Dalam hal ini, perlunya ada pendidikan awal tentang meningkatkan kesedaran dan keyakinan beragama Islam. Jangan hanya menyebut di bibir saja diri orang Islam kerana ibu bapa orang Islam. Perintah Pendidikan Wajib dilaksanakan mulai tahun ini adalah bertepatan sekali. Dengan sendirinya mulai umur wajib bersekolah dari peringkat kanak-kanak maka akan memperkukuhkan penerapan dan penghayatan ugama Islam dalam diri individu kanak-kanak itu nanti hinggalah ia dewasa dan jika semua penjawat awam yang mempunyai penghayatan Islam dan keimanan yang kukuh maka dalam tugas dan tanggungjawab dalam perkhidmatannya adalah akan berlaku jujur dan amanah. Maka pendidikan awal kanak-kanak dalam penghayatan beragama ibarat pepatah "jika melentur buluh biarlah dari rebungannya".

Mereka yang masih muda berumur lima tahun masa kini akan bakal menjadi penjawat awam apabila berumur 27 tahun yang akan memenuhi hasrat Wawasan Negara 2035. Maka untuk memenuhi hasrat ini, adalah dicadangkan Kurikulum Pendidikan Sekolah Ugama supaya ada penerapan Islam dalam penjawat awam bermula dari sekolah rendah dengan mendidik kanak-kanak bagaimana berurusan pejabat dalam Islam, kewangan dalam Islam, pentadbiran dalam Islam dan lain-lain yang berkaitan. Hal ini memang sulit rasanya untuk dilaksanakan tetapi kalau ada kerjasama dari semua agensi yang berkenaan, misalnya menerusi nasihat atau pandangan dari Jabatan Pengajian Islam, Pendidikan dan Pusat Pengajian Tinggi mungkin ianya boleh direalisasikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, akhirnya kaola dan rakan mewakili Daerah Tutong menghadapkan junjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan Baginda dalam menghapuskan Cukai Harta Pusaka. Di sini jelas keprihatinan Baginda dalam membantu dan meringankan bebanan bagi kesejahteraan rakyat.

Sekian sahaja dari pemikiran kaola bersama rakan dari Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong dan mengharapkan cadangan-cadangan yang tidak seberapa itu supaya dapat diusahakan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Aalaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, yang kaola hormati sekalian.

Kaola dan juga teman Yang Berhormat wakil penduduk-penduduk Zon 1 dan 2 Daerah Belait dengan hati yang tulus ikhlas sukacita merapak sembah dan menyokong sepenuhnya akan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia

(Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan dalam menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan pada hari Khamis, 7 Mac 2013 semalam dan seterusnya Baginda bermurah hati mengurniakan titah di Dewan Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Abis kaola mewakili teman Yang Berhormat dari Daerah Belait dan juga rakyat di Daerah Belait dengan amat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas perkenan Baginda menganugerahkan bagi Cukai Harta Pusaka ditiadakan mulai 1 Januari 2013 termasuklah juga mana-mana Cukai Harta Pusaka yang masih tertunggak dihapus dari kira-kira. Ini sesungguhnya mencerminkan betapa kasihnya dan prihatinnya Baginda terhadap kesusahan rakyat Baginda.

Di kesempatan ini, kaola menyarankan dan menasihatkan supaya rakyat sewajarnya bersyukur dan berterima kasih di atas pengurniaan Baginda yang sungguh berharga dan bermakna ini. Sesungguhnya abis kaola juga amat menjunjung tinggi di atas teguran dan saranan Baginda untuk semua Ahli-Ahli Yang Dilantik memberikan *input-input* yang berbentuk buah fikiran dan pandangan terhadap pelbagai projek pembangunan Negara di mana sebanyak \$6.5 bilion telah pun diperuntukkan untuk Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 semata-mata untuk kesejahteraan rakyat.

Segala teguran dan saranan positif dalam titah Baginda itu abis kaola menerima dengan hati dan minda yang terbuka. Insyallah abis kaola dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan sedaya upaya berusaha ke arah menumpukan dan menyumbang buah fikiran dan pandangan di dalam semua aspek yang disebutkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah Baginda semalam, bukan sahaja di dalam Dewan ini bahkan di luar Dewan juga, semampunya dengan bantuan dan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan dalam Kerajaan ke arah merealisasikan hasrat Baginda yang murni itu untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai sebuah institusi yang sangat dihormati.

Akhirnya, abis kaola menaruh harapan apa-apa jua pandangan dan cadangan yang abis kaola ajukan di Dewan yang mulia ini supaya akan dapat diambil perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Demikian juga pada pihak media massa sama ada media Kerajaan mahupun media swasta akan dapat memainkan peranan mereka untuk menyebarkan sepenuhnya segala buah fikiran dan pandangan yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Dilantik di Dewan yang mulia ini untuk pandangan dan disebarluaskan sepenuhnya kepada rakyat Negara Brunei Darussalam supaya mereka mengetahui akan perkembangan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Dan seterusnya abis kaola berdoa semoga Negara Brunei Darussalam akan kekal menjadi sebuah negara "Baldatun Tayyibatun Warrabbun Ghafur" dan apa

juga perancangan Kerajaan ke arah kesejahteraan semua rakyat akan dimakbulkan dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Aalaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan ketentuan-Nya jua maka kaola dapat berada di Persidangan Majlis yang mulia ini, untuk menggabungkan diri kaola dalam menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan hati yang penuh ikhlas bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, di atas keberangkatan Baginda di Dewan Majlis yang indah ini pada hari Khamis, 24 Rabiulakhir 1434 bersamaan 7 Mac 2013 Masihi, sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan, Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya Baginda mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sukacita izinkan kaola menyampaikan salah satu petikan perenggan kurnia titah Baginda:

*"...maka bersabit itu, tidakkah tepat pada masanya untuk mereka itu mesti sama-sama memberikan pandangan? Berikanlah pandangan, misalnya, bagaimanakah cara untuk meningkatkan lagi pendidikan, memperbaiki taraf kesihatan, mengatasi pengangguran, memajukan pelaburan, pelancongan, pertanian, perikanan dan alam sekitar?..."*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada mendukung akan titah Baginda yang tinggi nilainya itu, sumbangan pandangan bagi peningkatan prasarana dan usaha-usaha ekonomi yang sedia ada. Pada hemat kaola, di Dewan yang mulia ini yang amat sesuai untuk kita mengongsikan pandangan-pandangan dalam bentuk konsep itu boleh dikembangkan menjadi satu *Master Plan* atau sekurang-kurangnya menjadi kertas-kertas kerja, projek peringkat zon-zon atau daerah-daerah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mudah-mudahan di Dewan yang mulia lagi indah ini, harapan kaola agar di permesyuaratan musim ini adalah ruang untuk membincangkan satu kaedah yang mungkin diperlukan bagaimana caranya menangani pandangan-pandangan yang

terunggul untuk dinilai yang paling berpotensi untuk dikembangmajukan. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah di pihak Yang Berhormat Menteri-Menteri ingin mahu membuat apa-apa kenyataan. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Ala Umuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalamu 'Aalaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekaliannya. Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, bagi menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan dan atas kurnia Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan, Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung semalam pada hari Khamis, 7 Mac 2013.



Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, dalam titah Baginda di majlis tersebut antara lain Baginda bertitah:

*"...Lebih-lebih lagi, sejak lima tahun kebelakangan ini, dunia kita terus dibayangi oleh pergolakan ekonomi global, yang dikhuatiri mungkin, dapat menjejaskan kehidupan rakyat dan penduduk, walaupun, pihak Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pada akhir-akhir ini, telah melahirkan sentimen lebih positif terhadap situasi ekonomi dunia. Namun pada pengamatan Beta, kedudukan fiskal, sistem kewangan dan ekonomi di beberapa buah negara utama dunia masih saja terus bermasalah, masih terus teruji..."*

Titah ini menunjukkan betapa jauhnya pandangan dan kritisnya pemikiran Baginda terhadap kedudukan kewangan dan ekonomi tempatan serantau dan antarabangsa yang memerlukan supaya kita lebih berhati-hati dan berusaha lebih gigih ke arah mengukuhkan sistem kewangan dan ekonomi negara kita. Kita juga menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas titah Baginda berbunyi:

*"...Begitu juga, untuk tujuan menggalakkan pelaburan dalam negara, Beta telah memperkenankan bagi cukai harta pusaka (Estate Duty) ditiadakan mulai 1 Januari 2013. Ini termasuk juga mana-mana cukai harta pusaka yang masih tertunggak, akan turut dihapuskan dari kira-kira..."*

Cantiknya titah ini bukan sahaja akan menarik perhatian para pelabur untuk melabur di Negara ini tetapi juga kerana ia berlandaskan kepada hukum syarak. Hukum syarak tidak membolehkan harta pusaka dicukai. Harta pusaka adalah milik

waris orang yang telah meninggal dunia, kecuali jika si mati meninggalkan hutang piutang yang mana perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Dari titah Baginda itu menggambarkan bahawa Baginda bukan sahaja mementingkan aspek ekonomi dan duniawi, malah juga menitikberatkan aspek-aspek ukhrawi. Baginda selalu ingin supaya kedua-duanya dapat berjalan seiring, seimbang. Itulah gaya kepimpinan Baginda yang membawa kita di Negara ini dapat menikmati kemakmuran dan keamanan serta ketenangan dan keselesaan, dengan berkah dan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua. Baginda telah berkali-kali mengulangi keazaman Baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Keazaman ini telah Baginda buktikan dengan pengisytiharan beberapa peraturan dan undang-undang yang menjunjung Islam sebagai cara hidup, dan dengan keazaman Baginda itulah dan juga kerja keras semua pihak yang terlibat, kita telah melihat Negara kita mengukir sejarah apabila Baginda dengan penuh tawaduk telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, yang mana kita sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berasa bersyukur dan berbangga serta menyambut baik berita ini. Drafnya telah pun selesai penggubalannya. Ini adalah dengan kerjasama erat dari pihak Majlis Ugama Islam, Jabatan Peguam Negara dan Unit Perundangan Islam. Mengiringi Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ialah Draf Perintah Kanun Peraturan Jenayah Syariah atau ringkasnya (CPC Syariah)

yang pada masa ini dalam penelitian dan pembacaan yang kali kedua oleh Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam. Kepentingan CPC Syariah atau peraturan ini ialah bagi memudahkan pelaksanaan Perintah Kanun Peraturan Hukuman Jenayah Syariah itu nanti. Sejarah yang tidak kurang pentingnya juga ialah titah Baginda yang memperkenankan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 untuk dilaksanakan pada awal tahun 2013.

Dengan penuh kegigihan dan semangat yang tinggi, pegawai-pegawai yang terlibat dari Jabatan Pengajian Islam, Unit Perundangan Islam, Jabatan Peguam Negara dan dengan kerjasama penuh dari orang ramai khususnya ibu bapa, perkara ini telah berjalan dengan baik dan dapat direalisasikan. Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah membuat perancangan sebelum perintah ini mula berkuat kuasa dan menjalankan tinjauan dan kajian awal sebagai persediaan dalam memastikan kelas-kelas, buku-buku teks dan juga guru-guru ugama adalah mencukupi.

Memang diakui telah ada sedikit kekecohan pada permulaannya, ini terjadi disebabkan terdapat setengah ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka di sekolah-sekolah tertentu bukan mengikut tadahan.

Perkara ini menyebabkan pelajar-pelajar sekolah melebihi kapasiti sepatutnya dan menjejaskan keselesaan dan sistem pengajaran dan pembelajaran. Insya-Allah perkara ini akan diatasi di masa akan datang dan meminta kerjasama penuh para ibu bapa demi untuk mencapai kualiti pendidikan ugama yang sempurna yang kita inginkan dan harapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, satu lagi sejarah besar dalam pemerintahan Negara dan perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam ialah titah Baginda bagi menutup sementara premis-premis perniagaan sebagaimana dalam titah Baginda baru-baru ini yang berbunyi:

*"...Salah satu contoh paling tepat lagi mustahak untuk disegerakan dalam perkara membaiki imej bandar dan malah Negara seluruhnya ialah pada hari Jumaat di waktu atau jam yang bersesuaian semua premis perniagaan bisai tah ditutup buat sementara waktu sehingga selesai menunaikan sembahyang fardu Jumaat..."*

Penutupan ini bukan saja demi menjaga imej Negara, sebagai sebuah Negara Islam sesuai sifatnya selaku bumi Negara Zikir dan Negara MIB bahkan juga bagi menjunjung syariat dan menepati tuntutan syarak untuk dilaksanakan.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 9 hingga 10:

Bismillahir Rahmanir Rahim,

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا نُوْدِيَ لِلصَّلٰوةِ مِنْ يَّوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا  
 اِلَى ذِكْرِ اللّٰهِ وَذَرُوْا الْبَيْعَ ۗ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٩﴾  
 فَاِذَا قُضِيَتِ الصَّلٰوةُ فَانْتَشِرُوْا فِى الْاَرْضِ وَابْتَغُوْا مِنْ فَضْلِ اللّٰهِ  
 وَاذْكُرُوْا اللّٰهَ كَبِيْرًا لَّعَلَّكُمْ تَفْلِحُوْنَ ﴿١٠﴾

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui. Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka

bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia Allah. Dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung.”

Kita telah melihat kesan positif dari perintah penutupan sementara ini. Jemaah pada waktu sembahyang fardu Jumaat bertambah ramai, maka apabila bertambahnya jemaah, ada di antara masjid-masjid yang memerlukan ruangan tambahan bagi menampung pertambahan ini. Dalam hal ini, kaola dan pegawai-pegawai kaola telah turun padang bagi memantau keadaan masjid-masjid dan mengalinga kebajikan para jemaahnya. Sebagai langkah sementara, masjid-masjid yang telah dikenal pasti limpar dengan jemaah, telah dinasihatkan untuk mengoptimalkan ruang-ruang yang ada seperti bilik jemaah perempuan, perpustakaan yang kosong dan seumpamanya, supaya pegawai-pegawai masjid menggunakan kebijaksanaan mereka untuk mengatur kehadiran para jemaah di masjid-masjid.

Pada masa yang sama, usaha-usaha ke arah penaiktarafan masjid-masjid yang memerlukan dan pembinaan masjid-masjid baharu telah dirancang dan dilaksanakan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun memperkenankan peruntukan lebih \$100 juta bagi pembinaan masjid-masjid baru. Selain itu, kerja-kerja bagi meningkatkan syiar Islam melalui reka bentuk masjid juga sedang giat dilaksanakan dan diusahakan.

Sehubungan dengan itu, walaupun Kerajaan telah memberikan peruntukan khusus bagi pembinaan dan penaiktarafan masjid-masjid, penglibatan orang ramai yang juga turut menyumbang kepada

pembinaan masjid di Negara ini seperti secara berwakaf adalah dialu-alukan.

Alhamdulillah, syiar Islam di Negara ini semakin menyerlah. Sikap prihatin orang ramai dalam memastikan Negara yang kita cintai ini sentiasa berada dalam kemakmuran dan dalam lindungan dan rahmat Allah Ta'ala, menjadikan kita sentiasa peka dan menjauhi akan perkara-perkara yang boleh merosakkan Negara kita dan mencemarkan kesucian ugama.

Pada tahun 2012, peningkatan penggunaan Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam yang berdaftar telah melonjak naik iaitu bagi restoran sebanyak 114 buah, berbanding 2 buah restoran pada tahun 2011. Manakala produk makanan pula meningkat dari 168 produk pada tahun 2011 kepada 565 produk pada tahun 2012. Bagi Sijil Penyembelihan Halal, 22 permohonan pada tahun 2011, kepada 24 permohonan pada tahun 2012.

Menjelang tahun 2014, kita berharap lebih banyak lagi produk dan restoran yang memiliki label dan Sijil Halal, bila mana Sijil Halal, yang pada dasarnya bersifat *voluntary* menjadi *cumpolsary* kerana ia menjadi pra-syarat bagi permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan yang melibatkan makanan orang Islam.

Terbaharu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Kementerian Perhubungan telah bergabung dalam memperkenalkan teknologi *RFID* Halal. Dengan kecanggihan teknologi, kita sudah boleh mendapatkan kesahihan dan maklumat kehalalan bagi daging-daging mentah seperti tarikh penyembelihan, nama pembekal, sumber daging, bahan

makanan dan sebagainya, melalui sistem pengenalan *frequency radio* atau *RFID*. Dan melaluinya juga, pengusaha boleh mendapatkan pengesahan pelbagai maklumat terperinci untuk produk halal tempatan sekaligus membantu pihak penguatkuasa untuk memastikan kesahihan Logo Halal Brunei yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada peringkat permulaan, projek perintis ini dilaksanakan hanya digunakan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Rumah Penjualan di *Golden Chick Abattoir*, Syarikat BMC dan Gedung Perniagaan Hua Ho Tanjung Bunut. Kita berharap projek ini akan berjaya dan tidak akan membebankan para pengguna dengan kos aplikasinya apabila ianya digunakan secara meluas nanti.

Apa yang penting ialah, kita ada usaha untuk memastikan permakanan kita halal sekalipun banyak cabaran yang dihadapi. Kita juga bersyukur dengan kepekaan orang Islam di Negara ini dalam menjaga permakanan. Kerana itu Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil sikap proaktif, sekalipun dengan peruntukan perundangan yang terbatas, kita sentiasa membuat pemantauan dan berusaha memastikan agar makanan dan bahan gunaan bagi orang Islam di Negara ini terjamin halal dan suci.

Hasil dari aduan orang ramai, beberapa kes makanan yang diragui kehalalannya telah dibuat ujian dan pemeriksaan dengan usaha Pusat Sains Halal, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan. Sebagai contoh, hasil daripada ujian dan pemeriksaan itu, makanya didapati

produk import daging dalam tin dari negeri China berjenama *Greatwall* positif mengandungi unsur khinzir yang mana masyarakat Islam telah dinasihatkan untuk jangan memakannya dan peniaga dinasihatkan supaya meletakkannya di ruang *non-halal food*.

Demikianlah kita berdoa dan berharap dengan usaha-usaha seperti yang disebutkan di atas tadi dan tentunya banyak lagi yang akan diusahakan kita mendapat keredhaan Allah dan Negara kita ini menjadi Negara Islam yang sejati, aman sejahtera dan harmoni.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian dahulu Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Maka oleh kerana banyak ahli telah menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu, saya meminta Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengundi Usul ini. Adakah semua bersetuju?

#### **(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih. Dengan persetujuan Ahli-Ahli Yang Berhormat maka Usul ini iaitu Usul untuk menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu sekarang diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan hari ini ialah hari Jumaat maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan kepada hari esok iaitu hari Sabtu 9 Mac 2013 jam 9.30 pagi. Sekian terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## DEWAN MAJLIS

**Sabtu, 26 Rabiulakhir 1434 / 9 Mac 2013**

### **YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

#### **YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI- MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.



Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara iaitu hari yang ketiga disambung semula didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar `Ali Saifuddien)

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat pagi.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari kelmarin Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah bersidang bagi hari kedua dan telah meluluskan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara mendahulukan Perkara VI, Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perkara VII, Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 dan seterusnya perenggan-perenggan daripada Perkara VIII.

Alhamdulillah, persidangan telah meluluskan Perkara VI, Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sekarang disambung semula untuk

membincangkan perkara-perkara seterusnya. Sekian terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Perkara yang ke VII, Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya kaola memohon izin mengemukakan bagi pihak Menteri Kewangan satu Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" untuk bacaan kali pertama. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" bolehlah dibaca bagi kali yang pertama.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan

2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin bagi memaklumkan pada Majlis ini, bahawa kaola mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**", pada mesyuarat hari ini jua.

Oleh kerana kaola bercadang hendak membawa bacaan yang kedua dan ketiga akan Rang Undang-Undang tersebut ini pada hari ini jua, maka kaola memohon kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantungkan Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya dibolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini. Permohonan kaola ini adalah semata-mata untuk membolehkan Majlis ini memudahkan kerja-kerjanya dengan lebih licin lagi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah saya mendengar alasan-alasan dan keterangan serta sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri itu, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantungkan bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari**

**Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas izin Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **“Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun kewangan 2013/2014 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu”** dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu Wassalamu 'Aalaa Asyrafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.  
Rabbish rahli sadri, Wayassirli amri,  
Wahlul uqdatam millisani, Yafqahu qauli.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.**

1. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah **“Untuk membenarkan pengeluaran, sejumlah Enam Ribu, Satu Ratus Juta Ringgit Brunei (B\$6,100,000,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan, bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014, dan untuk**

**memperuntukkannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual”**. Dalam berbuat demikian, kaola memohon izin bagi menghuraikan secara ringkas mengenai perkembangan semasa ekonomi Negara dan jua global, cabaran-cabaran masa depan dan impaknya terhadap sosio-ekonomi Negara ini.

2. Insya-Allah, kaola juga akan mengongsikan antara lain, keutamaan-keutamaan dan tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 yang akan datang ini.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua,**

3. Alhamdulillah, pada tahun 2011, ekonomi Negara terus berkembang pada kadar 2.2%,. Pertumbuhan sektor bukan minyak dan gas adalah lebih kukuh sebanyak 3.5%, berbanding peningkatan sebanyak 3.0% pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, dalam tempoh yang sama, pertumbuhan Sektor Minyak dan Gas telah menurun kepada 0.7% berbanding pertumbuhan sebelumnya sebanyak 2.2%.

4. Dalam pada itu, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2011, pada harga semasa, terus meningkat sebanyak 22.0% kepada \$20.6 bilion. Peningkatan ini disumbang oleh Sektor Bukan Minyak dan Gas yang telah mencatatkan pertumbuhan positif dan lebih mantap sebanyak 4.3% (\$6.7 bilion), berbanding peningkatan sebanyak 3.8% pada tahun sebelumnya.

Penyumbang terbesar kepada Sektor Bukan Minyak Dan Gas ini ialah Aktiviti Perkhidmatan dengan kadar sumbangan sebanyak \$5.7 bilion atau 27.7% daripada KDNK. Ini diikuti dengan Aktiviti Industri

yang menyumbangkan \$826.1 juta atau 4.0% daripada KDNK. Bagi sektor pertanian, perhutanan dan perikanan pula, walaupun sumbangannya kepada KDNK adalah kecil sebanyak 0.6% pada tahun 2011, namun sektor ini telah mampu mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 2.9%, berbanding penurunan sebanyak 9.7% pada tahun 2010. Manakala itu, Sektor Minyak Dan Gas menyumbang \$13.9 bilion atau 67.7% daripada KDNK pada tahun 2011.

5. Negara juga terus menerima kemasukan Pelaburan Langsung Asing berjumlah \$1.5 bilion pada tahun 2011, iaitu peningkatan lebih kukuh sebanyak 78.2%, berbanding 57.9% pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, hanya 8.6% dari jumlah tersebut atau sebanyak \$129.9 juta adalah bagi Sektor Bukan Minyak Dan Gas. Jumlah perdagangan Negara juga telah mencatatkan perkembangan positif, iaitu meningkat sebanyak 25.1% kepada \$19.3 bilion. Hasil eksport Negara telah mencatatkan pertumbuhan lebih mantap dalam tahun 2011 sebanyak 29.1% kepada \$15.6 bilion, berbanding peningkatan sebanyak 16.1% pada tahun sebelumnya. Majoriti eksport tersebut adalah disumbangkan oleh pertumbuhan eksport produk petroleum dan gas cecair asli. Nilai eksport methanol, yang telah bermula pada bulan Mei 2010, juga telah meningkat pada kadar 80.4% kepada \$231.8 juta pada tahun 2011.

6. Meskipun usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti perekonomian Negara terus giat dilaksanakan, peratus sumbangan eksport bukan minyak dan gas masih di tahap minimal. Namun demikian, peningkatan ketara telah mampu dicatatkan. Contohnya, eksport makanan,

minuman dan binatang hidup telah terus berkembang pada kadar 31.0% dalam tahun 2011. Eksport barang-barang keluaran pembuatan; jentera dan kelengkapan pengangkutan juga mencatatkan pertumbuhan berterusan sebanyak 26.0% kepada \$339.8 juta. Nilai keseluruhan eksport bukan minyak dan gas yang masih minima ini menunjukkan akan peri mustahaknya usaha-usaha bagi mempelbagaikan aktiviti perekonomian Negara ini dilipatgandakan bagi mencapai sasaran Wawasan Brunei 2035.

7. Import Negara pula turut mencatatkan peningkatan sebanyak 10.4% kepada \$3.7 bilion. Import ini meliputi barangan industri seperti mesin perindustrian; simen dan bahan-bahan binaan; jentera dan perkakas pertanian; dan mesin pembuat logam. Trend ini menunjukkan permintaan domestik yang semakin meningkat, berikutan aktiviti domestik yang semakin rancak, didorong oleh pertumbuhan sektor swasta bukan minyak dan gas yang terus mencatatkan perkembangan yang kukuh.

8. Berikutan daripada beberapa langkah Kerajaan seperti Jualan Salebration dan Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, perkembangan harga di Negara ini terus terkawal. Kadar inflasi pengguna dicatat di tahap yang sederhana sebanyak 2.0% pada tahun 2011. Langkah-langkah Kerajaan yang lain, seperti menganjurkan karnival peluang pekerjaan di sektor swasta dan juga program peningkatan kapasiti penuntut lepasan sekolah, telah memberi kesan positif dalam usaha Kerajaan menangani isu pencari pekerjaan di Negara ini.

9. Bagi tahun 2012, walaupun dengan keadaan ekonomi global yang mencabar, Negara masih dijangka mampu untuk mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif. Inflasi pengguna pula terkawal pada kadar 0.5% bagi tempoh yang sama. Dengan ini, pertumbuhan ekonomi Negara bagi tahun 2012 dijangka berkembang pada kadar 0.7%. Pertumbuhan ini akan terus diterajui oleh Sektor Bukan Minyak Dan Gas yang dijangka meningkat sebanyak 4.0%, manakala Sektor Minyak Dan Gas pula dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif 3.2%.

10. Bagi tahun 2013, prestasi ekonomi dunia diramal terus lemah dan dibayangi ketidakpastian. Unjuran yang dikeluarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa ataupun *International Monetary Fund (IMF)* mengenai perkembangan ekonomi dunia telah dikemaskinikan menurun berbanding unjuran-unjuran awal. Misalnya, pertumbuhan ekonomi dunia diramal hanya berkembang pada kadar 3.6% berbanding unjuran awal 3.9% yang dikeluarkan pada bulan Julai 2012. Perdagangan global pula hanya dijangkakan berkembang pada kadar 4.5% berbanding unjuran awal sebanyak 5.1%. Krisis hutang Zon Euro dan hutang di negara-negara maju masih belum menunjukkan tanda-tanda akan berakhir.

11. Bagi ekonomi Negara Brunei Darussalam dalam tahun 2013 ini, ianya akan terus bergantung kepada beberapa faktor utama. Ini antara lainnya termasuk keadaan ekonomi global; tahap permintaan minyak dunia; kadar pengeluaran minyak dan gas Negara; dan perbelanjaan-perbelanjaan dan pelaburan oleh sektor Kerajaan dan swasta. Dengan mengambilkira faktor-faktor ini, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, mengunjurkan

ekonomi Negara akan tumbuh pada kadar sebanyak 2.3% bagi tahun 2013, yang akan diterajui oleh sektor bukan minyak dan gas, yang dijangka akan berkembang sebanyak 3.0%.

12. Bagi Tahun Kewangan 2012/2013, Negara telah berhadapan dengan situasi di mana purata harga minyak serta kadar pengeluaran minyak Negara mengalami penurunan berbanding yang dicatatkan pada Tahun Kewangan sebelumnya. Keadaan ini, yang turut dibayangi oleh kenaikan perbelanjaan Kerajaan, sedikit sebanyak telah menjejaskan kedudukanimbangan fiskal Kerajaan.

13. Dengan prospek ekonomi global dan juga domestik seperti yang dibentangkan tadi, serta senario hasil bagi sektor minyak dan gas, Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2013/2014, adalah diunjur berjumlah **\$5,791,931,000.00** (Lima Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Satu Juta, Sembilan Ratus Tiga Puluh Satu Ribu Ringgit Brunei). Unjuran ini mengambilkira hasil daripada Sektor Minyak Dan Gas dianggarkan sebanyak \$4,999.35 juta ataupun kira-kira 86.3%; dan Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak \$792.58 juta (hanya 13.7%) dari keseluruhan hasil. Jumlah ini adalah menurun sebanyak \$496.0 juta berbanding anggaran hasil bagi Tahun Kewangan 2012/2013.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.**

14. Alhamdulillah, walaupun di sebalik pergolakan dan cabaran-cabaran yang dihadapi dunia masa kini, Negara kita masih terus mampu untuk mencapai perkembangan yang positif. Di sepanjang tahun 2012 yang lalu, Negara kita terus menikmati keamanan, kemakmuran serta

kestabilan yang menggambarkan tahap kualiti hidup yang tinggi. Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat daulat serta kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan telah dapat melaksanakan projek-projek pembangunan yang melibatkan pembinaan-pembinaan kemudahan dan juga keperluan-keperluan asas seperti perumahan, sekolah-sekolah dan lain-lain prasarana.

15. Sepertimana yang kita sedia maklum, Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar berhemat dalam pengurusan kewangannya. Dasar '*Fiscal Sustainability*' yang diamalkan, menghendaki Kerajaan berbelanja secara terancang, menurut keutamaan dan mengikut kemampuannya. Dengan dasar inilah, Alhamdulillah, Negara kita berupaya menghadapi situasi ekonomi masa kini secara berkesan (*resilient*), walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal. Kekukuhan kewangan Negara juga membolehkan Kerajaan meneruskan perancangan dan pelaksanaan projek, serta usaha-usaha dalam meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini.

16. Oleh itu, Negara amat memerlukan ekonomi yang dinamik, yang dapat berdaya tahan dan mendukung pertumbuhan Negara secara mampan (*sustainable*). Bagi mencapai hasrat ini, ianya akan banyak bergantung kepada faktor 'modal insan' atau *human capital*. Dengan kemurahan rezeki dan rahmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara ini, serta keprihatinan, *forward looking*, dan kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah, akan terus berupaya untuk melahirkan rakyat dan penduduk yang berperibadi tinggi, beriman, dinamik, berilmu dan berwawasan.

17. Dalam konteks ini, perancangan dan usaha-usaha bersesuaian akan dilaksanakan untuk memperkasa dan mempersiapkan golongan belia Negara ini. Usaha-usaha meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan jati diri, para belia Negara, akan diteruskan dan dipergiatkan sebagai satu keutamaan. Sebagai golongan pelapis, para belia dihasratkan akan meneruskan dan menerajui pelaksanaan program-program pengukuhan sosio-ekonomi yang telah dirancang bagi menepati sasaran Wawasan Brunei 2035. Mengambil kira hasrat murni ini, dan peranan penting belia dalam menjana aktiviti sosio-ekonomi negara, maka cadangan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini telah digubal dengan Tema "**Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Negara yang Berdaya Tahan**". Tema ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap peranan penting para belia sebagai penggerak dan peneraju dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara, lebih-lebih lagi dalam konteks Negara Brunei Darussalam di mana golongan belia, merangkumi lebih 47% daripada jumlah penduduk Negara ini.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

18. Berasaskan faktor-faktor yang telah dibentangkan sebentar tadi, anggaran perbelanjaan bagi Tahun Kewangan

2013/2014, termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak **Enam Ribu Satu Ratus Juta Ringgit Brunei (\$6,100,000,000.00) ataupun \$6.1 bilion**. Jumlah ini adalah merupakan **pertambahan sebanyak \$200 juta** berbanding peruntukan bagi Tahun Kewangan 2012/2013. Melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan, ianya diharap akan dapat mencapai matlamat utama Negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dan inklusif. Langkah-langkah ke arah ini antaranya termasuklah dengan meningkatkan pencapaian dalam bidang pendidikan; penekanan kepada perancangan bagi menjana perkembangan belia-belie; menyediakan dan menaik taraf infrastruktur perindustrian; memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); serta memudah cara dan mendukung ekosistem perekonomian, perniagaan dan pelaburan.

19. Oleh itu, selaras jua dengan tema Belanjawan yang disebutkan tadi, tumpuan dan keutamaan perancangan perbelanjaan Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini dijuruskan kepada perkara-perkara berikut:-

- 1) Usaha-usaha bagi meningkatkan kapasiti, terutama belia-belie, dengan menyediakan serta menggalakkan latihan-latihan melalui peningkatan kemudahan dan prasarana pendidikan bagi sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi, termasuk sekolah-sekolah vokasional dan teknikal;
- 2) Pengukuhan Sektor Swasta bagi memacu pertumbuhan ekonomi Negara yang berdayatahan dan inklusif; dan
- 3) Peningkatan kesejahteraan awam termasuk usaha ke arah pembasmian kemiskinan.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua,**

20. Izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan.

#### **Pertama, Peningkatan Kapasiti**

21. Kerajaan menyedari bahawa bagi memastikan pembangunan Negara yang berterusan dengan ekonomi yang dinamik, faktor utamanya ialah modal insan atau *'human capital'* yang kukuh dan lengkap. Untuk itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sentiasa memberi keutamaan kepada pelaburan dalam bidang pendidikan dan latihan di Negara ini. Dan selaras jua dengan konsep Melayu Islam Beraja yang diamalkan di Negara ini, penekanan Kerajaan dalam aspek pendidikan ini bukan saja tertumpu kepada ilmu duniawi, malahan ianya juga meliputi bidang rohani.

22. Sebagai tonggak kepada pembangunan dan kemajuan Negara, Kerajaan menyedari perlunya untuk melabur secara terancang dan bersepadu bagi menghasilkan rakyat dan anggota masyarakat beriman yang dinamik, produktif, berkualiti, berkemahiran serta berwawasan. Ini kerana rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran akan dapat menghasilkan daya cipta, kreativiti dan inovasi yang akan dapat memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan sebanding dengan negara-negara yang telah maju, yang diharapkan akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan. Ke arah itulah, perancangan bagi pembangunan modal insan akan

dilaksanakan secara holistik, yang akan merangkumi aspek pendidikan dan kemahiran. Untuk tujuan ini, beberapa peruntukan disediakan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2013/2014 antara lainnya seperti berikut:

1) Penyediaan beberapa skim di bawah Program Dana Sumber Manusia (HRD) yang mana termasuklah:-

a. **Skim Pembangunan Keupayaan Sumber Tenaga Di Sektor Swasta:**

- Skim ini antara lainnya bertujuan untuk memberikan peluang kepada anak-anak tempatan, di Sektor Swasta, untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dengan mengikuti latihan-latihan, kursus-kursus, pengajian dan sebagainya. Dengan mengikuti latihan-latihan ini, belia-belia akan menjadi lebih *marketable* dan profesional, dan mempunyai peluang yang lebih luas untuk bersaing di alam pekerjaan. Sejak inisiatif ini dilancarkan pada tahun lepas, ianya telah mendapat sambutan yang menggalakkan, di mana 364 biasiswa telah dihulurkan, iaitu:

- 128 orang sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND);
- Seramai 172 orang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Pertama;
- 27 orang dianugerahkan biasiswa pengajian di peringkat Ijazah Sarjana;

- Manakala, 37 orang lagi sedang mengikuti pembelajaran di bawah Sub-Skim Profesional, di institusi-institusi pengajian dalam dan luar negeri.

- Daripada 364 orang yang menerima biasiswa di bawah skim ini, 89.6% adalah pekerja Sektor Bukan Minyak dan Gas, manakala, selebihnya iaitu 10.4% adalah pekerja Sektor Minyak dan Gas.

b. Di bawah Skim Biasiswa Khas pula, sejumlah kira-kira \$23.3 juta akan terus disediakan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini. Sejak Skim ini dilaksanakan pada tahun 2008, Kerajaan telah membelanjakan lebih \$116 juta bagi seramai 559 penerima biasiswa. Biasiswa ini meliputi 123 pelajar bagi peringkat "A" *Level*; 365 penuntut bagi peringkat Ijazah Pertama, 64 orang bagi Ijazah Sarjana, dan 7 orang penerima biasiswa bagi peringkat PhD. Penuntut-penuntut ini kesemuanya belajar di institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara.

c. Skim-skim lain yang dikendalikan di bawah Program Dana Sumber Manusia yang akan diteruskan termasuk:

- **Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional** yang bertujuan memberi peluang kepada penuntut-penuntut lepasan sekolah di peringkat *Ordinary* dan *Advanced Level* untuk meningkatkan tahap pengajian mereka di institusi-institusi



pengajian swasta dalam negeri. Setakat ini, seramai 3,286 pelajar telah diberikan kebenaran untuk mengikuti pengajian di pelbagai peringkat sehingga ke peringkat Higher National Diploma; dan

- **Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP)**, yang bertujuan bagi memberikan insentif kewangan kepada anak tempatan yang telah dilatih dengan kemahiran di sektor swasta untuk terus bekerja di sektor berkenaan. Setakat ini seramai 348 orang telah mengikuti latihan di peringkat latihan kemahiran; 950 orang mengikuti peringkat *on-the-job training*; dan seramai 331 orang telah memperolehi pekerjaan secara tetap.

Sebagaimana juga yang telah kaola bentangkan pada tahun lepas, pada tahun ini, sejumlah \$10 juta juga akan terus dihulurkan kepada ibu bapa atau penjaga penuntut yang bekerja di sektor swasta dan ahli kepada Tabung Amanah Pekerja, bagi membiayai anak mereka mengikuti pendidikan tertiar di institusi-institusi pengajian swasta dalam negeri.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.**

23. Selain dari program-program yang disebutkan tadi, pada tahun kewangan ini, beberapa peruntukan juga akan disediakan bagi memastikan perancangan dan usaha Kerajaan dalam meningkatkan pencapaian penuntut-penuntut sekolah dan belia-belia akan lebih berkesan, terutamanya bagi pendidikan teknikal. Antara peruntukan tersebut termasuklah:

- i. Sejumlah \$1.5 juta disediakan, bagi Kementerian Pendidikan membiayai keperluan latihan dan kursus bagi tenaga-tenaga pengajar dalam aliran teknikal dan vokasional. Pengukuhan pendidikan vokasional dan teknikal ini dihasratkan bagi memastikan belia-belia lepasan sekolah mempunyai kemahiran yang diperlukan dan siap sedia menyertai pasaran pekerjaan. Belia-belia yang mempunyai kemahiran teknikal yang khusus, bukan sahaja akan dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan, malahan yang berminat dan mempunyai semangat keusahawanan akan boleh saja membuka perniagaan sendiri dan menjadi majikan kepada belia-belia yang lain;
- ii. Sebagai tambahan kepada peruntukan yang disediakan di kementerian-kementerian, Kerajaan juga akan menyediakan \$2 juta bagi agensi-agensi Kerajaan yang mengendalikan latihan atau kursus untuk melaksanakan pembelian peralatan-peralatan yang diperlukan bagi meningkatkan lagi tahap latihan atau kursus yang dikendalikan;
- iii. Sebanyak \$20.5 juta disediakan bagi pembelian peralatan pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di Kementerian Pendidikan;
- iv. Manakala peruntukan pembelian peralatan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dinaikkan kepada \$4.82 juta; dan
- v. Peruntukan bagi membiayai perbelanjaan pemberian pembayaran elaun dan biasiswa kepada penuntut-penuntut institusi-institusi pengajian

tinggi di dalam dan luar negara juga akan terus disediakan. Ini antara lainnya meliputi:

- Peruntukan elaun dan biasiswa di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama ditambah \$2.1 juta untuk menjadikannya kepada \$6.3 juta;
- Elaun di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkhiah disediakan sebanyak \$1.46 juta, manakala elaun bagi Sekolah-Sekolah Menengah Arab dinaikkan kepada \$2 juta, iaitu pertambahan sebanyak \$1 juta; dan
- Di bawah Kementerian Pendidikan, Elaun Penuntut keseluruhannya bertambah \$4.8 juta menjadikannya kepada \$20.7 juta, manakala peruntukan Biasiswa terus disediakan sejumlah \$35 juta.

24. Pada masa yang sama, pelbagai inisiatif untuk mendukung usaha pembangunan belia-belia juga akan dilaksanakan. Ini termasuk memperkesakan dan memperbanyakkan lagi program-program pengukuhan jatidiri serta latihan-latihan kemahiran agar peluang-peluang tersebut lebih banyak terbuka (*accessible*) kepada belia-belia. Di antara peruntukan dan inisiatif yang disediakan termasuklah:

- i. Pelancaran Projek Induk Pencapaian Muda (*Junior Achievement*) oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei. Projek ini bertujuan untuk menggalakkan perusahaan melalui inisiatif sumber pembangunan belia. Ianya akan memberikan peluang kepada generasi muda untuk ikut serta dan berjaya dalam ekonomi global

dengan menyediakan kurikulum yang memberi tumpuan kepada keusahawanan, kewangan dan kemahiran bekerja;

- ii. Menyediakan peruntukan sebanyak \$2 juta, iaitu tambahan \$500,000 yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2012/2013, bagi pengendalian Program Khidmat Bakti Negara. Program ini telah berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan belia-belia, yang diharap akan menjadi pemangkin dalam melahirkan belia-belia berdisiplin, beriman, kukuh jati diri, berwawasan dan patriotik;
- iii. Peruntukan baru sebanyak \$1 juta disediakan bagi mendukung Program Belia Berdikari yang akan dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan
- iv. Menyediakan peruntukan sebanyak \$1 juta di bawah Fokus Perbelanjaan bagi mendukung usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menggalakkan belia-belia menyertai Sektor Perniagaan dalam usaha menggalakkan pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Peruntukan ini dihasratkan bagi membantu PKS dalam penyediaan peralatan-peralatan bersesuaian yang diperlukan bagi operasi dan pengendalian perusahaan mereka.

25. Di samping itu, bagi memupuk dan menanam sikap budaya suka membaca terutama di kalangan penuntut-penuntut sekolah dan belia-belia, peruntukan sebanyak \$400,000.00 telah disediakan di

bawah Dewan Bahasa dan Pustaka, khusus bagi membolehkan pembelian buku-buku secara berterusan dan berperancangan untuk perpustakaan di seluruh Negara. Peruntukan juga disokong bagi penambahan beberapa kakitangan bagi meningkatkan keupayaan dan perkhidmatan di perpustakaan-perpustakaan tersebut. Selaras dengan usaha ini, peruntukan sebanyak \$100,000.00 juga disediakan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi membiayai Program-Program Menggalakkan Budaya Membaca, seperti Program Promosi Aktiviti, Publisiti dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kesedaran membaca.

26. Dalam pada itu, Kerajaan juga akan terus menyediakan dan mempertingkatkan taraf infrastruktur-infrastruktur di Negara ini. Ke arah itu, di bawah RKN10, bagi Tahun Kewangan 2013/2014, peruntukan sebanyak \$10.21 juta akan disediakan, dengan harga rancangan \$84 juta, bagi rancangan membina sekolah-sekolah ugama & persediaan Arab; sekolah-sekolah menengah; dan Pusat Tingkatan Enam. Peruntukan \$5.6 juta, dengan Harga Rancangan \$25 juta, juga disediakan bagi Projek Membina Semula Bangunan Sekolah-Sekolah Jenis Sementara dan Sekolah-Sekolah di Kampong Ayer (fasa 1); dan \$4.59 juta dengan harga rancangan \$35.21 juta, untuk kerja-kerja menaik taraf dan pembelian kemudahan-kemudahan di maktab-maktab, institut-institut dan pusat-pusat latihan teknikal dan vokasional.

27. Di samping itu, bagi menambahbaik Sistem Pendidikan Negara selaras dengan dasar pendidikan yang digariskan di dalam Wawasan Brunei 2035, Kerajaan juga

telah melaksanakan beberapa inisiatif baru seperti berikut:

- 1) Pelancaran '*Model Schools*' yang melibatkan tiga buah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah dan sebuah sekolah vokasional, sebagai permulaan. Penubuhan ini adalah selaras dengan keutamaan dasar pendidikan Negara iaitu mewujudkan sekolah kelas pertama dalam pelbagai peringkat, yang akan berupaya melahirkan pakar-pakar, profesional-profesional dan usahawan-usahawan yang berjaya bagi keperluan jangka panjang Negara; dan
- 2) Pelancaran Fasa Kedua Penyelidikan Ke Atas Pembelajaran dan Inovatif Pengajaran, dengan Projek Mendidik dan Memajukan Pedagogi bagi Abad Ke-21 (LEAP 21). Ianya bertujuan antara lainnya untuk mengenal pasti Amalan Terbaik Mengajar (*Best Teaching Practice*) bagi Abad Ke-21 serta mengenalpasti inovasi latihan pengajaran yang boleh mengembangkan kemahiran pelajar dalam mempersiapkan diri menghadapi cabaran Abad Ke-21.

28. Salah satu faktor penting dalam usaha Kerajaan bagi mengukuhkan modal insan di Negara ini, ialah dengan memastikan pendidikan rohani juga berterusan diberikan penekanan yang sewajarnya. Alhamdulillah, dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 telahpun digubal dan diperkenankan untuk berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013, di mana seramai 5,036 pelajar baru telah pun mendaftar untuk bersekolah di Sekolah Ugama seluruh Negara bagi sesi

persekolahan Tahun 2013. Langkah ini, insya-Allah, bukan sahaja akan dapat melahirkan belia yang berpendidikan dan berkemahiran, akan tetapi juga belia-belia beriman, dan berakhlak mulia, yang akan mendukung usaha-usaha pembangunan negara pada masa-masa akan datang. Ke arah itu, penambahan bilangan tenaga pengajar bagi melaksanakan Perintah ini juga telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat menurut keperluan semasa.

29. Bagi meningkatkan lagi perisian tempatan (*local content*) dalam aktiviti perekonomian di Sektor Minyak dan Gas di Negara ini, Jabatan Tenaga Jabatan Perdana Menteri, telah mengambil inisiatif menyediakan Rangka Kerja Kompetensi Industri Tenaga. Rangka kerja ini akan dijadikan sebagai garis pandu di dalam penyediaan kursus dan latihan di sekolah-sekolah vokasional dan teknikal di Negara ini. Inisiatif ini dilaksanakan agar para penuntut lepasan pengajian teknikal dan vokasional akan lebih mudah dan sedia untuk diserapkan ke dalam industri minyak dan gas. Usaha ini diharap akan dapat membantu pengambilan lebih banyak anak-anak tempatan untuk bekerja dengan syarikat-syarikat yang berhubung kait dengan Sektor Minyak dan Gas.

30. Peruntukan-peruntukan peningkatan kapasiti yang telah disediakan dan inisiatif-inisiatif yang telah diungkayahkan ini, insya-Allah, akan memperkesakan lagi usaha-usaha Kerajaan dalam menyediakan belia-belia yang sedia untuk menyertai pasaran pekerjaan, di samping bersedia untuk menghadapi persaingan dan cabaran dalam era globalisasi ini. Adalah juga menjadi harapan Negara, dengan peruntukan dan perbelanjaan

besar yang disediakan bagi keperluan 'membina kapasiti' dan 'human capital' ini, ianya akan melahirkan ramai lagi pakar-pakar, profesional-profesional, dan usahawan atau ahli korporat yang berjaya pada masa-masa hadapan, yang akan memastikan pembangunan Negara secara inklusif dan 'sustainable', insya-Allah.

31. Dalam pada itu, Kerajaan juga secara berterusan akan mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan tahap perkhidmatan dan produktiviti agensi-agensinya. Ke arah itu, peruntukan-peruntukan bagi latihan dan mengikuti kursus jangka pendek dan panjang akan terus disediakan mengikut keperluan dan keutamaan. Bagi latihan-latihan dan kursus-kursus jangka pendek, peruntukan keseluruhan sebanyak \$24 juta akan disediakan bagi membiayai perbelanjaan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti. Manakala bagi membiayai kursus jangka panjang, peruntukan sebanyak \$20.5 juta juga akan disediakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, bagi membiayai Program Latihan Dalam Perkhidmatan. Dalam hal ini, agensi-agensi Kerajaan masing-masing perlulah memastikan perkhidmatan Kerajaan akan memperolehi manfaat yang jelas daripada penghantaran pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

32. Keutamaan belanjawan seterusnya ialah **Pengukuhan Sektor Swasta**. Keutamaan ini adalah selaras dengan dasar dan langkah Kerajaan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi Negara. Ke arah itu, Kerajaan akan terus mengukuhkan perancangan bagi memastikan usaha ini akan dilaksanakan

secara berkesan bagi mencapai objektif tersebut. Pelbagai usaha dan inisiatif sedang dan akan dilaksanakan bagi memudahcara perniagaan di Negara ini. Setakat ini, Alhamdulillah, inisiatif-inisiatif yang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan, telah membolehkan Negara Brunei Darussalam memperbaiki kedudukannya dalam anak tangga Indeks "*Ease of Doing Business*" keluaran *The World Bank*. Bagi tahun 2012, Negara telah ditempatkan di tangga ke-79 dari 183 buah negara. Kedudukan ini meningkat 4 anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Oleh itu, usaha-usaha bagi memperbaiki suasana perekonomian Negara sebagai Negara yang *pro-business* dan *pro-investment*" akan terus dipergiat dan dipertingkatkan lagi.

33. Selaras dengan perancangan dan usaha Kerajaan di bawah keutamaan Belanjawan ini, beberapa peruntukan khusus akan disediakan yang antara lainnya termasuk:

i. Sejumlah \$4 juta disediakan bagi meneruskan kerja-kerja Pemeliharaan dan Peningkatan Taraf Infrastruktur Tapak-Tapak Industri. Peruntukan ini adalah bertambah \$1 juta berbanding peruntukan disediakan bagi Tahun Kewangan 2012/2013.

Demikian juga, peruntukan ada disediakan bagi mendukung kemajuan tapak perindustrian di bawah RKN10. Ini antara lainnya termasuklah peruntukan sebanyak \$498,000.00 dengan Harga Projek \$900,000.00 bagi Kemajuan Tapak Perindustrian Lambak; dan \$105,000.00 dengan Harga Projek \$5.85 juta bagi Kemudahan Infrastruktur dan Perkhidmatan Tapak Perindustrian Pekan Belait. Setakat ini,

kawasan seluas 5,561.0 hektar telah disediakan bagi tapak-tapak industri di Negara ini. Seluas 4,604.6 hektar adalah di bawah pengurusan beberapa agensi Kerajaan termasuk Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; Badan Kemajuan Industri (BINA); Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; dan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan.

Dalam pada itu, di bawah inisiatif Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, dengan usaha sama Lembaga Kemajuan Ekonomi, peruntukan sebanyak \$12.7 juta telah disediakan bagi membiayai kerja-kerja Penyediaan Tapak - Tapak Perindustrian Sektor Minyak dan Gas;

ii. Di bawah RKN10, sejumlah \$51.6 juta diperuntukkan untuk Sektor Perindustrian dan Perdagangan. Ini termasuk \$1.4 juta dengan Harga Rancangan \$100.0 juta bagi Dana Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); \$14.0 juta dengan Harga Rancangan \$116 juta bagi Pembangunan *Agro Technology Park*; \$3.5 juta dengan Harga Rancangan \$13.0 juta bagi Pembangunan dan Promosi Sektor Pelancongan; \$259,000.00 dengan Harga Projek \$988,000.00 bagi Rancangan Pembangunan Koperasi Batu Apoi, Temburong; dan \$595,000.00 dengan Harga Projek \$2.5 juta bagi Promosi Perindustrian dan Perkembangan Keusahawanan;

iii. Di samping itu, melalui inisiatif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, sejumlah \$9.8 juta dengan Harga Rancangan \$60 juta juga disediakan bagi Pembangunan PKS. LKEB juga

akan meneruskan pelaksanaan beberapa inisiatif, antaranya termasuklah:

- Skim Perkembangan Produk dan Perkhidmatan Syarikat Tempatan atau *Local Enterprise Applications and Product Scheme (LEAP)*, yang menyediakan bantuan kewangan sehingga \$150,000.00, bagi membangun prototaip ataupun melaksanakan projek perintis yang mempunyai kandungan teknologi yang inovatif, boleh dikomersilkan dan dieksport. Setakat ini, sebanyak 14 buah syarikat telah menerima bantuan tersebut, dengan penghasilan pelbagai produk inovasi serta penyediaan pekerjaan kepada golongan belia; dan
  - Program pembangunan kemahiran belia, menggunakan dana tajaan Sektor Swasta. Program ini bertujuan untuk membantu golongan belia mencari pekerjaan ataupun memulakan perniagaan masing-masing, dengan menyediakan *micro business grants* dengan jumlah maksima \$2,000.00 setiap seorang. Setakat ini, sejumlah \$240,000.00 telah diluluskan bagi seramai lebih 100 orang belia.
- iv. Peruntukan sebanyak \$5.8 juta juga akan disediakan di bawah RKN bagi menyediakan *grant* dan juga insentif kepada syarikat-syarikat ICT yang berpotensi di Negara ini agar mereka akan dapat mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat serantau dan antarabangsa; dan
- v. Bagi meningkatkan taraf sistem perhubungan di Negara ini, sebagai

usaha mengukuhkan lagi daya saing Negara, Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah \$230 juta bagi mendokong pelaksanaan Projek *Fibre-to-the-Home*. Projek ini akan membolehkan penyediaan perkhidmatan rangkaian jalur lebar yang berkeupayaan tinggi. Pelaksanaan projek ini bermatlamatkan untuk merangsang sektor ICT di Negara ini, melalui pengeluaran produk-produk yang berasaskan daya kreatif dan sebagainya. Sebagai tambahan, Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah \$38.3 juta bagi membiayai Projek Kabel Dasar *Laut South-East Asia-Japan*, sebagai penyertaan pelaburan Kerajaan dalam *high bandwidth fiber optic submarine cable system* yang akan dapat meningkatkan keupayaan sistem rangkaian internet di Negara ini.

34. Di samping itu, inisiatif-inisiatif yang berkait rapat dalam mendukung eko-sistem aktiviti perekonomian dan pelaburan di Negara ini juga akan diteruskan. Antaranya termasuk:

- i. Melaksanakan projek-projek e-Kerajaan yang dapat meningkatkan tahap perkhidmatan Kerajaan dalam memudahkan perniagaan dan perdagangan. Ini termasuk mengembangkan sistem e-Kastam yang menjurus kepada pelaksanaan *National Single Window*; pelaksanaan projek *Business Licensing System* di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; dan melaksanakan Projek *e-Payment Gateway* di Jabatan Perbendaharaan;

- ii. Bagi menangani isu pembayaran lambat oleh agensi-agensi Kerajaan yang sering ditimbulkan terutama oleh syarikat-syarikat di Negara ini, Jabatan Perbendaharaan telah mula melancarkan Sistem *Invoice Tracking*. Sistem ini akan memastikan setiap syarikat yang menghadapi invois atau tuntutan mereka kepada mana-mana jabatan Kerajaan, untuk diberikan nota makluman (*acknowledgement note*) penerimaan invois oleh jabatan berkenaan. Ini akan membolehkan status invois tersebut sentiasa akan dapat dikesan dan dipantau, agar pembayarannya akan dibuat dalam masa yang ditetapkan. Pelancaran sistem ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Setakat ini, sistem ini telah *diroll out* dan diguna pakai oleh tujuh kementerian, manakala *roll out* bagi baki 5 kementerian dijadualkan pada bulan April dan Jun 2013, insya-Allah;
  - iii. Penubuhan Pejabat Pendaftaran Paten (*Patent Registry Office*), di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, dengan kerjasama Bahagian Harta Intelek (*Intellectual Property Division*), Pejabat Peguam Negara, yang mana adalah selaras dengan berkuat kuasanya Perintah Paten 2011. Objektif utama penubuhan ini adalah bagi menyediakan Sistem Paten *Independent* serta mendokong ekosistem inovasi yang ada pada masa ini, dengan menjadikannya lebih kondusif dan berkesan, khususnya bagi perniagaan-perniagaan tempatan. Ianya dijangka akan menggalakkan industri bernilai tinggi dan memperluaskan inovasi dan *Research and Development* (R & D); dan
  - iv. Memperkenalkan program-program keusahawanan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan memupuk minat belia-belia terutama di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi di Negara ini. Antara program yang diperkenalkan termasuklah program keusahawanan di Kampus dan juga *Hackathon*, yang bertujuan untuk mengumpul pelbagai bakat, dalam menjana idea-idea baru serta menghasilkan produk atau *solution* yang inovatif dan terkini.
35. Sebagai usaha bagi memudahcara perniagaan di Negara ini, dengan mengambil kira amalan-amalan terbaik antarabangsa berkaitan dengan peraturan-peraturan yang berjalan dan berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah pun memperkenalkan supaya beberapa inisiatif diperkenalkan bagi memudahkan lagi sektor swasta untuk memenuhi peraturan atau undang-undang tersebut. Ini antaranya termasuklah:-
- i. Memperkenalkan Skim *De-Minimis* yang telah berkuat kuasa pada 1 April 2012. Skim ini membolehkan barangan-barangan bukan kawalan yang dibawa masuk melalui *Perkhidmatan Courier* bernilai di bawah \$400 tidak dikenakan sebarang cukai import. Ini akan membolehkan proses pengeluaran yang lebih cepat bagi barangan-barangan yang dibenarkan, iaitu tidak termasuk barang-barang kawalan seperti rokok, tembakau dan *liquor*;
  - ii. Menghulurkan pengecualian cukai import ke atas mesin-mesin khusus untuk kegunaan industri dan kilang di

bawah Jadual Kedua Pengecualian Am, Perintah Duti Import Kastam, 2007, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sejak bulan April 2010, sebanyak 52 mesin dengan nilai kira-kira \$9.6 juta telah pun diberikan pengecualian dari membayar cukai import di bawah kuasa ini;

iii. Sebagaimana yang telah dititahkan baru-baru ini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menghapuskan Cukai Harta Pusaka (*Estate Duty*) yang pada masa ini dikenakan terhadap harta peninggalan (harta waris) yang melebihi nilai tertentu. Penghapusan cukai ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Inisiatif ini adalah bagi menggalakkan individu menyimpan harta dan aset mereka di Negara ini agar ianya akan dapat diperkembangkan dan membantu menjana aktiviti ekonomi Negara ini;

iv. Penerbitan Manual Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar oleh Kementerian Pembangunan, dalam usaha mewujudkan suasana pekerjaan yang lebih kondusif dalam sektor swasta. Manual ini akan dijadikan satu piawaian bagi keperluan keselamatan dan kesihatan yang konsisten untuk diamalkan oleh agensi Kerajaan dan swasta di Negara ini selaras dengan garis panduan dan amalan terbaik antarabangsa;

v. Memperkenalkan Skim Insentif Penyelidikan Brunei yang menawarkan syarikat-syarikat untuk membuka kemudahan penyelidikan di Negara ini dalam lima kelompok penyelidikan iaitu Tenaga, Alam Sekitar, Kesihatan dan

Sains Kesihatan, Jaminan Makanan, atau ICT. Ianya bertujuan untuk menarik syarikat-syarikat asing untuk menjalankan dan menubuhkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di Negara ini; dan

vi. Penubuhan Pejabat *Creative Art Facilities* (CRAFT) di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei bagi mendukung perkembangan industri multimedia di Negara ini.

36. Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan pengemaskinian beberapa kadar-kadar cukai import dan cukai eksais di bawah Perintah Duti Import Kastam 2012 dan Perintah Duti Eksais 2012, sebagai langkah bagi memudah cara lagi perdagangan, terutama dalam meningkatkan dan menarik pelaburan-pelaburan ke Negara ini. Antara manfaat yang dihulurkan melalui pengemaskinian dan pindaan tersebut termasuk:

- i. Meniadakan cukai import bagi mesin-mesin yang digunakan untuk menghasilkan padi yang sebelumnya dikenakan pada kadar 20%;
- ii. Pindaan ke atas kadar import yang melibatkan barangan seperti kayu sama ada yang sudah diproses atau belum diproses yang dikurangkan daripada 20% kepada hanya 5%. Ini adalah bertujuan bagi menggalakkan penggunaan bahan-bahan kayu yang diimport terutama bagi tujuan pengeluaran atau pengilangan bagi mengurangkan keperluan kepada pembalakan kayu-kayu tempatan;



- iii. Pengurangan kadar cukai import ke atas sebanyak 343 barangan Mesin-Mesin Perindustrian (*industrial machines*) yang menggunakan kuasa elektrik (*electrically operated*) daripada 20% dan 15% kepada hanya 5%. Pengurangan kadar cukai import ini juga dilaratkan kepada beberapa jenis peralatan dan perkakas elektrik, termasuk alat ganti dan aksesori, seperti *switchboard, kabel, generator, transformer*, dan sebagainya; dan
- iv. Pengurangan cukai bagi jentera-jentera berat seperti *excavator* daripada 15% kepada hanya 5%.
37. Bagi meningkatkan lagi taraf kemudahan dan perhubungan awam di Negara ini, Kerajaan juga akan dan sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur yang utama. Projek-projek ini, selain sebagai suntikan bagi mendukung aktiviti ekonomi negara, akan juga menjadi prasarana penting yang akan turut mendukung sektor perniagaan dan perdagangan di Negara ini. Antara projek-projek yang dimaksudkan termasuk:
- i. Projek pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei/Muara. Sebagai permulaan, peruntukan sebanyak \$100 juta disediakan bagi kerja-kerja awal yang perlu dilaksanakan;
  - ii. Projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang sedang berjalan dengan Harga Projek sebanyak \$130 juta;
  - iii. Pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency dengan peruntukan 2013/2014 sebanyak \$15 juta
- dengan Harga Rancangan sebanyak \$70 juta;
- iv. Projek bagi membina Jalan Tutong-Seria, Fasa 3 bagi Jalan Penghubung Telisai-Lumut dengan peruntukan \$28.0 juta dengan Harga Rancangan \$66 juta; dan
  - v. Projek pembinaan Lorong Kedua 'Seria Bypass' dengan peruntukan sebanyak \$10.5 juta dan Harga Rancangan \$31.5 juta.
38. Inisiatif-inisiatif di atas hanyalah sebahagian dari usaha-usaha utama Kerajaan bagi memperkembangkan dan memantapkan Sektor Swasta khususnya usahawan-usahawan tempatan. Kemajuan dan perkembangan Sektor Swasta di Negara ini diharap akan dapat membantu membuka peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, serta meningkatkan keupayaan sektor swasta untuk meneraju aktiviti ekonomi Negara dari hanya bergantung kepada perbelanjaan Kerajaan.
39. Dengan peluang-peluang, bantuan-bantuan, kemudahan-kemudahan dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan disediakan oleh Kerajaan, para belia, usahawan-usahawan dan sektor swasta secara keseluruhannya, perlulah merebut peluang-peluang tersebut bagi mengembangkan dan mengukuhkan lagi aktiviti perniagaan dan perusahaan mereka, termasuk meneroka bidang-bidang perniagaan baru yang bersesuaian.
40. Walau bagaimanapun, semua insentif Kerajaan ini hanya akan dapat dicapai dengan jayanya, jika ianya mendapat sokongan padu berterusan daripada peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha, dan pelabur-pelabur dari Sektor Swasta sendiri. Kerajaan telah pun menyediakan

dan menghulurkan pelbagai insentif bagi memudah cara dan mengurangkan kos perniagaan di Negara ini. Dengan insentif-insentif yang disediakan oleh Kerajaan tersebut, para peniaga dan pengusaha hendaklah mempunyai tekad dan visi jauh bagi mengembangmajukan operasi perniagaan masing-masing sehingga menjadi sebuah perniagaan yang kukuh dan mantap. Para peniaga dan pengusaha juga perlu sedia bersaing dan kompetitif dengan syarikat-syarikat besar dan maju, di dalam atau luar Negara.

41. Kejayaan sedemikian, walau bagaimanapun, hanya akan dapat dicapai, jika para perniagaan tersebut mempunyai sumber tenaga yang bermotivasi tinggi dan inovatif. Oleh itu, adalah perlu para peniaga dan pengusaha di Negara ini, sentiasa menitikberatkan dan memedulikan hal ehwal kebajikan pekerja-pekerja mereka, terutamanya anak-anak tempatan, yang telah memberikan sumbangan mereka kepada perkembangan sesebuah perniagaan tersebut. Ini antara lainnya, dengan menyediakan persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif, termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang sempurna, seperti bilik sembahyang yang besesuaian bagi pekerja-pekerja beragama Islam, serta menawarkan gaji dan insentif-insentif yang lebih menarik.

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

42. Keutamaan belanjawan seterusnya ialah memelihara dan meningkatkan **Kesejahteraan Awam**. Di bawah kategori ini, Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada perancangan perbelanjaan yang akan dapat menjamin kesejahteraan hidup

rakyat dan penduduk Negara ini. Ini termasuk dengan menghulurkan kemudahan-kemudahan dan keperluan asas seperti pendidikan secara percuma; perkhidmatan perubatan kesihatan yang berkualiti; pemberian subsidi bagi keperluan-keperluan asasi seperti beras, bekalan elektrik, minyak kenderaan, perumahan; dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bagi meneruskan kemudahan-kemudahan ini, Kerajaan perlu terus mengamalkan dasar *fiscal sustainability* iaitu mengurus kewangannya secara berhemat supaya ianya mampu dikecapi bukan saja oleh generasi sekarang malahan generasi yang akan datang.

43. Selaras dengan keutamaan tersebut, peruntukan-peruntukan khusus akan disediakan dalam mempertingkatkan penyediaan infrastruktur-infrastruktur asas dan kemudahan-kemudahan awam yang diperlukan. Ini termasuk pusat-pusat kesihatan, projek-projek perumahan, sekolah-sekolah termasuk sekolah agama dan sekolah persediaan Arab, jalan-jalan raya dan utiliti, masjid-masjid dan sebagainya, khusus bagi kemudahan rakyat dan penduduk Negara ini.

44. Dari aspek kesihatan, perancangan dan usaha bersepadu adalah perlu dalam menangani isu-isu kesihatan. Dalam usahanya bagi meningkatkan tahap kesihatan di Negara ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil pendekatan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap pentingnya penjagaan kesihatan. Usaha ini diharap akan dapat mengawal risiko peningkatan penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, diabetes, obesiti, dan strok. Ke arah itu, peruntukan sejumlah \$700,000.00 telah disediakan di

dalam peruntukan Perbelanjaan Operasi Kementerian Kesihatan, bagi Kementerian tersebut menjalankan program promosi kesihatan. Usaha ini adalah bertepatan dengan konsep "pencegahan lebih baik dari rawatan" atau "*prevention is better than cure*" yang merupakan teras dalam menangani isu peningkatan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

45. Setiap tahun Kerajaan juga perlu membiayai perbelanjaan perubatan yang meningkat. Trend ini antara lain adalah disebabkan oleh pertambahan penduduk dan juga kos perkhidmatan perubatan, seperti ubat-ubatan dan perkembangan teknologi perubatan. Dalam pada itu, Kerajaan juga terus komited untuk memastikan akses kepada kesihatan berkualiti agar dapat dinikmati oleh semua rakyat dan penduduk Negara ini. Ke arah itu, beberapa projek sedang dan akan dilaksanakan antara lainnya:

- i. \$14.0 juta bagi Pembinaan Hospital Baru Perempuan dan Kanak-Kanak, (Fasa 1) dengan Harga Projek \$47.1 juta;
- ii. Pembinaan Pusat Kesihatan Rimba, Gadong dengan Harga Projek sebanyak \$7.2 juta;
- iii. Pembinaan Makmal Saintifik dan Makmal Kesihatan Awam dengan Harga Rancangan sebanyak \$6.3 juta; dan
- iv. Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Farmasi dengan Harga Rancangan \$4 juta.

46. Bagi penyediaan perkhidmatan kesihatan di Negara ini, peruntukan-peruntukan berikut juga akan disediakan:

Pembelian ubat-ubatan disediakan sebanyak \$56.5 juta;

- i. Peruntukan Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan disediakan sebanyak \$28.2 juta;
- ii. Peruntukan bagi membiayai kos penghantaran dan rawatan pesakit keluar Negara disediakan sejumlah \$10 juta; dan
- iii. Sebanyak \$9.6 juta disediakan bagi pembelian perkakas dan peralatan untuk hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan, perkhidmatan pergigian dan pembelian ambulan-ambulan, dan lain-lain.

47. Selaras dengan usaha bersepadu Kerajaan untuk menggalakkan amalan positif dan gaya hidup sihat dalam masyarakat, peruntukan sebanyak \$11.2 juta akan disediakan bagi meneruskan usaha-usaha bagi menyediakan, membaik pulih atau menaik taraf kemudahan-kemudahan bersukan serta tempat-tempat riadah, yang akan dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

48. Dalam pada itu, bagi mendukung usaha Kerajaan dalam menggalak aktiviti-aktiviti masyarakat dan kampung serta bagi pengukuhan institusi keluarga, peruntukan-peruntukan berikut juga disediakan:

- i. Peruntukan bagi aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditambah sebanyak \$200,000.00 kepada \$600,000.00;

- ii. Begitu juga bagi aktiviti Satu Mukim Satu Produk. Peruntukannya juga telah ditingkatkan kepada \$750,000.00 berbanding dengan \$500,000.00 pada Tahun Kewangan 2012/2013;
- iii. Peruntukan bagi membantu keperluan perbelanjaan operasi Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (*NGO's*) akan terus disediakan sebanyak \$300,000.00;
- iv. Sejumlah \$500,000.00 disediakan bagi Program Pengukuhan Institusi Keluarga di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan;
- v. Bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, di samping bagi memakmurkan masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, peruntukan sebanyak \$150,000.00 disediakan dalam Fokus Perbelanjaan sebagai tambahan kepada \$70,000.00 yang disediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, antara lainnya, bagi membiayai elaun-elaun penceramah dan tenaga pengajar bagi kelas-kelas dewasa yang dikendalikan di masjid-masjid dan di tempat-tempat yang bersesuaian.
49. Bagi memastikan infrastruktur-infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam di Negara ini sentiasa dipelihara dan diselenggara dengan baik, beberapa peruntukan juga disediakan di bawah akaun tahunan dan RKN10. Ini antaranya termasuklah:
- i. Peruntukan \$9.8 juta dengan Harga Projek \$47.7 juta, bagi kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Bekalan Air; dan \$19.8 juta dengan Harga Projek \$69.7 juta bagi kerja-kerja Menaik Taraf Sistem Saliran dan Pembentungan, termasuk bagi pencegahan banjir Setempat di Kampung Lumapas, Kampung Rataie, Kampung Kiudang, Kampung Birau, dan Kampung Bukok;
- ii. Peruntukan sebanyak \$11.1 juta dengan Harga Projek \$46.5 juta juga disediakan bagi kerja-kerja pengurusan kesesakan dan keselamatan jalan raya;
- iii. Bagi menangani masalah banjir di Negara ini, beberapa projek akan dilaksanakan termasuklah:
- Kerja-kerja Pembinaan Longkang Konkrit dan Kolam Penahanan-Tadahan Damuan bernilai \$3.6 juta dengan Harga Projek dalam lingkungan \$10 juta;
  - Pembaikan Pengaliran Sungai Damuan (Kampung Lugu *Housing Scheme*) bernilai \$2.1 juta dengan Harga Projek \$4.0 juta;
  - Projek Pencegahan Banjir Pekan Seria, Daerah Belait Fasa 2 bernilai \$1.6 juta dengan Harga Projek kira-kira \$4.9 juta;
  - Kerja-Kerja Pengaliran Kampung Selayun dan Sengkurong bernilai \$1.26 juta dengan Harga Projek \$2.70 juta; dan
  - \$1.9 juta dengan Harga Projek \$4.0 juta bagi Pembaikan Saliran di Pekan Tutong; Temburong; dan Kampung Tungku.
- iv. Peruntukan sebanyak \$8 juta dengan Harga Projek sebanyak \$59 juta akan disediakan bagi melaksanakan Projek Menaik Taraf dan Melebarkan Jalan Utama yang melibatkan beberapa

jalan seperti Jalan Muara dan Jalan Aman ke Jalan Tanah Jambu; Jalan Singa Manteri, Daerah Belait; Jalan Sungai Mau/Merangking/Buau; dan lain-lain;

- v. Penyediaan peruntukan \$4.2 juta dengan Harga Projek dalam lingkungan \$16 juta, bagi membiayai Projek Pembekalan dan Penggantian Paip-Paip; dan \$1.7 juta dengan Harga Projek \$10.0 juta bagi Projek Pembinaan Tangki-Tangki Air di seluruh Negara;
  - vi. Peruntukan \$700,000.00 dengan Harga Projek \$1 juta disediakan bagi melaksanakan projek Bekalan Tenaga Elektrik di Kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tanah Jambu Kanan, Kampung Sungai Buluh; Katok; Sungai Liang, Lumut; dan Kampung Lugu; dan peruntukan \$1.6 juta dengan Harga Projek sebanyak \$2.8 juta bagi Pemasangan Lampu Awam Baru di Daerah Belait, Tutong, dan Temburong. Dalam pada itu, Kerajaan juga akan menyediakan sejumlah \$300,000.00 dengan Harga Projek \$6 juta bagi Pemasangan Lampu-Lampu Awam di seluruh Negara; dan
  - vii. Peruntukan \$112 juta dengan Harga Projek \$663 juta, bagi membiayai Skim Perpindahan dan Perumahan; Projek Perumahan Negara; dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di seluruh daerah.
50. Peruntukan-peruntukan juga disediakan bagi meningkatkan taraf sistem bekalan tenaga elektrik Negara, antaranya:
- i. Peruntukan Pemeliharaan Sistem Janakuasa ditambah sebanyak \$5.2 juta yang menjadikannya \$9 juta;
  - ii. Sejumlah \$8.5 juta dengan Harga Rancangan \$150 juta disediakan bagi Peningkatan Taraf Sistem Bekalan Elektrik bagi memastikan kestabilan rangkaian bekalan elektrik di Negara ini; dan
  - iii. Peruntukan \$52 juta disediakan bagi membiayai perbelanjaan pembekalan elektrik dari Berakas Power Company.
51. Dengan keadaan cuaca dan jua ekonomi global yang tidak menentu, usaha-usaha bagi memastikan jaminan perbekalan makanan (*Food Security*) Negara akan terus dimantapkan. Ke arah itu, peruntukan sebanyak \$20 juta bagi Projek Penanaman Padi akan dikekalkan.
52. Pada tahun 2012, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dan inisiatif yang dihasratkan bagi membantu rakyat Negara ini untuk memiliki rumah sendiri. Inisiatif-inisiatif tersebut ialah:
- i. Tidak mengenakan bayaran premium tanah bagi pembaharuan pajakan tanah yang tidak melebihi satu ekar, yang di atas tanah tersebut sudah terdapat rumah kediaman pemilik atau untuk didirikan rumah kediaman, mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2012;
  - ii. Penubuhan Skim Tabungan Perumahan, sebagai bantuan kepada ahli-ahli TAP yang berpendapatan rendah, dengan peruntukan \$20 juta sebagai permulaan. Ianya bertujuan untuk menggalakkan orang ramai, khususnya rakyat yang juga ahli TAP yang belum memiliki rumah sendiri dan tidak menerima pencen

perkhidmatan daripada Kerajaan, untuk memiliki rumah kediaman sendiri, menurut keupayaan dengan membudayakan sikap menabung; dan

- iii. Pengemaskinian Skim Pinjaman Kewangan Perumahan di Jabatan Perbendaharaan, yang mana telah disesuaikan dengan keadaan dan keperluan masa kini.

53. Kerajaan juga akan terus mengambil langkah-langkah perlu bagi menangani isu-isu kemiskinan di Negara ini. Usaha-usaha yang akan diteruskan, diharap akan dapat membantu mereka yang berkenaan untuk meneruskan kehidupan dan juga membantu mereka untuk keluar dari belunggu kemiskinan dengan cara berdikari dan tidak terus bergantung semata-mata kepada bantuan Kerajaan atau pihak-pihak berkenaan.

54. Usaha-usaha lain yang menjurus kepada mempertingkatkan kapasiti bagi menyediakan peluang-peluang dan akses kepada pendidikan dan latihan secara meluas, akan dipertingkatkan pelaksanaannya, seperti skim-skim latihan yang disediakan oleh Pusat Pembangunan Belia bagi belia yang mencari pekerjaan dan juga skim-skim latihan kemahiran seperti Program Perkasa. Di samping itu, bantuan-bantuan tertentu akan terus disediakan atau ditambah untuk dihulurkan kepada mereka yang memerlukannya. Ini termasuk peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta kepada \$2.2 juta bagi Program Bantuan; dan \$3 juta disediakan di bawah Kementerian Pendidikan bagi membantu anak-anak dari keluarga yang kurang mampu untuk mengikuti persekolahan mereka termasuk sekolah ugama.

55. Dalam pada itu, usaha-usaha akan dilaksanakan ke arah mencapai matlamat Kemiskinan Sifar di Negara ini, melalui tiga inisiatif, iaitu inisiatif dukungan sosial; inisiatif pengurusan kemiskinan; dan inisiatif pembasmian kemiskinan. Dengan inisiatif-inisiatif ini, program-program yang telah dan akan disediakan adalah dijuruskan kepada menghalang seseorang individu tercicir daripada sistem pembangunan sosioekonomi dan jatuh ke kancang kemiskinan.

56. Selain daripada bantuan ke atas keperluan asas di atas, bantuan kebajikan; elaun pendidikan; elaun sara hidup; serta bantuan bencana alam juga disediakan melalui beberapa program seperti Skim Perkhidmatan Masyarakat dan Program Perkasa di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Dalam memantapkan lagi program-program pembasmian kemiskinan yang sedia ada, satu jawatankuasa khas isu kemiskinan telah ditubuhkan, yang bertujuan antara lainnya untuk mengenal pasti punca kemiskinan serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program secara bersepadu untuk membantu golongan miskin. Ianya juga dihasratkan untuk menyelaraskan semua program-program kemiskinan dan rangkaian keselamatan sosial supaya akan dapat memberikan kesan yang lebih baik dan terarah.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

57. Dalam cadangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini, Kerajaan juga akan meneruskan matlamat-matlamat utama yang telah digariskan di dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2012/2013. Melalui matlamat-

matlamat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, insya-Allah, akan terus memberikan penekanan kepada usaha memantapkan lagi kewangan Negara. Selaras dengan penekanan ini, dasar perancangan belanjawan masih menjurus kepada kemampanan fiskal (*fiscal sustainability*), melalui amalan berbelanja secara berhemat, dengan menitikberatkan kepada *cost effectiveness*, *value for money* dan mengelakkan pembaziran. Ianya juga menjurus kepada penyediaan peruntukan mengikut keutamaan perbelanjaan, dengan penekanan kepada disiplin dalam pengurusan kewangan; dan perbelanjaan yang dijuruskan kepada peningkatan produktiviti dan *efficiency gain*, terutama dalam keadaan pihak Kerajaan perlu membiayai projek-projek e-Kerajaan yang bernilai tinggi.

58. Ke arah itu, agensi-agensi Kerajaan akan berterusan meneliti dan memastikan perbelanjaan dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah diluluskan. Adalah diharapkan melalui peruntukan-peruntukan yang disediakan, usaha-usaha Kerajaan berdasarkan perancangan dan keutamaan belanjawan Negara akan dapat dicapai secara berkesan.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

59. Dengan keperluan mendukung pembangunan Negara pada masa ini dan akan datang, belia adalah yang diharapkan sebagai generasi harapan dalam pembangunan ini. Belialah yang akan mengambil alih tanggungjawab dan tugas generasi sekarang untuk memimpin bangsa dan membangun Negara di masa akan datang. Belia merupakan aset yang amat penting dan berharga bagi membantu meningkatkan kemakmuran

sesebuah Negara. Melalui perancangan dan usaha-usaha Kerajaan, adalah diharapkan kita mampu melahirkan lebih banyak belia yang menyumbang kepada pembangunan Negara secara berkesan. Memandangkan peranan belia yang begitu besar dalam pembangunan Negara, Kerajaan akan mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan bahawa golongan belia Negara ialah golongan belia yang berilmu, berkemahiran tinggi, berjaya dan berakhlak mulia. Perkara ini pernah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-24 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2008, di mana Baginda bertitah bahawa:

*"Belia adalah aset Negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberikan fokus. Mereka yang dibangunkan itu akan menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa depan yang penuh dengan teka-teki. Jika mereka baik, maka kita pun bolehlah tersenyum lega, tetapi jika mereka menjadi insan yang cair moral, maka akan merintihlah Negara memikul bebannya".*

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

60. Bagi membolehkan program-program yang telah diaturkan dapat dilaksanakan, adalah penting supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong, untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulanwang yang Disatukan bagi

maksud-maksud yang tertentu, sepanjang Tahun 2013/2014.

61. Adalah menjadi harapan kita semua agar program-program dan projek-projek Negara yang dirancang akan mendatangkan berkat dan manfaat yang diharap-harapkan, sesuai dengan usaha kita semua untuk memelihara Negara ini menjadi Negara "Baladun, Tayyibatun, Warabbun Ghafur", iaitu Negara yang aman makmur, dengan mendapat keredhaan dari Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengampun. Maka kaola untuk itu, dan dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua, memohon supaya undang-undang ini diluluskan.

Wabillahit Taufeq Walhidayah,  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atas penjelasan yang begitu terperinci. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan saya meminta supaya seorang Ahli Yang Berhormat untuk memberikan sokongan tentang Rang Undang-Undang ini.

**(Yang Berhormat Menteri Pendidikan berdiri bangun tanda menyokong).**

Ahli-Ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang Yang Begelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" telah dibaca dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri

Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk memberi peluang ahli-ahli sekalian memikirkan dengan sebaik-baiknya Undang-Undang ini, maka saya tangguhkan Majlis Mesyuarat ini selama 15 minit untuk berehat. Terima Kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat disambung Semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi sebelum kita menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk berehat, Majlis telah pun meluluskan Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu", yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat sokongan.

Sekarang saya bukakan Majlis ini untuk perbahasan terhadap Rang Undang-Undang tersebut. Sebelum itu, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa perbahasan ini hendaklah dijalankan dan ditumpukan kepada kelayakan atau merit dan asas Rang Undang-Undang sahaja. Sekian terima kasih. Silakan Ahli Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum



Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, kaola ingin menyuarakan sokongan terhadap penjelasan dan penerangan yang sungguh komprehensif daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) sebentar tadi.

Alhamdulillah, setelah mendengar penjelasan dan penerangan yang begitu cukup, ibarat kalau terang lagi bersuluh, sekurang-kurangnya memberi kefahaman yang mendalam kepada kaola sekalian.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menyuarakan sedikit pandangan demi untuk menambah penghasilan Negara. Umpamanya, di bidang Sektor Pelaburan, sama ada pelaburan dalaman ataupun luaran. Adalah dicadangkan sekiranya infrastruktur bagi pelaburan yang kaola sebutkan sebentar tadi dapat dipertingkatkan demi untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur daripada luar negeri dan demikian juga dalam negeri untuk melabur perusahaan-perusahaan yang boleh mendatangkan peningkatan hasil Negara.

Sekian saja yang dapat kaola sumbangkan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli lain. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah menjelaskan berhubung dengan Peruntukan Kewangan 2013/2014. Jadi berhubung dengan pernyataan tadi, ada dinyatakan di sana iaitu berhubung kait dengan Lebuh Raya Telisai Lumut, bahawa terdapat peruntukan kurang daripada \$138 juta. Apa yang kaola ketahui \$138 juta itu adalah keseluruhan peruntukan. Jadi kenapakah, dimaksudkan di sana kurang daripada tersebut, sedangkan Lebuh Raya Telisai Lumut dijangka siap pada Ogos pada tahun ini. Jadi, adakah peruntukan yang dimaksudkan tadi itu bersesuaian ataupun ia dimaksudkan berulang-ulang. Itu saja. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain. Silakan, Pehin.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Dewan sekali lagi telah dapat mendengar penghuraian yang panjang lebar mengenai pembentangan Rang Belanjawan Negara bagi 2013/2014. Belanjawan Negara pada tahun ini, pada dasarnya adalah belanjawan yang menunjukkan prestasi yang baik bagi Tahun Kewangan Negara. Keadaan ini merupakan suatu petunjuk

bahawa Kerajaan terus mantap pada pengendalian kewangan bagi membiayai projek-projek kesejahteraan rakyat. Belanjawan Negara kali ini dapatlah diistilahkan sebagai suatu belanjawan yang bertanggungjawab kerana ianya mengambil kira kesejahteraan semua golongan rakyat dan penduduk serta mempunyai kepentingan kepada pembangunan Negara dan bangsa Brunei.

Belanjawan ini memperlihatkan satu peruntukan yang besar kepada sektor perumahan negara diikuti oleh pendidikan, bangunan awam, kemajuan perusahaan, perubatan dan kesihatan dan beberapa sektor yang dikenal pasti bagi kepentingan awam.

Semua ini menunjukkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat serius terhadap keperluan rakyat dan penduduk serta masyarakat ramai. Kita berharap belanjawan ini akan dapat meningkatkan taraf kehidupan semua golongan dan memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara.

Akhirnya, marilah kita sama-sama memohon doa restu kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar belanjawan pada tahun ini akan memberi manfaat kepada seluruh warga Negara Brunei Darussalam. Maka kaola mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas memperkenankan belanjawan pada tahun ini. Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:**

Terima kasih Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tidak berniat untuk mengulas apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) cukup jelas dan nyata. Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan bajet belanjawan yang begitu besar untuk kepentingan Bangsa dan Negara. Cuma dalam perkara ini kaola ingin jua bertanya mengenai dengan jumlah Peruntukan Jambatan Penghubung Lumapas - Bandar Seri Begawan iaitu \$70 juta. Adakah ia berfasa-fasa, umpamanya ini fasa pertama, kerana kita dimaklumkan bahawa peruntukan sedemikian itu lebih daripada apa yang telah dinyatakan dalam laporan tadi?

Dan yang kedua, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin jua memberi pandangan dan cadangan mengenai dengan inflasi di Negara Brunei Darussalam ini. Kita telah menyedari dan mengetahui bahawa inflasi bukan semakin berkurangan tetapi semakin bertambah di mana kadar kemiskinan dan pemohon-pemohon bantuan semakin meningkat. Jadi, oleh yang demikian dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin bertanya dan mencadangkan supaya ada penyelidikan bagi inflasi ini, apakah ia sudah di kadar dan tahap yang dapat kitani ketahui.

Sejauh mana keberkesanan bantuan-bantuan yang telah dihulurkan oleh pihak Kerajaan kepada mereka-mereka yang diberikan bantuan? Kerana kita menyedari bahawasanya sebagai pemimpin akar umbi abis kaola sering dikunjungi oleh anak buah mengenai dengan keperluan kehidupan mereka yang susah. Jadi kalau kaola dapat menyebut bahawasanya ada di antara pemohon-pemohon itu mengatakan kalau habis boleh dipohon lagi.

Jadi perkara yang seumpama ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, merupakan suatu perkara yang kurang mendatangkan kebajikan ataupun dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Itu saja barangkali Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sangat gembira atas penerangan yang panjang lebar yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Pertama sekali dalam pemberian program atau langkah-langkah bagi membasmi kemiskinan. Sepertimana yang telah dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membasmi kemiskinan di negara ini yang telah disuarakan oleh salah seorang rakan tadi semakin bertambah dan kita menaruh harapan yang setingginya semoga ianya akan berjaya dan terlaksana sehingga mencapai ke tahap kemiskinan sifar pada tahun 2015. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Ahli-Ahli dalam Majlis ini, kaola ingin menyentuh mengenai peruntukan \$1.5 juta untuk melatih belia-belia dalam bidang teknikal dan vokasional. Belia-belia yang telah keluar nanti setelah mempunyai kemahiran dalam bidang masing-masing. Majlis ini ingin menyarankan supaya mereka ini diberikan bantuan sebagai modal untuk mereka melangsungkan perusahaan mereka supaya latihan yang mereka perolehi akan berjalan terus dan memberi manfaat kepada diri masing-masing. Dengan cara ini akan mengurangkan pengangguran dalam negeri ini. Dan secara tidak langsung akan membantu perkembangan ekonomi negara, sekian.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sesungguhnya menyokong bahawa apa jua yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pada keseluruhannya untuk pembangunan Negara, kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Walau bagaimanapun, bahawa dalam pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013/2014

nampaknya tidak termasuk Jalan Utama Tutong dari Sengkurong ke Pekan Tutong. Sehubungan perkara ini, bolehkah ditambah ataupun difikirkan semula kerana apa yang kaola dengar tadi hanya peruntukan kebanjiran Kampung Kiudang, Ukong dan Birau. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah di atas pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013/2014 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dengan panjang lebar dan terperinci, yang mencakup semua aspek perkembangan pembangunan dalam Negara. Baik ia berupa infrastruktur pembangunan fizikal perkembangan dan peningkatan sumber tenaga manusia, kebajikan dan kesejahteraan bagi rakyat dan penduduk di Negara ini.

Sesuai dengan tema Rang Undang-Undang Perbekalan pada tahun ini iaitu "Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Ekonomi Negara", adalah amat signifikan dengan perkembangan semasa terutama belia sebagai aset penting negara dan nadi penggerak kepimpinan masa depan Negara insya-Allah. Dengan peruntukan kewangan yang difokuskan keutamaannya kepada perkembangan kapasiti atau *human capital* maka fokus yang paling utama pula adalah peningkatan bidang pendidikan dalam semua bidang terutama

teknikal dan vokasional. Tidak kurang peri mustahaknya bidang agama yang benar-benar sebagai pemangkin perkembangan secara menyeluruh dunia akhirat untuk mencapai 'Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur'. Untuk itu bukan sahaja prasarana infrastruktur bangunan-bangunan sekolah sahaja yang perlu diambil perhatian tetapi juga satu lagi pemerhatian iaitu keselamatan dan kesihatan di sekolah.

Ianya sangat mustahak diambil perhatian apa lagi setelah berlakunya beberapa insiden yang tidak diingini yang bukan saja mendatangkan kecederaan malah kematian, dan selalunya kita terlupa 'menyediakan payung sebelum hujan'. Keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di sekolah-sekolah atau institusi pendidikan mestilah dijadikan satu isu yang penting kerana ianya kadang-kadang diabaikan dan dipandang ringan. Perhatian yang berat dan kewaspadaan sangat diperlukan secara terus-menerus. Tidak dinafikan Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah keselamatan dan pengawalan supaya perkara-perkara yang sedemikian tidak berulang.

Semoga peruntukan ini benar-benar akan dapat merealisasikan hasrat dan Wawasan Negara 2035. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola bagi menyokong Usul Rang Undang-Undang Perbekalan 2013/2014 yang baru disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Kaola, di Dewan yang mulia ini, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan bagi mewakili penduduk Daerah Temburong mengucapkan tahniah kepada penjelasan yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) yang mana di sana ada menyebut peruntukan \$100 juta bagi pembinaan jambatan dari Brunei Muara ke Daerah Temburong.

Perkara ini amatlah dirasakan, khasnya bagi penduduk Daerah Temburong atas peruntukan yang awal ini dan tidaklah dapat kaola gambarkan betapa bersyukur nya kaola dan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan mendalam Baginda dalam perkara ini. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya sangat menyokong penuh dengan Rang Undang-Undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) yang telah membentangkan dengan teliti dengan huraian yang cukup penuh dan meliputi semua aspek perbelanjaan Tahun 2013/2014.

Dalam perkara ini, kaola telah melihat dengan jelasnya hasrat kewangan ini adalah menjurus kepada kemajuan dan keamanan negeri ini dan seterusnya juga yang kaola menarik perhatian ialah supaya rancangan-rancangan ini supaya dapat disusun dengan teliti dan akan dapat menepati cita-cita dengan sebaik-baiknya dalam mendapatkan seperti yang ditetapkan dan kaola mengucapkan terima kasih dalam Dewan ini.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola ingin menyuarakan sokongan dan mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-Undang Belanjawan 2013/2014 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tadi. Kita telah mendengar penerangan yang panjang lebar perbelanjaan-perbelanjaan yang menjurus kepada pembangunan modal insan khususnya pada golongan belia. Seperti yang kita ketahui pembangunan sebenar sebuah negara ialah pembangunan sumber manusianya.

Sementara itu, perbelanjaan juga ditumpukan kepada beberapa inisiatif yang dihasratkan kepada perkembangan sektor swasta. Bagi mewakili pihak swasta, perkara ini adalah benar-benar dialu-alukan.

Dua inisiatif yang sangat menarik kaola sendiri ialah yang pertama *Invoice Tracking* bagi pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan dan yang kedua ialah satu peruntukan khusus bagi pembangunan SME. Kita harap inisiatif-inisiatif ini akan berjalan dengan lancar dan mencapai hasratnya nanti. Selebihnya Kerajaan juga masih membelanjakan peruntukan yang sangat besar dalam memperkembangkan infrastruktur Negara, perkhidmatan sosial dan awam dan ini adalah sangat-sangat kita alu-alukan juga.

Di kesempatan ini kaola berharap dan berdoa, belanjawan ini akan mencapai hasrat yang diharapkan disebalik perancangan dan strategi Belanjawan Negara 2013/2014 pada tahun ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin untuk memberi ucapan. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih sekali lagi yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menyambut bajet yang telah dihuraikan tadi. Di sini kaola ingin menyentuh mengenai dengan PKS atau Pengusaha Kecil dan Sederhana.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Maaf Yang Berhormat. Perhatian saya telah ditarik bahawa mengikut Peraturan

Tetap perbahasan ini, seperti ini hanya sekali seorang sahaja dapat bercakap.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ada ahli-ahli lain yang belum bercakap ingin mahu bercakap?. Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin untuk membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014, saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat mempersetujui akan Rang Undang-Undang ini supaya ianya boleh dibacakan bagi kali keduanya. Sila angkat tangan semua yang bersetuju.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Oleh kerana semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Rang Undang-Undang ini dibacakan kali kedua. Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013/2014 telah pun selesai dibahaskan dengan panjang lebar dan ianya telah pun dibaca bagi kali kedua. Maka Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan hingga jam 2.45 petang ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis Mesyuarat disambung pada  
jam 2.45 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamua'alikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat petang.  
Alhamdulillah, pada Persidangan Majlis  
Mesyuarat Negara pagi tadi, telah selesai  
membahaskan satu Rang Undang-Undang  
yang bergelar Suatu Akta Untuk  
Membekalkan sejumlah wang dari  
Kumpulanwang Yang Disatukan bagi  
Perkhidmatan Tahun Kewangan  
2013/2014 dan untuk memperuntukkan  
wang tersebut itu bagi maksud-maksud  
tertentu yang telah dicadangkan oleh  
Yang Berhormat Menteri Kewangan II  
(Kedua) dan telah dibaca bagi kali kedua.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi  
membolehkan Rang Undang-Undang ini  
dapat dibincangkan satu persatu, maka  
Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini  
ditangguhkan dahulu dan Majlis akan  
bersidang selaku Jawatankuasa  
sepenuhnya. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli  
Yang Berhormat, sekarang Majlis ini  
bersidang sebagai Jawatankuasa  
sepenuhnya bagi menimbangkan Rang  
Undang-Undang (2013) Perbekalan  
2013/2014 satu persatu.

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Bab 2  
Ceraian (1) (2).

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli  
Yang Berhormat, Bab 2 Ceraian (1) (2).

Silakan jika ada Ahli-Ahli yang ingin  
membahaskan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Bismillahir Rahmanir  
Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi,  
sebelum Jawatankuasa ini  
membincangkan bajet Jabatan Perdana  
Menteri dan jabatan-jabatan  
di bawahnya, kaola ingin memohon  
keizinan untuk kaola mengongsikan secara  
ringkas sahaja mengenai tumpuan dan  
keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi  
Tahun Kewangan 2013/2014 ini.

Tujuan kaola ini adalah semata-mata  
untuk memandu perbincangan supaya  
ianya lebih menjurus dan terarah kepada  
perkara-perkara yang berkaitan dengan  
hal ehwal belanjawan yang dibincangkan.

Pada tahun 2013/2014, Jabatan Perdana  
Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya  
telah disokong untuk disediakan  
peruntukan sebanyak \$628,985,720.00.  
Jumlah ini adalah bertambah sebanyak  
\$35,769,140.00 dari Peruntukan Tahun  
Kewangan 2012/2013. Pada Tahun  
Kewangan 2013/2014, Jabatan Perdana  
Menteri akan menumpukan aktiviti  
kepada enam keutamaan-keutamaan  
berikut:-

- 1) Meningkatkan hasil pendapatan negara  
melalui inisiatif-inisiatif mengurangkan  
tunggakan dan mengukuhkan  
pengurusan hasil yang lebih efisien dan  
berkesan. Dalam hal ini, projek  
pembekalan dan pemasangan *prepaid  
meter* telah diberi keutamaan untuk  
diteruskan dengan peruntukan  
sebanyak \$8 Juta.



- 2) Mengukuhkan infrastruktur serta meningkatkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan efisiensi, keberkesanan dan produktiviti perkhidmatan. Ke arah itu pemeliharaan sistem komputer bagi keseluruhan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya kecuali bagi Polis Diraja Brunei dan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan telah diperuntukkan sebanyak \$7.7 juta.
- 3) Meningkatkan keupayaan dan kapasiti perkhidmatan dalam melaksanakan dan mencapai objektif projek-projek yang telah diluluskan dan dirancang. Ini di antaranya ialah untuk terus memajukan keupayaan dan kapasiti media khususnya di dalam bidang penyiaran Radio dan Televisyen.
- 4) Meningkatkan mutu perkhidmatan, pentadbiran, pengurusan dan pengawalan melalui peningkatan kapasiti modal insan perkhidmatan awam yang lebih cekap telus dan produktif termasuk dalam menyegerakan pengisian jawatan-jawatan kosong. Dalam hubungan ini, peruntukan bagi peningkatan kemahiran dan kapasiti warga perkhidmatan awam telah diperuntukkan sebanyak \$20.5 juta.
- 5) Meningkatkan penguatkuasaan dan pengawalan undang-undang dan kesejahteraan negara dari anasir sosial dan juga menangani hal ehwal perundangan seperti Jawatankuasa Penelitian Semula Undang-Undang; dan
- 6) Meningkatkan sistem komunikasi, hubungan kerjasama dan usaha bersepadu antara agensi penguatkuasaan.

Gaji kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak \$328,325,000.00. Bagi kategori perbelanjaan ini terdapat pengurangan beberapa jawatan disebabkan oleh pemindahan 37 jawatan dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ke Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan pemindahan 20 jawatan dari Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan Pejabat Peguam Negara ke Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan.

Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak \$271,067,785.00 antara perbelanjaan yang ditambah bagi kategori ini termasuklah penambahan peruntukan Pemeliharaan Aset sebanyak \$2.45 juta kepada \$8 juta dan Perbelanjaan Operasi sebanyak \$1 juta kepada \$5 juta bagi Pasukan Polis Diraja Brunei dan penambahan peruntukan Perkhidmatan Elektrik sebanyak \$2 juta kepada \$52 juta. Dan penambahan peruntukan Pemeliharaan Aset sejumlah \$5.2 juta kepada \$9 juta bagi Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Perbelanjaan Khas disokong sebanyak \$29,592,935.00 iaitu bagi melaksanakan 53 projek pembelian baru berjumlah \$10,799,935.00 termasuklah 13 projek dan harga rancangan \$13.245 juta dan 15 projek pengambilan semula berjumlah \$18.79 juta termasuk 7 projek dengan harga rancangan sebanyak \$21.55 juta. Itulah yang dapat kaola kongsi. Kalau ada keizinan Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga untuk memohon ada tiga perkara di sini.

- 1) Bagi kaola akan menjawab mana-mana soalan yang diajukan yang berkaitan dengan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini semasa Jawatankuasa ini membincangkan bajet

jabatan-jabatan tersebut. Cadangan kaola ini adalah supaya perbincangan kita akan lebih fokus dan terarah.

- 2) Dari 22 Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri terdapat lima jabatan adalah jabatan-jabatan yang tertutup. Lima jabatan tersebut ialah Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh kerana jabatan-jabatan ini adalah berkait langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan Negara yang mana isu-isu yang dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka maka kaola memohon supaya bajet-bajet jabatan ini tidaklah perlu dibincangkan seperti tahun lepas; dan
- 3) Sebahagian dari 22 Jabatan ini adalah di bawah tanggungjawab rakan sejawat kaola iaitu Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kol. (B) Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga yang pada masa ini bertugas di luar negara. Oleh itu mana-mana soalan yang berkaitan dengan Jabatan-Jabatan tersebut, insya-Allah yang dapat kaola jawab akan kaola jawab. Tetapi mana-mana jawapan yang memerlukan kaola mendapatkan maklumat lanjut, jawapan bagi soalan tersebut akan kaola pohonkan ditangguhkan dan sekiranya ianya memerlukan untuk menunggu jawapan langsung dari Yang Berhormat Menteri Tenaga itu sendiri, insya-Allah ianya akan dijawab sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga apabila ianya berada di Negara ini nanti.

Perkara ini kaola cadangkan supaya jawapan-jawapan yang akan diberikan ini akan berasaskan fakta perkembangan yang telah dicapai setakat ini dan perancangan yang telah diluluskan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah menjelaskan beberapa perkara dan telah mengemukakan beberapa permintaan atau cadangan.

Ahli-Ahli yang mempersetujui Bab 2 Ceraian (1) (2) ini, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Ada yang tidak bersetuju? Oleh kerana tidak ada yang menentang maka Bab 2 Ceraian (1) (2) ini dijadikan sebagai Jadual di dalam Rang Undang-Undang. Terima kasih.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Bab 2 Ceraian (1) (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah di antara Yang Berhormat ingin untuk membahaskan Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri? Kalau ada, silakan. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyampaikan mengenai dengan penyelarasan tanggagaji ketua-

ketua jabatan di jabatan-jabatan Kerajaan. Kalau kita melihat secara menyeluruh tangga gaji pegawai-pegawai kanan iaitu jawatan Pengarah, Timbalan Pengarah dan Penolong Pengarah di jabatan-jabatan Kerajaan adalah tidak selaras dan ada yang jauh berbeza di antara satu jabatan dengan jabatan yang lain. Seperti contohnya, ada pegawai kanan Kerajaan yang hanya menjawat sebagai Ketua Bahagian di kementerian-kementerian berkenaan dan hanya mengawal beberapa orang pekerja bawahan tetapi menerima gaji bulanan Superscale 'B' ataupun Superscale 'A' atau \$8,000.00 ke \$9,000.00 sedangkan beberapa orang pegawai kanan yang menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan yang mengawal kewangan dan hasil kutipan jabatan, mengawal pegawai dan kakitangan sehingga berjumlah 500 lebih orang, menjadi Pengerusi pihak yang berkuasa dan lain-lain tugas hanya menerima gaji Superscale 'C' iaitu \$6,800.00.

Saya rasa tibalah masanya pihak yang berkenaan mengkaji balik semula tangga-gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan secara keseluruhannya dengan menaikkan ataupun menyelaraskan tangga gaji masing-masing mengikut tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, memangku jawatan lebih kanan yang terlalu lama untuk ditetapkan. Yang Berhormat Pengerusi, pada masa ini masih banyak pegawai-pegawai kanan yang masih memangku jawatan Pengarah yang begitu lama. Ada yang memakan masa lebih satu tahun. Kenapakah ini masih berlaku di jabatan-jabatan Kerajaan dalam perkhidmatan awam? Kenapakah

tidak boleh diberikan tempoh masa yang maksima bagi pegawai berkenaan memangku jawatan berkenaan seperti dalam tempoh 3 ataupun 4 bulan sahaja? Jika dalam tempoh masa tersebut pegawai berkenaan mempunyai prestasi kerja yang sangat baik, adalah elok pegawai tersebut ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya dan sebaliknya, ini sudah tentunya akan memberi peluang kepada pegawai-pegawai bawahan untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong dan akan melicinkan lagi pengurusan meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan awam. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sepertimana yang abis kaola tahu bahawa Jabatan Perdana Menteri adalah sebagai sebuah jabatan bagi mempengerusi dalam menangani pemberian bantuan kepada masyarakat daif secara bersepadu dengan tiga buah jabatan agensi Kerajaan iaitu Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi ke empat-empat daerah yang masing-masing dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Ke arah memperkesankan lagi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membantu masyarakat daif di seluruh negara, maka kaola mencadangkan supaya Kerajaan memperuntukkan peruntukan khas melalui

Jabatan Daerah di seluruh Negara bagi tujuan tersebut supaya tindakan segera dapat diambil oleh daerah-daerah bagi membantu masyarakat daif yang sangat-sangat memerlukannya tanpa menunggu jangka masa yang agak panjang dan menangani keperluan masyarakat daif di keempat-empat daerah tanpa menunggu dan menggunakan sumbangan daripada pihak-pihak *NGO's*. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mahu menjawab sekarang atau kemudian?

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kalau dapat Yang Berhormat Pengerusi, mengenai tanggagaji dan sebagainya itu bolehlah kita tangguhkan dulu untuk kaola menjawab apabila kita membincangkan mengenai dengan peruntukan JPA. Dan mengenai dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin tadi mengenai dengan masyarakat daif yang perlu ada penyelarasan dan sebagainya. Diucapkan terima kasih juga cadangan tersebut dan sudah setentunya perkara ini akan kita teliti keberkesanannya dan juga cara-cara kita menangani di masa-masa akan datang. Kaola berpendapat memang perkara ini kita tangani dan kaji dari masa ke semasa dengan kerjasama daripada jabatan-jabatan lain bukan jua saja Jabatan Perdana Menteri tetapi juga kementerian-kementerian lain yang juga menangani soal-soal kemasyarakatan dan yang berkaitan dengan bantuan-bantuan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian bahawa ada beberapa soalan tadi dari sebelah sini sebenarnya patut jua ditunggu apabila Tajuk yang berkenaan sampai untuk dibahaskan kerana perkara seperti perjawatan itu ada jabatan yang berkenaan nanti yang akan dibahaskan atau diteliti anggaran belanjawannya. Di situlah tempatnya yang lebih sesuai untuk dihadapkan pertanyaan-pertanyaan itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SA01A-Jabatan Perdana Menteri ada baiknya diundi. Ahli-Ahli yang mempersetujuinya sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Ada yang tidak bersetuju?

**(Tidak ada Ahli mengangkat tangan)**

Oleh yang demikian, dengan adanya persetujuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, maka Tajuk SA01A dijadikan sebagai Jadual di dalam Rang Undang-Undang.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Berhormat Pengerusi, kaola bercakap mengenai pakaian kebangsaan. Pakaian kebangsaan bermaksud Cara Melayu termasuk jenis Teluk Belanga tidak berleher dan jika seseorang memakainya

hendaklah memakai kopiah hitam, putih ataupun tengkolok haji itulah lengkapnya pakaian Cara Melayu.

Yang Berhormat Pengerusi, setakat ini Majlis difahami penggunaan atau nama Cara Melayu ini belum ada pengiktirafannya secara rasmi sebagai pakaian kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Kita boleh perhatikan dalam majlis rasmi (Majlis Negara) seperti Istiadat Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat Kebesaran daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ada rakyat di Negara Brunei Darussalam di kalangan tujuh puak seperti dalam perlembagaan diiktiraf sebagai bangsa Melayu Brunei dan mereka yang telah pun diakui sebagai rakyat Brunei dan Penduduk Tetap memakai pakaian yang bukan cara Melayu Brunei.

Jadi di sini nampak ketara mereka itu belum memahami apa sebenarnya pakaian kebangsaan itu dan dalam pemahaman-pemahaman yang lain mereka belum memahami konsep MIB iaitu Melayu itu termasuk pakaian dan cara hidupnya berserta masyarakat di sekelilingnya.

Dengan adanya bangsa Melayu Brunei mengenakan pakaian kebangsaan Cara Melayu, maka kita yakin orang luar akan berasa kagum bahawa Negara Brunei Darussalam yang sudah merdeka selama 25 tahun ini, mempunyai identiti tersendiri terutama dari segi pakaian. Oleh kerana belum ada pengiktirafan secara rasmi, melalui Majlis ini disarankan supaya pihak berkenaan (Adat Istiadat) akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Sebagai contoh, bendera

kebangsaan, bunga Simpur bunga Kebangsaan dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan lain-lainnya.

Untuk pengetahuan umum, apabila seseorang itu memakai Cara Melayu tidak bererti seseorang itu telah beragama Islam. Pakaian adalah hak milik orang Melayu Brunei dan ugama Islam itu adalah hak milik seluruh manusia yang menganut ugama Islam di seluruh dunia. Tujuan Majlis mengutarakan perkara ini di dalam Majlis ini untuk menyelaraskan keadaan dan nilai-nilai tambah yang berhubung dengan atas nama pakaian kebangsaan.

Yang Berhormat Pengerusi, satu lagi yang menjadi kebiasaan ialah setiap tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada mengurniakan anugeraha bantuan kewangan kepada sebahagian rakyat tertentu seperti Orang-Orang Kurang Upaya (OKU), balu, anak-anak yatim, miskin dan lain-lain. Dalam Majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Putera Puteri Baginda selaku wakil peribadi Baginda.

Yang Di-Pertua Majlis, oleh kerana Majlis penyampaian anugerah itu merupakan satu majlis rasmi dan atas nama anugeraha dari Ketua Negara yang dihormati dan disanjung tinggi, maka Majlis menyarankan para penerimanya hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan majlis selaras dengan konsep MIB. Jika seseorang perempuan hendaklah memakai tudung dan lelaki hendaklah memakai songkok sebagai budaya orang-orang Brunei sama ada ianya Islam ataupun bukan Islam. Ini adalah titah

Baginda satu ketika dulu bahawa Islam itu adalah satu cara hidup perlu diamalkan walaupun mereka tidak beragama Islam dalam Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking tadi. Nampak-nampaknya apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi adalah sebagai satu saranan Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola ingin saja mengongsikan bahawa Jabatan Adat Istiadat memang ada membuat ceramah-ceramah kepada orang ramai, kepada anak-anak sekolah dan sebagainya dari masa ke semasa dan ceramah-ceramah itu kaola rasa juga ada menyentuh mengenai dengan perkara-perkara yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, cuma kita insya-Allah akan melipatgandakan lagi usaha-usaha untuk memberikan ceramah kepada rakyat dan penduduk Negara ini lebih-lebih lagi dalam bajet Tahun Kewangan 2013/2014 ini kita juga telah menyediakan sebanyak \$150,000.00 untuk Jabatan Adat Istiadat melipatgandakan lagi ceramah-ceramah mereka kepada rakyat dan penduduk Negara ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingin mahu bercakap. Maka Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara diundi sama ada diluluskan atau tidak. Yang bersetuju sila angkat tangan.

### **(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Ada yang tidak bersetuju?

(Tidak ada Ahli mengangkat tangan).

Maka Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara dijadikan sebagai Jadual dalam Rang Undang-Undang diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual Tajuk SA03A - Jabatan Audit.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SA03A - Jabatan Audit untuk dibahaskan. Silakan. Adakah Tajuk ini dipersetujui?. Maka Tajuk SA03A - Jabatan Audit dijadikan sebagai Jadual di dalam Rang Undang-Undang. Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA03A - Jabatan Audit dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik. Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ada meminta supaya perkara berbutir mengenai dengan Tajuk ini tidak dibahaskan kerana ia adalah jabatan yang tertutup. Tapi kalau ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin berucap secara umum sahaja tanpa menyentuh butir-butir dalam Rang Perbelanjaan itu saya berpendapat tidak ada halangannya. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak akan menyentuh *figures* jumlah bajet. Cuma satu pandangan, beberapa pendapat dan cadangan bahawa pertambahan jumlah kakitangan BKN sepertimana yang tercatat dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun 2013/2014 sebanyak 350 orang. Tidak dinafikan bahawa pengurusan dan program untuk residen-residen di rumah Al-Islah di Kampung Kerakas Payau di Kampung Kupang boleh dikatakan cukup baik dan sekaligus boleh menjadi contoh di kalangan di negara-negara ASEAN.

Kaola mengajukan 3 perkara:

- 1) Apakah program-program selanjutnya apabila seseorang residen itu dibebaskan dari Rumah Al-Islah selain dari dikehendaki melaporkan diri dalam waktu-waktu yang tertentu;
- 2) Apakah bentuk bantuan yang sudah dihulurkan oleh pihak BKN apabila seseorang residen itu dibebaskan; dan
- 3) Adakah pihak BKN membuat kajian mengapa sesetengah residen-residen di rumah Al-Islah itu balik semula ke rumah tersebut.

Dan seterusnya, satu pandangan atau cadangan supaya setiap residen yang dibebaskan dibantu untuk mendapat pekerjaan atau dibantu modal untuk memulakan perusahan bagi penghidupan baru kerana kebanyakan mereka terdesak mengulangi perbuatan menyalahgunakan dadah disebabkan tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Mesyuarat AIFOCOM pada bulan Mei yang akan datang. Delegasi dari negara-negara ASEAN akan ikut serta dalam permesyuaratan tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pengerusi bahawa kaola terlibat sama dalam permesyuaratan itu nanti. Dalam hubungan ini, kaola ingin memohon bantuan dan kerjasama dari pihak BKN atau jabatan atau kementerian-kementerian berkenaan dalam menyediakan *substantive matters* untuk dibentangkan dalam mesyuarat yang kaola nyatakan tadi. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ada lagi di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat? Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Akhir-akhir ini terdapat berita-berita pelancong asing yang singgah di negara ini ditangkap kerana membawa dadah ke negara yang ditujunya. Ini seolah-olah Negara Brunei Darussalam ini dijadikan *transit point* untuk kegiatan penyeludupan barang-barang tersebut.

Pada pendapat kaola, kegiatan penyeludupan ini sudah dirancang. Keupayaan pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas adalah penting kerana walaupun kita mempunyai alat-alat yang canggih untuk mengesan dadah ini ianya tidak berkesan tanpa kecekapan pegawai-pegawai yang bertugas. Oleh itu latihan bagi pegawai dan kakitangan hendaklah

dibuat dengan intensif dan mencapai kepiawaian *standard* yang maksima seperti yang diperlukan.

Selain dari itu, insentif bagi pegawai-pegawai yang terlibat hendaklah dibuat supaya mereka dapat menjalankan kerja dengan baik dan efisien. Bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik dan tidak berkomitmen dengan pekerjaannya hendaklah ditukar ke tempat lain atau diambil tindakan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Sedikit saja Yang Berhormat Pengerusi kalau dapat. Terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee dan Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah mengenai dengan mesyuarat yang akan diadakan itu boleh diuruskan mengenai dengan *substantif* dan sebagainya.

Kedua mengenai latihan-latihan pegawai-pegawai ini, perkara ini adalah berterusan, memang sudah diadakan dan cuma dari masa ke semasa memanglah kita akan meningkatkan lagi latihan-latihan ini berasaskan daripada keperluan dari masa ke semasa sebagaimana yang kita maklum dari masa ke semasa perkara-perkara orang-orang yang menyeludup dadah ini pun canggih juga. Adalah perlu kitani mengadakan latihan-latihan dan yang pentingnya *intelligent information* kitani perlu diperkukuhkan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini izinkan untuk kaola dapat mengutarakan bahawa pada masa ini Pejabat Biro Kawalan Narkotik cawangan Temburong ditempatkan di sebuah bangunan lama iaitu bekas kediaman rasmi Pegawai Daerah yang serba kekurangan bagi menampung pegawai dan kakitangan serta keperluan yang lain.

Pada pandangan kaola, penempatan Biro Kawalan Narkotik tersebut adalah dirasakan tidak sesuai kerana dekat dengan jeti atau terminal perahu tambang turun-naik ke Bandar Seri Begawan. Kaola ingin menyuarakan apakah sudah ada dalam perancangan pihak yang berkenaan untuk membina bangunan yang baru di suatu kawasan yang sesuai bagi pejabat dan tempat tinggal pegawai dan kakitangan Biro Kawalan Narkotik cawangan Temburong. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman tadi. Insya-Allah cadangan ini akan kaola bawa kepada pihak-pihak yang berkenaan sama ada ia sedang meneliti usaha-usaha untuk membina bangunan baru ini nanti. Kaola akan mendapatkan maklumat-maklumat tersebut daripada



pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Datu Imam mahu bercakap.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola cuma ingin menyatakan kemusykilan berhubung dengan satu berita yang ditulis dalam Akhbar Malaysia bahawa seorang rakyat tempatan telah ditangkap di Pulau Pinang. Jadi bagaimana, dia boleh membawa. Adakah betul kes ini, Wallahua'lam. Adakah dalam kes ini, dia ada membawa beg yang mengandungi dadah di sana dan di dalam akhbar itu menyatakan bahawa dia telah ditangkap untuk dibuat siasatan. Adakah kes ini benar dan bagaimana perkembangan selanjutnya? Sekian pertanyaan kaola.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin, terima kasih juga di atas soalan Yang Berhormat Pehin Datu Imam tadi. Kaola tidak akan memaklumkan apa-apa pada peringkat ini, cuma yang kaola akan sarankan di sini nanti kaola akan menyiasat perkara ini sama ada kebenarannya ada, ataupun tidak, insya-Allah.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Maka Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik diundi. Siapa bersetuju angkat tangan?

**(Semua ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Ada yang tidak bersetuju?

**(Tidak ada Ahli mengangkat tangan)**

Maka Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA04A - Biro Kawalan Narkotik dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah juga dianggap sebagai jabatan tertutup tetapi jika ada cadangan atau pandangan secara umum bolehlah dikemukakan.

Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah diundi. Siapa yang bersetuju sila angkat tangan?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Maka Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA05A - Biro Mencegah Rasuah dijadikan sebagai salah satu daripada Jadual.

Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri juga adalah jabatan tertutup tetapi jika ada pandangan-pandangan atau cadangan secara umum, silakan. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih. Yang Berhormat

Pehin Pengerusi. Kaola hanya ingin memberi pandangan dan saranan. Negara Brunei Darussalam adalah berdekatan dengan negara-negara jiran yang mana kerana itu banyak perkara-perkara yang boleh berlaku seperti penyeludupan dan sebagainya. Jadi oleh kerana ia terdedah dengan negara jiran, perlu kawalan rapi ataupun berterusan daripada agensi berkenaan agar keselamatan Negara kita akan terjamin. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jika tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap, maka Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk SA06A - Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara untuk dibahaskan. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang

Berhormat, kalau kita lihat dalam anggaran Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara, keramaian pegawai dan kakitangan hanya 54 orang sahaja. Kita sedia maklum bahawa Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Agung AIPA (*ASEAN Inter Palimentary Assembly*) pada bulan September tahun ini. Dengan hanya 54 orang untuk mengendalikan mesyuarat serantau ini, mungkin adalah berat untuk menjayakan mesyuarat ini nanti. Jadi saya sebagai Pengerusi Jawatankuasanya memohon bagi *substantive matters* bagi pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara supaya agensi-agensi Kerajaan yang lain akan dapat memberi bantuan bukan saja dari segi tenaga manusia tetapi juga menyumbangkan bahan-bahan yang akan dibincangkan dalam permesyuaratan itu nanti yang akan dibincangkan di Mesyuarat Agung pada bulan September ini. Saya percaya pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara telah pun menghadapkan persuratan-persuratan mengenai perkara ini kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain. Sekian saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih juga di atas cadangan Yang Berhormat Pehin tadi mengenai untuk menangani mesyuarat yang akan diadakan di Negara Brunei Darussalam yang mana Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara akan menjadi pengerusi kepada mesyuarat-mesyuarat tersebut. Ianya memanglah diambil maklum. Saranan-saranan tersebut dari segi *manpower* dan jua

*substantive matters* yang akan dibantu oleh pegawai-pegawai yang lain yang berkaitan dengan Mesyuarat ini nanti, insya-Allah.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei dibukakan untuk dibahas. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sesungguhnya tertarik juga dalam Radio Televisyen Brunei ini, mengenai dengan iklan-iklan di Radio Televisyen Brunei, pada hari Selasa malam Rabu, ada beberapa orang memancing ikan, sudah dapat ikan dilepaskan balik, apakah perkara ini ada manfaatnya kepada orang-orang Brunei? Kaola berpendapat bahawa ada baik didedahkan bagaimana caranya meningkatkan atau mendapat bekalan ikan untuk orang-orang kitani

Brunei daripada dibuang-buang begitu saja. Sekian terima kasih.

Kedua, dalam iklan tersebut juga mungkin dapat dikatakan rasuah, seorang perempuan berkereta memandu lanju, dikejar oleh polis dan perempuan berkenaan memberi duit kepada polis sedangkan polis tidak mahu menerima, kalau kita lihat dan halusi benar-benar bahawa perbuatan sedemikian seolah-olah menggalakkan supaya memberi rasuah. Sekian Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, beberapa usaha telah juga dibuat oleh Radio Televisyen Brunei dalam mengatasi saluran dan siaran dapat dilihat dengan jelas di Daerah Temburong tetapi beberapa buah kampung di Mukim Batu Apoi dan Mukim Bokok masih belum dapat menerima liputan dengan jelas terutama bagi saluran 1 dan 2. Apakah cara pihak RTB dalam mengatasi perkara ini? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada lagi Ahli-Ahli yang lain. Maka Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei ada baiknya diundi, yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA08A - Radio Television Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan dibukakan untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jabatan Penerangan mengeluarkan Pelita Brunei pada masa ini 3 kali seminggu. Alhamdulillah, walau macamanapun kaola ada mendengar perancangan untuk mengeluarkan tiap-tiap hari seperti akhbar Borneo Bulletin, Brunei Times dan Media Permata, moga-moga rancangan tersebut berjaya.

Apa yang kaola ingin nyatakan iaitu sebagai pandangan kepada media rasmi Kerajaan, pihak Jabatan Penerangan seharusnya menyediakan ruangan Kenali Negara Kitani (KNK) bagi tujuan memperkenalkan Negara Brunei Darussalam bukan saja sebagai maklumat kepada pelancong asing tetapi juga bagi sesetengah orang-orang tempatan yang masih belum mengenali sepenuhnya tentang apa yang ada dan apa yang berlaku di Negara sendiri. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi

mengenai dengan Kenali Negara Brunei kita, saranan tersebut insya-Allah perkara ini akan kita teliti dan kaji. Kaola hanya ingin mengongsikan saja, tadi Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ada menyatakan bahawa Jabatan Penerangan bercadang akan mencetak Pelita Brunei tiap-tiap hari. Sebenarnya belum ada keputusan-keputusan tertentu yang kita buat tetapi cuma setakat kajian. Di samping itu sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Jabatan Penerangan juga ada menyediakan *websitenya* sendiri di mana *website* ini dapat dilayari oleh pihak orang ramai dan mungkin disebabkan oleh perkara tersebut keperluan untuk mencetak Pelita Brunei setiap hari akan kita *review* lagi, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat kalau kaola diizinkan untuk memberikan penjelasan kepada soalan yang awal tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai latihan-latihan kepada residen-residen Rumah Al-Islah, kalau dibenarkan kaola ingin menambah sedikit memberikan penjelasan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, mengenai dengan latihan-latihan yang diberikan kepada residen-residen ataupun penghuni-penghuni Rumah Al-Islah. Sebenarnya pihak Rumah Al-Islah bekerjasama dengan Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mana beberapa orang

lepasan daripada Rumah Al-Islah telah pun diberikan kursus-kursus tertentu di bawah Program As-Syifa sejak dari tahun 2005 hingga 2011 dan mengikut statistik yang telah pun diberikan iaitu seramai lebih kurang 113 orang penghuni-penghuni atau residen Rumah Al-Islah telah pun mengikuti sejak tahun berkenaan dan daripada jumlah berkenaan, 28 daripada mereka itu telah pun bekerja dan 15 berniaga, manakala kursus-kursus yang diikuti oleh penghuni-penghuni tersebut di Pusat Pembangunan Belia adalah seperti *plumbing, welding, refrigeration*, membaik pulih badan kenderaan, masakan, katering, kek dan pastri. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin berkongsi ataupun membuat pandangan mengenai dengan Jabatan Penerangan kalau tidak terkeluar daripada tajuk Pusat Berita atau pun Pertubuhan Berita Nasional Brunei. Perkara ini dicadangkan untuk menubuhkan Pusat Berita Negara Brunei Darussalam. Pertubuhan Berita Nasional Brunei ini berfungsi sebagai sumber berita yang dipercayai di kalangan media tempatan, swasta, institusi pengajian tinggi, pertubuhan awam dan masyarakat hingga melangkaui dunia secara global di mana fungsinya nanti boleh didapati di negara-negara luar yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam.

Para pengamal berita akan dapat menyalurkan sumber berita melalui

saluran yang sah dan tepat sepertimana jua tadi kitani mendengar ada berita-berita mengenai dengan orang yang ditahan di luar negara itu kalau ada pusat berita ianya akan memberi maklumat secara terperinci dan tepat. Pusat ini perlu meneliti sebelum ianya dikeluarkan. Ini telah dilakukan oleh beberapa buah negara yang maju di dunia. Sebagai contoh yang dekat kita ambil saja Bernama di Malaysia, segala berita-berita yang berhubung kait dengan negara-negara yang tersebut akan disahkan dan diteliti oleh pusat berita tersebut. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Yang Berhormat Pengerusi terima kasih, terima kasih juga di atas saranan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim tadi, Insya-Allah saranan tersebut akan kita kaji kesesuaian dan kelayakannya dengan mengambil kira keadaan-keadaan dan juga apa yang telah kita laksanakan selama ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan dibukakan untuk diundi. Yang besetuju sila angkat tangan. Terima kasih.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Maka Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam

dibukakan untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin menyentuh mengenai Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam yang dikelolakan oleh Universiti Brunei Darussalam serta program yang serupa yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan yang dikelolakan selalunya dari universiti luar negara.

Program-program berkenaan memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kanan untuk mempelajari prinsip, pendekatan dan amalan-amalan dalam penggubalan polisi, pengurusan awam dan *governance* tidak diragui. Program berkenaan dapat memberi kefahaman dan pengajaran mendalam bagi penggubalan serta pelaksanaan polisi-polisi dan program-program dalam pemberian perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seperti yang kita maklumi bahawa program anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam adalah kali yang ke-18 dan sementara itu program anjuran Kementerian Pertahanan adalah kali yang ke-9. Di sini kaola mencadangkan supaya

pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pertahanan untuk melibatkan dan menerima pegawai-pegawai kanan yang berkecenderungan dari sektor swasta untuk sama-sama mengikuti program tersebut atas sebab-sebab yang kaola ingin menyatakan iaitu:

- 1) Penglibatan sektor swasta dalam program-program berkenaan pada pendapat kaola mempunyai beberapa kebaikan, antaranya ia akan dapat memantapkan lagi program-program berkenaan. Ia akan dapat meningkatkan interaksi di antara sektor swasta dan sektor awam serta pendekatan *Brunei Inc.* ataupun *Brunei Incorporated* iaitu kerjasama sektor awam dan sektor swasta dalam menangani isu Negara terutama yang berkenaan dengan ekonomi dan perniagaan.
- 2) Ia juga membolehkan para peserta daripada kedua sektor bertukar fikiran dalam menangani isu-isu dan pendekatan yang dicadangkan. Jika terdapat perbezaan pendapat bolehlah dikupas akan buruk baiknya. Sektor swasta selalunya adalah penerima impak dari polisi-polisi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khusus dalam bidang perniagaan. Dengan adanya peserta dari sektor swasta maklum balas akan dapat diterima secara langsung dan dalam suasana perbincangan bilik belajar.

Dengan ini ia akan memberi kesedaran kepada pihak pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa penggubalan

polisi dan pelaksanaannya mempunyai *consequences* dan apa jua polisi-polisi yang dicadangkan hendaklah dihalusi, difikirkan sedalam-dalamnya sebelum dikenalkan, supaya ia nanti dapat mencapai matlamat dan tujuannya demi kepentingan Negara jua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), salah satu dari enam keutamaan yang diberikan oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu di Jabatan Perkhidmatan Awam, Peningkatan Kapasiti Perkhidmatan Awam ialah untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dan sebagainya.

Jadi kaola ingin mengaitkan dengan perkara yang ingin kaola sebutkan di sini iaitu jawatan dalam Bahagian II yang mempunyai skim dan tanggagaji yang berbeza dari segi nama dan istilah. Contohnya B2 EB3 atau G13 atau nama lain mengikut skim di jabatan-jabatan tertentu dan masing-masing mempunyai skim perkhidmatannya sehingga ke peringkat pegawai kanan.

Terdapat kes di mana pegawai yang memegang jawatan G13 umpamanya ditukar berkhidmat ke pejabat. Maksudnya tidak lagi bertugas sebagai tenaga pengajar. Malah jawatannya juga dibuat penyelarasan diubah kepada B2 EB3 dan kenaikan tanggagaji selalunya akan mengikut tanggagaji semasa pertukarannya ke pejabat yang mana adalah atas kehendak jabatan ataupun

majikan. Kemudian kenaikan pangkat pula biasanya setelah tempoh berkhidmat selama lebih kurang 5 ke 7 tahun. Isunya, apabila pegawai ini memohon kenaikan pangkat yang selalunya melalui iklan-iklan jawatan, maka kelamaan berkhidmat dalam jawatannya yang baru iaitu B2 EB3 akan diambil kira bukan dari kelamaannya dari berkhidmat dari G13.

Soalan kaola, adakah praktik atau prosedur sedemikian yang berjalan pada masa ini? Sekiranya betul, tidakkah pegawai berkenaan akan terjejas dari segi kenaikan pangkat? Sekiranya pegawai tersebut sebenarnya sudah mencukupi syarat berkhidmat 5 ke 7 tahun atau malah lebih, kalau diambil kira kelamaan berkhidmat daripada G13 yang pernah dipegangnya. Jadi sekiranya dapat dikaji semula perkara ini maka Peningkatan Kapasiti Perkhidmatan Awam yang difokuskan itu, akan berkesan.

Yang kedua, pada tahun 2008 pegawai-pegawai perempuan dalam Perkhidmatan Sebulan Ke Sebulan telah diperkenankan, diubah kepada Perkhidmatan Tetap dan kemudahan-kemudahan yang diberikan pada Skim Perkhidmatan Tetap ini juga dapat dinikmati oleh mereka seperti Elaun Tambang, Elaun Pelajaran dan lain-lain kemudahan yang ada.

Salah satu pemberian yang diperolehi oleh pegawai-pegawai berjawatan tetap yang berkhidmat sebelum tahun 1993 di mana TAP diperkenalkan, iaitu pencen bulanan selepas bersara, iaitu bagi pegawai dan kakitangan lelaki, kecuali pegawai perempuan yang mendapat pencen bulanan selepas bersara iaitu bagi mereka yang memegang jawatan dalam Bahagian II.

Kaola hanya ingin menyuarakan hasrat warga yang terlibat, iaitu apakah dapat dipertimbangkan mereka ini juga dapat diberikan pencen bulanan selepas bersara, sebagaimana juga warga Perkhidmatan Awam lelaki yang mendapat hak tersebut iaitu bagi jawatan yang layak menerima pencen sebagaimana juga pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki kerana sekiranya perkara ini dapat dipertimbangkan maka objektif perubahan status perkhidmatan berkenaan yang memberikan hak yang sama antara pegawai dan kakitangan lelaki dan perempuan benar-benar dapat dicapai. Wallahua'lam. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada beberapa perkara yang kaola ingin kongsi mengenai dengan soalan-soalan yang telah diajukan yang terlebih awal misalnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan penyelarasan tanggungaji ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dan juga tempoh memangku jawatan.

Pertama, mengenai penyelarasan tanggungaji ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan. Ketetapan tanggungaji bagi ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di kementerian-kementerian bukanlah diukur setakat pada jumlah kakitangan di bawah kawalan mereka masing-masing sahaja. Malah tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai-pegawai kanan ini adalah berbeza-beza sifatnya. Contohnya, pegawai kanan yang bertugas

di kementerian-kementerian akan lebih banyak menumpukan tugas mereka pada isu-isu yang melibatkan dasar-dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dalam konteks ini, ia lebih melibatkan jumlah pegawai yang kecil tetapi *specialize* dalam bidang tugas masing-masing.

Dari segi pentadbiran pula pemberian tanggungaji pada seorang pegawai kanan itu adalah tertakluk kepada kekananan seorang pegawai itu. Pegawai itu boleh saja pada asalnya bertugas sebagai Ketua Jabatan dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih kanan di peringkat kementerian dengan diberikan tanggungaji yang lebih tinggi. Oleh itu, pengalaman yang luas dan kekananan adalah menjadi aset penting bagi seseorang itu diberikan tanggungjawab yang lebih tinggi di samping sebagai galakan untuk menarik dan mengekalkan bakat-bakat tertentu dalam Perkhidmatan Awam.

Mengenai dengan soalan kedua, iaitu tempoh memangku jawatan, sebelum seseorang pegawai itu ditetapkan dan dinaikkan pangkat ke jawatan yang dipangkunya. Pada masa ini dasar yang ada ialah bagi memangku secara substantif iaitu sekurang-kurangnya enam bulan sebelum ianya boleh disokong untuk ditetapkan dalam jawatan. Enam bulan ini adalah satu tempoh yang bersesuaian untuk seseorang Ketua Jabatan itu mencuba dan menilai kebolehan seseorang pegawainya.

Dalam beberapa situasi terdapat di mana seorang Ketua Jabatan memerlukan masa yang lebih dari enam bulan untuk benar-



benar dapat memberi ruang menilai keupayaan pegawai yang memangku. Dan pada situasi yang lain pula, terdapat jua di mana kebenaran memangku telah dilanjutkan atau diberhentikan apabila didapati pegawai berkenaan tidak sesuai untuk dinaikkan pangkat.

Bagi kebenaran memangku secara dalaman jabatan (bukan dibenarkan memangku melalui SPA), tempoh memangku adalah bermaksud untuk diisi secara sementara bagi memastikan tugas jawatan tersebut tidak terjejas. Tempoh memangku yang panjang dalam hal ini bukanlah membolehkan secara automatik untuk ditetapkan dalam jawatannya atau dinaikkan pangkat. Maka berkemungkinan keadaan seperti inilah yang dilihat orang ramai sebagai tempoh yang berpanjangan. Ini adalah satu penilaian yang mesti diteliti dan perlu dibuat dengan berhati-hati supaya tidak ada penilaian dan sokongan yang kemudian hari dikatakan kurang teliti dan kurang adil. Walau bagaimanapun kaola percaya cadangan Yang Berhormat itu, pasti akan jadi bahan perbincangan Jabatan Perkhidmatan Awam di masa yang akan datang.

Ada satu lagi Yang Berhormat Pehin, tadi ada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf mengenai dengan satu iklan, mengenai dengan rasuah. Yang mana kaola di sini perlulah jua membetulkan mengenai dengan perkara ini. Sebenarnya promo anti rasuah yang ditayangkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi, bukanlah satu iklan untuk menggalakkan orang melakukan rasuah tetapi sebaliknya, iaitu untuk menyedarkan orang ramai untuk menjauhi

rasuah. Ini jelas dari papan klip promo tersebut di mana seorang wanita yang cuba untuk memberi rasuah kepada pegawai polis itu ditangkap dan dibawa ke Pejabat Biro Mencegah Rasuah untuk disoal siasat.

Jadi, perspektif seperti yang disebutkan itu adalah perspektif yang tidak betul. Biro Mencegah Rasuah tidak menggalakkan orang untuk melakukan rasuah, malah akan mencegah dan membawa mereka yang terlibat dengan rasuah ke muka pengadilan supaya sabit dijatuhkan hukuman atas kesalahan rasuah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Mencegah Rasuah.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, mengenai dengan program-program yang diadakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan Kementerian Pertahanan supaya sektor swasta juga akan dapat menyertai program-program ini, perkara ini insya-Allah akan abis kaola teliti mengenai dengan kesesuaiannya, kerana sebagaimana yang difahami untuk menyertai program-program ini di pihak Kerajaan, ianya mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu di mana kebanyakannya adalah dari kalangan pegawai-pegawai kanan yang akan dinilai untuk menjawat jawatan-jawatan kanan, dan insya-Allah perkara ini mungkin juga akan kita lihat dan timbangkan sebagaimana jua cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli tadi.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia, kaola kalau dapat minta tangguhkan dulu perkara ini, supaya kaola dapat melihat dari segi maklumat-maklumat terperinci lagi mengenai perkara ini, termasuk jua

saranan tadi mengenai dengan pencen bulanan bagi pegawai-pegawai wanita yang telah ditukar jawatannya daripada Perkhidmatan Sebulan ke Sebulan kepada Jawatan Tetap. Memang perkara ini tidak sama sebabnya sebagaimana yang kita sedia maklum, pegawai-pegawai wanita tersebut selain daripada yang *Division II* ke atas yang pada waktu dulu adalah berpencen memanglah ia diteruskan perkara itu, tapi bagi pegawai-pegawai bawahan ini nampak-nampaknya ianya *Division III* dan ke bawah, ianya adalah pegawai-pegawai yang pada dulunya adalah dikategorikan bukannya pegawai-pegawai yang berpencen. Jadi perkara itu perlulah kita teliti secara mendalam terutamanya mengenai dengan impaknya ataupun kesan-kesannya kepada sistem pentadbiran Kerajaan secara menyeluruh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Izinkan kaola untuk mengutarakan 2 perkara sahaja di Dewan majlis yang mulia ini.

Kebanyakan cuti berhak bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak dapat diambil sepenuhnya kerana keperluan tugas. Maka di Dewan yang mulia ini, kaola ingin tahu apakah usaha jabatan berkenaan untuk mengatasi masalah ini. Dan bolehkah kaola memberikan pandangan di dalam Dewan yang mulia ini, supaya cuti yang tidak dapat diambil kerana keperluan tugas dapat dibayar balik dengan kewangan.

Perkara yang kedua Yang Berhormat Pehin Pengerusi, kaola difahami proses untuk membolehkan Warga Perkhidmatan Awam bergaji hari untuk disokong bergaji bulan ialah selama 5 tahun. Apakah ia boleh dipertimbangkan supaya tempoh atau prosesnya dikurangkan dari 5 tahun kepada 3 tahun sahaja dengan mengambil kira prestasi mereka sangat baik dalam perkhidmatan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, warga Perkhidmatan Awam bergaji hari juga merupakan jentera kuat Perkhidmatan Awam yang turut menyumbang dalam kemajuan Negara. Pada pandangan kaola patut jua dibuat kajian oleh pihak berkenaan tentang keistimewaan yang patut diberikan sama kepada warga Perkhidmatan Awam yang bergaji hari seperti mereka yang bergaji bulan seperti tambang dalam negeri yang 4 tahun sekali dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian yang perlu diambil perhatian. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa 2 usul, iaitu:-

- 1) Berhubung dengan terdapatnya keluhan-keluhan dari jabatan-jabatan Kerajaan mengenai dengan kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Jadi dalam menentukan hal ini, tentunya Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai unit yang berkuasa iaitu *Manpower Audit* di dalam Perkhidmatan Awam. Jadi adalah dicadangkan supaya *Manpower Audit*

yang terdapat di jabatan berkenaan dipertingkatkan lagi supaya mempunyai kuasa menyeluruh kepada jabatan-jabatan lain bagi memberi keperluan pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan Kerajaan yang lain, supaya jangan sampai jabatan-jabatan berkenaan masih berkurangan pegawai dan kakitangannya; dan

- 2) Berhubung dengan penggunaan komputer di jabatan-jabatan Kerajaan. Sekarang ini adalah menjadi keutamaan dan suatu yang sangat penting. Jadi apabila berlakunya kerosakan akan menjadi masalah dan tertanggungnya pekerjaan. Apatah jika pembaikan kerosakan tersebut memakan masa yang lama, akhirnya kalau tidak tertunggu dengan siapnya komputer tersebut maka membeli komputer yang baru, atau pun jika komputer yang lama dapat diperbaiki maka perbelanjaan untuk memperbaikinya menjadi mahal, apabila berulang-ulang kerosakkannya. Jadi adalah dicadangkan supaya ditukar cara, iaitu dengan cara membekalkan komputer ke jabatan-jabatan Kerajaan iaitu menerusi pakej supaya setiap syarikat yang berjaya dalam tawaran itu dapat bertanggungjawab secara keseluruhan masalah dengan cara mengganti dengan cepat setiap kerosakan komputer dalam jangka perjanjian pakej yang terhad. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli tadi mengenai dengan

*Manpower Audit* ini. Memang *Manpower Audit* ini sudah pun dilaksanakan bagi beberapa jabatan kerajaan dan di sini kaola ingin mengongsikan beberapa dapatan ataupun penemuan-penemuan yang telah didapati daripada pengauditan tenaga manusia ini.

- 1) Keramaian pegawai dan kakitangan yang mengendalikan perkhidmatan adalah pada tahap mencukupi bahkan ada yang melebihi daripada yang diperlukan. Itu dapatan yang pertama; dan
- 2) Ada di antara peranan dan tugas yang dikendalikan itu bertindih-tindih, (*duplication of work*) dan ada jua melaksanakan tugas-tugas sampingan (*secondary*) yang bukan saja tugas utama (*core business*). Struktur organisasi yang tidak jelas kerana tidak menunjukkan *level of management* dan *span of control* yang boleh mengakibatkan lemahnya *line of authority*. Tugas-tugas yang dikendalikan tidak selaras dan gelaran jawatan dan tanggagaji, kurang diberikan pendedahan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Pembahagian beban tugas di kalangan kakitangan yang tidak selaras, persekitaran tempat bertugas yang sempit dan tidak selesa dan penyimpanan fail yang tidak sistematik dan macam-macam lagi.

Jadi berasaskan penemuan-penemuan tersebut, beberapa perkara telah ataupun keperluan bagi menyemak dan menilai semula beberapa aspek tertentu telah dilaksanakan oleh pihak-pihak Kerajaan.

Misalnya dengan penempatan semula jawatan-jawatan yang tidak bersesuaian,

menyatukan bahagian-bahagian dan jabatan untuk mengelakkan kerja-kerja yang bertindih-tindih, penstrukturan semula organisasi, menyesuaikan jawatan pangkat dengan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan, menentukan keperluan tugas atau kerja, membezakan antara tugas utama dan tugas kerja sampingan. Banyak lagi dapatan-dapatan tersebut yang mana kalau kaola menyenaraikan satu persatu mungkin akan mengambil masa yang begitu lama. Jadi memang sudah ada perkara ini, dilihat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan audit-audit ini akan dilaratkan kepada jabatan-jabatan lain lagi. Insya-Allah.

Mengenai dengan komputer tadi, memang pada waktu ini, Kerajaan telah pun melaksanakan pembekalan-pembekalan komputer ini dengan cara sewa atau pun *lease* dan apabila kerosakan didapati dengan sendirinya syarikat-syarikat pembekal tersebut akan diminta untuk mengganti komputer yang rosak dengan komputer yang baru. Ini adalah satu perkara yang sudah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan Kerajaan mengenai dengan komputer ini.

Yang Berhormat Pengerusi, tadi Yang Berhormat Pehin Datu Imam ada meminta penjelasan mengenai dengan seorang yang dianggap warga Negara Brunei yang ditangkap di Malaysia. Kaola ada satu maklumat di sini, bahawa setelah dibuat penyiasatan oleh Biro Kawalan Narkotik, didapati tangkapan itu bukan terdiri dari orang tempatan Brunei tetapi seorang rakyat Malaysia. Pihak Biro Kawalan Narkotik telah berhubung dengan pihak penguatkuasaan di Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai dengan perkara ini.

Mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, mengenai dengan bangunan kekal Biro Kawalan Narkotik di Daerah Temburong. Alhamdulillah, tapak tanah telah pun diperolehi dan pada masa ini projek ini adalah dalam proses *design stage*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ada 3 usul:

- 1) Sepatutnya pengambilan pekerja bergaji hari diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bukan jabatan-jabatan Kerajaan seperti yang lazim dibuat berpuluh-puluh tahun dari dahulu. Cara lama ini telah banyak rungutan dari orang ramai kerana yang ditemuduga melalui jabatan-jabatan didapati ada unsur pilih kasih.
- 2) Patut juga dipertimbangkan cuti bagi orang bergaji hari itu ditambah lagi sebanyak 7 hari; dan
- 3) Setelah diperkenankan cuti beranak selama 105 hari, maka banyaklah orang yang melahirkan anak. Ini satu masalah bagi suami-suami, kerana sibuk menguruskan isteri yang baru bersalin. Dicadangkan supaya suami juga diberi cuti selama seminggu untuk memeduli isteri yang baru bersalin serta mengurus rumah tangga kerana pada waktu itu si-suami jadi bapa dan jadi ibu, dan juga sibuk menguruskan dokumen-dokumen kelahiran dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit tadi. Mengenai orang-orang bergaji hari ini, apa yang barangkali dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit ini ialah pegawai-pegawai Division II ke atas yang mana pengambilan mereka ini adalah dipusatkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan. Kaola tidaklah melihat ada unsur-unsur pilih kasih dalam pengambilan ini, memandangkan apa yang berlaku di kementerian-kementerian, sebenarnya ada jawatankuasa-jawatankuasa dan tahap-tahap pemilihan-pemilihan yang tertentu yang dibuat dan ianya bukanlah selalunya dilaksanakan oleh seseorang pegawai sahaja. Ia dilaksanakan oleh beberapa pegawai dengan jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu.

Kaola memberi misal sahaja, di Kementerian Kewangan ianya diadakan *Psychometric Test*. *Psychometric Test* ini adalah untuk menguji kelayakan dan kesesuaian pegawai-pegawai tersebut, selepas itu barulah ia ditemuduga dan temuduga ini bukannya seorang, kadang-kadang dipanggil jua daripada pegawai-pegawai yang neutral. Jadinya unsur-unsur pilih kasih ini barangkali kaola tidaklah berapa dapat menerima kerana dalam pemilihan untuk melantik seseorang pegawai itu memang ianya selalunya ada jawatankuasa-jawatankuasa yang menimbangkannya dan yang terakhir ianya dihadapkan jua kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam akan selalunya menyoal lagi kalau sekiranya ada terdapat unsur-unsur yang tidak betul dalam lantikan-lantikan tersebut.

Mengenai dengan cuti gaji hari ini, ada cadangan tadi hendak ditambah 7 hari. Kalau ditambah tidak bergaji, dengan sendirinya rugi ia sehari. Kalau ditambah 2 hari rugi ia 2 hari sebabnya ia bergaji hari. Tapi walau bagaimanapun, perkara ini akan kitani kaji mengenai dengan kesesuaiannya termasuk jua isteri beranak, suaminya perlu bercuti. Tapi kalau melihat sistem kitani pada waktu ini, cuti-cuti ini banyak sudah. Kalau orang tersebut umurnya 40 tahun ke atas, cuti ditambah hingga 60 hari. Kalau di bawah 40 tahun, cuti ditambah 40 hari. Jadi kalau dibandingkan dengan pihak swasta cuti-cuti Kerajaan ini memang sudah banyak.

Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan tersebut insya-Allah akan dikaji lagi sebagaimana jua kelayakan dan kesesuaiannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membuat cadangan mengenai dengan penyelarasan gaji Perkhidmatan Awam. Pada masa ini kita maklum bahawasanya perkhidmatan sudah ditambah menjadikan 55 tahun bagi orang-orang yang bergaji hari kepada 60 tahun. Jadi dalam tempoh 5 tahun itu, dari umurnya 55 tahun tanggagajinya sudah selesai. Jadi perlu jua difikirkan supaya penyelarasan tanggagaji bagi mereka yang disambung

perkhidmatannya hingga 60 tahun itu dipertimbangkan bagaimana mereka ini dapat menikmati kenaikan tahunan mereka. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidaklah mengajukan pertanyaan hanya ingin merujuk 2 soalan yang belum terjawab. Dengan izin Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola sebenarnya bukan tidak mahu menjawab tapi masih lagi mendapatkan maklumat-maklumat terperinci sebelum kaola memberikan jawapan mengenai dengan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi. Termasuklah juga Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin tadi. Masih lagi menunggu maklumat-maklumat tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam menyokong Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam, kaola juga ingin mencadangkan supaya tanggajaji minima dapat diperkenalkan bagi pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam yang bergaji hari

atau bergaji bulan. Termasuklah juga pekerja-pekerja yang bekerja dengan pihak-pihak swasta di Negara ini. Kerana dengan adanya tangga gaji minima yang diperkenalkan, ianya akan dapat mengimbangkan kos sara hidup rakyat di Negara ini. Kerana pada akhir-akhir ini nampaknya ada perbezaan yang amat ketara di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain.

Jadi, kalau sekiranya tangga gaji minima ini yang dimaksudkan itu sudah pun dibuat ada dikeluarkan maka ianya haruslah diedarkan kepada pihak-pihak swasta yang ada menggaji pekerja-pekerja di Negara ini sebagai panduan. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengetahui tentang perancangan kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam. Adakah perancangan kakitangan dan juga pertukaran kakitangan Perkhidmatan Awam ini dirancang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun ianya dirancang bersama-sama dengan jabatan yang berkenaan? Soalan kaola yang pertama.

Yang kedua, kerana kaola memerhati dan melihat selama ini ada sesetengah pegawai Perkhidmatan Awam ditukar ke satu jabatan, belum pun panas duduk di kerusi, ditukar lagi ke jabatan yang lain. Ini nampak seolah-olahnya tidak ada perancangan yang tertentu. Akibatnya pegawai tersebut terpaksa menanggung

bebanan kerana terpaksa berpindah rendah. Jadi kaola ingin kepastian kadang-kadang tidak sesuai ataupun tidak *matching* jawatan yang ditukarkan dengan kelayakan seorang pegawai itu. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas pertanyaan dan keperihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Shafiee bin Ahmad tadi.

Menyentuh mengenai dengan perancangan dan pertukaran pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam. Memang dalam Kerajaan kita sebenarnya ada program-program ataupun Perancangan Penggantian (*Succession Plan*) yang diusahakan dan pada waktu ini ada satu lagi program iaitu Program Kenaikan Pangkat Laluan Laju. Perkara ini sedang dikemaskinikan dan dimantapkan lagi dari masa ke semasa dan memanglah dalam merancang pertukaran dan perlantikan pegawai-pegawai ini memang beberapa kriteria penting diambil kira. Terutamanya bukan dari segi *seniority* saja tapi *academic qualification*, pengalaman dan juga latihan-latihan serta kewibawaan pegawai-pegawai tersebut.

Jadi soalnya kadang-kadang ada pegawai sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang baru ditukar tetapi beberapa bulan atau tahun kemudian ia ditukar lagi. Sebabnya di dalam Kerajaan memang kesesuaian itu sentiasa dipantau dan apabila ada kekosongan di satu-satu jabatan, disebabkan oleh mungkin kenaikan pangkat ataupun persaraan

pegawai-pegawai maka perlulah diteliti semua orang-orang yang berkelayakan untuk dinaikkan pangkat. Walaupun orang itu kadang-kadang ditukar sementara, misalnya di satu tempat tapi oleh kerana kelulusannya, pengalamannya dan kelayakannya itu sesuai di tempat lain, maka Kerajaan dengan sendirinya akan menukar pegawai tersebut. Sebabnya dengan sendirinya pegawai tersebut adalah betul-betul diperlukan di satu-satu tempat yang tertentu. Jadi itulah sebabnya, bukannya seperti kata orang kita membuatkan pegawai tersebut seperti bola. Ianya adalah atas kelayakan-kelayakan tertentu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam ada baiknya diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang lagi pada hari Isnin, 11 Mac 2013 jam 9.30 pagi.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**



## DEWAN MAJLIS

**Isnin , 28 Rabiulakhir 1434 / 11 Mac 2013**

### **YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

#### **YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI- MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan yang Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara iaitu hari yang keempat disambung semula didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat pagi.

Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang keempat. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan pada hari ketiga yang lalu iaitu pada hari Sabtu masih lagi membincangkan dan menimbangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis Mesyuarat Negara bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya yang mana masih lagi membincangkan satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang

tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat Jawatankuasa telah membincangkan dan menimbangkan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak sepuluh buah jabatan telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual di dalam Rang Undang-Undang tersebut. Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa akan beralih kepada jabatan seterusnya.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakah yang ingin membahaskan Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan?

Jika ada, saya bukakan perkara ini untuk dibahaskan. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola sebenarnya akan menerangkan mengenai dengan persoalan-persoalan yang belum kaola jawab kelmarin terutamanya mengenai dengan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perkhidmatan Awam, Keselamatan Dalam Negeri dan Biro Kawalan Narkotik. Mengenai dengan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan *minimum wage* ataupun inflasi, nanti kaola memberikan penerangan apabila kitani sampai kepada Jabatan Perancangan Kemajuan ekonomi. Jadi kalau ada izin Yang Berhormat Pehin,

kaola menerangkan yang ringan dulu iaitu Radio Televisyen Brunei.

Radio Televisyen Brunei ini, Yang Berhormat Pehin adalah hasil pemerhatian daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf yang menyuarakan mengenai dengan iklan yang disiarkan pada hari Selasa, yang mana beberapa orang memancing ikan dan apabila dapat ikan, ikan tersebut dilepaskan. Jadi kaola tertarik jua dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Oleh sebab itu kaola telah mengarahkan supaya menyiasat perkara ini.

Sebenarnya iklan yang dimaksudkan itu adalah merupakan rancangan majalah TV luar negeri yang bertajuk "*Off The Chart*". Rancangan ini disiarkan setiap hari Selasa jam 7.00 malam. Rancangan tersebut memaparkan tentang beberapa orang penyelidik atau *researcher* yang mengkaji jenis-jenis ikan yang terdapat di kawasan-kawasan tertentu di Eropah.

Tujuan utama mereka menangkap ikan ialah semata-mata untuk membuat kajian dan bukannya menangkap ikan untuk dimakan atau dijual. Makanya apabila ikan tersebut ditangkap, butir-butir mengenai ikan tersebut ditelitinya, dicatatnya dan digambarnya sebelum dilepaskan semula ke laut.

Yang kedua, mengenai dengan persoalan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan penerimaan siaran Radio Televisyen Brunei yang masih kurang jelas di kawasan Batu Apoi dan Mukim Bokok, Temburong. Radio Televisyen Brunei mengetahui akan masalah yang dihadapi oleh setengah

penduduk di kawasan Batu Apoi dan Kampung Bokok, Temburong. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk di kedua-dua kawasan berkenaan, Radio Televisyen Brunei sedang berusaha membina sebuah stesen *transpose* yang baru di Kampung Sekurop, Mukim Batu Apoi, Temburong.

Tawaran bagi perkara tersebut telah ditutup pada 2 Mac 2013 yang lalu. Projek penyediaan tapak dijangka siap dalam tempoh 10 bulan setelah tawaran diluluskan. Manakala pembinaan bangunan, aerial dan pemasangan peralatan elektronik dijangka memakan masa kira-kira 12 bulan. Projek tersebut dikendalikan bersama dengan pihak JKR yang akan menyelaraskan proses penyediaan tapak, penyediaan jalan masuk, bekalan elektrik dan air.

Diharap penduduk kawasan tersebut akan bersabar. Dalam masa yang sama, penduduk-penduduk kawasan yang berkenaan di Temburong, bolehlah menghubungi cawangan Radio Televisyen Brunei di Bangar, atau stesen Pemancaran Bukit Subok, bagi mendapatkan bantuan nasihat mengenai pemasangan aerial dan *booster* yang akan membolehkan penerimaan siaran Radio Televisyen Brunei, dengan lebih jelas. Apa yang kaola difahamkan daripada Radio Televisyen Brunei, pemasangan aerial ini tidak betul hala tujunnya, sebab itulah ia kadang-kadang kurang jelas dan kabur.

Mengenai dengan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai dengan isu penyeludupan perlu ditangani secara berkesan, kaola sangat-sangat berterima kasih juga di atas saranan dan keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji

Jumat terhadap persoalan yang dibangkitkan. Sebagai menambah maklumat sahaja, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri selaku agensi perisikan keselamatan memang telah sekian lama sentiasa berusaha meningkatkan hubungan kerjasama dan perkongsian maklumat dengan agensi-agensi ataupun rakan sejawat di luar negara. Ini bermakna bukan saja negara jiran tetapi juga dengan negara-negara lain di rantau ini dan juga di arena antarabangsa.

Kerjasama dan perkongsian maklumat adalah merupakan keperluan utama negara masing-masing kerana bentuk dan skop ancaman keselamatan yang terbit dalam arus globalisasi ini juga bersifat merentas sempadan yang setentunya memaksa diwujudkan bentuk kerjasama yang rapat dan perkongsian maklumat bagi kepentingan masing-masing.

Dengan fokus peranan di dalam negeri, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri juga menjalin hubungan kerjasama rapat dan setentunya perkongsian maklumat dan agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga orang ramai dalam sama-sama menanai amanah dan tanggungjawab dan menjaga kepentingan Keselamatan Negara.

Dalam pada itu, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri juga mempromosi nombor *hotlinenya* 133, bagi membolehkan pihak awam menyalurkan maklumat yang dinilai mempunyai kepentingan keselamatan. Dalam menangani dan memantau masalah penyeludupan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri juga memberikan perhatian tinggi kepada penyeludupan benda atau elemen yang berkaitan dan relevan dengan perhatian utama kepada penganasan.

Dalam menjalankan pemantauan ini, JKDN juga telah dan akan terus berkongsi maklumat dan mendapat kerjasama baik dari agensi Kerajaan lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Biro Kawalan Narkotik dan agensi-agensi lain.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, berkenaan dengan residen Pusat Al-Islah yang telah dikeluarkan daripada pusat tersebut, sama ada dipantau dan sebagainya, yang mana Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah juga memberikan penerangan, kaola juga ingin memberikan penerangan tambahan.

Sebenarnya setelah dibebaskan dari Pusat Al-Islah selain dari melapor diri dari masa ke semasa dalam Skim Pengawasan sebagai Orang Yang Di bawah Pengawasan (OYDP) dalam tempoh dua tahun, lepasan residen akan mengikuti beberapa program antara lainnya seperti kelas kerohanian, program muzakarah bersama keluarga, sesi sokongan bantu individual dan kelompok, sesi kaunseling individu dan keluarga, mengikuti aktiviti lanjutan termasuk sukan, rekreasi dan kerja-kerja kemasyarakatan.

Di samping itu, Biro Kawalan Narkotik juga telah menyediakan apa yang mereka gelar sebagai *Drop-in Centre* untuk kemudahan sama ada kepada OYDP ini ataupun bekas OYDP membuat perjumpaan dan meminta bantuan, seperti sokongan bantu rakan sebaya *via support*, khidmat kaunseling yang berterusan ataupun sekadar untuk merapatkan silaturrahim di antara mereka.

Bekas OYDP termasuk bekas residen dari Pusat Al-Islah juga secara automatik menjadi ahli Rakan Harmoni, iaitu satu kumpulan yang ditubuhkan bagi memberikan sokongan bantu kepada Orang Yang Di bawah Pengawasan (OYDP) ini, serta membantu dalam apa juga program dan aktiviti yang difikirkan bermanfaat oleh Biro Kawalan Narkotik melalui cawangan pengawasan.

BKN secara berterusan juga melaksanakan perkara-perkara berikut misalnya mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan swasta, memberikan taklimat latihan dan kursus keusahawanan bagi membuka peluang kepada mereka untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan perusahaan kecil selain mencari dan menyalurkan maklumat mengenai kerja-kerja kosong dalam sektor Kerajaan dan swasta dari masa ke semasa.

Dari masa ke semasa jua, BKN dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi, memang membuat kajian dan penyelidikan terhadap isu-isu penyalahgunaan dadah. Setakat ini, terdapat sembilan penyelidikan telah dijalankan oleh UBD, UNISSA dan Institut Teknologi Brunei. Salah satu dari penyelidikan yang dibuat adalah berkaitan dengan kes-kes dadah yang berulang (*relapse cases*). Adalah perlu untuk kita menyedari hakikat bahawa tidak semua bekas residen Pusat Al-Islah akan berjaya membebaskan diri dari dadah tetapi kita perlu berusaha untuk mengawal kejatuhan mereka. Bagi setengah bekas pengguna, kejatuhan adalah sebahagian dari pemulihan (*relapse is part of recovery*). Sehubungan dengan itu, ianya tidak sepatutnya dipandang sebagai satu kegagalan kerana besar kemungkinan

ianya adalah sebagai titik permulaan kepada pemulihan yang berjaya.

Sehubungan dengan dapatan penyelidikan kes-kes dadah berulang, antara faktor-faktor penyebab adalah seperti kurang perhatian dan sokongan daripada keluarga, stigma dan pandangan masyarakat sekeliling. Kebanyakan anggota masyarakat masih lagi tidak memberikan kepercayaan kepada mereka dan masih menganggap mereka sebagai penagih dadah.

Terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan pekerjaan, misalnya keadaan pekerjaan yang mencabar dan menekan yang menyebabkan mereka berfikir adalah perlu untuk mengambil dadah sebagai stimulant. Ada yang dibuang kerja tanpa sebab setelah majikan mengetahui mereka adalah bekas pengguna dadah dan ada pula yang gagal untuk mendapat pekerjaan kerana perlu bersaing dengan lepasan-lepasan sekolah yang berkemungkinan mempunyai kelulusan yang tinggi. Ada juga bekas pengguna yang kurang ketahanan diri seperti keinginan untuk berseronok dan bergaul semula dengan kawan-kawan lama yang masih bergiat dengan dadah.

Kurang kawalan dan bimbingan keluarga, sebahagian ibu bapa memberikan kebebasan sepenuhnya dan tidak membuat sekatan dan larangan kepada mereka dalam pergaulan dan pergerakan keluar rumah adalah juga dapatan lain mengenai perkara ini. Dapatan dari hasil penyelidikan-penyelidikan tersebut telah dijadikan sebagai panduan BKN dalam usaha meningkatkan lagi keberkesanan tugas dan merangka program-program pambanterasan penyalahgunaan dadah di Negara ini.

Antara usaha-usaha tersebut termasuklah mengadakan program yang melibatkan keluarga dan komuniti seperti taklimat, permuzakarahannya, sesi kaunseling, sesi sokong bantu dan lawatan ke rumah. Menyediakan dan mempelbagaikan lagi program latihan kemahiran vokasional yang *marketable* bagi memberikan kemahiran asas kepada residen semasa menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah agar mereka dapat mencari pekerjaan ataupun berdikari selepas dibebaskan dari Pusat Al-Islah.

Bekerjasama dengan pihak swasta dalam memberikan peluang pada residen untuk mengikuti penempatan kerja bagi memudahkan mereka dalam pencarian kerja selepas mereka dibebaskan dan yang terakhir menekankan program kerohanian ataupun *spiritual* kaunseling dan sokongan bantu dari rakan-rakan sebaya yang sudah pulih sepenuhnya, rakan harmoni, pembantu bertugas bagi mengelakkan kes dadah berulang.

Mengenai isu penyeludupan dadah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar pula, dalam menanganinya sama ada yang dibawa masuk atau dibawa keluar dari Negara ini, Biro Kawalan Narkotik memberikan lebih keutamaan kepada perkara-perkara yang melibatkan kes-kes sindiket pengedaran antarabangsa di mana banyak masa dan tenaga telah diperuntukkan untuk menangani perkara ini. Biro Kawalan Narkotik dari masa ke semasa telah mengukuhkan keupayaan untuk menangani kes-kes sindiket pengedaran dadah antarabangsa di mana pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik telah menjalani pelbagai latihan dan kursus serta juga mengadakan mesyuarat dengan



agensi-agensi penguat kuasa dari dalam dan luar negara bagi meningkatkan pengawalan dadah di sempadan dan juga pos-pos kawalan.

Biro Kawalan Narkotik sentiasa berkongsi pengetahuan dan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain yang bertugas di pos-pos kawalan. Alhamdulillah hasil daripada kerjasama dan usaha-usaha tersebut, beberapa kes yang melibatkan sindiket antarabangsa telah berjaya ditumpaskan. Bagi tujuan meningkatkan lagi langkah penguatkuasaan dan pemeriksaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, agensi-agensi penguat kuasa sentiasa mengadakan perjumpaan termasuk melalui Jawatankuasa Keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa yang mana perkongsian maklumat adalah juga menjadi keutamaan dalam memastikan setiap agensi bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan lain dalam memastikan tindakan konsisten dibuat ke atas sebarang penahanan dan tangkapan yang dibuat.

Apa yang tidak kurang pentingnya dalam usaha kita untuk memerangi kes-kes penyeludupan dadah ini ialah usaha-usaha bagi meningkatkan kesedaran orang awam. Ke arah itu, pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah kerap kali memperingatkan orang ramai mengenai taktik-taktik yang digunakan oleh sindiket dadah antarabangsa melalui ceramah-ceramah, promosi TV dan radio, pameran media cetak dan pemasangan poster sindiket dadah antarabangsa di tempat-tempat strategik seperti di Lapangan Terbang dan semua pos-pos kawalan di Negara Brunei Darussalam.

Insyallah, pihak Kerajaan sudah setentunya akan berterusan mengambil langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif bagi memperkesakan lagi usaha bagi memerangi kes-kes penyeludupan dan juga penyalahgunaan dadah di Negara ini.

Kaola juga, kalau diizinkan menjawab beberapa pertanyaan mengenai dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, di mana ada beberapa soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Kaola akan menerangkan dahulu persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Dasar yang diamalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada masa ini memang membolehkan atau membenarkan bagi tempoh perkhidmatan di dalam tanggagaji yang berlainan tetapi sebanding untuk dirangkumkan ataupun disatukan. Tetapi ini tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditentukan di dalam iklan jawatan kosong berkenaan. Syarat-syarat kelayakan minima yang ditentukan di dalam pengiklanan jawatan kosong adalah mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi satu-satu jawatan tersebut.

Setiap pemohon yang memohon jawatan kosong berkenaan akan dinilai sama ada memenuhi syarat-syarat atau tidak berpandukan kepada syarat-syarat kelayakan minima yang telah ditetapkan di dalam skim perkhidmatan dan juga iklan yang telah dikeluarkan bagi jawatan-jawatan berkenaan.

Bagi jawatan-jawatan yang skim perkhidmatan masing-masing telah pun diluluskan oleh JTG ataupun Jawatankuasa Tangga Gaji dengan syarat-syarat perkhidmatan. Syarat-syarat kelayakan di dalam iklan adalah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang telah diluluskan. Manakala skim perkhidmatan yang belum diluluskan oleh Jawatankuasa Tanggagaji akan diselaraskan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengikut sukat-sukat dan syarat-syarat kelayakan bagi jawatan sebanding yang telah diluluskan Jawatankuasa Tanggagaji dengan ditambah dengan syarat-syarat lain yang bersesuaian seperti yang dipohonkan oleh jabatan berkenaan.

Sebagai misalan, bagi jawatan yang sudah lulus Jawatankuasa Tangga Gaji contohnya jawatan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I di dalam tanggagaji B3, syarat kelayakan minima ialah mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau sebanding di dalam bidang bersesuaian dan sedang berkhidmat dalam kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B2 EB3 tidak kurang dari 5 tahun.

Ini bermakna bagi pemohon-pemohon dari kalangan pegawai kerajaan yang bukan berjawatan di dalam tanggagaji B2 EB3 sebagai contoh tanggagaji G3 yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat kelmarin atau hanya berkhidmat dalam tanggagaji B2 EB3, di dalam tempoh kurang dari 5 tahun maka adalah tidak memenuhi syarat bagi diperakukan bagi jawatan ini kerana skim perkhidmatannya hanya menghadkan pegawai di dalam tanggagaji B2 EB3 saja yang layak bagi dipertimbangkan untuk jawatan ini.

Walau bagaimanapun, ada juga jawatan lain di dalam tanggagaji B3 yang mempersyaratkan pegawai-pegawai di dalam tanggagaji B2 EB3 atau tanggagaji sebanding untuk layak memohon jawatan tersebut. Di dalam keadaan ini permohonan dari kalangan pegawai yang berjawatan di dalam tanggagaji lain tetapi sebanding dengan B2 EB3 seperti G3 atau mempunyai tempoh perkhidmatan dalam tanggagaji G3 dan B2 EB3 yang dikumpulkan secara keseluruhan telah mencukupi lebih 5 tahun atau lebih adalah layak untuk diperakukan bagi jawatan di dalam jawatan tanggagaji B3 ini. Ini bermakna, peluang pegawai di dalam jawatan tanggagaji B2 EB3 yang mana sebelum ini berkhidmat dalam jawatan G3 untuk memohon jawatan B3 adalah terbuka.

Sememangnya diakui ada terdapat perbezaan di dalam syarat-syarat kelayakan di dalam skim perkhidmatan jawatan-jawatan yang ada di dalam perkhidmatan awam. Skim perkhidmatan satu jawatan itu adalah dirangka dan disesuaikan dengan keperluan dan kehendak bidang tugas jawatan berkenaan. Jadi walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan meneliti dan seterusnya membuat kajian tertentu dalam perkara ini.

Sekarang kaola akan mengongsikan maklumat mengenai dengan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan cuti diganti dengan wang tunai, *open vote* dari 5 tahun ke 3 tahun dan lagi soalan mengenai kemudahan-kemudahan bergaji hari.

Pegawai kerajaan dalam perkhidmatan awam yang berjawatan tetap, sebulan ke sebulan dan *open vote* berkelayakan mendapat Cuti Tahunan pada kadar-kadar tertentu mengikut bahagian dan umur setiap 12 bulan kalendar perkhidmatan.

Pada misalnya pegawai Bahagian I dan II yang di bawah umur 40 tahun, berkelayakan mendapat cuti sebanyak 42 hari setahun manakala pegawai yang berumur 40 tahun ke atas berkelayakan mendapat Cuti Tahunan sebanyak 50 hari setahun. Sememangnya ketika peraturan cuti diwujudkan Kerajaan memang menyedari bahawa tidak keseluruhan Cuti Tahunan itu akan dapat dinikmati pada tahun-tahun yang sama. Kerana itulah kelonggaran telah diberikan bagi pegawai dan kakitangan boleh mengumpul cuti sehingga tempoh 3 tahun. Peluang ini diharap akan dapat digunakan sebaik-baiknya.

Selain itu, Kerajaan telah memperkenalkan Peraturan Cuti Mandatori dengan hasrat supaya pegawai-pegawai Kerajaan dalam Bahagian I, II dan III dapat mengambil Cuti Tahunan sekurang-kurangnya 14 hari dalam setahun. Cuti Mandatori berkenaan boleh dirancang untuk diambil dalam tempoh 12 bulan perkhidmatan. Mana-mana Cuti Mandatori yang tidak diambil dalam tempoh setahun perkhidmatan akan dikira luput dan akan ditolak dari kelayakan Cuti Tahunan. Cuti Mandatori ini juga adalah dihasratkan supaya dapat memberi peluang pegawai-pegawai lain untuk memangku jawatan semasa ketiadaan pegawai kerana bercuti 11 hari atau lebih dengan dibayar elaun memangku.

Jadi adalah wajar perancangan cuti dibincangkan dengan setiap ketua

bahagian jabatan supaya kelayakan cuti akan dapat disusun dan diambil dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, perkara mengenai cuti haruslah dilihat bukan sebagai hak tetapi sebagai satu keistimewaan yang boleh diambil apabila keadaan memerlukan. Pendek kata, pegawai-pegawai kerajaan mempunyai bilangan cuti yang begitu banyak berbanding dengan mereka yang bekerja di pihak swasta. Ini belum lagi mengira cuti-cuti hari kelepasan awam.

Dalam pada itu pegawai kerajaan juga dibenarkan mengumpul cuti tidak lebih 108 hari dalam setiap masa. Dalam Peraturan *General Orders (GO)*, pegawai Kerajaan dikehendaki bekerja bila-bila masa bila dikehendaki oleh ketua-ketua jabatan. Dalam pada itu, pembayaran perlu dikaji sedalam-dalamnya kerana ia akan melibatkan peruntukan Kerajaan yang banyak dan dalam pada itu pegawai kerajaan tidak sepatutnya mengira waktu untuk bertugas bila diperlukan.

Mengenai dengan soalan *open vote*, cadangan sebenarnya *open vote* akan dipendekkan daripada 5 tahun ke 3 tahun. Sebenarnya proses sokongan pekerja bergaji hari dengan merujuk peraturan pada masa ini hanya akan dipertimbangkan setelah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum dilantik ke perkhidmatan *open vote* (bergaji bulan). Pengambilan bergaji hari adalah pekerja yang diambil secara sementara yang diperbaharui perkhidmatan mereka setiap tahun tertakluk kepada adanya peruntukan di bawah Peruntukan Berulang-ulang dan juga tertakluk kepada keperluan kementerian dan jabatan yang menghendaki perkhidmatan mereka.

Dalam hal perkhidmatan bergaji hari ini, pendekatan Kerajaan sebenarnya adalah progresif iaitu tempoh kenaikan pekerja-pekerja bergaji hari ke Skim Perkhidmatan Bergaji Bulan telah pun diubah sebelumnya 10 tahun tetapi sekarang ini 5 tahun. Tempoh 5 tahun ini adalah difikirkan tempoh yang bersesuaian untuk menilai pekerja bergaji hari untuk dilantik ke perkhidmatan *open vote* bagi memastikan perkhidmatan mereka benar-benar diperlukan oleh kementerian dan jabatan. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat setentunya akan menjadi bahan perbincangan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam menggubal peraturan-peraturan gaji hari pada masa akan datang.

Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat untuk memberikan keistimewaan pada warga perkhidmatan awam yang bergaji hari seperti tambang dalam negeri 4 tahun sekali dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian.

Perkara ini adalah memerlukan penelitian yang mendalam mengikut kesesuaian, keutamaan dan kewajarannya. Terutamanya dari segi kemampuan Kerajaan memandangkan jumlah keramaian pekerja bergaji hari ini adalah 11,553 orang. Di samping itu, sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan juga pada masa ini memberikan kemudahan tambang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang layak menerima tambang yang mana jumlah tambang setahun yang sudah disediakan oleh Kerajaan ialah sebanyak \$47 juta. Tambahan lagi Kerajaan juga telah menukar perkhidmatan bagi pekerja perempuan yang berjumlah seramai 10,756 orang dari jenis perkhidmatan sebulan ke sebulan kepada jenis

Perkhidmatan Tetap yang mana mereka ini juga layak menerima kemudahan-kemudahan seperti tambang berserta suami dan anak-anak yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan. Ke semua ini memanglah memerlukan perbelanjaan yang agak besar.

Pekerja begaji hari juga tidak diabaikan, pada misalnya mereka juga dihulurkan beberapa jenis elaun seperti Elaun Sara Hidup sebanyak \$170 sebulan, Kurnia Elaun Khas sebanyak \$200, Caruman TAP dan SCP serta bonus tahunan. Di samping itu, pekerja bergaji hari yang memenuhi syarat-syarat tertentu juga diberikan kemudahan untuk memiliki perumahan di bawah Skim Tabung Perumahan di mana bagi pekerja bergaji hari secara sukarela bolehlah menabung secara berterusan tidak kurang dari 4 tahun dengan kadar potongan sebanyak 5% dari gaji mereka.

Bagi pekerja yang mempunyai gaji di bawah \$2,000.00 Kerajaan akan memberikan bantuan kewangan sebanyak \$25,000.00 bagi tujuan memiliki perumahan asalkan mereka memenuhi syarat-syarat yang telah dibentangkan tadi, iaitu untuk menabung sebahagian dari gaji mereka selama 48 tahun. Jika disukai dari segi pemberian kemudahan, nampaknya kebajikan pekerja-pekerja bergaji hari ini juga telah pun diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Satu lagi Yang Berhormat Pengerusi, sama jua mengenai dengan saranan daripada Yang Berhormat Tuan Awang Haji Jumat bin Akim, mengenai dengan kenaikan tahunan bagi melanjutkan perkhidmatan kepada 60 tahun. Pada dasarnya sukatan gaji yang disediakan bukanlah bertujuan untuk memberikan kenaikan gaji tahunan

sehingga umur persaraan seorang pegawai itu. Pada satu peringkat, gaji seorang pegawai itu akan mencapai kadar maksima yang setimpal dengan tahap tugas dan tanggungjawab jawatan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1999, Kerajaan telah meluluskan penambahan tangga gaji dalam mewujudkan EB Khas yang rata-rata memberikan tambahan 5 kenaikan tangga gaji. Ini adalah pertimbangan Kerajaan berasaskan keperluan.

Oleh itu, dalam *remuneration structure*, asas penetapan tangga gaji bukanlah bersandarkan semata-mata kepada tempoh perkhidmatan seseorang pegawai itu tetapi lebih kepada nilai tugas dan tanggungjawab sesuatu jawatan itu. Walau bagaimanapun perlu jua kita ingat di sini, perlanjutan perkhidmatan dari 55 tahun ke 60 tahun ini, bagi pekerja di bawah Skim TAP adalah merupakan satu kurnia yang harus disyukuri kerana dalam tempoh 5 tahun tersebut, mereka akan masih menerima gaji penuh. 5 tahun lagi bekerja mereka menerima gaji yang penuh berbanding jika mereka bersara pada umur 55 tahun yang hanya akan menerima pendapatan, selalunya kalau sudah bersara akan menerima pendapatan yang lebih rendah daripada apa yang kita terima semasa dalam perkhidmatan. Itu sahaja Yang Berhormat Pehin Pengerusi yang dapat kaola kongsi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang kita beralih balik kepada Tajuk SA11A – Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wawasan Negara 2035, kalau tidak silap kaola mula dirancangkan dari 2007 hingga 2035 kurang lebih dalam 28 tahun. Ianya telah berjalan dari 2007 hingga Februari 2013. Wawasan Negara 2035 sudah berjalan 5 tahun 2 bulan kira-kira 18.57 peratus. Wawasan 2035 mempunyai 8 strategi iaitu:-

- 1) Strategi Pendidikan;
- 2) Strategi Ekonomi;
- 3) Strategi Keselamatan;
- 4) Strategi Pembangunan Institusi;
- 5) Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan;
- 6) Strategi Pembangunan Infrastruktur;
- 7) Strategi Jaminan Sosial dan
- 8) Strategi Alam Sekitar.

Dalam 8 strategi ini, tambah lagi 50 *points Policy Directions* yang diharapkan dapat menghala tuju yang amat tinggi sasarannya yang menghendakkan pencapaian hingga ke tahap ke-10 dunia. Soalan kaola, siapa atau kementerian mana yang bertanggungjawab memerhatikan segala pengawasan hala tuju yang dirancangkan untuk memastikannya selaras dengan sasarannya?

Kalau ada, beberapa peratuskah sudah tercapai mengikut rancangan? Apakah peratus itu selari atau lebih maju ke depan dari apa yang dirancangkan. *Human Resources Planning* dan *Human Resources Management* nampaknya tidak banyak ditawarkan di dalam mana-mana peruntukan untuk mengawasi kemajuan

Wawasan Negara 2035. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi. Kaola nanti menjawab dalam membincangkan JPKE kerana JPKE yang merancang RKN ini, wawasan dan sebagainya. Jadi banyak perkara-perkaranya malah kaola pun ingin mendengar juga saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagaimana cara kita lagi dapat mempercepatkan pertumbuhan supaya ianya lebih mantap dan mencapai wawasan kitani 5 ke 6% tiap-tiap tahun.

Jadi kaola akan mengongsikan bagaimana Kerajaan akan mempercepatkan pertumbuhan ini. Sememangnya semua kementerian-kementerian berusaha melaksanakannya untuk mencapai Wawasan Negara 2035 itu. Jadi, nanti kaola barangkali akan menjawab soalan-soalan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada lagi Ahli-Ahli yang lain ingin bercakap? Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membawa isu-isu perkhidmatan di jabatan-jabatan Kerajaan.

Kita sedia maklum bahawa fungsi ataupun peranan utama jabatan-jabatan Kerajaan di bawah mana-mana kementerian diwujudkan elaan untuk membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dalam hal ehwal pengurusan dan sistem pentadbiran. Pembangunan Kerajaan sebahagian besarnya ialah untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, efisien, teratur, sempurna dan berdaya maju terutama yang berhubung dengan perkhidmatan kepada orang ramai.

Namun perkhidmatan tersebut adakalanya mengecewakan, tidak menepati sasaran, tidak selaras dengan TPOR jabatan itu sendiri menyebabkan orang ramai tertunggu-tunggu jawapan ataupun hasil tindakan. Isu yang dibangkit di sini Yang Berhormat Pengerusi ialah masalah kelambatan, kesempurnaan dan kualiti kerja dalam satu-satu tindakan seperti penyiapan projek, jawapan kepada mana-mana permohonan dan seumpamanya.

Adalah dicadangkan Yang Berhormat Pengerusi, supaya kajian menyeluruh kepada keberkesanan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) di jabatan-jabatan di bawah kementerian masing-masing akan dapat diambil tindakan sesuai dengan konsep kitani memeduli dan memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dan dalam kesempatan ini jua Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jabatan di bawah Kementerian Pembangunan kerana telah berusaha menjadikan *Hotline* 140. *Hotline* 140 sebagai satu saluran yang efisien bagi kaola, kerana apabila kitani membuat sesuatu laporan kepada bahagian-bahagian berkenaan *respons* daripada pegawai ataupun kaunter yang berkenaan amat memberangsangkan. Misalnya jika ada paip-paip pecah, elektrik dan sebagainya dilaporkan, ia akan memberikan laporan. Jadi diucapkan

ribuan terima kasih kepada jabatan berkenaan. Sekian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai dengan kepuasan ataupun aduan-aduan orang ramai. Kaola akan menjawab secara umum saja mengenai Tekad Pemeduliaan Orang Ramai ini dan apakah langkah-langkah Kerajaan mengenai pengkajian-pengkajian yang telah dilaksanakan setakat ini.

Sebenarnya Kerajaan mewujudkan piagam pelanggan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai ini semata-mata untuk memberikan jaminan kepada orang ramai tentang tempoh perkhidmatan. Dengan cara ini orang ramai akan mengetahui keputusan yang telah dimaklumkan. Unsur jaminan ini adalah mustahak untuk keberkesanan pemberian perkhidmatan dan mendapatkan keyakinan pengguna. Oleh itu pelaksanaan dan penambahbaikannya sentiasa dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan bagi memastikan Perkhidmatan Awam berterusan efisien, efektif dan berkualiti seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

Semasa mengambil keputusan melaksanakan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR), Kerajaan juga telah menyediakan langkah-langkah susulan kepada kaedah yang telus ini melalui pengauditan oleh MSD supaya standard minima bagi perkhidmatan ini terus-meningkat manakala pengauditan proses

lama pula akan diperbaiki dan duplikasi dikurangkan.

Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) ini ternyata bermanfaat bagi orang ramai dan Kerajaan, dan akan terus merapatkan jurang di antara standard perkhidmatan yang diberikan dan ekspektasi orang ramai yang sentiasa mengharapkan pemberian perkhidmatan yang berprestasi tinggi sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

Kerajaan mempunyai sukat-sukat ke arah ini melalui kaji selidik tumpuan pelanggan di bawah MSD. Melalui kaji selidik ini orang ramai telah dipohonkan apa pendapat mereka tentang perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan dan digalakkan memberikan pandangan dan cadangan. Umumnya kaji selidik ini menanyakan orang ramai tentang persekitaran, interaksi dan kemudahan serta keterampilan agensi-agensi yang dilanggani. Kaji selidik pada tahun 2011 mendapati tahap kepuasan hati pelanggan hampir 70% mungkin ini belum lagi mencukupi sebab itulah Kerajaan sentiasa meneruskan usaha-usahanya untuk memperbaiki.

Salah satu yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah mengenai Kementerian Pembangunan dan kementerian-kementerian lain juga sudah mengadakan beberapa program-program. Misalnya untuk meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan kaunter dan sebagainya supaya ianya lebih mesra pelanggan. Di antara tahun 1998 hingga 2012, MSD telah menerima 958 aduan. Dari 958 aduan tersebut, 852 ataupun 89% telah selesai ditangani, 11% atau 106 aduan masih dalam perhatian MSD. MSD dalam hubungan ini berperanan

untuk melihat *trend* atau *supporting trend* aduan di mana *common issues* akan diaudit untuk ditangani secara holistik.

Di sini, Kerajaan campur tangan dengan mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa Inter-Agensi Kebangsaan yang mempunyai tanggungjawab di dalam usaha bersepadu. Mudah-mudahan dengan kesepaduan itu ianya akan dapat menyelaraskan, mensejajarkan dan meningkatkan efisiensi dan keberkesanan setiap kementerian-kementerian tersebut. Itu saja barangkali Yang Berhormat Pengerusi yang dapat saya kongsi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh .

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menambah sedikit daripada apa yang dikatakan oleh teman sejawat tadi, di mana tugas dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Pengurusan mengenai dengan TPOR jabatan-jabatan yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, kaola telah pun mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menambah sedikit pandangan dan cadangan supaya pihak-pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (*Management Services Department*) akan sentiasa terus

memantau pergerakan dan aktiviti jabatan-jabatan yang ada di kementerian-kementerian supaya TPOR itu ditepati dengan memperkenalkan bukan sahaja secara *hardcopy* seperti yang pernah diadakan di jabatan tersebut untuk mendapat pandangan daripada orang ramai mengenai sesebuah jabatan itu, akan tetapi kaola merasa sudah tiba masanya untuk jabatan tersebut mengadakan atau membukakan *website* mereka di mana ia adalah lebih luas bagi orang ramai untuk memberi input mereka. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola memohon izin sahaja untuk menyampaikan hajat Ahli-Ahli Perniagaan SME mengenai dengan kelambatan bayaran ataupun tuntutan (*claim*) daripada Kerajaan kepada pemborong-pemborong tempatan yang berjaya dalam tawaran tender-tender. Projek-projek tender yang telah siap dilaksanakan dan sudah dinilai oleh pegawai tertentu dan ianya lulus ketika pemeriksaan akhir dilakukan oleh pihak Kerajaan.

Apabila pemborong berkenaan membuat tuntutan, pihak Kerajaan lambat membayar tuntutan mereka, kadangkala membawa kepada 6 bulan, itu pun masih belum dikeluarkan. Kelambatan itu



menyebabkan setengah pemborong terutamanya SME sukar untuk menguruskan projek mereka selanjutnya kerana kekurangan modal pusingan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyentuh lagi mengenai dengan TPOR ini. Kita sudah mempunyai agensi yang sudah dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Kita juga sudah hampir satu dekad memasuki era teknologi, informasi atau IT dengan berjuta ringgit telah dibelanjakan dalam projek-projek IT. Semua perkara-perkara yang kaola sebutkan ini adalah bertujuan bagi memudah dan mempercepatkan perkhidmatan pengurusan di pihak Kerajaan. Jadi kaola pun hairan, di mana lagikah masalah-masalah ini dan macamana caranya untuk mengatasi kelambatan ini? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub. Mengenai dengan kelambatan-kelambatan di pihak Kerajaan, perkara ini memang dipantau dan diteliti secara berterusan oleh pihak Kerajaan. Sebab itulah salah satu perkara yang telah kaola bentangkan di dalam bajet yang baru lalu, kaola ada menyatakan mengenai dengan usaha Kerajaan untuk mempercepatkan kelambatan-kelambatan pembayaran dengan mengadakan *invoice tracking system* yang mana *invoice tracking system* ini sudah pun dilaksanakan kepada tujuh kementerian

dan insya-Allah ianya akan dilaksanakan lagi kepada lima kementerian tersebut dalam jangka waktu bulan April dan bulan Jun ini insya-Allah dan kita akan melihat dengan adanya sistem itu nanti sama ada ianya akan lebih berkesan atau belum. Insya-Allah kita akan memantau secara mendalam perkara-perkara tersebut.

Di samping itu sebagaimana juga yang sudah dinyatakan terlebih awal, jawatankuasa-jawatankuasa dan perjumpaan-perjumpaan dengan *stakeholder* juga telah dibuat di kementerian-kementerian yang mengerjakan ataupun melaksanakan projek-projek Kerajaan ini dan sebagaimana juga yang sudah dinyatakan, insya-Allah, Kerajaan akan sentiasa memantau bagaimana cara-cara untuk mempercepatkan lagi pembayaran ini tetapi di peringkat Jabatan Perbendaharaan sebenarnya kita sudah dapat memendekkan tempoh Tekad Pemeduliaan Orang Ramai untuk pembayaran dari 14 hari kepada 5 hari.

STO ataupun *Sub-Treasury Officer* telah pun ditekankan untuk bersikap proaktif dalam menangani sebarang masalah berhubung dengan proses pembayaran dan tempoh bagi menjawab *query Sub-Treasury Officer* (STO) juga telah dipercepatkan dengan cara pihak *Sub-Treasury Officer* (STO) menghubungi secara telefon kepada kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Terima kasih lagi diucapkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi di atas saranan-saranan tersebut dan memanglah kita menyambut baik cadangan-cadangan tersebut untuk mempercepatkan lagi proses-proses di dalam Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin mahu bercakap mengenai dengan tajuk ini, maka Tajuk SA011A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, dibukakan untuk diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Tidak ada yang tidak bersetuju, maka Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan diluluskan.

**Jurutulis I:** Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA12A – Polis Diraja Brunei.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa berdasarkan kepada kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa jabatan ini adalah salah sebuah jabatan di bawah senarai jabatan-jabatan yang tertutup. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan memahami perkara tersebut. Walau bagaimanapun, jika ada diantara Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai soalan-soalan secara umum, maka saya persilakan. Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola akan mengutarakan dua perkara sahaja di Dewan Majlis ini mengenai tajuk

yang berkenaan. Yang Berhormat Pehin Pengerusi, perkara yang sudah juga kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai dengan Pos Polis Mukim Bokok yang tidak dapat digunakan disebabkan kerosakan. Apakah sudah ada usaha dan perancangan terdekat untuk mengadakan semula Pos Polis di Mukim Bokok dengan mengambil kira peningkatan jumlah penduduk di mukim tersebut.

Dan perkara yang kedua Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini kaola berpandangan bahawa penambahan anggota polis Daerah Temburong dengan mengambil kira penambahan penduduk dan keperluan keselamatan orang ramai dan kesejahteraan orang ramai adalah perlu. Maka ke arah ini, apakah sudah ada usaha dan perancangan pihak polis untuk menambah anggota polis di Daerah Temburong. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Dalam membahaskan Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei. Kaola mengajukan dua pandangan untuk dikongsikan iaitu:

1. Mengenai dengan pemeliharaan bangunan-bangunan polis dan pos-pos polis. Kalau ditinjau perancangan pembaik pulih dan pemeliharaan bangunan balai-balai polis dan pos-pos polis di Daerah Belait bolehlah dikategorikan masih kurang memuaskan. Apa yang dilakukan pada

masa ini hanyalah membaiki yang rosak sahaja, sepatutnya pembaikan di balai-balai polis dibuat terus menerus untuk menjamin keadaannya sentiasa dalam keadaan baik dan sempurna. Dalam hal ini, kaola sukacita mencadangkan supaya kontrak bagi membaiki dan memelihara bangunan tersebut dibuat secara *term contract* bagi tempoh dua hingga ke lima tahun. Ini akan membolehkan kontraktor tempatan dapat melabur dan dalam jangka masa panjang kedua-dua pihak mendapat faedah yang sama. Dalam memilih kontrak ianya mestilah dipunyai oleh orang-orang tempatan dan tidak dikontrakkan ataupun disubkontrakkan kepada bangsa-bangsa asing yang hanya mengambil kesempatan dalam menjalankan kerja-kerja tersebut dan seterusnya mengambil tindakan sekiranya kerja-kerja tersebut tidak memuaskan.

2. Pada masa ini, terdapat dua buah bangunan rumah pangsa di kawasan Panaga yang telah diserahkan kepada pihak polis daripada Kementerian Pendidikan. Apa yang mendukacitakan bangunan tersebut tidak terpelihara dan terbiar sehingga ditumbuhi oleh Kayu Ara, lebih-lebih lagi ianya terdedah kepada pandangan umum. Sekiranya bangunan tersebut tidak diperlukan atau tidak lagi digunakan dan kalau masih kukuh, lebih elok diusai dan diserahkan kepada pihak yang memerlukan iaitu bagi tujuan menempatkan orang-orang yang susah, miskin, daif dan orang-orang yang mendapat musibah. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas perkara-perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Dulamin tadi yang mana kaola fikir perkara-perkara ini adalah perkara-perkara *operational* jadi memadai apa kiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat berjumpa dengan Pesuruhjaya Polis mengenai Pos Polis Bokok, rumah pangsa yang terbiar dan sebagainya itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola ada dua perkara juga tetapi kaola tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) hendak menjawabnya atau tidak.

1. Berhubung dengan jenayah siber ataupun *cyber crime*. Baru-baru ini dilaporkan jenayah siber di Brunei telah meningkat pada tahun 2010 sebanyak 20%, pada tahun 2011 juga sebanyak 20% menjadikan jumlahnya sebanyak 2,000 dalam masa yang sama Pasukan Polis juga melaporkan jenayah melalui internet banyak juga berlaku di mana melibatkan kanak-kanak yang berhubungan dengan kes-kes seks di mana terdapat kanak-kanak yang diperkosa dan sehingga terjadi berlaku kejadian rogol dan juga kes-kes *cyber*

*bullying* yang menggunakan sosial media.

2. Dalam masa yang sama, kebelakangan ini terdapat juga kes-kes penyebaran berita palsu melalui sosial networking seperti *facebook*, *twitter*, *whatsapp*. Alhamdulillah, Kerajaan telah pun mempunyai Syarikat ITPSS untuk mengawasi dan menyediakan komputer *Emergency Respond Scheme* bagi menangani serangan yang dilakukan melalui internet.

Bagaimanapun apa yang kaola lihat kerja Pihak Polis dalam menangani jenayah dan menghadapkannya ke mahkamah kes-kes tersebut masih belum ketara lagi, Alhamdulillah, baru-baru ini, *Penal Code* telah pun siap dipinda yang mengambil kira pendakwaan berhubung dengan kes-kes yang dilakukan oleh alat-alat teknologi. Jadinya, kuasa telah diberikan sekarang. Diharap Pasukan Polis Diraja Brunei meningkatkan penguatkuasaannya supaya ia dapat dihadapkan ke mahkamah terutamanya dari segi kemahiran mereka apabila menjadi saksi nanti di mahkamah dan juga kemahiran mereka apabila mengendalikan bahan-bahan bukti. Kaola fikir, hanya tindakan undang-undang kita dapat mendisiplinkan orang ramai untuk lebih bertanggungjawab dalam menggunakan media-media teknologi kerana kita tidak mahu satu hari nanti pihak Kerajaan mengambil cara mudah untuk menyekat orang ramai untuk menggunakan kebebasan mereka untuk menggunakan *social networking*.

3. Ini, sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menjawab atau

tidak terpulang kepada Yang Berhormat itu, berhubung dengan kejadian jenayah yang baru ini berlaku berdekatan dengan kawasan membeli belah di Gadong. Kalau kita pergi ke kawasan-kawasan membeli belah Gadong, Kiulap dan Bandar, kita dapati ada pondok-pondok polis telah dibina di kawasan-kawasan tersebut. Kalau kaola tidak silap, mereka ini ditempatkan di kawasan-kawasan di mana orang ramai berada ialah sebagai *deterrent* kepada mereka yang melakukan jenayah dan ini juga berlaku kalau kita pergi ke bandaraya-bandaraya di luar negeri di mana kita selalu melihat kehadiran pasukan polis di tepi-tepi jalan. Akan tetapi apabila kita pergi ke kawasan Gadong atau ke kawasan Kiulap, kita jarang melihat anggota Pasukan Polis Diraja Brunei berada bersama-sama orang ramai di tepi jalan mengadakan kawalan. Kalau boleh, disarankan di sini supaya anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang ditugaskan di kawasan tersebut jangan hanya berada di dalam pondok tersebut, malah melihatkan diri mereka di kawasan-kawasan di mana ramainya orang awam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya ingin membuat saranan yang tidak berapa terperinci demi menghormati keputusan Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) supaya isu yang mendalam tidak akan disampaikan di sini. Cuma dalam perkara ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei kerana telah dapat menumpaskan kumpulan-kumpulan yang membuat kekacauan dan menakutkan orang ramai sehingga tertangkapnya beberapa orang mereka yang disyaki membuat jenayah tersebut. Dalam perkara ini juga, kaola ingin menyampaikan hasrat beberapa orang mata-mata supaya pihak yang berkenaan akan dapat menyediakan kereta yang bersesuaian bagi pos-pos polis di kawasan luar bandar iaitu kereta Pacuan Empat Roda seperti Pajero dan sebagainya bagi kemudahan mereka senang masuk di kawasan-kawasan yang jalannya kurang selesa dilalui, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

### **Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menjawab secara umum saja mengenai dengan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan Pos Polis dan sebagainya ini. Perkara ini pun sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Pasukan Polis Diraja Brunei berperanan melaksanakan tugas dan strategi untuk mencegah, membanteras kegiatan jenayah, membuat siasatan dan tangkapan ke atas jenayah dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam di Negara ini.

Dalam melaksanakan tugas ini, balai-balai polis yang ditempatkan di seluruh Negara memainkan peranan sebagai kemudahan polis yang sangat penting mengikut fungsinya yang mengutamakan penyediaan anggota polis untuk memberikan perkhidmatan yang relevan bagi memenuhi keperluan penjagaan dan

penyediaan keselamatan. Pos-pos polis memainkan peranan penting sebagai *support base* kepada balai-balai polis ke arah menjaga keselamatan awam, membanteras dan mencegah jenayah dan seterusnya bertindak bagi menangani apabila berlaku ancaman ataupun jenayah.

Merujuk kepada pandangan tadi, supaya anggota pos polis di setiap mukim dan kampung ditambah, agar rondaan dan pemantauan dapat dijalankan selalu pada waktu-waktu tertentu, perkara ini, insya-Allah adalah diambil perhatian. Dalam pada itu, kaola juga ingin mengongsikan pada masa ini terdapat 45 buah pos polis di seluruh Negara. Penempatan ini adalah penting sebagai satu sokongan kepada balai polis di daerah-daerah, di mana pos-pos polis boleh mendapatkan bantuan dari balai polis dalam menangani sesuatu kejadian.

Pasukan Polis Diraja Brunei secara berterusan memang membuat perancangan untuk memperbaiki lagi kekerapan rondaan dan meningkatkan *response time* dengan menambah keanggotaan dan kereta peronda polis. Ini adalah untuk meningkatkan lagi keberadaan polis di seluruh kawasan termasuk di mukim-mukim dan kampung-kampung. Pasukan Polis Diraja Brunei juga sedang giat mengemaskinikan dan mempelbagaikan lagi strategi pencegahan yang mana dengan menggunakan pendekatan *community policing* bersama masyarakat. Di sinilah orang ramai perlu bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk sama-sama memerangi kegiatan jenayah di kawasan masing-masing dengan melaporkan kegiatan-kegiatan yang mencurigakan di kampung-

kampung mereka kepada pihak-pihak polis yang berdekatan.

Di samping itu, Pasukan Polis Diraja Brunei juga berterusan meningkatkan program latihan pembangunan kapasiti dan keupayaan anggota-anggotanya dan menggunakan peralatan-peralatan terkini seperti penggunaan info-komunikasi dan teknologi sebagai usaha meningkatkan keupayaannya.

Mengenai dengan jenayah siber ini, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, ada beberapa perkara yang nanti kaola akan menjawab apabila kita beralih membincangkan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan akan bersidang semula sebagai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih.

**( Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat disambung semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa meneruskan perbincangannya untuk menimbang dan meluluskan Tajuk-Tajuk seterusnya maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula yang mana kita masih lagi menimbang dan membincangkan Tajuk SA12A, - Polis Diraja Brunei. Saya di sini ingin mengingatkan biarlah soalan-soalan yang diajukan itu secara ringkas tetapi tepat dan ditumpukan kepada Tajuk-Tajuk yang berkenaan sahaja. Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit telah menyatakan keinginan untuk bercakap. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola akan mengongsikan dua isu dalam Tajuk ini. Walaupun hampir sama iaitu mengenai dengan beberapa perkara yang telah dikemukakan, tetapi demi meningkatkan tanggungjawab Perkhidmatan Pasukan Polis Diraja Brunei, elok juga kaola mengemukakannya di sini.

Jenayah merupakan satu masalah yang sering berlaku di mana-mana jua di dunia ini yang menjadi satu masalah global dan Negara kita sendiri tidak terkecuali. Jelasnya kita mendengar melalui media elektronik, Radio dan Televisyen Brunei dan media cetak, seolah-olah senario yang semakin meningkat. Jika ianya dimulakan dengan jenayah dan dijumlahkan pula dengan jenayah yang tidak dilaporkan, maka ianya sangat membimbangkan. Untuk membasminya seratus peratus juga memang sukar. Tetapi jika diusahakan dengan penuh tanggungjawab dan kerjasama semua pihak, sekurang-kurangnya ia dapat dikurangkan. Kaola

ingin mencadangkan beberapa perkara jika ianya dapat diguna pakai.

1. Ditambah keanggotaan dengan membina Akademi Polis yang baru, yang boleh menampung pengambilan yang ramai sekaligus. Ini adalah kerana latihan selama 6 bulan adalah memakan tempoh yang lama bagi menggantikan keanggotaan yang bersara. Kaola dimaklumkan beberapa tahun lalu, iaitu daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, mengenai dengan Pelan Induk Mukim Telisai, untuk menjadikannya bandar pada tahun 2025. Di dalamnya termasuklah perancangan pembinaan Akademi Polis bertempat di Sungai Paku, Mukim Telisai. Tetapi jika pembinaannya menunggu tahun 2025, adalah sesuatu yang tidak relevan, kerana jenayah tidak menunggu tarikh tersebut, dan ianya tetap berterusan berlaku. Oleh itu alternatif lain perlu diusahakan.
3. Diadakan anggota polis yang berpakaian awam di lokasi yang strategik seperti tempat membeli-belah, tempat-tempat awam dan tempat-tempat yang mencurigakan. Alasannya secara psikologi, penjenayah memikirkan orang awam juga adalah anggota polis. Negara-negara lain memang melaksanakan perkara ini.
4. Susul semula dengan lebih teratur dan sistematik akan peranan Pengawas Kejiranan yang sekarang ini nampak timbul tenggelam. Kaola berharap supaya dalam Peruntukan Perbekalan 2013/2014 ini, dan seterusnya di masa akan datang dapat diperuntukkan bajet untuk Pengawas Kejiranan ini.

Isu yang kedua, malang tidak berbau begitulah satu perasaan kita boleh kaitkan dengan apa juga kemalangan yang tidak diundang. Semua orang tidak mahu terlibat sama ada kemalangan kecil apatah lagi yang menyebabkan kecacatan dan kehilangan jiwa. Kemalangan jalan raya adalah penyebab utama kematian di Negara ini, sama ada kemalangan sendiri atau kemalangan pelanggaran sesama kereta. Malah yang menyedihkan pejalan kaki dan yang sedang membaiki kerosakan kenderaan di bahu jalan juga jadi mangsa langgar.

Oleh itu kaola cadangkan, pihak Unit Siasatan Jenayah dan Lalu Lintas membantu mengawal pemandu yang sedang mengganti tayar di bahu jalan.

Kedua, dalam membantu mendapatkan tindakan cepat, dicadangkan supaya dipasang papan tanda yang mengandungi nombor-nombor kecemasan seperti polis, ambulans dan bomba di tepi jalan raya sepanjang lebuh raya dalam jarak-jarak yang bersesuaian.

Ketiga, berhubung dengan kenderaan seperti treler dan lori supaya dapat dilarang berhenti di bahu jalan kalau hanya tujuan untuk berehat dan untuk makan terutama sekali pada waktu tengahari. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Keadaan Balai Polis Daerah Tutong adalah

kurang memuaskan di mana dengan adanya perkembangan di Daerah Tutong, maka pertambahan kakitangan menyebabkan ruang terhad dan tidak selesa untuk bekerja. Dalam hal ini, kaola sukacita mencadangkan supaya Balai Polis Daerah yang ada diganti dan dibangunkan dengan bangunan yang baru jika sekiranya belum dalam perancangan.

Kaola juga mencadangkan jika sekiranya rancangan Balai Polis Daerah yang baru perlu juga diambil kira semua kemudahan-kemudahan yang diperlukan dan dirancang tersebut hendaklah diprojekkan dalam 20-30 tahun ke depan. Kebanyakan perancangan dibuat dalam masa pendek sahaja dan oleh sebab itu, apabila projek-projek tersebut selesai maka ruang-ruang dan kemudahan yang ada, sudah tidak mencukupi lagi.

Kedua, kes-kes jenayah. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei pada tahun 2010, jenayah terhadap tubuh manusia sebanyak 621 kes, dan hanya 421 kes dapat diselesaikan. Jenayah terhadap harta benda sebanyak 2,162 kes dan hanya 209 kes dapat diselesaikan. Dan jenayah lain-lain kesalahan Kanun Hukuman Jenayah sebanyak 854 kes dan hanya 165 kes dapat diselesaikan. Mengikut statistik tersebut hanya 1,061 kes-kes dari 3,788 kes-kes atau 28 peratus sahaja dapat diselesaikan.

Mengikut statistik di atas, penyelesaian kes-kes adalah rendah dan ini adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Latihan-latihan intensif perlu diberikan perhatian khususnya pegawai-pegawai yang membuat dan menyediakan laporan yang mana pendapat kaola perlu

dipertingkatkan dan seterusnya mengambil tindakan dengan cepat. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai polis yang ditugaskan di Bahagian Jenayah ini, hendaklah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat Diploma atau Diploma Tertinggi. Di samping itu, kaola juga mencadangkan supaya akan dipasang *CCTV* di tempat gedung-gedung perniagaan dan di kawasan orang ramai seperti di tempat letak-letak kereta, supaya dengan adanya *CCTV* ini akan mendapatkan bukti-bukti bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku.

Bagi pengawasan di kampung-kampung pula, kaola mencadangkan supaya Pengawasan Kejiranan Kampung hendaklah diaktifkan semula. Dan ini penting bukan sahaja bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan kampung, tetapi ianya juga dapat memupuk suasana kekeluargaan dan kesefahaman.

Akhir sekali, Yang Berhormat Pengerusi, sukacita kaola menarik perhatian kepada fungsi *Hotline Centre* bagi perkhidmatan kecemasan di beberapa agensi-agensi Kerajaan. Kaola sering mendengar sungutan orang ramai tentang keberkesanan agensi-agensi berkenaan dalam menangani *respond time* yang singkat. Kelemahan seperti ini mengakibatkan pertolongan cemas tidak sampai pada waktu yang singkat sehingga mengakibatkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mencadangkan satu perkhidmatan Sistem *Hotline Centre* yang bersepadu diadakan bagi menangani pengguna-pengguna perkhidmatan kecemasan seperti Polis, Ambulans, Bomba, Jabatan Kerja Raya



dan lain lagi. Dengan adanya *hotline* ini *respond time* akan lebih cepat dan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, sistem *hotline* ini perlu diselenggarakan secara profesional dan lebih terurus dengan mengadakan garis panduan untuk tindak balas. Tindak balas ini perlu sentiasa dipantau dan diperbaiki. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan beberapa pendapat. Memang Pasukan Polis Diraja Brunei sentiasa memantau perkara-perkara seperti mengenai keramaian polis dan sebagainya ini. Untuk makluman jua, memang perkara ini adalah berterusan. Pada waktu ini, jawatan-jawatan kosong di Pasukan Polis Diraja Brunei ada sebanyak 300. Memanglah ia akan diisikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dengan seberapa segera. Di samping itu juga, Pasukan Polis Diraja Brunei juga pada waktu ini telah melihat beberapa strategi-strategi yang penting secara umum misalnya, dipertingkatkan keberadaan polis atau *police feasibility* di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan panas ataupun *hotspot* kegiatan-kegiatan jenayah.

Tadi kaola sudah menerangkan mengenai penggunaan pendekatan *community policing*. Tadi juga dua Ahli Yang Berhormat menyuarakan supaya kita mengaktifkan kejiranan. Melalui penggunaan info-komunikasi dan teknologi atau *Information Communication*

*Technology* juga diusahakan untuk meningkatkan keupayaan pasukan polis.

Di samping itu juga, kita pertingkatkan *strategic partnership* dengan pemegang-pemegang kepentingan dengan mempertingkatkan rangkaian kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan negara-negara lain dan juga agensi-agensi keselamatan di Negara ini.

Mempertingkatkan program latihan pembangunan kapasiti dan keupayaan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei secara berterusan melalui pengukuhan Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia mereka. Jadi perkara-perkara ini, sebenarnya sudah ada di dalam penelitian Pasukan Polis Diraja Brunei. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penyertaan dan sumbangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam aktiviti misi pasukan pemantau di Mindanao, Filipina telah menampakkan komitmen yang sangat-sangat tinggi kepada pihak yang terlibat iaitu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei. Diucapkan syabas atas sumbangan yang membawa nama dan imej baik kepada Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai dan ahli-ahli terlibat yang pulang membawa kejayaan atas nama dan kepentingan Negara, sewajarnya diberi pengiktirafan dan penghormatan di atas jasa membawa nama yang baik kepada Negara kita. Apakah bentuk pengiktirafan ataupun penghargaan yang berpatutan diberikan kepada mereka ini? Kaola serahkannya kepada jawatankuasa berkenaan untuk mempertimbangkannya.

Perkara kedua yang kaola ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai dengan pembinaan jambatan menyeberang Sungai Pandaruan ke Limbang, Malaysia. Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia atas komitmen bersama telah mengusahakan projek pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Pandaruan ke Limbang, Malaysia. Usaha itu tidak sahaja bersifat sebagai alat perhubungan negara diplomatik tetapi mengukuhkan lagi persahabatan dan dalam bidang ekonomi dan perdagangan antara kerjasama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Malah jambatan ini dirasai sebagai pemangkin pembangunan dan melicinkan perjalanan merintis wilayah. Akhirnya, ia pasti memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi yang baik bagi kedua-dua buah negara.

Semua ini memerlukan kemudahan-kemudahan yang lengkap seperti pos polis, kastam dan imigrasi yang lebih baik dan peralatan-peralatan serta tenaga kerja yang terlatih. Selain itu, pengawasan keselamatan yang teliti juga perlu dipertimbangkan kerana tidak diragukan dalam kesesakan ulang-alik itu nanti akan juga timbul unsur-unsur atau anasir-anasir

yang mungkin membahayakan Negara ini, termasuk dari segi keselamatan dan akidah.

Kita perlu membina satu tanda juga, sebagai *landmark* di hujung jalan di tempat-tempat yang bermula dalam kawasan Negara kitani. Dan usaha Negara Brunei Darussalam yang memberikan imej dan mesej bahawa Negara kitani Negara Brunei Darussalam adalah sebuah Negara Zikir yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB). Itulah saja Yang Berhormat Pehin Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dalam lawatan kerja kaola ke Mukim Sukang dan Melilas baru-baru ini, penduduk setempat telah melaporkan tentang keselamatan di mukim-mukim tersebut, di mana di akhir-akhir ini mereka bersua dengan jelama-jelama yang mereka tidak kenali. Mereka tidak pasti apakah aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh jelama-jelama yang kaola sebutkan. Mereka khawatir mungkin berlaku, siapa tahu ada aktiviti-aktiviti negatif seperti penyeludupan dadah, meracun ikan-ikan di ulu-ulu sungai mukim-mukim tersebut dan lain-lain lagi yang sedikit sebanyak mungkin menjejaskan keselamatan mukim-mukim tersebut. Dalam hubungan ini Yang Berhormat Pengerusi mereka memohon penempatan sebuah pos polis bagi kemudahan penduduk-penduduk kampung di mukim-mukim tersebut.

Seterusnya kaola ingin menambah sedikit di atas pandangan-pandangan rakan-rakan sejawat kaola sebentar tadi mengenai dengan Pengawasan Kejiranan Kampung. Di mana kaola melalui muzakarah khas yang diadakan oleh pihak Polis Diraja Brunei pada penghujung tahun lepas ada ura-uranya untuk menyerahkan tanggungjawab pengurusan Pengawasan Kejiranan Kampung atau PKK supaya diserapkan dalam institusi mukim dan kampung. Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada sebarang keputusan mengenainya yang kaola dengar sama ada dari pihak Polis Diraja Brunei mahupun dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi, jika perkara ini menjadi kenyataan ianya adalah satu tugas yang agak mencabar kepada pemimpin-pemimpin akar umbi selain dari tugas-tugas yang sedia ada yang sentiasa mencabar kesabaran, kewibawaan pemimpin akar umbi dalam menangani dan menghadapi pelbagai masalah dan ragam masyarakat majmuk masa kini. Oleh itu kaola berpandangan dan ingin mencadangkan apabila perkara ini menjadi realiti nanti, dipohonkan satu peruntukan imbuhan yang sewajarnya haruslah juga difikirkan bagi Ahli-Ahli PKK. Ahli-Ahli PKK ini mungkin termasuk juga Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung dan orang-orang kampung kerana menjalankan tugas-tugas sebagai Ahli PKK itu menghendaki komitmen yang jitu bukan sekadar nama sahaja. Di samping itu perlindungan insurans bagi Ahli PKK perlu juga diambil kira memandangkan risiko-risiko yang mereka akan hadapi ketika menjalankan tanggungjawab sebagai PKK terutama apabila dijadualkan bertugas pada waktu malam. Sekian

sahaja yang kaola dapat suarakan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi :** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf. Silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola ingin menambah saja sepertimana yang disarankan oleh rakan kaola dari Daerah Tutong.

Kalau kita melihat bahawa bangunan Pejabat Polis Daerah Tutong pada masa ini tidak ada perubahan. Dengan sebab itu apalah jua kiranya sesuai dengan keadaan masa supaya dibina sebuah bangunan baru sebagai Ibu Pejabat Daerah yang mana merangkumi apa jua yang terdapat Ibu Pejabat Polis di Bandar Seri Begawan. Ini selaras dengan perkembangan dan pembangunan masa kini. Walau bagaimanapun, kaola percaya kemungkinan pembinaan bangunan ini sudah ada dalam perancangan dari jabatan berkenaan. Namun demikian kaola sebagai mewakili Daerah Tutong Zon 1 berharap supaya Yang Dimuliakan Pesuruhjaya Polis mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi .

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas saranan-saranan daripada Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf mengenai dengan perkara-perkara yang ditimbulkan tadi. Termasuklah Pengawasan Kejiranan Kampung, keselamatan di Mukim Melilas dan jua mengenai dengan Balai Polis Daerah Tutong. Apa yang dapat kaola nyatakan di sini, insya-Allah perkara ini kaola akan menyampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk diteliti secara mendalam mengikut keperluan dan keutamaannya. Insya-Allah, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola ingin menyentuh mengenai dengan pembinaan pos polis di Kampong Ayer, khususnya bagi pos polis di kawasan Kampung Tamoi yang mana merujuk Mesyuarat Musim Ketujuh dan Kelapan bahawa peruntukannya telah pun disediakan untuk membina pos polis tersebut. Kaola ingin mengetahui apakah sebabnya pos-pos polis tersebut belum lagi didirikan?

Yang kedua kaola ingin tahu juga di manakah lagi dua kawasan untuk

pembinaan pos-pos polis seterusnya? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita untuk memberikan penjelasan yang berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil Daerah Belait Zon 1 mengenai kawalan Kejiranan Kampung yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dalam membahaskan Peruntukan Pasukan Polis Diraja Brunei. Yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa khabarnya Kawalan Kejiranan Kampung akan diserapkan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Kaola ingin menyatakan memang betul akan diserapkan tetapi bukanlah penyerapan itu dalam erti kata akan diambil alih penyeliaan dan kawalannya oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerana ianya bersifat keselamatan, maka penyeliaan dan kawalannya itu akan tetap di bawah Pasukan Polis Diraja Brunei. Adapun peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam perkara ini ialah sebagai *partner* untuk menyelaraskan. Dalam makna, kerana yang terlibat itu ialah kampung-kampung dengan Ahli Majlis Perundingannya terutama sekali dalam strukturnya itu melibatkan ketua-ketua kampung. Jadi itu dalam bidang tugas Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tetapi operasi kawalan Kejiranan Kampung ini adalah operasi yang

orientasinya keselamatan maka akan tetap di bawah kawalan Pasukan Polis Diraja Brunei. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh tadi saja mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit supaya Pasukan Lalu Lintas Polis menjaga kereta-kereta yang menghadapi kerosakan di bahu jalan. Daripada pengalaman yang telah abis kaola lihat dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya, ada beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh pemandu-pemandu kereta itu sendiri. Misalnya memberikan isyarat lebih awal kalau kita membaiki jalan. Alat-alat ini dalam setengah-setengah kereta diberikan secara *standard accessories*. Kalau tidak ada pun alat-alat ini boleh diperolehi di mana-mana dengan harga yang tidak begitu mahal.

Apa yang mustahak di sini ialah kalau pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dapat memberikan kerjasama, ianya akan lebih baik tapi kaola merasakan ianya adalah satu keperluan yang sangat berat untuk Pasukan Polis Diraja Brunei. Tapi apa yang lebih efektif atau berkesan ialah dari pihak pemandu atau pengguna jalan itu sendiri jika sekiranya terdapat kerosakan di bahu jalan, untuk memberikan isyarat yang lebih awal beberapa meter sebelum kejadian supaya pemandu-pemandu yang lain akan dapat bersedia. Terima kasih Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), Jabatan Perdana Menteri, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya minta tanggung mengenai dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim tadi mengenai dengan apa perkembangan Balai Polis Kampung Tamoi dan mana lagi pos-pos polis yang akan dibina di kawasan Kampong Ayer, jadi kaola minta tanggung dulu Yang Berhormat Pengerusi untuk mendapatkan maklumat terperinci.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei dibukakan untuk diundi. Silakan siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Nampaknya semua bersetuju, maka Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA12A - Polis Diraja Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dibukakan untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jadi isu kali ini kalau sesuai untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam maka kaola kemukakan juga di sini iaitu berhubung

dengan kenaikan pangkat bagi jawatan guru. Perbezaan kenaikan pangkat bagi jawatan guru di Kementerian Pendidikan jika dibandingkan dengan jawatan lain di kementerian yang berlainan adalah jelas sekali kelihatan.

Umpamanya dua individu yang sama lepasan ijazah dan mendapat kerja dalam masa yang sama tetapi kerjaya yang berlainan. Individu yang kerjayanya sebagai guru masih bertaraf sebagai Pegawai Pelajaran dengan sukatan gaji B2 ataupun paling tinggi B3. Sedangkan kawan yang menjawat kerja di kementerian yang lain sudah mencapai ke peringkat kumpulan ataupun yang lebih tinggi lagi.

Jadi cadangan kaola, agar kenaikan pangkat bagi jawatan guru ini diambil perhatian supaya seimbang dengan kementerian-kementerian lain bagi individu yang bersesuaian yang layak untuk dinaikkan pangkat. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit tadi. Sebenarnya di Kementerian Pendidikan ini ada satu skim khas sudah diluluskan semenjak tahun 2008 iaitu Skim Perkhidmatan Perguruan Baru dan setakat ini ada transisi di mana penyerapan tenaga pengajar dari skim jawatan dan tanggagaji lama G kepada skim jawatan tanggagaji baru PG. Jadi pada waktu ini sehingga 31 Disember 2012, jumlah

keseluruhan tenaga pengajar yang disokong untuk diserapkan adalah seramai 4,100 orang guru dan dari jumlah tersebut seramai 2,841 orang telah pun diserapkan ke dalam Skim Perkhidmatan Perguruan Baru.

Skim Perkhidmatan Perguruan Baru ini, yang cantiknya ialah di mana guru-guru yang betul-betul diperlukan untuk menjadi guru dengan ada komitmen-komitmen yang tertentu, ianya akan dapat dinilai untuk dinaikkan pangkat dalam jawatan-jawatan di dalam sekolah, masih lagi mengajar di sekolah dan ianya ada kenaikan-kenaikan yang tertentu mengikut skim-skim khas dan mengikut kepakaran dan kemahiran guru-guru tersebut masing-masing.

Sebenarnya perkara ini sudah difikirkan dan cuma apa yang penting ialah pelaksanaannya. Mungkin barangkali Kementerian Pendidikan akan menambah tapi perkara ini sudah ditangani. Terima kasih Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pendidikan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) adalah jelas dari segi Skim Perkhidmatan Perguruan yang baru atau SPG yang sekarang ini membolehkan guru-guru untuk terus menikmati kenaikan pangkat daripada B2. Sekarang ini bukan lagi B2 EB3 seperti dalam soalan tadi B2 EB3 kepada peringkat yang lebih tinggi dengan tinggal di sekolah dan terus naik ke tanggagaji yang lebih tinggi tanpa mereka ini perlu ditukar ke ibu pejabat sebagaimana *practice* dulu. Ini adalah

kerana kekosongan-kekosongan jawatan yang lebih tinggi sebelum ada Skim Perkhidmatan Perguruan ini, hanya terdapat di ibu pejabat. Dengan cara ini kita akan dapat memberikan imbuhan kepada mereka yang benar-benar bertugas dan membuktikan kejayaan dalam tugasnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:** Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola hanya akan mengemukakan dua perkara.

Pertama, belum lama dulu kita ada mendengar titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya dasar mengadakan Peperiksaan *General Order* dan Peraturan Kewangan dikaji semula. Adakah sebarang langkah dibuat untuk membuat kajian tersebut? Dan jika ada, apakah dapatan daripada kajian tersebut?

Yang kedua, oleh kerana kita masih kekurangan pensyarah-pensyarah, pada masa ini universiti-universiti di Negara Brunei Darussalam masih lagi mengadakan pengambilan pensyarah-pensyarah daripada luar negeri dan di antara pensyarah-pensyarah yang diambil untuk berkhidmat itu termasuklah pensyarah-pensyarah dalam bidang keugamaan. Pada masa dahulu, iaitu kaola sendiri pernah menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, apabila menemuduga pensyarah-pensyarah untuk

universiti, kaola ada memastikan supaya calon-calon yang akan diambil untuk berkhidmat itu adalah bersesuaian dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Sesudah kaola tidak lagi menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tempat itu diganti oleh seorang lagi kelulusan agama untuk menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Akan tetapi oleh kerana beliau telah pun berpindah kepada jawatan yang tinggi, jadi sejak itu nampaknya lantikan menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam daripada lulusan agama sudah tidak ada. Memang ada seorang daripada kelulusan agama diambil sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas sekarang ini, yang boleh juga menemuduga pensyarah-pensyarah yang akan diambil daripada luar negeri. Tetapi sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas, dia tidak akan duduk dalam Mesyuarat Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memastikan agar supaya pensyarah-pensyarah yang akan diambil itu benar-benar menepati kehendak negara iaitu mempunyai pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Kaola ingin mencadangkan supaya pihak yang berkenaan dalam Kerajaan dapat melantik terus menerus seorang Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terdiri daripada lulusan-lulusan agama. Sekian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Pehin Datu Imam. Kaola akan menjawab mengenai dengan dasar-dasar Kerajaan mengenai Peperiksaan *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR) yang

disebut oleh Yang Berhormat tadi yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebenarnya perkara ini sudah pun selesai. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 telah pun dikeluarkan mengenai dengan pemeriksaan Peraturan-Peraturan Am 1961 (GO) dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR) yang berkuat kuasa pada 1 Januari tahun ini.

Antara tujuan utama Surat Keliling ini adalah untuk memaklumkan bahawa semua pegawai dalam Bahagian II adalah dikehendaki untuk mengikuti bengkel atau kursus *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR). Bengkel atau kursus *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR) dikendalikan secara *in-house* oleh jabatan dan kementerian masing-masing. Peperiksaan *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR) akan dibukakan kepada pegawai-pegawai yang mahu menduduki sahaja. Peperiksaan *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR) akan diadakan sebanyak enam kali setahun.

Peperiksaan *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR) adalah mandatori kepada Pegawai Pentadbir, Pegawai Kewangan, Pegawai Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Juruaudit. Insentif kewangan elaun bulanan sebanyak \$100.00 akan dihulurkan bagi tempoh 5 tahun kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang lulus di kedua-dua *General Orders* (GO) dan *Financial Regulations* (FR). Syarat-syarat melayakkan untuk mendapat insentif kewangan elaun bulanan ini ada dinyatakan di dalam Surat Keliling yang

telah dikelilingkan kepada jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian.

Mengenai saranan kedua itu, barangkali perkara ini akan dikaji oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terutamanya dalam pelantikan-pelantikan yang berkaitan dengan pensyarah-pensyarah dalam bidang ugama supaya dikehendaki untuk sekurang-kurangnya terdiri dari kalangan orang-orang yang Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dua perkara untuk kaola utarakan dalam Tajuk ini.

Pertama, mengenai dengan kakitangan Kerajaan khususnya Bahagian V yang berkeluarga yang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Apa yang kaola fahami mereka ini tidak berhak atau berkelayakan mendiami perumahan Kerajaan. Apakah mereka ini boleh dipertimbangkan untuk mendapat kemudahan perumahan seperti kakitangan dalam bahagian yang lain?

Perkara yang kedua, apa yang kaola dimaklumkan sering juga berlaku masalah kelewatan atau saat-saat akhir dalam memberikan kelulusan Latihan Dalam Perkhidmatan iaitu LDP kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan yang melanjutkan pelajaran mereka di luar negara. Sepertimana keluhan yang kaola terima, akibat kelewatan ini ada di antara



pemohon hanya mendapat jawapan berjaya kurang seminggu sebelum musim pengajian atau latihan bermula, ada yang terpaksa ketinggalan sesi orientasi dan ketinggalan kuliah disebabkan perkara ini. Walhal proses permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) ini sudah awal dipersiapkan oleh pemohon dan jabatan serta kementerian di mana mereka bertugas.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, jika perkara ini benar berlaku, apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk mengatasi kelewatan atau kelambatan dalam perkara ini? Dan apakah ada Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) yang khusus diguna pakai dalam proses permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) ini seperti jabatan kerajaan lain? Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman tadi, kaola akan menjawab mengenai dengan kenapa permohonan Latihan Dalam Perkhidmatan mengambil masa yang lama untuk dipertimbangkan. Sebenarnya memang ada Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR). Kalau dirujuk kepada Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan 1/2011 para 6.4, Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di kementerian-kementerian hendaklah memastikan sepenuhnya supaya semua permohonan yang dihadapakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam memenuhi semua syarat, dasar dan peraturan yang berjalan pada masa ini, termasuk perancangan kementerian dan jabatan masing-masing.

Pihak berkenaan telah pun berusaha untuk memperbaiki tatacara menghadapkan sokongan-sokongan untuk mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan dengan mengemaskan dan seterusnya mengetatkan keperluan untuk memenuhi senarai semak tersebut yang mana ianya perlu diisi oleh setiap Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia.

Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi, seringkali didapati sokongan yang dihadapakan hanyalah untuk memenuhi senarai semakan sahaja tetapi isi kandungan sokongan adalah terlalu ringkas. Misalnya tidak ada penerangan secara terperinci keperluan kursus dengan perancangan Perkembangan Sumber Tenaga Manusia. Kertas cadangan kajian bagi Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah misalnya terlalu ringkas dan tidak teratur. Huraian tugas dan tanggungjawab tidak disertakan, tidak lengkap, terlalu ringkas dan memohon pelbagai kursus di institusi yang berlainan tanpa memberi keutamaan dan penjelasan akan keperluan jabatan. Walau bagaimanapun, secara purata isu dokumen yang tidak lengkap telah dapat dikurangkan dengan adanya senarai semak yang telah dikemaskinikan dan kawalan ketat ke atas keperluan kementerian untuk memenuhi senarai semak tersebut. Jadi itulah yang dapat kaola kongsi pada peringkat ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola hanya

ada satu perkara untuk dikemukakan, iaitu proses pengambilan tenaga pekerja Perkhidmatan Awam bagi jawatan bergaji bulan dilihat masih mengambil masa yang lama. Kadang-kadang ianya mengambil masa 5 ke 6 bulan baru mendapat jawapan dan ada setengah insiden itu mungkin lebih daripada masa tersebut. Sepatutnya di zaman IT ini dengan kepakaran yang ada di Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ketika ini, perkara tersebut dijangka tidak berlaku. Apakah penyebab perkara-perkara ini berlaku?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mempunyai pandangan dan pendapat ada beberapa cara atau kaedah yang boleh difikirkan dapat diambil dalam mempercepatkan respons kepada pemohon-pemohon iaitu secara *online* seperti menggunakan e-mail, sms atau *whatsapp*, telefon, faks dan pos ekspres. Jika kita menggunakan kaedah-kaedah ini, kaola percaya segala urusan mudah dan cepat dan akan dapat memendekkan proses pengambilan tenaga kerja dan sekaligus ianya akan dapat membantu mengurangkan pengangguran di Negara Brunei Darussalam.

Seharusnya kita sudah menuju ke arah *catalyst* dalam pengurusan pengambilan tenaga pekerja ketika ini. Kaola tidak bermaksud tidak perlu *hardcopy* cuma diminimalkan sahaja penggunaannya. Contohnya boleh diikuti seperti apa yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan dengan pelancarannya "Applikasi JKR Ku" sebagai alternatif orang ramai menghantar aduan mereka. Mudah-mudahan mereka beroleh kejayaan. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee.

Sebagaimana yang kita sedia maklum proses pengisian jawatan-jawatan kosong ini melibatkan beberapa tatacara. Pertama, proses pengiklanan, kemasukan data, *profiling* dan perakuan calon, ujian temuduga dan tapisan-tapisan tertentu dan sokongan Lembaga Temuduga dimesyuaratkan oleh badan bebas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya ianya lebih telus dan adil.

Sebenarnya Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam mengisikan kekosongan jawatan melalui pengiklanan jawatan ialah dalam kira-kira 2½ bulan bermula daripada tarikh tutup iklan sehingga dimesyuaratkan oleh badan bebas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tempoh ini tidak termasuk tempoh pengesahan pihak atasan, pemeriksaan kesihatan, penempatan dan melapor diri. Mengenai dengan cadangan supaya penggunaan sistem permohonan kerja secara *online*, sebenarnya sistem *GEMS* yang di bawah kawalan sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengandungi satu modul bagi permohonan kerja secara *online* iaitu melalui sistem Aplikasi *e-Recruitment*.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dalam proses

*design and development* bagi modul ini dan jika semuanya berjalan dengan baik, modul *e-Recruitment* ini akan dapat digunakan bagi permohonan pekerjaan di dalam perkhidmatan awam secara *online* dan seterusnya memudahkan pihak Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk memproses permohonan ini dengan cepat, efisien dan berkesan.

Ianya mengambil kira semua proses pengambilan seperti permohonan iklan, pengiklanan, permohonan jawatan, kemasukan data, perakuan, proses ujian dan temuduga adalah dibuat secara automatik *online* melalui sistem *e-Recruitment* ini. Pada masa ini semua data bagi permohonan jawatan kosong yang diterima adalah dimasukkan ke dalam Sistem SIMPA secara manual dan prosesnya memang diakui memakan masa. Apatah lagi permohonan jawatan kosong bagi jawatan-jawatan rendah di Bahagian V seperti Pembantu Pejabat misalnya, yang mana secara purata permohonan adalah kira-kira 3,000 orang. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang berusaha untuk menangani masalah-masalah kelambatan pelantikan jawatan ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 2 perkara yang kaola kemukakan. Pertama semua jabatan-jabatan sepatutnya ada *reserve unit* bagi menggantikan orang yang bercuti, sama ada menyambung pelajaran, cuti beranak dan lain-lain. Yang kedua, guru bergaji hari setelah 2 tahun berkhidmat

akan ditamatkan. Ini tidak selaras dengan jabatan-jabatan lain, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin memberi pandangan sedikit mengenai dengan Skim Perkhidmatan Guru di sekolah-sekolah. Alhamdulillah sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawasanya skim tersebut memberikan satu galakan kepada guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah untuk menikmati tanggagaji yang mereka hajati. Jadi dalam perkara ini sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), pelaksanaan bagi skim tersebut supaya akan dapat dipercepatkan supaya guru-guru yang berada di sekolah-sekolah itu akan dapat menikmatinya dan diketahui setakat ini masih ramai guru-guru yang belum mendapat menikmati skim berkenaan walaupun mereka ini sudah lulus, ada di antara mereka sudah lulus GO bagi Pegawai Pelajaran dan mudah-mudahan dengan pelaksanaan tersebut semangat juang guru-guru untuk mendidik bangsa dan negara akan lebih serius dan berkobar-kobar demi pembangunan bangsa dan negara. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @**

**Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyentuh juga mengenai dengan Skim Perkhidmatan Perguruan, (SPG) ini yang mana dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Bagaimana pula dengan guru-guru pendidikan agama, adakah mereka ini terlibat sama? Itu saja kali, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menjawab tadi soalan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat mengenai dengan orang-orang yang dihantar untuk menjalani latihan dan sebagainya di luar negeri dan orang-orang itu sepatutnya ada *reserve*. Sebenarnya perkara ini berjalan, apabila pegawai-pegawai keluar negeri untuk belajar dengan sendirinya jawatan-jawatan itu boleh dipangku, ada orang memangku sebenarnya. Jadi tidak ada timbul lagi persoalan kita akan melantik siapa-siapa.

Kedua mengenai dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Gapor tadi mengenai sama ada ianya dilaratkan kepada Skim Perkhidmatan Guru-Guru Agama. Sebenarnya Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah pun menghadapkan skim tertentu untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan. Jadi perkara ini masih dalam penelitian pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai dengan pelantikan-pelantikan guru-guru ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan menjawab, Terima Kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Yang Berhormat Pengerusi, mengenai dengan soalan yang berkaitan dengan Skim Perkhidmatan Perguruan atau SPG. Skim ini telah pun diperkenalkan pada 1 Jun 2008 dan sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tadi pemindahan atau *migration* daripada jawatan-jawatan lama kepada skim baru ini sedang giat dijalankan. Jumlah keseluruhan keramaian tenaga pengajar di sekolah kerajaan pada masa ini ialah 6,925 orang dan dari jumlah ini sehingga bulan Februari 2013 ini seramai 4,242 orang telah diserapkan ke Skim Perkhidmatan Guru. Dari jumlah ini seramai 818 orang penyerapan dari jawatan yang bergaji hari ke gaji bulan adalah seramai 157 jawatan iaitu PG1, 71 orang dalam jawatan PG2 dan 590 orang dalam jawatan PG3.

Bagi penyerapan secara naik pangkat seramai 365 orang pegawai telah dilantik. Dalam mana 9 orang dalam jawatan PG1, 26 orang dalam jawatan PG2, 209 dalam jawatan PG3 dan 121 dalam jawatan PG4. Seramai 3,059 orang pegawai diserapkan dalam kategori penghijrahan dari skim lama ke Skim SPG yang terdiri dari 1,163 dalam jawatan PG1, 23 dalam jawatan PG2 dan seramai 1,873 dalam jawatan PG3. Sekian sahaja kaola dapat maklumkan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Yang kaola ketinggalan menjawab tadi Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad ada bertanya mengenai dengan perumahan kakitangan Division V, sama ada diperuntukkan atau

tidak. Peraturan yang ada pada waktu ini yang dipraktikkan, pegawai dan kakitangan yang berkelayakan memohon perumahan Kerajaan adalah dalam Perkhidmatan Tetap, Kontrak, Luar Negeri dalam Bahagian I, II, III dan IV. Pegawai-pegawai perempuan dalam Perkhidmatan Tetap, Kontrak, Luar Negeri dalam Bahagian I dan II, janda atau balu dalam Bahagian III dan IV layak diperuntukkan perumahan kerajaan.

Akan tetapi sistem peruntukan perumahan adalah mengikut senarai menunggu dan berdasarkan keutamaan kategori permohonan tertakluk jua pembekalan perumahan yang bersesuaian dan mencukupi. Jadi, kalau kitani mempertimbangkan lagi ke peringkat bawahan itu dengan sendirinya peruntukan kewangan tambahan perlu disediakan jika perumahan Kerajaan diberikan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan tetap.

Setakat ini dari maklumat-maklumat yang kaola terima, Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan yang besar setiap tahun. Tahun lepas sahaja sebanyak \$187 juta disediakan untuk perumahan pegawai-pegawai Kerajaan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ada baiknya diundi. Siapa yang bersetuju?

**(semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Maka Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SA14A - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.45 petang ini. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis Mesyuarat disambung pada pukul 2.45 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan di sebelah pagi tadi, Persidangan masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013/2014 di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan perbincangan dalam Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya untuk membincangkan dan menimbangkan Tajuk-Tajuk di dalam Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013/2014. Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Setakat ini, perbincangan Jawatankuasa telah meluluskan sebanyak 13 buah jabatan dan dijadikan sebagai sebahagian daripada Jadual. Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa akan beralih ke jabatan-jabatan seterusnya. Terima kasih.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga ini dibukakan untuk

dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi;

1) Mengikut Laporan Brunei Darussalam Tahun 2011, banyak negara di kawasan rantau yang kaya dengan hidrokarbon tidak ketinggalan Negara Brunei Darussalam terus mengimport sejumlah besar minyak mineral *lubricant* dan barang-barang yang ada hubung kait dengannya.

Bagi menampung kekurangan di dalam negeri. Kilang penapis minyak yang ada di Negara Brunei Darussalam sekarang hanya mampu mengeluarkan sebahagian dari permintaan Negara. Kerajaan mempunyai sedikit pilihan, hanya melalui import sahaja akan dapat menampung kekurangan bekalan. Kerajaan membelanjakan kira-kira \$141.99 juta ke atas bil bagi pengimportan ini, demikian mengikut statistik JPKE 2011. Jika kilang penapis baru dibina sejumlah dari perbelanjaan tersebut dijangka dapat dikurangkan. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengetahui bilakah kira-kiranya kilang penapis minyak yang baru itu akan dibina.

2) Kaola ingin menyampaikan hasrat penduduk-penduduk di mukim pedalaman iaitu Sukang dan Melilas di mana mereka berhasrat untuk membuka sebuah stesen minyak, tetapi ianya tidak bermaksud stesen minyak seperti yang terdapat di pekan dan di bandar, bagi menampung keperluan minyak seperti yang kaola sebutkan sebentar tadi kerana mereka selama ini

terpaksa turun ke pekan dan bandar bagi mendapatkan bekalan minyak di Shell, Petrol dan *lubricant* dengan melalui jalan darat dan juga sungai dengan menghadapi beberapa rintangan.

Perkembangan aktiviti pertanian di mukim-mukim tersebut nampak berkembang ketika ini. Makanya keperluan minyak adalah sangat-sangat diperlukan bagi aktiviti-aktiviti penduduk kampung di kawasan tersebut. Dalam hubungan ini, mereka mengharap Jabatan Tenaga akan dapat mempertimbangkan dalam menyokong permohonan mereka untuk mendapatkan sebuah stesen minyak di Mukim Sukang.

- 3) Mukim Liang menghadapi kepesatan pembangunan industri yang berskala besar jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain di Negara Brunei Darussalam. Dalam masa yang sama, kemajuan dan pembangunan ini juga akan mengundang risiko keselamatan yang cukup tinggi impaknya terhadap masyarakat sekeliling jika berlaku sebarang kerosakan besar terhadap loji-loji di mukim tersebut sama ada ianya disebabkan kecuaiannya manusia ataupun sebaliknya.

Apakah langkah-langkah dan tindakan jangka panjang pihak Kerajaan terhadap kedudukan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan industri ini sebelum sebarang musibah berlaku. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, yang sebenarnya kaola tidak akan menyampaikan apa-apa petang ini. Minta maaf.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sdn. Bhd. telah wujud sejak 14 Januari 2002 dan banyak pencapaian dalam tempoh 12 tahun, seperti:

- 1) Pengeluaran Block M dengan berkongsi perjanjian bersama *China-Sino Oil Company Limited, KBO, Borneo Limited* dan *Jana Corporation Sdn. Bhd.* pada tahun 2006.
- 2) Menandatangani perjanjian dengan *Philippine National Oil Company* dalam pelaburan bersama dengan LNG dan Sektor Hiliran Filipina pada Disember 2012; dan
- 3) Petroleum Brunei berminat dengan menawarkan kontrak pengeluaran minyak di Myanmar.

Dalam hubungan ini, kaola ingin mengetahui tahap pencapaian aktiviti pelaburan Petroleum Brunei di peringkat antarabangsa. Kaola ingin membuat saranan supaya pelaburan perlu dibuat secara selektif di negara-negara yang mempunyai *reserved* minyak dan gas yang berpotensi tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam kesempatan ini sukacita kaola mencadangkan supaya satu komiti yang bebas dibentuk untuk mempertimbangkan pelaburan antarabangsa bagi membuat penilaian terhadap *viability* pelancaran pelaburan berkenaan. Komiti ini kaola cadangkan semestinya terdiri dari pakar-pakar di kalangan anak-anak tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Menarik perhatian terhadap inisiatif *Foreign Direct Investment* di Negara ini, sukacita ingin mengetahui pencapaian tarikan pelaburan asing dalam industri minyak dan gas dalam jangka waktu 5 tahun kebelakangan ini. Dan, apakah sasaran pencapaian tarikan pelaburan asing di industri minyak dan gas dalam jangka waktu 5 ke 10 tahun yang akan datang. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang

Dilantik, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan dan dirahmati Allah.

Dalam tajuk ini, kaola mengemukakan isu penggunaan tenaga bersih dalam mencegah pencemaran udara. Sebagai persetujuan bersama dengan negara-negara ASEAN, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali mengambil peranan penting untuk menangani masalah pencemaran ini umpamanya pembinaan *hydro power*, *solar power*, *bio-fuel* dan *bio-gas*.

Berhubung dengan perkara ini, apakah sudah ada atau sejauh manakah pelaksanaan oleh pihak berkenaan di Negara ini? Dalam menangani isu pemanasan global dan pencegahan *GHG (Greenhouse Gas Emissions)*, adalah dicadangkan supaya pihak berkenaan membentuk Polisi Kehijauan Kebangsaan atau Polisi Pembangunan Kehijauan Bandar dan Pekan.

Dengan adanya polisi ini, ianya akan dapat mengawal pencemaran dan kerosakan, umpamanya melarang penebangan pokok sewenang-wenang di kawasan bandar, perumahan dan kawasan persendirian tanpa permit atau kebenaran dari pihak yang berkenaan. Pokok atau tumbuhan hijau adalah amat penting bagi membantu mengawal pemanasan persekitaran serta membantu menseimbangkan kapasiti pembentukan gas oksigen dan penyerapan gas karbon dioksida berlebihan di udara menerusi proses fotosintesisnya.

Kaola ingin mengetahui juga di sini, apakah maksud stesen minyak yang mesra alam yang mana kini dibina di kawasan tepi jalan Lebu Raya



Serampang, Daerah Tutong. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan II mahu menjawab ataupun tidak?

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan-saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Ada beberapa perkara yang dibangkitkan termasuklah kilang penapisan minyak baru, stesen minyak, komitmen *community independent* dan sebagainya. Kaola akan menjawab beberapa perkara saja dulu, yang lain insya-Allah kaola akan balik lagi untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci.

Mengenai dengan logi penapis minyak dan petrokimia, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa ada sudah syarikat yang ingin mengendalikan loji penapis minyak iaitu Syarikat Heng Yi. Pada waktu ini masih lagi berada dalam fasa *Basis for Design and Engineering* dan dijangka akan membuat *Final Investment Decision* menjelang pertengahan tahun 2013.

Satu kawasan di Pulau Muara Besar telah dikenal pasti bersesuaian untuk menempatkan logi penapis minyak dan petrokimia tersebut. Fasa pertama akan memerlukan pelaburan sebanyak US\$4 bilion yang mana merupakan satu *FDI (Foreign Direct Investment)* yang terbesar. Ianya akan dijangka membuka peluang (*spin-off*) kepada kontraktor dan pembekal tempatan semasa pembinaan dengan peluang pekerjaan tetap sebanyak 800 ketika ianya beroperasi. Projek ini, insya-Allah jika berjalan, akan

menyumbang kepada US\$2 bilion setahun kepada GDP Negara. Projek ini dijangka beroperasi insya-Allah pada penghujung tahun 2015.

Mengenai dengan PetroleumBRUNEI, memang sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah, kita sekarang meneliti dan mengkaji peluang-peluang usaha sama di beberapa buah Negara termasuklah Qatar, Myanmar, Vietnam dan Philippines. Pada waktu ini, PetroleumBRUNEI masih lagi berada dalam fasa pembangunan kapabiliti termasuk kemahiran sumber tenaganya di samping terus membina aset-aset yang diperlukan.

Mengenai dengan *capacity building* ini, memanglah PetroleumBRUNEI berterusan untuk meningkatkan usaha-usaha dan kepakaran-kepakaran di dalam syarikat tersebut. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, PetroleumBRUNEI ini adalah salah satu Syarikat GLC yang mempunyai Lembaga Pengarahnya tersendiri terdiri dari orang-orang yang juga berkepakaran dalam hal ehwal pelaburan bisnes dan juga *technicality* mengenai dengan projek-projek yang akan dimasuki oleh PetroleumBRUNEI. Jadi soal-soal, barangkali ada komiti *independent* yang akan cuba untuk meneliti projek-projek ini, akan kita kaji secara mendalam kesesuaiannya memandangkan di samping Petroleum BRUNEI, ia juga ada bantuan daripada Jabatan Tenaga dan juga orang-orang yang sudah mempunyai pengalaman di dalam bidang-bidang tenaga ini.

Mengenai dengan stesen minyak ini tadi, nantilah kaola akan menjawab lagi termasuk juga tenaga bersih. Kaola

akan menyentuh juga mengenai dengan *FDI* lain yang akan diwujudkan oleh Industri Hiliran ini.

Satu lagi ialah *ammonia urea* termasuk *derivatives* yang mana pada masa ini masih dalam fasa kajian *feasibility* dan *FDI* ini dijangka akan direalisasikan pada tahun 2014. Jika ianya beroperasi nanti, insya-Allah ia akan dapat menjana sebanyak 400 peluang pekerjaan di mana projek ini akan menggunakan 0.5 TCF Gas Asli yang sudah diperuntukkan bagi Industri Hiliran. Lain-lain projek hiliran yang sedang dalam pembincangan bagi kemungkinan pembinaan sebuah loji pelaburan alumina. Projek ini tertakluk pada adanya bekalan gas baru dan mencukupi dari aktiviti eksplorasi hulu pada masa ini. Dalam jangka masa panjang Industri Hiliran dijangka akan dapat menyumbang sekitar \$5 bilion kepada GDP Negara menjelang Tahun 2035 di samping menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Itu saja barangkali dulu Yang Berhormat Pengerusi yang kaola dapat kongsi dan insya-Allah kaola akan berbalik lagi nanti mengenai yang lain-lain itu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, semenjak Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad bertapak di Negara kitani hampir satu abad lamanya, sumbangan Syarikat Minyak Shell Brunei

kepada rakyat Negara ini adalah dalam bidang menghantar kakitangannya yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tempatan termasuklah juga sebilangan penuntut-penuntut untuk menerima Skim Biasiswa Syarikat Minyak Shell Brunei dengan diikat jamin untuk bekerja dengan syarikat tersebut setelah tamat daripada kursus masing-masing.

Kaola sukacita mengusulkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Brunei Shell Petroleum Company dan BLNG perlulah membukakan sumbangan seluas-luasnya kepada rakyat Negara ini, iaitu sudah sampai masanya pemberian biasiswa untuk melanjutkan pelajaran tinggi ke luar negara kepada sesiapa sahaja daripada kalangan rakyat yang berkelayakan yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang apa pun termasuklah juga dalam bidang keagamaan di negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Mesir, UAE, Jordan dan lain-lain tanpa diikat jamin.

Apabila mereka balik memperolehi ijazah, mereka dibolehkan berkhidmat di mana-mana saja sama ada di Syarikat Minyak Shell, jabatan-jabatan Kerajaan, BLNG ataupun swasta mengikut kemahiran atau ijazah yang diperolehi mereka. Keraguan sama ada mereka boleh lulus atau tidak, tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk memperketatkan pemberian biasiswa ini.

Mana-mana pelaburan mesti akan mempunyai risiko. Demikian juga dengan pelaburan dalam memberikan biasiswa kepada anak-anak bumiputra kitani. Kita memberikan pendidikan kepada mereka bukan untuk menjamin pekerjaan tetapi menjamin kebolehan bekerja (*employability*). Kita jangan lupa dalam sedikit masa lagi ASEAN akan menjadi

sebuah pertubuhan yang berintegritas dalam berbagai segi termasuk dalam bidang tenaga juga.

Dalam hal ini, sasaran pekerjaan bagi anak bumiputra kita tidak hanya terhad kepada sempadan Negara kita tetapi juga seluas rantau ASEAN dengan memberikan kemudahan pendidikan kepada anak bumiputra Negara Brunei Darussalam. Kita yang akan menjadikan mereka ini lebih kompetitif dalam pasaran (*level market*) pekerjaan di rantau ini. Jika perkara ini tidak kita lakukan mulai sekarang apabila tiba masanya nanti, Negara kita mungkin akan dilanda banjir pekerja dari negara-negara rantau ASEAN yang lebih kompetitif. Kita hendaklah mempersiapkan perkembangan sumber manusia yang boleh menghadapi integrasi ASEAN ini. Dalam hal ini kita tidak boleh terlalu takut dalam membuat pelaburan bagi mendidik anak bangsa kitani kerana kekhawatiran itu mungkin akan menjadikan kitani bak kata pepatah "untung seinci tetapi kita rugi sedepa", sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan dibukakan

untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mendapati terdapat sebahagian besar buku-buku agama terbitan pihak berkuasa agama seperti Jabatan Mufti Kerajaan dan Pusat Da'wah Islamiah serta jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, apabila dilihat di belakang kulit atau di dalam halaman hak cipta tertera dicetak oleh pencetak swasta kepunyaan bukan Islam yang mana jua sebilangan besar pekerjaanya tidak beragama Islam;

1) Soalan kaola, apakah langkah pemantauan Jabatan Mufti Kerajaan bagi memastikan kesucian ayat-ayat Al-Quran atau potongan ayat-ayat Al-Quran yang terkandung di dalamnya terjamin kesuciannya, seperti tidak dibiarkan berselerak di atas lantai dan sebagainya?

Dari sudut lain, kesucian ayat-ayat suci Al-Quran atau potongan ayat-ayat suci Al-Quran mungkin juga tercemar oleh benda-benda najis seperti misalnya secara orang-orang bukan Islam bersuci selepas keluar tandas dan makan dan minum makanan yang diharamkan dan selepas itu terus mengendalikan pencetakan buku-buku yang mengandungi ayat-ayat suci Al-Quran, bukankah perbuatan ini melibatkan kesucian ayat-ayat suci Al-Quran.

- 2) Adakah pihak Jabatan Mufti Kerajaan dan pihak berkuasa agama yang lain menempatkan pegawai di percetakan swasta sepanjang percetakan buku-buku berkenaan atau hanya datang secara berkala sahaja?
- 3) Kenapakah Jabatan Mufti Kerajaan tidak menggunakan perkhidmatan Jabatan Percetakan Kerajaan sedangkan Jabatan Percetakan Kerajaan adalah merupakan sebuah agensi percetakan yang terbesar di Negara Brunei Darussalam ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mencetak keperluan bahan-bahan cetak Kerajaan dengan peruntukan lebih \$10 juta seperti dalam mencetak beberapa edisi Mushaf Al-Quran di antaranya Mushaf Brunei Darussalam, edisi kecil Mushaf UBD dan lain-lain?

Mempunyai peralatan yang lengkap yang lebih utama lagi tenaga manusianya 99% adalah orang-orang Islam dibandingkan dengan percetakan swasta.

- 4) Kaola juga mencadangkan supaya pihak berkuasa agama memberikan satu garis panduan kepada syarikat-syarikat khususnya bagi membolehkan pihak percetakan swasta kepunyaan orang-orang bukan Islam layak mencetak buku-buku agama seperti mempunyai pekerja Islam yang mencukupi dan sebagainya seperti mana syarat-syarat yang dikenakan kepada restoran dan kedai-kedai makan yang dimiliki oleh orang-orang yang bukan Islam.

Di negara jiran seperti yang kaola maklum hanya pencetak kerajaan dan pencetak bumiputera sahaja yang

dibenarkan mencetak buku-buku atau kitab-kitab keagamaan terbitan agensi kerajaan. Begitu juga berhubung dengan penjualan, hanya premis kepunyaan orang-orang Islam sahaja yang dibenarkan untuk menjual buku-buku agama dan ayat-ayat perhiasan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas saranan-saranan Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim tadi. Sebenarnya Jabatan Percetakan Kerajaan masa ini mencetak Mushaf Al-Quran seperti Mushaf Brunei, Mushaf UBD, Mushaf Al-Wasibillah, bahan-bahan keagamaan yang lain juga dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Percetakan.

Baru-baru ini, Jabatan Percetakan Kerajaan buat pertama kalinya telah mengungkayahkan percetakan 14 tajuk buku agama kegunaan sekolah-sekolah agama Kerajaan. Mungkin pada masa akan datang lebih banyak lagi buku-buku agama ini akan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan dan insya-Allah dalam keadaan tersebut memanglah kalau sudah dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan ianya akan dapat memelihara buku-buku ataupun ayat-ayat agama di dalam buku-buku termasuk juga kesucian ayat-ayat Al-Quran dan hadith di dalam buku yang akan dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, insya-Allah cadangan Yang Berhormat tadi itu akan diteliti tertakluk kepada kemampuan Jabatan Percetakan Kerajaan begitu juga garis panduan yang dimaksudkan itu nanti akan juga kita teliti dengan sehalus-halusnya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola ada tiga perkara untuk dibincangkan mengenai dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE):

1) Mengenai dengan Wawasan 2035. Perkara ini telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pagi ini. Jadinya kaola secara ringkas sahaja. Wawasan Brunei 2035 yang bermula pada tahun 2007 akan menjangkau usianya 7 tahun pada tahun 2014 iaitu satu per-empat. Oleh sebab pencapaian sasaran-sasaran ataupun *target* dalam Wawasan 2035 diukur

melalui piawaian tertinggi antarabangsa sebagai misalan, rakyat akan mempunyai kualiti kehidupan yang tertinggi di kalangan 10 negeri teratas dunia atau Negara akan mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan di antara 10 negara teratas dari segi pendapatan per kapita. Maka supaya Wawasan 2035 tidak akan tinggal sebagai mimpi sahaja, maka kaola mencadangkan supaya Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menjalankan *quarterly review* pada tahun depan untuk mengetahui sama ada lapan tuju utama yang terdapat di dalam Wawasan 2035 sedang menuju kepada hasrat-hasrat yang telah dirancang.

2) Mengenai dengan perkara Rancangan Kemajuan Negara, semasa Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah telah bersabda antara lain supaya penilaian semula ke atas pencapaian Negara dalam setiap sektor dibuat dengan lebih objektif.

Ini adalah disebabkan RKN-RKN sebelumnya secara purata hanya mencatat perbelanjaan sekitar 60% daripada peruntukan yang telah disediakan. Mungkin untuk mencapai 100% merupakan satu sasaran yang kurang realistik. Bagaimanapun pencapaian kadar 60% yang berlaku berulang-ulang kali, walau apa pun alasannya dinilai merupakan satu kelemahan di pihak Kerajaan dalam

melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan dan diberikan peruntukan.

Undang-undang, peraturan (*regulation*), semuanya alat-alat ini adalah di bawah kuasa Kerajaan. Semuanya berfungsi untuk membantu Kerajaan. Jika ia tidak membantu, maka ianya hendaklah diubah suai. Mungkin juga perlu dilihat adakah disebabkan kelemahan pihak Kerajaan untuk berbelanja dalam projek-projek pembangunan menjadikan salah satu sebab kenapa ekonomi kita hanya bertumbuh dalam kadar tidak lebih 3% pada setiap tahun.

Di kesempatan ini kaola ingin mencadangkan supaya Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sebagai pengawal (*custodian*) kepada Rancangan Kemajuan Negara untuk menubuhkan *Operation Centre* ataupun Pusat Operasi yang berfungsi untuk memudahkan kerja-kerja pengawasan secara menyeluruh dan berkesan kepada semua projek yang dirancang di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Format *Operation Centre* yang kaola maksudkan adalah sama seperti dengan *Operation Centre* yang ditubuhkan oleh agensi-agensi keselamatan apabila mengawal keadaan keselamatan Negara. Jadinya ia tidak memerlukan bagi sesiapa yang hendak mengetahui kedudukan projek-projek berkenaan untuk melawat ke kawasan-kawasan projek memandangkan jumlah projek yang hendak diawasi ialah terlalu banyak.

3) Mengenai dengan Akta Kawalan Harga (*Price Control Act*) 2012. Alhamdulillah,

Akta Kawalan Harga telah dipinda dan berkuatkuasa bermula pada awal tahun ini, di mana kenaikan beberapa barang makanan asas akan dikawal kenaikannya. Bagaimanapun terdapat satu *item* yang terkandung dalam senarai barang-barang yang dikawal yang kaola ingin timbulkan, iaitu berhubung dengan harga makanan asas bagi kanak-kanak damit (susu tepung) bagi kanak-kanak ataupun *baby milk powder*.

Sebagai pengetahuan Ahli-Ahli yang berada di Dewan ini, pada masa ini harga satu tin *baby milk powder* yang beratnya 1.8 kg, yang paling murah ialah kira-kira \$20 satu tin dan yang paling mahal lebih daripada \$30 satu tin. Walaupun kawalan akan dibuat, harga asasnya sudah terlalu tinggi. Bagi yang menerima gaji rendah mereka tidak akan berupaya untuk membelikan susu tepung untuk anak-anak damit mereka. Itulah sebabnya banyak kanak-kanak yang diberikan susu manis sebagai pengganti kepada *baby milk powder* sebagai makanan asas mereka. Kaola percaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan lebih *familiar* atau mengetahui dengan kes-kes kanak-kanak yang *malnourished* ataupun tidak seimbang pemakanannya. Kerana kanak-kanak yang *malnourished* yang telah berjaya dikesan oleh Kementerian Kesihatan telah pun diawasi oleh *Medical Social Worker* di bawah Kementerian Kesihatan.

Kaola kurang pasti berapa peruntukan yang digunakan untuk Kementerian Kesihatan untuk membiayai derma makanan asas kepada keluarga-keluarga yang terlibat. Dari itu, pada

pandangan kaola dengan hanya mengawal kawalan harga *baby milk powder* ini adalah tidak mencukupi, seperti perumpamaan Inggeris "*Too Little Too Late*". Mungkin ada perlunya *baby milk powder* ini diberikan subsidi kepada orang-orang yang berpendapatan rendah atau tidak berkemampuan. Terima kasih, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan dan keprihatinan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, ada tiga perkara:

- 1) Mengenai Wawasan 2035;
- 2) Perbelanjaan-Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara; dan
- 3) Mengenai Kawalan Harga.

Terlebih dahulu mengenai kawalan harga, sebabnya kawalan harga ini pun nampaknya ada juga yang disuarakan lebih awal oleh Ahli Yang Berhormat yang lebih terdahulu bercakap. Jadi sebagaimana yang kita sedia maklum pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi berterusan mengeluarkan statistik kadar inflasi secara bulanan. Pada tahun 2012 kadar inflasi di Negara Brunei Darussalam adalah 0.5% berbanding pada 2% pada tahun 2011. Ini menunjukkan bahawa kadar inflasi adalah di tahap yang rendah berbanding dengan negara-negara di rantau ini.

Pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sentiasa memantau sumber-sumber inflasi tersebut yang mana

menurut data yang terkumpul sebahagian sumber inflasi adalah disebabkan oleh harga barang makanan yang di import dari luar negara yang meningkat.

Jadi memandangkan barang-barang tersebut adalah barang-barang import, faktor-faktor penyebab kenaikan harga adalah di luar kawalan kita. Seperti kejadian-kejadian bencana alam, kenaikan harga minyak bagi *shipping cost* dan lain-lain adalah di antara punca penyebab kenaikan harga barang-barang ini.

Di antara langkah-langkah yang telah dibuat untk memastikan kadar inflasi di Negara ini di tahap yang rendah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu perintah pindaan akta yang digelar Perintah Pindaan Akta Kawalan Harga 2012 yang telah dikuatkuasakannya mulai 1 Januari 2013.

Dengan pindaan ini, jumlah barangan yang dikawal harga meningkat dari 4 jenis barangan kepada 20 jenis. Jadi kalau dikira-kirakan, *late is better than nothing*. Barang-barang pindaan tersebut ialah kenderaan bermotor beras. *Thai Hom Mali* beras Thai dan beras pulut yang mana diberikan subsidi, gula pun diberikan subsidi, tepung biasa, *plain flour*, susu tepung anak damit, rokok dan tembakau, susu pekat dan cair, *motor gasoline*, *Premium 97*, *Super 92*, *Regular 85*, minyak Diesel, *Kerosene dual purpose*, Gas Petroleum, cecair berbotol, minyak masak yang mana selalu digunakan, Canola, Jagung, Palma, Sayur, Bunga Matahari dan Kacang Soya. *Reinforce bar*, barang-barang binaan pasir, batu, semen, *bitumen*, *asphalt*, *concrete* siap, bata.

Sebagaimana jua dimaklumi di samping itu Kerajaan juga menetapkan harga yang rendah bagi utiliti keperluan asas seperti tenaga elektrik dan air di mana minyak juga diberi subsidi. Menurut data-data yang kaola dapati pada 2 tahun yang lepas 2011 dan 2012 ini, jumlah subsidi kita yang berkaitan dengan minyak adalah lebih dari \$300 juta.

Pihak JPKE mendapati bahawa terdapat kurang kefahaman ataupun *misconception* mengenai peranan JPKE dalam mengawal harga-harga barangan di Negara ini, kerana orang ramai berpendapat setiap harga barangan dan perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan di Negara ini adalah menjadi tanggungjawab JPKE untuk mengawal harganya. Walhal JPKE sebenarnya hanya dimandatkan untuk memantau dan mengawal harga-harga barang-barang yang termuat dalam Perintah Pindaan Akta Kawalan Harga 2012.

Walau bagaimanapun, JPKE akan sentiasa dari masa ke semasa memantau harga-harga bagi barang-barang yang lain yang dikategorikan sebagai barang keperluan asas dan mengatur langkah yang bepatutan untuk memastikan harga bagi barang-barang tersebut tidak akan meningkat secara mendadak. Pihak JPKE juga sentiasa mengalu-alukan *feedback* seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi dan jua orang ramai mengenai jenis-jenis barang keperluan asas yang perlu untuk dipantau tetapi perlu juga diingat pemilihan jenis barang tersebut hendaklah benar-benar menepati definisi sebagai keperluan asas dan bukannya barang-barang yang hanya dibeli oleh segolongan orang-orang yang tertentu.

JPKE juga telah mengumpul maklumat mengenai beberapa harga barangan yang sering dibeli ataupun *popular* oleh orang ramai yang tidak termasuk dalam senarai barangan yang dikawal harganya. Maklumat-maklumat ini disebarluaskan melalui media-media tempatan termasuk Pelita Brunei, *Borneo Bulletin* dan beberapa laman *web*. Maklumat yang dikumpul ini, disebarkan melalui ruangan Rumusan Barangan Keperluan Harian ataupun *Consumer Price Watch Column* adalah harga-harga bagi setiap barang yang ditawarkan oleh beberapa buah gedung perniagaan dan kedai-kedai yang ikut serta.

Setakat ini maklumat sebanyak 110 jenis barangan makanan dan bukan makanan yang dimasukkan dalam ruangan ini, dan penyertaan dari gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai ini adalah terbuka percuma dan secara *voluntary*. Jadi inisiatif ini sebenarnya adalah untuk menggalakkan harga barangan dijual pada harga yang berpatutan memberikan panduan kepada orang ramai terutama golongan yang berpendapatan rendah dalam membeli barang asas dengan harga yang murah dan berpatutan. Memberi rangsangan pada peniaga lebih kompetitif dan membantu orang ramai, untuk sentiasa mengamalkan budaya bijak berbelanja dengan membuat perbandingan harga-harga yang ditawarkan sebelum membeli sesuatu barang.

Mengenai dengan saranan pertama tadi Wawasan 2035, sebagaimana yang abiskita sedia maklum, dalam beberapa tahun ini melalui Dewan yang mulia ini, dan melalui perancangan-perancangan bajet yang telah diusahakan adalah



sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk menepati Wawasan 2035. Misalnya dari segi *capacity building* supaya orang-orang Brunei akan berpengetahuan mahir sebagaimana yang kitani sasarkan pada tahun 2035. Begitu juga dari segi pertumbuhan-pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi.

Kita telah berusaha dengan sedaya upaya dan secara berterusan untuk lebih meningkatkan pertumbuhan ekonomi kepada tahap 5 ke 6% dan kaola boleh mengongsikan bagaimana Kerajaan akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi ini. Ada beberapa inisiatif yang telah diungkayahkan oleh Kerajaan antaranya:

- 1) Menerusi usaha mempelbagaikan ekonomi Negara dari sektor minyak dan gas.

Sebenarnya sumbangan kita dari minyak dan gas ini adalah terlalu besar. Apabila terdapat kekurangan dari segi *production* ataupun hasil pembekalan minyak, dengan sendirinya, pertumbuhan ekonomi kita menurun. Kaola sudah juga menjelaskan kertas Pembentangan Bajet tahun lepas, penurunan adalah 3.2%. Sedangkan *non-oil sector* telah berkembang sebanyak 3%.

Kita perlu melihat bagaimana mengadakan strategi-strategi untuk sekurang-kurangnya mempercepatkan lagi pertumbuhan-pertumbuhan itu. Salah satunya adalah dengan melaksanakan projek-projek hiliran kerana kita tidak akan dapat lari daripada minyak dan gas.

- 2) Menerusi penerokaan *deep water hydrocarbon* yang dapat dimajukan

yang mana insya-Allah akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Kalau *production* itu dikekalkan, dengan sendirinya apabila *non-oil sector* berkembang pada kadar yang lebih tinggi, maka dengan sendirinya kita akan dapat mencapai pertumbuhan yang lebih mantap.

- 3) Menambah baik lagi iklim perniagaan, (*business climate*) di Negara ini. Setakat ini Alhamdulillah, inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh agensi-agensi Kerajaan, telah membolehkan Negara Brunei Darussalam memperbaiki kedudukannya dalam anak tangga *Index Ease of Doing Business* di mana kita telah ditempatkan ke tangga 79 dari 183 buah Negara. Kedudukan ini adalah meningkat 4 anak tangga berbanding tahun sebelumnya.

Dalam perkara ini, Kerajaan akan mempergiatkan dan mempertingkatkan usaha ke arah memperbaiki suasana perekonomian Negara sebagai negeri yang *pro-business* dan *pro-investment*, di mana kaola sudah juga membentangkan baru-baru ini macamana kita akan mengukuhkan pihak swasta termasuk dengan memberikan insentif-insentif cukai dan lain-lain lagi.

- 4) Mempertingkatkan penglibatan sektor swasta seperti dalam pengeluaran dan aktiviti pemprosesan hasil pertanian, perikanan dan perhutanan, meningkatkan sumbangan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri hiliran minyak dan gas dan info-komunikasi.

- 5) Melaksanakan program penswastaan dan pengkorporatan agensi Kerajaan yang berkenaan termasuk juga dengan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembiayaan program projek pembangunan Negara melalui *Private-Public Partnership*.
- 6) Menggalakkan kemasukan dan memudahkan penempatan pelaburan terus asing ke Negara ini yang mana juga telah kaola sentuh dalam pembentangan bajet dan juga apabila kaola menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh sebahagian Ahli.
- 7) Menyediakan platform dalam mempertingkatkan penglibatan sektor swasta seperti dengan menggunakan perkhidmatan *outsourcing* bagi sebahagian perkhidmatan yang dijalankan oleh Kerajaan. Misalnya, perkhidmatan pembersihan bangunan-bangunan Kerajaan, menyediakan makanan dan letak kereta berbayar; dan
- 8) Menawarkan beberapa dana-dana termasuk industri *Development Fund* seperti yang diselenggarakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, *HRD Fund*, khusus membantu sektor swasta, *AITI Information Technology Grant Scheme*, untuk menggalak menyokong dan memberi kemudahan kepada Syarikat IT tempatan, mengembangkan industri ICT di Brunei Darussalam.

Melalui Belanjawan Kerajaan Tahun Kewangan 2012/2013 beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti pengurangan kadar cukai pendapatan korporat kepada 20%, penubuhan pusat-pusat perkembangan perniagaan seperti I-Centre dan K-Hub, program-program

bantuan perkhidmatan kewangan dan teknikal dan bentuk geran pinjaman Skim Latihan dan Basiswa. Selain mengurangkan kadar cukai syarikat beberapa peraturan baru yang lebih *pro-business* telah dikenalkan termasuk Pindaan *Bankruptcy Act*, bagi memberikan individu yang telah diisytiharkan bankrap peluang kedua untuk memulakan perniagaan baru. Meluluskan *Patent Act* bagi menggalakkan inovasi dan melindungi idea dan ciptaan.

Meningkatkan produktiviti di dalam sektor awam dan swasta melalui pembangunan modal insan yang berterusan untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran sumber tenaga di sektor awam dan swasta, mewujudkan pekerjaan *highly value added* dan memastikan penglibatan rakyat di sektor swasta dan meneliti semula prosedur-prosedur dan aturcara operasi pekerja-pekerja. Ianya boleh menghasilkan prestasi yang cekap dan berkesan di sektor awam.

Meningkatkan usaha dalam bidang penyelidikan inovasi (*innovative research*) bagi membuka industri-industri baru, sebagai usaha membantu Negara memperkembangkan *niche* yang tertentu dan daya cipta atau daya saing jangka panjang. Peningkatan dalam dana R&D dijangka akan menarik kerjasama antara sektor awam, swasta malah boleh menggalakkan syarikat *multinational* asing untuk membentuk perkongsian strategik dengan agensi tempatan dan memulakan aktiviti-aktiviti RKN.

Pelaburan Kerajaan di dalam bentuk RKN sebanyak \$6.5 bilion ini dalam tempoh 5 tahun adalah sebahagian sahaja, ataupun sebahagian kecil dari pelaburan

keseluruhan yang diperlukan untuk menjana pertumbuhan ekonomi 5 ke 6 peratus setahun. Sebenarnya, pelaburan yang lebih banyak adalah diperlukan dari pihak swasta. Sama ada berbentuk pelaburan langsung *Foreign Deposit Investment (FDI)* atau pelaburan dari dalam negeri. Ke arah itulah Kerajaan menggalakkan dan mengusahakan penglibatan pihak swasta untuk sama-sama bekerjasama bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan Negara.

Selain menarik *Foreign Deposit Investment (FDI)*, salah satu usaha ialah dengan menubuhkan *Government Linked Companies (GLC)*. Menceburi bidang-bidang atau sektor yang masih belum dapat diterokai oleh pihak swasta. Itulah adalah perkara-perkara ataupun sebahagian sahaja program-program yang diusahakan oleh Kerajaan untuk mencapai Wawasan 2035 bagi ekonomi yang dinamik dan juga kemahiran dalam *capacity building* kita.

Mengenai dengan saranan ketiga, yang RKN hanya berbelanja 60% itu adalah cerita lama. Dua tahun yang lepas pada 2011, kita berbelanja lebih dari 100%. Kita telah menambah daripada \$1.050 bilion kepada \$1.175 bilion, lebih dari pencapaian kita.

Begitu juga pada tahun 2012, JPKE sudah memohon untuk menambah \$500 juta, untuk membelanjai projek-projek yang dilaksanakan yang mencapai lebih daripada jangkauan. Ini adalah satu perkara yang dialu-alukan. Walaupun dari segi kewangan, mungkin akan menjejaskan kewangan kita, tetapi Alhamdulillah ini adalah satu perkara yang sangat dinanti-nantikan oleh kita dari

segi pencapaian-pencapaian kita dalam melaksanakan projek-projek ini. Ertinya, cuma Kerajaan akan sentiasa memperbaiki jentera-jenteranya untuk mencapai Wawasan 2035 supaya ianya akan menjadi kenyataan bukannya mimpi. Sebabnya, yang penting adalah usaha kita, bukannya untuk mimpi indah sahaja, tetapi usaha supaya ianya menjadi realiti. Terima kasih Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat.

Kita telah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa antara strategi utama kerajaan dalam membuat peruntukan perbelanjaan Kerajaan 2013/2014 ialah meningkatkan modal pembangunan insan iaitu dengan penyediaan infrastruktur dan program serta Skim-Skim Pendidikan dan Latihan di semua peringkat pengajian termasuk pemberian biasiswa untuk belajar keluar negara.

Alhamdulillah, usaha seperti ini memang banyak menghasilkan kejayaan. Namun begitu, kita perlu mengambil kira beberapa perkembangan semasa dalam usaha pembangunan modal insan ini iaitu di peringkat individu terdapat graduan-graduan lepasan institusi pengajian tinggi luar dan dalam negara yang masih belum dapat pekerjaan beberapa lama selepas mereka mendapat

ijazah mereka. Dan di peringkat industri, usaha Kerajaan memperkembangkan industri minyak dan gas dijangka memerlukan sumber tenaga manusia yang banyak dan mengikut anggaran, ini memerlukan lebih kurang 5,000 profesional dan 30,000 pekerja di peringkat dukungan dan teknikal.

Soalan kaola ialah, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji mengenai pembangunan sumber tenaga manusia ini secara mendalam dan meluas. Ke arah ini, adakah perancangan untuk pembentukan *National Human Resource Development Strategy* (Strategi Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Kebangsaan) yang memfokuskan dan menyelaraskan dengan lebih baik lagi dalam perancangan Kerajaan untuk peningkatan modal insan ini. Sehubungan dengan pembangunan sumber tenaga manusia, para graduan adalah aset negara. Dan negara memerlukan setiap *talent* dan kemahiran warganya bagi menyumbang dalam pembangunannya.

Soalan kaola seterusnya ialah adakah Kerajaan merancang menyediakan dan melaksanakan program latihan semula atau latihan tambahan yang bersesuaian bagi para graduan yang tidak mempunyai kesesuaian kelulusan dengan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan pada masa ini? Dan adakah Kerajaan akan membuat perancangan supaya menghasilkan para graduan di masa hadapan mempunyai keseimbangan dengan peluang pekerjaan yang terdapat dalam negara iaitu selaras dengan apa jua strategi untuk membangun sumber tenaga manusia?

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat;

- 1) Kaola berpendapat dengan adanya strategi kebangsaan tersebut, kita dapat mengenal pasti dan menyelaraskan penghasilan sumber tenaga manusia dalam Negara dan akan lebih terarah lagi dan berjadual. Seterusnya kita akan dapat menjadikan Negara sebagai tarikan destinasi kepada *world class talents* di bidang-bidang yang tertentu; dan
- 2) Kaola ingin kemukakan ialah mengenai dengan peningkatan produktiviti. Dalam konteks ini, peningkatan produktiviti adalah isu strategik yang berkait rapat dengan pembangunan serta pertumbuhan ekonomi. Keperluan pengambilan pekerja-pekerja asing, pelaburan bagi inovasi dan teknologi serta kebajikan dan gaji pekerja.

Data yang didapati daripada beberapa kajian menunjukkan peningkatan produktiviti atau *productivity growth* di Negara Brunei Darussalam pada keseluruhan aktiviti perekonomian sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah tidak begitu menggalakkan. Dalam masa yang panjang, perkara ini boleh menjejaskan usaha Negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi seperti yang diharapkan.

Berhubung dengan isu produktiviti ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan *National Productivity Council* atau yang sebanding untuk menerajui, mengkaji dan untuk menggubal dan melaksanakan dasar-dasar dan membuat pelan tindakan bagi penggalakkan peningkatan produktiviti Negara.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, seperti pendapat seorang ahli ekonomi yang terkenal yang berbunyi: "*productivity is not everything, but in the long run productivity is everything*" atau dalam konteks pembangunan ekonomi dalam masa panjang, produktiviti adalah segalanya. Dengan itu usaha untuk menanganinya adalah sangat penting. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan-saranan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai dengan pembangunan kapasiti dan graduan-graduan. Sama ada sudah organisasi atau jawatankuasa yang menangani mengenai dengan pembangunan sumber manusia ini.

Sebenarnya satu usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan ialah dengan menubuhkan sebuah agensi pusat iaitu Jabatan Pembangunan Sumber Manusia di bawah Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Jabatan tersebut dipertanggungjawabkan bagi menangani isu sumber manusia secara keseluruhannya di peringkat makro bagi memastikan bidang pembangunan sumber manusia yang luas dapat dikendalikan dengan lebih terarah, bersepadu dan berkesan.

Objektif utama JPSM ini adalah selaku agensi pusat yang mengawas dan menyelaraskan PSM negara. JPSM juga menjadi penggerak utama dalam

merancang dan melaksanakan dasar-dasar dan strategi PSM. Jabatan ini dihasratkan akan dapat mengelak pertindihan tugas-tugas di beberapa buah agensi pelaksana. Dalam pada waktu yang sama JPKE juga telah memasukkan hal ehwal sumber manusia sebagai salah satu isu penting yang perlu dipergiatkan dan diperkembangkan dalam perencanan kemajuan jangka panjang.

Salah satu usaha JPKE di bawah program PSM ini adalah dengan mengadakan sebuah dana pembangunan sumber manusia yang mana sebagaimana yang biskita sedia maklum berjumlah \$250 juta dan saya pun sudah ada tempoh hari menyentuh mengenai dengan program-program yang telah dilaksanakan.

Cuma kaola ingin menerangkan mengenai beberapa lagi program Pembangunan Keupayaan dan Kemahiran Tenaga Kerja Baru yang bukan sahaja sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid tadi bagi graduan dan orang-orang yang berkelulusan tinggi malahan di peringkat bawahan juga diadakan program-program tertentu.

Misalnya Skim Latihan dan Pekerjaan yang mana ini pun sudah kaola terangkan semasa membentangkan bajet tahun ini. Di mana sebanyak 340 orang telah mengikuti latihan di peringkat Latihan Kemahiran, 990 orang mengikut peringkat *On The Job Training* dan seramai 331 orang telah memperolehi pekerjaan secara tetap.

Satu lagi ialah Skim Penyediaan Tenaga Kerja Baru. Peruntukan juga disediakan untuk melaksanakan aktiviti yang

menjurus kepada penyediaan tenaga baru. Aktiviti yang telah dijalankan antara lainnya termasuklah Minggu Peluang Pekerjaan yang diungkayahkan oleh agensi pekerjaan tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan *Job Fair* yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga.

Skim *Basic ICT Literacy* dan *Professional Training* juga dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang lebih *competent* dan menggunakan teknologi yang semakin canggih dan seterusnya akan dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan mencapai visi menjadikan masyarakat Negara ini sebagai *Knowledge Based Society*. Skim ini dikendalikan oleh pihak berkuasa Industri Teknologi Info Komunikasi Brunei Darussalam.

Dan sebagaimana jua yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi Jabatan Tenaga juga mengadakan inisiatifnya sendiri untuk melaksanakan perisian tempatan (*local content*) dalam aktiviti perekonomian di sektor minyak dan gas di Negara ini. Di mana Jabatan Tenaga telah menyediakan rangka kerja *competency* industri tenaga dan menubuhkan Jawatankuasa Pandu Peringkat Tinggi bagi membantu kerja-kerja melaksanakan rangka kerja *competency* industri ini.

Rangka kerja ini akan dijadikan sebagai garis pandu di dalam penyediaan kursus dan latihan di sekolah-sekolah vokasional dan teknikal di Negara ini. Inisiatif ini dilaksanakan agar para penuntut lepasan pengajian teknikal dan vokasional akan lebih mudah dan sedia untuk diserapkan ke dalam industri minyak dan gas. Usaha ini diharap akan dapat membantu

pengambilan lebih banyak anak-anak tempatan untuk bekerja dengan syarikat-syarikat yang berhubung kait dengan sektor minyak dan gas. Dalam hubungan ini, Jabatan Tenaga telah mensasarkan untuk mewujudkan 50 ribu peluang pekerjaan dalam sektor tenaga menjelang tahun 2035, yang mana 80% darinya diisi oleh anak-anak tempatan. Pada masa ini, sebagaimana yang dimaklumi hanya 40% daripada sejumlah 15,000 jawatan yang ada diisi oleh anak-anak tempatan.

Seperti yang dibentangkan juga bukan saja kita menangani masalah-masalah untuk orang bekerja tetapi juga ingin menggalakkan belia-belia untuk menceburi bidang *business*. Sebagaimana juga program-program yang telah dilaksanakan iaitu Program Pembangunan Kemahiran Belia, di program ini menggunakan dana tajaan sektor swasta dan bertujuan untuk membantu golongan belia mencari pekerjaan ataupun memulakan perniagaan masing-masing.

Ianya menyediakan *micro business grant* dengan jumlah maksima \$2,000.00 setiap orang. Setakat ini sejumlah \$240,000.00 telah diluluskan bagi seramai 100 orang belia. Usaha-usaha lain pada menangani isu-isu pencari pekerjaan ini ialah melalui peningkatan kapasiti yang juga telah kaola bentangkan secara satu persatu dalam pembentangan bajet.

Beberapa peruntukan juga telah disediakan seperti Program Belia Berdikari di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan bagi mendokong usaha Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama untuk menggalakkan belia-belia menyertai sektor perniagaan. Terutamanya dalam menyediakan

peralatan bersesuaian yang diperlukan bagi operasi dan pengendalian perusahaan mereka.

Itu adalah beberapa program yang telah dilaksanakan setakat ini dan kita berterima kasih di atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Dan mengenai dengan soalan kedua iaitu mengenai dengan produktiviti. Perkara ini adalah proses berterusan dan insya-Allah apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi akan diambil kira dalam kita merangka strategi-strategi produktiviti yang akan kita laksanakan nanti.

Pada waktu ini kita masih lagi di peringkat meneliti dan cuba untuk melantik pakar-pakar untuk melihat mengenai dengan produktiviti ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman ada lagi hendak menambah apa-apa?

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bercakap sekali lagi. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) kerana memberikan penerangan yang begitu panjang lebar. Kaola ada satu soalan saja lagi yang pendek. Dalam merancang program-program yang telah disenaraikan tadi oleh JPKE ataupun Kerajaan, adakah Kerajaan mengadakan perundingan dengan sektor swasta untuk mendapatkan idea-idea daripada pemimpin-pemimpin peniaga ahli-ahli

bank, pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar *think tank* dan lain-lainnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga di atas soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi. Memang perkara ini adalah perkara yang berterusan, di mana *feedback* daripada pihak-pihak yang berkepentingan dari masa ke semasa memang didapatkan dan di samping itu, juga kementerian-kementerian lain juga memang ada *feedback* daripada orang ramai mengenai perkara-perkara yang patut ditangani. Dan Alhamdulillah macam di sini pun *feedback* itu adalah dialu-alukan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya sudah banyak pandangan yang telah disampaikan oleh beberapa orang rakan tadi. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dengan soalan ataupun cadangan-cadangan ringkas tetapi ianya bertepatan memenuhi keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini.

Kalau kita melihat harga barang-barang di pasaran, di kedai-kedai, dan di pasar raya-pasar raya memang berbeza-beza di antara satu kedai dengan kedai yang lain, dari satu pasar raya yang lain dengan pasar raya yang lain. Pada misalnya, dari 70% hingga 90% kenaikan

telah meningkat. Sebagaimana yang disentuh oleh rakan saya Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi, perkara ini harus jua kita ambil perhatian. Walaupun menurut jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) tadi, beberapa *item* barang-barang yang memang di bawah kawalan Lembaga Kemajuan Ekonomi, tetapi harus jua kitani mengambil tindakan atau perhatian kepada perkara-perkara yang kecil ini kerana ianya adalah menjadi keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Pada misalnya, barang-barang asas seperti susu yang biasanya harganya \$0.90 sen dan sekarang sudah meningkat. Ada kedai yang menjual \$1.30 sen, ada \$1.15 sen, ada \$1.35 sen dan seumpamanya.

Sebelum ke Dewan yang mulia ini, saya telah membuat beberapa kajian dan juga lawatan-lawatan di kedai-kedai yang berkenaan. Alasan bagi kenaikan harga ialah berkaitan dengan kos pengangkutan. Yang mengherankan pengangkutan di Negara Brunei Darussalam tidak terlalu jauh daripada Pelabuhan Muara ke pasar raya-pasar raya dan paling jauh ke Kuala Belait dan sebagainya. Tetapi harga barang-barang ini tidak sama daripada satu tempat ke satu tempat. Ini adalah menyusahkan dan membebankan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Saya ingin menarik perhatian umpamanya kalau gaji seorang pekerja \$800.00, membayar kereta \$350.00 dan bayaran-bayaran lain seperti keperluan dapur \$200.00. Bayangkanlah apa yang akan terjadi kepada mereka ini sepertimana jua Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi mengatakan terpaksa membeli susu yang lebih murah

untuk kepentingan dan membesarkan anak.

Kita merasa bersyukur, kerana yang ada di dalam Dewan ini barangkali tidak akan mengalami nasib yang serupa ini. Akan tetapi di luar sana, masyarakat dan rakyat sebahagiannya ada yang berkeadaan sedemikian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan-saranan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim dan insya-Allah oleh kerana yang dinyatakan tadi mengenai dengan susu adalah barang kawalan JPKE, insya-Allah akan memantau perkara ini dengan lebih terperinci.

Mengenai dengan harga barang dari satu tempat ke satu tempat, barangkali tidak lagi payah kaola nyatakan. Tahun lepas sudah pun dinyatakan. Cuma kaola akan mengongsikan saja. JPKE dalam memantau harga-harga ini secara keseluruhannya, ada kajian-kajian mereka yang harga barang makanan adalah 20% sahaja daripada pendapatan perbelanjaan kita. Yang banyak kita membiayai sekarang ini ialah gajet seperti telefon bimbit, iaitu barang-barang yang *luxury*.

Dalam hal ini kita meminta kerjasama orang ramai supaya sendirilah bijak dalam berbelanja. Supaya perbelanjaan itu akan dapat ditangani secara bijaksana dan saksama. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.



**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak akan menyentuh jenis barang-barang kerana telah pun disuarakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain tadi. Cuma kaola jua seperti teman lain di kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak pada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) kerana telah dapat menerangkan bahawa JPKE hanya membuat pemantauan, bukannya bertanggungjawab sepenuhnya tentang harga barangan, kalau kaola tidak salah kedengaran tadi.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengharap orang ramai akan dapat tampil ke hadapan memberi kerjasama dengan memaklumkan kepada JPKE jika terdapat barang asasi harga dinaikkan dengan sewenang-wenangnya.

Barangsiapa yang melakukan kesalahan dikenakan kompaun \$1,000.00 seperti Akta Kawalan Harga 12. Dalam hubungan ini, untuk pengetahuan orang ramai, kaola ingin bertanya jika dapat dijawab, kalau tidak dapat, tidak mengapa:

- 1) Jabatan manakah yang sebenarnya yang bertanggungjawab penuh dalam mengawal kenaikan harga? Kalau orang ramai tidak mengetahuinya dikhuatiri JPKE sahaja yang akan dipersalahkan.
- 2) Kaola ingin mencadangkan, bukan sahaja menjalankan pemantauan tetapi kalau boleh membuat satu pemeriksaan ditumpukan kepada harga barangan keperluan harian dan lain-lain di seluruh negara bagi memantapkan

lagi pengawalan harga barangan di Negara Brunei Darussalam; dan

- 3) Seterusnya, kaola ingin menyuarakan bahawa pada tahun 2012, JPKE telah menjalankan Banci Penduduk seluruh negara. Keputusan banci tersebut menjadi sedikit persoalan kepada sesetengah rakyat, di mana didapati jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam tidak ada peningkatan malah dilihat menurun 390 lebih ribu. Adakah ini satu realiti? Kerana apabila melihat butir-butir yang terdapat dalam proses bancian tersebut, banyak rumah-rumah yang dikategorikan kosong dan tidak termasuk dalam perkiraan.

Kita tidak mengetahui sama ada rumah-rumah tersebut benar-benar kosong atau tidak berpenghuni langsung ataupun penghuninya tidak berada di rumah, sedang berada di luar negeri sewaktu banci dijalankan. Kalau ini terjadi adakah ianya tidak termasuk di dalam perkiraan banci tersebut? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Yang dikawal adalah 22 barangan. 22 barangan itu memang JPKE yang mengawal dan yang lain-lain itu dipantau, sebab Akta Kawalan Harga memang itu tanggungjawab JPKE untuk mengawal 22 barangan tersebut, yang lain-lain itu hanya terpaksa dipantau. Jadi kalau ada kompelen insya-Allah akan ditangani.

Mengenai dengan Banci Penduduk dan Perumahan yang dikeluarkan oleh JPKE data terakhirnya mengenai jumlah penduduk 2011 di dalam Brunei Darussalam *Statistical Year Book*. Pada Banci 2011 ini, jumlah penduduk di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 393,372 orang berbanding dengan 332,844 orang pada Banci 2001. Ini menunjukkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.7 peratus dalam tempoh 2001 ke 2011 berbanding dalam tahun 1991-2001 ialah 2.5 peratus. Nampaknya dari segi *absolute term* memang meningkat, bukannya berkurang. Cuma kadar pertumbuhan kita kurang, yakni kurang orang beranak. Penduduk Negara Brunei Darussalam terdiri daripada 203,149 orang laki-laki 51.6 peratus dan 190,223 orang ataupun 48.4 peratus perempuan. Jadi nampak-nampaknya penambahan penduduk Negara ini agak kecil. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SA17A ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Majlis Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang lagi pada esok hari iaitu hari Selasa, 12 Mac 2013, pada jam 9.30 pagi.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 29 Rabiulakhir 1434 /12 Mac 2013****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka 653 Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL. **(Tidak hadir sebelah pagi kerana ada urusan)**

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB. **(Tidak hadir sebelah pagi kerana ada urusan)**

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Mulia Jurutulis II:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kelima didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang kelima. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan semalam masih lagi membincangkan dan menimbangankan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013/2014 di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Terima kasih.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan dan menimbangankan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak enam belas buah jabatan telah pun diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan masih banyak lagi jabatan-jabatan

yang perlu dibincangkan dan ditimbang. Sebelum kita beralih ke Tajuk-Tajuk seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri ingin hendak menyampaikan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan semalam. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pertama, kaola akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi semalam iaitu mengenai jawatankuasa ataupun jabatan mana yang bertanggungjawab untuk memantau Wawasan Negara 2035. Sebagaimana yang kita sedia maklum Wawasan Negara 2035 adalah perancangan jangka masa panjang. Pelaksanaannya adalah berperingkat-peringkat melalui pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara yang tempohnya lazimnya adalah setiap lima tahun.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ini, ada sebuah Jawatankuasa Tertinggi Kebangsaan dan Jawatankuasa Kerja yang membantu Jawatankuasa Tertinggi ini. Jawatankuasa Tertinggi ini dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang dianggotai oleh sebilangan Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha

Tetapnya. Urus Setia bagi Jawatankuasa Tertinggi ini ialah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Jawatankuasa Kerjanya pula dipengerusikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana yang sudah kita sedia maklum, sejak tahun lalu dalam televisyen dan sebagainya, kita dapat melihat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah turun padang beberapa kali untuk melihat sendiri perkembangan projek dan program-program yang dilaksanakan di samping mengadakan beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi ini. Jadi jawatankuasa inilah yang memantau perkembangan Wawasan Negara 2035 kita.

Kedua, kaola ingin menjawab persoalan dan jua keprihatinan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah mengenai dengan keadaan jenayah siber di Negara Brunei Darussalam dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya. Jenayah siber ini terbahagi kepada dua bahagian, satu melibatkan *hacking* ataupun Melayunya penggodaman dan yang satu lagi, menggunakan siber teknologi bagi melakukan kesalahan jenayah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah seperti penggunaan sosial media dalam memujuk secara salah wanita dan kanak-kanak untuk penggunaan seksual dan jenayah-jenayah yang lain.

Bagi kategori kedua ini, pihak *Information Technology Protective Security Services*

*Sdn. Bhd. (ITPSS)* terus bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang untuk menjalankan penyiasatan ke atas kes-kes siber yang telah dilaporkan. Pasukan Polis Diraja Brunei dalam beberapa kes telah berjaya membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan. Dengan adanya undang-undang baru di dalam Kanun Hukuman Jenayah tersebut sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah semalam, Pasukan Polis Diraja Brunei insya-Allah, boleh mendakwa orang-orang yang bertanggungjawab dengan tuduhan-tuduhan yang lebih spesifik kerana telah menyalahgunakan laman-laman *web* atau sosial media bagi melakukan jenayah mereka.

Pada masa ini Pasukan Polis Diraja Brunei secara berterusan bekerjasama dengan pihak Interpol, ASEANAPOL dengan berkongsi maklumat terutama sekali mengenai trend jenayah baru iaitu pengaksesan pornografi yang melibatkan kanak-kanak. Terdapat keperluan untuk mengadakan undang-undang baru dan juga latihan-latihan khusus dan program-program kesedaran. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah mengadakan program-program kesedaran mengenai jenayah siber ini. Pertama, *E-Government National Centre (EGNC)* telah dan akan terus bekerjasama dengan *Authority for Info-Communications Technology Industry (AITI)* dan ITPSS untuk meningkatkan kesedaran keselamatan siber. Antaranya termasuklah *First Cyber Security Awareness Week* yang telah diadakan pada 9 hingga 11 September pada tahun lalu, yang mana program ini telah dianjurkan oleh ASEAN termasuk Jepun.

Di samping itu, agensi-agensi lain seperti Kementerian Perhubungan, *Authority for Info Communications Technology (AITI)* dan *IT Protective Security Seniors Sdn. Bhd. (ITPSS)* juga ada mengadakan inisiatif-inisiatif lain dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai ancaman-ancaman ruang siber seperti penyediaan rangka kerja *Child Online Protection* dan mengadakan sesi taklimat mengenai kesedaran ancaman ruang siber di sekolah-sekolah.

Seterusnya kaola ingin menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee mengenai cadangan stesen minyak di Kampung Melilas. Saranan ini insya-Allah akan dikaji menurut keperluan dan ekonomiknya, ini termasuklah dengan mengambil kira keperluan orang ramai dan penduduk Kampung Melilas, sama ada terdapat alternatif lain yang juga bersesuaian dan membantu meringankan kesusahan orang ramai tersebut.

Soalan seterusnya dari Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee juga mengenai langkah keselamatan untuk para penduduk di Mukim Liang. Alhamdulillah, kedua-dua projek besar iaitu *Brunei Liquefied Natural Gas (BLNG)* dan *Brunei Methanol* di kawasan Mukim Liang mempunyai piawaian keselamatan yang sangat ketat menurut piawaian antarabangsa. Di samping itu, Jabatan Tenaga sedang menyediakan satu peraturan baru yang akan dikeluarkan insya-Allah pada pertengahan tahun ini, iaitu peraturan-peraturan *Major Accident Hazards* bagi mengawal aktiviti-aktiviti industri yang melibatkan bahan-bahan yang berbahaya dan aktiviti-aktiviti pengerudian. Ianya akan memerlukan pihak industri menghadapkan keterangan



keselamatan ataupun *safety case* mereka ke arah operasi yang selamat. Mereka juga tidak akan dapat memulakan operasi mereka sebelum menerima kebenaran dari pihak Kerajaan selaku *regulator*. Kerajaan menganggap pencapaian piawaian terbaik pada kesihatan dan keselamatan sebagai satu kemestian. Peraturan-peraturan berkenaan akan dijadikan sebahagian dari *Workplace Safety and Health Order (2009)* yang akan dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, insya-Allah pada awal suku kedua tahun 2013.

Yang Berhormat Tuan Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga ada menyuarakan beberapa isu yang mana salah satunya mengenai Stesen Mesra Alam di Kampung Serambangun. Stesen yang dimaksudkan sebenarnya dikendalikan oleh Koperasi Kampung Lubok Pulau. Stesen ini adalah merupakan stesen pertama yang menggunakan konsep mesra alam dan menyokong hasrat Kerajaan ke arah teknologi hijau. Pengertian mesra alam ini ialah mengadakan fasiliti yang kurang menggunakan tenaga serta menggunakan konsep *recycling* atau ulang pakai bagi menjaga persekitaran dari pencemaran dan sebagainya. Ke arah itu, stesen ini akan menggunakan lampu LED di keseluruhan stesen dan menggunakan air hujan bagi keperluan aktiviti pembersihan. Ianya jua mempunyai *safety* dan *environmental features* seperti *oily water trap and separator* bagi menangani sebarang ketumpahan jika berlaku. Stesen ini akan mula beroperasi pada suku tahun kedua tahun 2013 ini.

Mengenai soalan apakah usaha ke arah menambah tenaga bersih bagi kesejahteraan alam sekitar yang diajukan oleh Yang Berhormat Tuan Awang Haji

Ramli bin Haji Lahit, sebagaimana yang kita sedia maklum sumber utama tenaga yang digunakan di Negara ini ialah minyak mentah dan gas asli. Sumber ini adalah satu sumber yang tidak dapat diperbaharui dan lama kelamaan akan terus berkurangan hingga tidak dapat dikeluarkan lagi ataupun *depleted*. Untuk memastikan ketahanan tenaga jangka panjang, Negara Brunei Darussalam telah pun turut memperkenalkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui walaupun masih lagi pada masa ini dalam peringkat permulaan. Ianya juga akan membantu menjaga keselamatan alam persekitaran di Negara ini.

Loji Tenaga Suria Brunei (LTSB) yang berkeupayaan 1.2 megawatt telah pun dilancarkan pada bulan Mei 2011 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Loji Tenaga Suria Brunei (LTSB) ini merupakan satu projek demonstrasi untuk memperkenalkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui di Negara ini. Antara matlamat loji demonstrasi ini ialah untuk membuat kajian kecekapan beberapa jenis solar panel yang bersesuaian untuk digunakan di kawasan dan suasana di Negara ini.

Pada tahun 2011, Kerajaan melalui Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (CSPS), telah juga melaksanakan satu kajian dan telah mengenalpasti tenaga alternatif yang boleh diperbaharui yang bersesuaian untuk dimajukan di Negara ini, iaitu tenaga daripada sampah dan bahan buangan, angin, tenaga suria dan bio-fuel. Ke arah itu, Jabatan Tenaga dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei sedang membuka tawaran pada waktu ini untuk

membangun loji penjanaan tenaga dengan menggunakan sampah dan bahan terbuang di Sungai Paku, Telisai melalui Projek *Public Private Partnership*. Loji ini dianggarkan dapat menjana lebih kurang 24 megawatt tenaga yang membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan selain dari mengatasi masalah pencemaran alam sekitar yang berkaitan dengan sampah.

CSPS juga menjalankan kajian ke atas penggunaan *hydro* dan mendapati ianya mempunyai kos yang tidak kompetitif bagi Negara ini. Selain dari kos yang tinggi, penjagaan alam sekitar juga adalah satu kebimbangan.

Soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub mengenai dengan saranan beliau berkaitan dengan pemberian Biasiswa *Brunei Shell Petroleum* dibuka seluas-luasnya tanpa ikatan janji walaupun tidak berkenaan dalam industri minyak dan gas. Alhamdulillah, di Negara kita Brunei Darussalam ini, kita telah pun mempunyai bermacam-macam skim biasiswa seperti Biasiswa *Sultan Scholar*, *Supreme Commander*, Kementerian Pertahanan, Skim Dana dan juga biasiswa biasa melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sebagainya.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pihak-pihak lain yang berkenaan akan lebih mengetahui apakah keperluan Negara di sektor lain dan akan memberikan biasiswa seperti yang diperlukan. Bagi *Brunei Shell Petroleum*, tumpuan adalah untuk memberikan biasiswa kepada anak-anak tempatan yang diperlukan untuk mengisikan dan menampung keperluan

aktiviti-aktiviti mereka termasuklah di BLNG. Tahun lepas *Brunei Shell Petroleum* telah memberikan biasiswa kepada 38 orang dan insya-Allah tahun 2013 ini ianya akan ditambah lagi seramai 50 orang iaitu mengikut keperluan syarikat tersebut. Pada masa ini ada 102 penuntut Biasiswa *Brunei Shell Petroleum* menuntut di luar negara, ini belum lagi biasiswa yang diberikan melalui *Brunei Gas Carriers* bagi melatih pegawai-pegawai dan anak-anak kapal bagi perkhidmatan di atas kapal-kapal LNG.

Selain dari itu, perbelanjaan juga dikeluarkan oleh *Brunei Shell Petroleum* bagi menghantar anak-anak tempatan dalam bidang Juruterbang Helikopter. Jika dilihat dari awal sudah banyak lepasan Biasiswa *Brunei Shell Petroleum* yang sudah kembali berkhidmat di tanah air kita, bukan sahaja di *Brunei Shell Petroleum* malah juga bekerja di luar dan dengan Kerajaan, termasuk saya sendiri. Saya adalah salah seorang daripada *Brunei Shell Petroleum Scholar* yang bekerja di sektor Kerajaan dan telah menimba pengalaman yang berharga.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa *Brunei Shell Petroleum* dan *Brunei Liquefied Natural Gas (BLNG)* adalah entiti-entiti perniagaan di mana Kerajaan juga memberi kepentingan, maka saranan bagi pemberian biasiswa tanpa ikat jamin ini perlulah kita lihat dari segi aspek dan kesesuaiannya.

Terakhir sekali ialah mengenai dengan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin iaitu cadangan agar tanggagaji minima dapat diperkenalkan bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bergaji hari dan bergaji bulan serta pekerja sektor

swasta. Selaku majikan kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, Kerajaan telah menyediakan garis panduan penetapan gaji dan tanggagaji bagi semua jawatan dari Bahagian I hingga V, termasuk mereka yang diambil secara bergaji hari.

Matagaji yang ditetapkan dalam garispandu tersebut menunjukkan jenis-jenis matagaji yang berbeza berdasarkan peringkat-peringkat jawatan dan kelulusan-kelulusan yang diperolehi oleh penjawat awam. Dalam erti kata yang lain, sudah terdapat sukat-sukat gaji termasuklah jawatan yang paling rendah dalam perkhidmatan awam. Di samping itu, kakitangan Kerajaan yang bergaji hari juga menerima elaun-elaun tetap secara bulanan yang menjadikan jumlah pendapatan bulanan yang diterima mereka adalah lebih tinggi dari gaji pokok yang dinyatakan.

Mengenai saranan bagi mewujudkan dasar kadar gaji minima (*minimum wage*) bagi pekerja-pekerja di sektor swasta, kaola ingin terlebih dahulu mengongsikan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dan secara berterusan menjalankan penelitian mengenai dasar-dasar dan usaha-usaha bagi meningkatkan kesejahteraan dan juga kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta. Usaha ini adalah juga selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai anak-anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta.

Dalam meneliti cadangan bagi mewujudkan dasar bagi menetapkan gaji minima, ianya perlulah dibuat penelitian secara berhati-hati, terperinci dan

menyeluruh. Ini terutama sekali mengenai impaknya kepada suasana perniagaan dan ekonomi di Negara ini termasuk kesannya dalam menggalakkan dan menarik pelaburan asing ke Negara ini. Di samping kesannya kepada usaha Kerajaan dalam mengukuhkan sektor swasta dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi menangani isu pengangguran.

Di antara kesan langsung dalam penetapan kadar gaji minima ialah peningkatan kos perniagaan yang juga mungkin akan menjejaskan daya saing Negara terutama dalam era globalisasi masa ini. Dari pengalaman-pengalaman negara-negara lain termasuk negara-negara jiran dan negara-negara maju, langkah penetapan kadar gaji minima ini telah menyebabkan kos gaji yang meningkat dan membawa kepada impak-impak negatif seperti pengambilan langkah mengurangkan tenaga pekerja (*retrenchment*).

Bagi mengawal kos, majikan menghadkan pengambilan pekerja dan dari segi makro ianya juga kemungkinan akan menyebabkan harga barangan naik disebabkan tindakan syarikat yang mengenakan peningkatan kos tersebut kepada pengguna-pengguna, yang mana perkara ini pula akan menyebabkan peningkatan kepada kos sara hidup atau inflasi.

Dalam pada itu, penetapan kadar gaji minima juga mungkin akan menimbulkan kesan sosio-ekonomi di mana kurangnya peluang atau tawaran kerja bagi pencari-pencari pekerjaan yang berkelulusan rendah disebabkan gaji yang dibayar tidak dapat ditampung oleh produktiviti pekerja-pekerja berkenaan.

Di samping itu, dari kajian awal pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi pada tahun 2011 menunjukkan bahawa dari sebanyak 5,486 perusahaan yang beroperasi di Negara ini, sebanyak 5,347 atau 97.5% adalah terdiri dari perusahaan kecil dan sederhana. Dari jumlah 5,347 tersebut, sebanyak 71.4% adalah terdiri dari perusahaan bersaiz kecil secara persendirian. Jika polisi gaji minima ini diperkenalkan, berkemungkinan kebanyakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bersaiz kecil ini akan menanggung bebannya.

Oleh itu, kajian yang mendalam dan terperinci perlu dibuat terutama sekali dari segi pemahaman terhadap struktur perburuhan (*labour structure*) yang perlu diambil kira sebelum mengambil pendekatan tertentu agar sebarang polisi berhubung kadar gaji minima, jika sekiranya ianya diperkenalkan akan dapat berdaya tahan dan mencapai objektifnya dalam menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dalam jangka masa panjang. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Perhubungan ada ingin membuat pernyataan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Majlis. Kaola hanya akan menambah sedikit sahaja mengenai *cyber crime*.

Beberapa inisiatif telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, sukacita kaola menambah saja bahawa

pelan tindakan rangka kerja dan pelan tindakan yang sedang dilaksanakan akan menumpukan kepada 5 fokus utama iaitu:

- 1) Tindakan Perundangan (*Legal Measures*),
- 2) Tindakan Teknikal dan Prosedur,
- 3) Pembangunan Kapasiti,
- 4) Struktur Organisasi; dan
- 5) Kerjasama Antarabangsa.

Rangka kerja dan pelan tindakan ini sedang dalam penelitian untuk disahkan oleh Majlis Kebangsaan *Brunei Information Technology (BIT) Council* yang dipengerusikan oleh kaola sendiri.

Inisiatif *Authority for Info-Communication Technology Industry (AITI)* bagi mempromosikan kesedaran mengenai *cyber security* ini ada beberapa cara iaitu:

- 1) Seminar seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Seminar mengenai *Cyber Security* dan *Internet Etiquette Awareness* bagi penuntut-penuntut sekolah menengah dan para ibu-bapa. Seminar itu telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan melibatkan 31 sekolah menengah dan 6 maktab, melebihi 4000 orang penuntut dan 330 orang ibu-bapa.

Seminar kesedaran *Cyber Security* bagi sekolah-sekolah rendah yang dilaksanakan pada tahun 2012 dan telah melibatkan penyertaan 120 buah sekolah daripada 10 zon, 2000 orang penuntut dan 200 orang guru.

2) Melancarkan *Cyber Security Awareness* pada bulan November yang lepas.

Dalam memersetujui pandangan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai keperluan undang-undang bagi mendisiplinkan orang ramai untuk lebih bertanggungjawab dalam media-media teknologi, kita juga merasa *Awareness Program* seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan kaola tambah tadi di atas akan mempunyai kesan yang lebih jauh dan mendalam, yang dengannya insiden-insiden jenayah siber dan kesan-kesannya diharap akan dapat dikurangkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah pun memberikan jawapan-jawapan ataupun penjelasan-penjelasan terhadap soalan-soalan yang telah diajukan semalam dengan panjang lebar. Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa akan beralih ke Jabatan seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang? Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Yang Berhormat Menteri Kesihatan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim.

Sebelum meneruskan kepada Tajuk seterusnya, kaola ingin di sini terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sebenarnya ingin merespons kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman semalam yang berkaitan dengan susu tepung atau susu formula anak-anak damit yang dinyatakan semakin naik harganya yang membebankan setengah keluarga yang kurang berkemampuan.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menambah maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri bahawa jenis makanan ini telah pun dimasukkan dalam senarai kawalan harga. Dalam perkara ini, Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan nikmat bagi pemakanan anak-anak damit iaitu susu ibu yang mana sepatutnya disyukuri dan dihargai serta dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya nikmat dan khasiatnya yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan telah mempergiatkan usaha untuk menggalakkan pengamalan penyusuan susu ibu di kalangan ibu-ibu kepada anak-anak damit mereka dan bukannya memberikan anak-anak damit mereka susu formula. Kajian saintifik juga telah membuktikan bahawa susu ibu bukan sahaja sudah terbukti keunggulannya dari segi khasiat dan kandungan nutrisi untuk perkembangan kesihatan fizikal, mental dan emosi yang optima bagi anak damit, malahan ia adalah bersih dan selamat dari pencemaran serta dapat mengeratkukuhkan lagi kasih sayang di

antara ibu dan anak damit. Ianya adalah juga satu anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak membebankan dari aspek kewangan. Jikalau majoriti ibu-ibu di Negara kita ini menyusukan anak-anak damit mereka seperti yang disyorkan iaitu secara eksklusif untuk 6 bulan pertama dan diteruskan sehingga 2 tahun dengan memberikan makanan tambahan yang berkhasiat, isu mengenai harga susu formula tidak timbul sama sekali malahan dapat ditangani dan tidak menjadi sesuatu beban yang signifikan.

Dalam mempergiatkan dan memperkesakan lagi usaha untuk menggalakkan pengamalan penyusuan susu ibu di kalangan masyarakat di Negara ini, satu *Taskforce* Perumahan Ibu, Anak Damit dan Kanak-Kanak (*Maternal, Infant and Young Child Nutrition Taskforce*) telah ditubuhkan di Kementerian Kesihatan yang berperanan bagi menyebarkan lagi kesedaran mengenai kepentingan dan faedah kesihatan amalan penyusuan susu ibu, bukan sahaja kepada anak-anak damit tetapi juga kemanfaatan kepada ibu-ibu itu sendiri.

Mengenai dengan peranan *Medical Social Worker* di Kementerian Kesihatan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, kaola ingin menjelaskan bahawa Bahagian Kebajikan Perubatan telah wujud sekian lama di Kementerian Kesihatan dan mempunyai peranan utamanya iaitu:

1) Membantu pesakit-pesakit dan ahli keluarga mereka dari aspek menjaga kebajikan dan kesejahteraan serta mengurangkan bebanan yang mereka hadapi dan seterusnya untuk

mengelakkan dari bertambahnya faktor-faktor risiko yang mengundang kepada masalah kesihatan.

2) Ini termasuk mereka yang didapati melalui pemeriksaan doktor yang mana sebahagian pesakit atau ahli keluarga mengalami kekurangan zat makanan (*malnutrition*), kurang berat badan dan gangguan pertumbuhan (*stunting*), yang mana jika tidak diberi bantuan akan mengakibatkan kepada risiko yang tinggi yang menyumbang kepada penyakit-penyakit berjangkit malahanjuga penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan terlebih dahulu disiasat dengan terperinci oleh pihak Pegawai Kebajikan Perubatan (*Medical Social Worker*) tentang latar belakang dari segi kelayakan dan kemampuan. Jika perlu dan berkelayakan, mereka ini akan dibantu melalui Tabung Amal Bantuan Pesakit di bawah Kementerian Kesihatan di mana tujuan utamanya adalah semata-mata bagi meringankan bebanan dan bagi menghindarkan bertambahnya risiko-risiko penyakit yang akan dihadapi, di samping menunjukkan keprihatinan Kementerian Kesihatan bagi menjaga kesejahteraan dan kebajikan pesakit-pesakit. Penubuhan tabung ini adalah merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan yang mana sumber kewangannya bukanlah dari pihak Kerajaan.

Dalam pada itu, Bahagian Kebajikan Perubatan juga akan merujuk jika perlu dan bersesuaian kes-kes ini kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan serta badan bukan Kerajaan bagi mendapatkan bantuan jika mereka ini berkelayakan dan bersesuaian. Sekian

saja dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang kita beralih kepada Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-Ahli yang telah menyatakan keinginan mahu bercakap, Yang Berhormat Tuan Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dalam tajuk ini, ingin bercakap mengenai dengan Perintah Akta Syarikat-Syarikat Kerjasama (Pindaan) 2012. Kaola sebenarnya hanya akan bercakap mengenai dengan Bab 5, di mana kaola ada kewahaman mengenai dengan bab tersebut. Bab 5, cerai (ii) dan cerai (iii), tiada syarikat kerjasama boleh didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama menengah melainkan jika ia terdiri daripada sekurang-kurangnya dua syarikat kerjasama. Jadi kewahaman kaola, lazimnya syarikat kerjasama hanya satu, iaitu cerai (iii), tiada syarikat kerjasama boleh didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Minta maaf Yang Berhormat, sebenarnya mungkin perkara Yang Berhormat timbulkan itu sesuai bila kita membincangkan Jabatan Peguam Negara, Bahagian Undang-Undang ini adalah di Jabatan Perdana Menteri yang mentadbirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Undang-Undang, bukannya soal melaksanakan atau menggubal undang-undang.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, soalan ini nanti akan diajukan apabila tiba masanya Tajuk yang berkenaan. Terima kasih, mohon maaf.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya sedikit sahaja memberi pandangan mengenai dengan undang-undang, yang mana nampaknya sebahagian daripada undang-undang yang ada keperluannya dengan penduduk Negara Brunei Darussalam pada masa ini, ada yang belum lagi diterjemahkan di dalam Bahasa Melayu. Oleh kerana itu, nampaknya Yang Berhormat Pengerusi masih ada di kalangan orang-orang kitani Melayu yang belum memahami.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Minta maaf Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat timbulkan itu nanti lebih sesuai dibincangkan bila kita merundingkan atau membahaskan Pejabat Peguam Negara.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, terlebih dahulu kaola

mengucapkan terima kasih kepada penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Di sini kaola hanya ingin membetulkan persepsi berhubung dengan susu ibu yang boleh memberikan makanan yang betul kepada anak-anaknya. Memang betul, itu memang diakui tetapi persepsi di mana mengatakan semua ibu boleh menyusui anak-anak mereka adalah kurang tepat. Ibu-ibu yang tidak mendapatkan permakanan yang cukup ini adalah relevan kepada ibu-ibu yang datang daripada keluarga yang miskin atau keluarga yang kurang pendapatannya. Kalau mereka tidak mempunyai makanan yang cukup, mereka tidak akan dapat mengeluarkan susu dada yang cukup untuk memberi makan kepada anak-anak damit mereka. Ini adalah satu persepsi yang hanya kaola ingin betulkan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka ada baiknya Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri diundi. Siapa bersetuju? Silakan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA18A - Bahagian Undang-Undang dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan dibukakan untuk dibahas. Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Hussin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Rabbish Rahli Sadri Wa Yassirli Amri Wahlul Uqdatam Mil Lisani Yaf Qahu Qauli.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mendengar dan mengetahui serba sedikit mengenai Jabatan Percetakan Kerajaan Brunei Darussalam nampaknya Jabatan Percetakan tersebut tidak boleh menampung keperluan Kerajaan untuk mencetak dan melaksanakan tugas-tugas dari kementerian-kementerian yang memerlukannya. Akhirnya ianya diserahkan kepada percetakan swasta dan di sanalah kedapatan syarikat swasta meletak harga yang tinggi dan menyebabkan kerugian.

Di samping itu, di Jabatan Percetakan Kerajaan, Keselamatan dari segi maruah percetakan tersebut adalah terjamin dan jika di percetakan swasta akan terbongkarlah kegagalan untuk menyembunyikan muslihat-muslihat percetakan terutama sekali mengenai hal-hal keagamaan. Jadi Yang Berhormat Pengerusi, tidakkah boleh difikirkan semula mengenai perkara tersebut untuk diluaskan operasinya bagi mengatasi perkara-perkara yang kaola sebutkan tadi. Di samping itu, boleh membantu dan menyokong kepada belia-belia dan pencari-pencari pekerjaan tempatan untuk memenuhi keperluan mereka. Semoga dengan saranan kaola sedikit sebanyak akan dapat diterima untuk kebaikan bersama.



Begitu juga kaola mendengar semalam mengenai Jabatan Percetakan Kerajaan yang ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat mengenai terdapatnya percetakan swasta telah mencetak kitab-kitab Al-Quran dan di mana pekerja-pekerjanya terdiri daripada orang-orang bukan beragama Islam dan ini menjadikan percetakan Al-Quran tersebut tidak terjamin kesuciannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kaola ingin bertanya adakah pihak Kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Percetakan Kerajaan atau agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi mempunyai perancangan bagi menswastakan Jabatan Percetakan Kerajaan atau mengubah operasinya dari sebuah jabatan yang memberikan perkhidmatan percuma kepada jabatan yang berorientasikan perniagaan.

Kaola berpendapat Jabatan Percetakan Kerajaan beroperasi untuk dapat berjalan sendiri melalui penghasilan yang diperolehi melalui percetakan bahan-bahan cetaknya. Di samping ia juga akan mengurangkan bebanan Kerajaan bagi membiayai operasi Jabatan Percetakan Kerajaan yang berjumlah lebih \$10 juta

setahun tidak termasuk perbelanjaan khusus bagi pembelian dan penggantian dan peralatan cetak.

Kaola mendapati kebanyakan borang-borang agensi Kerajaan boleh dimuatnaik melalui laman *web* agensi masing-masing. Soalan kaola:

- 1) Adakah borang yang dimuatnaik ini menjejaskan jumlah percetakan borang-borang kerajaan?
- 2) Jika ada, adakah Jabatan Percetakan Kerajaan mempunyai perangkaan terhadap penurunan tersebut dan adakah trend penurunan ini akan mengakibatkan kakitangan dan peralatan tiada mempunyai kerja yang akan dibuat?
- 3) Adakah langkah-langkah Jabatan Percetakan Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan kerja tersebut? Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan dan soalan Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain dan Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Percetakan Kerajaan.

Mengenai dengan ayat-ayat Al-Quran ini, percetakan Al-Quran memang dilaksanakan sebagaimana yang abis kaola nyatakan semalam dilaksanakan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan. Dalam pada itu juga, memanglah kadang-kadang banyak percetakan-percetakan Kerajaan

ini daripada jabatan-jabatan kerajaan yang perlu ditangani oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, jadi ada masanya tidak mampu untuk ditangani, sebab itu apabila ini berlaku kerja-kerja tersebut diserahkan pada percetakan-percetakan swasta.

Dan perkara ini memang baik juga, sebabnya percetakan swasta ini dengan sendirinya memberikan bisnes kepada swasta dan swasta pun akan mengambil anak tempatan untuk bekerja. Dalam pada itu juga sebagaimana yang kitani terangkan semalam mengenai dengan buku-buku agama dan sebagainya itu memanglah perlu kitani tangani secara berhati-hati dan pada waktu ini jabatan-jabatan Kerajaan dan kementerian-kementerian, mana-mana perkara yang berkaitan dengan buku-buku pendidikan yang berunsur agama ada juga dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim tadi mengenai dengan sama ada Jabatan Percetakan Kerajaan ini akan diswastakan dan sebagainya, memang perkara ini sedang dilihat oleh Jawatankuasa Penswastaan sama ada akan diperbadankan atau sebaliknya. Itu adalah proses-proses yang kita laksanakan dan ianya memanglah memakan masa tetapi jabatan-jabatan yang akan diperbadankan ataupun dikenal pasti.

Ada tadi soalan kedua mengenai kesan perkhidmatan permohonan *online* terhadap jumlah bahan cetak. Kaola ada maklumat-maklumat Jabatan Percetakan Kerajaan iaitu pencetak utama bahan cetak Kerajaan seperti borang-borang yang mana adalah sebanyak 27%, buku-

buku sebanyak 68% dan cetakan am sebanyak 5%. Sehingga tahun 2012 lebih kurang 32 ribu ataupun 5 juta cetakan borang-borang tidak lagi diperlukan dari purata 16 juta yang dicetak setiap tahun.

Penurunan keseluruhan pesanan sejak 10 tahun ini adalah disebabkan oleh penggunaan sistem *online* TAFIS. Terdapatnya kemudahan borang muat turun sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi penggunaan meluas peralatan ICT dalam perkhidmatan awam seperti memo dan minit *sheet* dan penggunaan perkhidmatan percetakan swasta oleh sebahagian jabatan Kerajaan.

Jadi Jabatan Percetakan Kerajaan sentiasa peka terhadap kesan perkembangan e-Kerajaan ini yang mana sudah setentunya akan melibatkan operasi jabatan.

Jadi berdasarkan kajian dianggarkan lebih kurang 75% ataupun lebih 12 juta cetakan pesanan borang-borang tidak lagi diperlukan dan anggaran tersebut adalah berdasarkan kepada kesemua permohonan *online* adalah mandatori seperti perkhidmatan TAFIS dan *e-custom* atau agensi Kerajaan terlihat menyediakan borang muat turun.

Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Percetakan Kerajaan supaya kerja-kerja ini akan lebih bertambah lagi dengan pengurangan tersebut ialah:

- 1) Meningkatkan produk cetakan bentuk buku-buku yang merupakan cetakan terbanyak berjumlah 30 juta;
- 2) Menawarkan perkhidmatan cetak yang berkualiti tinggi, tepat dan cepat dengan harga yang kompetitif;

- 3) Menawarkan kepada pencetak swasta perkhidmatan beberapa peralatan cetak yang kurang digunakan dan proses cetak yang tidak terdapat di dalam Negara;
- 4) Membukakan perkhidmatan percetakan kepada syarikat-syarikat *Government Linked Companies (GLC)*; dan
- 5) Meningkatkan penjualan yang dibenarkan kepada orang ramai, iaitu buku-buku keagamaan, terutama surah Yassin, Dikir, Takhtim dan Mushaf dan membangun dan memantapkan *nest market* iaitu bahan-bahan percetakan keselamatan yang dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ada baiknya Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan diundi. Siapa bersetuju? Silakan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA20A – Jabatan Percetakan Kerajaan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA20A - Jabatan Percetakan Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamu'alaikum. Terima

kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bercakap mengenai Perintah Akta Koperasi-Koperasi (Pindaan) 2012. Kaola ingin berkongsi dan mempunyai kewahaman mengenai dengan Bab 5 Ceraian (2) iaitu;

1) Tiada syarikat kerjasama boleh didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama menengah melainkan jika ianya terdiri daripada sekurang-kurangnya dua syarikat kerjasama. Pada kebiasaannya sebelum Akta ini dipinda, cuma satu syarikat kerjasama. Ceraian (3), tiada syarikat kerjasama boleh didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama atasan melainkan jika ia terdiri daripada sekurang-kurangnya dua syarikat kerjasama menengah dan satu syarikat kerjasama asas.

2) Beberapa buah koperasi dan persatuan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam tidak menjalankan amanah, tugas dan tanggungjawab mereka terhadap ahli-ahlinya atau pun anggota-anggota mereka. Jadi adalah disarankan supaya pendaftar persatuan-persatuan seperti *Brunei Industry and Development Agency (BINA)* dan *Registrar of Societies*, akan sentiasa dapat memantau dan memastikan kepercayaan dan hak ahli-ahli supaya tidak disalahgunakan dan diabaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan yang kedua mengenai koperasi itu, bukan bidang kuasa kaola untuk menjawab.

Ianya adalah tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk menjelaskan. Mungkin Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh membantu menjawab. Sama juga dengan Perintah Akta yang *detail* ini, Bab 5 ceraihan (2), ceraihan (3) itupun kaola meminta tangguhkan, kecuali Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin menerangkan kemudian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada apa-apa kenyataan Yang Berhormat Pehin perlu buat?

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Secara ringkasnya, peruntukan baru yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, adalah bagi membolehkan penubuhan kumpulan-kumpulan koperasi. Koperasi Asas yang disebutkan itu, memang masih ada. Untuk membolehkan Koperasi Menengah ditubuhkan, ianya mestilah dianggotai oleh beberapa Koperasi Asas. Misalnya, Gerakan Koperasi Nasional yang telah ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam baru-baru ini dan telah dibuka dengan rasminya, adalah merupakan Koperasi Menengah. Sebelum ini, dari segi undang-undang tidak ada peruntukan yang membolehkan penubuhannya. Bagaimana pun dengan adanya peraturan baru ini di mana ada memperuntukkan supaya Koperasi Menengah dimestikan mempunyai minima dua (2) anggota, maka Gerakan Koperasi Nasional bolehlah beroperasi. Koperasi biasa masih lagi boleh didaftar sebagai Syarikat di bawah

Akta Koperasi, akan tetapi untuk menjadikannya sebagai Koperasi Menengah, ianya hendaklah mendapatkan sekurang-kurangnya 2 ahli. Ini adalah bagi membolehkan mereka mengumpulkan banyak ahli dan kewangan.

Soalan kedua adalah jika dapat diulang mengenai dengan soalan Bab 5 Ceraihan (2) Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim?

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Beberapa buah koperasi dan persatuan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam ini telah tidak dapat menjalankan amanah, tugas dan tanggungjawab mereka terhadap ahli-ahlinya ataupun anggota-anggotanya. Pihak-pihak yang berwajib seperti BINA, Pendaftar Koperasi-Koperasi atau Pendaftar Persatuan-Persatuan, *Registrar of Societies* hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk memastikan dan memantau koperasi-koperasi tersebut ataupun persatuan tersebut agar tidak disalahgunakan ataupun mengabaikan ahli-ahli yang telah melabur di koperasi-koperasi berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Yang sebenarnya perjalanan koperasi hendaklah dilakukan oleh pemegang-pemegang sahamnya termasuklah menggulung dan menutup. Jadi Pendaftar Koperasi di BINA akan memastikan proses penggulungan ataupun penutupan itu dilakukan sendiri oleh ahli-ahlinya. Untuk tujuan itu, ahli-ahlinya mestilah memanggil satu Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ataupun satu mesyuarat khas untuk menggulung

ataupun untuk membawa segala masalah sebelum ia dibubarkan oleh Pendaftar-Pendaftar Koperasi.

Setelah mendengar keputusan daripada ahli, maka Pendaftar Koperasi akan mengadakan pemeriksaan secara teratur. Memang ianya dipantau. Kadang-kadang ada didengar daripada ahli mengenai dengan kegiatan-kegiatan ataupun perkara yang tidak betul. Jadi disarankan kepada koperasi-koperasi itu supaya mengadakan mesyuarat untuk menangani masalah tersebut. Itu sahaja yang dapat kaola terangkan mengenai dengan perkara yang ditimbulkan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Banyak Syarikat *Joint Venture* dengan orang asing di mana perjanjian perlu dibuat dengan peguam sebanyak 2 kali. Perjanjian pertama dibuat di hadapan Peguam Kerajaan yang mana *share* masing-masing adalah 50/50%. Perjanjian dibuat di hadapan Peguam Persendirian, *share* orang tempatan adalah 0% dan *foreigner* ialah 100%. Sebagai saguhati, orang tempatan diberi \$2,500.00 sebulan untuk menguruskan pasport dan pas pekerja. Ini nyata menguntungkan sebelah pihak manakala sebelah pihak lagi menanggung risiko sekiranya terjadi *foreign partner* lari ataupun bankrap. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih di atas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Nudin mengenai dengan *sleeping partner* ini. Kita pun mengetahui perkara-perkara seperti ini, sebab itulah kita meminta kerjasama dari semua pihak terutamanya pihak swasta dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyedarkan kita sendiri. Bukan Kerajaan sahaja yang sentiasa menyedarkan orang-orang swasta ini, tapi diri kita sendiri supaya jangan berbuat sedemikian. Supaya keuntungannya adalah lebih *valuable*. Dikhuatiri jika apa-apa di kemudian hari yang dituntut adalah orang kita sendiri.

Oleh yang demikian, saya memohon supaya kita di sini akan dapat menyedarkan orang-orang kita. Alhamdulillah, abiskita pun sudah nampak-nampaknya memerhatikan secara jelas mengenai perkara ini dan mudah-mudahanlah orang awam jua akan dapat mengerti mengapa Kerajaan dari masa ke semasa menekankan perkara ini supaya kita semua akan dapat mengambil penyertaan yang betul-betul sebagai satu penyertaan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti ekonomi di Negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua). Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola hanya memberi sedikit pandangan mengenai undang-undang yang mana

sebahagian daripada undang-undang yang ada keperluannya dengan penduduk Negara Brunei Darussalam, pada masa ini ada yang belum lagi diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Oleh kerana itu, nampaknya masih ada di kalangan masyarakat kita orang-orang Melayu yang belum memahami dan tidak dapat mengikut sepenuhnya akan maksud sebahagian daripada undang-undang tersebut.

Oleh itu, kaola menyarankan supaya jabatan yang berkenaan sentiasa berusaha dan terus menerus menangani perkara ini, sesuai dengan hasrat Negara kita iaitu memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam sudah setengah abad yang lalu. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Satu saranan yang dialu-alukan. Sememangnya pihak Jabatan Peguam Negara menyedari perkara ini yang mana adalah disebabkan oleh kekurangan bilangan kakitangan penterjemah. Penterjemah Undang-Undang ini adalah satu bidang yang memerlukan kepakaran bukan penterjemah-penterjemah biasa, yang mengambil masa untuk diperolehi. Jadi pada waktu ini, memang ada kekurangan bilangan kakitangan penterjemah yang mana menjejaskan kerja-kerja penterjemahan dan untuk melatih kakitangan bagi menterjemah undang-undang ini.

Rang Undang-Undang selalunya digubal dalam bahasa Inggeris dan diperlukan dalam jangka masa yang singkat. Sebab itulah didahulukan terlebih dulu bahagian bahasa Inggeris agar tidak terjejas. Jadi Alhamdulillah, usaha-usaha telahpun diambil untuk menangani masalah-masalah ini oleh Jabatan Peguam Negara.

- 1) Dengan menubuhkan Penggubalan Undang-Undang dengan Bahagian Penggubalan Undang-Undang, menubuhkan Penterjemahan Undang-Undang yang dikhususkan bagi menterjemah Rang Undang-Undang sahaja.
- 2) Menambah bilangan jawatan Penterjemah.
- 3) Meningkatkan kepakaran dan kemahiran pegawai dan kakitangan di Bahagian Penterjemahan dengan menghadiri kursus, seminar, bengkel, atau penempatan kerja di dalam ataupun di luar negara bagi mempelajari sistem dan proses penterjemahan undang-undang.
- 4) Meneliti dan memperbaiki proses penterjemahan agar proses berkenaan berjalan dengan teratur dan berkesan seperti menyediakan versi Undang-Undang Semakan (*Revise Text*) bagi undang-undang yang telah disemak dan mengandungi semua pindaan-pindaan yang dibuat terhadapnya bagi membolehkan orang ramai mendapatkan salinan undang-undang yang terkini. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Menteri Kewangan II (Kedua). Ada baiknya Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA21A - Jabatan Peguam Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk berehat selama 20 minit. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan supaya kita boleh berbincang di peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli Yang Berhormat perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini kita mulakan lagi dengan membincangkan jabatan-jabatan seterusnya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk - SA22A Jabatan Kehakiman Negara.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk - SA22A Jabatan Kehakiman Negara dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi, izinkan kaola memberi sedikit mukadimah secara ringkas dan pendek sahaja sebelum mengajukan soalan.

Di Negara Brunei Darussalam terdapat beberapa buah syarikat peguambela yang wujud sama ada ianya ditubuhkan oleh anak-anak tempatan mahupun orang-orang dari luar negeri dengan diberi lesen tertentu. Rakyat di negeri ini menaruh penuh harapan dan kepercayaan terhadap peguam bela ini untuk membantu membela mereka dalam menyelesaikan hal-hal guaman. Antara lain yang berkait dengan *dispute* terhadap pemaju-pemaju rumah, rakan-rakan kongsi dalam perniagaan, kes-kes pinjaman dan lain-lain lagi.

Peguambela ini seperti lazimnya akan mengenakan bayaran minima \$10 ribu sebagai kos perbelanjaan membuat persediaan sebelum kes dibawa ke mahkamah tanpa dibayar balik. Jumlah tersebut tertakluk kepada besar dan kecilnya kes yang akan ditangani, mungkin ada yang membayar lebih dari itu. Apabila kes tersebut dibawa ke mahkamah untuk diadili ianya mengambil masa yang kadang-kadang agak lama, kalau nasib kurang baik tarikh perbicaraan ditunda dari masa ke semasa tanpa alasan yang tidak memuaskan dan munasabah sehingga kes tersebut berlarutan. Akhirnya kes tersebut tenggelam begitu sahaja dan *dependent* terlepas dari didakwa. Peguambela yang mewakili plaintif tidak dapat berbuat apa-apa, kerana Jabatan Kehakiman yang menentukan segala perbicaraan, yang menanggung kerugian adalah plaintif itu sendiri.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi kaola ingin mengajukan pandangan dan soalan. Mengapakah hal kelambatan sedemikian ini masih berlaku di sebuah Negara Zikir yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja? Apa tidak bolehkah kes-kes sebegini di masa-masa hadapan dibawa atau ditangani oleh Mahkamah Syariah kita? Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Uagama

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Uagama:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat

Negara. Melihat kepada tajuk yang kita bahaskan pada masa ini iaitu Jabatan Kehakiman Negara, mungkin sesuai kaola bercakap di bawah tajuk ini ataupun mungkin sudah terlepas tadi iaitu di bawah Pejabat Peguam Negara. Kaola memohon izin untuk mengambil kesempatan untuk memberi sedikit maklumat mengenai dengan Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah sepertimana dinyatakan dalam ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal beberapa hari yang lalu.

Tujuan kaola di sini ialah untuk menghilangkan beberapa kewahaman dan juga sedikit kerisauan orang ramai mengenainya yang sedang menunggu-nunggu hasilnya. Kaola ingin menjelaskan bahawa Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah adalah sangat bergantung kepada tarikh sebenar penguatkuasaan dan pewartaan bagi 2 buah perintah iaitu Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Syariah ataupun CPC Syariah yang mana pada masa ini perintah yang pertama tadi telah siap penggubalannya, sementara perintah yang kedua masih dalam penelitian pihak Majlis Ugama Islam Brunei yang juga akan siap dalam masa yang terdekat, insya-Allah Yang Berhormat Pehin.

Sebagai langkah persediaan awal bagi pelaksanaannya, pada bulan Mei 2012 yang baru lalu, Majlis Ugama Islam Brunei telah menubuhkan Jawatankuasa Panel Khas bagi Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang



dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syariah dan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara berserta dengan ahli-ahlinya yang terdiri dari kalangan pegawai-pegawai atasan dari beberapa agensi yang akan terlibat secara langsung di dalam Pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah seperti pegawai-pegawai di kedua-dua buah Mahkamah Syariah dan Sivil daripada Pejabat Peguam Negara, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Polis Diraja Brunei, Jabatan Penjara, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan juga Jabatan Perdana Menteri bagi meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan perintah berkenaan.

Setakat ini Jawatankuasa tersebut telah mengadakan 5 siri mesyuarat, yang mana laporan hasil mesyuarat berkenaan telah dihadapkan kepada Majlis Ugama Islam pada 24 November 2012 dan telah dibincangkan dalam Majlis Ugama Islam pada 5 Januari 2013 serta telah disampaikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Baginda telah mengambil maklum mengenai perkara ini.

Mengenai dengan cadangan tarikh mula Pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Jawatankuasa telah meneliti kesesuaian bagi pelaksanaan perintah tersebut dan mencadangkan pelaksanaan akan dibuat secara berperingkat-peringkat dengan mengambil kira tarikh sebenar pewartaan ataupun penguatkuasaan perintah-perintah berkenaan dalam tiga fasa dan berperingkat-peringkat:

1. Meliputi pelaksanaan peruntukan-peruntukan yang hanya akan melibatkan hukuman denda dan

penjara di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.

2. Semua peruntukan akan dilaksanakan kecuali peruntukan yang melibatkan hukuman bunuh.
3. Keseluruhan peruntukan yang terdapat di bawah Perintah Kanun berkenaan akan dilaksanakan.

Pelaksanaan secara berperingkat-peringkat ini adalah mengambil kira keupayaan semua pihak dan memastikan pelaksanaan hukuman berkenaan dapat berjalan dengan sewajarnya. Ini juga mengambil kira titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Oktober 2011, seperti berikut:

*"...Beta tetap yakin jika kita mahu undang-undang Allah ini, tidak mustahil untuk dapat dilaksanakan. Jadi kalau belum mampu semua, buatlah mana-mana yang patut didahulukan yang dianggap kita sudah mampu..."*

Bagi memastikan pelaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syariah ini dapat berjalan sepertimana yang dijangkakan, jawatankuasa berkenaan telah mencadangkan untuk mengadakan beberapa perkara seperti berikut:

- 1) Menjemput pakar-pakar dari luar negara. Pakar-pakar yang akan dijemput adalah mereka yang mempunyai pengalaman yang luas di bidang Undang-Undang Jenayah Syariah bagi memberikan penerangan, taklimat, kursus, bengkel dan juga tunjuk cara pelaksanaan hukuman berkenaan. Ianya akan diadakan dalam

masa terdekat sebelum fasa pertama dilaksanakan.

- 2) Mengadakan lawatan-lawatan kerja ke beberapa buah negara yang melaksanakan Hukuman Hudud dan Qisas seperti Pakistan, Arab Saudi, Aceh dan juga Malaysia serta negara-negara lain yang difikirkan sesuai. Lawatan-lawatan akan diadakan sebelum fasa kedua dilaksanakan.
- 3) Mengenai latihan, agensi-agensi yang terlibat seperti mahkamah-mahkamah, Peguam Negara, Pendakwa Syari'e, Jabatan Penjara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguat Kuasa Agama dan lain-lain pihak penguasaan yang berkenaan dipohonkan untuk membuat penelitian ke atas keperluan-keperluan latihan dan pendedahan yang diperlukan mengikut kategori pegawai-pegawai yang terlibat. Pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali juga telah dipohonkan untuk membuat penelitian lanjut dan mengambil beberapa inisiatif bagi menyediakan skim latihan yang terperinci dan mengadakan program-program yang berterusan yang bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab agensi-agensi yang akan melaksanakan perintah berkenaan.
- 4) Latihan-latihan khusus secara praktikal akan diberikan dalam masa terdekat kepada pegawai-pegawai yang akan melaksanakan hukuman yang melibatkan sebatan, potong tangan, rejam dan hukuman mati dari pakar-pakar yang berpengalaman bagi memahami dan mengetahui kaedah-kaedah pelaksanaan yang betul.
- 5) Penyediaan prasarana. Mengenai dengan penyediaan prasarana, agensi-

agensi berkenaan dipohonkan untuk meneliti dan menyediakan prasarana yang lengkap dan sesuai bagi memastikan perbicaraan dan pelaksanaan hukuman di bawah perintah tersebut akan dapat berjalan dengan teratur dan lancar. Di antara prasarana berkenaan ialah seperti bangunan mahkamah, tempat penyiasatan, tempat tahanan, penjara yang bersesuaian, tempat pelaksanaan hukuman sebatan, potong tangan, rejam dan hukuman mati serta keperluan-keperluan lain yang perlu disediakan dalam melaksanakan hukuman-hukuman tersebut.

- 6) Mengenai dengan keperluan peruntukan kewangan. Setiap agensi-agensi berkenaan akan dipohonkan untuk menghadapkan keperluan-keperluan peruntukan kewangan ke arah meningkatkan keupayaan dan infrastruktur seperti latihan-latihan, menjemput pakar-pakar dari luar negara, lawatan-lawatan dan penyediaan prasarana dengan lebih terperinci sebelum ianya dihadapkan kepada pihak-pihak berkenaan.

Sebagai kesimpulan Yang Berhormat Pengerusi, Majlis Ugama Islam melalui Jawatankuasa Panel Khas bagi Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dengan kerjasama pihak Jabatan Perdana Menteri, khususnya Jabatan Kehakiman Negara dan Pejabat Peguam Negara sangat mengambil berat berhubung dengan perkara-perkara pelaksanaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang tersebut semata-mata bagi menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, agar Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah akan dapat dilaksanakan dengan segera, selaras dengan kehendak hukum syarak di Negara Brunei Darussalam. Demikian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi yang menyuarakan mengenai dengan kelambatan-kelambatan kita dalam melaksanakan proses perbicaraan.

Isu-isu yang ditimbulkan sebenarnya memang diperhatikan oleh Jabatan Peguam Negara. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah dikumpul punca-punca kelambatan perbicaraan adalah disebabkan oleh pertembungan tarikh perbicaraan dengan mahkamah-mahkamah yang lebih tinggi. Penangguhan dari pihak pendakwa termasuk dari pihak penguatkuasaan undang-undang, kesukaran di pihak saksi untuk hadir ke mahkamah pada tarikh-tarikh yang ditetapkan atau sebab-sebab yang tertentu dan sebagainya.

Pihak Jabatan Kehakiman Negara sangat prihatin ke atas cabaran dan isu yang sering timbul ini dalam proses-proses penghakiman dan usaha-usaha penyelesaiannya sentiasa difikirkan dan diambil perhatian yang sewajarnya. Dalam mengatasi masalah kelambatan ini, khususnya di Mahkamah Syariah, beberapa tindakan telah pun dibuat iaitu:

- 1) Menggubal kaedah penetapan tarikh bagi pendengaran awal kes. Sebelum ini ianya ditetapkan oleh Hakim Syarie, akan tetapi pada masa ini ianya hanya akan ditentukan oleh Pendaftar Mahkamah sahaja bagi membolehkan penetapan tarikh tersebut dapat dibuat pada tarikh pendaftaran kes berkenaan.
- 2) Pihak mahkamah juga telah menetapkan supaya mana-mana kes yang dilanjutkan hari perbicaraannya perlu ditetapkan tarikh pendengaran selanjutnya bagi memastikan kes tersebut tidak terabai.
- 3) Selain itu, pihak mahkamah telah mewujudkan satu Unit Audit Kes yang akan mengaudit kes-kes pada setiap penghujung tahun bagi mengenalpasti kedudukan setiap kes yang telah dihadapkan dan seterusnya membuat arahan-arahan yang bersesuaian bagi setiap kes yang belum diselesaikan.

Selain itu, terdapat beberapa projek yang sedang dalam pelaksanaan seperti *Technology Court System*, *Judiciary E-Case Management System* dan *E-Syariah Court Management System* yang dihasratkan akan dapat membantu kedua-dua Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah memberikan perkhidmatan kehakiman yang lebih berkesan dan mesra pelanggan. Dalam masa yang sama, terdapat juga projek-projek di bawah peruntukan khas yang juga dihasratkan untuk menaiktaraf kaunter-kaunter perkhidmatan di kedua-dua bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Tinggi agar kemudahan di bangunan mahkamah-mahkamah berkenaan selesa dan kondusif kepada semua pengguna.

Selain itu, salah satu dari cadangan yang ketiga yang kaola sebutkan tadi sedang dalam proses pewartaan ialah memperkenalkan satu peraturan yang dinamakan sebagai Aturan-Aturan Acara Mal (*Shul* 2011). Aturan ini akan memperuntukkan peraturan bagi membolehkan pelaksanaan proses *Shul* di Mahkamah Syariah.

Pelaksanaan *proceeding Shul* ini boleh dilaksanakan bagi permohonan di bawah bidang kuasa Mal seperti permohonan atas tuntutan akibat suatu perceraian seperti nafkah edah, nafkah anak, hak penjagaan anak, harta sepencarian dan seumpamanya.

Konsep pelaksanaan *Shul* yang membawa maksud satu proses di luar mahkamah adalah bagi memeterai satu ikatan perjanjian atau kontrak bersama untuk mencapai kompromi perdamaian antara dua atau lebih pihak yang berselisih faham atau bertikai yang juga dikenal di dalam Perundangan Sivil sebagai *mediation*. Oleh itu sementara menunggu aturan tersebut dikuatkuasakan, pihak Mahkamah telah membuat inisiatif awal bagi mewujudkan satu unit *SOLS* bagi melaksanakan proses bagi menggalakkan pihak-pihak dalam mana-mana *proceeding* untuk mengadakan *SOLS* mengikut hukum syarak bagi penyelesaian pertikaian mereka.

Pada masa ini, beberapa orang pegawai telah mengikuti latihan di Mahkamah Syariah di negara-negara yang lain yang telah mengamalkan proses berkenaan dan telah mengarahkan beberapa pegawai berkenaan untuk melaksanakan tugas sebagai Pegawai *SOLS* bagi kes-kes di mana hakim telah memerintahkan supaya

proses *SOLS* dilaksanakan. Terima kasih Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ada baiknya Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara ini diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA22A - Jabatan Kehakiman Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Tajuk ini kaola ingin sekali lagi menyuarakan walaupun sudah ditimbulkan pada tahun yang lepas mengenai dengan keberkesanan E-Kerajaan, di mana kita mengetahui bahawasanya banyak kementerian-kementerian telah melancarkan program berkenaan dengan kos yang begitu tinggi tetapi kita belum dapat melihat kesan daripada projek ataupun pelaksanaannya secara menyeluruh. Jadi dipohonkan untuk mendapatkan pandangan ataupun jawapan daripada pihak yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih jua di atas soalan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai dengan keberkesanan *E-Government*. Sebenarnya belumlah lagi tercapai sepenuhnya program-program E-Kerajaan ini terutamanya untuk memodenkan pemberian perkhidmatan awam. Antara sebab-sebabnya ia belum tercapai sepenuhnya ini ialah:

- 1) Penyediaan infrastruktur ICT mengambil masa yang lama dan dilaksanakan dengan cara yang kurang efisien menyebabkan duplikasi, itu diakui.
- 2) Perlaksanaan aplikasi-aplikasi tidak didukung oleh *Business Process Reengineering* dan *Change Management* yang menyebabkan kurangnya penggunaan sistem-sistem yang telah siap dilaksanakan.
- 3) Kekurangan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran di bidang-bidang yang diperlukan seperti pengurusan projek, analisis bisnes dan lain-lain.

Bagi memastikan Program E-Kerajaan ini akan berjalan mengikut Pelan Strategik e-Kerajaan, fokus akan diberikan kepada beberapa perkara;

- 1) Mengukuhkan *Key Performance Indicator* bagi memantau perkembangan pelaksanaan projek e-Kerajaan.
- 2) Menambah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan secara *online* sepenuhnya yang diperlukan

oleh orang ramai (*Citizen Centric*) dan pihak swasta, *Business Centric*.

- 3) Memberikan perkhidmatan *share services*.
- 4) Memastikan *Business Process Reengineering* dijalankan sebelum pelaksanaan Sistem Aplikasi.
- 5) Melaksanakan *Change Management Programme* bagi meningkatkan penggunaan sistem-sistem yang telah siap dilaksanakan.
- 6) Meningkatkan kemahiran tenaga kerja ICT melalui *Competency Development Programme, Frame Work*.
- 7) Meneruskan pemberian kursus-kursus ICT bagi meningkatkan ICT *literacy* warga Perkhidmatan Awam dan meningkatkan perkongsian maklumat di antara agensi-agensi Kerajaan.

Alhamdulillah, antara pembaikan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2012/2013, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ini telah pun melaksanakan:

- 1) Pogram Pembangunan Belia ICT, di mana ianya bertujuan sebagai satu platform pendidikan alternatif untuk memberi peluang kepada belia untuk menjalani latihan profesional dalam bidang ICT.
- 2) Pusat E-Kerajaan juga telah melaksanakan projek sistem pengurusan dan maklumat penjagaan kesihatan Brunei Darussalam yang dilancarkan pada tahun lepas bagi meningkatkan pengurusan dan penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Negara ini.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara, jumlah keseluruhan yang diperuntukkan bagi Sektor Teknologi Info-Komunikasi ini adalah \$310 juta yang ditumpukan kepada empat bidang:

- 1) Agensi Pkhidmatan e-Kerajaan bagi keperluan penyediaan infrastruktur dan penggunaan ICT ke semua kementerian dan peruntukannya adalah sebanyak \$217 juta.
- 2) Perkhidmatan Jalur Lebar e-Kerajaan (*EG Bandwidth*) berjumlah \$30 juta.
- 3) Pusat e-Kerajaan sebanyak \$24.5 juta bagi mewujudkan perkhidmatan guna sama Pusat Maklumat; dan
- 4) Peruntukan-peruntukan projek-projek bagi tahun 2012/2017 adalah sebanyak \$38 juta.

Itulah yang dapat kaola kongsi mengenai pembaikan-pembaikan yang akan dilaksanakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Perhubungan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola, kalau dapat sukacita menambah jua keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa keberkesanan dan kejayaan Pusat e-Kerajaan ini bergantung kepada beberapa faktor seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) itu dan antaranya juga ialah

sistem pemberian jalur lebar kepada negara *technology savvy society* dan *Citizen Centric Integrated e-Services*.

Alhamdulillah, kaola sukacita mengongsi bahawa insya-Allah pada tahun ini kita akan melihat satu perkhidmatan E-Kerajaan iaitu dengan perkhidmatan itu nanti pemegang-pemegang lesen kenderaan akan dapat memperbaharui lesen-lesen kenderaan mereka secara *online*. Mudah-mudahan saja dengan ini nanti, mereka ini tidak perlu banyak melawat ke Jabatan Pengangkutan Darat untuk urusan seperti ini dan apa yang lebih mustahak ialah *authentication* atau cara kita menentukan bahawa kereta itu adalah kereta yang betul dan selaras dengan data-data yang betul, akan dapat diusahakan. Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk selanjutnya SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik dibuka untuk dibahaskan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejak diperkenalkan Sistem Tarif Baru Tenaga Elektrik pada 1 Januari 2012, kaola yakin keberhasilan dari sistem ini telah dapat memberikan manfaat kepada pengguna dari segi penurunan harga yang meringankan beban orang ramai terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan pula dapat meningkatkan hasil pendapatan seperti yang dihasratkan. Kaola percaya tentulah kerajaan sudahpun membuat penilaian dan penelitian terhadap keberkesanan sistem ini. Maka kaola berpendapat dan mencadangkan pada jangka masa setahun sistem ini diperkenalkan, eloklah Jabatan berkenaan membuat penilaian sama ada sistem ini telah dapat membantu dan menolong meringankan beban pengguna sebagaimana yang dihasratkan dari sistem ini dengan mengambil kira dari aspek penggunaannya dan keupayaan perbelanjaan orang ramai. Setakat ini, kaola percaya kerja-kerja bagi pemasangan dan penggunaan kad prabayar sudah dilakukan dengan sempurna. Maka adalah elok jika kerja-kerja pemasangan ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dan memperlihatkan efisiensi Kerajaan terhadap sesuatu projek yang telah diluluskan itu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi :** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima

kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar mengenai dengan perubahan tarif elektrik iaitu dari segi kajian yang dilaksanakan oleh Bahagian Tenaga mengenai dengan keberkesanan dan faedah dari penggubalan tarif elektrik baru sektor perumahan.

Tarif baru sebagaimana yang kita sedia maklum bagi sektor perumahan bermula pada 1 Januari 2012. Hasil dari impaknya yang sudah dipantau dan dikaji mendapati jumlah penggunaan tenaga elektrik pada tahun 2012 di sektor perumahan ialah 1,879 GWh menurun 12.4 %, berbanding dengan penggunaan di tahun 2011 sebanyak 2,145 GWh. Jika pertumbuhan tahunan penggunaan elektrik sebanyak 4% diambil kira, penurunan keseluruhan bagi sektor perumahan dalam penggunaan elektrik adalah sebanyak 16.4%. Demografi dari aspek jumlah pembayaran bulanan di tahun 2012 ialah 37% ataupun 28,849 pengguna membayar \$6.00 atau kurang daripada \$6.00 sebulan. 79% ataupun 31,784 pengguna membayar sama seperti semasa pra tarif baru iaitu sebanyak \$123.00 sebulan atau kurang. Manakala 21% ataupun 16,000 ribu pengguna membayar lebih tinggi dari sebelum tarif baru.

Berasaskan kepada keberkesanan ataupun efisiensi sebanyak 29%, penjimatan gas asli adalah 1,201,539 MMBTU ataupun 16.4% ataupun dalam jumlah kewangan \$21.6 juta kepada Kerajaan. Jika kerugian ataupun *loses* semasa proses *transmission* dan *distribution* iaitu secara purata sebanyak 6% juga diambil kira, penjimatan daripadanya adalah sebanyak 386,069 MMBTU ataupun \$6.9 juta, menjadikan penjimatan keseluruhan di

sektor perumahan sahaja pada tahun 2012 dianggarkan \$30 juta.

Langkah-langkah selanjutnya yang akan diusahakan ialah tarif elektrik akan terus dinilai keberkesannya, penggantian keseluruhan meter di sektor perumahan ke meter prabayar akan dipercepatkan dengan sasaran siap bulan Oktober tahun ini. Mengenalkan penggantian meter prabayar secara percuma bagi akaun komersial, pelanggan baru di sektor komersial baru dimestikan menggunakan meter prabayar.

Kejayaan penjimatan di sektor perumahan merupakan *diversification* bagi peruntukan meter prabayar, membuat kajian dan sokongan bagi tarif elektrik di sektor komersial dengan mengambil kira implikasinya pada sektor permakanan dan perkhidmatan, inisiatif penjimatan seperti menggantikan *candescent lighting* ke LED di bangunan-bangunan kerajaan dan sistem pentadbiran tenaga yang lain dan mengenalkan polisi bagi *energy standard* dan *labelling* untuk pengaturan penghawa dingin dan lampu pada tahun 2013.

Sejauh mana tarif baru ini membantu golongan berpendapatan rendah, bagaimana yang kita sedia maklum, tarif baru sektor perumahan ini bersifat progresif. Jadi hasil kajian mendapati sebagaimana yang kaola terangkan tadi bahawa penggunaan bulanan Januari 2012 sehingga November 2016 sebanyak 37 pengguna membayar \$6.00 dan ke bawah dan dalam 79 % pengguna tidak membayar lebih, malah murah dari apa yang dikenakan sebelumnya. Jadi, itu saja yang dapat kaola kongsi setakat ini Yang Berhormat Pehin. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada dua perkara untuk kaola suarakan dalam tajuk ini di Dewan yang mulia ini:

- 1) Masalah Perkhidmatan Elektrik di Daerah Temburong. Sukacita untuk kaola ingin tahu di Dewan yang mulia ini, apakah perancangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menampung keperluan elektrik di Daerah Temburong, dalam mengambilkira penggunaannya semakin bertambah, seperti penambahan Skim Perumahan Negara Kampung Rataie, rumah-rumah, bangunan dan pemasangan lampu-lampu jalan?
- 2) Yang Berhormat Pehin Pengerusi, apa yang kaola ketahui kira-kira 82 buah stesen kecil elektrik dipasang di Daerah Temburong dan jumlah tersebut kebanyakannya sudahpun mempunyai *ring circuit*. Apakah Jabatan Perkhidmatan Elektrik sudah mempunyai rancangan bagi melaksanakan apa yang dimaksudkan sebagai *ring circuit* tersebut? Dan apakah tindakan Jabatan Perkhidmatan Elektrik jika terjadi sesuatu gangguan di kawasan stesen yang tidak mempunyai *ring circuit* bagi tujuan mengelakkan gangguan yang terlalu lama. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.



**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Kaola minta tangguh untuk mendapatkan maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih kurang sama juga berhubung dengan cara terbaru dalam mengendali dan melaksanakan tenaga elektrik ini. Jadi walau macam manapun sama ada dijawab ataupun tidak, tidak menjadi hal, kerana kaola hanya ingin untuk menambah sedikit berhubung dengan perkara ini. Jadi terlebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada pihak yang berkenaan kerana telah dapat membuat satu pembaharuan dalam perkhidmatannya dengan tujuan:

- 1) Mengelakkan pembaziran tenaga dan tunggakan yang berlarutan apabila diperkenalkan sistem kad prabayar. Ertinya pengguna membayar dahulu sebelum mendapat bekalan tenaga letrik.
- 2) Memberi kemudahan kepada pelanggan berurusan dengan adanya sistem *online*, ertinya pengguna boleh berurusan dari rumah atau dari tempat kerja atau dari mana sahaja.
- 3) Dengan adanya *Power Kad* yang dijual di kedai-kedai tertentu, pengguna tidak perlu membuang masa datang ke Pejabat Perkhidmatan Elektrik untuk membayar bil yang kadangkala

menyebabkan kelalaian, malas dan akhirnya tertunggak. Bila-bila masa walaupun waktu malam, pengguna boleh mendapatkan *Power Kad*.

Walau bagaimanapun, di sebalik kecanggihan dan pembaharuan ini, masih terdapat masalah yang lebih berat dari dahulu kerana tarif baru penggunaan jumlah *kilowatt* yang berperingkat-peringkat menyebabkan jadi bebanan kerana terpaksa berbelanja lebih mahal daripada yang dahulu.

Oleh itu, kaola menyokong penuh rakan-rakan Yang Berhormat tadi agar tarif baru ini dikaji semula kerana kaola melihat Perbelanjaan Operasi Janakuasa masih sama. Misalnya, seperti perbelanjaan tahun 2012 iaitu bekalan gas \$21 juta, bekalan diesel \$4 juta dan operasi \$430 ribu. Jadi, dengan jumlah \$25,430,000 juta masih juga dalam perbelanjaan yang sama daripada tahun lepas.

Yang kedua, berhubung dengan pemasangan meter prabayar di mana meter untuk *reset* disimpan di luar rumah. Jadi, masalahnya pengguna tidak mengetahui akan berapa baki *power* tersebut sehingga terpaksa keluar masuk untuk melihat baki yang tinggal. Kalau dapat pemasangan *meter reset* ini dimasukkan ke dalam rumah agar senang untuk dilihat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):**

Kaola memohon untuk menjawab nanti Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk menyokong hujah-hujah yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan tadi mengenai dengan penjualan tenaga elektrik.

Kaola di sini sukacita jua mengambil kesempatan untuk menyampaikan suara-suara daripada penduduk-penduduk yang mengalami peningkatan harga bayaran letrik yang hanya barangkali kurang lebih dalam beberapa peratus. Sepertimana yang diketahui bahawa kita rata-rata mengakui bahawa tenaga elektrik adalah merupakan keperluan yang sangat-sangat diperlukan atau diutamakan di dalam pengurusan kehidupan seharian seperti peralatan urusan rumahtangga bagi menggerakkan mesin-mesin yang mana peralatan tersebut menggunakan tenaga elektrik.

Sekiranya perkara ini dibuat secara berjimat atau diminimalkan pemakaiannya dengan menutup dan membuka *switch* peralatan yang berkenaan, sudah setentunya akan merosakkan mesin tersebut dan setentunya juga akan menambahkan beban kepada pengguna dan bukannya penjimatan.

Di kesempatan ini, kaola mencadangkan supaya jumlah harga unit yang baru itu perlu dikaji semula untuk mempertimbangkan sungutan-sungutan daripada golongan *middle men* atau penduduk-penduduk yang tahapnya pertengahan yang merasai kos bagi keperluan ini telah meningkat hingga 50% daripada pemakaian sebelum tarif baru ini diperkenalkan.

Apa yang kita lihat suasana di waktu malam, rumah yang dulunya terang-benderang pada akhir-akhir ini telah gelap-gelita disebabkan penjimatan tenaga letrik. Kalau rumah dulunya terang-benderang tetapi pada masa ini rumah telah bertukar menjadi gua dan gelap. Di sinilah letaknya keperluan kita dalam penggunaan letrik. Walaupun kita mengarahkan mereka itu menggunakan secara berhemat tetapi perlu jua dipertimbangkan kepada golongan-golongan seperti ini yang mempunyai rumah yang agak besar dan memerlukan tenaga elektrik untuk menyesuaikan keadaannya.

Mengenai dengan pemasangan *meter* prabayar, kaola sungguh-sungguh merasakan memberi kesan yang positif daripada setengah-setengah penduduk. Di kesempatan ini, kaola mengucapkan juga berbilang-banyak terima kasih dan tahniah atas usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin tadi.

Kalau dikira, rumah gelap itu ada jua positif impaknya Yang Berhormat Pengerusi. Ini bererti penjimatan itu sebenarnya berkesan dan dapatlah kita menyimpulkan bahawa orang ramai telah mengambil baik di atas polisi Kerajaan untuk menjimatkan lagi dan secara

keseluruhannya berjimat cermat di dalam perbelanjaan masing-masing.

Kaola ingin mengongsikan di sini mengenai dengan kedudukan pencapaian Projek Pemasangan *Meter* Prabayar yang banyak ditimbulkan ini. Projek pemasangan *meter* prabayar bagi sektor perumahan dan komersil setakat ini mencapai 42% kesiapannya yang mana meter ini percuma dipasang oleh Kerajaan dan dijangka akan selesai sepenuhnya pada awal tahun 2014.

Pada tahun 2012, sebanyak 28,082 akaun telah menggunakan meter prabayar yang mana 23,635 pemasangan adalah hasil pencapaian projek penukaran meter prabayar. Selebihnya adalah pemasangan dari projek-projek perumahan Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan sebagainya.

Bagi penggunaan meter prabayar keseluruhannya pula iaitu termasuk pemasangan meter prabayar sebelum 2012 sehingga akhir Disember 2012, sejumlah 63,287 akaun pengguna sudah menggunakan meter tersebut, sektor perumahan sebanyak 50,357 akaun dan komersil 12,930 akaun. Dari jumlah keseluruhan, 78,978 akaun perumahan pula, pecahan pengguna meter prabayar bagi Daerah Brunei Muara ialah 54%, Daerah Tutong 45%, Daerah Belait 84% dan Daerah Temburong yang paling banyak 97%. Sementara bagi sektor komersil pula, keseluruhannya berjumlah 18,353 akaun, pencapaian penggunaan bagi Daerah Brunei Muara ialah 72%, Daerah Tutong 68%, Daerah Belait 60% dan Daerah Temburong 7%. Usaha untuk memperluaskan penggunaan meter prabayar ini akan terus diungkuhkan.

Berhubung dengan kemusykilan mengenai mendapatkan pembelian kredit meter prabayar di kaunter-kaunter, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Tenaga telah melaksanakan beberapa inisiatif. Misalnya bilangan kaunter-kaunter pembelian *token meter* prabayar telah ditambah di seluruh cawangan-cawangan jabatan kecuali Daerah Temburong yang mana insya-Allah, akan difikirkan. Masa menunggu di kaunter-kaunter bagi pembelian *token* pula telah dapat dikurangkan kepada 10 ke 15 minit semasa *peak period*. Dua buah *Cash Deposit Machine* (CDM) telah pun beroperasi di Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan di Cawangan Seria. Ianya memberikan kemudahan secara 24 jam, 7 hari seminggu. Dengan adanya mesin ini, para pelanggan mempunyai pilihan untuk tidak menggunakan kaunter biasa.

Langkah-langkah selanjutnya ialah membukakan kaunter-kaunter pembelian *token* prabayar di kawasan-kawasan pusat membeli belah dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan *e-services* yang mana pada masa ini telah pun disertai oleh bank-bank seperti BIBD, Baiduri dan Standard Chartered, dan yang terakhir, Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga telah memohon peruntukan bagi menambah mesin-mesin *CDM* bagi ditempatkan di cawangan-cawangan Tutong, Kuala Belait, Sengkurong, Muara dan Temburong. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Saya juga menyokong rakan-rakan yang telah menyuarkan kesulitan bagi pelaksanaan meter prabayar ini. Jadi sejak beberapa tahun kebelakangan ini memang kita banyak mendengar berbagai-bagai andaian dan tafsiran dibuat oleh orang ramai mengenai dengan penggunaan pembaharuan tersebut. Walau bagaimanapun, kita ucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik kerana telah berusaha membuat pembaharuan.

Apa yang menarik ialah kebanyakan sungutan dan tafsiran itu berpunca daripada kurang kefahaman dengan tarif baru berkenaan. Kalau kaola teliti penggunaan ini, pembacaan baru ini lebih tinggi berbanding dengan cara lama iaitu melalui pembacaan meter biasa. Kaola berpendapat bahawa kekeliruan ini berpunca daripada kadar pembelian kad berkenaan yang tidak selaras dan sentiasa berubah-ubah.

Sebagai contohnya, jika pelanggan membeli dengan kadar \$100.00 pada awal bulan, kapasitinya lebih tinggi berbanding dengan membeli di hujung bulan dan ini akan menjadikan orang ramai kurang faham dan sering menimbulkan persoalan.

Kaola ingin mencadangkan agar kredit itu akan ditentukan atau ditetapkan mengikut kadar yang dibeli. Misalnya kalau dibeli nilai B\$100.00 iaitu 50 unit atau 60 unit dan sebagainya, sama dengan pembelian

easi kad yang ada pada masa ini. Sistem yang sedemikian ini tidak akan mengelirukan orang ramai. Jumlah kredit B\$100.00 ditetapkan berapa nilainya dan jangan berubah-ubah daripada awal bulan hingga hujung bulan. Jadi pengguna akan dapat mengira penggunaannya, yang menjadi kekeliruan itu ialah kadar yang dibeli pada awal bulan kemudian dibeli hujung bulan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

Kaola ada maklumat di sini, memang pemberian kredit yang lebih banyak bagi pembelian permulaan adalah disebabkan struktur tarif elektrik yang bersikap progresif. Bagi penggunaan meter prabayar, pengguna-pengguna adalah digalakkan untuk membeli *token* yang berpatutan mengikut kadar penggunaan bulanan mereka dan mengelakkan untuk membuat pembelian *token* yang besar bagi tujuan kegunaan tempoh dua bulan atau lebih.

Ini disebabkan *kilowatt* yang akan diperolehi bagi pembelian *token* yang berpatutan pada setiap bulan adalah tinggi berbanding daripada *kilowatt* yang diperolehi jika mencaj meter dengan kadar yang berlebihan bagi tujuan penggunaan melebihi dua bulan. Langkah berkenaan adalah digalakkan untuk menikmati kadar rendah bagi blok pertama dan kedua yang dapat dijana bagi setiap pengaktifan kredit setiap awal bulan.

Insyallah, mungkin nanti diadakan lagi jerayawara untuk memahami penduduk-penduduk mengenai dengan penggunaan ini.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bersependapat dengan rakan-rakan terdahulu mengenai dengan meter prabayar ini. Walau bagaimanapun, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik kerana telah berjaya berusaha mengganti meter-meter elektrik yang lama kepada meter elektrik prabayar yang baru di rumah-rumah di seluruh Negara.

Dengan adanya inisiatif ini, sekurang-kurangnya dapat meringankan bebanan pihak Kerajaan dalam menangani masalah bil-bil elektrik yang tertunggak selama ini.

Sementara itu, seperti pandangan daripada teman-teman sebentar tadi, masih banyak juga pengguna-pengguna yang tidak begitu faham tentang tarif dan unit yang dikenakan itu. Walaupun seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu bahawa Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah pun turun padang memberi penerangan mengenainya tetapi kefahaman masih belum dapat diserap oleh setengah-setengah penduduk. Kaola akan mengajukan mengenai dengan cara kaedah Jabatan Perkhidmatan Elektrik mengenakan unit-unit kepada orang ramai. Umpamanya mereka ingin mengetahui formula manakah yang

digunapakai oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam menentukan tarif dan unit ini.

Kaola dan orang ramai berpandangan tarif yang dikenakan itu supaya dapat dikaji semula dengan cara yang lebih *Islamic* dan mesra pelanggan bukan semata-mata untuk menjimatkan tenaga atas tujuan komersial sahaja dan hendaklah ianya ditumpukan kepada semua peringkat pengguna di mana tujuan asalnya ialah difokuskan kepada golongan yang rendah iaitu miskin dan daif sahaja.

Di awal tahun 2013, gangguan elektrik di Daerah Belait khususnya di Mukim Sungai Liang sering berlaku. Kaola dimaklumkan bahawa gangguan tenaga ini adalah disebabkan oleh program pemeliharaan yang sedang dijalankan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik memang ada memaklumkan melalui radio dan media tetapi tidak semuanya mengetahui.

Ada juga kalanya gangguan-gangguan tersebut berlaku tanpa dijangkakan. Penduduk-penduduk di kawasan tersebut mengadu peralatan elektronik mereka seperti komputer, peti sejuk, televisyen dan lain-lain mengalami kerosakan akibat ketidakstabilan *power*. Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya sama ada *Consumer Protections Act (CPA)* yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini dapatkah dirujuk bagi bayaran ganti rugi?

Kaola difahamkan bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai perancangan untuk mengusahakan penyambungan tenaga elektrik dari

Merangking hingga ke jalan Rumah Panjang Buau buat peringkat pertama dalam beberapa waktu mendatang dan kemudian dilaratkan ke Mukim Sukang dan Mukim Melilas apabila jalan raya menuju kedua-dua mukim tersebut sudah dibubuh asfalt nanti. Kaola ingin mendengar penjelasan daripadanya Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas soalan dan saranan-saranan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Kalau dapat kaola ingin mendapatkan maklumat terperinci lagi mengenai dengan perkara ini. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan bercakap sedikit mengenai tarif elektrik lama dan tarif baru ini. Kaola mendengar ada 3 tanggapan tentang pembayaran elektrik ini:

- 1) Ada yang mengatakan tarif baru ini murah dan ringan;
- 2) Ada yang mengatakan tarif baru ini mahal dan berat; dan
- 3) Yang belum berubah kepada tarif baru lagi mahal.

Kalau memakai tarif lama, ia menggunakan \$500 sebulan tetapi sekarang ini menggunakan \$800 sebulan. Yang kedua, kalau tarif baru itu murah, itu

syukur Alhamdulillah dan ketiga kalau tarif baru itu mahal kita akan berfikir dua kali. Kaola bersetuju dengan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) untuk mengadakan jerayawara di mana-mana bagi memberikan kefahaman kepada orang ramai mengenai penggunaan tarif elektrik baru. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain tadi. Sebenarnya jerayawara ini sudah setahun diadakan tapi nampak-nampaknya sebagaimana yang disuarakan oleh Tuan Haji A. Ahmad ini, banyak masih lagi orang belum faham dan kalau kita melihat tarif baru ini secara sektor perumahan, memanglah bersifat progresif.

1 sen untuk kalau kitani memakai 1 KWh-600 KWh. Kemudian itu, peringkat kedua, 8 sen kalau kita memakai melebihi daripada 601-2000 KWh. Lepas itu, baru naik ke 10 sen daripada 2001-4000 KWh. Kalau pemakaian melebihi daripada 4000 KWh ke atas barulah naik lagi ke 12 sen. Itu bagi orang yang memakai banyak. Tapi bagi perumahan-perumahan yang di bawah kategori-kategori yang sudah kaola sampaikan tadi memang tidak banyak berubah iaitu 70% tidak berubah.

Tapi insya-Allah, akan dilaksanakan lagi bagi kali kedua jerayawara ini untuk memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai kebaikan-kebaikannya, terutama di peringkat Kerajaan jua dalam mengurangkan tunggakan. Tunggakan hutang elektrik ini saja di kalangan orang ramai adalah dalam \$200 juta sehingga

kini. Jadi itulah yang kaola dapat kongsi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik ada baiknya diundi. Siapa bersetuju angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk terakhir di bawah Jabatan Perdana Menteri Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) terdahulu bahawa tajuk Jabatan Penyelidikan Brunei ini juga adalah termasuk dalam kategori jabatan yang tertutup tapi jika Ahli-Ahli Yang Berhormat ada pertanyaan secara umum itu dibolehkan. Silakan.

Oleh kerana tidak ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu mengemukakan apa-apa cadangan, maka Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah kita telah selesai membincangkan dan meluluskan Jabatan Perdana Menteri yang mengandungi 25 Tajuk atau Jabatan. Maka perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada jam 2.45 petang nanti. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **Majlis Mesyuarat disambung pada Jam 2.45 petang**

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pada pagi tadi telah selesai membincangkan dan meluluskan Jadual di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 23 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang.

Oleh yang demikian bagi membolehkan Jawatankuasa bersidang semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

#### **(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan dan menimbangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013/2014. Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada pagi tadi telah selesai meluluskan Jadual Jabatan Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, Mesyuarat Jawatankuasa ini akan beralih ke jabatan-jabatan seterusnya. Terima kasih.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SB - Kementerian Pertahanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa tajuk ini adalah berkait langsung dengan hal ehwal strategi keselamatan negara yang mana isu-isu yang dibincangkan mungkin perkara sensitif dan mungkin tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, maka ada baiknya bajet bagi Kementerian ini tidaklah perlu dibincangkan seperti lazimnya.

Walau bagaimanapun, jika Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai persoalan-persoalan yang umum, maka saya mempersilakan, terima kasih.

#### **Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kalau diizinkan dulu Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menjawab tiga soalan pendek saja yang berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee bin Ahmad dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Soalan Yang Berhormat Tuan Haji Shafiee bin Ahmad mengenai dengan adakah pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik mempunyai perancangan untuk menyalurkan bekalan dari Kampung Merangking ke Rumah Panjang Bua. Kerja-kerja awal bagi mengenal pasti keperluan teknikal dan kos perbelanjaan telah dilaksanakan, yang mana ianya menunjukkan pemasangan talian sistem pembahagian sepanjang 26 kilometer adalah diperlukan. Oleh itu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan meneliti dan



menilai lagi kesesuaian dan keutamaan projek ini sebelum ianya dipohonkan melalui Rancangan Kemajuan Negara.

Soalan yang dikemukakan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad ada dua perkara:

Adakah cadangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menambah *generator* di daerah ini memandangkan kepada keperluan-keperluan yang ada pada waktu ini dan juga keperluan-keperluan yang akan datang. Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik buat masa ini tidaklah ada rancangan untuk menambah jentera penjanaan bagi Daerah Temburong.

Kesemua empat jentera penjanaan Stesen Jana Kuasa Belingos yang sedia ada telah selesai di *overhaul* dan kapasiti penjanaan telah pun dipulihkan semula kepada 12 *megawatts*. Kapasiti 12 *megawatts* ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan masa ini dan projek-projek baru perumahan yang sudah dirancang. Bagi jangka masa panjang, terdapat rancangan bagi pemasangan kabel bagi menyalurkan bekalan dari *grade* utama di Daerah Brunei Muara ke Temburong melalui laluan jambatan yang insya-Allah akan dibina nanti.

Mengenai dengan *ring circuit*. Untuk makluman mesyuarat juga, apa yang dimaksudkan sebagai *ring circuit* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad pada sesi pagi tadi ialah talian pilihan (*backup circuit*) yang membolehkan bekalan diteruskan jika berlaku kerosakan pada talian utama. Salah satu usaha Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi mengukuhkan atau

meningkatkan sistem pembekalan elektrik di Daerah Temburong adalah melalui pemasangan *ring circuit* di kawasan yang tidak mempunyai talian pilihan.

Tiga buah kawasan telah dikenal pasti dan pelaksanaan projek pemasangan *ring circuit* ini akan bermula di Tahun Kewangan 2013/2014 dan dijangka akan siap dalam tempoh 2 tahun. Sebagai langkah kawalan, penyediaan jentera bergerak akan ditempatkan di lokasi yang tidak mempunyai *ring circuit* ini jika berlakunya kerosakan pada talian bekalan utama tersebut.

Sekianlah yang kaola sampaikan untuk menjawab soalan.

Mengenai dengan Kementerian Pertahanan Yang Berhormat Pengerusi, kalau ada izin Yang Berhormat Pengerusi kaola telah pun dititahkan untuk menyampaikan mukadimah sahaja untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya adalah sebanyak \$516,380,670.00. Jumlah ini merupakan kenaikan sebanyak \$3,270,910.00 daripada anggaran peruntukan yang diluluskan pada tahun lepas.

Sejumlah besar adalah pembayaran gaji sebanyak 59%, diikuti dengan Perbelanjaan Tahunan Berulang-ulang sebanyak 32% dan kemudian lain-lain bayaran Perbelanjaan Khas sebanyak 9%. Bagi kategori perbelanjaan pembayaran gaji terdapat penambahan sebanyak \$2.4 juta berbanding pada tahun lepas, ini adalah berpunca dari kenaikan gaji tahunan ataupun *annual increment* dan

kenaikan gaji keseluruhan bagi anggota peringkat rendah di bawah pelaksanaan pakej kolaborasi Skim Struktur Perkhidmatan Kerjaya.

Kenaikan ini juga diperlukan bagi menampung penerapan jawatan-jawatan baru yang akan diisi oleh penerima-penerima biasiswa Kementerian Pertahanan yang telah pun menamatkan pengajian mereka pada tahun 2013 dan yang akan menamatkan pengajian mereka pada tahun 2013/2014.

Bagi kategori perbelanjaan lain-lain, Perbelanjaan Tahunan Berulang-Ulang, ianya menurun sebanyak 1.9%, penurunan ini berkaitan dengan adanya alat-alat kelengkapan dan infrastruktur baru yang telah disediakan kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Kementerian Pertahanan akan sentiasa membuat pemantauan dan perancangan yang teratur ke atas pemeliharaan aset-aset tentera agar tidak menjejaskan keperluan operasi dan latihan serta tahap siap siaga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tinggi.

Manakala bagi kategori lain-lain bayaran Perbelanjaan Khas meningkat sebanyak \$4 juta ataupun 9.8%, peningkatan ini adalah bagi memenuhi komitmen pembayaran tahun 2012/2013, penggantian aset-aset yang lama yang usang juga di ambil kira. Keperluan aset-aset baru bagi mengurangkan jurang keupayaan pertahanan pada masa ini. Selaras dengan Kertas Putih Pertahanan 2011 dan Pelan Perancangan Strategik 2012 adalah menjadi hasrat Kementerian Pertahanan untuk terus meningkatkan keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari masa ke semasa bagi

membolehkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terus melaksanakan misinya dengan lebih berkesan ini termasuk dari segi ketangkasan, kekuatan, *dominant awareness* dan integrasi.

Dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan projek-projek peningkatan keupayaan tentera ini, Jabatan Perkembangan Keupayaan Tentera, Kementerian Pertahanan telah pun dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti keperluan-keperluan pertahanan dari masa ke semasa.

Manakala, dari sudut Perkembangan Sumber Tenaga Manusia pula dalam menyahut cabaran yang digariskan dalam Kertas Putih 2011, Kementerian Pertahanan akan sentiasa merancang perkembangan tenaga manusia yang lebih teratur dan menepati keperluan semasa terutama melalui kursus-kursus yang diungkapkan oleh Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Di samping itu, usaha-usaha lain juga dibuat bagi mencari kaedah untuk meningkatkan efisiensi dalam pengurusan pertahanan dan perolehan seperti *Outsourcing* dan *Public Private Partnership*. Semua kaedah ini bukanlah perkara-perkara baru tetapi merupakan usaha berterusan Kementerian ini bagi memastikan manfaat akan turut dapat dirasai oleh sektor-sektor yang lain khususnya sektor ekonomi dan swasta. Akhirnya dalam memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah dibenarkan, Kementerian Pertahanan akan sentiasa mengamalkan sikap berhemah dalam berbelanja dan memastikan *corporate government* seperti menginstitusikan kaedah *performance budgeting* di Kementerian Pertahanan dan

akauntabiliti setiap pegawai yang diamanahkan iaitu *sub-board holders* akan sentiasa dipantau dari masa ke semasa. Peruntukan yang diberikan ini diharap akan memastikan kesinambungan pertahanan Negara dan siap siaga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di tahap yang tinggi bagi terus memainkan peranan dalam menjaga keselamatan dan keamanan Negara.

Sebagaimana Yang Berhormat Pengerusi tadi telah menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan ini adalah satu kementerian yang terhad ataupun tertutup yang mana perbincangan terbuka akan boleh mendedahkan isu-isu keselamatan pertahanan strategik Negara. Sebagaimana juga di tahun lepas jika ada saranan-saranan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat, insya-Allah saranan tersebut akan disampaikan kepada Kementerian Pertahanan untuk diteliti kesesuaian dan kelayakannya mengikut keperluan dan keutamaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola tidak akan menyentuh sepertimana yang dikehendaki tetapi akan menyampaikan hasrat belia-belia. Sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam majlis yang serupa pada masa yang lalu bahawa peranan Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah

untuk menyampaikan hasrat rakyat termasuk juga belia-belia kepada pihak Kerajaan khususnya kementerian-kementerian yang bersangkutan.

Cara umumnya, belia-belia yang masih muda ataupun lepasan penuntut-penuntut sekolah yang tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi yang sekadar mendapat 3 'O' ataupun 2 'O' level kerana syarat yang dikehendaki oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ialah 4 'O' level.

Jadi mereka ini merayu apa sekiranya pihak-pihak yang berkenaan dapat melonggarkan syarat-syarat tersebut supaya membolehkan belia-belia yang mempunyai semangat keperwiraan akan dapat menyertai untuk mempertahankan Negara mereka. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking tadi. Perkara ini menyentuh mengenai dengan *Scheme of Service*, jadi mungkin pihak-pihak berkenaan akan melihat mengenai perkara ini. Itu saja jawapan kaola di peringkat ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada lagi? Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, beberapa

tahun yang lepas, kaola di Dewan yang mulia ini ada menyentuh sedikit mengenai dengan penubuhan Batalion Ke-4 di Daerah Temburong, jadinya apakah perancang-perancangan itu ada di dalam Kementerian Pertahanan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Cadangan itu tidak dijawab secara terbuka Yang Berhormat Pengerusi kerana perkara itu perancangan strategik kitani. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad telah mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) yang disoal strategik jangan dibincangkan di sini. Ada baiknya Tajuk Kementerian Pertahanan diundi, siapa bersetuju untuk diluluskan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Maka Tajuk SB - Kementerian Pertahanan diluluskan.

**Yang Dimulikan Jurutulis II:** Tajuk SB - Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kalau ada izin daripada Yang Berhormat Pengerusi sekali lagi kaola akan mengongsikan secara ringkas sahaja mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi Tahun

Kewangan 2013/2014 ini, berasaskan perkara-perkara yang dibincangkan semasa permohonan bajet kementerian tersebut agar perbincangan ini akan dapat dipandu secara lebih fokus dan terarah.

Pada tahun 2013/2014, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah di sokong untuk disediakan peruntukan sebanyak \$144,195,225.00 iaitu bertambah sebanyak \$220,565,000.00 dari peruntukan Tahun Kewangan 2012/2013. Pada Tahun Kewangan 2013/2014, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan menumpukan 5 keutamaan seperti berikut:

- 1) Mengukuhkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara yang merdeka lagi berdaulat dan melaksanakan dasar luar dan diplomasi yang berkesan bagi meraih faedah dan keuntungan yang dapat menyumbang kepada pembangunan Negara.
- 2) Meningkatkan hubungan persahabatan dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara lain melalui saluran diplomatik dan politik.
- 3) Menyokong dalam usaha mencari keamanan serta keselamatan serantau dan antarabangsa.
- 4) Menyediakan program yang berkesan bagi misi-misi di luar negara dan menyelaraskan hubungan dan kerjasama di antara agensi-agensi dalam negeri dan negara-negara luar, serta pertubuhan serantau dan antarabangsa; dan

- 5) Membantu dalam meneroka peluang-peluang perdagangan, pelaburan dan pelancongan untuk Negara.

Gaji kakitangan secara keseluruhan disokong sebanyak \$58,642,825.00. Bagi Kategori Perbelanjaan ini terdapat penambahan beberapa jawatan. Antara lainnya adalah:

- 1) Mengadakan 12 jawatan bagi Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Turki yang baru ditubuhkan.

Perbelanjaan Berulang-ulang disokong sebanyak \$79,640,600.00. Antara perbelanjaan yang ditambah bagi kategori ini termasuklah penambahan Peruntukan Pemeliharaan Aset sejumlah \$500 ribu kepada \$4 juta di Jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; dan

- 2) Mengadakan Peruntukan Pemeliharaan Sistem Komputer bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang secara keseluruhan berjumlah \$750 ribu.

Perbelanjaan Khas disokong sebanyak \$5,911,800.00 iaitu bagi melaksanakan 8 projek pembelian baru berjumlah \$5.71 juta dengan harga rancangan sebanyak \$6 juta dan satu projek pengambilan semula berjumlah \$200 ribu.

Sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Majlis dan kaola jua mohon izin Yang Berhormat Pengerusi bagi mana-mana soalan yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan jabatan-jabatan di bawahnya supaya jawapan bagi soalan

tersebut akan kaola pohonkan untuk ditangguhkan untuk dijawab sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) apabila berada di Negara ini nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) tidak dapat hadir kerana urusan rasmi di luar negeri, maka ada baiknya Tajuk ini ditangguhkan dahulu untuk dibincangkan kemudian hari.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Pengerusi, kalau sekiranya ada soalan-soalan, bolehlah kita ambil soalan itu Yang Berhormat Pengerusi dan kalau kaola dapat mencadangkan untuk kita mengundi dahulu, supaya nanti bajet ini dapat diluluskan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Diundi untuk diluluskan dahulu?

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Kaola.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Soalan-soalan kemudian bolehlah ditanya. Ada baiknya peruntukan bagi Kementerian ini diundi. Siapa bersetuju untuk diluluskan?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SC - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk seterusnya SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dibuka untuk dibahas.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan memberikan mukadimah untuk memandu perbincangan kita. Kalau ada izin Yang Berhormat Pengerusi, iaitu terutamanya mengenai dengan tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan bagi Tahun Kewangan 2013/2014.

Pada Tahun Kewangan 2013/2014, cuma Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak \$950,352,352.00. Jumlah ini bertambah sebanyak \$76,254,042.00 dari Peruntukan Tahun Kewangan 2012/2013. Pertambahan ini mengambil kira pengurangan sebanyak \$1,067,851.00 bagi gaji kakitangan. Penambahan sebanyak \$20,756,777.00 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang dan pertambahan sebanyak \$56,565,116.00 bagi Perbelanjaan Khas.

Pada Tahun Kewangan 2013/2014, cuma Kementerian Kewangan akan menumpukan aktivitinya kepada empat keutamaan-keutamaan berikut:

1) Meneruskan usaha ke arah mendukung kertas strategik Kementerian Kewangan. Termasuk memantapkan

lagi kapasiti tenaga kerja dalam melaksanakan program pembaikan, penambahbaikan sistem kewangan Negara bagi mencapai kestabilan kewangan (*Financial Stability*) yang berterusan.

- 2) Mempertingkatkan usaha-usaha menguatkuasakan peraturan-peraturan kastam terutama di pos-pos kawalan Negara.
- 3) Menaik taraf gudang penyimpanan bekalan beras Negara sebagai salah satu langkah bagi jaminan makanan (*food security*) Negara; dan
- 4) Meningkatkan Infrastruktur Teknologi Maklumat di Kementerian Kewangan bagi memperkesakan lagi proses dan kecekapan pemberian perkhidmatan pada orang ramai supaya ianya lebih mesra pelanggan.

Gaji kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak \$57,438,962.00. Bagi kategori perbelanjaan ini terdapat penambahan bersih beberapa jawatan, ini antaranya disebabkan oleh pemindahan 20 jawatan dari Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan di Pejabat Peguam Negara ke Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan. Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak \$577,577,800.00 antara perbelanjaan yang ditambah bagi kategori ini termasuklah Peruntukan Pemeliharaan Aset keseluruhannya sebanyak \$211 ribu kepada \$897 ribu bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dan Peruntukan Persidangan dan Jawatankuasa sejumlah \$1 juta kepada \$23 juta.

Ini termasuk untuk membiayai perbelanjaan menghantar pegawai dan kakitangan menghadiri mesyuarat di luar negara di bawah Perkhidmatan Rampaian. Perbelanjaan Khas disokong sebanyak \$315,342,059.00 iaitu bagi melaksanakan 12 Projek Pembelian Baru berjumlah \$119.78 juta termasuk 7 projek dengan harga rancangan sebanyak \$170.73 juta, 41 Projek Pengambilan Semula berjumlah \$195.56 juta termasuk 15 projek dengan harga rancangan sebanyak \$138.22 juta.

Peruntukan sejumlah \$100 juta juga disediakan sebagai permulaan bagi membiayai pelaksanaan Projek Pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara.

Di samping itu juga kaola juga ingin mengongsikan beberapa perkara:

- 1) Perkhidmatan Rampaian dengan peruntukan sebanyak \$418,196,780.00 ini di bawah Peruntukan Kementerian Kewangan adalah bagi guna sama semua kementerian, jabatan-jabatan Kerajaan. Contohnya peruntukan Persidangan dan Jawatankuasa, Perbelanjaan Cuti Tambang, Kenderaan dan Perjalanan, Pengurniaan dan Yuran, Lawatan Pakar dan Penasihat, Sewa Rumah Kerajaan dan Elaun Pelajaran.
- 2) Akaun Fokus Perbelanjaan disediakan sebanyak \$15 juta khusus bagi membiayai perbelanjaan yang menjurus kepada keutamaan-keutamaan belanjawan. Ini termasuk Pertahanan dan Keselamatan Awam, Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan, Jaminan Bekalan Makanan, Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta, Perkembangan Sumber Tenaga

Manusia dan Peningkatan Kapasiti (termasuk perkembangan belia dan peningkatan kemudahan riadah dan bersukan); dan

- 3) Akaun Projek Rampaian disediakan sebanyak \$11.85 juta, khusus bagi menampung pembelian atau kos pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan.

Sekianlah yang dapat kaola kongsikan sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Majlis. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Kaola ingin menyentuh mengenai peranan syarikat-syarikat berkaitan *Government Linked Companies* (GLC) dalam penjanaaan aktiviti ekonomi dan aktiviti pelaburan.

Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Tahun Baru 2013, syarikat-syarikat tersebut dihasratkan untuk memainkan peranan strategik dalam aktiviti-aktiviti pelaburan Kerajaan ke arah pembangunan Negara.

Usaha ini diharap seterusnya akan dapat menyumbang dalam memperkembangkan dan mempelbagaikan ekonomi,

menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di samping meraih peluang pelaburan dalam jangka masa panjang seperti Baginda bertitah:

*"Pelaksanaan usaha-usaha seperti ini akan menjadikan Negara sentiasa pro-business dan pro-investment".*

Soalan kaola ialah adakah Kerajaan melalui *Darussalam Asset Sdn. Bhd. Limited* dan juga lain-lain syarikat yang berkaitan dengan Kerajaan seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), bercadang untuk mengkaji semula portfolio dan aktiviti perniagaan masing-masing agar akan lebih meningkatkan perkembangan sektor-sektor strategik dan yang penting lagi dapat meningkatkan lagi *sophistication* perniagaan di Negara ini dengan mengambil kira akses kapital yang lebih tinggi. Dengan ini akan dapat menyokong perkembangan perniagaan kecil dan sederhana yang lain di dalam perniagaan hiliran.

Seterusnya, adakah usaha-usaha untuk memastikan aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan Kerajaan termasuk yang dijalankan oleh anak-anak syarikat tidak bersaing secara langsung dengan sektor swasta tempatan memandangkan pasaran dalam Negara memanglah kecil dan terhad iaitu seperti tidak mengikuti perniagaan berbentuk *retail* dan tidak menyertai tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua soalan-soalan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid tadi mengenai dengan *Darussalam Asset Sdn.*

*Bhd.* dan yang bertanggungjawab mengenai dengan GLC. Sebagaimana juga yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid tadi, *Darussalam Asset Sdn. Bhd.* ini adalah sebuah syarikat diperbadankan di Negara Brunei Darussalam dan beroperasi di bawah Peruntukan Akta Syarikat Negara Brunei Darussalam yang entiti sepenuhnya ialah milik Kerajaan di bawah kawalan *Minister for Finance Corporation*. Ianya adalah merupakan sebuah *investment holding company* yang memegang dan mengurus pelaburan Kerajaan di dalam GLC untuk memberikan manfaat jangka panjang kepada Negara.

*Minister For Finance Corporation* merupakan sebuah badan korporat yang memegang aset-aset dan kepentingan Kerajaan melalui syarikat-syarikat berkaitan dengan Kerajaan (GLCs) seperti yang diketahui seperti Penerbangan Diraja Brunei, Telekom Brunei Berhad, Semaun Holdings dan sebagainya.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid tadi, supaya syarikat-syarikat GLCs ini tidak bersaing dengan mana-mana syarikat-syarikat yang kecil. Memang perkara ini sentiasa difikirkan, di mana GLCs akan bergiat aktif membuat pelaburan dalam pelbagai industri sama ada melalui perkembangan pelaburan yang sedia ada atau melalui peluang pelaburan yang baru. Mengambil kira pelaburan-pelaburan yang dibuat akan menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan nilai yang positif kepada Negara.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi Negara, pelaburan yang dibuat di *Darussalam Assets Sdn. Bhd.* adalah



tertumpu kepada industri yang telah dikenal pasti akan dapat menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi Negara secara *sustainable*. Pelaburan-pelaburan tersebut hendaklah mempertimbangkan pulangan ekonomi dan nilai yang diberikan kepada Negara.

Pada ketika ini, terdapat 54 syarikat di bawah portfolio *Darussalam Assets Sdn. Bhd.* seperti yang kaola sebutkan tadi dan memanglah pelaburan-pelaburan yang difikirkan itu sudah setentunya tidak akan menjejaskan peluang-peluang pelaburan-pelaburan daripada syarikat-syarikat yang kecil-kecil dan swasta di Negara ini kerana kita akan menumpukan pelaburan-pelaburan itu kepada pelaburan-pelaburan yang tidak dapat diterokai oleh syarikat-syarikat kecil ini. Di samping projek-projek besar yang akan kita bawa, sama ada secara usaha sama dengan syarikat-syarikat besar dari luar negara ataupun syarikat-syarikat di Negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kurang dari 10 tahun dari sekarang, kaola jangka tidak ada lagi pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang genap umur persaraan 55 tahun menerima pencen bulanan kecuali

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei.

Skim berpencen telah digantikan dengan Skim TAP dan SCP. Ini bererti selepas umur 60 tahun persaraan, mereka ini sudah termasuk dalam golongan warga emas. Setiap mereka menerima SCP \$150.00 dan Pencen Umur Tua \$250.00 yang berjumlah sebanyak \$400.00 setiap sebulan di sepanjang hayat mereka.

Soalnya, adakah wang \$400.00 ini mencukupi untuk menyara hidup seorang warga emas setiap bulan berdasarkan kepada *cost of living* pada hari ini dan pada masa akan datang.

Kaola meminta izin meminjam kata-kata ucapan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, semasa Majlis Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas 2012 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. Yang Berhormat berkata:

*"Warga Emas merupakan salah satu aset penting Negara. Mereka telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negara dan bangsa".*

Mereka adalah golongan masyarakat yang terdahulu makan garam dan menjalani serta berhadapan dengan berbagai liku, cabaran dan pengalaman hidup selain kaya dengan pelbagai pengalaman dan sumber pengetahuan yang telah diperolehi melalui pendidikan awal mereka.

Dengan kata lain, kita patut membalas dan menghargai jasa mereka yang dicurahkan di sepanjang awal hidup mereka. Tidak kira mereka itu berkhidmat

dengan Kerajaan, swasta, berniaga dan lain-lain.

Semua ini semata-mata untuk menyara hidup berkeluarga sambil membantu dan bekerjasama dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menuju ke matlamat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara yang aman dan sejahtera.

Kaola amat bersetuju 100% kata-kata ucapan Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu. Kaola tidak perlu lagi menambah-nambah, cukup padat kata-kata Yang Berhormat itu. Maka bagi mengenang dan membalas budi dan jasa mereka itu, kaola berada dalam Dewan yang mulia ini, kaola mengusulkan Elaun Pecen Umur Tua yang berjumlah \$250.00 sebulan pada masa ini dinaikkan kepada jumlah \$500.00 sebulan.

Jika usul kaola ini diluluskan, syukur Alhamdulillah. Berapa lama sahaja mereka ini akan menikmati wang daripada Pecen Umur Tua sebelum menghadap Illahi? Daripada Allah kita datang dan kepada Allah kita tetap akan kembali dan kaola ingin menghadapkan bagi mengatasi masalah pengangguran di Negara Brunei Darussalam dan menggalakkan anak-anak tempatan untuk berkhidmat di sektor swasta di Negara ini. Kalau dapat kaola cadangkan setiap warga Negara Brunei Darussalam yang berkhidmat ataupun yang bekerja di sebuah sektor swasta akan dapat diberi Elaun Khas kepada mereka sama ada \$100.00, \$200.00 mengikut pertimbangan Kerajaan. Elaun tambahan ini akan dapat membantu menambah pendapatan bagi anak-anak

tempatan yang berkhidmat di sektor swasta.

Dengan adanya elaun tersebut anak-anak tempatan yang berkhidmat di sektor swasta pasti tidak lagi akan berpindah-randah. Kaola percaya mereka akan kekal berkhidmat di sektor swasta dan tidak memilih pekerjaan. Elaun Khas ini juga dikurniakan kepada anak tempatan Brunei terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Pada masa yang sama juga, Kerajaan akan dapat memberi arahan kepada pihak swasta supaya memberi insentif galakan untuk anak-anak tempatan berkhidmat lama di sektor swasta.

Setiap sektor swasta perlu menyediakan sekurang-kurangnya 3 insentif galakan kepada mereka. Misalnya, Elaun Lebih Masa, imbuhan Bonus Tahunan, Hadiah Penyampaian Prestasi Cemerlang dan lain-lain. Dengan adanya insentif ini barangkali mereka akan kekal bertugas ataupun bekerja di sektor-sektor swasta dengan perasaan gembira dan cukup menikmati Elaun Sara Hidup mereka. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, mungkin apa Yang Berhormat maksudkan yang pertama tadi sebagai usul itu mungkin dimaksudkan sebagai cadangan pihak yang berkuasa mempertimbangkannya, kalau dijadikan usul terpaksa diundi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas keprihatinan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub. Sebenarnya mengenai Pecen

Umur Tua ini ada juga kaola menerima Soalan Diberi Notis daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Adakah perlu dijawab sekarang ataupun kemudian sahaja.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kalau Yang Berhormat belum bersedia untuk menjawabnya boleh ditangguhkan untuk kemudian hari.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Kaola bersedia Yang Berhormat Pehin, kalau ada izin, kaola menjawab.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Pehin Pengerusi. Kaola akan mengongsikan sahaja latar belakang mengenai Pencen Umur Tua ini. Pemberian Elaun Pencen Umur Tua ini adalah merupakan satu Kurnia Khas sebagaimana yang kita sedia maklum yang diperkenalkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien bermula pada 1 Januari 1955. Pemberian elaun ini telah pun diteruskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sejak ianya diperkenalkan kadar elaun ini telah pun dikaji semula sebanyak 8 kali sudah. Alhamdulillah, kenaikan terakhir telah pun dikuatkuasakan sejak 1 Oktober 2006 iaitu daripada \$200.00 kepada \$250.00 iaitu kenaikan sebanyak 25% berbanding kadar sebelumnya.

Pemberian Elaun Pencen Umur Tua ini adalah unik di Negara Brunei Darussalam dan tidak ada dihulurkan di negara-negara lain, kitani saja yang unik, syukur

Alhamdulillah. Ianya dihulurkan kepada semua peringkat dan golongan rakyat dan penduduk tetap Negara ini asalkan mereka telah mencapai umur genap 60 tahun sama ada orang kaya ataupun orang yang tidak berkemampuan, semuanya dapat. Jadi setentunya kita selaku rakyat dan penduduk Negara ini sangat-sangat bersyukur dan menjunjung kasih di atas kurnia yang istimewa ini.

Sebenarnya pemberian elaun ini bukanlah berhasrat untuk menampung sepenuhnya keseluruhan kos sara hidup para penerima yang mana adalah berbeza mengikut keperluan dan gaya hidup masing-masing. Ianya hanyalah untuk membantu meringankan beban keperluan perbelanjaan sara hidup harian semasa hari persaraan.

Bagi golongan-golongan yang memerlukan bantuan-bantuan tertentu, Kerajaan sebagaimana yang kita sedia maklum jua, ada menyediakan skim-skim bantuan dan kebajikan bagi mereka melalui agensi-agensi Kerajaan berkenaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan sebagainya.

Menurut rekod, sebahagian penerima Elaun Pencen Umur Tua ini sebenarnya adalah juga merupakan penerima pencen perkhidmatan. Malahan ada juga di antara mereka masih mempunyai pendapatan sampingan, sama ada melalui perniagaan dan sebagainya.

Jadi berdasarkan kepada data yang dapat dikumpulkan, jumlah penerima Pencen Umur Tua pada Tahun Kewangan 2011/2012 adalah sebanyak 22,941 orang dengan jumlah pembayaran kira-kira \$66.8 juta. Manakala bagi tahun 2012/2013, jumlah penerima telah

meningkat 6.7% iaitu kepada 24,482 orang penerima yang mana sudah setentunya jua akan memerlukan pembiayaan tambahan dari pihak Kerajaan.

Di sini saya juga ingin membawa perhatian bahawa sebagaimana jua kita maklumi selain dari pemberian Elaun Pecen Umur Tua, Kerajaan juga sudah menghulurkan berbagai kemudahan percuma, seperti perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan juga subsidi-subsidi dan bantuan-bantuan lain. Kemudahan-kemudahan dan subsidi tersebut sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi adalah untuk mengawal kenaikan kos sara hidup dan sebagainya.

Jadi yang pentingnya, Kerajaan perlu memikirkan perkara ini secara mendalam terutamanya dari segi kemampuan kitani termasuklah jua tadi soalan yang kedua supaya kitani memberikan elaun-elaun kepada sektor swasta kerana sektor swasta ini pun, mereka sebenarnya sudah menerima bonus dan sebagainya.

Untuk makluman jua, Elaun Kurnia Khas yang di peringkat Kerajaan yang kitani bayar pada tahun lepas adalah \$125 juta setahun jumlahnya. Jadi kalau sektor swasta yang jumlahnya kira-kira 48% daripada jumlah tenaga kerja dan *total work force* ianya akan meningkat dua kali. dan begitu juga Elaun Sara Hidup di mana kita telah menyediakan sebanyak \$116 juta bagi membiayainya. Kita juga telah memikirkan beberapa kemudahan-kemudahan yang kita berikan kepada sektor swasta jua.

Misalnya Cuti Beranak, Kerajaan juga menampung perbelanjaan-perbelanjaan tersebut. Begitu juga dalam pemberian-

pemberian subsidi kepada orang-orang *private* di dalam Skim TAP. Sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat tertentu yang mana *household income* mereka adalah kurang daripada \$4,000.00, apabila menabung secara berterusan selama 4 tahun, mereka dibolehkan untuk memohon bagi mendapatkan subsidi rumah sebanyak \$25,000.00.

Ini bererti kalau mereka bergaji \$500.00 dan mereka menabung \$25.00 dalam 4 tahun maka mereka akan memperolehi \$1,200.00 sahaja. Tetapi kalau berhasrat untuk mendapatkan rumah, Kerajaan akan menambahkan kepada \$25,000.00. Alhamdulillah, sudah ada kemudahan-kemudahan tertentu itu.

Kita perlulah memikirkan secara holistik perkara-perkara ini bukan sekadar mencadangkan untuk menaikkan kadar pemberian yang ada. Kita mesti juga memikirkan dari segi hasil yang kita dapati daripada pendapatan-pendapatan kita, apabila kita melihat juga subsidi yang diberikan oleh Kerajaan seperti minyak, beras, gula, elektrik, air dan perumahan yang mana sudah pun mencecah sebanyak \$1 bilion setahun.

Sebagaimana yang kaola maklumkan baru-baru ini dalam pembentangan kertas pada tahun ini anggaran perbelanjaan adalah sejumlah \$6.1 bilion sedangkan hasil pendapatan kita hanya \$5 bilion lebih. Jadi buat kedua kali dalam 10 tahun ini kita akan mengalami defisit perbelanjaan nanti dalam \$300 juta lebih. Kalau kita meningkatkan lagi perbelanjaan, ini sudah setentunya akan melibatkan banyak lagi perbelanjaan-perbelanjaan yang lain. Akibatnya akan terpaksa mengetepikan projek-projek kepentingan awam seperti pembinaan

Jambatan Temburong yang memerlukan peruntukan sebanyak \$100 juta, membuat sekolah dan sebagainya. Ini perlu difikirkan secara holistik.

Itulah yang dapat kaola kongsiikan Yang Berhormat Pengerusi, tidak tahu pula mengenai *Supplementary Contributory Pension* (SCP), bayaran minima SCP sebenarnya adalah \$400.00 kalau ia sudah berpencen tetapi kalau ia menabung lebih maka lebih juga pendapatannya. Itu adalah tabungan kita sendiri. Lebih baik berjimat daripada membuang.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik. Kaola ingin mengutarakan 3 isu:

1) Pengusaha-pengusaha dalam sektor perkhidmatan seperti hartanah, pengangkutan domestik dan lain-lain adalah di antara penyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara selain daripada sektor minyak dan gas. Bagi memulakan sesuatu perusahaan sudah tentunya memerlukan modal yang besar yang menjadikan masalah kepada pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang ingin menubuhkan syarikat perniagaan. Walaupun ada yang telah dapat mengumpul modal dari kutipan saham ahli tetapi masih tidak mencukupi. Kerana itu akhirnya membuat pinjaman kepada pihak bank.

Oleh itu, adalah dicadangkan supaya faedah pembayaran balik dikurangkan daripada yang ada sekarang bagi membantu meningkatkan perkembangan perusahaan mukim dan kampung dan dicadangkan juga supaya pihak bank dan agensi-agensi berkenaan memberi keutamaan bantuan kepada perusahaan yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Selain dari itu, adakah pemikiran untuk memberi keistimewaan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk mengurangkan pembayaran setiap satu jenis perniagaan dalam pengambilan Sijil Pendaftaran 16 dan 17?

2) Perkara ini mungkin tidak perlu dijawab, hanya kaola ingin menggambarkan senario bagi warga emas yang ada sekarang. Bagi warga emas yang sudah bersara dan tidak mempunyai pencen perkhidmatan dan tidak ada caruman TAP, hanya mengharapkan pencen tua adalah susah untuk menghadapi kehidupan seharian disebabkan oleh keperluan hidup yang tinggi, maka ianya tidak mencukupi. Tambahan pula jika masih menanggung anak yang belum bekerja dan masih bersekolah.

Bayangkan, jika perbelanjaan makan dan minum paling berjimat sebanyak \$3.00 sehari. Untuk sebulan jika tiga orang adalah berjumlah \$270.00 untuk makan dan minum sahaja belum lagi pembayaran bil air, elektrik, pengangkutan dan perbelanjaan anak sekolah. Jadi itu adalah satu senario. Kaola menyokong juga cadangan daripada rakan Yang Berhormat tadi supaya ianya tidak perlu dijawab.

3) Mengenai dengan senario gaya hidup pekerja-pekerja asing dan tempatan di sektor swasta adalah jauh berbeza. Dalam jumlah gaji yang sama atau lebih sedikit pun untuk pekerja tempatan masih sukar bagi mereka untuk bertahan berkerja di sektor swasta. Bagi pekerja asing ada disediakan oleh majikan kemudahan tempat tinggal, pengangkutan, makan dan minum jika bekerja di restoran. Gaji pekerja asing juga tidak dipotong untuk caruman TAP, mereka tidak perlu membeli keperluan rumahtangga, tidak perlu membayar bil air dan elektrik serta tidak mengeluarkan wang untuk sumbangan jemputan majlis perkahwinan. Mereka menyimpan wang semata-mata untuk dibawa pulang ke negeri masing-masing.

Tetapi di sebaliknya pekerja tempatan semuanya mengeluarkan wang untuk perbelanjaan yang disebutkan tadi dan dikehendaki membayar caruman TAP. Akhirnya apabila tidak mencukupi, mereka terpaksa meminta bantuan daripada agensi-agensi berkenaan. Jadi kaola menyokong, cadangan supaya pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta jika boleh diberikan Elaun Sara Hidup untuk membantu mengurangkan beban mereka. Kerana mereka juga adalah penyumbang kepada kemajuan Negara menerusi tugas di sektor swasta dan sektor swasta adalah penyokong kepada kemajuan tersebut. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit tadi. Mungkin tidak perlu dijawab

kerana sudah dijawab tadi mengenai Elaun Sara Hidup ini. Sepatutnya soalan ini ditunjukkan kepada pihak-pihak swasta supaya mereka memberikan kemudahan-kemudahan yang saksama.

Kaola dalam membentangkan bajet ini juga ingin bertanya kepada pihak-pihak swasta tentang kenapa dibezakan kemudahan-kemudahan itu dengan orang-orang luar. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ini sepatutnya akan dapat berunding dengan rakan sejawat mereka di bahagian swasta untuk sekurang-kurangnya memberikan cadangan-cadangan kepada pihak-pihak swasta untuk memberikan kemudahan-kemudahan saksama kepada pekerja-pekerja tempatan swasta di Negara ini.

Mengenai dengan kadar-kadar faedah yang juga ada dinyatakan, mungkin rakan sejawat kaola daripada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), akan dapat menjawab, sebabnya kalau Yang Berhormat membaca dalam tiga hari lepas sudah ada dikeluarkan perkara ini di dalam surat khabar mengenai dengan usaha-usaha *Authority Monetary Brunei Darussalam* iaitu mengenai dengan kadar-kadar ini.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tadi Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit menimbulkan mengenai dengan pengawalan kadar faedah. Izinkan kaola Yang Berhormat Pehin selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), untuk memberi

jawapan. Yang sebenarnya, pada masa ini industri perbankan di Negara ini memanglah sebelumnya telah diberikan kuasa untuk menetapkan kadar faedah ataupun keuntungan utama, *Prime Lending Rate* yang dikenakan dengan menggunakan mekanisme perkiraan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan mengikut kos dana bank tersebut.

Walau bagaimanapun kadar faedah ataupun *effective prime rate* iaitu *prime rate plus* peratus potongan yang dikenakan setiap bank terhadap pinjaman-pinjaman adalah ditentukan oleh bank-bank itu sendiri tertakluk kepada beberapa perkara seperti pendedahan risiko, kemudahan *collateral*, *credit worthiness* peminjam tersebut dan sebagainya.

Mengikut Bab 47, Perintah Perbankan 2006 dan Perintah Perbankan Islam 2008 ada memberi kuasa kepada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) untuk mengawal kadar faedah keuntungan jika industri perbankan mengamalkan praktis yang tidak beretika. Pada masa ini, seperti jua yang telah pun disentuh tadi, beberapa hari yang lalu, pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam telah pun mengambil langkah ke arah ini dan *prime lend* ini telah pun dikaji dan pada masa ini penetapan kadar faedah ataupun keuntungan yang dikenakan oleh bank-bank itu sudah pun dikaji oleh pihak-pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam dengan arahan yang baru ini. Diharap perkara ini akan dapat mengawal kadar faedah keuntungan yang dikenakan oleh bank kepada peminjam-peminjam. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Rakyat ingin mengetahui berapakah pulangan yang diraih oleh Jerambak Holdings Pte.Ltd. dan Semaun Holdings Sdn. Bhd. setiap tahun ataupun sumbangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Sekiranya kedua-duanya tidak menguntungkan, sudahkah diteliti apa punca kegagalannya supaya strategi-strategi baru tidak akan mengalami kegagalan yang sama? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Jerambak Holdings Pte. Ltd. dan Semaun Holdings Sdn. Bhd. ini, ianya ada lembaganya tersendiri. Kita tangguhkan dahulu untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang terperinci.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Baik jua ditangguhkan supaya apa jua jawapan itu berasaskan fakta dan maklumat yang betul. Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan Elaun Pencen Tua Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada mendengar ada di antara penerima-penerima Elaun Pencen Tua sudah menetap di luar negeri dan ada di antara mereka sudah pun mendapat kerakyatan

ataupun status Penduduk Tetap di negara tempat mereka bermastautin.

Jika sekiranya perkara ini benar, kaola mencadangkan supaya syarat-syarat pemberian Elaun Pencen Tua ini dikaji semula dan hanya mereka yang menetap di Negara ini sahaja diberikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan berbilang terima kasih di atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar sebentar tadi mengenai dengan pemberian Elaun Pencen Tua terutama sekali dalam memberikan pandangan yang mana sebahagian daripada penerima-penerima Elaun Pencen Tua tersebut telah pun bermastautin di luar negeri ataupun telah pun mendapat kerakyatan di negara lain.

Mengenai dengan perkara ini, memang diambil perhatian oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kajian-kajian telah pun dibuat mengenai dengan perkara tersebut dan insya-Allah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menghadapkan sokongan-sokongan untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan mengutarakan dua soalan:

- 1) Kaola tidak meminta jawapan bagi soalan ini dan kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Pengerusi bahawa kaola sudah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kaola dapat apa yang diharap-harapkan sebagai wakil daripada Daerah Temburong untuk dapat menyuarakan perkara ini. Walau bagaimanapun kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) kerana telah menjelaskan mengenai dengan Elaun Pencen Tua ini dan baru sebentar tadi juga telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola juga menyokong penuh sebab yang disampaikan oleh rakan Yang Berhormat tadi supaya Elaun Pencen Tua bagi warga emas dapat dinaikkan kepada jumlah Yang Berhormat sebutkan tadi.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini juga amat dirasakan oleh warga emas yang tidak ada berpendapatan lain, selain hanya mengharapkan Elaun Pencen Tua yang ada sekarang. Pernah warga emas berjumpa dengan kaola dan meminta kaola untuk memanjangkan suara-suara warga emas tersebut ke Majlis Mesyuarat Negara ini. Jadi kaola sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kerana dengan izin Yang Berhormat Pehin dapat kaola menyuarakan di Dewan Majlis yang mulia ini.



2) Yang Berhormat Pengerusi, bahawa penempatan dan kawasan bank yang beroperasi di Daerah Temburong sekarang bertempat di Kompleks Kedai Bumiputera. Pada pandangan kaola, kawasan dan tempat tersebut kurang selesa kepada orang ramai terutamanya kepada pelanggan-pelanggan.

Di Dewan yang mulia ini, kaola memohon izin untuk bertanya iaitu apakah ada di dalam cadangan dan perancangan kementerian melalui pihak-pihak berkenaan untuk membina atau menempatkan kawasan bank yang lebih selesa dan teratur di Daerah Temburong? Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi kaola minta izin untuk menjawab soalan mengenai dengan bank. Yang sebenarnya, kalau bank swasta, bank itulah sendiri yang bertanggungjawab membesarkan pejabat dan sebagainya. Kita hanya memberi kebenaran tetapi keputusan untuk membesarkan bank itu terpuang kepada bank itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila**

**Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya sahaja mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP), wang kumpulan dari seluruh pekerja-pekerja, bolehkah ianya dimaklumkan perjalanan pelaburan tabung ini agar pelabur-pelabur yang terdiri daripada pekerja-pekerja dapat tahu akan perjalanan pelaburan itu? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan kaola juga mengucapkan terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi sebentar tadi iaitu mengenai dengan pelaburan Kumpulan Wang Caruman Tabung Amanah Pekerja. Sukacita kaola maklumkan bahawa pelaburan Kumpulan Wang Caruman Tabung Amanah Pekerja dilaburkan dalam bentuk Ekuiti, Bon dan Simpanan Tetap dan pada masa ini Tabung Amanah Pekerja mempunyai 6 orang Pengurus Dana Luaran.

Dan lokasi dana pelaburan dilaburkan dalam bentuk seperti yang kaola nyatakan iaitu bon dan simpanan tetap dan ekuiti dan penempatan dana pelaburan. Tabung Amanah Pekerja adalah berasaskan mandat yang diberikan yang mana mandat ini mengambil kira risiko dan juga jangkaan pulangan yang bakal diterima. Ianya diagih-agihkan kepada beberapa jenis pelaburan bagi mengurangkan risiko-risiko dan mandat pelaburan ini *diréview* dan dikemaskinikan mengikut perkembangan pasaran pelaburan dari masa ke semasa, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf. Silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola dalam bahagian ini sebenarnya memang akan bercakap mengenai kadar pembayaran Elaun Pecen Umur Tua ini, namun demikian rakan-rakan sejawat kaola sudah pun menyuarakan. Dalam hal ini sudah lapan kali kenaikan, apalah kiranya yang kesembilan kali ini dapat dinaikkan? Sepertimana peribahasa Melayu "Merajuk kepada yang kasih, meminta kepada yang ada".

Yang kedua, Yang Berhormat Pengerusi, elok jua kaola suarakan di sini. Kebanyakan kakitangan Kerajaan yang tidak berpencen akan terus berkhidmat sehingga mencapai umur 60 tahun. Apa yang kaola suarakan di sini bahawa dipohonkan atas budi bicara Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) akan dapat mengeluarkan sebahagian baksis mereka bila mana mereka mencapai umur 55 tahun kerana mereka khuatir tidak akan menikmati baksis tersebut. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan ini sebenarnya berkaitan dengan TAP, sebabnya yang dinaikkan umur dari 55 ke 60 tahun adalah orang TAP sahaja. Soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera ialah supaya kumpulan

wang yang mereka simpan ini akan dikeluarkan setelah mencapai umur 55 tahun, kaola memohon rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjawab.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf tadi, berhubung dengan pengeluaran caruman di Tabung Amanah Pekerja dan dalam hal ini, sukacita kaola memaklumkan bahawa pengeluaran wang caruman Tabung Amanah Pekerja adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang terdapat dalam Akta TAP iaitu Bab 17(1) dan 18.

Dalam mana pencarum-pencarum Tabung Amanah Pekerja adalah hanya dibenarkan untuk mengeluarkan wang caruman mereka apabila mereka mencapai umur 55 tahun kecuali keperluan mereka untuk membeli rumah ada peruntukan yang disediakan. Dalam mana pencarum-pencarum boleh mengeluarkan wang caruman mereka seperti pembelian atau pembinaan rumah, ianya boleh dikeluarkan tidak melebihi daripada 45% dari jumlah simpanan dengan syarat ahli telah mencarum tidak kurang dari 10 tahun atau mempunyai simpanan tidak kurang dari \$40,000.00. Dan pencarum juga dapat mengeluarkan seperti yang diperuntukkan dalam Akta TAP, iaitu apabila mereka mencapai umur 50 tahun, mereka boleh mengeluarkan 25% daripada jumlah simpanannya.

Dan sukacita jua kaola menambah iaitu seperti mengikut Bab 17(1) dan 18 daripada Akta TAP, pencarum juga dapat mengeluarkan wang caruman mereka kesemuanya apabila mereka hilang keupayaan secara fizikal atau mental ataupun mereka itu meninggalkan Negara Brunei Darussalam dan tidak berhasrat untuk kembali lagi. Dan begitu juga, ahli waris pencarum TAP dapat mengeluarkan kumpulan caruman TAP apabila ahli yang mencarum itu telah pun meninggal dunia.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerusi, pihak pengurusan Tabung Amanah Pekerja pada masa ini sedang membuat penilaian dan penelitian bagi membolehkan kelonggaran pengeluaran caruman di Tabung Amanah Pekerja mengikut keperluan-keperluan dan insya-Allah dalam sedikit masa lagi pihak pengurusan akan menghadapkan kepada Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja untuk meneliti dan menimbangankan cadangan-cadangan berkenaan dan seterusnya untuk dihadapkan kepada pihak yang berkenaan untuk pertimbangan seterusnya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin berkongsi sama mengenai dengan Kementerian Kewangan tapi bukan Elaun Pencen Umur Tua. Sistem TAFIS sudah lama diperkenalkan sejak beberapa tahun yang lalu. Namun masih kedengaran masalah pembayaran bagi berbagai tuntutan yang dihadapi oleh masyarakat ataupun pelanggan.

Jadi perkara ini Yang Berhormat Pengerusi perlu diambil perhatian dan tindakan agar masalah tersebut dapat diatasi. Sebagai langkah bagi mengatasi perkara ini, satu badan mesti diwujudkan bagi sentiasa membuat pemantauan secara berterusan seperti membuat kajian di jabatan-jabatan Kerajaan bagaimana sistem di Kementerian berkenaan diurus dan dijalankan.

Kita tidak hanya akan menyalahkan Kementerian Kewangan, kerana kita faham bahawa kelewatan tersebut mungkin berpunca di jabatan-jabatan ataupun kementerian-kementerian berkenaan. Pada misalnya maklumat yang diberikan tidak lengkap, ini sering terjadi dan jabatan berkenaan lewat menghadapkan ke Kementerian Kewangan. Saya mencadangkan agar Kementerian Kewangan membuat satu penelitian ataupun kajian menyeluruh kepada kementerian-kementerian mengapa kelewatan tersebut berlaku? Jadi melalui kajian tersebut, kita akan dapat melihat TPOR di jabatan-jabatan berkenaan.

Yang kedua, Yang Berhormat Pengerusi, ini adalah pengurangan tempoh pencen penuh bagi yang berpencen.

Pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang berpencen mencapai usia 70 tahun akan menerima pencen penuh lebih kurang tiga suku daripada gaji pokok, kalau kaola tidak silap. Pertambahan pencen ini akan dapat memberikan keeselesaan dan menambah pendapatan untuk menyara kehidupan dalam usia tua. Dalam meniti usia tua, memang memerlukan kewangan kerana banyak perkara yang harus ditanggung umpamanya, pembelian keperluan asas

dan pembelian ubat-ubatan untuk menjaga kesihatan.

Dalam Majlis ini, kaola ingin mencadangkan agar tempoh masa bagi kenaikan pencen daripada usia 70 tahun itu akan dikurangkan kepada usia 65 tahun. Jadi 5 tahun lebih awal, sepertimana jua rakan tadi nyatakan sebagai hadiah ataupun sumbangan kepada perkhidmatan mereka yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Dengan pengurangan ini, setentunya sekurang-kurangnya mereka akan dapat menikmati kenaikan sebelum menutup mata. Kadangkala kita tersilap pandang, ada di antara mereka ini berkorban sama membesarkan anak dan juga cucu mereka yang kurang bernasib baik. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

Mengenai dengan sistem kelambatan pembayaran yang dicadangkan sebentar tadi supaya diadakan pemantauan. Sebenarnya, sebagaimana yang sudah kaola bentangkan di dalam pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2013/2014, kita sudahpun melaksanakan dan bukan lagi mengkaji apa yang digelar sebagai *Invoice Tracking System*. Jadi, *Invoice Tracking System* pada waktu ini sudah di *roll out* ataupun diguna pakai oleh 7 buah Kementerian manakala yang selebihnya iaitu 5 buah kementerian yang lain akan dilaksanakan pada bulan April dan Jun pada tahun ini.

Dalam sistem ini, setiap syarikat yang menghadapkan *invoice* atau tuntutan mereka kepada mana-mana Jabatan Kerajaan, ianya akan diberikan nota maklumat atau *acknowledgement note* sebagai pengesahan penerimaan *invoice* oleh jabatan berkenaan. Ini akan memastikan tidak ada lagi dakwaan macam dahulu seperti inouis hilang atau tidak diterima oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Dengan adanya sistem ini, Kementerian Kewangan akan dapat memantau misalnya di kementerian-kementerian lain bagi pembayaran-pembayaran ini sudah ditangani atau sebaliknya. Inouis ini juga akan dapat dipantau oleh pegawai-pegawai yang disalurkan bagi pengesahannya. Ini juga akan membolehkan setiap tuntutan yang diterima oleh agensi-agensi Kerajaan sebagaimana yang kaola nyatakan tadi dipantau status pembayarannya agar jika terdapat permasalahan mengenai prosesnya akan dapat dikenal pasti lebih awal.

Di samping itu, kita juga akan menyediakan laporan secara *online* atau dicetak mengenai status setiap tuntutan yang masih tertunggak di setiap kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan yang mana laporan ini juga boleh dilihat oleh ketua-ketua jabatan masing-masing pada bila-bila masa jika terdapat pertanyaan daripada pihak pembekal atau kontraktor. Perkara ini secara langsung insya-Allah diharap akan dapat meningkatkan akauntabiliti setiap pegawai yang terlibat dalam proses pembayaran tuntutan-tuntutan berkenaan.

Mengenai saranan kedua, sebagaimana yang kita sedia maklum pembayaran-pembayaran pencen ini adalah menurut Akta Pencen yang tertentu. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim tadi, memang setelah mencapai umur 55 tahun dan menerima pencen, pencen penuh akan dikira balik selepas 15 tahun. Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim tadi supaya pencen penuh diawalkan lagi daripada umur 70 tahun. Kita perlu mengkaji semula jumlah bayaran setelah tempoh 15 tahun.

Sebenarnya ada sukat-sukatnya yang perlu diteliti secara mendalam terlebih dahulu. Kalau dilihat sistem yang berjalan pada masa ini, Alhamdulillah ianya berjalan dengan baik kerana keperluan semakin bertambah baik apabila mencapai umur 70 tahun. Bagi mereka yang berumur 65 tahun itu, kadang-kadang masih lagi berupaya untuk bekerja dan sebagainya. Walau bagaimanapun perkara ini mungkin akan menjadi bahan perbincangan dan penelitian sama ada terdapat keperluan, kesesuaian, kelayakan untuk mengubah peraturan-peraturan sistem ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola memohon maaf sekiranya soalan yang kaola ajukan ini pernah dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Soalan ini pernah kaola suarakan beberapa tahun dahulu iaitu mengenai:

- 1) Penglibatan pihak bank di Negara Brunei Darussalam di mana apabila mereka memberi pinjaman dalam satu-satu projek terutama yang diusahakan oleh anak-anak tempatan kitani, dicadangkan supaya pihak bank turut sama berperanan dalam projek tersebut bukan hanya menuntut pembayaran daripada pinjaman seperti apa yang berlaku sekarang. Adakah dasar ke arah itu sudah difikirkan atau dibincangkan dengan pihak bank?; dan
- 2) Di akhir-akhir ini terdapat sindiket-sindiket perompak *Automated Teller Machine (ATM)* di Negara ini. Rakyat yang mempunyai akaun di bank agak bimbang, takut-takut simpanan mereka terbabit. Soalan kaola, bagaimanakah pihak bank menangani masalah jenayah serupa ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sebenarnya akan menjawab mengenai soalan Jerambak Holdings Pte. Ltd. dan Semaun Holdings Sdn. Bhd. iaitu soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad itu lebih mirip kepada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Rakan sejawat kaola, Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) nanti menjawab mengenai dengan soalan-soalan seperti itu.

Kaola ada di sini, mendapat maklumat mengenai Jerembak Holdings Pte. Ltd. dan Semaun Holdings Sdn. Bhd. yang mana kedua-dua syarikat ini ditubuhkan bagi mencapai objektif tertentu khusus dalam menjamin keselamatan bekalan makanan (*food security*). Memang diambil maklum bahawa sehingga ini, kedua-dua syarikat masih memerlukan bantuan Kerajaan bagi membiayai operasinya. Kita juga dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan pada masa ini telah pun memberi tumpuan kepada mengemaskinikan akaun-akaun syarikat berkenaan bagi mengetahui kedudukan sebenar kewangan syarikat-syarikat tersebut.

Pada masa ini, syarikat-syarikat berkenaan juga telah pun diserapkan di bawah pengawalan *Darussalam Assets Sdn. Bhd.* yang akan membolehkan urus tadbir ataupun *governance* kedua-dua syarikat berkenaan insya-Allah akan dapat diperkukuhkan lagi. Setentunya tindakan-tindakan bersesuaian akan diambil setelah penelitian lanjut dibuat ke atas kedudukan kewangan dan keupayaan syarikat-syarikat berkenaan untuk mencapai objektif-objektifnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang telah pun bertanya mengenai dengan penglibatan bank-bank dalam urusan perusahaan, bisnes dan sebagainya.

Seperti yang kita ketahui, *core business* bank ini ialah untuk meminjam wang ataupun tempat penyimpanan wang.

Bank-bank memang tidak ada mempunyai peranan untuk melabur ataupun ikut serta dalam apa jua urusan yang dibuat oleh anak-anak tempatan ataupun mana-mana syarikat yang ada di Negara Brunei Darussalam ini.

Peranan mereka sebenarnya ialah untuk meminjamkan wang jika diperlukan ataupun tempat menyimpan wang sahaja, itulah peranan bank tersebut Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai dengan simpanan mereka dari segi keselamatan, sama ada dapat kita pastikan simpanan-simpanan mereka tersebut selamat daripada keadaan-keadaan jenayah dan sebagainya. Insya-Allah pihak bank setentunya akan mengawal aset-aset mereka dan juga mengawal kewangan yang ada disimpan dalam bank-bank itu. Jadi, pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hanya dapat menyampaikan kepada pihak bank supaya akan lebih berhati-hati mengenai dengan kewangan yang ada dalam simpanan mereka itu supaya tidak hilang dan penyimpan-penyimpan tidak perlu merasa ragu akan keselamatan kewangan mereka itu. Sekian saja yang dapat kaola sampaikan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan ada baiknya diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang lagi pada esok hari iaitu hari Rabu, 13 Mac 2013 jam 9.30 pagi, insya-Allah. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Rabu, 1 Jamadilawal 1434 / 13 Mac 2013****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang keenam didahului dengan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya kita pada pagi ini dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang keenam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan dan menimbangkan perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013/2014 di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan Persidangan Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya. Semalam Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Jadual di bawah Kementerian Kewangan dan telah meluluskan Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini akan beralih ke Jabatan seterusnya. Terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada di antara Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin membahaskan Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, hadirin yang dihormati sekalian.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja adalah merupakan agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengawal dan memastikan kemasukan barang-barang tegahan dan memastikan subsidi Kerajaan seperti beras, gula, minyak dan sebagainya terkawal dari dibawa keluar dari Negara kita.

Demikian juga penyeludupan seperti dadah, minuman keras dan barang-barang tegahan yang lain. Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh agensi ini amat penting dan sangat mencabar, maka adalah diperlukan bagi menambah keanggotaan seperti peralatan yang lebih canggih dan moden. Menurut Anggaran Perbelanjaan 2013/2014, Jabatan ini memperuntukkan jumlah sebanyak \$4.4 juta. Jumlah keseluruhan bilangan tenaga kerja yang ada pada masa ini ialah 510 orang. Kaola mengambil contoh pendekatan bilangan Pegawai Penguat Kuasa sahaja;

- 1) Penolong Pengawal Kastam ada 4 orang;

- 2) Penguasa Kastam Kanan B2/B2 EB 3 11 orang;
- 3) Penganalisa Sistem 1 orang;
- 4) Penguasa Kastam C3-4-EB5 8 orang;
- 5) Penolong Penguasa Kastam C1-EB3 8 orang;
- 6) Pegawai Pemeriksa 288 orang; dan
- 7) Pegawai Kastam D1-2-3-EB4 96 orang.

Melihat senario di atas dan memandangkan banyak pintu-pintu masuk dan keluar di Negara ini, maka perlu keanggotaan dan peralatan moden perlu disediakan ataupun ditambah.

Yang Berhormat Pengerusi, kita mengetahui bahawa penjenayah ataupun penyeludup pada ketika ini mempunyai kepakaran dan taktik yang sukar dikesan dengan hanya menggunakan peralatan yang tidak berteknologi tinggi. Dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan agar semua peralatan dan kemudahan yang digunakan pada masa ini hendaklah ditingkatkan kerana ia merupakan peralatan yang berkesan bagi menangani penyeludupan dan kemasukan barang-barang yang ditegah dibawa masuk dan dibawa ke luar negeri.

Seterusnya, operasi berterusan hendaklah dijalankan terutama sekali di pintu-pintu masuk sempadan dengan negara-negara jiran dan jalan-jalan tikus yang selalu berlakunya penyeludupan. Perhatian harus diberikan kepada barang-barang subsidi Kerajaan seperti gula, minyak dan sebagainya agar tidak diseludup keluar daripada Negara ini, kerana keperluan memberikan subsidi ini adalah atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menolong rakyat dan penduduk Negara ini dalam usaha membantu meringankan beban kewangan untuk membeli keperluan asas yang disebutkan.

Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta semua agensi penguat kuasa di Negara ini, kerana telah berjaya menangani penyeludupan minyak diesel, yang diberikan subsidi oleh Kerajaan, yang mana bukan sahaja merugikan Negara malahan menjadikan masalah dan beban kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih di atas saranan-saranan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim tadi, yang mana keprihatinan beliau ini juga sebenarnya memang diteliti dan dipantau oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Kementerian Kewangan secara berkesan.

Untuk makluman, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada waktu ini sedang berusaha untuk mengambil lebih banyak lagi kakitangan dengan mengisikan jawatan-jawatan kosong iaitu sebanyak 58 jawatan. Insya-Allah, kita dari masa ke semasa akan memantau keperluan-keperluan seterusnya yang berkaitan dengan kakitangan ini.

Di samping itu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sedang menilai kesesuaian mesin-mesin dan perkakas-perkakas yang ada pada waktu ini seperti mesin

pengimbas, *vehicle search system* dan beberapa peralatan-peralatan asas. Mesin-mesin pengimbas baru, insya-Allah akan ditempatkan di pos-pos kawalan yang difikirkan strategik untuk membantu membendung aktiviti penyeludupan barangan keluar dan masuk di Negara ini.

Di samping itu, bot-bot peronda juga telah dibekalkan untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan rondaan di mana Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain sentiasa membuat rondaan-rondaan terutamanya dalam menangani kes-kes warga asing ataupun warga negara yang membawa masuk atau keluar dadah.

Kita juga secara berterusan akan meneliti dan memantau perkara-perkara yang berkaitan dengan penyeludupan minyak yang diberi subsidi. Melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain termasuk Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri telah membuat beberapa langkah dan tindakan bagi membenteras aktiviti tersebut, seperti mengadakan kawalan-kawalan ketat di pos-pos kawalan yang telah dikenal pasti secara berterusan, dan Alhamdulillah, hasil daripada usaha Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bersama-sama dengan penguatkuasaan undang-undang yang lain telah mendapati sejak Operasi Bersepadu dijalankan pada bulan Jun, sebanyak 62 buah kenderaan telah ditahan pada tahun 2012 yang lalu iaitu bagi membenteras penyeludupan-penyeludupan minyak bersubsidi.

Tiga daripada penyeludup-penyeludup berkenaan telah pun dijatuhi hukuman penjara di antara 3 ke 6 bulan dan kenderaan mereka juga telah dirampas.

Kes-kes tersebut juga pada waktu ini dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

Kaola ingin mengingatkan kepada orang ramai mengenai kesalahan-kesalahan menyeludup minyak keluar iaitu bagi kesalahan pertama akan dikenakan denda tidak kurang dari \$10,000.00 dan tidak melebihi \$500,000.00 atau dihukum penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya akan dikenakan denda tidak kurang dari \$20,000.00 dan tidak melebihi \$500,000.00 atau dihukum penjara bagi satu tempoh tidak kurang dari 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Itulah saja yang dapat kaola kongsikan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola menyokong saranan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi bahawa perlunya kitani membekalkan alat-alat mengesan di seluruh pos kawalan di seluruh Negara termasuklah Pos Kawalan Sungai Tujuh.

Dalam pada itu Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin membangkitkan iaitu beberapa Pegawai Kastam khususnya di Daerah Belait pada kira-kira 3 tahun yang lepas disyaki terlibat dalam kegiatan kes rasuah. Kaola difahamkan di mana sesetengah mereka telah digugurkan kes kerana didapati bukti tidak mencukupi untuk didakwa di Mahkamah. Mereka ini

dibayar separuh gaji sejak digantung perkhidmatan hinggalah sekarang.

Sekiranya perkara ini adalah benar dan bukan perkara yang sulit dan menjadi rahsia Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengetahui apakah status pegawai-pegawai ini? Bilakah mereka akan diambil balik bekerja? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan**

**II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas keprihatinan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai dengan status 25 orang Pegawai Kastam yang telah ditahan dari menjalankan tugas dan tanggungjawab sejak tahun 2009, di mana tindakan dan keputusan telah dibuat ke atas mereka. Sebenarnya 4 orang telah diberikan notis saman rasmi, manakala 5 orang telah didakwa secara berasingan (*individually prosecuted*). Seorang telah didapati bersalah di bawah Bab 6A Akta Pencegah Rasuah dan dijatuhi hukuman penjara. Bagi kedudukan 15 orang Pegawai Kastam yang didakwa di Mahkamah Majistret, dakwaan-dakwaan tersebut telah pun diberhentikan disebabkan pertimbangan tertentu oleh Pejabat Peguam Negara.

Walau bagaimanapun, pihak Pejabat Peguam Negara telah menghadapkan sokongan bagi tindakan alternatif mengenai tindakan tatatertib dan sebagainya. Perkara ini sedang ditangani oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Itu saja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin berkongsi pandangan dengan rakan-rakan yang terlebih dahulu mengajukan pandangan tadi. Sepertimana jua yang pernah kaola utarakan di dalam Musim Permesyuaratan Negara Yang Kelapan pada tahun lepas, mengenai dengan keberkesanan tugas-tugas Pegawai Kastam yang mengawal pos kawalan sempadan terutamanya di Pos Kawalan Sungai Tujoh yang mana sehingga masa ini masih lagi di tahap yang kurang lancar dalam menangani kepadatan pelancong-pelancong keluar dan masuk melalui pos kawalan tersebut, lebih-lebih lagi semasa hari cuti awam dan hujung minggu.

Permasalahan ini masih jelas disebabkan kekurangan Pegawai Kastam yang bertugas bukannya kelalaian pegawai kastam yang bertugas. Kaola juga ingat pada tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah memaklumkan kepada Dewan bahawa terdapat beberapa kekosongan Pegawai Kastam bagi tahun 2012, yang akan diambil bagi memenuhi kekosongan tersebut. Kaola ingin tahu adakah sudah pengambilan pegawai-pegawai kastam yang baru telah dibuat? Selain daripada itu apakah perancangan ataupun usaha pihak Kementerian dalam mengatasi atau menangani masalah kepadatan pelancong-pelancong yang keluar masuk melalui pos-pos kawalan yang ada khususnya di sempadan Sungai Tujoh, Kuala Belait yang kaola rasa semakin

mencabar dan bertambah dari semasa ke semasa? Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Dulamin tadi. Mengenai dengan pos kawalan di Sungai Tujoh, sebenarnya ada juga proses-proses pengambilan telah di ambil bagi pegawai-pegawai ini tetapi pengambilan-pengambilan ini adalah dijangka akan berterusan sehingga jawatan-jawatan yang kosong tersebut akan diisi sepenuhnya. Insya-Allah perkara ini akan ditangani dari masa ke semasa.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat tadi, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menangani kemasukan pelancong-pelancong yang semakin ramai terutamanya melalui dari Pos Kawalan Sungai Tujoh? Alhamdulillah, projek bagi pembinaan bangunan Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Belait telah ditawarkan kepada sebuah syarikat yang mana bangunan ini berharga dalam \$4.59 juta dan insya-Allah dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan April tahun hadapan. Projek ini adalah di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, yang dikawalselia sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. Bangunan baru pos kawalan ini nanti akan mempunyai fasiliti-fasiliti pengawalan dan pemeriksaan kastam yang lebih berkesan. Ianya juga dilengkapi dengan peralatan moden, termasuk mesin pengimbas bagi kenderaan-kenderaan kargo yang membawa masuk barang melalui pos kawalan tersebut. Sekianlah yang dapat kaola kongsi, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik yang dihormati, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Beberapa tahun dahulu, telah berlakunya jenayah penipuan sewa kereta di Negara ini yang melibatkan beberapa buah kereta telah dicuri dan diseludup keluar negeri, dan pada masa ini perkara ini masih lagi berlaku. Dari kejadian ini, adalah didapati disebabkan terdapat kelonggaran di pusat-pusat kawalan pemeriksaan jabatan berkenaan.

Walau bagaimanapun, kaola dan orang ramai menghargai dan menyanjung tinggi perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangannya yang dapat menahan beberapa cubaan menyeludup barangan-barangan tegahan. Memang diakui tugas ini mencabar dan berbagai cara telah dilaksanakan oleh jabatan dalam menangani penyeludupan akan tetapi penyeludup-penyeludup mempunyai kebijaksanaan dan kepintaran mereka sendiri sehinggakan kereta-kereta yang dapat dilihat dengan mata kasar boleh terlepas. Apa yang diketahui, jabatan berkenaan sudah mempunyai keramaian Pegawai Pemeriksa seramai 288 orang dan 96 orang Pegawai Kastam.

Kaola ingin tahu kenapakah barangan besar seperti kereta curi ini dapat terlepas? Adakah kerana tidak ada

pemeriksaan terhadap siapa pemilik-pemilikinya dan siapa pembawanya atau hanya memadai sekadar menulis dan menunjukkan permit kenderaan?

Kaola menyarankan supaya usaha ke arah kawalan ini dikemaskinikan lagi, umpamanya kenderaan dimestikan berhenti di tempat pemeriksaan untuk memastikan kenderaan itu kenderaan sendiri atau keluarga yang terdekat. Jika didapati orang lain yang menggunakannya maka perlu ada surat kebenaran tuan punya. Dan satu perkara lagi yang menyebabkan kenderaan berkenaan dapat keluar adalah kerana didapati melalui laluan lain yang tidak memerlukan ianya berhenti. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga saranan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit tadi. Setahu kaola Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ini, kerja-kerja *core-business*nya ialah diberi kuasa untuk menegah membawa masuk atau keluar barang-barang tertentu. Mengenai dengan kereta curi ada beberapa agensi-agensi lain yang menanganinya. Kadang-kadang, kereta curi ini selalunya pencuri bukannya melalui jalan-jalan yang biasa, kadang-kadang dibawanya lari ke jalan-jalan lain, kaola minta tangguh dulu Yang Berhormat Pengerusi, untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.



**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Menurut Fatwa Mufti Negara Brunei Darussalam bahawa menghisap rokok itu adalah haram. Mengikut sumber kesihatan, menghisap rokok itu akan mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan manusia seperti penyakit jantung, paru-paru dan lain-lain, kerana rokok mengandungi bahan-bahan yang boleh merosakkan kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi, dari fakta yang dinyatakan tadi, maka sudah nyatalah bahawa menghisap rokok itu akan mendatangkan penyakit kepada penghisapnya, yang mana pihak perubatan terpaksa merawat dan mengubati sepanjang hayat penghidapnya dan memerlukan perbelanjaan yang banyak secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi, sehubungan dengan ini, Majlis menyarankan supaya cukai rokok ini akan dapat dinaikkan berlipat-ganda dengan tujuan:

1. Supaya mengurangkan dan meniadakan penghisap rokok di generasi akan datang.
2. Harga rokok yang mahal sekurang-kurangnya akan dapat mengurangkan jumlah penghisap rokok yang tegar.
3. Dengan adanya cukai yang tinggi, wang berkenaan (pungutan cukai) boleh digunakan untuk menampung kos rawatan pesakit yang disebabkan oleh menghisap rokok.

4. Dengan berhentinya tabiat menghisap rokok ekoran daripada harganya yang tinggi, secara tidak langsung wang yang diperuntukkan untuk membeli rokok sebelumnya pada setiap bulan boleh digunakan untuk membeli keperluan dapur, makanan harian, perbelanjaan anak-anak sekolah dan lain-lain.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan dan keprihatinan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking tadi.

Alhamdulillah, saranan-saranan seperti ini akan kaola teliti lagi secara mendalam. Untuk itu kaola akan mengongsikan saja kenaikan cukai rokok di Negara ini yang sudah dibuat pada waktu ini. Alhamdulillah, jumlah rokok yang dibawa masuk dapat dikurangkan yang mana pada tahun 2011, 47 juta batang rokok telah dibawa masuk akan tetapi pada tahun 2012 ianya turun kepada 40 juta batang rokok. Walau bagaimanapun, 40 juta itu masih lagi di tahap yang tinggi.

Kes penyeludupan rokok juga mencatatkan penurunan disebabkan tindakan tegas yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dengan mengenakan denda kompaun.

Pada tahun 2011, jumlah kes penyeludupan rokok adalah sebanyak 411 kes. Manakala pada tahun 2012 adalah sebanyak 396 kes. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan terus bekerjasama dengan orang ramai dan agensi-agensi

Kerajaan yang lain dalam meningkatkan aktiviti penguatkuasaan demi mengawal aktiviti penyeludupan ini. Kaola di sini ingin menyeru orang ramai untuk terus memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam membanteras kegiatan penyeludupan sama ada barang sekatan seperti rokok atau barang-barang yang lain.

Alhamdulillah, saranan-saranan tadi akan dikaji lagi secara mendalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ada baiknya diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Maka Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SD03A - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Oleh kerana di dalam Jabatan Perbendaharaan terdapat Unit Pencen dan Baksis, maka kaola ingin

menyuarakannya di dalam Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian berkenaan.

Pada tahun lepas Alhamdulillah, warga perkhidmatan awam amat bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan telah meluluskan dan mengeluarkan Elaun Sara Hidup kepada warga perkhidmatan awam dan wang tersebut dapat digunakan untuk memenuhi keperluan mereka.

Meskipun ada juga yang tidak berpeluang membelanjakannya disebabkan potongan pembayaran tunggakan hutang-hutang, tetapi di sini kaola tidak akan menyentuh mengenai dengan Elaun Sara Hidup ataupun kenaikan-kenaikan gaji atau elaun yang telah dihurai dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) beberapa hari yang lalu. Cuma yang ingin kaola sentuh ialah apa yang dinamakan baksis belas kasihan bagi pegawai perempuan yang berkahwin yang dahulunya mereka ini berstatus perkhidmatan sebulan ke sebulan.

Apa yang difahamkan ialah baksis ini hanya akan dikeluarkan setelah mereka bersara dan sekarang ini tempoh persaraan ialah sehingga umur 60 tahun. Dengan mengambil kira kajian ataupun mengambil kira penilaian yang teliti dan rapi dan tidak akan memberi impak atau kesan yang kurang baik kepada yang terlibat, kaola hanya ingin mengajukan soalan. Bolehkah sekiranya baksis belas kasihan ini yang berkemungkinan hanya sebahagian atau sejumlah kecil warga perkhidmatan awam perempuan yang terlibat dapat dikeluarkan sebelum pencen

wajib 60 tahun sebagaimana juga Elaun Sara Hidup yang dapat dikeluarkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas saranan dan soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Mengenai perkara-perkara pencen ini ada akta-akta yang mengawal perkara tersebut termasuk juga pencen yang berkaitan dengan baksis belas kasihan. Di peringkat ini, kaola mengambil cadangan tersebut untuk diteliti secara mendalam terutamanya mengenai dengan kesan dan keperluan serta kemampuan Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk - SD05A Jabatan Perbendaharaan diundi sekarang. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Maka Tajuk SD05A - Jabatan Perbendaharaan diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk - SD05A-Jabatan Perbendaharaan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:** Dalam

penerangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai dengan Perkhidmatan Rampaian ini sudah ada juga sebahagian butir-butirnya yang telah diterangkan. Apa yang kaola hendak bangkitkan di sini ialah ada satu berita dulu dalam Pelita Brunei, akhbar rasmi Kerajaan bahawa Mahkamah Majistret dan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Temburong ditempatkan di Kompleks Bumiputera Temburong. Perkara ini, dari segi kehakiman tentulah tidak berapa sesuai. Kaola difahamkan bahawa sudah ada rancangan-rancangan untuk mendirikan bangunan-bangunan Mahkamah Majistret dan Syariah ini bukan saja di Daerah Temburong tetapi juga di Daerah Tutong.

Kaola ingin bertanya di sini, kalau dapat Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) menerangkan adakah rancangan untuk membangun kedua-dua bangunan mahkamah tersebut termasuk dalam Perkhidmatan Rampaian ini?

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Sebenarnya apa yang diperuntukkan dalam Perkhidmatan Rampaian ini adalah perkara-perkara yang biasa kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, misalnya sewa rumah untuk semua jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian serta Persidangan dan Jawatankuasa Perbelanjaan Lawatan Rasmi. Mengenai dengan projek-projek mahkamah ini, ianya adalah di bawah jabatan ataupun agensi masing-masing, bukannya dalam Perkhidmatan Rampaian.

Kaola cuma ingin menjawab soalan mengenai dengan mahkamah-mahkamah di Daerah Temburong Yang Berhormat Pengerusi. Mengikut maklumat yang kaola dapati, perancangan yang telah dibuat bagi pembinaan bangunan mahkamah-mahkamah di Daerah Temburong, yang mana pada masa ini sebidang tanah berukuran lebih kurang 2 hektar di Kampung Gadong, Daerah Temburong telah diwartakan sebagai langkah persediaan awal bagi pelaksanaan projek berkenaan. Permohonan peruntukan untuk projek ini dijangka akan dipohonkan melalui Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang akan datang. Kemungkinan keperluan itu masih lagi boleh dibuat pada waktu ini.

Mengenai dengan mahkamah-mahkamah di Daerah Tutong, ianya sudah ada peruntukan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Projek pembinaan bangunan mahkamah-mahkamah Daerah Tutong telah pun diluluskan dan ketika ini di dalam proses sokongan tawaran. Jika proses ini selesai, bangunan mahkamah-mahkamah Daerah Tutong yang baru akan dapat dibina di tapak tanah berukuran lebih kurang 2 hektar, yang telah diwartakan bagi projek berkenaan di kawasan berdekatan dengan Mahad Islam Brunei, Daerah Tutong. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada baiknya Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian ini diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SD05A - Perkhidmatan Rampaian dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin terus sahaja kepada persoalan kaola.

Jabatan Perbekalan dan Stor Negara bertanggungjawab dalam mengimport beras untuk keperluan rakyat Negara Brunei Darussalam. Selain itu, jabatan ini juga membeli hasil padi Negara yang dihasilkan oleh rakyat Negara Brunei Darussalam dengan membayar sebanyak \$1.60 sekilo. Di samping itu juga, kaola difahamkan bahawa jabatan tersebut ada menjalankan perusahaan penanaman padi di luar negeri secara *joint venture*. Kaola ingin mengetahui adakah perkembangan yang kaola sebutkan di atas itu masih diusahakan? Jika ianya benar, mohon kalau dapat dikemaskinikan perkembangan terbaru atau terkini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih di atas soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Ada beberapa perkara yang perlu kaola betulkan di sana. Pembelian padi sebenarnya bukanlah daripada Jabatan Perbekalan dan Stor Negara tetapi daripada Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Usaha sama yang dimaksudkan itu bukanlah sebenarnya untuk menanam padi, tapi usaha sama yang dimaksudkan itu ialah *trading company* untuk mengimport padi-padi daripada Thailand ke Negara Brunei Darussalam. Perkara tersebut masih berjalan pada waktu ini dengan kontrak-kontrak yang tertentu di mana kita mengimport padi-padi tersebut daripada Thailand.

Pada waktu ini Kerajaan Negara Brunei Darussalam juga mengimport daripada negara yang lain, misalnya dari Vietnam, dan pada waktu ini juga sedang mengadakan perundingan dengan Cambodia. Ini adalah sebagai langkah untuk mempelbagaikan sumber-sumber pengimportan Negara ini kerana kita masih belum lagi 100% membuat pengeluaran padi iaitu hanya beberapa peratus sahaja pada waktu ini.

Jabatan Perbekalan dan Stor Negara, berperanan untuk membekalkan import beras dan gula. Walau bagaimanapun, import beras dan gula itu adalah bagi beras-beras dan gula yang tertentu sahaja iaitu yang dibekalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Itu sahaja yang kaola terangkan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan bertanya sahaja, sejauh ini setelah Negara kita berjaya menanam padi yang mana

dianggap secara besar-besaran, adakah import beras itu menurun dan berapa peratus penurunannya? Itu sahaja, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga di atas soalan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim. Sebagaimana yang kita sedia maklum, jumlah padi yang dihasilkan oleh Negara ini ialah di tahap yang tinggi. Oleh itu kadar penurunan import tersebut tidaklah begitu ketara. Selain itu kita juga menyimpan stok-stok tertentu dalam tempoh-tempoh yang tertentu sebagai *food security* kita. Oleh kerana itu perkara-perkara yang diimport ini tidaklah dapat dikurangkan. Atas sebab itu, kita masih mengimport dan penurunannya itu tidaklah seberapa banyak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SD06A - Jabatan Perbekalan dan Stor Negara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin membuat kenyataan silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi supaya Tajuk ini tidak dibincangkan kerana ini adalah Jabatan yang terhad dan supaya ianya tidak dibincangkan secara terbuka. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dengan adanya kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa Tajuk ini ialah mengenai dengan Jabatan terhad atau tertutup, maka tidaklah sesuai dibahaskan di Majlis ini. Oleh yang demikian, yang bersetuju supaya diluluskan angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SD08A - Perkhidmatan Rampaian HMSF dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin untuk membuat kenyataan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi. Kaola ingin mengambil kesempatan untuk membentangkan peruntukan kewangan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya pada keseluruhannya secara ringkas sahaja. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk Belanjawan Tahun 2013/2014 telah diperuntukkan sebanyak \$166,937,330.00 iaitu bertambah sebanyak \$3,308,610.00 dari peruntukan yang lalu dan dalam kertas ini ia disebutkan menurut Tajuk-Tajuknya dari Tajuk SE01A membawa kepada Tajuk SE12A. Peruntukan ini adalah mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Gaji kakitangan yang secara keseluruhannya disokong ialah sebanyak \$92,776,400.00 yang mana ini adalah bagi menampung bukan saja kenaikan-kenaikan biasa tetapi juga 31 jawatan. 31 jawatan itu termasuk dalam perkiraannya jawatan secara *trade off* iaitu sebanyak 3 jawatan. Jadi tambahan bersihnya ialah sebanyak 31 jawatan.
  - i. Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mendapat 3 jawatan tambahan;
  - ii. Jabatan Buruh mendapat 2 jawatan tambahan;
  - iii. Pejabat Daerah Tutong mendapat 2 jawatan;
  - iv. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan Temburong iaitu satu Pos Kawalan Kompleks yang baru yang diketahui juga sangat sibuk dengan jumlah keluar masuk yang

dicatatkan tahun lepas adalah seramai lebih daripada \$1.2 juta, iaitu bertambah daripada angka pada tahun sebelumnya tahun 2011 yang berjumlah hanya \$671,249.00 dengan pertambahan 53%. Pos Kawalan ini memerlukan jawatan tambahan sebanyak 6 jawatan;

- v. Jabatan Penjara mendapat tambahan 1 jawatan; dan
  - vi. Jabatan Bomba dan Penyelamat bertambah sebanyak 20 jawatan.
2. Jawatan kosong di Kementerian ini diperuntukkan sebanyak 334 jawatan iaitu sehingga bulan September tahun lepas dan hanya diperuntukkan 6 bulan gaji sahaja, mengambil kira proses pengiklanan, temuduga dan pelantikan jawatan dalam tahun ini, jawatan-jawatan kosong tersebut tidak akan dapat diisikan.
3. Yang diambil kira seperti lazimnya ialah Perbelanjaan Berulang-Ulang yang diperuntukkan sebanyak \$55,608,180.00 yang mana ini adalah bagi penambahan peruntukan, penambahan bagi Pemeliharaan Aset yang berjumlah \$4.6 juta atau \$4.68 juta secara tepatnya iaitu:
- i. Jumlah Pemeliharaan Aset di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah sebanyak \$710,000.00;
  - ii. Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sebanyak \$1.88 juta;

iii. Lembaga Bandaran Kuala Belait sebanyak \$550,000.00;

iv. Jabatan Buruh \$40,000.00; dan

v. Jabatan Daerah Brunei Muara \$1.5 juta masing-masing.

Perbelanjaan Berulang-Ulang ini juga ialah untuk mengadakan peruntukan Pemeliharaan Sistem Komputer bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang secara keseluruhannya diperuntukkan \$3.072 juta. Satu tambahan peruntukan dalam Perbelanjaan Berulang-Ulang ini ialah bagi Majlis Perundingan Kampung yang ditambah sebanyak \$200,000.00 menjadikan jumlah sebanyak \$600,000.00 yang dikawal di Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Seterusnya Penambahan Peruntukan Elaun bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat sebanyak \$170,000.00, dan tambahan-tambahan lain lagi di jabatan-jabatan lain elaun lebih masa, perjalanan dan sebagainya.
5. Sementara itu Perbelanjaan Khas diperuntukkan sebanyak \$18,552,750.00 bagi menampung pelaksanaan 39 projek atau pembelian baru yang berjumlah \$18,352,750.00 dengan harga rancangan pada tahun ini ialah sebanyak \$1,024,000.00.
6. Bagi melaksanakan satu projek pengambilan semula yang berjumlah \$200,000.00 dengan harga rancangan \$390,000.00. Perbelanjaan Khas juga ialah bagi aktiviti perekonomian mukim dan kampung iaitu Satu Kampung Satu Produk yang mana Alhamdulillah disediakan sebanyak \$750,000.00,

menerima tambahan sebanyak \$250,000.00 berbanding dengan peruntukan tahun lepas.

7. Peruntukan bagi peningkatan kemudahan riadah dan bersukan peringkat daerah diperuntukkan sebanyak \$4 juta. Peruntukan bagi Pengurusan Bencana Alam sejumlah \$5 juta ditetapkan sebagaimana tahun lepas.

8. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah projek bagi kerja-kerja pembaikan, pemeliharaan, pengubahsuaian dan menaik taraf bangunan dan kawasan sejumlah \$4,679,300.00 dengan harga rancangan tahun ini \$1,000,414.00. Projek-projek tersebut ialah di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan; Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria; Lembaga Bandaran Tutong, di Pejabat Daerah Brunei dan Muara iaitu bagi membina jambatan dan jalan kecil, membina gerai di Kampung Lambak Kiri, Mukim Berakas A, bagi menaik taraf Dewan Muhibbah, yang mana Dewan Muhibbah ini diketahui semakin popular bagi orang ramai untuk menggunakannya bagi majlis-majlis perkahwinan dan sebagainya.

9. Demikian juga Pejabat Daerah Belait bagi menaik taraf jalan kecil di daerah tersebut diperuntukkan sebanyak \$322,500.00, sementara bagi mengganti dan mengubah kemudahan-kemudahan awam diperuntukkan sebanyak \$310,000.00.

10. Pejabat Daerah Tutong diperuntukkan di bawah projek-projek ini sebanyak \$758,900.00. untuk membina jalan-jalan kecil sebanyak \$500,000.00 dan pemeliharaan kemudahan awam sebanyak \$258,900.00. Sementara Pejabat Daerah

Temburong menaik taraf kemudahan awam dan balai raya sebanyak \$527,500.00 dengan harga rancangan \$140,000.00.

11. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mendapat peruntukan \$50,000.00 iaitu bagi khidmat penyediaan plan dan spesifikasi bagi menaik taraf, memperbaiki, mengubah suai Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang mana diketahui ibu pejabat itu semakin ramai dikunjungi dan menjadikannya semakin sesak dan memerlukan pembaikan ruang-ruang pejabat dan sekitarnya.

12. Jabatan Penjara mendapat peruntukan \$747,000.00. \$200,00.00 ialah bagi membina bangunan baru pentadbiran dan kewangan Ibu Pejabat Penjara dan sebanyak \$547,400.00 bagi menaik taraf Pusat Kawalan Sistem Pengurusan Banduan dan kamera litar tertutup (*CCTV*), serta institusi-institusi Jabatan Penjara.

13. Peruntukan bagi pembelian kenderaan ialah bagi menggantikan kenderaan yang sudah berumur dan juga bagi menambah kenderaan yang sedia ada.

Pada keseluruhannya, hampir kesemua jabatan mendapat peruntukannya kecuali Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Peruntukan yang diberikan ialah sebanyak \$2,163,100.00. Sementara satu peruntukan sebanyak \$1,140,350.00 ialah bagi pembelian, penyewaan dan pemasangan peralatan perkakas yang mana diperlukan pada tahun ini.

Demikian secara ringkas yang dapat kaola bentangkan dan kaola inign menyatakan pada Dewan ini bahawa pada pelaksanaan perbelanjaan ini Kementerian Hal Ehwal



Dalam Negeri akan berbelanja dengan meminta semua jabatan dan bahagian serta semua unit-unit yang berkenaan yang diperuntukkan dengan belanjawan-belanjawannya dan yang mempunyai projek-projeknya akan berbelanja menurut peruntukan dan dengan meminta mereka itu melaksanakan rancangan, projek dan juga membuat pembelian-pembelian dalam tahun peruntukan dengan tidak bertanggung-tanggung. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini ada baiknya ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan selama 20 minit, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat disambung semula akan tetapi untuk membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa diteruskan maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi sebelum perbincangan ditangguhkan untuk berehat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberikan kenyataan dengan panjang lebar. Maka untuk membincangkan dan menimbangakan Tajuk SE01A – Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dibuka untuk dibahaskan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada beberapa isu yang akan diutarakan di sini:

1. Satu Kampung Satu Produk telah pun wujud dan terlaksana atas usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan menghasilkan berbagai produk melalui Jabatan Daerah. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki. Oleh itu dicadangkan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan bahagian yang berurusan dengan produk Jabatan Daerah diberi kursus, bengkel, latihan dan lawatan mengenai perkara yang berkaitan dengan produk, agar pegawai-pegawai dan kakitangan ini dapat menyalurkan pengetahuan mereka kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

2. Dicadangkan juga, supaya pihak yang berkenaan dapat mencatat hasil pendapatan keseluruhan pada setiap kali pameran dan jualan produk mukim dan kampung yang diadakan di setiap daerah atau peringkat Negara untuk menilai statistik pencapaian.
3. Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah sebagai tulang belakang atau pembantu Penghulu dan Ketua Kampung dalam menjalankan projek atau aktiviti. Peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung selama 5 tahun adalah satu masa yang sangat panjang yang menyebabkan setengah ahli kurang memberi kerjasama dan kehadiran mesyuarat atau aktiviti semakin merosot. Dalam hal ini, adakah pemikiran untuk memendekkan masanya atau diteruskan jua masanya tetapi diberi ganjaran atau insentif yang bersesuaian?
4. Nama-nama kampung atau tempat yang mempunyai sejarah dan kisah tersendiri dan penting bagi generasi sekarang dan akan datang. Kalau tidak diambil peduli tentunya nama-nama dan kisah-kisahanya akan pupus ditelan zaman apabila berlakunya aktiviti pembangunan yang semakin berkembang dan pelaksanaan *rezoning* mukim dan kampung nanti. Oleh itu peranan agensi-agensi berkenaan supaya dapat bekerjasama dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung supaya memastikan nama dan sejarah kampung di tempat itu masih kekal dengan cara melaksanakan penerbitan buku "Kenali Kampung Kita" di setiap daerah bagi

memudahkan yang berkenaan membina papan tanda kampung pada sempadan dan tempat yang betul.

5. Dan akhir sekali, memohon supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi peruntukan bagi Daerah Tutong untuk membina *Homestay* (Hinap Desa) yang mana terdapat juga di Kampung Bebuloh yang harganya \$163,000.00 dibina oleh pihak kementerian. Mudah-mudahan di Daerah Tutong juga akan dapat diberikan perkara sedemikian. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, wakil Daerah Tutong, Zon 2 yang mana perkara-perkara yang dibangkitkan itu terutama sekali mengenai saranan beliau supaya kakitangan dan pegawai-pegawai yang berurusan dengan projek Satu Kampung Satu Produk di jabatan-jabatan di daerah itu diberikan kursus latihan yang mencukupi dalam produk untuk mereka memimpin mukim-mukim dan kampung-kampung yang menjalankan atau yang mengikuti projek-projek produk.

Ini suatu cadangan dan saranan yang kaola dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri alu-alukan. Cuma kaola ingin menambah di sini, supaya dari masa ke semasa usaha yang dibuat bukan sahaja untuk memberikan bimbingan dan pimpinan kepada peserta-peserta projek Satu Kampung Satu Produk ini.

Di samping itu, usaha untuk mendatangkan orang-orang yang berkemahiran dari luar negeri seperti dari Negara Jepun. Insya-Allah pada tahun ini orang-orang yang berkemahiran akan didatangkan dari Negara Thailand. Ini bagi membolehkan pegawai-pegawai yang berkenaan mengambil kesempatan untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk membawa pimpinan-pimpinan di peringkat akar umbi bagi lawatan keluar negeri dengan menyertai ekspo dan sebagainya yang ada hubungan kait dengan Program Satu Kampung Satu Produk, untuk mendapatkan pendedahan yang baik.

Satu perkara yang kaola ingin tekankan lagi di sini bahawa pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang aktif berusaha untuk mendapatkan seorang pegawai dalam lantikan *site staff* yang berkemahiran dalam memimpin, membina Projek Satu Kampung Satu Produk ini. Mudah-mudahan lantikan pegawai berkenaan akan dapat disegerakan oleh kementerian yang bertanggungjawab.

Seterusnya mengenai dengan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang lantikan ahli-ahlinya selama 5 tahun adalah terlalu lama. Apakah ia patut dipendekkan? Kerana ianya boleh menimbulkan kesan kurang berminat dan kalau hendak dikekalkan minat ahli-ahli maka diberikan insentif kewangan.

Satu perkara yang ingin kaola tegaskan di sini bahawa Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang membantu ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu di peringkat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung itu adalah memang

diniatkan sebagai pemimpin-pemimpin yang bergiat sama untuk kebaikan mukim dan kampung mereka.

Mereka ini sudah dapat memahami sebenarnya untuk berkhidmat secara sukarela. Dengan memberikan imbuhan-imbuhan dan sebagainya, itu adalah satu perkara yang berbeza pada masa ini. Mengenai tempohnya itu, perkara ini dapat difikirkan mengikut yang bersesuaian. Sama ada 5 tahun itu adalah terlalu lama ataupun sebaliknya.

Nama kampung yang bersejarah memang patut dipelihara. Kerana itulah dalam projek *rezoning* yang dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah siap adalah di peringkat menunggu kelulusan saja lagi, perkara ini akan diambil kira. Ertinya, nama-nama yang bersejarah itu tidak akan hilang dalam *rezoning* tersebut. Sekalipun zon-zon tersebut akan disebutkan dengan sebutan baru tetapi kampung insya-Allah akan tetap dikekalkan.

Satu saranan untuk rancangan bagi diadakan Kenali Kampung Kita dengan meminta mana-mana agensi yang berkenaan ataupun yang berminat untuk mengeluarkan penerbitan-penerbitan. Tapi ianya akan lebih baik sekiranya mukim dan kampung itu sendiri menerbitkan profil mukim dan kampung mereka terutama yang mempunyai sejarah tersendiri. Itu akan lebih menarik lagi, bukan saja untuk anak-anak kampungnya malahan juga untuk orang-orang di luar kampung dan daerah.

Mengenai peluang untuk membina inap desa, insya-Allah perkara ini akan dilihat kesesuaiannya. Tambahan pula ada peruntukan untuk Majlis Perundingan

Mukim dan Kampung. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Silakan.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menimbulkan tentang Tarian Singa. Tarian Singa ini merupakan satu budaya yang sudah diamalkan oleh Masyarakat Tiong Hua sejak beribu tahun yang lalu.

Tarian Singa ini akan dimainkan semasa Masyarakat Tiong Hua menyambut perayaan istimewa seperti Tahun Baru Cina, menerima tetamu khas dan lain-lain. Pada awal tahun 50an, Tarian Singa ini akan dimainkan di kedai-kedai dengan melontarkan mercun. Kini setelah Negara Brunei Darussalam berkembang pesat, Tarian Singa ini tidak lagi dibenarkan diadakan di kedai-kedai seperti dulu disebabkan aspek keselamatan di jalan raya.

Pada awal tahun 2012, Tarian Singa ini hanyalah dihadkan selama 3 hari sahaja. Oleh yang demikian, kaola ingin mengusulkan untuk memberikan keutamaan khas kepada sekolah-sekolah sahaja.

Dalam Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Sekolah-Sekolah Tiong Hua memohon supaya Tarian Singa ini bolehlah dipanjangkan tempohnya selama seminggu atau lebih. Ini kerana tempoh tersebut merupakan peluang untuk mereka mengutip wang atau dana bagi

perbelanjaan sekolah-sekolah seperti pemeliharaan, gaji guru dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, bagi syarikat-syarikat seperti perbankan, hotel ataupun orang-orang kenamaan akan diberikan kebenaran khas untuk mengadakan pertunjukan Tarian Singa di dalam kawasan mereka sahaja tanpa menjejaskan jalan lalu lintas. Terima Kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Sebagaimana yang dinyatakan Yang Berhormat itu sejarah Tarian Singa memanglah begitu keadaannya di Negara Brunei Darussalam pada tahun 50an namun pada masa ini berbeza.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin sendiri mengakui bahawa ianya tidak ditahan ataupun diharamkan. Ia masih terus dibenarkan tertakluk kepada beberapa syarat dan keadaan-keadaan hari yang bersesuaian mengikut garis panduan bagi pertunjukan-pertunjukan dan hiburan-hiburan yang sekarang ini dipakai oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada tahun ini sambutan adalah selama 3 hari. Memang ianya difikirkan sesuai dan tempoh 3 hari ini dibenarkan untuk sekolah-sekolah dan rumah-rumah orang kenamaan tertakluk kepada waktu-waktu yang patut diberikan perhatian. Misalnya jangan bercampur di antara waktu Solat Zohor dan Asar atau sebelum waktu Solat Zohor dan Asar dan sebagainya.

Kaola pernah menasihatkan kepada pemohon-pemohon ini terutama sekali untuk menumpukan pertunjukan Tarian Singa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin yang bersifat kebudayaan itu, di sekolah-sekolah dan di Rumah Ibadat orang-orang berbangsa Cina sahaja.

Kaola memberikan tempoh waktu kalau dapat, dilakukan di sekolah-sekolah itu lebih daripada 3 hari dan seterusnya mengikut mana-mana yang bersesuaian. Tidak ada masalah. Cuma bagi yang dilangsungkan di rumah-rumah yang lebih dari hari pertama, kedua dan ketiga itu, perlulah diambil perhatian kerana tanpa perarakan ertinya sudah menepati tidak mengganggu lalu lintas dan sebagainya. Tetapi kalau berterusan dalam beberapa hari sehingga kepada 7, 14 dan 15 hari, maka itu sudah menimbulkan gangguan kepada jiran-jiran.

Ini adalah kerana kita ini bukan saja rumah orang-orang cina terletak di perkampungan orang-orang cina, rumah orang-orang cina juga terletak bersama-sama rumah orang-orang Melayu, orang-orang Islam dan sebagainya. Jadi, tempoh-tempoh yang ada pada masa ini adalah bersesuaian dan kita mungkin memikirkan mana-mana yang lebih sesuai dari masa ke semasa. Tetapi yang penting di sini, bahawa Tarian Singa itu dibenarkan dan dinasihatkan sebaik-baiknya diadakan di sekolah-sekolah, di Rumah Ibadat orang-orang berrbangsa Cina dan di rumah-rumah orang kenamaan yang berkenaan sahaja pada tempoh yang bersesuaian pada masa ini. Terima kasih Pehin.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ada tiga perkara yang hendak ditimbulkan:

1. Mengenai dengan pengawalan rumah-rumah sewa persendirian. Beberapa tahun kebelakangan ini banyak rumah-rumah persendirian yang disewakan kepada pekerja asing telah mengalami kebakaran. Memang diketahui rumah-rumah yang disewakan selalunya didiami oleh berpuluh-puluh orang pekerja asing dalam sebuah rumah. Adakah sebarang perancangan untuk menyediakan sebarang pengawalan bagi mengawal rumah-rumah persendirian yang disewakan kepada pekerja-pekerja asing? Jika pengawalan atau peraturan telah disediakan, bagaimanakah penguatkuasaannya?
2. Mengenai dengan Satu Mukim Satu Produk yang mana peruntukannya telah pun ditambah pada tahun ini. Di sini kaola memohon sahaja, kalau boleh aktiviti ini diberi keutamaan kepada penglibatan keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik, orang yang tidak mempunyai pekerjaan dan orang-orang yang miskin dan ibu-ibu tunggal yang mendiami atau tinggal di kampung-kampung berkenaan. Langkah ini akan membantu sedikit usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan untuk mencuba membasmi kemiskinan.

3. Berhubung dengan lesen-lesen perniagaan yang disewakan kepada orang-orang asing atau dikenali dengan Ali Baba. Pada tahun lepas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ada dilaporkan di media masa tempatan yang menyatakan "*Perniagaan di Negara ini sejumlah besarnya adalah berbentuk Ali Baba*". Pada pandangan kaola, jika kewujudan Ali Baba ini boleh membantu meningkatkan ekonomi negara melalui apa cara pun ia tidaklah menjadi masalah, tetapi setahu kaola hasil pendapatan kewangan yang diperolehi oleh Ali Baba biasanya dihantar balik ke negara asal mereka. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada negara.

Soalan kaola, selaku agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen-lesen perniagaan dan penguatkuasaan kepada kemasukan pendatang-pendatang asing, apakah pelan tindakan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menangani masalah Ali Baba ini? Kerana jika kita hanya berhasrat untuk menyedarkan orang ramai, kaola rasa ianya tidak akan berkesan kerana sebilangan besar orang ramai telah pun mengetahui kedudukannya. Apa yang perlu ialah untuk membuat dasar, peraturan, pelan tindakan dan seterusnya penguatkuasaan atau tindakan untuk menyelesaikannya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat

Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman menimbulkan tiga perkara tadi iaitu:

1. Mengenai pengawalan rumah-rumah persendirian yang disewakan kepada pekerja-pekerja asing sama ada ianya dikawal dan jika ianya ada bagaimanakah penguatkuasaannya. Jawapannya memang tidak ada Yang Berhormat Pengerusi. Di bawah Akta Buruh yang dikuatkuasakan pada masa ini setiap majikan berkewajipan untuk memberikan tempat tinggal kepada pekerja-pekerja mereka tetapi penguatkuasaan sedemikian itu tidaklah begitu sampai kepada had maksimum disebabkan oleh sebilangan syarikat itu tidak berkeupayaan sepenuhnya untuk mengadakan tempat tinggal bagi buruh-buruh mereka, maka atas sebab itulah buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja asing itu mencari tempat sendiri ataupun majikan berusaha mendapatkan rumah-rumah persendirian untuk disewa.

Jadi dalam skop ini, memang kawalannya di bawah Jabatan Buruh dan memang didapati rumah-rumah persendirian itu ada yang sesuai untuk didiami dan ada yang tidak bersesuaian. Mana-mana kediaman yang tidak bersesuaian, misalnya ada kejadian di mana sebuah rumah yang sepatutnya hanya didiami oleh lapan atau di bawah sepuluh orang telah didiami lebih daripada dua puluh orang, maka pihak majikan yang berkenaan telah diambil tindakan untuk memperbaiki keadaan sedemikian. Bagi rumah-rumah persendirian mempunyai kawalan-

kawalan tertentu sama ada ianya boleh disewakan atau sebaliknya.

2. Mengenai memberikan keutamaan dalam projek Satu Kampung Satu Produk kepada keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik di kampung-kampung atau di mukim-mukim berkenaan, itu memang sebahagian daripada tujuan projek Satu Kampung Satu Produk. Ianya adalah satu projek ekonomi kemasyarakatan untuk meningkatkan dan menambah pendapatan orang-orang yang ikut serta dalam projek tersebut seperti orang-orang yang kurang bernasib baik, ibu-ibu tunggal dan sebagainya yang mana mereka ini memang digalakkan menyertainya.

Kaola dapat mengatakan bahawa Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung memberikan perhatian mengenai perkara ini bagi menggalakkan mereka untuk ikut serta dalam projek ini.

3. Mengenai Ali Baba, walaupun kaola tidak pernah menyebut Ali Baba ini tetapi media tersebut yang berkata sedemikian. Apabila kaola menegur media tentang perkara ini, mengapa mereka mengambil kesimpulan daripada percakapan itu ialah Ali Baba namanya. Kata kaola sekarang ini bukan lagi Ali Baba. Kalau dulu Ali itu diistilahkan Melayu dan Baba itu diistilahkan Cina, tapi sekarang ini Indoma atau bermacam-macam lagi dan tidaklah setepat istilahnya.

Memang usaha untuk menangani masalah ini bukan lagi setakat untuk menyedarkan orang ramai. Sebagaimana yang difahamkan dan

dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman tadi, orang ramai pun sudah mengetahui mengenai Ali Baba ini. Tetapi di samping untuk menambahkan kefahaman orang ramai dan kesedaran mengenai risiko-risikonya dalam jangka panjang bukan sahaja kepada ekonomi tetapi juga jangka panjang kepada keutuhan dan kedaulatan Negara kita pada masa akan datang.

Hal ini akan berterusan untuk didakwahkan itu. Tetapi langkah-langkah yang praktikal dari segi peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada pada masa ini. Kementerian sedang pun membuat kajian berikutan daripada persidangan kita yang lalu di mana dalam menggulung perbahasan dalam Dewan ini, kaola telah memberi maklum balas kepada seorang Ahli dalam Dewan ini berhubung dengan kekhuatiran ramainya, *influx* nya orang-orang luar di Negara ini dan kerana itulah satu kajian sekarang ini sedang dimulakan terutama sekali dengan melihat kepada lesen-lesen yang dikeluarkan iaitu yang berkaitan dengan Ali Baba dan sebagainya untuk merancang formula yang sebaik-baiknya.

Di samping mengumpulkan bahan dari segi maklumat-maklumat yang ada berdasarkan apa yang rasmi, kementerian juga mendapat maklumat-maklumat atau input daripada orang ramai sendiri kerana mereka mengatakan itulah sebahagian daripada cara pendapatan orang-orang yang berusaha untuk ikut serta dalam perkembangan ekonomi Negara iaitu dengan mendapatkan lesen dan

mendapatkan kebenaran rumah atau tanah sebagai perniagaan sampingan dan mendapatkan usaha-usaha yang lain, iaitu apabila mereka mendapat kebenaran tanah mereka ataupun rumah mereka ditukar syarat menjadi syarat sementara untuk perniagaan sampingan, tempat mereka itu dapat digunakan untuk perniagaan. Mereka membanggunya sama ada dengan modal sendiri atau dengan dimodali oleh orang asing.

Oleh itu, mereka memohonkan lesen dan setelah menerima lesen, maka mereka seterusnya memohon untuk mendatangkan pekerja-pekerja asing. Jadi semua jajaran-jajaran ini mendapatkan keuntungan. Persoalannya yang dihadapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan menahan usaha orang untuk mendapatkan keuntungan? dalam makna tanah, rumah dan usahanya itu akan disekat-sekat.

Setakat ini, jawapan yang diberi bukan untuk menyekat, tetapi adakah sempurna usaha-usaha itu. Kita tidak meragukan keperluan kita kepada tenaga pekerja-pekerja asing, malah kita mengalu-alukan mereka dalam perspektif dalam skop di mana keperluan yang sebenar-benarnya. Tetapi dalam keadaan sekarang ini, dengan mencari keuntungan melalui cara-cara ini dan dengan tidak melihat kepada risiko-risikonya, maka itulah yang akan dilihat dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri insya-Allah mudah-mudahan dengan petunjuk Allah sampai kepada satu rumusan dan rumusan itu akan dapat dilaksanakan bagi kepentingan, bukan saja bagi menjaga negara kitani tetapi bagi kepentingan orang ramai yang merasakan dirinya perlu terlibat dalam perkara ini, supaya jangan terus-menerus

terlibat dan menjadi sebab kepada suatu perkara yang tidak diingini berlaku di negara kita pada masa ini dan yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Negara Brunei Darussalam akan menjadi tumpuan pelancong dan menjadi laluan utama kenderaan negara jiran untuk pergi ke destinasi ke utara dan ke selatan. Jambatan penghubung Sungai Pendaruan, Daerah Temburong, akan menjadi lebih sibuk apabila ianya siap nanti. Dalam perkara ini, sudah tentu kita memerlukan lebih banyak petugas ataupun kakitangan di pos-pos kawalan seperti Kuala Labu, Puni, Kuala Lurah dan Kuala Belait.

1. Adalah dicadangkan Jabatan Imigresen akan dapat menambah bilangan pegawai bagi mengatasi kekurangan yang sedang dialami sekarang ini. Dengan adanya beberapa orang pegawai itu nanti, sudah tentu kelewatan bagi melayani pelanggan di beberapa pos kawalan akan dapat diatasi serta mengurangkan kerenah orang ramai yang membuat urusan di pos-pos tersebut.
2. Mengenai Satu Kampung Satu Produk, kita menyokong usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memartabatkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung iaitu bertujuan untuk menggerakkan Majlis Perundingan Mukim dan



Kampung melaksanakan beberapa program untuk menghasilkan produk mukim dan kampung di seluruh negara. Beberapa buah kampung di negara ini telah melaksanakan program masing-masing menurut keupayaan dan kemampuan mukim dan kampung berkenaan. Dan ada setengah kampung telah pun berjaya membawa anak buahnya menghasilkan produk mereka.

Dalam hubungan ini, Satu Kampung Satu Produk perlu diangkat lagi secara lebih profesional dengan memberikan pendedahan kepada mukim dan kampung berkenaan secara berterusan, dengan menyediakan pakar yang boleh memberikan khidmat nasihat bagi meningkatkan produk kampung dan mukim berkenaan seperti dari segi pembuatan, pembungkusan, kualiti dan kebersihan makanan.

Pusat Kajian juga diperlukan bagi mengkaji ataupun menguji dan membuat penyelidikan agar produk yang dibuat ataupun diusahakan itu boleh bertahan dan bersaing dalam dan luar negeri.

3. Mengadakan Pusat Pemasaran. Pusat Pemasaran ini perlu diadakan di mukim di setiap daerah agar produk yang dihasilkan dapat dipasarkan di dalam negeri dan juga antarabangsa. Sebagai contohnya, kraftangan yang dihasilkan mempunyai nilai dan mutu yang baik, begitu juga makanan, kuih-muih dan sebagainya. Misalnya kalau ada produk-produk tersebut dapat dipasarkan mengikut musim seperti jikalau ada ekspo ataupun gerai jualan yang dianjurkan oleh

agensi yang berkenaan, barulah dapat mereka memasarkan.

Dengan adanya pusat ini nanti, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan terlibat dalam menjana ekonomi masyarakat kampung dan tidak mustahil juga akan dapat membantu meningkatkan ekonomi negara.

4. Dan yang terakhir, dalam Dewan yang mulia ini, kaola sekali lagi mengharapkan supaya Dewan Kemasyarakatan Mukim Lumapas akan dapat dibina kerana Mukim Lumapas mempunyai ramai penduduk dan di sana juga terdapat Rancangan Perumahan Negara. Sekian terima kasih.

#### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, wakil Daerah Brunei dan Muara, Zon 4.

1. Mengenai pos kawalan dan kesibukan yang dinyatakan tadi memang dimaklumi dan kaola tadi pun dalam pembentangan ada menyebutkan 6 tambahan jawatan bagi Kompleks Pos Kawalan di Ujung Jalan, di Daerah Temburong, Pendaruan. Memanglah dari masa kesemasa tambahan pegawai-pegawai ini dipertimbangkan akan tetapi tambahan-tambahan itu belum dapat memenuhi keperluan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah membuat cara dengan mengadakan secara bergilir-gilir tugas di pusat-pusat kawalan ini. Alhamdulillah, dengan sokongan daripada Kementerian Kewangan

dengan membayar elaun-elaun tugas secara bergilir-gilir ini, pada masa ini ianya berjalan dengan baik dan mudah-mudahan dapat mengatasi kekurangan pegawai-pegawai di pos-pos kawalan.

2. Berhubung dengan Satu Kampung Satu Produk perlu diangkat dengan menyediakan pakar khidmat nasihat, kaola pun sudah menyatakan tadi, Kementerian sedang aktif untuk mendapatkan atau dalam proses melantik seorang pegawai bertaraf *site staff* yang berkemahiran untuk memimpin dan membina peserta-peserta atau kampung-kampung yang mengadakan Projek Satu Kampung Satu Produk, insya-Allah perkara itu akan dapat kitani laksanakan.
3. Mengenai pusat pemasaran, bolehlah kaola bincangkan di sini. Pada masa ini sudah ada di kampung-kampung atau di daerah-daerah tanpa perlu menunggu ekspo-ekspo dan sebagainya. Produk-produk mereka ini sudah dipasarkan, tidak semestinya ada pusat tetapi malah mereka menerima tempahan-tempahan seperti di Daerah Belait dengan produk jusnya, dan produk ikan keringnya, di Daerah Brunei dan Muara iaitu di Mukim Serasa mereka menerima tempahan-tempahan daripada orang yang sudah mengenal dan mengetahui, dan ada produk-produk tertentu dari kampung-kampung tertentu sepertimana juga di Mukim Kota Batu dan di Daerah Temburong. Tinggal lagi untuk mengadakan satu pusat pemasaran bagi mukim, daerah dan seterusnya pusat di peringkat bandar bolehlah kita nanti pertimbangkan mengikut kesesuaiannya dari masa ke semasa.
4. Mengenai pembaikan mutu itu tadi, selain daripada adanya pakar ataupun pegawai yang berkenaan, langkah sudahpun dibuat iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berunding dengan agensi Kerajaan yang berkenaan dalam perkara ini iaitu Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Dalam pengangkatan mutu ini, telah ditubuhkan empat kumpulan kerja iaitu melihat kepada produk-produk empat kumpulan misalnya, produk makanan dan minuman, produk kraftangan dan pembuatan, produk perkhidmatan dan pelancungan dan seterusnya. Dari segi inilah nanti, mereka akan melihat bagaimana pengangkatan mutu itu dapat dilakukan.
5. Mengenai Dewan Kemasyarakatan Mukim Lumapas ini, kaola mengambil catatan dalam perkara ini. Dalam pada itu, bukan pula menghalang atau menyukarkan penduduk-penduduk di Mukim Lumapas untuk berhimpun dan sebagainya menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada kerana di Mukim Lumapas itu kebetulan ada satu kompleks yang pada masa ini di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu kompleks sukan dengan dewannya dinamakan Sungai Kebun tetapi letaknya di Sungai Manjalin sebenarnya.

Jadi, mereka bolehlah menggunakan dewan tersebut dari semasa ke semasa dan kaola mendapat tahu, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan tidak menghalang penggunaannya dengan sebaik-baiknya. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit mengenai dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit dan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai dengan latihan-latihan kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan "Satu Kampung Satu Produk" yang di bawah pengendalian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaola ingin mengongsikan dalam mana pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bekerjasama dalam mana pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun mengadakan bengkel yang dikendalikan oleh seorang pakar daripada *Prince's School of Traditional Arts, London* mengenai dengan seni tradisional iaitu untuk mengeluarkan dan menghasilkan produk-produk yang menarik yang akan mendapat sambutan di pasaran. Jadi, memang ada sudah usaha-usaha ke arah untuk memberikan latihan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan ke arah untuk meningkatkan mutu produk "Satu Kampung Satu Produk" yang ditimbulkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah menerangkan peruntukan Kementerian tersebut bagi Tahun 2013/2014, Alhamdulillah.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menyuarakan beberapa perkara sedikit iaitu kaola memohon pertimbangan peruntukan khas bagi pengubahsuaian dan membaik pulih balai-balai raya khususnya balai-balai raya di Daerah Belait. Kaola tidak bermaksud semua balai raya akan diubah suai atau dibaik pulih tetapi mengikut merit dan keperluan dan keutamaan yang berkaitan dengan keselamatan bangunan itu dan keaktifan penggunaan balai-balai raya tersebut.

Di Daerah Belait, terdapat tiga buah balai raya yang aktif digunakan seperti Balai Raya Kampung Sungai Liang, Balai Raya Kampung Lumut dan Balai Raya Kampung Sungai Teraban. Ketiga balai raya yang kaola sebutkan tadi adalah sangat aktif dan sering digunakan.

Untuk makluman bahawa sedikit masa lagi insya-Allah, sebuah *mini library* akan diwujudkan di Balai Raya Kampung Lumut sempena Musim Buku yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola mengambil perhatian terhadap keselamatan bangunan-bangunan tersebut. Dalam pemantauan kaola, keadaan balai-balai tersebut sudah usang dan keselamatannya kurang terjamin dan perlu disegerakan pengubahsuaianannya.

Kaola telah meneliti peruntukan Kementerian dan juga peruntukan Jabatan Daerah Belait, kaola tidak nampak adanya

bajet untuk tujuan tersebut. Lain halnya barangkali mungkin ada peruntukan, cuma ia diselit-selitkan di antara peruntukan yang ada, sama ada di kementerian atau daerah. Cuma kalau keadaan sedemikian, kaola merasa ragu-ragu kerana mengikut pengalaman khususnya pada tahun lepas, kaola telah pun dimaklumkan bahawa ada peruntukan sebanyak \$75 ribu bagi tiap-tiap balai raya akan diubah suai tetapi akhirnya tidak menjadi kenyataan. Itulah menyebabkan kaola memohon supaya diperuntukkan Peruntukan Khas.

Kaola juga mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas kenyataan yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi mengenai dengan kerja-kerja *zoning* dan *re-zoning* telah pun selesai dibuat. Cuma kaola memohon supaya ianya dapat disegerakan memandangkan pertumbuhan penduduk di setengah-setengah kawasan kampung sedang pesat membangun. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil dari Daerah Belait, Zon 1.

Kaola dalam pembentangan tadi, ada menyebutkan Peruntukan Khas Pejabat Daerah Belait yang diperuntukkan untuk mengganti dan mengubah suai kemudahan-kemudahan awam sebanyak \$310 ribu. Kaola tidak pasti *detail* perancangan Jabatan Daerah Belait mengenai peruntukan ini termasuk untuk memperbaiki keadaan balai-balai raya yang disebutkan oleh Yang Berhormat

Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad itu tadi. Tetapi satu lagi kemungkinan untuk membiayai atau membelanjai usaha memperbaiki itu mungkin juga didapatkan daripada peruntukan-peruntukan yang lain, umpamanya kalau balai raya ini ada hubungannya dengan kegiatan-kegiatan riadah dan sebagainya, jadi ada peruntukan di bawah Peruntukan Riadah yang dapat digunakan dan di penghujung pembentangan tadi kaola menekankan iaitu dalam menerima peruntukan sejumlah \$166 juta ini Kementerian akan menekankan kepada semua jabatan, semua bahagian dan semua unit yang berkenaan yang mempunyai projek-projek supaya menggunakan peruntukan ini pada Tahun Kewangan ini juga dengan tidak bertangguh-tangguh.

Jadi itu sebagai satu pernyataan mengingatkan kepada semua jajaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berkenaan dengan projek-projek supaya menyegerakan projek-projek mereka dan menyiapkannya dalam tahun ini juga dengan menggunakan peruntukan yang ada.

Mengenai *zoning* itu, tidak kaola mengulas panjang, kaola juga sama-sama mengharapkan sebagaimana Yang Berhormat harapkan, insya-Allah sedapat dayanya kita akan menyegerakannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan

Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola akan menimbulkan dua perkara di Dewan yang mulia ini. Sebelum itu kaola memohon izin untuk kaola mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di atas keprihatinan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam menangani dan menyelesaikan isu-isu yang telah disuarakan di dalam Dewan yang mulia ini seperti pembinaan pos kawalan dan pemeriksaan imigresen yang baru di Kampung Ujung Jalan, Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi,

1. Mengenai dengan projek jambatan penghubung menyeberang Sungai Pendaruan Ujung Jalan, Daerah Temburong apabila ia siap dibina nanti. Kaola tidaklah banyak mengulas dalam perkara ini cuma kaola menyarankan iaitu persediaan awal Kementerian melalui jabatan-jabatan berkenaan untuk mempercepatkan dan memudahkan proses keluar masuk di pos kawalan tersebut.
2. Sepertimana yang terdahulu bahawa Ketua Masyarakat bagi kedua-dua puak iaitu Puak Murut dan Masyarakat Iban di Daerah Temburong. Dalam pengetahuan kaola pada awalnya sudah ada. Jawatan ini memerlukan orang yang lebih arif dan mengetahui adat resam setiap kaum bagi mengendalikan perkara-perkara kemasyarakatan seperti kahwin cerai, peruntukan penuntutan waris, perbelahan dan pelanggaran hukum adat.

Yang Berhormat Pehin, di Dewan yang mulia ini kaola ingin menyuarakan adakah boleh dipertimbangkan melalui

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Puak Murut dan Masyarakat Iban untuk memohon Ketua Adat dan Penolongnya yang diiktiraf untuk menguruskan hukum adat, perkahwinan dan perceraian di kalangan kaum masing-masing. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Mengenai mempercepatkan proses keluar masuk itu sudah ada usaha yang dinyatakan dan kaola tidak akan memperpanjangkan lagi, cuma jangan kita terlalu salah anggapan memudahkan, mempercepatkan dan sebagainya itu. Jadi apabila sudah didapati tidak mudah dan tidak cepat lalu menjadi sungutan. Kalau dalam keadaan biasa tidak mudah dan tidak cepat maknanya ada kecuaihan. Tetapi dalam keadaan memang sesak, musim-musim tertentu, musim percutian dan sebagainya usaha dilakukan dan masih juga tidak cepat daripada biasa prosesnya itu. Dalam keadaan sesak usaha dilakukan masih juga tidak cepat dan memang di luar jangkaan biasa maka orang ramai tolonglah sama-sama memahami keadaan ini. Itu sahaja yang kaola ingin nyatakan.

Berhubung dengan kemungkinan untuk kaum Murut dan kaum Iban dilantik bagi mengetuai sebagai Ketua Adat masing-masing, perkara ini kaola ambil catatan untuk dibawa kepada penelitian lebih lanjut lagi di kementerian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada tahun ini negara kita Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi dua persidangan iaitu sidang kemuncak ASEAN ke-22 dan Mesyuarat Agung *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* yang ke-34, Bandar Seri Begawan adalah pusat bandar dan ibu kota bagi negara kita setentunya Bandar Seri Begawan perlu dibina. Perkara utama yang menjadi perhatian di sini ialah suasana pemandangan bangunan-bangunan dan kawasan-kawasan kedai di persekitaran bandar perlulah diberi wajah baru atau sekurang-kurangnya dicat supaya nampak cantik, menarik dan berkeadaan bersih.

Pengubahsuaian juga perlu dibuat ke atas jalan-jalan raya persekitaran yang kurang elok untuk dikemaskinikan dan jika perlu biarlah kecantikan itu melambangkan keunikan bandar kita. Langkah ini semata-mata bagi menjaga imej Negara kita di mata dunia.

Tempat-tempat seperti persekitaran masjid utama, Tamu Kianggeh dan Gerai Payung di Gadong juga akan menjadi tempat tumpuan menarik perhatian masyarakat luar untuk meninjau suasana di situ. Di tempat-tempat itu perlulah sentiasa dalam keadaan bersih, selesa dan tiada mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan. Begitu juga dengan saluran-saluran yang dibina di sekitar Bandar Seri Begawan dipohonkan disediakan khidmat pembersihan supaya tidak menampakkan sebarang kotoran.

Berbalik kita kepada Gerai Payung, walaupun perkara ini sudah disuarakan di dalam Majlis Mesyuarat tahun lalu, tetapi saya perhatikan Gerai Payung masih kosong kadangkala beberapa petak sahaja yang diisi oleh peniaga-peniaga dan kaola pernah bertanyakan masalah-masalah yang mereka hadapi seperti berikut:

1. Satu payung ada enam petak, setiap peniaga hanya diberikan satu petak yang mana tidak mencukupi untuk meletakkan barang-barang jualan mereka. Untuk mengatasi masalah ini, kaola mencadangkan supaya setiap peniaga diberikan dua petak bererti hanya tiga peniaga sahaja di bawah satu payung. Pada pandangan kaola jenis perniagaan yang hanya sesuai untuk Gerai Payung ini ialah menjual kuih-muih sahaja, masakan lauk pauk, satay, roti john dan apa jua jenis makanan yang sudah masak.

Jadi kaola mensyorkan supaya semua peniaga-peniaga yang menjual kuih-muih, satay dan lauk pauk masak yang pada masa ini berjaja di gerai pasar malam dipindah ke Gerai Payung ini. Jadi, Gerai Malam Gadong dikhaskan saja untuk peniaga-peniaga sayur-sayuran, buah-buahan dan kain-kain sahaja. Saya juga melihat satu bangunan yang dibina dalam kawasan Gerai Payung dan kaola difahamkan untuk memasak makanan-makanan yang ditempah oleh pelanggan di Gerai Payung yang mana saya fikirkan tidak praktikal oleh sebab seperti berikut:

- i. Bangunan yang disediakan yang ada di sana kecil dan tidak boleh menampung ke semua Tukang Masak dan perkakas-perkakas yang diperlukan bagi setiap peniaga yang

berjaja di Gerai Payung. Dan jarak di antara bangunan tempat memasak ke Gerai Payung ada yang jauh, ada juga yang hampir tetapi barangkali kalau saja ada orang mahu menempah meminta barang-barang masak seperti mee atau pun lauk-pauk yang masak kalau dia pergi ke sana untuk memasak adalah jauh.

Jadi barangkali tidaklah praktikal untuk mereka itu berjalan ke sana untuk memasak dan balik semula ke tempatnya untuk menghidangkan makanan yang dimasaknya di dapur itu.

- ii. Saya juga mencadangkan biarlah bangunan yang ada pada masa ini diubah suai untuk menjadi surau. Surau ada di Pasar Gadong tetapi saya dimaklumkan surau di Pasar Gadong tutup pada pukul 6 petang. Jadi untuk orang bersembahyang Maghrib, Isya' dan sebagainya barangkali ditempatkan di kawasan Gerai Payung itu adalah bersesuaian. Jadi kaola mencadangkan supaya bangunan itu diubah suai menjadi surau bagi kegunaan pedagang-pedagang Gerai Payung, Pasar Malam, Pasar Ikan dan orang-orang ramai.
- iii. Saya juga ingin menarik perhatian mengenai bangunan yang kaola nyatakan pada tahun yang lepas iaitu bangunan berhadapan dengan bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) ianya masih lagi kosong dan saya pernah mengajukan cadangan supaya diambil alih oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi sehingga sekarang bangunan itu

masih tegak berdiri dan kosong. Lambat laun juga barangkali pemilik bangunan itu akan disewakannya kepada siapa saja peniaga-peniaga yang ingin menjalankan perniagaan di sana.

Di sini kaola mengambil kesempatan untuk mengetengahkan petikan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan sempena Sambutan Memperingati Penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan. Di antara kandungan ceramah itu berbunyi, "*...ini adalah Bandar Seri Begawan, gelaran kepada pemilik nama Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Negara Melayu Islam Beraja (MIB), bandar Negara Zikir, bandar ini sama sekali tidak mampu untuk bertoleransi menerima sebarang kotoran dalam bentuk maksiat, tidak mampu, tidak mampu..*" tegas Yang Berhormat Pehin.

Menurut Yang Berhormat Pehin, Bandar Seri Begawan, bandar yang bersih, bandar Raja yang soleh yang tidak layak membuka pintunya kepada premis-premis arak, premis-premis judi, premis-premis pesta-pestaan seperti pesta dadah, seks bebas dan malah apa jua jenis premis yang boleh diguna pakai atau diselewengkan untuk tujuan-tujuan maksiat. Jadi kaola sifatkanlah kata-kata ini adalah kata-kata hikmah sebagai peringatan dan panduan untuk diri kaola sendiri mudah-mudahanlah jua akan dijadikan panduan dan ingatan kepada orang lain. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Alhamdulillah Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub.

Mengenai menjadi tuan rumah kepada persidangan antarabangsa yang akan datang dan persidangan serantau iaitu *ASEAN SUMMIT* dan juga *Asian Inter-Parliamentary Assembly* (AIPA). Memanglah untuk menjadi tuan rumah ibarat tuan rumah itu sendiri kalau ada tetamu kitani seboleh-bolehnya dalam keadaan kemas dan kitani sendiri pun berwajah manis dengan pakaian yang baik-baik untuk menerima tamu. Demikianlah juga dengan bandar kita, itu harapan kita Yang Berhormat Pengerusi. Tapi bandar ini satu perkara yang mesti diingat bukan saja bangunan-bangunannya adalah bangunan Kerajaan tetapi kebanyakannya adalah bangunan-bangunan persendirian.

Dari segi usaha Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Alhamdulillah usaha berterusan dilakukan antaranya arahan-arahan di bawah peraturan-peraturan yang sedia ada bukan semata-mata kerana untuk menjadi tuan rumah saja. Ini yang berterusan supaya bangunan-bangunan itu dicat, mana yang nampaknya memerlukan pembaikan diperbaiki dan pihak Kerajaan sendiri pun diminta untuk mencontohkan, kerana itu diadakan kempen-kempen kebersihan, kempen-kempen mencantikkan, kempen-kempen menghijaukan Bandar Seri Begawan.

Alhamdulillah jalan-jalan raya kita dihiasi dengan hiasan bunga-bunga, lanskap yang juga tidak kalah daripada pemandangan yang kita lihat dengan di luar negeri. Alhamdulillah.

Maka melalui Dewan ini bukan saja kaola dari pihak Kerajaan dan juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna dapat sama-sama untuk menyerukan kepada orang ramai terutama sekali pemilik-pemilik bangunan persendirian untuk melihat keperluan memperindahkan Bandar Seri Begawan ini dari masa ke semasa dan khususnya ia akan menjadi tempat bagi persidangan-persidangan serantau pada tahun ini dan itu seruan kitani bersama-sama, meminta mereka itu memperbaiki dan mengecat bangunan-bangunan mereka mengikut kesesuaiannya.

Mengenai jalan raya dan saliran ini usaha yang berterusan pihak-pihak yang berkenaan bagi menjaga keselamatan dan menjaga kebersihan, kaola tidak akan banyak mengulas.

Ada pun mengenai Gerai Payung ini sebagaimana yang dinyatakan pada persidangan-persidangan yang lalu bernama Gerai Payung sekarang ini namanya sebenarnya ialah Pasar Tamu Gadong. Sudah lama projek ini dibuat dan siap pada tahun lepas tujuannya ialah untuk memindahkan gerai di Sungai Kianggeh di sana tetapi bila sudah dalam proses ia dibuat dan proses untuk berunding dengan peniaga-peniaga di Gerai Kianggeh mereka tidak mahu berpindah. Jadi itulah yang menjadi satu soal.

Apabila sudah ia siap maka ia ditawarkan kepada peniaga-peniaga gerai malam yang pada masa dulu di depannya dengan menggunakan khemah. Dan mereka juga menyatakan tidak sesuai kerana ia berpayung dan tidak menutup daripada panas dan hujan. Jadi Jabatan Bandaran mengikhtiarkan dengan menambah



sebagaimana keadaannya sekarang ini. Dan ia pun ditawarkan kepada penamu-penamu yang berminat untuk berniaga.

Jadi perniagaan itu sebahagiannya mereka telah mengambil tetapi apabila mereka sudah mengambil masuk ke sana setelah dirasmikan ianya kurang mendapat sambutan dan mereka kemudiannya perlahan-lahan berundur. Maka setelah disiasat mengapa mereka itu berundur kerana alasan mereka kalau berjual makanan tidak dapat memasak. Jadi diikhtiarkan kalau memasak di sana tidak sesuai maka dibangunkan tempat memasak sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi apabila dibangunkan tempat memasak laporan yang kaola terima terakhir peniaga-peniaga gerai itu menyatakan sulit untuk memasak di sana sebagaimana yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Pehin tadi. Jadi berbubut-bubut. Bagaimanapun, usaha pihak kaola pada masa ini ringkas saja, jangan sampai projek kerajaan yang memakan perbelanjaan sedemikian itu nampaknya tidak mendatangkan ataupun mencapai sasarannya untuk memberikan peluang kepada orang ramai berniaga sebaik-baiknya.

Jadi salah satu antaranya ialah memikirkan untuk mensynergikannya, kerana kawasan itu agak terpencil, apabila gerai malam yang berkhemah itu dipindahkan ke sebelah pasar sana. Pemindahan itu adalah pemindahan yang strategik bagi memelihara keadaan kecantikan kawasan pasar apabila dilihat daripada lebuh raya dan Alhamdulillah tidak nampak ada khemah-khemah dari lebuh raya. Jadi oleh kerana pemindahan kawasan tamu gerai malam ini semakin

populer maka yang di sebelah kawasan pasar yang berpayung ini semakin tidak popular, jadi tidak ramai pengunjungnya.

Maka ada pemikiran dan usaha untuk mensynergikan perkara ini. Ertinya untuk tidak memindahkan ke semua peniaga-peniaga gerai malam itu ke tempat berpayung dan membuat tambahan lagi di kawasan lapang. Mungkin sebahagiannya dan termasuklah sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal tadi, umpamanya penamu-penamu di gerai malam yang menjual jualan-jualan masak-masakan iaitu kuih muih dan lauk pauk supaya dipindahkan ke dalam kawasan Gerai Payung ini. Bukan mereka sahaja di gerai payung tetapi barangkali di kawasan itu untuk menarik orang ramai ke sana bersama-sama bagi meramaikan gerai payung ini. Itulah salah satu daripada pilihan-pilihan yang disediakan.

Yang Berhormat Pengerusi, bagaimanapun mengenai pilihan-pilihan ini, kita akan berunding dengan *stakeholders* dan inilah yang memberikan tekanan kepada kerajaan untuk melakukan apa-apa tindakan dan insya-Allah perkara ini akan diambil kira Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai *City Plaza*, secara ringkas dapat kaola nyatakan bahawa bangunan itu telah diambil alih oleh sebuah bank dan bank berkenaan telah berusaha untuk mendapatkan pemaju bagi meneruskan projek tersebut dan usaha juga telah dilakukan untuk memindah milik tanah. Jabatan Bandaran telah dimaklumkan bahawa permohonan pemindah milik tanah tidak dibenarkan, maka setakat ini

bangunan tersebut sedemikian itulah keadaannya dan Jabatan Bandaran di bawah undang-undang yang ada tidak mempunyai kuasa misalnya untuk meroboh dan sebagainya atau mengambil alih. Perkara ini bagaimanapun telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan nasihat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang seterusnya mengenai petikan daripada syarahan khas Pehin Mufti itu, kaola cuma mengatakan itulah idealisme Yang Berhormat Pengerusi, idealism yang ada dan mudah-mudahan kita dalam lingkungan tersebut, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin menambah sahaja Yang Berhormat Pengerusi, soalan yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai dengan kawasan-kawasan bandar untuk dibinaikan dan sebagainya. Jadi kaola ingin mengongsikan sahaja mengenai dengan projek yang telah pun dijalankan di pusat bandar. Ada satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara iaitu menaik taraf sistem perparitan Pusat Bandar Seri Begawan iaitu harga kontrak berjumlah \$2.5 juta dan matlamatnya ialah mengawal banjir di pusat bandar dan mengurangkan kerugian akibat banjir, dalam menambah baik pulih atau membaik pulih dan menaikkan taraf longkang yang sedia ada. Projek perparitan telah pun berjalan mulai 27

November 2012 dan dijangka siap 26 Februari 2014.

Seterusnya, mengenai dengan gerai malam di Gadong. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah pun diarahkan untuk membuat tambahan kepada payung tersebut ataupun *wide tents* yang dinyatakan sebagai Gerai Payung itu dan projek itu dijangka akan siap dalam hujung bulan April ini. Pembinaan telah pun bermula dan dijangka siap dalam jangka lima bulan.

Bagi *drainage* pula, Yang Berhormat Pengerusi kita mempunyai *drainage maintenance* dan *term contract* yang mana, mana-mana kerosakan ataupun mana-mana *upgrading* ataupun *maintenance* yang perlu akan dibuat di bawah *term contract* ini adalah bagi tempoh dua tahun. Mengenai jalan-jalan utama ataupun jalan-jalan yang sering digunakan di Bandar Seri Begawan, *contract resurfacing* telah pun diberi kepada satu syarikat mulai 20 November 2012 dan kerja-kerja itu 50% telah pun siap di beberapa bahagian. Jadi jalan-jalan yang telah pun dan akan di *resurface* termasuklah Jalan Sekolah, Jalan Simpang, Jalan Tasik, Jalan Haji Basir, Jalan Padang, Jalan Dato Taib, Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Sungai Kianggeh. Ke semua ini bertujuan untuk membinaikan lagi kawasan-kawasan pusat bandar Yang Berhormat Pengerusi. Sama ada ia sempat untuk mesyuarat yang akan datang ini, Wallahua'lam tetapi tujuannya untuk membinaikan Bandar Seri Begawan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa

ini ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.45 petang. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pagi tadi masih lagi membincangkan Jadual di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Untuk membolehkan Mesyuarat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan dan menimbangkan Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di sini saya ada mempunyai senarai nama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap mengenai Tajuk tersebut. Saya bukakan semula Tajuk ini untuk dibahaskan. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Yang Berhormat Pengerusi, saya tidak memberi notis, minta maaf.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola teringat satu pertanyaan daripada rakan sejawat kaola dalam Permesyuaratan dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara 2012 tahun lepas mengenai satu kawasan yang mengalami musibah kebakaran pada tahun 90an iaitu kawasan Kampung Sungai Kedayan yang mana ketika ini telah ditumbuhi oleh tumbuh-tumbuhan air seperti pokok api-api yang subur.

Kaola percaya tumbuh-tumbuhan tersebut telah menyebabkan sampah sarap seperti botol-botol kosong, plastik dan lain-lain tersekat akibat tumbuh-tumbuhan tersebut dan ianya akan di tepi-tepi kawasan Lagun Masjid Sultan Omar `Ali Saifuddin yang menjadi *landmark* Negara Brunei Darussalam dan juga menjadi tumpuan kepada pelancong. Sudah setentunya terlihat atau ternampak perkara berkenaan oleh pelancong yang melawat di tempat tersebut. Ini lebih jelas ketika berlakunya air tohor.

Apakah tindakan dan perancangan pihak berkenaan mengenai perkara ini dan juga kawasan berkenaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Abdul Rahman, kaola kurang pasti sama ada perkara ini berbangkit pada mesyuarat yang lalu tapi yang nyatanya kawasan kebakaran itu memang di bawah bidang Jabatan Bandaran ataupun kalau di air ia termasuk Jabatan Daerah, barangkali kaola boleh menjelaskan.

Kawasan di perkampungan atau kawasan Mukim Sungai Kedayan sebenarnya termasuk dalam pembangunan semula Bandar Seri Begawan dalam Pelan Induknya. Rancangan yang dilaksanakan pada masa ini ialah di Mukim Sungai Kedayan, perumahan-perumahannya yang tidak teratur dirancangan oleh pihak perumahan di bawah Rancangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk memindahkan mereka yang layak di bawah Skim Perumahan di Kawasan Kampung Katok A di mana projek itu sedang berjalan pada masa ini. Itu saja yang dapat kaola jelaskan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada membahaskan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini,

kaola sesungguhnya mengambil bahagian sebagai mewakili Daerah Tutong Zon 1, kalau dibandingkan dengan Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Temburong, Daerah Tutong nampaknya tertinggal di bidang arus pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang kaola maksudkan dengan ketinggalan dari arus pembangunan ialah pembinaan beberapa buah dewan serbaguna untuk mukim yang kaola difahamkan telah pun diluluskan beberapa tahun yang lepas iaitu Dewan Serbaguna Mukim Keriam dan Mukim Kiudang. Maka melalui Dewan yang mulia ini, kaola berharap supaya akan dapat dibina mengikut apa yang telah dirancangan, begitu juga di mukim-mukim yang lain di Daerah Tutong selain dari Mukim Keriam dan Mukim Kiudang. Dengan terbinanya dewan-dewan ini nanti maka aktiviti-aktiviti akan dapat diadakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Pada masa ini, abis koala terpaksa meminjam dewan sekolah atau dewan keusahawanan Sinaut, Mukim Kiudang, Dewan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Dewan Sekolah Rendah Kiudang. Dengan sebab itu, kaola sekali lagi berharap supaya dewan tersebut akan dapat dibina sebelum berakhirnya Tahun Kewangan 2013/2014. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf, wakil Daerah Tutong, Zon 1. Insyallah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melihat sebagaimana projek itu telah pun diluluskan mengikut maklumat yang

disampaikan dan juga perkara-perkara yang menghalang untuk ianya dilaksanakan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah. Kaola akan bercakap mengenai dengan dewan pada petang ini iaitu cadangan Dewan Kemasyarakatan Mukim Berakas.

Sebenarnya Mukim Berakas 'A' belum mempunyai dewan. Apa yang kaola ketahui bahawa dewan tersebut akan dibina dan cadangan untuk membina dewan tersebut telah dicadangkan 10 tahun yang lalu tetapi sehingga sekarang ianya belum lagi kelihatan, perancangan ada tetapi dewannya belum kelihatan.

Kaola beberapa kali sudah bercakap di Majlis Mesyuarat Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung untuk mendapatkan sebuah dewan di Mukim Berakas 'A' tersebut sehingga kaola berpantun kepada Pegawai Daerah iaitu:

*Lama sudah pungguk menali,  
Benang setungkal dibagi lima,  
Lama sudah penduduk menanti,  
Padang belukar menjadi rimba,  
Dewan Kemasyarakatan belum juga menjelma.*

Maknanya Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia lagi indah ini mengharapkanlah sebuah dewan walaupun tidak ada dalam Peruntukan 2013/2014, mungkin di Peruntukan

2014/2015 pun baik juga dicadangkan untuk keperluan mukim tersebut. Kita maklum bahawa dewan serbaguna boleh digunakan untuk berbagai-bagai aktiviti dan acara, makanya lah kaola amat berharap mengenai perkara ini. Yang Berhormat Pengerusi kaola tutup dengan serangkap pantun:

*Uduk-uduk Pulau Kuraman,  
Tempat bersarang burung merpati,  
Hendak menjuluk dan mahukan dewan idaman,  
Belum dapat belum berhenti.*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, wakil Daerah Brunei Muara, Zon 1.

Perbezaan di antara Dewan Kemasyarakatan dan Dewan Serbaguna Daerah Tutong dengan Daerah Brunei Muara, di Daerah Tutong memang kekurangan kemudahan-kemudahan dewan yang terbuka di mukimnya, selain daripada di Pekan Tutong ada dewan besar, harap-harapkan juga Dewan Sekolah.

Tetapi di Daerah Brunei dan Muara khususnya di kawasan Berakas 'A' dan Berakas 'B' masih juga berhampiran dengan dewan. Misal kata dikecualikan Dewan Sekolah, memang sudah ada dewan-dewan kemasyarakatan seperti di Perpindahan Lambak ada 2 buah.

Jabatan Daerah sendiri terdapat Dewan Muhibbah.

Keutamaannya pembangunan sedemikian itu kita melihatnya sebagai keupayaan kita untuk berbelanja dan keupayaan kita untuk melaksanakan rancangan-rancangan.

Satu contoh yang dapat kita upayakan misalnya keperluan di Dewan Kampong Ayer yang begitu sulit bagi mendapatkan dewan untuk berhimpun, maka diusahakanlah satu Dewan Serbaguna di Kampong Ayer pada masa ini iaitu bangunan Sekolah Dato Ahmad yang terbakar di Kampong Burung Pingai dan dengan kebenaran Kementerian Pendidikan serta dengan pemeriksaan pihak Jabatan Kerja Raya yang mengatakan bekas tiang-tiang itu masih lagi selamat digunakan.

Pada masa ini ianya sedang dibina ataupun dijadikan tapak Dewan Kemasyarakatan. Masalahnya adalah masalah keutamaan Yang Berhormat Pengerusi. Masalah untuk kegunaan setakat ini di kawasan Berakas, Alhamdulillah boleh ditampung. Sekian sahaja yang dapat kaola nyatakan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengimbas kembali perhatian dan pandangan terhadap 2 buah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan mengambil kira 2 dalam satu iaitu:

- 1) Jabatan Penjara; dan
- 2) Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang kaola rasa tidak kurang memberi perkhidmatan yang dianggap begitu penting dalam pentadbiran Negara. Adakah pihak Kementerian masih berminat untuk menangani atau mempertimbangkan penyelarasan Elaun Khas yang diterima oleh 2 buah agensi tersebut dari \$100.00 ke \$200.00 sebulan bagi pegawai-pegawai di dalam Bahagian IV dan V.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk Jabatan Penjara dan Jabatan Bomba dan Penyelamat akan dibincangkan nanti. Lebih sesuai ditimbulkan perkara-perkara itu semasa membincangkan dua-dua jabatan itu nanti.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan sampaikan di dalam Tajuk perbelanjaan yang berkenaan. Kaola juga menyokong saranan yang diutarakan oleh rakan sejawat mengenai dengan kekurangan Pegawai Imigresen di pos-pos kawalan termasuk juga Pos Kawalan Sungai Tujuh, terutama sekali semasa musim hujung minggu dan hari-hari kelepasan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ini juga ada Tajuk berasingan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan bercakap.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Kaola ingin menarik perhatian perbincangan atau perbahasan kita dari pagi sudah menyentuh beberapa

jabatan, kalau tidak silap Jabatan Buruh, Jabatan Daerah Belait, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ada juga perkara-perkaranya sudah dibangkitkan.

Kaola baru faham tadi Yang Berhormat Pengerusi akan membawa perbincangan mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri secara keseluruhan. Disebabkan itu para Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik berfikiran sedemikian, mereka mengemukakan soalan-soalan secara keseluruhan dan pengundiannya nanti akan dilakukan secara keseluruhan jua. Tertakluk kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kalau perkara-perkara pertanyaan itu ditimbulkan sekarang apakah nanti yang akan dibincangkan bila sampai ke jabatan-jabatan yang berkenaan?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Kalau soalan-soalan itu sudah dibincangkan secara menyeluruh kementerian dan jabatan-jabatan dibawahnya, kaola serahkanlah kepada kebijaksanaan Dewan ini dan Yang Berhormat Pengerusi sama ada akan diundi secara keseluruhan peruntukan-peruntukan tersebut.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kaola dapat, diikuti apa yang lazim dibuat di permesyuaratan-permesyuaratan yang lalu, iaitu membincangkan satu persatu tiap-tiap Tajuk dalam senarai ini.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Persoalan pertama yang kaola sebutkan tadi dan kedua ini akan kaola sebutkan lagi di dalam jabatan-jabatan yang berkenaan.

Yang ketiga, mengenai Dewan Serbaguna di Kampung Mumong adalah sangat diperlukan sepertimana yang pernah kaola sampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan pada awalnya, kerana memandangkan keperluan dewan seperti ini semakin mencabar yang mana trend masyarakat masa kini di kampung-kampung lebih cenderung mengadakan majlis-majlis perkahwinan di dewan-dewan yang berdekatan sama ada di dalam mukim dan kampung memandangkan kawasan-kawasan rumah mereka yang terlalu sempit dan tidak dapat menampung tetamu-tetamu yang hadir.

Kaola kurang faham, apakah kriteria-kriteria pertimbangan yang diberikan untuk membolehkan sesebuah kampung itu dapat diluluskan pembinaan dewan serbaguna. Kalau dilihat keramaian penduduk Kampung Mumong yang ada pada masa ini adalah agak ramai dan mengalahkan penduduk di Daerah Temburong.

Kaola menaruh harapan besar supaya permohonan bagi mendapatkan sebuah Dewan Serbaguna di Kampung Mumong dapat diambil perhatian serius oleh pihak-pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga oleh jabatan-jabatan yang ada hubung kait menimbangkannya. Tidak dapat disangkal ada beberapa dewan terdapat di Mukim Belait tetapi nampaknya ianya sentiasa penuh digunakan bagi majlis-majlis yang dirancang oleh penduduk-penduduk kampung di mukim berkenaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.



**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, wakil Daerah Belait, Zon 2. Keperluan mengenai dewan-dewan ini, barangkali Ahli-Ahli lain akan bercakap mengenainya.

Ringkasnya, memanglah ada sudah dalam perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa-masa yang lalu dan pada masa ini juga akan diusahakan setiap mukim disediakan dengan dewannya. Jadi dalam pelaksanaannya kaola pohonkan supaya perkara mengenai dewan ini akan dapat difahami.

Sebahagian kawasan-kawasan terutama sekali di kawasan perumahan baharu memang ada diperuntukkan dewan kemasyarakatan atau dewan sebagainya, sebagaimana yang kaola sebutkan tadi di Perpindahan Kampung Lambak Kanan.

Kaola percaya di kawasan-kawasan perumahan yang lain ada peruntukan sedemikian. Hanya isu yang timbul ialah sama ada dibangunkan atau tidak, tergantung kepada prioritinya.

Jadi pada hari ini, kaola mengucapkan terima kasih atas perhatian yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang akan bercakap atau yang sudah bercakap mengenai dewan ini adalah diambil catatan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud Bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud Bin Karim:** Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengerusi.

Di sini kaola memohon kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyampaikan hasrat di kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung seluruh Negara ini akan diberikan Peruntukan Khas bagi kemudahan membeli peralatan pentadbiran sepertimana Kementerian Pendidikan mengagihkan peruntukan kepada sekolah-sekolah seluruh Negara.

Walaupun peralatan itu dapat diperolehi daripada Jabatan Daerah tetapi ianya tidak mencukupi terpaksa menggunakan kewangan sendiri untuk membeli alat-alat tersebut. Tambahan pula di antara penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, apabila di hujung minggu tersenarai jemputan yang mengharap bantuan dan sebagainya. Kalau dapat diberikan Peruntukan Khas bagi membeli peralatan dan sebagainya, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim, wakil Daerah Brunei dan Muara, Zon 2.

Peruntukan Khas pada masa ini kalau diberikan kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, kaola dapat mengatakan belumlah dapat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memperuntukkan untuk membeli peralatan-peralatan.

Walau bagaimanapun, bagi kegunaan mengatasi kesulitan, untuk perbelanjaan peralatan yang digunakan bagi mesyuarat-mesyuarat, apabila diketahui tidak dapat ditampung oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, maka dipersilakanlah penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung datang ke Kementerian untuk berunding mengenai perkara tersebut untuk mendapatkan bantuan membeli peralatan sedemikian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, cuma satu perkara saja yang kaola minta sedikit penerangan Yang Berhormat Pehin. Adakah peruntukan disediakan bagi kemudahan-kemudahan riadah dan dewan kemasyarakatan itu di dalam Anggaran Belanjawan Tahunan, sebab tadi Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain berucap di bahagiannya sudah 10 tahun dalam rancangan tetapi belum dilaksanakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Kemudahan riadah itu adalah lain, yang mana peruntukan itu baru diperkenalkan sejak 3 tahun lalu. Peruntukan untuk membangun dewan-dewan kemasyarakatan sebenarnya ada peruntukan khusus kalau mahu diadakan.

Seperti halnya dengan mukim yang disebutkan tadi Mukim Tutong memang sudah ada. Kemajuannya pada masa ini pun memang yang terakhir. Ada taklimat yang diberikan oleh Jabatan Kerja Raya mengenai pembangunannya dan pembangunan yang lain-lain di Daerah Tutong. Jadi peruntukan riadah bukan termasuk di mukim-mukim itu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SE01A - Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE01A - Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Dalam perkara ini, kaola akan bercakap mengenai Lembaga Bandaran yang mana fungsinya adalah amat penting. Kaola juga memahami bahawa bidang kuasa Lembaga Bandaran ini adalah terhad kepada beberapa bidang sahaja. Maka kaola ingin bertanya:

- 1) Adakah penguasaan, pengusaian dan pembinaan jalan di premis-premis perniagaan di beberapa kawasan seperti di Kiulap dan kompleks perniagaan di Batu Satu, Jalan Tutong yang mana mengikut banyak jalan-jalan laluan di tempat tersebut adalah kurang memuaskan, bukan *main road*

tetapi di mana kawasan bangunan - bangunan berkenaan ataupun *building area*.

- 2) Pekerja Atendan Letak Kereta telah diperkenalkan sejak tahun 70an, dalam usaha pihak Kerajaan ketika itu untuk mengatasi tempat letak kereta yang dimonopoli sebilangan pengguna kenderaan yang menyimpan kereta terlalu lama. Di samping memberikan pekerjaan kepada rakyat dan penduduk Negara ini dan sekarang ini telah diswastakan dengan tujuan pengurusan yang lebih efisien dan berkesan.

Kaola ingin bertanya, dimanakah pekerja tersebut ditempatkan dan adakah cadangan akan diambil bekerja semula sepertimana sebelumnya bagi memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara ini? Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, wakil Daerah Brunei Muara Zon-4.

Mengenai pengusaian, pembisaian jalan-jalan bukan *main road* (bukan jalan besar) di kawasan kompleks perniagaan di Kiulap, Batu Satu dan kawasan-kawasan baru termasuk Mukim Gadong.

Walaupun kompleks-kompleks ini letaknya dalam kawasan Bandaran, namun pembinaan kompleks-kompleks ini dengan *access road* nya masih lagi dalam pemilik-pemilik bangunan kompleks itu. Jadi adalah sulit dan tidak dapat diambil alih.

Pengusaianya dan pembisaianya itu adalah tanggungjawab bagi kompleks-kompleks tersebut untuk memelihara keadaannya. Bagaimanapun Jabatan Bandaran tidak berpeluk tubuh dalam hal ini. Jabatan Bandaran sentiasa memberikan ingatan kepada pemilik-pemilik untuk memperbaiki keadaan di kawasan sedemikian. Berkenaan dengan sampah sarap ada akta yang boleh dikenakan kepada mereka itu di kompaun dan sebagainya.

Mengenai Pekerja Atendan dengan adanya tempat letak kereta itu diswastakan, bagaimanapun mereka ini tidak akan diberhentikan kerja. Mereka masih lagi akan bekerja, akan tetapi jika mereka ini bergaji hari barangkali ada permasalahan sedikit untuk mencarikan mereka kerja yang sesuai di Jabatan Bandaran. Tapi kalau mereka bergaji bulan dan sebagainya tidak ada masalah. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin, kaola akan menambah sedikit sahaja jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai pengusaian jalan di kawasan-kawasan komersil.

Sebenarnya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, di kawasan-kawasan komersil memanglah tanggungjawab pengusaha-pengusaha di kawasan tersebut yang memiliki kawasan komersil tersebut.

Walau macamanapun, ada kalanya Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya membantu dari segi pemeliharaan jalan-jalan raya yang diperlukan itu. Jadi tidak semua pemeliharaan dapat dibuat, tapi ada sebahagiannya dapat *dimaintain* oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya. Sekian untuk makluman, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada baiknya Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan ini diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin, dalam membahaskan peruntukan SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria, kaola ingin menyampaikan sedikit mukadimah dan seterusnya akan mencadangkan.

Dalam usaha memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil di Daerah Belait, Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria telah pun menyediakan dua kawasan yang berlainan untuk dijadikan tapak tamu iaitu masing-masing di pekarangan pasar baru di Pekan Seria dan juga di pekarangan pasar baru di Pekan Kuala Belait.

Setelah melihat keramaian peniaga yang berkecimpung dalam perniagaan sudah tentu kawasan tersebut kurang mampu untuk menempatkan bilangan peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan. Di kawasan Pekan Seria, satu usaha telah dibuat untuk menempatkan penamu-penamu dipindah ke dalam pasar yang telah sekian lama kosong. Usaha-usaha ini adalah sangat-sangat disambut baik kerana ianya dapat mengatasi suasana kehujanan dan kepanasan semasa berniaga dan memberi ruang untuk meletakkan kereta bagi pengunjung-pengunjung tamu di kawasan Pekan Seria.

Manakala di Pekan Kuala Belait, Tamu Mingguan telah dipindah ke kawasan letak kereta yang baru dibina berhampiran dengan bangunan pasar baru. Sejak pemindahan tersebut, kaola sering menerima sungutan daripada peniaga-peniaga yang menganggap tempat tersebut terlalu sempit walaupun keadaannya dianggap selesai. Manakala bagi pengunjung tamu pula, ianya amat sulit untuk mendapatkan letak kereta dan ada yang merajuk untuk mengunjunginya.

Kedua-dua fakta ini adalah penyebab mengapa hasil peniaga agak berkurangan, kerana kurangnya pengunjung.

Dalam hubungan ini, kaola sarankan dan cadangkan supaya kawasan di Pekan Kuala Belait itu dapat dipindah semula ke tempat tamu yang lama iaitu kawasan Tamu Tudung Saji. Buat sementara waktu, usaha-usaha berpindah kawasan letak kereta yang masih di dalam perancangan pelaksanaannya yang terletak di kawasan pasar baru Pekan Kuala Belait.

Pada musim mesyuarat yang kelapan tahun lepas, kaola telah berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai Bangunan Tamu di Daerah Tutong dicadangkan juga untuk dibina di Pekan Kuala Belait. Adalah difahamkan, walaupun cadangan awal telah dihadapkan namun cadangan tersebut belum mendapat restu bersepadu daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam hubungan ini, apakah pandangan dan penilaian pihak yang berkenaan dalam sama-sama mempertimbangkan perkara ini. Adakah Pekan Kuala Belait itu, tentang kesesuaiannya tidak ada bagi bangunan tamu yang kekal sepertimana yang ada di Pekan Tutong? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, wakil Daerah Belait, Zon 2 mengenai kemudahan Tamu di Kuala Belait, iaitu penamu-penamu yang asal, berpindah ke suatu kawasan dan kawasan itu pula kurang sesuai. Bukan saja bagi mereka tetapi juga bagi pengunjung-pengunjung.

Itulah laporan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin tadi dan kerana itu memohon supaya dipindahkan semula ke kawasan tapak asalnya. Kaola mengambil catatan mengenai perkara ini. Satu perkara lagi ialah mengenai berhubung dengan model Tamu di Daerah Tutong memang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri turut berfikir sedemikian untuk meniru sebagaimana untuk dapat dibangunkan juga di kawasan Gadong bagi menggantikan Pasar Tamu Malam.

Tetapi pada masa ini, adalah dalam peringkat pengkajian selanjutnya. Bukan saja dari segi perbelanjaan malah juga dari segi kesesuaiannya untuk kawasan itu.

Begitulah juga di kawasan lain, kalau berjaya di Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei dan Muara insya-Allah model sepertimana di Tamu Daerah Tutong itu adalah yang sangat terbaik buat masa ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya ingin menambah sedikit daripada apa yang rakan sejawat kaola suarakan tadi.

Kaola pernah menyuarakan dalam Dewan Majlis yang mulia ini kira-kira 2 tahun yang lalu mengenai perancangan untuk membesarkan, meluaskan dan melebarkan sedikit Kawasan Bandaran di Pekan Seria di mana kawasan yang

pada masa ini terletak bengkel-bengkel kereta yang tidak jauh daripada Masjid Pekan Seria.

Kaola ingin tahu adakah perancangan tersebut masih berjalan ataupun sebaliknya? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi kepada soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil Daerah Belait, Zon 1 bahawa rancangan tersebut semenjak setahun dua ini tidak timbul, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria, diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Pekan Seria dijadikan sebahagian daripada Jadual. Beralih kepada Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 3 perkara

akan dikemukakan mengenai Lembaga Bandaran Daerah Tutong:

- 1) Gerai Ramadan Daerah Tutong ianya mendapat sambutan yang menggalakkan dari tahun ke tahun. Ini adalah satu usaha yang baik dan tepat kerana memberikan peluang kepada peniaga-peniaga kecil khususnya untuk menjual makanan dan minuman pada bulan Ramadan. Sambutannya amatlah menggalakkan dan meriah dari pelbagai lapisan masyarakat dan juga tidak ketinggalan mereka yang bukan beragama Islam kerana ia diadakan setahun sekali.
- 2) Selain ini, ianya memberi peluang peniaga anak-anak tempatan bagi menambahkan pendapatan mereka untuk persediaan menyambut Perayaan Hari Raya Aidil Fitri pada bulan Syawal. Tapak gerai Ramadan ini boleh dan mampu menampung keperluan peniaga, pelanggan dan penduduk setempat kerana kawasannya cukup luas dan boleh diperluaskan jika diperlukan di masa-masa yang akan datang; dan
- 3) Maka melalui Majlis ini, dicadangkan kawasan berkenaan (tapak gerai Ramadan) ini dikekalkan selama-lamanya dan dinaiktaraf dengan membubuh tar ataupun asfalt pada keseluruhan tapak berkenaan sehingga ke jalan masuk kawasan Sekolah Menengah Sufri Bolkih, Daerah Tutong. Sebahagian kawasan rumput dibiarkan menjadi semak dan bila ada keraian barulah ditebang dan dibersihkan.

Tujuan supaya kawasan tersebut dinaiktaraf adalah:

- i. Dikekalkan setiap tahun bagi gerai Ramadan dan perayaan sambutan hari-hari kebesaran Negara.
- ii. Dengan adanya kawasan ini dibubuh tar ataupun asfalt ianya akan mengurangkan habuk-habuk berterbangan seperti keadaan pada masa ini. Yang mana terdapat jualan-jualan yang tidak tertutup seperti tempat penyalaian ikan, ayam dan daging serta makanan yang sedang dimasak di tempat berkenaan.
- iii. Adalah satu kemudahan bagi bas-bas murid Sekolah Menengah Sufri Bolkuah meletakkan kenderaan mereka dan tidak menggunakan kawasan lapang Dewan Seri Kenangan Daerah Tutong yang mana murid-murid terpaksa menyeberang jalan yang sering sibuk pada tengah hari.
- iv. Akan dapat menampung perletakkan kereta pengguna-pengguna hospital Tutong untuk jangka masa panjang; dan
- v. Memberi kemudahan tempat letak kereta pada temasya hari-hari perayaan di Pekan Tutong yang sentiasa bertambah dari tahun ke tahun.

Gerai makan malam di Pekan Tutong. Sebuah gerai baru telah dibina bertempat dekat pasar lama Pekan Tutong telah dirobuhkan. Sebelum bangunan tersebut digunakan sebagai pasar lama Pekan

Tutong dan gerai ini digunakan sebagai Pasar Malam.

Oleh kerana sambutan dari orang ramai amat menggalakkan maka Jabatan Daerah Tutong telah membina bangunan baru dengan reka bentuk yang menarik, sesuai dengan letaknya di tebing Sungai Tutong dan bersambung rapat dengan bertentangan Sungai Tutong. Yang Berhormat Pengerusi, Majlis dimaklumkan bahawa bangunan ini mempunyai tingkat bawah dan atas.

Tingkat atas ada dipasang pagar untuk keselamatan dan meja untuk para pengunjung. Majlis mendapat maklum bahawa tingkat atas tidak dipasang atap kerana peruntukan adalah terhad. Majlis juga dimaklumkan bahawa pembukaan rasmi akan diadakan pada akhir bulan Mei 2013 dengan keadaan bangunan tersebut yang tidak mempunyai atap.

Walaupun telah siap seperti mengikut perjanjian pemborong dan jabatan berkenaan, bangunan tersebut belum sempurna siap, seperti lazimnya sebuah bangunan yang digunakan oleh orang ramai memerlukan atap untuk berlindung daripada cuaca hujan dan panas.

Dalam pada itu, jika sekiranya atap tidak dipasang, lantai turut rosak dan tidak tahan lama disebabkan cuaca hujan dan panas. Yang Berhormat Pengerusi, oleh kerana bangunan tersebut telah siap tetapi belum sepenuhnya. Maka melalui Majlis ini dicadangkan supaya peruntukan khas untuk menyiapkan atap bangunan tersebut dapat disediakan dalam Majlis ini sebanyak yang diperlukan oleh jabatan berkenaan. Dicadangkan peruntukan Tajuk SD05A yang telah diluluskan pada pagi tadi akan dapat digunakan seperti

yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) iaitu dalam bahagian Perkhidmatan Rampaian, kerana jikalau menunggu peruntukan masa akan datang tentulah akan mengambil masa setahun ataupun dua tahun.

Ini adalah bertujuan supaya bangunan tersebut nampak indah dan cantik dipandang sebagai satu daya tarikan kepada orang ramai dan para pelancong dalam mencantikkan dan memperindahkan Pekan Tutong yang memerlukan perubahan dari masa ke semasa. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Gerai makan yang baru itu telah siap tetapi mengikut Yang Berhormat ianya belum sempurna kerana di atasnya tidak mempunyai atap. Dari segi perancangannya memang ianya sudah sempurna kerana itu adalah bentuknya yang sebenarnya. Atapnya itu bagi mengatap bahagian lantai, jadi bahagian di atas itu menjadi atap kepada bahagian yang dibawah. Sementara lantai di atas ini terbuka. Itu adalah konsepnya. Bagaimanapun, oleh kerana bentuk tersebut dilihat tidak cantik dipandang mata, maka Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mencadangkan beberapa cara untuk mendapatkan peruntukan dan kaola mengalu-alukan dan kaola mengambil maklum mengenai perkara ini Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Adapun mengenai Tapak Gerai Ramadan, kaola fikir isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi bukan untuk

mengekalkan Gerai Ramadan kerana Gerai Ramadan ini bermusim dan perlu dinaik taraf bagi kegunaan Tapak Gerai Ramadan. Perkara untuk menaik taraf bagi kegunaan-kegunaan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, kaola mengambil perhatian dan kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk mengajukan pandangan dan cadangan yang berhubungkait dengan Lembaga Bandaran Tutong.

Cadangan untuk meluaskan Kawasan Bandaran Daerah Tutong bermula pada tahun 1989 iaitu melalui Memorandum Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa bertarikh 18 Mei 1989 yang meminta Pengerusi Lembaga Bandaran Daerah Tutong memikirkan perkara tersebut. Ini bermakna sudah 23 tahun rancangan ini dicadangkan tetapi ianya belum menjadi realiti. Kaola telah mendapat maklum bahawa Lembaga Bandaran Daerah Tutong dalam siri-siri permesyuaratannya telah membincangkan perkara ini dan seterusnya membuat sokongan kepada pihak yang berkenaan pada tahun 2001, 2004 dan 2005. Akhir sekali perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Bandaran Daerah Tutong pada 18 Mei 2012 yang bersetuju bagi kawasan bandaran yang baru seperti yang terkandung dalam cadangan awal.



Yang Berhormat Pengerusi, kaola berpendapat usaha untuk meluaskan kawasan-kawasan bandaran ini adalah bertepatan dan sesuai dengan kepesatan kemajuan yang telah dicapai dan selaras dengan rancangan untuk membisakan dan mencantikkan kawasan bandaran daerah ini. Maka eloklah pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan dan meluluskan cadangan ini secepatnya bagi kemanfaatan daerah ini. Kawasan bandaran yang baru ini akan mengubah wajah Pekan Tutong menjadi lebih indah, selesa dan nyaman dan akan menjadi tarikan dan tempat persinggahan orang-orang ramai dan pelancong sesuai bagi sebuah bandar yang menjadi Pusat Pentadbiran dan Perbandaran di Daerah Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam hal ini perkara-perkara yang berikut hendaklah diambil kira:

- 1) Menyediakan peruntukan tahunan yang mencukupi bagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang semakin meningkat seperti menyediakan pasarana, kebersihan kawasan-kawasan dan lain-lain perkhidmatan yang berhubungkait dengannya dan juga memenuhi keperluan seperti yang dikehendaki oleh pembayar cukai bandaran.
- 2) Kadar bayaran cukai yang ada pada masa ini perlu dikaji semula dengan menggunakan kadar cukai yang bersesuaian; dan
- 3) Pada masa ini terdapat dua agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga kecantikan kawasan Bandar Tutong iaitu Jabatan Bandaran dan juga Jabatan Alam

Sekitar. Ini menyebabkan tempat-tempat menarik terdapat aduan tentang kebersihan kawasan. Dalam hal ini, kaola ingin mencadangkan supaya kerja-kerja pemeliharaan di kawasan bandaran ini, hendaklah dikendalikan oleh sebuah agensi sahaja iaitu dikelolakan oleh Lembaga Bandaran Tutong. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Mengenai perkara perluasan kawasan Bandaran Tutong yang ada pada masa ini apa yang kita ketahui kawasan itu bukan sahaja agak sempit dan memang kecil kawasannya. Kalau dikira dari segi persegi kilometernya cuma setakat 0.024 kilometer seingat kaola. Jadi memang ada perancangan untuk membesarkan.

Rancangan untuk membesarkan itu, dalam erti kata memang sudah lama seperti yang disebutkan pada tahun 1989 dan aktif dilakukan dalam masa lima tahun yang terakhir, enam tahun yang terakhir dan aktif lagi dalam masa sekarang ini. Yang terakhir memang ada cadangan sudah datang daripada Lembaga Bandaran kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu untuk membesarkannya secara *radius*, 62 kali ganda besarnya daripada kawasan yang ada pada masa ini iaitu hampir empat belas ke lima belas persegi. Jadi inilah yang sekarang masih menjadi persoalan. Adakah cadangan tersebut realistik, praktikal atau tidak? Dan memohon supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meneliti perkara ini semula oleh pihak Lembaga Bandaran kerana

kawasan sedemikian melibatkan kawasan yang besar dan melibatkan beberapa buah kampung sehingga kepada Penanjung Garrison.

Jadi pembesaran yang sedemikian itulah yang diperlukan atau kitani cuma untuk membesarkan kawasan-kawasan yang memang dalam Pekan Tutong yang meliputi sampai Bukit Bendera dan meliputi kawasan-kawasan komersil yang pada masa ini bersebelahan dengan kedai lama itu dan tidak termasuk sedangkan kawasan-kawasan komersil itu sudah kawasan Bandar.

Jadi kedudukannya perkara ini bukanlah dikira dari tahun 1989 tetapi dikira dalam masa enam dan dua tahun yang terakhir. Perkara itu sedang ditunduki dengan sungguh-sungguh dan perundingan-perundingan untuk mencapai satu kesepakatan kepada suatu cadangan kawasan yang secara realistik dalam menjadikan kawasan Bandaran Bandar Seri Begawan mempunyai kedudukan yang sudah dibesarkan dan memerlukan peruntukan yang mencukupi bagi pengendaliannya adalah memang difikirkan.

Mengenai kadar bayaran cukai bagi Lembaga Bandaran Tutong dan kadar bayaran cukai untuk semua daerah adalah dalam penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Formula-fomulanya sudahpun diputuskan diperingkat Kementerian. Kementerian juga ingin membuat perundingan bersama agensi-agensi yang bersifat ekonomi, kewangan dan pembangunan untuk memuktamadkan cadangan itu sebelum ianya dipohonkan untuk mendapatkan kelulusan mengenai kaedah cukai dan termasuklah kadar-kadarnya.

Mengenai kawalan kebersihan penyeliaan kebersihan dan kecantikan Bandar Tutong yang dikendalikan oleh dua agensi sama ada di Bandar Seri Begawan dan ini tinggal lagi bagaimana untuk mensejajarkan dalam tugas-tugas mereka. Pensejajaran ini adalah penting dan kaola berfikir masalah ini tidaklah begitu berat apabila kedua-dua agensi dapat menyelaraskan tugas-tugas tetapi mereka juga mengendalikan kebersihan dan kecantikan Bandaran Tutong itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah kepada Lembaga Bandaran Tutong atas sokongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang kini telah dapat melaksanakan pembinaan pasar lama dengan wajah baru seperti yang disuarakan pada Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara tahun lalu. Yang Berhormat Pengerusi kaola ingin menyentuh mengenai dengan wajah kedai lama Daerah Tutong.

Kedai lama di Sungai Tutong masih lagi berdiri megah walaupun usianya telah melebihi setengah abad tetapi masih ramai orang yang mengunjungi dan ianya sebagai mercu tanda bagi Pekan Lama Daerah Tutong, kerana kedudukannya yang strategik berhampiran dengan Taman Tatangan Sungai Tutong yang sering dikunjungi oleh kaki pancing. Gerai

malam dan bangunan Taman Selera yang baru sedang dalam pembinaan.

Walau bagaimanapun ianya mempunyai sedikit masalah kerana tidak ada letak kereta yang bersesuaian. Hal ini menyulitkan orang ramai mengangkat barang-barang yang telah dibeli di kedai berkenaan, tambahan lagi ada pagar dihadapannya. Oleh itu, disarankan letak kereta kedai ini akan lebih selesa dikunjungi jika tempat letak kereta dibina di hadapan kedai dan jalan laluan kereta dibina di tepi sungai yang dilencungkan bermula dari hujung masuk letak kereta yang ada sekarang hingga ke jalan keluarnya di hujung kedai.

Untuk menjamin keselamatan supaya dipasang bandul dan *hard tile* untuk keselamatan yang hanya jauhnya lebih kurang 50 meter. Jadi, tujuannya ialah untuk mencantikkan disamping memperlakan jalan kenderaan di jalan tersebut. Soalan kaola adakah pemikiran untuk mengubah kedudukan letak kereta ini dan dicadangkan juga supaya kedai lama ini dicat baru agar nampak bersih dan cantik?. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli wakil Daerah Tutong, Zon 2. Terima kasih diatas perhatian kepada bangunan sederet kedai lama Tutong yang bersejarah. Takut-takut nanti diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan *heritage*.

Sebenarnya, bangunan itu ialah bangunan *private*, maka seruan didengar dalam Dewan ini. Saranan ini bukanlah kepada Lembaga Bandaran dan sepatutnya

kita menyeru supaya pemilik-pemiliknya itu mengambil inisiatif dalam mengindahkan bangunan masing-masing. Jabatan Bandaran Tutong berusaha membuat perjumpaan dan memberikan arahan-arahan tertentu mengenai perkara ini.

Yang kedua, berhubung dengan tempat letak kereta supaya disarankan ianya diletakkan di depan kedai. Dengan itu menghendaki perubahan jalan raya dan jalan umum untuk lencongan ke kawasan Tebing Sungai. Adakah dalam pemikiran kaola bahawa perkara ini melibatkan bukan saja agensi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Lembaga Bandaran Tutong tetapi juga agensi-agensi lain. Kaola mengambil maklum perkara ini Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong diundi, yang bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE04A - Lembaga Bandaran Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Seterusnya Tajuk SE05A - Jabatan Buruh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE05A - Jabatan Buruh dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan beberapa kementerian dan juga melalui agensi-agensinya berkenaan untuk menangani masalah pengangguran di Negara ini. Kaola dalam menyuarakan di Dewan yang mulia ini dimana orang ramai ingin juga mengetahui apakah tahap kedudukan pengangguran di keseluruhan negara pada masa ini?

Pada pandangan kaola, di Daerah Temburong jika masalah ini tidak ditangani mungkin akan menjadi rumit. Peluang-peluang pekerjaan di jabatan Kerajaan dan sektor swasta sangat sedikit dan terhad di Daerah ini. Banyak penduduk akan berhijrah ke daerah lain untuk mencari pekerjaan. Yang Berhormat Pengerusi sukacita kaola memohon jua penjelasan akan perkara ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Jika tajuknya mengenai pengangguran, maka perkara ini adalah luas. Semua agensi yang berkaitan boleh menerangkan di sini tetapi kalau dari segi skopnya di Daerah Temburong, ada disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bahawa ada orang yang tidak mempunyai pekerjaan di sana. Jika dihubungkan dengan Jabatan Buruh atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perkara ini, abis kaola mempunyai satu rancangan iaitu Agensi Pengambilan Tenaga Kerja.

Pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, bolehlah mendaftarkan pencari-pencari kerja dan mencarikan

majikan-majikan untuk mereka bekerja dengan memberikan mereka latihan-latihan yang bersesuaian dan ada pula dengan sokongan skim daripada Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi iaitu kewangan. Maka dalam masa tempoh latihan dengan majikan-majikan mereka akan menerima pembayaran gaji atau elaun sebanyak 35% daripada majikan dan 65% daripada Kementerian.

Yang kedua ialah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada masa ini dalam membuat kajian berhubung dengan keperluan untuk memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan terutama sekali dengan melihat daerah, mukim dan kampung di mana terdapat dalam daerah, mukim dan kampung itu ada mempunyai *establishment* perniagaan yang masih menggunakan sama ada sepenuhnya pekerja asing atau sebahagiannya. Umpamanya, kalau dari segi kedai runcit sahaja keseluruhannya, lesen-lesen yang ada pada masa ini lebih dari 25,000. Jadi, jika setiap lesen itu menggunakan dua orang maka keperluan *job creation* bagi mengadakan peluang-peluang pekerjaan seramai 50,000. Tetapi ternyata tidak sedemikian.

Pertama, kerana jika peluang itu dipenuhi seramai 50,000 orang kita tidak akan mencukupi. Isunya ialah kalau setakat yang ada ini tidak dapat ditampung oleh *establishment* seperti kedai-kedai runcit itu maka persoalannya, mengapa? Inilah yang abis kaola sedang kaji di samping meneruskan usaha-usaha bagi mana-mana yang mendaftar untuk mencari kerja dibantu untuk mendapatkan pekerjaan. Di samping itu juga, untuk melihat supaya majikan-majikan ini merasa bertanggungjawab dan sama-

sama mendokong hasrat Negara dalam mengatasi pengangguran.

Jika pengangguran itu diambil angka yang berdaftar memang sedikit. Tetapi jika jumlah pengangguran itu diambil daripada angka statistik penduduk yang baru selesai pada tahun 2011 yang lalu ianya adalah mengkhawatirkan. Jadi hal-hal seperti inilah yang sangat kita berikan perhatian dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri abis kaola tekeduhung perkara-perkara ini ada hubungannya dengan kesejahteraan masyarakat dan juga ada hubungan dari segi kuatkuasa undang-undang iaitu Imigresen dan Buruh maka hal-hal ini sedang dilihat secara berkaitan.

Umpamanya dari segi kedai runcit sahaja, di Daerah Temburong sebenarnya lesen yang ada ialah 42% manakala pekerja tempatan adalah tinggi dalam 66% dan seperti juga di Daerah Tutong. Tetapi daerah-daerah seperti Daerah Brunei dan Muara adalah masih rendah iaitu sebanyak 37%. Sini kita akan melihat sejauh mana orang-orang yang mencari pekerjaan atau orang-orang yang menganggur yang belum pun mendaftar tetapi akan kita galakkan untuk dapat bekerja dalam *establishment* kedai runcit di seluruh negara, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada 2 isu yang akan kaola sampaikan:

- 1) Biasanya pihak bank akan menghantar kakitangannya ke rumah-rumah berurusan tentang penarikan kereta yang tertunggak iaitu merupakan peraturan bank yang telah ditandatangani oleh pembeli dalam perjanjian bank. Soalan kaola, adakah petugas penarik kereta ini termasuk dalam senarai pekerjaan didaftarkan dalam Jabatan Buruh? Jika ianya ada, adalah dipohonkan melalui Jabatan Buruh supaya mereka mempunyai kad pengenalan diri dari bank berkenaan seperti *warrant card* untuk datang ke rumah-rumah agar ianya tidak menjadi kekusaran. Selain dari itu, pengetahuan mereka dalam selok-belok jual kereta mestilah ada agar tuan punya kereta yang ditarik dapat berbincang dengan mereka.
- 2) Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh majikan bagi pengambilan pembantu rumah umpamanya, kelambatan oleh agen-agen untuk mendatangkan mereka sehingga ada yang mencapai dua tahun pun belum datang walaupun wang sudah dijelaskan.

Banyak aduan dari orang ramai berhubung dengan kerenah pembantu rumah umpamanya belum sampai tiga bulan, ia sudah membuat hal menyebabkan majikan menghantar mereka pulang kepada agen tanpa ada ganti rugi. Kemudian, yang anehnya pembantu rumah yang sama didapati berkhidmat lagi di tempat majikan lain dan si agen meminta lagi pembayaran daripada majikan yang baru ini. Kejadian seperti ini berulang lagi sedangkan sebelum peraturan

baru dilaksanakan, tidak pernah berlaku masalah seperti ini.

Dalam pemikiran kaola, oleh sebab pembantu rumah ini tidak berhutang kepada jiran dan saudara-maranya untuk datang ke Negara ini maka itulah sebabnya ianya berlaku. Mereka tidak membayar apa-apa bila disingkirkan oleh majikan kerana mendatangkan mereka itu ke Negara ini adalah disediakan oleh majikan. Oleh itu, kaola sarankan supaya dibuat kajian perkara ini demi kesejahteraan dan kepentingan kedua pihak.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, wakil Daerah Tutong, Zon 2 mengenai penarikan kereta iaitu adakah penarik-penarik kereta itu berdaftar di Jabatan Buruh? Jawapannya ringkas sahaja iaitu tidak. Ertinya mereka melakukan itu sebagai *freelancer* dan sebagainya seperti kegiatan biasa tetapi tidak berdaftar dan tidak menghendaki pendaftaran. Masalah yang berbangkit kepada orang ramai dalam perkara itu barangkali kita ambil maklum.

Mengenai isu berhubung dengan amah secara khusus iaitu bukan pekerja asing dan dikatakan isu-isu seperti yang disebutkan itu pada dahulunya tidak berbangkit sebelum Peraturan Agensi Pekerja Asing ini diperkenalkan mulai pada tahun lepas. Sebenarnya, tidak sedemikian kerana isu-isu inilah yang mendorong supaya dikuatkuasakan Akta

Agensi Pekerjaan itu bagi melindungi kepentingan bakal-bakal majikan dan juga orang asing yang didatangkan ke Negara Brunei Darussalam supaya mereka itu tidak teraniaya.

Banyak isu yang dilihat dalam perkara ini dan selama setahun Akta ini telah dikuatkuasakan yang menghendaki agensi-agensi itu berlesen. Sejauh ini, aduan-aduan yang berhubung dengan agensi pekerjaan yang berlesen adalah sedikit dibandingkan dengan aduan agensi pekerjaan yang tidak berlesen. Umpamanya dalam 123 kes yang diadukan sampai kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei bukan sahaja kepada pihak Jabatan Buruh, hanya 6 kes iaitu 5% aduan-aduan berhubung dengan amah ini khususnya ialah mengenai ketidakpuasan ataupun salah urus agensi pekerjaan yang berlesen.

Sementara selebihnya 95% aduan itu adalah agensi-agensi yang tidak berlesen. Di sini nampaknya orang ramai masih berlanggan kepada agensi yang tidak berlesen yang menyebabkan mereka menghadapi risiko-risiko seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tadi. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Buruh ingin menasihatkan supaya orang ramai mengikut urusan untuk mendapatkan amah dengan agensi-agensi yang berlesen untuk mengurangkan risiko seperti apa yang terjadi ini, kerana agensi-agensi yang berlesen apabila ada aduan seperti ini mereka itu akan mudah diambil tindakan isu-isunya ataupun perkara-perkaranya itu mudah diselesaikan.

Adapun mengenai agensi-agensi yang tidak berlesen, ini sulit sekali bagi pihak Kerajaan untuk mengambil tindakan.

Oleh kerana antara bakal majikan dengan agensi yang tidak berlesen ini tidak ada satu dokumen-dokumen yang boleh menjadi sebab bagi tindakan-tindakan. Mereka harap begitu saja.

Pertama, mereka ini tidak mempunyai pejabat untuk dirujuk malah urusan antara majikan dengan agensi sedemikian itu mengikut laporan salah satu daripada majikan yang tidak puas hati kepada pihak Polis. Urusan yang dilakukannya itu adalah di stesen bas. Sedangkan dalam peraturan-peraturan untuk mendatangkan pekerja termasuklah amah ialah mesti ada huraian tugas iaitu keperluan kepada tenaga kerja itu.

Kemudian ada lagi kontrak di antara majikan dengan agensi. Perkara yang sedemikian ini tidak ada dibuat dengan agensi-agensi yang tidak berlesen. Risikonya adalah sangat tinggi, kerana itulah sebagaimana yang kaola katakan tadi adalah tidak benar bahawa perkara-perkara yang disebut salah urus ataupun penipuan berlaku hanya setelah adanya undang-undang atau Akta dikuatkuasakan semenjak setahun yang lalu, tapi Akta itu sebenarnya adalah untuk mengatasi. Nampaknya perkara itu berjaya di atasi jikalau mereka berurusan dengan agensi yang berlesen. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya isu yang ingin kaola timbulkan adalah sama dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit iaitu pembantu rumah dan telah

diterangkan penjelasannya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Cuma barangkali ada sedikit aspek yang berbeza iaitu dari segi bayaran yang dikenakan untuk mendatangkan pembantu rumah ini agak tinggi dan tidak memberi sebenarnya apa-apa keuntungan dari segi kewangan kepada majikan berbanding dengan mendatangkan pekerja untuk tujuan perniagaan. Perkara ini sedikit menyusahkan bagi mereka yang berpendapatan rendah dan belum lagi yang tertipu sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin.

Mengenai dengan bayaran gaji yang tidak selaras yang juga dialami oleh beberapa majikan. Di antara yang ditentukan oleh Jabatan Buruh sebagai contoh, salah satu kadarnya iaitu \$200.00 yang ditentukan oleh pihak Jabatan Buruh tetapi telah dinaikkan oleh pihak agen sebanyak \$250.00 dan ini agak membebankan sesetengah majikan yang biasanya membayar gaji sebanyak \$200.00 sebulan yang dikatakan telah ditentukan sebelum ini.

Kaola ingin bertanya adakah perubahan yang sedemikian itu ada dalam pengetahuan Jabatan Buruh dan sekiranya betul berlaku perlulah dikaji semula peraturan atau syarat berkenaan supaya dapat diselaraskan dan tidak menjadi bebanan kepada pihak yang terlibat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai perkara bayaran yang membebankan. Oleh kerana ada

peraturan agensi pekerjaan ini maka bayarannya tinggi.

Abis kaola menyedari sedemikian itu, kerana ada usaha di Kementerian melalui Jabatan Buruh untuk mengadakan *ceiling charges* yang patut dikenakan bagi pengambilan perkhidmatan pekerja asing termasuklah amah. Tetapi dalam kajian-kajian awal walaupun diadakan peraturan *ceiling* ini, tidak juga banyak membantu untuk menurunkan kadarnya kerana bayaran yang tinggi itu adalah dikenakan oleh agensi pekerjaan luar negeri di tempat negeri mereka itu sendiri.

Umpamanya ada empat syarikat sebagai contoh:

- 1) Syarikat A untuk pengambilan amah Indonesia dan Filipina bayaran agensi pekerjaan di Brunei \$600.00, agensi pekerjaan luar negeri \$1,800.00, jadi jumlah yang dikenakan \$2,400.00: dan
- 2) Agensi B juga untuk mendatangkan amah Indonesia dan Filipina, mengenakan bayaran untuk Indonesia \$900.00, untuk Filipina \$1,300.00 iaitu agensi pekerjaan dalam negeri dan bayaran kepada agensi di luar negeri iaitu rakan sejawat mereka ialah sebanyak \$1,700.00 bagi Indonesia \$1,500.00 bagi Filipina. Begitulah seterusnya, pendek kata bayaran agensi pekerjaan luar negeri adalah tinggi.

Soalnya mengapa mesti beragensi di luar negeri dan mengapa kita mesti dibebankan dengan hal yang sedemikian itu, ini adalah kerana keperluan dari segi pekerja-pekerja asing yang kita masukkan ke dalam negeri, Negeri yang menghantarnya menghendaki

sedemikian itu prosedurnya. Ertinya rakyat mereka ke luar negeri tidak sewenang-wenang dan kalau apa-apa terjadi mereka dapat melindunginya, maka *recruitment* di dalam negeri mereka terlebih dahulu mereka lakukan dan maknanya secara rasmi Kerajaan hendaklah mengikut juga peraturan-peraturan sedemikian itu. Ini satu amalan yang biasa dilakukan.

Memang ada khususnya mengenai amah ini boleh diambil sendiri terutama sekali orang yang sudah bekerja di rumah kita walaupun adanya saudara maranya, suaminya juga boleh diambil bekerja sebagai pembantu rumah. Perkara itu mudah dan perbelanjaannya yang kita katakan mengikut peraturan yang ada pada masa ini tidak mengizinkan, akan tetapi perkara itu boleh dibincangkan bersama agensi pekerjaan yang menguruskan perkara itu dengan Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk mendatangkan mereka ini. Mengenai caj-cajnya bolehlah mereka berunding untuk mengurangkannya.

Tetapi yang nyatanya ialah kerana semata-mata untuk merendahkan bayaran-bayaran bagi pengambilan amah ini, maka orang ramai masih lagi cenderung untuk berurusan sendiri dan akibatnya ialah apabila terjadinya perkara yang tidak diingini bukan sahaja kepada majikan, amah dan sebagainya, tanggungjawab dari segi undang-undang adalah sulit untuk kita kenakan.

Kaola merasakan Akta ini baru berkuatkuasa dalam setahun. Dalam *transaction period* ini kita memang menghadapi berbagai masalah-masalah. Kalau sudah ia berjalan sekian lama, proses itu kita akan cuba memperbaikinya



di mana-mana yang bersesuaian seperti untuk mengadakan *ceiling charges* ini dan dari segi Akta Perburuhan pada masa ini, tidak ada kebenaran atau pekerjaan sedemikian. Dan disebabkan itulah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan berunding dengan Jabatan Peguam Negara untuk melihat di mana kesesuaiannya untuk menambah atau meminda Akta yang berkenaan.

Mengenai dengan kadar gaji, jika benar sedemikian itu ditetapkan oleh Jabatan Buruh kemudian diubah oleh agensi pekerjaan maka ini adalah satu kes untuk diadukan. Adukanlah dengan cukup keterangan-keterangan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Awang Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dirahmati Allah. Kaola sebenarnya mahu bertanya saja tentang pembantu rumah. Pembantu rumah memang pembantu rumah tetapi ada pembantu di luar rumah seperti pelayan restoran, penjaga gerai-gerai makan, apakah ini memang sudah ditentukan oleh Jabatan Buruh atau belum?

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat itu saja pertanyaan?

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Ya, pertanyaan kaola.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, wakil Daerah Brunei dan Muara Zon 1. Kalau pembantu rumah memang kuotanya lesen pembantu rumah, kalau dia bekerja untuk jawatan-jawatan lain dan tugas-tugas lain maka itu namanya penyalahgunaan lesen.

Dalam kes ini Yang Berhormat Pengerusi, operasi yang dibuat oleh Jabatan Buruh pada tahun lepas, dari 700 operasi telah mendapati sebanyak 128 kesalahan penyalahgunaan lesen. Tindakan-tindakan yang diambil adalah; 81 kuota telah dikurangkan. Misalnya, kalau ianya diberikan beberapa kuota tetapi majikan tersebut menyalahgunakan lesennya maka setakat lesen yang digunakan itu telah dikurangkan. Selain daripada itu, boleh ditutup atau ditarik semula lesen tetapi kita juga bertimbang rasa bagi orang yang berniaga dan sebagainya. Oleh yang demikian, daripada 81 kes yang kuota telah dikurangkan sebanyak 18 lesen telah dibatalkan dan 1 lagi kes dibawa ke Mahkamah.

Melalui Dewan ini, ingin kaola nyatakan bahawa penyalahgunaan lesen adalah diambil tindakan, bukan tidak diambil tindakan, tinggal lagi bagaimana kedapatan atau tidak kedapatan itu masalah penguatkuasaan dari masa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Barangkali kaola ini mengkhusus jua kepada pembantu rumah ini. Mengenai dengan perkhidmatan pembantu rumah selama ini adalah 2 tahun, kaola cadangkan supaya perkhidmatan pembantu rumah ini dipanjangkan kepada 3 tahun, sebab memandangkan pengambilan pembantu rumah dengan agen-agen pada masa ini terlalu mahal sehingga mencapai ke \$3,000.00. Masa 2 tahun itu adalah dirasakan pendek dan tidak berbaloi dengan harga yang ditawarkan. Sekian, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Untuk menambah dan melanjutkan perkhidmatan pembantu rumah bukan ertinya pekerja asing secara umum yang kontrak. Pada dasarnya pada masa ini adalah 2 tahun untuk dipanjangkan sedang dibuat Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai Tajuk Jabatan Buruh ini ditangguhkan dan disambung esok. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sekarang bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan insya-Allah kita akan bersidang lagi pada esok hari Khamis, 14 Mac 2013, jam 9.30 pagi, terima kasih.

**DEWAN MAJLIS****Khamis , 2 Jamadilawal 1434 / 14 Mac 2013****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir sebelah petang).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Mulia Jurutulis II:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini, bagi hari yang ketujuh didahului dengan bacaan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita dapat bersama-sama hadir untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini bagi hari yang ketujuh. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013/2014 di peringkat Jawatankuasa. Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat masih lagi banyak kementerian dan jabatan yang perlu dibincangkan. Oleh yang demikian, bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Terima kasih.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara sekarang bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya. Semalam Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Jadual di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tajuk SE05A – Jabatan Buruh masih lagi dalam perbincangan dan

saya telah difahamkan ada beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang mahu membahaskan Tajuk berkenaan ini. Oleh yang demikian, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Selamat pagi dan selamat sejahtera. Saya berpandangan bahawa antara sebab-sebab mengapa sesetengah rakyat di Negara ini tidak tahan bekerja dengan syarikat-syarikat swasta ialah:-

1. Gaji yang ditawarkan tidak kompetitif kerana peluang-peluang meningkatkan diri bagi sesetengahnya tidak ada disediakan dan masa-masa pekerjaan, peruntukan perumahan, kediaman bagi pekerja tersebut dan pengangkutan. Dalam menangani perkara-perkara yang saya sebutkan di atas tadi, saya berpendapat bahawa pihak Jabatan Buruh dapat memainkan peranan mereka dalam menyelaraskan gaji minima pekerja-pekerja yang bekerja di sektor swasta. Ini sekurang-kurangnya dapat menarik minat anak-anak tempatan bekerja dengan pihak sektor swasta. Dalam hubungan ini, saya ingin menyarankan supaya perkara yang saya sebutkan di atas tadi dapat difikirkan dan dipertimbangkan.
2. Pengalaman saya dan ada sesetengah majikan juga bersuara menyatakan bahawa ada sesetengah pekerja asing memberikan permasalahan kepada majikan-majikan, iaitu di sekitar 50%. Walaupun belum sampai seperti yang

disuarakan oleh rakan Yang Berhormat yang lain semalam, ada sesetengah pekerja yang belum sampai tempoh kontrak berakhir telah meminta untuk pulang ke negeri mereka dan yang hendak bertukar majikan. Jadi dalam pandangan saya, sekiranya ada pekerja-pekerja berbuat sedemikian, saya sukacita mencadangkan supaya pekerja-pekerja tersebut tidak lagi dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Disenarai-hitamkan nama pekerja tersebut supaya kesusahan tidak akan berulang dan majikan pun tidak menanggung kerugian.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil Daerah Belait Zon 1, yang menimbulkan perkara mengenai kurangnya minat untuk bekerja di sektor swasta dalam jangka masa yang lama di kalangan anak-anak tempatan berdasarkan empat faktor yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Yang Berhormat menyarankan supaya diambil langkah atau dipertimbangkan bagi Jabatan Buruh bagi menyelaraskan gaji minimum di sektor swasta.

Pada masa ini, Kerajaan belum lagi dapat menetapkan dasar sama ada akan membuat satu garis pandu yang jelas mengenai gaji minimum di sektor swasta.

Walau bagaimanapun, Jabatan Buruh sentiasa berusaha merundingkan dengan majikan-majikan mengenai kadar gaji pekerja-pekerja tempatan ini terutama sekali pekerja-pekerja tempatan yang memasuki latihan, pendaftaran tertentu dan mengikuti latihan di Agensi Pengambilan Tenaga Kerja di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Umpamanya dalam sektor pembersihan, ada sudah dibuat persefahaman dengan majikan-majikan yang mengikuti skim latihan dan juga pengambilan pekerja melalui skim latihan itu oleh majikan-majikan untuk membayar pekerjaanya dengan gaji permulaan yang tidak kurang \$400.00 sebulan.

Begitu juga dalam sektor kedai runcit termasuk juga pasar raya-pasar raya bagi jawatan Juruwang ianya telahpun dibincangkan dan Alhamdulillah, majikan-majikan telah menerima dengan baik langkah-langkah secara perundingan sedemikian ini. Bagaimana pun langkah sedemikian bukanlah merupakan dasar gaji minimum yang mana Kerajaan pada masa ini belum lagi menetapkannya.

Mengenai faktor-faktor yang lain iaitu peluang menjalani latihan memanglah kita berseru kepada majikan-majikan untuk memberikan latihan kepada pekerja-pekerja tempatan. Umpamanya dalam bidang kejuruteraan peringkat rendah seperti mekanik-mekanik kereta. Peluang latihan-latihan sedemikian itu diberikan kepada pekerja asing. Oleh yang demikian, pekerja asing itu akan mendapat latihan-latihan serta faedah-faedah dan seterusnya kemahiran berkenaan tidak dapat diturunkan kepada anak-anak tempatan.

Ada juga keadaan di mana majikan masih memerlukan lagi tenaga pekerja asing walaupun mereka ini telah mencapai had umur yang tidak mengizinkan mereka untuk berada di Negeri ini lagi sedangkan ada lagi tenaga pekerja tempatan yang tidak diberikan pendedahan sedemikian. Maka melalui Dewan ini, kaola sukacita menyeru supaya majikan-majikan untuk memberikan perhatian bagi sama-sama bagi mendokong hasrat Kerajaan untuk memberikan pekerjaan yang sempurna kepada anak-anak berasa selesa dan serasi untuk bekerja di sektor swasta. Walaupun masih ada perbezaan keistimewaan-keistimewaan dengan sektor Kerajaan.

Berhubung dengan cadangan untuk menyenarai hitamkan pekerja-pekerja yang membuat kerenah, dalam istilah soalan Yang Berhormat semalam iaitu ada sesetengah pekerja amah membuat kerenah, sehingga kini, belumlah sampai ke tahap menyenarai hitamkan hal ini semata-mata kerana kesalahan yang sedemikian.

Senarai hitam ini adalah kesalahan-kesalahan jenayah dan kesalahan-kesalahan dari segi keselamatan. Akan tetapi mungkin ada cara yang sebaik-baiknya di antara majikan dengan agensi bersama dengan Pejabat Buruh bagi menyelesaikan masalah ini secara perbincangan untuk tidak menjejaskan kepada semua pihak. Kalau pekerja itu sudah datang dengan perbelanjaan ke negara, maka hal-hal yang sedemikian itu hendaklah sama-sama dibincangkan. Jabatan Buruh bersedia untuk bekerjasama untuk majikan-majikan dan agensi-agensinya menyelesaikan masalah seumpama ini dengan sebaik-baiknya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin menyentuh mengenai Agensi Pengambilan Pekerja Tempatan. Seperti yang difahami, Agensi Pengambilan Pekerja Tempatan merupakan satu inisiatif Kerajaan yang baik bagi memantau orang tempatan untuk mendapatkan kerja. Oleh itu, kaola mencadangkan supaya satu kajian diadakan untuk menilai prestasi pekerja tempatan dan asing seperti di pasar raya dan lain-lain seperti Juruwang, Pembantu Jualan, Pembersih, Pemandu, Sekuriti, Pelayan Restoran dan lain-lain sektor.

Dari kajian tersebut kelemahan pekerja tempatan dan orang asing dapat dinilai. Kaola mencadangkan supaya di adakan satu dialog bersama dengan majikan mengenai masalah pekerja tempatan dibandingkan dengan pekerja asing dan bagaimanakah cara-caranya untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti masing-masing? Ini adalah mustahak. Jikalau produktiviti pekerja tempatan dan asing tidak memuaskan, ini akan menaikkan kos perbelanjaan syarikat dan seterusnya kadar inflasi akan meningkat.

Berdasarkan satu kajian yang dibuat oleh *Centre for Strategic and Policy Studies* menunjukkan dalam tempoh setahun lebih kurang 7,000 orang telah didaftarkan di Jabatan Buruh sebagai pencari kerja. Kebanyakan mereka merupakan lepasan sekolah dengan lulusan 1 atau 2 'O' level sahaja. Beberapa masalah telah dikenal pasti;

1. Kebanyakan mereka hanya berminat bekerja dengan sektor Kerajaan sahaja;
2. Mereka ini tidak mempunyai kemahiran praktikal dan vokasional; dan
3. Pekerjaan yang tidak sesuai. Misalnya ramai yang memohon jawatan yang ditawarkan tetapi diisikan oleh beberapa orang sahaja. Kebanyakan siswazah masih lagi mencari kerja dan ada sebahagian jawatan yang tidak sesuai dengan ijazah mereka.

Kaola mencadangkan dan bercadang supaya mereka ini diberikan latihan praktikal dan vokasional. Kita perlu menggalakkan orang-orang Brunei untuk meminati dalam pekerjaan seperti Juru Elektrik, Tukang Paip, Mekanik, Tukang Kimpal, Juruteknik, Tukang Cat Kereta ataupun dibidang Pembinaan. Kemahiran-kemahiran ini hendaklah disesuaikan di dalam sektor swasta kerana pada masa ini lebih kurang 90% pekerjaan ini di monopoli oleh pekerja asing. Oleh yang demikian, *mindset* para belia perlulah diubah dan tidak fokus kepada sektor Kerajaan sahaja. Mereka juga perlu lebih produktif dan *profesional*.

Selain daripada itu, serbuan terhadap pekerja asing hendaklah diadakan oleh pihak berwajib seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Pejabat Imigresen untuk mengambil tindakan terhadap sebarang kesalahan dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun dari sudut lain, pihak berwajib juga perlu mengambil kira akan hal ehwal pekerja berkenaan seperti keselesaan tempat tinggal, perjalanan ke

tempat kerja dan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja.

Pihak berwajib hendaklah mengambil tindakan serius terhadap majikan mengenai hal ini kerana aspek tersebut akan menjejaskan prestasi pekerja di mana projek-projek turut tergendala. Ianya juga merupakan satu kesalahan dan melanggar hak asasi manusia seperti dalam *Article 23 Universal Declaration of Human Rights*. Oleh itu, pihak berkenaan hendaklah mengambil perhatian, bukan sahaja pekerja-pekerja ini perlu mengikut undang-undang tetapi diwaktu yang sama hak mereka sebagai pekerja hendaklah juga turut dijaga. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Ada beberapa perkara yang dapat kaola catatkan di sini yang telah dikemukakan.

Pertama cadangan untuk menilai atau memantau dengan tujuan menilai prestasi atau istilah Melayu yang sekarang terpakai kelakonan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta. Sebenarnya keperluan ini sudah dilakukan oleh Jabatan Buruh dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta agensi pekerjaan. Mereka akan dilatih dan setelah itu ditemukan dengan majikannya dan ditawarkan sama ada akan meneruskan pekerjaan selama 2 tahun dengan insentif-insentif tertentu, bukan saja kepada mereka tetapi juga kepada majikan. Pemantauan berterusan mengenai prestasi mereka sudah dibuat dan memanglah satu hakikat bahawa pada keseluruhannya prestasi pekerja

tempatan tidaklah sama sebagaimana dengan pekerja-pekerja luar negeri, terutama sekali dari segi komitmen kerja mengikut masa.

Salah satu contoh, pekerja tempatan misalnya mereka ini hidup di Negara ini serta mempunyai keluarga. Suka duka keluarga itu melibatkan mereka. Jadi komitmen mereka kepada keluarga itu ada. Berbanding dengan pekerja-pekerja luar negeri, mereka sepenuhnya bekerja di Negara ini. Komitmen keluarga mereka adalah jauh.

Jadi apa-apa suka duka sama ada mereka akan pulang untuk menemukan suka duka itu jarang terjadi. Akan tetapi yang sering terjadi suka duka ini di kalangan masyarakat kita yang turut memberikan kesan kepada anak-anak tempatan dalam pekerjaan.

Ini adalah budaya kita. Kaola sudah pernah bercakap dalam Dewan ini pada tahun lepas dan pada tahun sebelumnya, ianya adalah mengenai budaya. Kita mestilah menerima hakikat ini dan berusaha untuk membantu supaya budaya ini akhirnya berubah. Ini satu proses yang bukan sekejap. Kaola mengambil contoh, budaya kita sebagai orang Brunei menyebut anak perempuannya atau orang-orang perempuan bekerja di kedai kopi sebagai pelayan. *Taboo* dalam 60an dan 70an, tidak ada orang-orang Brunei yang bekerja menjadi juru jual ataupun jadi pekerja di kedai kopi dan di restoran-restoran, kerana itu pelayan namanya.

Jadi konotasinya itu tidak baik. Satu kejadian ialah apabila satu keluarga meminta bantuan untuk mendapatkan pekerjaan anaknya, kebetulan anaknya perempuan, jadi adalah peluang

pekerjaan. Kejadian ini berlaku lebih 15 tahun yang lalu di mana ada peluang pekerjaan di hotel yang baru dibuka. Lalu ia diterima bekerja, tetapi apabila sudah bekerja *shift* di hotel, di bahagian kaunter untuk *shift* malam, ibu bapa yang berkenaan memberitahu, "*tolongtah, galak jua usulnya si Dayang atu, anak ku atu bukan bekerja di hotel malam*" Ini *mindset* kita, tapi akhirnya setelah diterangkan dan dijelaskan kedudukannya macamana pekerjaan di hotel ini dan dimintalah ia bersabar. Alhamdulillah kerana ia bersabar, sekarang ini anak itu masih bekerja dan telah menjawat jawatan yang lebih baik di hotel.

ini adalah sebenarnya *mindset*. Sama juga keadaan bagi isteri yang bekerja di pasar raya. Waktu habis bekerja pukul 10.00 malam. Kalau ia bekerja sebagai Juruwang, ia bertanggungjawab untuk menyerahkan segala akaun-akaunnya yang memakan masa sekurang-kurangnya setengah jam. Ini telah menimbulkan hal kepada suami yang menunggu yang tidak sabar-sabar menunggu di kereta dan sebagainya dan menimbulkan sangkaan-sangkaan yang buruk dan memburukkan lagi keadaan. Hal-hal sedemikian sebenarnya dapat diatasi. Ianya memerlukan kefahaman daripada orang ramai dan juga terutama sekali majikan-majikan. Untuk memahami keadaan ini, menerima keadaan ini dan kalau ada rasa komitmen kepada hasrat Kerajaan untuk memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan, maka majikan-majikan hendaklah bersabar, sama-sama menunggu sehingga *mindset* ini berubah mengikut perubahan budaya kita dari semasa ke semasa. Insya-Allah akan dapat dilakukan sebagaimana contohnya tadi.

Pemantauan ini, bukan saja ke atas pekerja-pekerja tetapi juga kepada majikan-majikan. Bukan memantau majikan-majikan dalam erti kata apakah majikan memberi layanan yang baik atau tidak. Bukan itu semata-mata. Tetapi pemantauan bagaimana majikan bersiap sedia untuk mendukung hasrat Kerajaan memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Alhamdulillah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagaimana tahun lepas dinyatakan membuat pendekatan mengenal pasti bahawa ada pekerja-pekerja tempatan yang bersedia untuk bekerja di sektor swasta. Memberikan mereka ini latihan kerja dengan majikan-majikan dan apabila mereka merasa selesa untuk bekerja dengan majikan itu, mereka akan menandatangani kontrak untuk bekerja selama 2 tahun. Ini membolehkan proses-proses budaya untuk mula berjalan. Akan tetapi tidak semua percubaan akan berjalan dengan sukses kerana setelah menjalankan latihan kerja tidak semua mahu mengikuti 100% tapi purata sukses hanya menunjukkan 70-80% sahaja.

Kaola berharap di Dewan yang mulia ini supaya anak-anak tempatan akan bekerja dengan lebih taat, lebih baik dan dipantau prestasinya. Kita janganlah segera membandingkan pekerja-pekerja tempatan dengan pekerja-pekerja asing. Kita haruslah melihat mereka itu sebagai suatu entiti tempatan yang kita pegang tanggungjawabnya bersama untuk memberikan mereka pekerjaan bagi kehidupan yang lebih selesa sebagaimana yang sepatutnya di Negara ini.

Kedua mengenai dengan kajian penemuan atau penempatan yang dibuat oleh CSPA pula, perkara itu memang sudah menjadi perhatian pihak Kerajaan. Faktor-faktor yang menyebabkan anak-anak tempatan susah mendapat pekerjaan di sektor swasta ialah *mismatch* kelayakan, kelulusan dan sebagainya. Sebagai contoh tahun lepas ialah apabila Agensi Pengambilan Tenaga Kerja (APTK) di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan Ekspo Peluang Pekerjaan, banyak jawatan yang ditawarkan tetapi tidak sampai 45% dapat dipenuhi oleh anak-anak tempatan. Daripada 45% itu, yang berjaya dapat diambil pada masa Ekspo itu ialah sekitar 20-25%. Jadi di sana dapat *mismatch* tersebut.

Hal yang ditemukan oleh CSPA itu sudahpun beredar bukan saja kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tetapi juga kepada kementerian-kementerian lain yang berkenaan seperti pendidikan, kebajikan iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menangani isu mengatasi kemiskinan. Jadi perkara itu sedang diperhatikan dan mungkin rakan-rakan di sini dapat menjelaskan lagi program-program bagaimana Kerajaan mengatasi masalah ini sama ada sedang dibuat atau telah dibuat dan sudahpun menampakkan hasilnya.

Adakah mereka ini diberikan latihan sesuai? Kalau setakat APTK memang mereka diberikan latihan. Kemudian program-program yang lain juga diberikan dengan menambah kelayakan mereka dengan adanya skim-skim dermasiswa diberikan kepada mereka untuk mengikuti pelajaran lanjutan di dalam Negeri ini secara swasta. Serbuan ke atas pekerja asing memang dipersetujui dalam

pengukuasaan undang-undang iaitu dari segi penyalahgunaan lesen dan bagi orang yang tamat tempoh tinggal di dalam Negeri.

Ini adalah antara perkara-perkara yang ditekankan, selain daripada kesalahan-kesalahan lain kerana kumpulan yang mengadakan serbuan-serbuan itu adalah kumpulan yang meliputi semua bidang seperti dari pihak Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan agensi-agensi pengkuat kuasa undang-undang yang lain.

Kaola bersetuju dan mengalu-alukan saranan tersebut hendaklah dikuatkuasakan, dikeraskan dan ditegaskan lagi untuk melindungi pekerja-perkerja ini dari segi keselesaan mereka. Sebagaimana yang kaola nyatakan semalam, sebanyak 700 serbuan telah dibuat. Serbuan-serbuan itu banyak mendapati penyalahgunaan-penyalahgunaan dan sebagainya dan juga didapati bahawa tempat tinggal yang dilihat daripada laporan-laporan yang tersiar di akhbar-akhbar, ternyata mereka itu ada yang tinggal di tempat-tempat yang kurang selesa yang mana ini juga diambil perhatian dalam serbuan-serbuan tersebut.

Sama-samalah kita menyeru kepada majikan-majikan supaya memenuhi tanggungjawab sebagai majikan. Bukan saja mengambil keuntungan dari segi kewangan dengan mengabaikan keselesaan pekerja. Itu adalah tanggungjawab majikan untuk memberikan layanan dan keselesaan kepada pekerja-pekerja asing yang memerlukan tempat tinggal dan sebagainya. Kerajaan dengan undang-undang yang sedia ada berperanan untuk

mengawal dan mengatasi jika ada perkara-perkara yang menyalahi undang-undang. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ingin memberikan penjelasan sedikit mengenai dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin iaitu mengenai dengan latihan-latihan teknikal kepada para belia bagi mempersiapkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran terutama di pihak sektor swasta.

Yang Berhormat Pengerusi, di bawah kelolaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu di Pusat Pembangunan Belia, terdapat kursus-kursus yang dikhususkan untuk para belia menceburinya iaitu di dalam pelbagai bidang termasuk bidang teknikal. Ada terdapat 9 kursus yang diperkenalkan di sana iaitu secara kursus tetap seperti Kursus Teknologi Informasi dan Komunikasi, Kursus Seni Kuliner dan Bankuet, Kursus Pastrri dan *Confectionery*, Kursus Teknologi Rekaan Fesyen, Kursus Terapi Kecantikan dan ini termasuk juga di bidang teknikal seperti Kursus Baik Pulih Badan Kenderaan, Kursus Kimpalan dan Fabrikasi, Kursus Penghawa Dingin dan Pendinginan dan Kursus Pemasangan Paip Air (*Domestic Plumbing*).

Daripada statistik yang terdapat iaitu pada tahun 2012, seramai 114 orang belia telahpun mengikuti kursus-kursus berkenaan. Manakala bagi tahun 2013, ada seramai 122 belia yang mengikuti kursus berkenaan. Di samping kursus-kursus yang diberikan dalam bentuk yang dinyatakan tadi Yang Berhormat Pengerusi, juga ditekankan semasa dalam mengikuti kursus berkenaan ialah program-program pembangunan diri ke arah mengubah sikap ataupun perangai para belia yang mengikuti kursus-kursus di Pusat Pembangunan Belia bagi mempersiapkan diri mereka untuk menjadi *marketable* di pasaran swasta di mana 12 aspek nilai ditekankan dalam kursus-kursus yang mereka ikuti iaitu nilai disiplin, pendidikan umum, pendidikan moral, pendidikan agama, kesihatan dan kebersihan diri, pengurusan kewangan, pengurusan perhubungan, etika kerja, sikap positif dan *proaktif*, penglibatan dalam komuniti dan daya kepimpinan.

Alhamdulillah bagi pengambilan tahun 2011/2012, yang mana melibatkan 160 orang pelatih yang mengikuti kursus di Pusat Pembangunan Belia, 75% daripada pelatih-pelatih telah pun menamatkan kursus mereka dan telah pun mendapat pekerjaan, berniaga ataupun menyambung pelajaran mereka. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Menteri Pendidikan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengongsikan di sini dari pertanyaan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King

Chin bahawa sebenarnya institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional di Negara Brunei Darussalam ini menawarkan kursus-kursus yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi seperti *welding, brick laying, air-conditioning, vehicle body repair* dan sebagainya. Malangnya ada di antara kursus ini tidak ramai pelajar-pelajar kita memasukinya. Pada memenuhi keperluan permintaan tempat-tempat di sekolah-sekolah teknik dan vokasional sejak 2 tahun lepas, Kementerian Pendidikan telah pun meningkatkan pengambilan ke semua sekolah-sekolah teknik dan vokasional bagi menampung keperluan pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki aliran akademik (masuk ke Tingkatan Enam). Apa yang saya ingin kongsi di sini ialah masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi adalah masalah bagi pelajar-pelajar yang telah pun keluar daripada sistem pendidikan.

Saya di sini ingin untuk menjelaskan bahawa kita sekarang berusaha untuk mengatasi perkara-perkara ini dari dalam sistem pendidikan sendiri. Untuk tujuan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menitahkan kepentingan pelajaran teknikal dan vokasional dan kerana itu mulai tahun lepas Kementerian Pendidikan telah pun menilai semula akan kursus-kursus, kedudukan maktab-maktab, sekolah-sekolah teknikal dan vokasional. Perkara ini diteruskan pada tahun ini dengan mendatangkan seorang konsultan daripada luar negeri. Insya-Allah, kaola akan menerangkan perkara ini apabila kita membincangkan Tajuk Kementerian Pendidikan nanti.

Di dalam Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN 21), di peringkat menengah ianya memberikan *multiple pathway* bermakna beberapa laluan yang boleh diambil oleh pelajar-pelajar mengikut kecenderungan dan minat mereka. Kita mempunyai program apa yang dikatakan sebagai *General Program* empat tahun iaitu pelajar yang berkebolehan untuk menamatkan pengajian 'O' level dalam empat tahun, *General Program* lima tahun bagi pelajar-pelajar biasa dan kita mempunyai *Special Applied Programme*. *Special Applied Programme* ini ialah bagi pelajar-pelajar yang *performance academic* mereka adalah berkurangan dan mereka ini akan disalurkan untuk memilih mata-mata pelajaran yang berorientasikan teknikal vokasional dengan menduduki peperiksaan-peperiksaan bukan lagi 'O' level tetapi pada masa ini *Edexcel*. Dan mata-mata pelajaran yang mereka ikuti juga sekarang ini dipelbagaikan seperti *Business, Art and Technology* dan *Design and Technology* dan sebagainya.

Dengan harapan bahawa apabila mereka ini menamatkan pengajian menengah mereka, mereka ini akan memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri kerana ada ditimbulkan masalah *mismatch* di mana masalah pelajar-pelajar hanya mempunyai 'O' level dalam Bahasa Melayu, Ugama dan Arts yang mana kemahiran-kemahiran seperti ini kurang diperlukan di pasaran. Diharapkan dengan mereka mengikuti mata pelajaran-mata pelajaran yang lebih diperlukan atau lebih relevan kepada keperluan industri maka, insya-Allah kita mengharap mereka ini dapat diambil oleh pihak industri.

Pada masa ini Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Jabatan Tenaga untuk menyalurkan pelajar-pelajar selepas 'O' level yang tidak dapat meneruskan pengajian mereka ke peringkat tinggi untuk memenuhi kekosongan-kekosongan jawatan di dalam bidang Industri Minyak dan Gas. Usaha ini telah pun dijalankan sejak tahun lepas dan tahun ini insya-Allah akan dijalankan lagi. Dengan usaha-usaha seperti ini iaitu usaha sebelum pelajar menamatkan pengajian menengah dan usaha yang sedang berjalan dengan jabatan-jabatan lain. Kita berharap kita akan dapat mengurangkan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin. Terima kasih Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya hanya bercakap sedikit sahaja kerana apa yang saya akan utarakan pada awalnya ada persamaannya dengan perkara-perkara yang telah diutarakan oleh rakan-rakan ahli-ahli yang lain dan telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya hanya memohon kepada Jabatan Buruh supaya dapat menyenaraikan nama-nama agen yang telah diberi lesen kebenaran bagi pengambilan pekerja luar negeri sama ada di papan-papan tanda kenyataan Jabatan Buruh ataupun di akhbar-akhbar tempatan bagi pengetahuan umum dan mengelakkan mereka itu berurusan dengan agen-agen yang tidak sah atau kurang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih Pehin.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Yusof bin Dulamin, wakil Daerah Belait - Zon 2, kaola Yang ingin menyatakan bahawa senarai agensi pekerjaan sebanyak 90 agensi yang ada di seluruh negeri ada tersenarai dalam laman web yang dapat dilayari oleh orang ramai. Selain daripada itu, usul daripada Yang Berhormat Haji Mohd Yusof bin Dulamin supaya ia juga disiarkan dalam media-media, insya-Allah akan dapat difikirkan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada 3 isu untuk dibentangkan:

1. Mengenai Kaunter Pelanggan di Jabatan Buruh. Jabatan Buruh sering dikunjungi oleh orang ramai bagi membuat perjumpaan, menghadapkan berbagai-bagai permohonan serta menghantar permohonan yang berkaitan dengan bidang perniagaan dan keperluan mereka. Oleh kerana keperluan ini semakin meningkat, saya ingin mencadangkan agar kaunter pelanggan dibuka pada waktu bekerja daripada jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang (*non-stop*) secara bergilir-gilir. Yang Berhormat Pengerusi, perkara yang sedemikian ini akan memberikan peluang kepada orang ramai berurusan disamping menjimatkan masa mereka supaya tidak keluar waktu bekerja bagi pekerja sektor swasta dan sektor awam. Dalam kesempatan ini juga, Yang Berhormat Pehin, kaola memohon

izin jika diberikan kebenaran, mencadangkan semua agensi ataupun kementerian di mana-mana jua yang sering dikunjungi oleh pelanggan atau orang ramai akan berbuat sedemikian iaitu membuka kaunter masing-masing sepertimana yang kaola maksudkan.

2. Mengenai permohonan pendaftaran pekerjaan di Jabatan Buruh. Permohonan pekerjaan di jabatan ini memang sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Soalan kaola, adakah pemantauan telah dibuat kepada permohonan pekerjaan ini sama ada sudah beroleh pekerjaan atau masih menunggu kekosongan? Dan jika sudah mendapat pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta, adakah mereka ini dikehendaki memaklumkan ke Jabatan Buruh?;
3. Mengenai pekerja asing yang sudah ditimbulkan tapi jika sudah mendapat jawapan maka tidak perlulah diberikan jawapan. Kaola juga ingin mencadangkan agar pekerja asing yang akan bekerja di Negara ini dikehendaki menjalani sesi orientasi sebelum mereka ditempatkan bekerja di sektor swasta dan majikan-majikan yang berkehendakkan khidmat mereka.

Melalui sesi orientasi ini akan dapat memberikan kefahaman kepada mereka mengenai berbagai-bagai aspek yang perlu diikuti dan disesuaikan dengan budaya yang kita amalkan. Terutamanya yang akan bekerja sebagai buruh binaan, pengangkutan, pertanian, pembantu rumah dan sebagainya. Perkara ini tidak akan membebankan Jabatan Buruh 100% tetapi akan dipikul bersama oleh agensi-agensi dan pengamal perburuhan.

Ianya telah diamalkan oleh banyak agensi dan pengusaha serta syarikat-syarikat besar seperti BLNG, BSM dan Syarikat Tasamul, CBT dan seumpamanya. Sebagai misalan, guru-guru CBT sebelum bertugas di Kementerian Pendidikan dan ditugaskan di sekolah-sekolah, mereka ini dimestikan untuk menjalani orientasi bagi memahami budaya kita dari segi pakaian dan sebagainya.

Rasionalnya adalah untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni, efisien dan bertimbang rasa serta menghormati budaya kita. Apa yang berlaku sekarang ini banyak menimbulkan masalah kepada majikan dan impak sosial kepada Negara seperti tidak berdisiplin, membawa budaya yang bertentangan dengan budaya kita seperti berpakaian tidak senonoh, membuang sampah di merata tempat dan tidak mematuhi peraturan jalan raya dan seumpamanya.

Semua ini hendaklah diambil kira untuk jangka masa pendek dan panjang bagi Negara kita yang sedang membangun dalam semua aspek. Bukan sahaja infrastruktur, malahan juga rohani dan jasmani sesuai dengan falsafah Negara, Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Tuan Haji Jumat bin Akim dari Brunei-Muara, Zon 4. Ketiga-tiga perkara itu secara ringkasnya adalah suatu saranan yang baik dan kaola ingin mencatatkannya untuk diambil perhatian. Misalnya, kaunter Jabatan Buruh juga dibukakan di waktu masa rehat. Dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang ianya tidak ditutup dan akan dijaga secara



bergilir-gilir. Jika ianya belum dibuat, insya-Allah akan dipertimbangkan.

Mengenai orang mendaftar untuk bekerja di Jabatan Buruh. Kini sudah berpindah ke Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Bahagian Agensi Pengambilan Pekerja-Pekerja Tempatan (APTK). Agensi inilah yang bertanggungjawab menerima pendaftaran mereka dan mengadakan siasatan kepada mereka serta keberminatn untuk bekerja. Dan dari sinilah sebagaimana yang dinyatakan tadi kalau ada majikan-majikan yang dapat menerima mereka atau yang difikirkan dalam rancangan skim-skim yang dilakukan dalam latihan-latihan, maka mereka akan dimasukkan ke sana.

Kalau mereka setakat mendaftar tetapi tidak mengikuti latihan-latihan maka nama mereka hanya dicatat sahaja. Tetapi jika sudah mendapat pekerjaan dan disuruh datang kembali untuk menyatakan kepada jabatan ini, mereka tidak akan datang. Bagaimanapun di satu masa kemudian ia datang semula untuk mendaftar. Ertinya sama ada dari daftar pertama kepada daftar kedua itu ia sudah mendapat pekerjaan tetapi datang semula untuk mendapatkan pekerjaan lagi setelah berhenti pada pekerjaannya yang awal. Itulah keadaannya pada masa ini.

Rancangan Orientasi bagi pekerja asing adalah satu saranan yang baik dan akan diambil perhatian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE05A - Jabatan Buruh ada baiknya diundi. Ada tambahan lagi dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Pengerusi supaya sebelum pengundian dilakukan, kaola ingin membuat sedikit kenyataan berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan berhubung dengan perburuhan ini.

1. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui agensi-agensi jabatan yang berkenaan telah mengambil langkah pertama sekali untuk meminda undang-undang iaitu Perintah Pekerjaan 2006. Mengenai kadar gaji dalam Bab 123 Perintah Pekerjaan iaitu bab tersebut cuma menyatakan kadar gaji di bawah Perintah itu adalah \$1,600.00 untuk dinaikkan menjadi \$3,000.00. Ini bukan bermaksud kenaikan gaji, akan tetapi kenaikan kadar gaji bagi membolehkan pekerja-pekerja itu jika ada terjadi pertikaian industri, pertikaian dengan majikan dan sebagainya maka mereka yang bergaji sehingga kepada \$3,000.00 ini boleh dilindungi atau boleh mengadu kepada agensi pekerjaan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya Kementerian akan menjadi orang tengah untuk menyelesaikan dan sebagainya.

Pada masa ini, hanya pekerja-pekerja yang bergaji sehingga kepada \$1,600.00 yang boleh dilindungi atau mengadu kepada agensi pekerjaan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tapi isunya sudah nyata sekarang ini ada kejadian-kejadian pertikaian industri perusahaan di kalangan pekerja-pekerja tempatan dengan majikan-majikan. Mereka ini sudah melimpasi gaji \$1,600.00, jadi di bawah undang-undang, Kerajaan tidak

mempunyai kuasa undang-undang untuk campur tangan.

2. Sebagaimana yang kaola nyatakan semalam iaitu untuk meminda Perintah Pekerjaan mengenai dengan tempoh kelamaan pekerja asing bahagian Amah saja untuk dinaikkan daripada 2 tahun kepada tiga 3 tahun. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ghafor @ Haji Md. Daud bin Karim semalam mengenai kesulitan dan tanggungan yang berat. Itulah yang diambil kira oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam hal ini dan langkah telah diambil kira untuk meminda undang-undang tersebut.
3. Mengenai perlindungan Takaful Perubatan dan Rawatan. Disebut *Medical Insurance* di sini bagi setiap pekerja sebanyak \$10,000.00. Kadar ini adalah mengikut skop yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Ertinya, majikan dikehendaki untuk membelikan Takaful Insuran Perubatan dan Rawatan bagi setiap pekerjanya. Pada masa ini cuma Insuran ataupun Takaful Keselamatan dan Jaminan tetapi sekarang ini ialah berhubung dengan rawatan dan perubatan yang kadarnya \$10,000.00.

Pemindaan ke atas undang-undang berkenaan juga telah dibuat ke atas undang-undang yang berkenaan juga telah dibuat iaitu dengan memasukkan ke dalam syarat lesen di bawah Akta Lesen-Lesen Rampaian bagi mewajibkan majikan-majikan memberikan kepada pekerjanya kelonggaran untuk menunaikan solat Jumaat. Pada masa ini sudah ditentukan kita akan membuat penutupan sementara untuk semua

premis-premis perniagaan, tempat bersukan dan sebagainya pada jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang. Akan tetapi perkara ini memerlukan sokongan undang-undang bagi pekerja-pekerja Islam tersebut untuk diberikan kelonggaran waktu bekerja dan ini adalah tanggungjawab majikan.

Orang ramai mungkin memikirkan dengan adanya penutupan jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang sudah memadai gedung perniagaan ditutup tetapi mungkin mereka ini dikehendaki membuat kerja-kerja yang tidak nampak dalam masa penutupan itu. Akan tetapi dengan mengadakan syarat untuk mereka, majikan-majikan hendaklah memberikan kelonggaran di bawah syarat lesennya maka dengan sendirinya maksud orang Islam untuk menunaikan sembahyang itu adalah disokong dengan kehendak undang-undang.

Demikianlah yang kaola ingin nyatakan dan kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan perhatian kepada Jabatan Buruh sebegitu baik. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada baiknya Tajuk ini diundi, yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE05A - Jabatan Buruh diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE05A - Jabatan Buruh dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk berikutnya SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuma ingin memberi gambaran tentang fungsi dan peranan Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan juga ada beberapa perkara yang berhubung kait dengan Jabatan Daerah Brunei dan Muara dalam pelaksanaan dan bantuan-bantuan kepada rumah orang daif.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara sebagai jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan dan pentadbiran yang menyeluruh termasuk institusi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara kerana telah berjaya memberikan berbagai kemudahan dan keperluan kepada pembangunan kampung dan mukim mengikut kemampuan melalui peruntukan yang telah diberikan.

Alhamdulillah pada tahun 2013, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah diberikan peruntukan sebanyak \$13.6 juta. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan supaya bantuan-bantuan yang diluluskan oleh beberapa agensi seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB)

dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk pembinaan rumah orang daif akan dapat disalurkan terus kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi mempercepatkan proses dan pelaksanaan projek berkenaan. Apa yang dimaklumkan, pada masa ini permohonan yang dihadapkan kepada agensi berkenaan terutama sekali kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan *Quick-Win* sudah menjangkau 800 permohonan bagi membaik pulih rumah dan membina rumah.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan bilangan kakitangan yang terhad telah dapat menangani pelaksanaan tersebut. Apabila sahaja menerima lampu hijau dan mendapat peruntukan daripada agensi yang disebutkan di atas, peranan jabatan ini sebagai pelaksana memerlukan kerjasama daripada semua agensi berkenaan bagi mempercepatkan dan memeduli kepentingan golongan yang memerlukan bantuan. Di samping peranan yang disebutkan di atas, Jabatan Daerah Brunei dan Muara melaksanakan berbagai projek bagi meningkatkan keberkesanan Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) khususnya memeduli keperluan asas seperti membina jambatan, membina tempat riadah dan membantu secara bergotong-royong bagi melaksanakan aktiviti yang berkeabajikan.

Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mencadangkan supaya peruntukan akan dapat ditingkatkan lagi kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan juga memohon kerjasama daripada agensi berkenaan agar pelaksanaan proses pemberian bantuan daripada agensi seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensinya yang lain itu akan dapat dipercepatkan kerana Jabatan Daerah Brunei dan Muara selaku pelaksana akan bertindak mengikut keupayaan dan kemampuan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim wakil Daerah Brunei dan Muara, Zon 4.

Mengenai agensi berkenaan untuk menyalurkan bantuan kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, kalau kaola tidak silap semalam ada daerah lain menyuarakan supaya projek *Quick Win* sebenarnya yang dimaksudkan ini ada satu *task force* komiti yang dianggotai oleh beberapa kementerian tetapi dipengerusikan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan suatu *fund* yang disediakan daripada asnaf zakat iaitu lebihan baki wang zakat yang diperuntukan bagi membantu asnaf-asnaf zakat yang memerlukan perumahan iaitu berjumlah \$35 juta. Jadi *fund* ini dikendalikan oleh jawatankuasa berkenaan dan ini yang dimaksudkan oleh mereka supaya mana-mana yang dapat disalurkan kepada daerah-daerah. Kaola tidak dapat mengulas perkara ini Yang Berhormat Pengerusi. Rakan kaola yang berkenaan mungkin dapat memberikan ulasan mengenainya.

Tapi satu perkara yang barangkali salah pendekatan daripada Yang Berhormat itu seolah-olah bantuan-bantuan yang disalurkan daripada Jabatan Perdana Menteri, Majlis Ugama Islam Brunei dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah

kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara sebagai pelaksana lambat dan sebagainya. Bagi kaola sebenarnya bukan isunya. Kalau dilihat Jabatan Daerah Brunei dan Muara yang menjadi pelaksana kepada rancangan-rancangan kebajikan, membantu penduduk-penduduk di Daerah Brunei dan Muara yang memerlukan perumahan sama ada rumah baru ataupun rumah yang dibeli dan diperbaiki dan diberikan kepada mereka atau membaiki rumah ataupun bantuan-bantuan kewangan dan sebagainya selain daripada bantuan-bantuan dari masa ke semasa apabila terjadinya bencana, semua ini dikendalikan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara melalui Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Setakat tahun 2012 sahaja, Tabung Amal ini telah menyalurkan sebanyak \$1.88 juta bagi tujuan-tujuan kebajikan di Daerah Brunei dan Muara. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, mengenai dengan pertanyaan ataupun pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai dengan bantuan membina rumah pada mereka yang memerlukan.

Sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah terlibat melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam mana bantuan bagi membina atau membaiki rumah lazimnya dibuat secara bersepadu atau dengan kerjasama daripada agensi-agensinya berkenaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Majlis Ugama

Islam Brunei, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dengan cara *cost sharing*. Dalam menimbangkan permohonan-permohonan untuk membina rumah atau membaiki rumah, adakalanya memakan masa untuk diluluskan disebabkan oleh beberapa perkara, yang mana perlu juga diperjelaskan supaya dapat difahami akan sebab-sebab kelambatan tersebut:

1. Pemohon tidak memiliki tanah atau tanah berkenaan masih atas nama orang lain, lazimnya nama Allahyarham suami, ayah dan sebagainya dan proses tukar nama akan memakan masa yang tertentu.
2. Rumah yang didiami yang memerlukan pembaikan masih atas nama orang lain sama ada belum ditukar milik atau sebagainya.
3. Permohonan dibuat atas nama ibu bapa yang sudah tua oleh pemohon tetapi apabila disiasat rumah berkenaan atas nama anak-anak yang tinggal di rumah tersebut, jadi mereka difikirkan dapat membantu untuk membaiki rumah berkenaan secara perlahan-perlahan.
4. Bagi kes-kes tertentu pula, Jabatan Pembangunan Masyarakat memerlukan sumbangan daripada ahli kerluarga terutama anak-anak yang boleh membantu di samping bantuan daripada pihak Kerajaan dan sering kali komitmen dari ahli keluarga berkenaan lambat diperolehi.
5. Tunggakan bil air atau elektrik yang menyebabkan kesulitan dalam proses permohonan yang mana

semua tunggakan haruslah dijelaskan terlebih dahulu sebelum tindakan seterusnya dapat diambil.

Walau bagaimanapun, bagi permohonan bantuan untuk membina rumah yang tidak mempunyai masalah, lazimnya rumah berkenaan akan dapat disiapkan dalam masa lebih kurang 6 bulan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua di atas saranan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat tadi, kaola akan menambah sedikit sahaja kerana ianya juga melibatkan Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan dengan *Quick-Win* ini. Sebenarnya untuk melaksanakan projek ini ianya adalah gabungan beberapa Kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan.

Sebagaimana yang sudah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, memang ada jawatankuasanya. Ada 2 Jawatankuasa dan 1 kumpulan kerja.

Jawatankuasa tersebut ialah:

1. Jawatankuasa Pengesahan Bantuan Perumahan yang bertujuan menilai, mengesahkan dan mempercepatkan proses bantuan.
2. Jawatankuasa Bertindak, Penyediaan, Pembinaan Perumahan Bantuan

bertujuan untuk menentukan kedudukan tapak-tapak tanah dan memproses pemberian rumah, bagi permohonan yang tidak memiliki tanah atau permohonan yang mempunyai tanah yang bermasalah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat rakan sejawat kaola Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Manakala, kumpulan kerja penyiasat bantuan perumahan adalah bertujuan untuk menyelaras dan menyediakan laporan senarai pemohon. Sumbernya adalah diperolehi melalui kumpulan wang zakat Majlis Ugama Islam sebanyak \$35 juta, Jabatan Pembangunan Masyarakat melalui Peruntukan Khas, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Jabatan-Jabatan Daerah melalui Tabung Khas Jabatan. Setakat ini, seramai 153 orang telah dikenal pasti layak untuk diberikan bantuan perumahan melalui projek ini. Dari jumlah tersebut sebanyak 49 buah rumah telah pun siap dan diserahkan kepada penerima-penerima bantuan termasuk 4 buah yang dibaikpulih, 18 buah akan dibina dalam waktu terdekat, insya-Allah, dan beberapa buah telah pun melalui proses tender.

Dalam perkara ini, beberapa permohonan juga telah disahkan oleh Jawatankuasa Pengesahan dan diluluskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei untuk proses selanjutnya. Masalah-masalah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi telah difikirkan, jadi Jawatankuasa berkenaan akan mencari cara-cara *way forward* dari segi perancangan masa depan. Pada masa ini sebanyak 841 permohonan sedang diteliti seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Dalam pada itu, jawatankuasa berkenaan juga cuba untuk menjimatkan kawasan tanah dan kos pembinaan serta dapat mempercepatkan kelulusan permohonan-permohonan ini dengan meningkatkan proses kordinasi yang mana termasuklah mensejajarkan jenis rumah bantuan dengan Skim Perumahan Negara untuk mengurangkan harga pembinaan rumah bantuan dan menyerapkan permohonan bantuan rumah ke Skim Rancangan Perumahan Negara, terutama di kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara yang dapat menampung permohonan ini.

Dalam perkara ini kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti adalah kawasan Perumahan Negara di Daerah Belait dan Tutong yang mana beberapa perumahan boleh diperuntukan kepada permohonan-permohonan berkelayakan tetapi maklumat yang didapati bahawa ini adalah satu cabaran juga sebabnya ada orang-orang yang terlibat itu tidak bersetuju untuk menyertai ataupun dipindah ke tempat-tempat yang lain seperti yang telah diperuntukkan.

Kemudian mempertimbangkan reka bentuk yang lebih efisien dari aspek penggunaan tanah dan kos pembinaan bagi penempatan rumah-rumah supaya ianya tersusun dan mengenal pasti lebih banyak lagi kawasan tanah yang bersesuaian bagi penempatan tersusun untuk jangka masa panjang. Di samping itu, Jawatankuasa bertindak juga telah mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan di daerah-daerah selaku pengerusi kumpulan kerja penyiasat setiap daerah bagi membincangkan perkara yang berbangkit termasuk kapasiti keupayaan menyiasat dan juga memantapkan proses permohonan agar lebih teratur. Borang

lawatan dan siasatan telah dikemaskinikan dan semuanya ini adalah semata-mata untuk mempercepatkan lagi proses. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit kalau boleh ringkas sahaja.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, setelah Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bersetuju untuk membuat aktiviti, baru dipohonkan peruntukan, biasanya peruntukan yang diberi tidak mencukupi dan memakan waktu. Oleh sebab peruntukan tidak mencukupi maka Penghulu atau Ketua Kampung menampung perbelanjaan selebihnya. Banyak sungutan oleh Penghulu dan Ketua Kampung dan juga ada yang tawar hati untuk membuat aktiviti-aktiviti mukim dan kampung. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit dari Daerah Brunei dan Muara, Zon 3, sebagaimana semalam juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapor, kaola memohon agar masalah bantuan bagi tujuan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung tidak dapat ditampungi oleh Jabatan Daerah maka bolehlah berunding dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memikirkan apa yang sepatutnya dapat dibuat terutama sekali kaola ingin menambah daripada jawapan semalam bahawa perkara ini agak menarik kerana ada isu bebanan yang semakin berat ditanggung oleh Penghulu dan Ketua Kampung.

Sebenarnya, itu yang kita hajatkan dalam kepimpinan dan kita juga tidak mahu mereka merasa bebanan kewangan. Oleh yang demikian, kaola bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil perhatian bagaimana untuk membantu mereka melaksanakan kerja-kerja Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan tidak menjejaskan atau tidak membebankan kewangan mereka. Kaola serukan untuk berbincang dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Saya cuma ingin menambah sedikit saja maklumat yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai dengan skim rumah daif ini. Yang sebenarnya Kementerian Pembangunan sudah ada projek di Kampung Tagap bagi membangun rumah sebanyak 12 buah dan dijangka siap dalam bulan Mac 2014 dan di Mukim Lumapas, 1 buah rumah (rumah individu). Di samping itu sebagai maklumat tambahan, bagi rakyat Negara Brunei Darussalam yang memohon rumah yang daif dan bagi mempercepatkan prosesnya, permohonan ini dimasukkan dalam kawasan perumahan negara di Daerah Belait dan Daerah Tutong. Dengan cara ini, ianya akan lebih cepat sebabnya kita sentiasa membangun rumah untuk pemohon-pemohon di bawah skim yang kedua ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SE06A – Pejabat Daerah Brunei dan Muara ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE06A - Pejabat Daerah Brunei dan Muara dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan diperingkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan ditangguhkan dulu untuk berihat selama 20 minit. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan tetapi untuk membolehkan perbincangan diperingkat Jawatankuasa disambung

semula maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula dan masih lagi kita membincangkan atau membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh yang demikian, perbincangan berpindah ke Tajuk seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait dibuka untuk dibahaskan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Saya mempunyai satu perkara sahaja, sangat pendek iaitu mengenai aktiviti Satu Kampung Satu Produk terutama apabila Majlis Perundingan Mukim dan Kampung terlibat dan dinasihatkan untuk mengaktifkan kegiatan-kegiatan mukim dan kampung. Sebelum ini, rakan Yang Berhormat yang lain telah menyuarakan mengapa sesetengah Majlis Perundingan Mukim dan Kampung tidak berupaya dan tidak berminat untuk menjalankan aktiviti-



aktiviti di Mukim dan Kampung mereka kerana bermasalah mendapatkan bajet atau kewangan untuk mengendalikannya.

Saya ingin mengongsikan pengalaman dalam perkara ini iaitu saya pernah mendapat bantuan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Belait, iaitu wang pendahuluan sebelum aktiviti-aktiviti itu dijalankan. Alhamdulillah, saya dapat mengendalikannya dengan lebih sempurna dan teratur. Kemudian kemudahan-kemudahan tersebut ditarik balik. Sekiranya ada peraturan baru mengatakan bahawa jika ada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk mengadakan apa-apa saja kegiatan, terpaksa menggunakan kewangan Penghulu dan Ketua Kampung itu sendiri. Ini penyebabnya maka sesetengah kampung tidak mampu untuk mengendalikan satu-satu projek itu. Maka saya ingin merayu atau memohon supaya kaedah-kaedah yang pernah saya alami dan gunakan itu telah pun berhasil dan berjaya, dikembalikan wang pendahuluan kepada Penghulu dan Ketua Kampung itu.

Sekiranya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau Jabatan Daerah atau Kementerian Kewangan mempunyai kewahaman atau ragu-ragu kerana takut disalahgunakan, kita boleh mengadakan dasar dan peraturan bagi siapa-siapa Penghulu dan Ketua Kampung yang menyalahgunakan kewangan tersebut, untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Kita memohon pengecualian dalam hal ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih atas perhatian kepada macamana untuk

mengaktifkan atau mendorong lagi Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang belum menyertai Projek Satu Kampung Satu Produk dengan bantuan kewangan dan berdasarkan kepada pengalaman Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Shafiee bin Ahmad itu, pernah diberikan wang pendahuluan untuk memulakan projek mereka dan perkara ini mengikut Yang Berhormat telah ditiadakan.

Kaola akan melihat perkara ini dengan teliti lagi terutama sekali apabila pada tahun ini tajuk Perbelanjaan Berulang-ulang yang diperuntukkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terdapat berjumlah \$200,000.00 tambahan daripada peruntukan asal berjumlah \$400,000.00 menjadi \$600,000.00 pada tahun ini. Mudah-mudahan dengan peruntukkan ini hal-hal seperti ini akan dapat dilihat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam membahaskan Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait, kaola akan berkongsi pandangan sahaja sepertimana yang saya perhatikan bahawa peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Daerah Belait hanya berjumlah lebih \$4.6 juta yang saya anggap sedikit dibandingkan dengan daerah-daerah lain.

Dengan jumlah peruntukan yang agak terhad itu, Pejabat Daerah Belait kurang mampu menangani projek-projek yang dikendalikan. Oleh itu, saya berharap melalui Dewan yang mulia ini supaya

Jabatan Daerah Belait akan dapat diberi pertimbangan peruntukan mengikut keperluan-keperluan yang dipohonkan supaya Jabatan Daerah Belait akan terus berkembang seiring dengan daerah-daerah di Negara Brunei Darussalam ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Kaola mengambil perhatian atas saranan Yang Berhormat itu. Untuk makluman juga, Pejabat Daerah Belait ada peruntukkan di bawah Perbelanjaan Khas berjumlah \$623,500.00 yang mana antaranya menaiktaraf jalan-jalan kecil Daerah Belait, menggantikan dan mengubah suai kemudahan-kemudahan awam di daerah tersebut. Perbandingan peruntukan di antara daerah-daerah itu yang sedikit mungkin berdasarkan kerana keperluan-keperluan untuk membelanjakan projek-projek tidaklah dapat dipertimbangkan buat masa ini menyebabkan ianya tidak banyak jumlah kewangannya. Walau bagaimanapun, sebagaimana kaola nyatakan dalam Peruntukkan Khas berjumlah \$632,500.00 untuk dibelanjakan bagi tujuan-tujuan menaiktaraf jalan-jalan kecil Daerah Belait bagi menggantikan dan mengubahsuai kemudahan-kemudahan awam di Daerah Belait. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada baiknya SE07A - Pejabat Daerah Belait ini diundi, siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE07A - Pejabat Daerah Belait dijadikan sebahagian daripada Jadual. Beralih ke Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong dibuka untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mengambil bahagian dalam peruntukan Pejabat Daerah Tutong ini ada beberapa perkara yang patut ditimbulkan:

1. Saya sesungguhnya prihatin kepada gaji pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Tutong ini. Umpamanya Pegawai Daerah, dalam tahun 2012/2013 berjumlah \$81,600.00 manakala, bagi tahun 2013/2014 berjumlah \$40,800.00. Mengapakah terdapat penurunan tersebut?
2. Jalan yang dibina menuju ke Tamu dan Pasar Tutong ada terganggu penyiapannya mungkin ada masalah mengenai dengan kewangan. Akan tetapi dalam Rang Undang-Undang Perbekalan 2013/2014 ini tentulah sudah ada. Dengan sebab itu, adalah diharapkan bahawa jalan tersebut akan dapat disiapkan.

3. Dalam Peruntukan bagi tahun 2013/2014 terdapat jawatan Penolong Pentadbir. Saya berpendapat bahawa jika boleh ditempatkan seorang Pegawai Pentadbir sepertimana pada tahun-tahun yang lepas.
4. Masalah perumahan orang-orang daif yang tidak mampu membinanya memang ada di Daerah Tutong. Walau bagaimanapun bahawa kerana dana sedemikian itu tidak ada dalam peruntukan di Daerah Tutong. Perkara ini haruslah diusahakan.
5. Aktiviti-aktiviti Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) tidaklah dapat dinafikan mengadakan sesuatu projek memang ada Peruntukan Khas. Namun demikian mereka agak ragu-ragu untuk menggunakan Peruntukan Khas tersebut disebabkan dalam tempoh dua minggu mestilah ada laporan, kalau tidak ada maka gaji mereka akan dipotong mengikut apa yang dinyatakan dalam surat-surat yang mereka terima. Dalam perkara ini, macamana cara mengatasi supaya gaji mereka tidak akan dipotong?

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf wakil Daerah Tutong Zon 1, ada lima perkara yang pertama ialah gaji Pegawai Daerah mengapa ia menurun yang mana perkara ini terpaksa kaola memeriksa lebih lanjut. Yang penting yang kaola ingin nyatakan semenjak beberapa bulan yang lalu Pegawai Daerah di sana bertaraf Pemangku Pegawai Daerah dan hanya baru-baru ini sahaja seorang Pegawai

Pentadbir telah dilantik untuk menjadi Pegawai Daerah sepenuhnya dan mungkin itulah faktor penyebabnya, akan tetapi kaola akan menyiasat lebih lanjut lagi.

Mengenai dengan Jalan Pasar menuju tamu itu, jika yang dimaksudkan ialah Jalan Kecil Kampung Sengkarai, maka kaola dapat menyatakan bahawa pembinaan jalan telah dimulakan pada bulan November 2011 dan telah siap pada 17 Ogos tahun lepas dan dijangka siap sepenuhnya sebaik saja jambatan konkrit siap. Faktor penyebab kenapa projek ini belum selesai dibuat ialah kerana jambatan yang menghubungkan jalan tersebut belum lagi siap dibina. Jambatan itu dijangka akan siap insya-Allah dalam bulan Jun tahun ini, kalau tidak ada apa-apa. Projek itu bukanlah terbengkalai Yang Berhormat Pehin memandangkan projek itu adalah *on going*.

Penempatan jawatan Pegawai Pentadbir ini akan ditimbang dari masa ke semasa mengikut keperluannya. Memanglah Pegawai Daerah adalah seorang Pegawai Pentadbir, penolongnya pun adalah Pegawai Pentadbir jadi keperluan untuk jawatan Pegawai Pentadbir akan dikaji lagi.

Kemudian masalah orang daif di Tutong tidak mampu untuk membuat perumahan. Mungkin perkara ini adalah di luar skop dari Jabatan Daerah Yang Berhormat Pengerusi. Rakan kaola yang berkenaan di Kementerian Pembangunan mungkin dapat menjelaskan kemudian. Perbelanjaan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang dimulakan dengan menggunakan peruntukan setelah dua minggu didapati jika peruntukan itu tidak cukup keterangannya, Pegawai berkenaan diberikan notis 2 minggu untuk

menjelaskannya dan jika tidak gaji mereka dipotong. Barangkali ada kes-kes tertentu yang belum sampai ke pengetahuan kaola. Mudah-mudahan Kementerian akan dapat menyasiat perkara ini Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Cuma saya ingin menambah sedikit mengenai pertanyaan tadi mengenai orang-orang yang mempunyai tanah tetapi tidak mampu membangun rumah. Di Kementerian Pembangunan ataupun di Jabatan Kemajuan Perumahan, kita telah pun mengambil langkah-langkah untuk menimbangkan mana-mana mereka yang mempunyai tanah tetapi tidak mampu membangun disebabkan keadaan ekonomi mereka akan dapat dipertimbangkan untuk memohon rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara. Itu saja untuk makluman, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya hanya akan menyampaikan dua isu sahaja dalam tajuk ini.

1. Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang mengambil peranan dalam menyokong dan menyampaikan Permohonan Bantuan kepada agensi-agensi yang memberikan bantuan. Umpamanya kepada Majlis Ugama

Islam (MUJIB), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah.

Dalam arahan terbaru, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang adalah diamanahkan untuk menghantar terus Borang Permohonan tersebut untuk memastikan bahawa permohonan tersebut telah diterima oleh agensi-agensi berkenaan dengan menandatangani Borang Penerimaan.

Oleh itu, saya cadangkan supaya Jabatan Daerah Tutong dapat memberi kerjasama dengan memohon bantuan Pegawai Penerima Borang Bantuan dari pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah yang ditempatkan di Pejabat Daerah Tutong secara berjadual. Umpamanya dua kali sebulan, agar para pemohon dapat berbincang terus dengan yang berkenaan sepertimana juga di Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam sudah ada di Daerah Tutong.

2. Berhubung dengan jalan kecil memang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Daerah Tutong iaitu Jalan Kecil Bang Bingol hingga ke Jalan Bang Liji yang kini rosak teruk dan berlubang-lubang yang jauhnya hanya 4 km supaya dibubuh aspal yang menyambung terus ke jalan yang sudah beraspal di kawasan Daerah Belait. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, wakil Daerah Tutong Zon 2. Perkaranya ialah untuk Penghulu-

Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung menyampaikan Borang Permohonan Bantuan kepada agensi-agensi berkenaan di Daerah Tutong. Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ada di Daerah Tutong, Majlis Ugama Islam Brunei juga ada di Daerah Tutong, jadi tidak ada masalah. Jadi satu agensi saja lagi iaitu Yayasan Haji Hassanal Bolkiah kerana tidak ada cawangannya di Daerah Tutong. Jadi permohonannya supaya agensi berkenaan untuk ditempatkan di Daerah Tutong bagi penerimaan borang-borang permohonan bagi bantuan-bantuan.

Perkara ini barangkali dapat diselesaikan bukan dengan penempatan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk di daerah-daerah tetapi masalahnya Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung memberikan notis kepada Pejabat Daerah bahawa ada borang-borang yang berhubung dengan Yayasan dan mereka tidak perlulah datang ke Bandar Seri Begawan untuk menyampaikannya, ke Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Maka pihak Jabatan Daerah akan dapat memberi maklumat kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk menetapkan kedatangan mereka pada hari-hari tertentu dalam satu bulan. Perkara ini dapat dirundingkan dengan secara demikian Yang Berhormat Pengerusi.

Ada pun jalan kecil ini termasuk dalam rangka iaitu jalan-jalan kecil di pedalaman-pedalaman yang sudah sampai masanya untuk dinaiktaraf. Jadi kaola percaya dalam hubungan ini sudah ada perancangan untuk menaiktaraf dan ini tertakluk kepada perundingan-perundingan di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan dalam hal ini. Dalam

perkara ini kaola akan memberikan penjelasan lebih lanjut apabila sampai nanti kepada sesi soal jawab mulut Yang Berhormat Pengerusi. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya menyentuh mengenai Jalan Kecil Kumpulan Peladang di luar Bandar. Mengikut penerangan ataupun jawapan yang saya kemukakan tahun lepas bahawa kedudukan Jalan Kecil Kumpulan Peladang Luar Bandar ini adalah di bawah tanggungan Jabatan Daerah dan tahun lepas dikemukakan kepada Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Jadi, pada masa ini kebanyakan jalan ini telah rosak kerana telah lama digunakan sejak 12 tahun yang lalu, tidak pernah dibaiki dan tidak pernah ditambah batunya. Oleh kerana keadaan jalan kecil ini mengalami kerosakan teruk, berlubang besar dan air bertakung didalamnya, makanya perlunya dibaiki dengan segera supaya keadaannya tidak lebih teruk lagi. Ini kerana musim buah tidak lama lagi akan datang, iaitu kira-kira dalam lima bulan dari sekarang, tentulah pengguna-pengguna jalan kecil ini lebih banyak dan lebih ramai. Kalau sekiranya tidak dibaiki, keadaan jalan itu akan lebih teruk lagi. Oleh kerana peruntukannya telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa peruntukan jalan kecil ini ada, mungkin ini termasuk juga Jalan Kecil Kumpulan Peladang Luar Bandar ini. Adalah diharapkan supaya dibaiki segera jalan-

jalan tersebut iaitu ialah Jalan Kecil Kumpulan Peladang Kampung Sentul, Kumpulan Peladang Kampung Bukit Nenas dan Kumpulan Peladang Kampung Pad Nunuk dan mungkin jalan-jalan kecil Kumpulan Peladang di seluruh negara pun mengalami keadaan serupa. Jadi sekali lagi saya Yang Berhormat Pengerusi, mengharapkan supaya usaha-usaha akan diberi kepada Kumpulan Peladang Luar Bandar ini kerana projek ini adalah ditajakan oleh Kerajaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Ringkas saja Yang Berhormat Pengerusi dalam peruntukan Perbelanjaan Khas Pejabat Daerah Tutong yang diberikan peruntukan berjumlah \$758,900.00 yang antaranya ialah Membina Jalan-Jalan Kecil dan Pemeliharaan Kemudahan Awam dan Bangunan. Mudah-mudahan jalan-jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk dalam senarai rancangan Jabatan Daerah Tutong Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada baiknya Tajuk SE08A – Pejabat Daerah Tutong diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE08A - Pejabat Daerah Tutong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong,

dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah pada tahun ini jumlah peruntukan bagi Daerah Temburong adalah sejumlah \$5.3 juta. Maka dengan jumlah peruntukan tersebut, kaola penuh berharap mudah-mudahan perkembangan projek yang sedang dan akan dilaksanakan di Daerah Temburong akan berjalan dengan lancar mengikut jadual dan masa-masa yang ditentukan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola di kesempatan di Dewan yang mulia ini, memohon izin untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pejabat Daerah Temburong yang telah dapat melaksanakan beberapa projek pembaikan dan menaik taraf kemudahan-kemudahan awam dengan jayanya di Daerah Temburong melalui Peruntukan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Khas.

Di Dewan yang mulia ini ada dua perkara yang akan kaola utarakan:

1. Masalah kekurangan tempat tumpuan letak kereta di beberapa kawasan tertentu di Pekan Bangar adalah antara masalah utama yang dihadapi oleh orang ramai di Daerah Temburong. Kaola sudah ada juga menyuarakan di Dewan Majlis yang mulia ini akan perkara ini serta masalah yang dihadapi. Kaola sukacita memohon penjelasan, sejauh ini apakah langkah-

langkah yang diambil oleh Kementerian melalui jabatan berkenaan untuk mengatasi masalah ketidak-cukupan tempat perletakan kereta di Pekan Bangar, Temburong?.

2. Mengenai dengan pembinaan Jalan Raya Selapon, Mukim Bato Apoi di Daerah Temburong, dibina oleh dua buah syarikat tempatan pada sekitar 90an di mana perbelanjaan melebihi berjumlah \$1 juta. Kaola dimaklumkan tuntutan pembayaran telah dihadapi oleh 2 buah syarikat tersebut mengikut proses kepada pihak-pihak berkenaan. Persoalannya pembayaran bagi pembinaan jalan raya tersebut hingga masa ini belum lagi dijelaskan. Kaola memohon pertimbangan di Dewan yang mulia ini supaya perkara ini akan diambil perhatian dan tindakan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Ahad, wakil Daerah Temburong. Mengenai kemudahan awam terutama sekali mengenai perkembangan letak kereta. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Daerah Temburong, Yang Berhormat tentu sekali maklum, mencari tapak-tapak. Beberapa tapak dikenalpasti untuk dipilih yang mana yang sesuai. Pekan Bangar itu sendiri, kalau dikira untuk ada cadangan-cadangan supaya berhampiran dengan jeti dan sebagainya, memang sempit dan ada kawasan-kawasan lain lagi untuk dilihat. Pendek kata perkara ini bukan tidak dilaksanakan tetapi dilaksanakan, tinggal lagi untuk menetapkan di mana tapaknya

yang lebih sesuai Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai pembayaran bagi pembinaan jalan raya yang belum dijelaskan itu, kaola minta maaf tidak dapat menjawab di sini Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berharap perkara itu dapat diajukan kepada Kementerian secara langsung dan di sini kaola mengambil catatan untuk Kementerian menyiasat dengan lebih lanjut Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada baiknya Tajuk SE09A – Pejabat Daerah Temburong diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE09A - Pejabat Daerah Temburong dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak yang berkenaan kerana dapat mencipta dan menerbitkan jenis pasport Negara Brunei Darussalam yang baru. Pasport ini dengan harga yang sama iaitu \$50 seperti pasport lama, yang mempunyai kualiti

yang amat baik dan sukar untuk dipalsukan. Selain dari itu, cara baru yang tidak menggunakan cop disetengah pos kawalan imigresen, boleh menjimatkan lembaran pasport tersebut. Walau bagaimanapun pasport ini hanya boleh digunapakai untuk sah selama 5 tahun sahaja. Jadi ini bererti pasport lama untuk digunapakai sah selama 10 tahun adalah menjimatkan. Oleh itu saya sarankan supaya dikaji semula tempoh sah penggunaannya pasport baru ini sama ada ianya disamakan seperti mengganti kad pengenalan setiap 10 tahun untuk dipanjangkan tempohnya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih. Kaola mencatatkan dan mengambil perhatian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menimbulkan tentang isu Penduduk Tetap. Kaola telah menyuarakan perkara ini pada Persidangan yang lalu. Pada masa ini, Penduduk Tetap ada 2 kategori:

1. Penduduk Tetap Brunei yang memegang pasport *Certificate of Identity* (CI).
2. Penduduk asing yang memegang pasport asing.

Seperti yang diketahui Penduduk Tetap Brunei lelaki diberikan keistimewaan khas berbanding Penduduk Tetap wanita. Pada

pendapat kaola, Penduduk Tetap lelaki dan wanita tidak perlu dibeza-bezakan, mereka juga merupakan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, kini sudah ramai wanita yang memegang jawatan tinggi seperti Presiden, Perdana Menteri dan lain-lain. Negara Brunei Darussalam kita mempunyai Timbalan Menteri wanita, *Attorney General* wanita dan juruterbang wanita dan di dalam Dewan yang mulia ini juga ada dua orang wanita dilantik sebagai Ahli Yang Berhormat. Oleh itu, status Penduduk Tetap wanita ini perlulah disemak semula.

Tentang Penduduk Tetap Brunei pasport *Certificate of Identity*, masalah berkaitan dengan pasport ini ialah jika mereka melawat ke luar negeri. Mereka akan melalui masa yang panjang untuk melimpasi imigresen kerana pasport *Certificate of Identity* ini seolah-olahnya tidak diakui di negeri lain kecuali Singapura dan Malaysia sahaja.

Ada negara-negara lain juga menggunakan pasport *Certificate of Identity*. Jikalau seseorang itu kehilangan pasport di luar negara, kedutaannya akan mengeluarkan satu dokumen sah sebagai Sijil Perakuan Cemas untuk mereka balik ke negeri asal sahaja tetapi di Brunei Darussalam, *Certificate of Identity* ialah satu dokumen yang sah untuk Penduduk Tetap belayar ke luar negeri.

Dalam Dewan yang mulia ini, jika tidak menjadi kesulitan, kaola mencadangkan supaya Sijil Perakuan Cemas bagi Penduduk Tetap yang mana muka didalamnya ada dinyatakan *permanent*



*resident* Negara Brunei Darussalam. Sebagai contoh pada tahun 80an, orang Brunei memegang pasport British, yang dalamnya dinyatakan *state of Brunei*. Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengusulkan supaya Sijil Perakuan Cemas Penduduk Tetap ini disemak semula untuk menyenangkan mereka apabila keluar negeri seperti melancong melanjutkan pelajaran tinggi dan lain-lain.

Masa ini ramai orang asing seperti orang Taiwan, Korea, Malaysia, Singapura dan lain-lain telah bermastautin di Negara ini lebih daripada 40 tahun atau lebih kerana mereka ada memiliki saudara dan turut juga membuka perniagaan kecil. Mereka menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai rumah kedua kerana Brunei Darussalam merupakan satu Negara yang berdaulat lagi aman dan damai.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan supaya mereka ini diberikan Pas Pelawat jangka panjang. Status Pas Pelawat jangka panjang ini disamakan dengan Penduduk Tetap dan boleh bekerja tanpa Pas Pekerja.

Mengenai Akta Taraf Kebangsaan, mereka yang ingin mendapat kerakyataan Brunei Darussalam, mereka perlu mengambil ujian yang disediakan oleh Lembaga Bahasa iaitu ujian tulisan ataupun ujian lisan. Kaola mencadangkan jika boleh soalan diajukan bagi warga emas dimudahkan seperti soalan kehidupan seharian dan hal ehwal semasa sahaja. Kaola berpendapat tidak perlu seseorang itu berpendidikan tinggi jika tidak setia pada Raja dan Negara. Selain itu doktor, peguam, orang korporat atau juru terbang mereka ini tidak ada masa untuk belajar bahasa kebangsaan kerana ada

tanggungjawab yang lebih penting kepada Negara.

Saya menyarankan agar mereka ini diberikan secara automatik sebagai *special privilege* untuk mendapatkan kerakyatan. Jika mereka ini tidak diberikan kerakyatan, mereka akan berhijrah ke negeri lain. Ini akan merugikan kepada Negara. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Tetapi sebelum kaola masuk untuk menjawab soalan-soalan itu, soalan pertama kaola ingin mendapatkan penjelasan iaitu ada perbezaan antara lelaki dengan wanita yang bertaraf Penduduk Tetap. Perbezaan dari segi apa dan apa contohnya. Kalau dapat dicontohkan?

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Sebagai contoh kaola ada dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Jikalau anak lelaki kaola kawin dengan orang perempuan asing, ia boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan Penduduk Tetap akan tetapi kalau anak perempuan tidak dapat. Kenapa ada perbezaan?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. Perbezaannya antara Penduduk Tetap lelaki Brunei Darussalam, perempuan berkahwin dengan seorang rakyat negara asing, berbeza dengan Penduduk Tetap Brunei lelaki berkahwin dengan perempuan rakyat asing.

Kenapa ia berbeza bukan kerana ia lelaki atau sebagainya. Ianya adalah kerana statusnya. Yang pertama, lelaki rakyat asing berkahwin dengan perempuan penduduk rakyat Brunei Darussalam bermakna rakyat asing itu bukan semestinya akan menjadi Penduduk Tetap di Negara ini, ia berkahwin dengan orang Brunei Darussalam dan dari segi tanggung jawabnya ia boleh membawa isterinya ke negerinya, itu saja kedudukannya.

Adapun Penduduk Tetap lelaki Negara Brunei Darussalam berkahwin dengan rakyat asing, maka adalah tanggungjawabnya untuk membawa isterinya tinggal di Negara Brunei Darussalam. Perbezaannya antara lelaki dan wanita tidak ada isu dan contoh-contoh yang tadi semua mereka itu rakyat Negara Brunei Darussalam. Bukanlah kaola semata-mata untuk menolak saja-saja. Kategori ini, belum termasuk dalam kategori untuk menimbangkan permohonan-permohonan Penduduk Tetap. Kategori ini adalah kategori baru yang abis kaola sedang menelitinya. Bukan automatik, tetapi mesti berpegang bahawa lelaki rakyat asing itu berkahwin dengan orang Brunei sama ada rakyat ataupun Penduduk Tetap. Dalam kes ini Penduduk Tetap adalah perempuan Brunei, maka rakyat asing itu memanglah bila-bila akan pindah ke negerinya membawa isterinya. Untuk ia tinggal bersama isterinya di sini memang tidak ada halangan. Ia boleh tinggal di sini menggunakan jaminan daripada isterinya atau jaminan daripada majikannya. Jika ia bekerja. Untuk menjadikan ia sebagai Penduduk Tetap. itulah yang menjadi masalah kerana ia rakyat asing.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Bagi saya tidak ada isu. Masalahnya saya sentiasa menerima aduan daripada orang lain. Mereka menyuarakan abang dan adik lelaki boleh, tetapi saudara perempuan tidak boleh. Patut atau tidak patut, soalnya mereka juga adalah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tidak perlu dibeza-bezakan antara lelaki dan wanita. Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam tidak ada menyatakan sedemikian. Kalau boleh perkara ini diteliti secara mendalam. Kita sangat bersimpati kepada mereka ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Jawapan soalan yang kedua mengenai Penduduk Tetap *Certificate of Identity* (CI) yang menjadi masalah kepada mereka sebagai pemegang *Certificate of Identity* (CI) apabila ke luar negeri. Kaola ingin menjelaskan bahawa dari segi undang-undang dan amalan antarabangsa, pasport adalah untuk rakyat diberikan oleh sebuah kerajaan kepada rakyatnya bagi tujuan-tujuan perjalanan sah yang diakui di luar negeri dan sebagainya. Itu dari segi undang-undang dan amalan antarabangsa.

Adapun bukan rakyat bagi sesebuah negara seperti dalam konteks kita ini, yang bukan Warga Negara Brunei tetapi berstatus Penduduk Tetap iaitu "Stateless". Maka, mengikut amalan antarabangsa juga mereka dikeluarkan *Certificate of Identity* (CI). Itu adalah amalan antarabangsa di mana-mana.

Masalah yang berbangkit sekarang ini yang dialami oleh pemegang pasport (CI) Brunei itu juga menjadi masalah di setengah-setengah negeri dan kebanyakan pemegang-pemegang pasport itu yang keluar negeri telah menghadapi aduan-aduannya. Mereka mengalami kesulitan untuk dikenal pasti oleh pihak-pihak *check point* Imigresen negara-negara berkenaan kecuali Malaysia dan Singapura. Itu adalah di luar kawalan kita sebenarnya. Tetapi *Certificate of Identity* (CI) yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada "Stateless" Brunei itu adalah sah digunakan. Dalam pasport itu dijamin untuk pulang ke Brunei sebagai Penduduk Tetap Brunei. Kalau kita memberikan pasport sebagaimana contoh yang tadi adalah berlainan, iaitu pasport *British Protected Person, State of Brunei*, ianya bukanlah pasport British sepenuhnya, tetapi masih seolah-olah *Certificate of Identity* (CI) pada masa itu.

Mengikut amalan antarabangsa dan undang-undang setiap dokumen perjalanan yang dikeluarkan akan dinyatakan di dalamnya apa *nationality*nya. Bila pasport itu Pasport Brunei kemudian tiba-tiba *nationality*nya adalah "stateless", akan menimbulkan masalah. *Passport Certificate of Identity* (CI) ini adalah mengikut amalan antarabangsa yang diterima di mana-mana. Beberapa kejadian yang mereka alami itu adalah di luar kawalan kita dan kita dari semasa ke semasa memang memperkenalkan pasport *Certificate of Identity* (CI) ini ke negara-negara yang berkenaan yang menghadapi masalah. Setakat ini bukan masalah undang-undang yang perlu dipinda dan sebagainya. Masalahnya ialah masalah yang asasi bahawa pasport adalah untuk rakyat, sementara yang bukan rakyat yang tinggal

tetap di Brunei yang berstatus bukan warganegara (*stateless*) adalah diberikan *Certificate of Identity* (CI).

Mungkin Yang Berhormat Pengerusi dapat membetulkan. Semasa kita merdeka, kita adalah pemegang pasport atau rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah jelas. Sementara rakyat British atau pemegang-pemegang pasport British pada masa itu *State of Brunei* yang bukan rakyat, mereka itu juga bukan rakyat British dan juga bukan rakyat di Brunei pada masa hendak merdeka. Maka dalam masa perundingan, perjanjian tahun 1979 antara pertukaran *exchange of notes* di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Baginda Queen ada menyebutkan bahawa orang-orang yang sedemikian itu, apabila Brunei merdeka mereka boleh tinggal di Negara Brunei Darussalam dan boleh memohon mendapatkan kerakyatan mengikut undang-undang taraf kerakyatan Brunei. Sementara itu mereka hendaklah dikeluarkan pasport *International Certificate of Identity*. Ini adalah amalan antarabangsa yang sudah termaktub. Kaola rasa bukan masalah patut atau tidak patut, isunya adalah masalah apa sebenarnya hakikat yang mesti kita akui dan akur mengenainya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kaola ingin memberikan sedikit pendapat bahawa apa yang menimbulkan masalah kepada pemegang-pemegang *Certificate of Identity* (CI) di luar negeri adalah kerana keraguan di pihak luar negeri itu, sama ada pemegang itu berhak balik ke

Brunei atau tidak. Jika tidak, maka akan menjadi bebanan kepada negeri luar tempat yang di tuju oleh pemegang itu. Itu yang perlu dipastikan, kerana pemegang itu disebutkan sebagai "Stateless." Soalnya dapatkah diberi pengakuan dalam *Certificate of Identity* (CI) itu menyatakan pemegang itu berhak yang tidak terhad untuk balik atau masuk ke Negara Brunei Darussalam. Ini menyenangkan kepada negeri luar. Boleh jadi perkara ini seperti Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan amalan antarabangsa. Tapi adakah bertentangan dengan amalan antarabangsa jika dibubuh dalam *certificate* itu yang orang ini mempunyai hak untuk masuk balik ke Brunei pada bila-bila masa?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Maafkan kaola Yang Berhormat Pengerusi, kalau kaola tidak silap masalah ini sudah berbangkit Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah lagi soalan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin dijawab?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Soalan ketiga dan keempat Yang Berhormat Pengerusi ialah mengenai kerakyataan rakyat asing iaitu Taiwan yang sudah lama di sini berniaga dan sebagainya dan mereka ini sepatutnya sudah diberikan *long stay visa* ataupun untuk tinggal di Negara Brunei Darussalam ini untuk meneruskan perniagaan mereka, kerana bukan sahaja untuk kepentingan mereka tetapi untuk kepentingan Negara ini dari segi ekonomi dan sebagainya seperti yang kaola perhatikan bahawa bukan mereka

menuntut untuk Kerakyataan ataupun menjadi Penduduk Tetap. Kaola akan mengkaji jika adanya peruntukan dalam undang-undang imigresen pada masa ini yang membolehkan sedemikian atau tidak.

Mengenai dengan peperiksaan "bahasa" untuk dimudahkan kepada orang yang sudah tua, kitani sepatutnya bersimpati kepada orang-orang tua ini. Kalau diberi ujian secara bertulis memang tidak boleh, lalu mereka telah diberikan keistimewaan. Kalau mereka memenuhi syarat-syarat tertentu kerana umur, tidak bersekolah dan sebagainya maka mereka bolehlah mengambil peperiksaan secara lisan. Peperiksaan secara lisan ini dilakukan secara proses biasa. Tidak dapat dikatakan soalan itu terlampau menumpu kepada kurikulum dan *syllabus* yang sudah ditetapkan. Jika peperiksaan dilakukan, maka ianya perlu juga mengambil dari segi keadaan orang. Kalau ia seorang pekedai maka bahasa yang diuji adalah bagaimana komunikasinya kepada orang ramai ataupun jenis-jenis barang yang biasa disebut dalam bahasa Inggeris atau bahasa yang lain tetapi bersesuaian dalam bahasa orang Brunei.

Kalau ia tukang kayu, maka diuji mengenai tukang kayu. Jika orang tukang gunting ditanyakan mengenai tukang kayu memang ia tidak tahu. Dalam pada itu, ada jua yang tidak lulus. Jadi kaola dapat mengadakan perangkaan bahawa orang yang lulus secara lisan ini adalah sebanyak 70% lebih. Tetapi yang tidak lulus tidaklah kita dapat berbuat apa-apa walaupun mereka ini sepatutnya lulus kerana itu adalah kehendak undang-undang.

Untuk menjadi rakyat ini memanglah orang yang benar-benar bukan sahaja taat setia dan sebagainya tetapi dari segi yang diperlukan ialah ianya serasi dengan Brunei di antaranya ialah berbahasa Melayu. Kaola memohon pengertian di Dewan ini dan juga kepada Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada orang-orang yang bekekaan di luar Dewan ini. Orang ramai sepatutnya mengerti mengenai kedudukan ini dengan sebaik-baiknya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Tajuk Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ini perbincangannya ditangguhkan dulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula tetapi ditangguhkan sehingga jam 2.45 petang. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada perbincangan di peringkat Jawatankuasa tadi, masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maka bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa itu diteruskan, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini dijalankan sekarang.

Pada pagi tadi masih lagi kita membincangkan Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah difahamkan ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap mengenai Tajuk ini, maka saya buka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menyampaikan pengalaman beberapa orang yang pernah berurusan dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Ada beberapa orang memberi maklumat menyatakan ada yang sampai 3 hari, pagi dan petang ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan belum juga mendapat nombor.

Ini adalah bagi penyambungan ataupun membuat pasport dan penyambungan ataupun membuat Kad Pintar. Ada yang terpaksa keluar dari pejabat untuk berurusan dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan ada penuntut yang keluar dari waktu pembelajaran sekolah.

Untuk keselesaan orang ramai, ada baiknya ditambah keperluan perkhidmatan yang difikirkan perlu seperti membuat lagi satu cawangan khas untuk urusan pasport warganegara Brunei dan Kad Pintar kuning. Nampaknya pada masa ini Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan tidak dapat menampung bahagian pembuatan Kad Pintar dan pasport ini, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, wakil Daerah Brunei Muara Zon 3.

Maklumat yang diperolehi oleh Yang Berhormat itu kurang jelas. Kalau ada yang lebih jelas ertinya bila bulannya, dan tarikh-tarikhnya kerana pada tahun lepas, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mengalami semacam *crash* dari segi pengeluaran Kad Pintar dalam bulan Jun sehingga kepada akhir tahun, barulah dapat disambung semula kerana ada *server* baru dan ada alat pencetak baru, barulah dapat disambung semula.

Walaupun sedemikian, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mengambil juga pendaftaran orang ramai tetapi untuk mengeluarkan Kad Pintar tidak dapat kerana *server* dan alat pencetaknya tidak berfungsi.

Sebanyak lebih 13,000 Kad Pintar yang tertunggak maksudnya yang diterima tetapi tidak dapat dilakukan. Kalau dalam tempoh itulah yang dimaksudkan memang ada *hiccup* sendiri, tetapi kalau dalam tempoh-tempoh lain, memberi hairan juga kerana Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mengadakan kaunter ini sampai kepada hari Jumaat. Pada hari-hari keperluan misalnya untuk mengeluarkan pasport pada musim keperluan cuti sekolah dan sebagainya, ramai orang menyambung pasport dan membuat pasport, begitu juga Kad Pintar dan sebagainya.

Kaola berharap, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mendapatkan maklumat yang lebih jelas lagi daripada pemberi maklumat supaya dapat diambil tindakan oleh Kementerian dan juga Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi memperbaiki misalnya ada salah urus ataupun salah laku daripada pegawai-pegawai dan kakitangan di peringkat kaunter.

Berhubung dengan itu, dicadangkan supaya diadakan cawangan khas bagi pengeluaran pasport warganegara Brunei dan juga Kad Pintar kuning disebabkan kesesakan dan sebagainya. Tahun lepas kaola dalam Dewan ini juga ada menyatakan akan melihat kemungkinan untuk Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan membuka satu pejabat yang dapat menampung keperluan-keperluan sedemikian ini.

Usaha itu telah dibuat dengan mengenalpasti kawasan atau tadahan yang mempunyai ramai penduduk seperti Mukim Sengkurong.

Mukim Sengkurong sudah dikenal pasti misalnya Dewan Serbaguna itu akan dapat digunakan, itu baru teori. Tetapi urusan-urusan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam pembuatan pasport ini adalah bertalian dengan ICT bukan sahaja telefon tetapi juga perkara-perkara lain.

Jadi perkara itu, bukan sahaja tidak ekonomik malah tidak praktikal. Oleh kerana itu, dilakukan perubahan cara kerja dengan mengadakan kaunter yang bersambung di waktu rehat secara bergilir-gilir dan juga membuka perkhidmatan pada hari Jumaat dan hari kelepasan awam di musim-musim yang tertentu, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat, seperti sedia maklum bahawa harga membuat pasport Negara Brunei Darussalam \$60.00 termasuk bergambar dan sah untuk 5 tahun. Tetapi bagi orang ramai di Daerah Temburong, lembarannya habis hanya dalam masa kurang 1 tahun.

Walaupun sudah ada penggunaan skim *frequent travel facility* atau ringkasnya *FTF* namun pelaksanaannya masih kurang memuaskan.

Kaola di Dewan yang mulia ini memohon mendapat pertimbangan dan cadangan kepada pihak Kementerian melalui jabatan berkenaan supaya menyediakan pasport untuk 1 atau 2 tahun dengan bayaran yang lebih murah atau lembarannya ditambah sehingga pasport tersebut mansuh. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong. Perkara ini ada kaitannya dengan pertanyaan sebelah pagi tadi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin. Mengenai harga dan tempoh hayat pasport selama 5 tahun, yang kaola telah minta tangguhkan tadi.

Dalam kesempatan ini, kaola telah diberikan maklumat oleh pihak Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, yang mana demikian kenyataannya mengenai isu pasport Brunei 5 tahun:

- 1) Semua pasport dan dokumen perjalanan adalah di bawah piawaian antarabangsa *International Civil Aviation Organisation (ICAO)*.
- 2) *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* sendiri menghendaki semua negara untuk menukar pasport *conventional* ke biometrik (E-Pasport), sebagaimana yang kita miliki pada masa ini.

3) *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* juga telah menetapkan semua E-Pasport hanya sah untuk 5 tahun dan mempunyai cip, *live photo* dan cap jari; dan

4) Tujuan mengapa ianya selama 5 tahun adalah kerana teknologi cip cepat berubah dan ada hubung kait dengan *country signage*.

Itulah keterangannya tentang kenapa ianya adalah selama 5 tahun. Sekarang ini ada hubung kait pula dengan Pas Perjalanan Kerap (*Frequent Travellers Pass*) yang sudah dilaksanakan. Ia juga dibukakan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam dan pihak yang berkenaan di negara jiran iaitu Malaysia. Permohonan-permohonan setakat ini lebih dari separuh sudah berjaya bagi mereka yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan.

Bagi penduduk Daerah Temburong mereka amat berpotensi untuk mendapatkan Pas Perjalanan Kerap atau *FTP* memandangkan mereka ini sering berulang-alik ke Brunei melalui sempadan pos-pos kawalan di samping itu juga ianya adalah bagi mengelakkan pasport daripada banyak dicop.

Sementara itu, cadangan untuk mengadakan pasport yang setahun atau mengurangkan bayarannya adalah tidak mengikut kehendak sebagaimana yang telah kaola nyatakan tadi.

Jadi, jelaslah bahawa jangka hayat 5 tahun dan pertukaran dari pasport konvensional kepada biometrik adalah mengikut kehendak dan piawaian antarabangsa. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya ingin mengongsikan pandangan terhadap isu kerakyatan yang telah pun dibincangkan pada pagi tadi.

Pada pandangan saya dalam soal kategori untuk mendapatkan status sebagai seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, haruslah mengikut peraturan yang sedia ada.

Sepatutnya tidak ada pengecualian kepada siapa-siapa dan saya tidak nampak adanya kesusahan bagi mendapatkan kerakyatan Brunei pada ketika ini malahan ianya adalah menyenangkan sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pagi tadi. Terkecuali kalau ada perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, seseorang yang hendak menjadi rakyat mestilah berusaha sedaya upaya untuk mempelajari Bahasa Melayu dengan sepenuhnya. Mengetahui dan menghormati adat resam orang-orang Brunei dan lain-lain. Setelah diiktiraf sebagai rakyat Brunei, beliau hendaklah berikrar untuk mempertahankan kedaulatan Raja, Bangsa dan Negara serta isi di dalamnya sekali.

Jangan seperti apa yang pernah berlaku sebelumnya di mana apabila mendapat kerakyatan Brunei, bertutur Bahasa Melayu pun tidak betul dan belum fasih. Apa lagi perkara lain langsung tidak diresapi dan dihayati dalam sanubari masing-masing. Hal seperti ini yang kita tidak mahu. Kerakyatan sesebuah negara itu adalah amat mahal dan tinggi nilainya. Sebagai generasi sekarang kita tidak mahu akan dipersalahkan oleh generasi yang akan datang mengenai perkara ini. Maka kerana itu, saya berfikiran tiada pengecualian di dalam hal ini.

Seterusnya, mengenai kawalan Pos Sungai Tujoh. Saya ingin mengongsikan senario di pos-pos kawalan imigresen pada masa ini. Terutamanya di hujung minggu di mana keadaannya sangat ramai sehingga kita terpaksa menunggu terlalu lama untuk keluar atau masuk ke Negara Brunei Darussalam, sepertimana yang disuarakan oleh teman saya di waktu pagi tadi.

Saya sependapat dengan pandangan Yang Berhormat lain supaya kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dapat ditambah dan menempatkan lebih ramai lagi kakitangan imigresen di pos-pos kawalan seperti di hujung minggu dan hari-hari kelepasan bagi menangani kesesakan di pos-pos kawalan tersebut.

Mengenai kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan khasnya Jabatan Imigresen di Daerah Belait di mana dalam pemerhatian saya kebanyakan yang dinaikkan pangkat untuk menjadi ketua cawangan di Jabatan Imigresen di daerah tersebut jarang sekali di kalangan pegawai-pegawai

yang datangnya atau tinggal atau bekerja di Daerah Belait tetapi kebanyakannya datang dari Bandar Seri Begawan.

Jadi orang dari Daerah Belait pun bersungut kerana tiada peluang untuk naik pangkat. Persoalannya, kenapakah peluang kenaikan pangkat itu tidak diberikan kepada pegawai-pegawai dari Daerah Belait yang telah lama bekerja di sana yang memiliki kebolehan dan kelayakan yang bersesuaian. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil Daerah Belait, Zon 1.

Ada 3 perkara yang kaola sempat catatkan di sini iaitu:

1) Mengenai hal kerakyatan itu kaola mengalu-alukan pandangan sebenarnya daripada Yang Berhormat untuk menyokong usaha Kerajaan supaya isu kerakyatan ini tidak dipermudah-mudahkan untuk diberikan kepada sesiapa tanpa perhitungan-perhitungan tertentu selain daripada mengikut aturan-aturannya iaitu undang-undangnya yang ada, syarat-syarat yang ada dan garispandu-garispandu dan prosedur daripada menerima permohonan, memproses permohonan dan sebagainya. Memang sebenarnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola percaya kita dalam Dewan ini sama-sama mengakui bahawa kerakyatan bukanlah suatu hak yang orang boleh memohonnya. Walaupun undang-undang menyebutkan peruntukan-peruntukan bagi tempoh-tempoh

tertentu dengan syarat-syarat tertentu, seorang itu boleh diberikan kerakyatan tetapi untuk memberikan kerakyatan itu adalah hak negara dan satu keistimewaan kepada negara.

Itulah dalam hal ini, sepanjang undang-undang taraf kerakyatan dan kebangsaan sudah berjalan sama ada lebih 50 tahun dan 60 tahun sebenarnya, sudah bila dihitung panjang kita cuma menerima rakyat baharu di bawah undang-undang itu sekitar 900 ke 1,000 orang setiap tahun.

Bagaimanapun hal ini ada kaitannya dengan masa depan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi menyebut, jangan nanti kalau kita melaksanakan salah urus mengenai pemberian kerakyatan ini, generasi kita yang akan datang menyalahkan kita. Ini ada hubungannya dengan dasar kependudukan Negara ini bagi masa hadapan. Bukan sahaja bagi ke hadapan 2035 tapi *beyond* daripada 2035 yang mana kitani mesti memikirkan bahawa kependudukan Brunei ini mestilah menjaga asas-asas *co-citizen* dan *co-population* itu.

Kerana itu, saya ingin menyatakan di sini, suatu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk merumuskan dasar kependudukan bagi masa depan Brunei dan jawatankuasa ini melihat kepada perkara-perkara mengenai pemberian kerakyatan pada masa ini dan juga mengenai pemberian status *Permanent Residence (PR)* atau Penduduk Tetap untuk menyelaraskan dengan dasar kependudukan pada masa yang akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee kerana menimbulkan perkara ini untuk pengetahuan orang ramai. Saya ingin menegaskan bahawa kerakyatan bukanlah hak pemohon untuk mendapatkannya begitu sahaja tetapi adalah *privilege* Negara dan Kerajaan untuk menentukan siapa yang sebenar-benarnya boleh diterima untuk menjadi rakyat. Undang-undang disediakan sebagai garis pandu sahaja.

2. Mengenai Pos Kawalan Sungai Tujuh supaya dapat ditambah. Ini barangkali secara pentadbiran saja, iaitu dalam peruntukan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan terdapatnya tambahan 6 orang pegawai ditempatkan di Ujung Jalan, Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan. Saya mendapat maklumat juga bahawa dalam bulan ini akan adanya temuduga bagi tambahan Pegawai Imigresen, kekosongan jawatan, seramai 13 orang.

Saya fikir setakat inilah antaranya cara-cara untuk mengatasi kekurangan pegawai itu. Sekali lagi kaola ingin menegaskan bahawa kesesakan ini mengikut musimnya. Kalau dikira mengikut perangkaan, Sungai Tujuh adalah Pos Kawalan yang kedua tertinggi bagi menerima kemasukan orang keluar masuk melintasi Pos Kawalan, iaitu adalah sebanyak 3,202,892 orang manakala yang tertinggi sekali setentunya adalah Kuala Lurah iaitu 4 juta lebih dan yang paling rendah sekali ialah Anduki, Kuala Belait iaitu sebanyak 372 orang.

Dalam pada itu, barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan ini tidak

banyak mengetahui kecuali Ahli Yang Berhormat dari Daerah Brunei dan Muara, Zon 4 yang mengetahui ada Pos Kawalan di Putat, yang mana telah mencatatkan 4,562 orang dan di Kampung Pandam, Lumapas sebanyak 8,000 orang dan sebagainya. Dibanding dengan tempat-tempat seperti Kuala Lurah, Sungai Tujuh memang tempat pelaluan yang kerap dan ada musim-musim tertentu, inilah kawasan-kawasannya. Jadi untuk mengatasi kesesakan itu, walaupun ditambah kaunter dan orangnya tetapi kesesakan itu akan masih ada sepertimana mengikut musimnya.

3. Mengenai kenaikan pangkat ini tentulah mengikut sukat-sukatnya, mengikut kekananan dan sebagainya. Ada musimnya bahawa kelurusan pada kenaikan pangkat tidak ada orang, misalnya calon yang kanan di Daerah Belait yang sebanding dengan daerah-daerah lain, maka tertinggallah Daerah Belait.

Jikalau berdasarkan keutamaan yang diberikan ke Daerah Belait dan sebagainya, mungkin ada persamaan calon-calon tersebut, maka merit itu mungkin memerlukan orang yang di Temburong tidak mahu di sana, mungkin ada persamaan kekananan dan sebagainya, maka merit itu ada dan kaola percaya bukanlah tujuan untuk menganak tirikan dan sebagainya ataupun mengesampingkan orang-orang Daerah Belait dalam kenaikan pangkat. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin bertanya mengenai pekerja asing yang memegang kad hijau dan berkahwin dengan warga Brunei perempuan, adakah mereka ini akan diberi pertimbangan untuk memendekkan waktu suami asing itu memohon PR Brunei dari dua puluh tahun kepada jangka waktu yang kurang daripada dua puluh tahun. Kaola khawatir ia akan menjadi tekanan keluarga yang terlibat dan menjurus kepada meninggalkan keluarga, kajian perlu dibuat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi, kalau tadi pagi Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin telah menimbulkan isu perempuan yang berkahwin dengan Penduduk Tetap "Stateless." Isu yang ditimbulkan ini pula ialah perempuan rakyat Brunei yang berkahwin dengan penduduk asing, adakah tempoh 20 untuk membolehkannya memohon status Penduduk Tetap itu akan dipendekkan? Kategori sedemikian itu, belum ada pada masa ini seperti yang kaola nyatakan tadi.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah pun selesai dan sedang menunduki satu formula, satu rumusan garispandu yang dibuat oleh sebuah jawatankuasa

yang ditubuhkan secara *Inter-ministry* bagi menunduki perkara ini untuk membuat syarat-syarat memasukkan kategori-kategori yang baru selain daripada kategori-kategori yang ada dan kaola tidak dapat menyatakan apa bentuk-bentuknya dan sokongan-sokongannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Sama jua persoalannya mengenai taraf Penduduk Tetap tapi mungkin berlainan maksud dan kehendaknya. Permohonan taraf Penduduk Tetap telah pun dibekukan buat sementara.

Perkara sedemikian ini memang menjadi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada menilai dan meneliti kebaikan dan faedah untuk masa depan negara secara jangka pendek dan jangka panjang. Bagaimanapun, perkara ini seringkali menjadi tanda tanya kepada mereka-mereka yang mempunyai kepentingan. Jadi saya cuma menyampaikan cadangan supaya perkara ini akan dapat dipertimbangkan semula.

Masalah Penduduk Tetap yang tinggal di sempadan tetapi masih diiktiraf wilayah kita. Isunya ialah penduduk yang tinggal di kawasan Durian Sulu, Paya Barangan dan sekitarnya yang diiktiraf sebagai salah satu kawasan di Negara Brunei Darussalam. Mereka ini mengalami masalah mengenai taraf kerakyatan. Isu

ini berlainan daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Contohnya apabila mereka berkahwin dan melahirkan anak, pendaftaran anak mereka kebiasaannya di tempat di mana negara mereka berada. Oleh kerana perkara ini merupakan masalah antara negara kita dengan negara jiran, kedua-dua negara ini tidak dapat menerima pendaftaran anak mereka menyebabkan anak mereka tidak mempunyai status.

Oleh kerana kampung di mana yang saya katakan tadi, dianggap sebagai wilayah kita, maka kaola mencadangkan agar pendaftarannya diterima di Negara Brunei Darussalam kerana mereka yang berada di sana itu masih berstatus Negara Brunei Darussalam dan menerima segala kemudahan-kemudahan seperti pencen umur tua dan sebagainya.

Dan yang lain, saya ingin juga mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, supaya apa yang dibangkitkan pada tahun yang lepas ialah *isolated cases* iaitu kanak-kanak yang tidak mempunyai status, di mana anak ini dilahirkan tidak bertempat tapi mengikuti ibunya di negara kita ini sehingga sekarang ini ada yang mencapai usia 9 hingga 10 tahun dan ada pula yang berusia 21 tahun. Apabila hendak bernikah, ditanyakan Kad Pintar dan dokumen-dokumennya, tetapi tidak ada semuanya. Jadi harus jua kita tangani supaya perkara ini tidak akan berlarutan begitu sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, Daerah Brunei dan Muara, Zon 4. Mengenai taraf Penduduk

Tetap, sebenarnya memang permohonan terus diterima, tetapi pertimbangan dan pemberiannya dibekukan. Itulah yang saya sebutkan tadi sedang dalam formulasi atau sedang dalam rumusan dan dalam penelitian akhir untuk pertimbangan.

Mengenai yang kedua dan ketiga itu kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk menanggungkan sehingga kaola mendapat maklumat yang jelas pihak yang berkenaan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada lagi Yang Berhormat Pehin hendak nyatakan? Kaola tidak ada halangan untuk Yang Berhormat Pehin meminta tangguh untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Mana-mana waktu yang sesuai setelah kaola menerima maklumat yang bertepatan insya-Allah kaola akan menyampaikannya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyokong sepertimana apa yang telah diutarakan oleh rakan dari Daerah Belait iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai kesesakan dan langkah-langkah yang perlu diambil di Pos Kawalan Sungai Tujoh.

Di kesempatan ini, saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan tahniah atas beberapa perubahan yang telah dibuat terhadap pemegang-

pemegang pasport tidak perlu dicap pada setiap kali keluar masuk bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Cara ini adalah salah satu usaha untuk mempercepatkan proses keluar dan masuk ke negara ini dan lebih cepat lagi jika bilangan pegawai mencukupi. Isu ini tidak perlu dijawab kerana jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi.

Kaola menyentuh dengan proses penggantian dan pembuatan baru Kad Pintar supaya ianya dapat memastikan alamat pemohon tepat seperti menggunakan nombor rumah, simpang, jalan dan poskod, dan bukannya sepertimana yang terdapat pada masa ini menggunakan nombor EDR, TOL ataupun Lot Tanah.

Dalam masa 2 hingga 3 bulan yang lepas, permohonan bagi mengganti Kad Pintar di Daerah Belait nampaknya agak mengambil masa yang panjang. Perkara ini telah dijawab Yang Berhormat Pehin tadi.

Sehubungan dengan itu, sekiranya perkara ini telah diambil perhatian Alhamdulillah. Begitu juga dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di Daerah Belait, perkara ini telah pun pernah diajukan dahulu supaya ianya dipindah ke aras bawah, jabatan-jabatan Kerajaan di Daerah Belait yang bersesuaian. Ini adalah memandangkan pemohon-pemohon Kad Pintar ini bukan saja golongan muda bahkan golongan tua, untuk membaharui dan mengalami kerumitan untuk naik ke Tingkat I. Sehingga masa ini nampaknya perkara ini belum lagi dilaksanakan.

Dan seterusnya saya mengambil kesempatan untuk bertanya adakah perancangan bagi membina bangunan baru Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di Daerah Belait secara berasingan daripada yang ada pada masa ini, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Yusof wakil Daerah Belait, Zon 2. Sebagaimana yang dinyatakan itu tadi Yang Berhormat Pengerusi, kenyataan-kenyataan pertama sebab-sebab kelambatan itu tidak perlu jawapan kerana sudah jelas kepada Yang Berhormat itu.

Ada satu perkara yang dibangkitkan pada tahun lepas iaitu saranan untuk memindahkan Pejabat Pendaftaran Kebangsaan ke aras bawah, di bangunan yang ada sekarang ini, bangunan Pejabat Daerah Belait.

Memang usaha telah dilakukan dan pemeriksaan pun telah juga dibuat untuk kesesuaiannya melibatkan juga Pegawai Daerah Belait dan pegawai-pegawai Imigresen tetapi didapati kurang praktikal kerana ianya akan menjejaskan bahagian-bahagian yang sudah sedia ada di aras bawah itu untuk pindah ke atas, begitu juga sebaliknya.

Jalan keluarnya ialah memang sebagaimana soalan, adakah rancangan untuk membangunnya? Memang sudah ada perancangan di mana sebuah tapak tanah telah pun diperolehi. Tinggal lagi, bila kita akan memulakannya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada tahun lepas saya telah menulis kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai wanita yang bertaraf Penduduk Tetap, dan mendapat jawapan Yang Berhormat Pehin akan mempertimbangkan permohonan tersebut, jikalau suaminya meninggal dunia ataupun bercerai, maka Yang Berhormat Pehin juga akan mempertimbangkan anaknya untuk menjadi Penduduk Tetap negara ini.

Pada pendapat saya, jika ayahnya sudah meninggal, maka ianya tidak perlu menjadi Penduduk Tetap ataupun bercerai bersama isterinya. Apa halnya jika ia berpura-pura bercerai bersama isterinya, pagi keluar dan apabila malam balik ke rumahnya, macamana?

Ini adalah satu *loop hole*, eloklah kita selesaikan perkara ini. Kalau sudah bapanya meninggal, barulah anaknya mendapat status Penduduk Tetap. Jika sudah demikian, kehidupan tersebut tidak bahagia. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang sebenarnya, persoalan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin ialah mengenai suami rakyat asing memohon untuk menjadi Penduduk Tetap kerana perkahwinannya dengan wanita Penduduk Tetap (*Stateless*) Negara Brunei Darussalam. Kalau ia sudah

meninggal dunia, memanglah isu hendak diberikan status Penduduk Tetap sudah tidak timbul.

Tetapi yang dilihat di sana, dalam jawapan kaola itu mungkin akan dipertimbangkan ialah status anaknya. Jika bapanya masih hidup, anaknya ini mengikut kerakyatan bapanya dan apa-apa pun tanggungjawab bapanya sebagai rakyat Negara itu.

Tetapi apabila ia sudah tidak ada, anaknya menjadi tanggungjawab ibunya yang berstatus Penduduk Tetap (*Stateless*) dengan sendirinya anaknya itu akan dipertimbangkan untuk ditukar daripada status bapanya yang asal sebagai rakyat asing kepada status sebagai Penduduk Tetap (*Stateless*) sepertimana sepatutnya. Jika sekiranya ianya bercerai, mesti dikaji lagi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kalau bercerai bermakna bapanya itu masih hidup lagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diundi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi, sebelum perkara ini diundi, kaola ada tambahan untuk jawapan kepada persoalan pagi tadi dan juga pertanyaan Yang Berhormat Pengerusi sendiri berhubung dengan kedudukan passport *Certificate of Identity (CI)* tersebut. Kaola telah dibantu oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk menjelaskan perkara berkenaan dalam Dewan ini.

Isu mengenai *Certificate of Identity (CI)* ini ialah hendaklah mempunyai:

- 1) *Re-entry permit* dan *re-entry visa* yang ada kaitan dengan *returnability* pemegang-pemegang *Certificate of Identity (CI)*.
- 2) Jika setiap pemegang *Certificate of Identity (CI)* hendak melawat ke luar negeri selain Negara Malaysia dan Singapura, adalah masih perlu mendapatkan visa dari Kedutaan Negara yang dikunjungi. Dengan yang demikian, apabila ia mendapat visa yang dihulurkan oleh Kedutaan Negara berkenaan bermakna ia telah diiktiraf dan dibenarkan masuk ke Negara yang ingin dikunjunginya; dan
- 3) Mereka yang dikeluarkan nota dalam pemegang *Certificate of Identity (CI)* yang mana pemegang berhak balik sekiranya *valid re-entry permit*, visa dan *Certificate of Identity* nya (CI).

Dalam pasport *Certificate of Identity (CI)*, ada disebutkan di dalam muka surat *Observation* "The holder of Brunei Darussalam re-entry number may return to Brunei Darussalam for permanent residence within the validity of this *Certificate of Identity and re-entry permit*".

Ini bermakna jaminan sedemikian diberikan kepada pemegang *Certificate of Identity (CI)* bagi kepentingan mereka untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kaola pun ingat syarat

tersebut sudah lama dipertimbangkan dan dipersetujui. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof pun masih ingat perkara tersebut, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ada baiknya Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SE11A - Jabatan Penjara.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE11A - Jabatan Penjara dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sebagai menyambung mukadimah yang saya cakapkan kelmarin jadi saya memendekkan sahaja isu ini iaitu mengenai dengan Jabatan Penjara dan saya memohon izin untuk juga menyentuh mengenai isu Jabatan Bomba dan Penyelamat yang akan kita bahaskan selepas ini yang mana kedua-dua Jabatan ini tidak kurangnya juga memberi perkhidmatan yang



dianggap begitu penting di dalam pentadbiran Negara Brunei Darussalam.

Saya hanya bertanya sedikit, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri masih berusaha untuk menangani ataupun mempertimbangkan penyelarasan elaun khas yang diterima oleh kedua agensi tersebut pada masa ini sebanyak \$100 ke \$200 sebulan iaitu bagi pegawai-pegawai dalam Bahagian IV, V dan pekerja-pekerja bergaji hari sepertimana juga yang diterima oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain pada masa ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, wakil Daerah Belait Zon 2.

Perkara ini berbangkit pada tahun lepas jua dan sudah diberikan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Mengapa ada perbezaan elaun khas anggota-anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat dan juga Jabatan Penjara dengan elaun khas yang diterima oleh rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan awam yang lain. Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin menjelaskan sekali lagi selepas ini.

Kaola hanya ingin menyatakan pertanyaan adakah usaha untuk menyelaraskan lagi? Jadi, setakat ini abis kaola Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yakin apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pada tahun lepas di mana sebenarnya anggota-anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat dan juga Jabatan Penjara itu sebenarnya

menerima elaun khas iaitu dinamakan Elaun 'P'.

Adapun elaun yang ada sekarang ini ialah elaun tambahan oleh kerana pegawai-pegawai perkhidmatan awam lain tidak ada Elaun 'P' sedemikian itu. Apabila pegawai-pegawai perkhidmatan awam lain menerima anugerah Elaun Sara Hidup yang sekian jumlahnya maka anggota-anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Penjara juga dihulurkan elaun yang sama tetapi jumlahnya kurang daripada rakan-rakan yang dalam perkhidmatan awam ini.

Setakat itu pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berpuas hati dengan kenyataan tersebut dan kerana itu tidak ada usaha sepanjang tahun (12 bulan) yang lalu sampai sekarang ini untuk menyelaraskannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Oleh kerana perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), barangkali tidak perlu dijawab lagi kecuali Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin untuk menambah.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Tidak ada Yang Berhormat Pengerusi. Ianya sudah cukup jelas, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola hanya ada sedikit sahaja yang akan dicakapkan. Alhamdulillah, keadaan di penjara-penjara kita di Negara Brunei Darussalam cukup selesa jika dibandingkan dengan penjara-penjara yang ada di luar negeri. Semua banduan-banduan dilayan dan dipedulikan dengan sebaiknya.

Namun demikian, ada beberapa aspek yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan terutama kewibawaan dan kecekapan pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan penjara-penjara yang berkenaan kerana kita telah mengalami beberapa insiden di mana ada banduan-banduan yang terlepas lari apabila dalam kawalan mereka.

Perkara ini bukan sepatutnya dipandang ringan. Dalam hubungan ini, apakah usaha-usaha yang telah diambil supaya perkara yang saya sebutkan di atas tadi tidak akan berulang lagi? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee membandingkan keadaan penjara Brunei dengan penjara di luar negeri yang lebih memuaskan. Tetapi tidaklah diketahui siapa yang mempunyai pengalaman di penjara di luar negeri.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi, berdasarkan kepada maklumat daripada orang luar negeri yang pernah memasuki penjara di Negara Brunei Darussalam, segala makanan seperti telur, daging dan sebagainya adalah mencukupi.

Kalaupun ia disuruh membayar denda dalam sekian jumlah atau pun hukuman penjara, maka mereka memilih penjara di Negara Brunei Darussalam kerana lebih selesa daripada di negara mereka sendiri.

Saya memang dapat menjamin bahawa setiap anggota daripada pegawai-pegawai dan kakitangan terutama sekali yang terlibat dalam segi kawalan dan penjagaan penjara mempunyai kewibawaan dan kecekapan. Saya kurang pasti dan tidak mengetahui jika ada kejadian dalam setahun yang lepas atau beberapa tahun yang lalu mengenai banduan-banduan yang keluar atau terlepas dari penjara kerana sebab-sebab ketidak kecekapan dan kurang berwibawa.

Kaola ingin menjamin bahawa kewibawaan dan kecekapan itu adalah penting dan usaha-usaha untuk meningkatkan kewibawaan dan kecekapan ini dilakukan dengan misalnya mengikuti latihan-latihan dalaman dan juga dengan pendedahan ke luar negeri mengikut pengalaman-pengalaman yang bersesuaian. Bukan pengalaman untuk melayan tahanan mengikut sukatsukat luar negeri tetapi ialah mengenai prosedur-prosedur yang bersesuaian untuk diaplikasikan di Negara kita daripada negara-negara yang sudah berpengalaman dan maju. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tempoh tahanan bagi banduan

di penjara adalah berbeza-beza mengikut kesalahan iaitu ada tahanan dalam jangka masa pendek dan panjang. Bagi yang mempunyai tahanan jangka masa panjang hingga berpuluh-puluh tahun setentunya ada program pendidikan yang berorientasikan akademik dan kemahiran yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara. Program ini adalah sangat penting bagi mereka apabila dibebaskan nanti yang akan menghadapi kehidupan seperti biasa untuk menanggung kehidupan di luar. Sudah tentunya mereka mempunyai perusahaan atau pekerjaan sama ada kerja di sektor awam, sektor swasta atau kerja sendiri.

Pelaksanaan adalah penting bagi mereka yang mempunyai pendidikan dan kemahiran terutama dalam bidang perniagaan dan perusahaan, kerana tidak mudah mendapat pekerjaan apabila individu tersebut dianggap sebagai bekas banduan iaitu satu persepsi masyarakat yang masih negatif.

Soalan saya apakah pendidikan dan program yang bersesuaian yang telah dilaksanakan kepada banduan ini terutama bagi banduan tahanan jangka masa panjang? Dan jika ada, bagaimanakah statistik perkembangan dan penerimaan majikan, masyarakat dan agensi-agensi berkenaan terhadap pencapaian mereka?

Soalan seterusnya, kenapakah ada terdapat kemasukan banduan yang sama berulang-ulang hingga berpuluh-puluh kali. Adakah kerana penjara di Negara Brunei Darussalam sebagai penjara yang terbaik dan selesa atau ada latar belakang luar yang menyebabkan demikian? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli yang menimbulkan perkara banduan-banduan tahanan. Bagi Jabatan Penjara ini, *core business*nya ialah untuk menahan pesalah-pesalah supaya mereka tidak akan menjadi ancaman kepada masyarakat.

*Core* yang sebenar-benarnya ialah untuk menahan pesalah-pesalah ini dengan berperikemanusiaan dalam keadaan selamat, bukan sahaja sebagai amalan antarabangsa tetapi juga sebagai amalan ugama kita yang mana ugama menyuruh mereka untuk masuk ke penjara bukanlah pengakhir hidup mereka tetapi mereka masih ada peluang untuk hidup seterusnya. Itulah yang dinamakan *correctional* dan pemulihan dan dalam hubungan inilah soalan Yang Berhormat itu relevan.

Jabatan Penjara memang mengadakan beberapa program untuk pemulihan seperti persiapan selepas menjalani tahanan yang mempunyai beberapa program, misalnya kemahiran tukang kayu, mendobi, menjahit, gunting rambut, *reflexology* dan *therapy* dan juga penyusun bata dalam pekerjaan pembinaan. Manakala tahanan perempuan diberikan latihan-latihan salon, menjahit dan latihan-latihan lain yang bersesuaian.

Tapi apa yang mustahak yang akan saya sebutkan disini ialah program untuk meningkatkan pendidikan mereka sampai ke peringkat 'O' Level. Program ini adalah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan juga disokong oleh Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah untuk menanggung biaya pembayaran

yuran peperiksaan. Program-program sedemikian ini sangat menyumbang kepada memberikan keyakinan kepada banduan-banduan ini apabila mereka keluar dan mereka akan dapat masuk ke dalam masyarakat dan mendapat peluang-peluang hidup seperti biasa. Cuma yang tinggal ialah bagaimana sambutan masyarakat dan sambutan majikan-majikan.

Setakat ini ada majikan-majikan yang sangat responsif dan memberikan pekerjaan kepada mereka. Tetapi ada juga kadang-kadang yang mengekalkan *stigma* dan melihat mereka sebagai pesalah. Penerimaan keluarga juga menyebabkan pesalah-pesalah ini merasa terus terencil dan balik semula kepada kawan-kawan lama dan akhirnya balik semula ke penjara. Bukan sekali malah lebih daripada empat kali ke atas. Malah ada statistik menyebutkan sampai enam belas kali.

Sebab-sebab inilah antaranya yang memberi kesan kepada mereka kerana walaupun sudah ada peluang pekerjaan dan memiliki latihan-latihan tetapi ianya masih tertakluk kepada penerimaan majikan. Ada majikan-majikan yang ingin memberikan peluang pekerjaan tetapi bilangannya adalah sedikit. Kemudian tidak semua keluarga dapat memberikan sokongan terutama sekali apabila mempunyai keluarga yang bermasalah.

Statistik kejayaan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu tidaklah dapat saya sebutkan kerana belum lagi ada ketentuan perangkaan yang jelas mengenai kejayaan-kejayaan projek ini apabila mereka keluar nanti.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Mungkin fungsi utama penjara itu digambarkan oleh istilah penjara itu dijara-jaraie dahulu. Jadi yang berulang kali keluar masuk itu ertinya belum jara lagi. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin. Saya hanya ingin mengetahui perkembangan di atas usul saya tahun lepas iaitu warga Negara Brunei Darussalam yang dipenjara di luar negeri supaya dipenjarakan di Negara Brunei Darussalam, apakah perkembangannya? Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin. Ada Akta yang berhubung dengan Perintah Pemindahan Banduan Antarabangsa 2011 yang mula berkuatkuasa pada bulan April 2011.

Dalam Akta itu menyebutkan rakyat negara ini yang ditahan di luar negeri, di negeri Komanwel, kalau ia ada mempunyai undang-undang mengenai pertukaran pemindahan rakyat asing dan memberikan notis kepada Setiausaha Komanwel maka dengan itu ia menjadi *partner* kepada perjanjian ini atau Akta ini.

Negara tersebut akan menjadi sebagai negara yang sudah ada timbal balas (*reciprocal*) dengan negara kitani yang terdapat Akta yang sedemikian. Bagi orang-orang yang sedemikian itu, ia mestilah pasti ianya menjadi rakyat kepada sebuah negeri seperti kita. Jika betul-betul rakyat kita yang ada di luar negeri, maka ia boleh memohon bagi

dipindahkan dengan negeri yang sedemikian, itu bagi negeri yang mempunyai perjanjian ataupun dengan tidak secara langsung mempunyai perjanjian.

Jadi, ada persetujuan daripada negeri itu untuk memindahkannya. Maka dalam hubungan ini, sebenarnya maklumat mengenai dengan Akta ini belum banyak diketahui oleh orang awam kecuali orang awam yang berkaitan sahaja sepertimana keluarga dan orang-orang tahanan rakyat negara ini yang di luar negeri. Oleh itu, bolehlah mereka merujuk kepada pihak tertentu dan kalau perlu meminta nasihat daripada peguam-peguam bagaimana untuk memproses sebarang permohonan sedemikian itu. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SE11A - Jabatan Penjara diundi, siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE11A - Jabatan Penjara diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE11A - Jabatan Penjara dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk terakhir bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan Bomba dan Penyelamat kini tidak lagi khusus kepada kerja konvensional iaitu memadam api sahaja malah tanggungjawab mereka kini sangat mencabar dan berisiko tinggi serta berkembang mengikut arus perkembangan negara. Kini mereka adalah digelar penyelamat, sesuai dengan nama iaitu Bomba dan Penyelamat dahulunya dikenali sebagai Jabatan Bomba sahaja.

Tugas mereka menyeluruh, umpamanya membantu menyelamatkan kebakaran, kemalangan jalan raya, mencari mangsa lemas dan hilang di sungai atau hutan termasuk juga menangkap dan menyelamatkan binatang, membantu menebang pokok dan lain-lain tugas yang kesemuanya berisiko tinggi dan memerlukan kecergasan dan kepakaran. Memerlukan tenaga mengangkat peralatan seperti tangga, menarik hos, naik bangunan, merempuh api dan lain-lain. Bertugas 24 jam siang dan malam dan bermalam apabila berlaku kebakaran besar seperti yang berlaku baru-baru ini semasa kebakaran tayar di Bekas Pembuangan Sampah Bukit Udal serta berkhemah di kawasan tersebut selama 8 hari.

Oleh itu adalah dicadangkan perkara-perkara berikut untuk diambil perhatian oleh pihak berkenaan:

- 1) Memberikan perubahan tangga gaji yang baru iaitu sama taraf dengan pegawai-pegawai beruniform yang lain.

- 2) Mengembalikan semula persaraan berpencen.
- 3) Mengadakan jawatan paramedik terdiri dari ahli Bomba dan Penyelamat.
- 4) Pemeriksaan kesihatan yang kerap terutama sekali selepas berlakunya kebakaran; dan
- 5) Memberikan perlindungan insurans.

Soalan saya, adakah cadangan untuk menaiktarafkan bangunan Bomba dan Penyelamat di Pekan Tutong terutama dari segi tempat tinggal kakitangannya. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jadi beberapa perhatian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Lahit tadi adalah sangat menarik. Ada perkara-perkaranya yang sudah pun disebutkan dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu, antaranya mengenai memberikan jawatan berpencen kepada Anggota-Anggota Bomba yang mana sudah ada jawapannya pada masa-masa yang lalu dan setakat ini tidak ada perubahan dari segi dasar atau pun langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perkara tersebut.

Mengenai pemeriksaan kesihatan, itu hanyalah prosedur biasa, setelah ahli-ahlinya menjalankan tugas-tugas seperti yang sedemikian itu, maka kalau dalam *Hazmat*, setelah melakukannya itu mereka akan masuk ke dalam satu Zon yang dikhususkan untuk memastikan keselamatan mereka dan sebagainya.

Mengenai perlindungan insurans, sudah pun ada diberikan takaful dan terbukti berjaya. Apabila terjadi kemalangan semasa bertugas atau kematian biasa, sebagai Anggota Bomba yang dilindungi perlindungan takaful berkelompok, ada anggota Bomba dan keluarga yang menikmatinya.

Yang lain-lain itu, perkara-perkara yang sudah disebut di Majlis ini pada masa yang lalu, tidak akan saya panjangkan lagi. Terima kasih.

Mengenai yang kedua, bangunan bomba saya akan memeriksa samaada ada perancangan atau tidak. Mudah-mudahan ada maklumat didapatkan kemudian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan menimbulkan dua perkara dalam Tajuk ini:

- 1) Memandangkan Mukim Labu di Daerah Temburong agak jauh dari Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Bangar. Bila mana ada sebarang panggilan kecemasan, Pasukan Penyelamat lambat sampai ke tempat kejadian. Apakah ada dalam perancangan Jabatan berkenaan untuk mengadakan pos kawalan Bomba dan Penyelamat di Mukim tersebut pada masa hadapan?; dan
- 2) Sukacita kaola ingin tahu adakah Pasukan Bomba dan Penyelamat Daerah Temburong mempunyai

kesediaan yang lengkap dan mencukupi dalam menangani sebarang kes-kes kecemasan seperti kebakaran tangki minyak tumpahan bahan kimia yang merbahaya dan beracun. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Saya menjangkakan bukan soalan apakah ada rancangan, saya menjangkakan Yang Berhormat itu sebagai cadangan. Apabila sudah mendapati Mukim Labu memerlukan sedemikian itu, maka Yang Berhormat itu akan mencadangkan dan saya akan mengambil catatan. Jadi soalan itu saya minta dapat diubah sebagai suatu cadangan supaya Mukim Labu termasuk dalam tadahan kawalan Pasukan Bomba dan Penyelamat kerana ia berjauhan daripada Pusat Bomba yang ada di Daerah Temburong. Sepatutnya abis kaola meneliti dulu perkara ini Yang Berhormat Pengerusi.

Yang kedua, kemahiran dan kecekapan mereka ertinya persiapan mereka untuk menghadapi bencana, bukan sahaja bencana api misalnya api yang setakat biasa tetapi juga tumpahan minyak atau bahan kimia dan sebagainya. Memang didalam Pasukan Bomba dan Penyelamat ada pasukannya khusus Yang Berhormat Pengerusi iaitu *hazmat*. Jika di Daerah Temburong tidak mempunyai pasukan yang khusus dengan pergerakan yang dapat dilakukan maka ia boleh dibantu jika ia tidak mencukupi. Demikian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sebenarnya sudah mendengar hujah-hujah yang telah disampaikan oleh rakan-rakan.

Cuma kaola ingin menarik perhatian Dewan ini, di mana tugas dan tanggungjawab Pasukan Bomba dan Penyelamat yang telah dibentangkan tadi adalah sukar, sulit dan mencabar.

Saya ingin bertanya, dalam usia perkhidmatan yang disambung hingga 60 tahun, adakah mereka-mereka ini boleh lagi bekerja seperti mana dalam usia 40an ataupun 30an. Saya kurang yakin mengenai dengan warga yang berusia 60 tahun, yang mana kalau mereka naik pokok atau naik bangunan, memang sudah ada kekurangannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih, kalau dia tidak dapat naik pohon, barangkali dia menunggu sahaja di bawah. Asal saja dia bertugas dan mendapat rezeki daripada tugasnya yang dibenarkan mengikut skim perkhidmatan pada masa ini, disesuaikanlah dengan keadaannya Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya dalam merujuk kepada kejadian yang berlaku di tempat letak kereta di kawasan Tamu Daerah Tutong di mana sebuah kereta telah hangus

terbakar dengan sendirinya pada 18 Oktober 2012 pada jam 8.20 pagi. Orang ramai hanya menonton dan tidak dapat berbuat sesuatu termasuklah ada pesara bomba berada di situ.

Alhamdulillah, tidak ada kemalangan jiwa dan melibatkan kenderaan lain kerana pemilik-pemilik kereta telah bertindak pantas untuk memindah kenderaan mereka masing-masing. Beberapa minit kemudian, kenderaan bomba pun tiba. Walau bagaimanapun, bomba tersebut tidak dapat menghampiri tempat kejadian kerana laluan masuk terhalang oleh kereta-kereta penamu dan pembeli-pembeli. Pihak bomba berusaha menghampiri tempat kejadian dan berjaya memadam kebakaran tersebut kemudian.

Yang Berhormat Pengerusi, dari kejadian tersebut beberapa masalah dapat diambil iktibar seperti berikut:

- 1) Tidak ada alat pemadam api walaupun ada pili bomba berhampiran tempat kebakaran; dan
- 2) Dalam satu mesyuarat Lembaga Bandaran, ada ahlinya mensyorkan supaya penamu atau penjaja meletakkan kenderaan mereka di tempat khas selepas mereka menurunkan barang-barang dagangan masing-masing tetapi tidak ada tindakan susulan dibuat oleh pihak berkenaan. Ini bertujuan untuk memudahkan kereta-kereta bomba atau ambulans masuk bila ada sebarang kecemasan seperti yang berlaku pada 18 Oktober 2012.

Dalam hubungan ini, majlis menyarankan ataupun memohon pihak yang berkenaan:

- 1) Menyediakan alat-alat pemadam api di bangunan-bangunan berkenaan; dan
- 2) Menyediakan seorang pegawai bomba yang berpengalaman semasa waktu tamu diadakan pada kira-kira jam 6 pagi hingga 12 tengah hari setiap hari Khamis.

Dengan demikian, adalah sebagai langkah berjaga-jaga seperti kata pepatah sediakan payung sebelum hujan kerana malang tidak berbau. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya sendiri pun mengatakan bahawa akhirnya Pasukan Bomba dan Penyelamat berjaya mengawal kebakaran walaupun terhalang oleh kesesakan-kesesakan dan sebagainya. Cuma adalah lebih baik jika ada alat-alat pemadam api di sana, maka orang yang menonton, orang yang melihat keadaan di sana itu dapat bertindak.

Itu suatu yang berpatutan untuk ditimbangkan Yang Berhormat Pengerusi. Memang tempat-tempat sekarang ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat berkempen supaya rumah-rumah dan bangunan-bangunan mempunyai alat pemadam api sendiri iaitu alat kecemasan yang segera (*First Aid*) dan sebagainya. Jadi termasuklah kalau bangunan yang di



dalam kawalan Kerajaan, memang berpatutan Kerajaan memberikan contoh, insya-Allah perkara ini akan diperbaiki. Tetapi untuk mengadakan anggota bomba *standby* itu adalah sukar.

Jika kita fikirkan memang semua tempat ada risiko-risiko untuk berlakunya kebakaran, bahkan kita di sini pun sepatutnya ada kawalan bomba di luar. Saranan yang sedemikian itu, tidaklah dapat saya catat untuk dibagi pertimbangan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis sekarang bersidang sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 20 minit, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat bersidang semula. Walau bagaimanapun bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula untuk membincangkan Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat. Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bertanya mengenai kejadian kebakaran beberapa bulan yang lalu di kawasan Gadong beberapa bulan yang lalu di mana pegawai-pegawai bomba dan penyelamat bekerja keras untuk memadamkan api lebih dari 5 jam dan di bangunan tersebut terdapat kedai dan tempat tinggal. Apa yang dilihat di dalam bangunan itu terdapat bahan minyak dan kimia yang dipunyai oleh pemilik kedai untuk disimpan dan dijual yang menyebabkan kebakaran itu sukar untuk dipadamkan.

Pertanyaan kaola, adakah denda akan dikenakan kepada pemilik kedai ini kerana menyalahi peraturan-peraturan bangunan sehingga menyebabkan proses pemadaman api memakan masa terlalu lama untuk dipadamkan? Pada kebiasaannya barang-barang yang mudah terbakar seperti bahan minyak dan kimia tidak boleh disimpan bersama-

sama dengan orang-orang yang mendiami bangunan tersebut.

Pegawai-pegawai bomba dan penyelamat itu mengambil masa yang lama untuk memadamkan api tersebut disebabkan minyak dan bahan kimia. Apa yang saya maksudkan ialah peraturan-peraturan menyimpan bahan minyak dan kimia adalah menyalahi peraturan di dalam bangunan perniagaan serta tempat orang ramai tinggal. Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad ada soalan tambahan supaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dapat menjawab kedua-dua kenyataan itu.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya merujuk apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat itu tadi mengenai ayat 'apakah' jadi saya sukacita menyambut baik apa yang disuarakan yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman dan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Mengenai tugas memadamkan api kebakaran mengambil masa yang

terlalu lama itu tidak ada masalah ertinya tugas itu diperlukan, kebakaran api masih lagi ada selama manapun ia diperlukan. Walau bagaimanapun tugas itu tidak menjadi perhitungan dan tidak akan menjadi asas untuk mengkompaun kepada mangsa-mangsa.

Keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mendapati di dalam bangunan itu terdapat bahan kimia, minyak dan sebagainya. Bangunan itu juga adalah bangunan *residential*.

Di dalam perkara ini jika benar kesalahan-kesalahan itu adalah di bawah lesen bangunan ianya bukanlah di bawah Akta Bomba.

Kalau dapat Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman lebih spesifik mengenai perkara ini dan dipadankan juga laporan daripada Pasukan Bomba dan Penyelamat, maka Jabatan Bandaran di bawah akta yang berkenaan akan menyiasatnya. Itu penjelasan kaola.

Yang kedua, terima kasih atas pengertian Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi mengenai saranan sama ada Jabatan Bomba dan Penyelamat mempunyai rancangan untuk mendirikan Pos Bomba dan Penyelamat di Mukim Labu berdasarkan keperluannya, yang nyata ialah sekarang ini strategi Jabatan Bomba dan Penyelamat selain daripada untuk mengadakan balai-balai bomba di tadahan-tadahan tertentu ialah juga dengan mengadakan latihan-latihan yang dinamakan *fire marshal*.

*Fire marshal* ini penting kerana mereka ini orang yang terlatih dan diberi tanggungjawab untuk satu-satu bangunan. Jadi apabila berlaku kebakaran mereka ini yang dulu akan mengambil tindakan-tindakan keselamatan dan sebelumnya mereka ini juga akan memberikan arahan dan tunjuk ajar bagi anggota-anggota dalam bangunan tersebut untuk mengambil tindakan-tindakan bagi mengelakkan kebakaran. Selain daripada latihan-latihan sukarelawan yang melibatkan orang-orang kampung dan sebagainya.

Mengenai Jabatan Bomba dan Penyelamat ini juga, adakah rancangan untuk mengadakan perumahan bomba ataupun mengadakan bangunan baru di Pekan Tutong? Kaola dimaklumkan bahawa memang ada rancangan untuk mengadakan Balai Pos Bomba yang baru di Pekan Tutong untuk menggantikan tempat yang ada pada sekarang ini iaitu yang di bahagian bawah akan dipindahkan ke atas dan kawasan tanahnya sedang dalam proses untuk digazet.

Yang kedua mengenai perumahan ahli-ahli bomba, memang perumahan masa ini mencukupi. Misalnya perumahan anggota bomba di Pekan Tutong jika tidak mencukupi mereka bolehlah ditempatkan sama ada di Balai Bomba Lamunin atau di Sungai Liang, jadi perkara itu memang pada masa ini belum berbangkit tambahan pula rancangan perumahan di kawasan Tutong ada sebilangan anggota-anggota bomba yang memohon Rancangan Perumahan Di Bukit Beruang. Jadi keperluan-keperluan itu semakin berkurangan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pegerusi:** Ada baiknya Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat ini diundi, siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SE12A - Jabatan Bomba dan Penyelamat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, jika ada lagi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Saya cuma untuk memberikan jawapan kepada pertanyaan yang saya minta tangguhkan tadi berhubung dengan Imigresen iaitu mengenai penduduk-penduduk di Kampung Durian Suluk dan kawasan-kawasan di sekitarnya yang menghadapi kesulitan untuk mendaftarkan kelahiran anak-anak mereka. Mereka mendaftar di sebelah sana tidak diterima dan juga di kawasan sebelah kita tidak diterima. Pada masa ini, seperti itulah keadaannya sedangkan pada masa dahulu tidak berbangkit masalah penyempadanan semula dan sebagainya.

Pada masa dahulu, Pendaftaran Beranak dan Mati di bawah kawalan Kementerian Kesihatan. Hal seperti ini tidak berbangkit kerana kita dapat menerima ia didaftar sebagai namanya lahir di Negara Brunei Darussalam. Tetapi pada masa ini, kerana permasalahan isu-isu persempadanan dan sebagainya daripada dahulu sampai

sekarang ini belum selesai, maka itulah kedudukannya.

Ertinya kita pun tidak mendaftar, mereka pun tidak mendaftar. Inilah kesulitannya. Mudah-mudahan perkara ini dapat diatasi dengan cara-cara yang baik bagi kegunaan sekurang-kurangnya bagi maksud-maksud pentadbiran terlebih dahulu supaya anak-anak mereka ini tidak akan menghadapi kesulitan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, ada yang sudah berumur sampai 8 ke-9 tahun, masih belum mempunyai Surat Beranak. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri akan membuat kenyataan terhadap soalan-soalan yang pernah diajukan terhadap kementerian berkenaan.

**Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua):** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan menjawab satu soalan saja Yang Berhormat Pengerusi yang diajukan semalam oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai kenderaan yang diseludup keluar negeri, yang mana saya telah meminta tangguh untuk mendapatkan maklumat-maklumat terperinci mengenai ini.

Saya ingin memaklumkan bahawa prosedur yang diguna pakai pada masa ini menghendaki setiap kenderaan yang dibawa keluar melalui pos-pos kawalan kastam dimestikan untuk mengisikan borang yang telah ditetapkan dan

seterusnya melapor kepada Pegawai Pemeriksa Kastam.

Peraturan juga menetapkan bahawa setiap kenderaan yang dibawa keluar yang bukan dimiliki oleh pemandu atau penumpang kenderaan berkenaan adalah dikehendaki untuk menyertakan surat kebenaran daripada pemilik kenderaan tersebut. Tatacara pemeriksaan yang dijalankan pada masa ini oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja adalah selaras dengan amalan dan praktis perkastaman antarabangsa. Dalam usaha untuk menseimbangkan di antara keperluan menjalankan pemeriksaan yang rapi dan juga keperluan memudah cara pelepasan di pos-pos kawalan.

Bagi memastikan aliran kenderaan keluar masuk di pos-pos kawalan kastam tidak terjejas, pemeriksaan khusus yang lebih ketat dan terperinci akan dilakukan apabila mendapat maklumat tertentu yang dikongsikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain ataupun daripada maklumat-maklumat orang ramai.

Berkenaan dengan kenderaan curi yang dibawa keluar dari negara ini, kebiasaannya mereka yang terlibat tersebut mempunyai *modus operandi* yang tersendiri seperti menggunakan nombor pendaftaran palsu dan sebagainya. Ke arah itu, dalam menangani dan membendung perkara ini, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sentiasa berusaha meningkatkan kerjasama yang sedia ada dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta orang ramai untuk memastikan pengawalan di pos-pos kawalan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Insya-Allah. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan membuat ucapan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon izin untuk menyampaikan mukadimah bagi memandu perbincangan kitani dalam menimbangankan peruntukan Kementerian Pendidikan. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih di atas sokongan dalam memperuntukkan sebanyak B\$759,128,920.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2013/2014. Peruntukan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini adalah juga termasuk menampung penyelarasan tangga gaji bagi 1,182 tenaga pengajar untuk diserapkan ke dalam Skim Perkhidmatan Guru (SPG) yang baru.

Selain itu, peruntukan sebanyak \$28.1 juta adalah bagi pemeliharaan sistem komputer termasuk kos-kos berjumlah \$10 juta bagi pemeliharaan projek-projek Info-Teknologi (IT). Bantuan bagi anak-anak dari keluarga kurang berkemampuan masih diteruskan dengan peruntukannya sebanyak \$3 juta.

Sementara itu, peruntukan bagi sewa pengangkutan bas dan bot temuai bagi penuntut-penuntut masih kekal pada jumlah \$13 juta. Peruntukan bagi pemeliharaan aset sebanyak \$26 juta dan peruntukan tambahan sebanyak \$500 ribu adalah bagi menampung

keperluan pembelian peralatan-peralatan pendidikan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi termasuk bagi pembelian peralatan untuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

Di bawah peningkatan kemahiran dan kapasiti, peruntukan bagi Kementerian Pendidikan adalah \$2.15 juta dan ini ditambah lagi secara berasingan sebanyak \$1.5 juta bagi pembiayaan keperluan latihan dan kursus kepada tenaga-tenaga pengajar bagi sekolah-sekolah teknik dan vokasional.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10), iaitu bagi projek infrastruktur adalah terdiri projek pembinaan sekolah baru dan projek baru dan projek menaik taraf sekolah-sekolah. Projek menaik taraf ini adalah di bawah projek *Building Improvement of Schools Infrastructure* (BISAI).

Di bawah BISAI terdapat 5 projek sekolah rendah yang telah siap dilaksanakan, 2 masih lagi dalam pelaksanaan dan sebuah di dalam proses tawaran. Sementara itu dalam projek ini juga, 2 projek sekolah menengah telah siap dilaksanakan, 6 masih dalam pelaksanaan dan 8 projek masih di dalam proses tawaran.

Bagi institusi-institusi teknik dan vokasional, 2 projek sekolah masih dalam pelaksanaan dan sebuah dalam proses tawaran. Bagi institusi pengajian tinggi, sebuah institusi masih dalam pelaksanaan dan sebuah lagi di dalam proses tawaran.

Di bawah peruntukan 2012/2013, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet telah melaksanakan pembinaan 3 buah institusi

pendidikan, 2 buah daripadanya iaitu Sekolah Rendah Rataie dan Pusat Tingkatan Enam Sengkurong adalah dalam peringkat penyediaan dan akan digunakan dalam beberapa bulan terdekat ini.

Sementara projek Fasa 2 ITB, telah siap pembinaannya. Usaha-usaha penambahbaikan dan menaik taraf prasarana institusi-institusi pendidikan akan diteruskan di bawah projek RKN10.

Sementara itu, terdapat 51 buah projek Info-Komunikasi dan Teknologi di bawah RKN10 yang bernilai lebih dari \$5 juta dalam mana 7 projek dalam fasa pertama adalah dalam proses pelaksanaan.

Kementerian Pendidikan akan terus melaksana usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif di dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti. Pelaksanaan SPN21 masih berjalan dan beberapa inisiatif telah diungkayahkan untuk menyerap modaliti dan amalan-amalan terbaik bagi mendukung SPN21. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), Kementerian Pendidikan giat menjalankan inisiatif-inisiatif antara lainnya *Learning Educators*, *Advancing Pedagogies for the 21st Century*, (*LEAP21*), *Model Schools*, penerapan keusahawanan dalam kurikulum, meneruskan penganugerahan biasiswa dan meneruskan transformasi pengajaran dan pembelajaran menggunakan info-teknologi bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran abad 21.

Bagi pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, usaha *LEAP21* adalah untuk menerapkan amalan-amalan terbaik pedagogi yang diiktiraf dalam membantu

guru-guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam meningkatkan proses pengajaran, dimensi-dimensi pembelajaran abad ke-21 serta lebih inovatif dan membentuk budaya persekolahan yang cemerlang di samping memberkesankan penggunaan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran. Setakat ini, seramai 90 tenaga pengajar telah mengikuti bengkel yang diadakan secara berfasa-fasa.

Menyebut mengenai dengan *Model Schools*, Kementerian Pendidikan membuat pemantauan bagi melihat dan memberi dukungan kepada merealisasikan objektif *Model Schools* ini tercapai iaitu peningkatan kepada pencapaian pelajar dalam erti kata pencapaian di dalam SPN21. Sekolah-sekolah ini diberi autonomi dalam aspek pentadbiran dan kurikulum. Keberkesanan *Model Schools* masih dalam proses memandangkan ini adalah merupakan inisiatif yang baru dan pemantauan berterusan akan dibuat.

Pelaksanaan SPN21 sehingga hari ini, khasnya usaha-usaha yang dijalankan adalah masih dalam peringkat awal pelaksanaannya dan belumlah jelas impaknya atau sumbangannya terhadap pencapaian pelajar secara keseluruhan. Akan tetapi tinjauan awal menunjukkan kesan-kesan yang positif terutama di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah, sekolah rendah bawah Tahun 1 hingga Tahun 3 dan pelajar-pelajar menengah Tahun 7 dan Tahun 8.

Sekarang kaola akan menumpukan kepada fokus utama Kementerian Pendidikan 2013. Sebagai usaha berterusan dan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam Sempena Tahun Baru Masihi 2013, Kementerian Pendidikan pada tahun ini sedang giat mengusahakan Peningkatan Literasi & Numerasi, Transformasi Pendidikan Teknik & Vokasional, Pembangunan Kapasiti Sumber Tenaga Manusia (*Human Capacity Building*) dan usaha ke arah Memenuhi Keperluan Sumber Tenaga Manusia Negara.

Mengenai literasi dan numerasi, inisiatif peningkatan literasi dan numerasi adalah sebagai respon kepada dapatan Kementerian Pendidikan di mana pelajar-pelajar di sekolah-sekolah rendah didapati menghadapi cabaran dalam menguasai asas membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu, kurang penguasaan asas membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan menghadapi cabaran dalam menguasai asas mengira.

Sebagai langkah segera (*immediate action*) Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan 3 inisiatif bagi membantu pelajar-pelajar meningkatkan kemahiran mereka dalam membaca dan menulis:

1. Inisiatif *The Integrated Approach to Reading Acquisition* (TIARA). TIARA adalah merupakan program literasi yang memfokuskan empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang diajarkan kepada murid-murid pra-sekolah hingga tahun 3. Dapatan dari penilaian yang telah dikendalikan bagi penilaian pertama bulan Februari dan penilaian kedua Jun 2012, telah menunjukkan pencapaian pelajar ke tahap yang diharapkan adalah sangat mengalakkan.

2. Inisiatif lain yang diperkenalkan adalah Inisiatif Program Pengukuhan Kemahiran Asas, PEKA. PEKA merupakan satu lagi program yang telah diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah yang memfokuskan kepada pemulihan asas numerasi dan literasi bagi pelajar-pelajar yang mempunyai cabaran dalam menguasai kemahiran asas mengira dan membaca. Program ini akan mula dijalankan di sekolah-sekolah rendah bagi pelajar-pelajar Tahun 4 dan Tahun 5 mulai bulan Januari 2013 dalam mana seramai 356 guru akan dilibatkan.

3. Program Membaca dan Menulis Gabungan Bunyi Kata atau ringkasnya KGBK. Penekanan Program KGBK ialah pembentukan program membaca dalam Bahasa Melayu yang sistematik. Program ini dijalankan bagi pelajar-pelajar tahun 1. Program KGBK ini mempunyai 12 aras kemahiran yang mana aras 6 ialah aras di mana pelajar-pelajar telah mempunyai kemahiran untuk membaca dan aras 11 hingga 12 menunjukkan pelajar telah mencapai kemahiran membaca di samping memahaminya. Setakat ini jumlah pelajar Tahun 1 yang telah mencapai aras 6 ke atas ialah 75%. Jumlah pelajar yang telah mencapai aras tertinggi iaitu aras 11 dan 12 ialah 60%.

Keberkesanan kesemua program ini, secara keseluruhannya telah menunjukkan kepada peningkatan pencapaian pelajar dalam numerasi dan literasi. Di samping itu menyedari terdapatnya pada setiap kohort kumpulan pelajar yang menghadapi cabaran menguasai asas kemahiran literasi dan numerasi ini, usaha untuk mengenal pasti dan mengatasi

punca dan faktor yang menyumbang kepada kelemahan atau kekurangan berkenaan akan dipertingkatkan bermula dari peringkat awal lagi. Ini akan melibatkan banyak pihak yang berkepentingan. Antara lainnya penganalisaan yang terperinci ke atas kesemua faktor-faktor yang berhubung kait termasuk melihat semula kepada kapasiti dan sumber-sumber tenaga serta lainnya dan merencana pelan-pelan tindakan yang terarah dan lebih fokus.

Bagi langkah transformasi lanskap pendidikan teknik dan vokasional, usaha ini mengambil kira kedudukan masa hadapan yang berjangka panjang dan ke arah pembangunan yang berdaya tahan (*sustainable*). Kementerian Pendidikan telah siap menyelesaikan rebiu awal transformasi sistem pendidikan ini. Rebiu awal ini sekarang memerlukan penelitian yang lebih terperinci untuk pelaksanaan transformasi di pelbagai aspek termasuklah infrastruktur, dasar, kelulusan yang ditawarkan, malah kepada merubah persepsi masyarakat khususnya para ibu bapa mengenai pendidikan teknik dan vokasional.

Transformasi ini akan meliputi menaik taraf institusi-institusi teknik dan vokasional dengan hasrat untuk menjadikan kedudukannya sebagai pusat-pusat kecemerlangan.

Peningkatan kapasiti tenaga pengajar teknik dan vokasional juga akan giat dilaksanakan yang mana selain daripada mengadakan latihan perkembangan dan kongsi sama, tenaga-tenaga pengajar akan mula didedahkan kepada pengalaman bekerja di sektor perindustrian. Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan sedang meneliti

penyediaan skim perkhidmatan baru iaitu Skim Perkhidmatan Pendidikan Teknik yang membolehkan tenaga kerja yang ada di industri menjadi tenaga pengajar di institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional.

Selain daripada penyerapan tenaga kerja berkenaan, Kementerian Pendidikan juga terus bekerjasama rapat dengan pihak-pihak industri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan bagi memastikan graduan institusi pendidikan teknik dan vokasional akan memperolehi pekerjaan selepas menamatkan pengajian mereka.

Kualiti pendidikan banyak bergantung kepada kualiti dan keberkesanan tenaga pengajarnya. Cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kualiti guru ialah melalui latihan-latihan yang terancang. Melalui Model Bagi Perkembangan Profesional Guru (*Professional Development for Teachers Model - PDTM*) tenaga pengajar berpeluang melanjutkan pengajian mereka supaya terus relevan dengan pembelajaran dan seiring dengan Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG). Program meninggikan tahap kelulusan dalam atau luar negeri pada masa ini adalah melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang mana bagi guru dan pegawai yang memenuhi syarat Skim LDP adalah dibolehkan melanjutkan pengajian secara sepenuh masa, manakala bagi yang tidak memenuhi syarat Skim LDP dibenarkan melanjutkan pengajian secara separuh masa (*part-time*). Semenjak tahun 2010 hingga tahun 2012, seramai 63 orang pegawai mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan di seberang laut sementara 647 pegawai telah dan sedang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan dalam negeri.



Selain daripada meninggikan tahap melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan juga menawarkan pelbagai program, bengkel, latihan, penyelidikan pembelajaran dan amalan-amalan terbaik bagi kegiatan perkembangan profesional guru selaras dengan Skim Perkhidmatan Perguruan.

Menyentuh mengenai dengan usaha ke arah memenuhi keperluan sumber tenaga manusia iaitu bagi membantu Kementerian Pendidikan dalam penganugerahan dermasiswa dan penawaran kursus-kursus di institusi-institusi pengajian di Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah memperkenankan bagi Penubuhan "Badan Khas Bertanggungjawab Menyediakan Dasar Perancangan Sumber Tenaga Manusia". Badan khas ini berfungsi di dalam memadamkan permintaan dan bekalan bagi kemahiran yang dikehendaki oleh Negara berdasarkan tahap sedia ada dan anggaran keperluan masa depan. Ia dihasrat akan memberi gambaran jangkaan atau *projection* keperluan tenaga manusia di sektor swasta dan kerajaan menurut bidang, bilangan dan tahap kemahiran yang diselaraskan dengan keperluan Negara. Hasil Badan Khas ini akan membantu dalam usaha transformasi pendidikan teknik dan vokasional termasuk institusi-institusi tinggi dalam merancang dan menyediakan program-program jangka pendek dan panjang.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga memohon izin untuk dapat memberikan penjelasan terhadap beberapa isu yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang

Berhormat semasa kita bersidang beberapa hari yang lalu.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal menyebutkan mengenai Undang-Undang Syariah dalam mana memerlukan dukungan pihak-pihak tertentu. Kementerian Pendidikan dalam hubungan ini melalui Universiti Islam Sultan Sharif Ali telah menjalankan program-program pengajian dalam Syariah, Undang-Undang dari peringkat Ijazah Sarjana Muda ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Bagi dua tahun kebelakangan ini, iaitu 2011 dan 2012, Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA telah mengeluarkan seorang Ijazah Doktor Falsafah, 31 orang Sarjana Syariah, 77 orang Sarjana Muda Syariah dan 18 orang Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syarie.

Dari segi kemasukan 3 tahun kebelakangan, seramai 97 pelajar sedang mengambil Sarjana Muda Syariah, 32 pelajar mengambil Program *Double Degree* Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dan Sarjana Muda Perundangan Syariah (BSL) iaitu program 5 tahun, 12 pelajar mengambil Diploma Guaman Syarie dan Perundangan Islam dan 5 pelajar mengambil Doktor Falsafah Syariah. Bagi program Sarjana Syariah 24 pelajar sedang mengikuti pengajian mereka.

Beberapa bengkel dan syarahan Syariah dan Undang-Undang juga diadakan. Dalam bidang penerbitan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang juga dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan Jurnal Undang-Undang Syariah dan Sivil.

Mengenai dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan isu keselamatan pelajar. Sebagaimana yang kita semua maklum, berbagai jenis keadaan yang berisiko seperti kejadian bencana alam, kecemasan, kemalangan boleh sahaja berlaku tanpa diduga. Ini memerlukan bagi semua pihak yang terlibat untuk membuat penilaian risiko (*risk assessment*) dan menjalankan Standard Operasi Prosedur (*Standard Operating Procedures*) yang disediakan. Isu yang menjadi cabaran bagi Kementerian Pendidikan ialah membudayakan keselamatan sebagai satu amalan setiap hari dan ini memerlukan pelbagai pendekatan yang lebih berkesan. Saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat dalam perkara ini.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu penyediaan program-program kemahiran bagi mendukung bidang perekonomian dan peringkat tahap program-program kemahiran ditawarkan. Yang Berhormat telah menimbulkan mengenai dengan pendidikan untuk berganding bahu dalam menyediakan program-program kemahiran bagi mendukung usaha-usaha kerajaan dalam bidang-bidang perekonomian seperti pertanian, perikanan dan sebagainya. Program-program kemahiran antara lainnya seperti pemeliharaan ternakan ikan, teknologi pertanian, teknologi permakanan, pengeluaran tanaman dijalankan di Sekolah Vokasional Wasan dari peringkat sijil hingga ke peringkat diploma. Ini adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi mengenai usaha transformasi pendidikan teknik dan

vokasional dan dalam mensejajarkan keperluan Negara, ia akan dipandu oleh Badan Khas Bertanggungjawab Menyediakan Dasar Perancangan Sumber Tenaga Manusia, maka saranan Yang Berhormat Awang Haji Ramli akan diambil kira bagi menimbangkan peringkat-peringkat tahap program-program kemahiran yang ditawarkan.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk mengakhiri mukadimah kaola ini, sekali lagi kaola mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Belanjawan dan Kementerian Kewangan di atas cadangan peruntukan perbelanjaan 2013/2014 kepada Kementerian Pendidikan. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Berhubung dengan kemahiran teknikal dan *competency technical vocational* saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri kerana telah mengusahakan penyediaan rangka kerja bagi *competency* dalam industri tenaga yang akan dijadikan panduan dalam penyediaan *syllabus* latihan yang lebih bersesuaian dengan keperluan industry. Usaha yang pro-aktif ini yang memberi penekanan bagi mengenalpasti keperluan pembelajaran dan latihan bagi mereka yang akan atau sedang bekerja di industri Minyak dan Gas

adalah sangat dialu-alukan. Apa yang menarik di sini ialah usaha-usaha peningkatan keperluan kemahiran tersebut adalah *industry driven*.

Saya juga menyokong inisiatif dan penyelarasan yang telah dan sedang dibuat oleh Kementerian Pendidikan bagi transformasi pendidikan teknikal dan vokasional yang kita faham adalah menjadi komponen penting dalam sistem pendidikan Negara. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah membuat kenyataan media dan juga di Dewan ini dalam sesi yang awal tadi.

Saya ingin menarik perhatian bahawa memang sudah ada penglibatan pemberi khidmat pendidikan swasta ataupun *private educational service provider* dalam mengadakan kursus teknikal, vokasional dan latihan kemahiran ini terutamanya di bidang ICT dan perniagaan. Dengan ini saya rasa untuk membantu usaha peningkatan kemahiran dan *competency* teknikal dan vokasional ada baiknya diperkukuhkan dan diperkembangkan penglibatan sektor swasta terutamanya di dalam bidang-bidang yang belum diterokai.

Ke arah ini saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan:

1. Menyebarluaskan strategi dan maklumat perancangan kementerian.
2. Menyediakan garis panduan bagi industri perkhidmatan pendidikan yang berpotensi untuk dimajukan agar pelaburan berterusan dan yang baru akan dapat dibuat oleh pihak sektor swasta. Dengan penglibatan pihak sektor swasta sudah tentunya akan turut menyumbang kepada usaha

memenuhi keperluan peningkatan kemahiran dan *competency* teknikal dan vokasional. In-sya-Allah.

Perkara kedua yang saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai usaha pembelajaran sepanjang hayat. Pada Majlis Konvokesyen Ke-24 Universiti Brunei Darussalam, pada bulan September 2012, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah supaya Universiti Brunei Darussalam meningkatkan kemampuan untuk meneroka pendekatan yang munasabah seperti menawarkan program pengajian melalui pembelajaran secara *online* dengan menggunakan teknologi terkini.

Ini adalah sejajar dengan hasrat Negara untuk membina masyarakat yang berpengetahuan (*knowledge society*). Kita juga sama-sama maklum bahawa banyak universiti-universiti ternama di dunia telah melaksanakan kursus *online* sebagai satu cara terkini bagi penyampaian pembelajaran. Apa yang kita fahami bahawa pendekatan seperti ini telah mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan dari orang awam terutama sekali dari para pelajar.

Soalan saya ialah sejauh manakah pencapaian Universiti Brunei Darussalam mengenai dengan program pengajian melalui pembelajaran secara *online* ini? kerana saya yakin dengan peningkatan kaedah ini akan dapat membantu meraih peluang untuk mencapai hasrat Negara untuk membina masyarakat berpengetahuan dan berdaya maju, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid. Saya mengalu-alukan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu tadi mengenai dengan keperluan untuk menyebarkan strategi dan menyediakan garis pandu terhadap program-program vokasional dan teknikal di mana pihak sektor swasta akan dapat melibatkan diri mereka.

Kita mengalu-alukan akan penyertaan atau penglibatan sektor swasta dalam mengendalikan program-program seumpama ini kerana kalau kita saksikan kejayaan di dalam bidang teknikal dan vokasional di beberapa buah negara maju, ianya adalah didukung dengan kuatnya oleh pihak industri. Jadi, inilah tujuan daripada transformasi pendidikan vokasional dan teknikal yang kita harap akan dapat nanti dalam sedikit masa melahirkan *white paper* dan berdasarkan kertas dasar itulah kita akan mengambil langkah-langkah yang diperlukan.

Sejauh ini pun di dalam bidang-bidang yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi terutama dalam bidang bisnes dan info-teknologi pada tahun lepas, terdapat peningkatan pelajar-pelajar yang memasuki sekolah ataupun institusi-institusi yang menawarkan kursus-kursus ini yang dibantu oleh dana daripada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Mengenai dengan *continuing education* di Universiti Brunei Darussalam, perkara ini sedang diteliti oleh pihak Universiti Brunei Darussalam dan sejauh ini Kementerian Pendidikan sebagaimana yang saya nyatakan pada tahun lepas pihak Kerajaan sudah mengiktiraf akan kursus yang

dijalankan secara *online* iaitu kursus-kursus di peringkat *post graduate*.

Di Universiti Brunei Darussalam sendiri terdapat bahagian yang disebut sebagai *Continuing Education Centre* yang bertujuan untuk mendokong konsep *life-long learning*. Ada beberapa kursus yang sudah dibuat dalam bidang ini dan maklumat mengenainya akan saya berikan setelah mendapat maklumat yang lebih terperinci. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada dua perkara yang saya timbulkan di bawah Kementerian Pendidikan iaitu:

1. Semasa saya berkesempatan dibawa melawat keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan apa yang didapati keseluruhan keluarga tersebut termasuk anak-anak mereka mempunyai pendidikan yang minima dan kesedaran untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik juga berkurangan. Alhamdulillah, dengan adanya peruntukan di bawah Akta Pendidikan Wajib yang bermula pada tahun 2007 semua kanak-kanak bermula umur 6 tahun diwajibkan untuk menghadiri sekolah dan dalam akta yang sama sebuah *compulsory education board* juga dikatakan akan ditubuhkan untuk mengawasi agar tidak ada ibu bapa yang melanggar akta berkenaan.

Dalam masa yang sama juga melalui SPN 21 kanak-kanak dari Tahun 1 hingga Tahun 10 ataupun 11, akan terus dinaikkan darjah tanpa penahanan kecuali jika mempunyai kedatangan kurang daripada 85%. Hasrat Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan kanak-kanak untuk tidak meninggalkan bangku sekolah memang baik dan bertepatan sekali.

Bagaimanapun saya kira ianya kurang lengkap jika kawalan juga tidak dibuat bagi memastikan mereka ini juga memperolehi pendidikan yang baik dan bukan hanya sekadar hadir ke sekolah pada setiap hari. Di sini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan *Director of Children Services* di keempat-empat daerah yang mana bahagian ini dikhaskan untuk bekerjasama dengan guru-guru darjah, guru besar dan ibu bapa untuk mengawasi kanak-kanak terutama dari keluarga miskin yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Dengan adanya bahagian ini, pegawai yang sama akan dapat mengawasi secara berterusan perkembangan anak-anak tersebut dari awal hingga ke peringkat 'A' level.

2. Menurut jangka jadual pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara (SPN) Abad 21 yang terpapar di laman *web* Kementerian Pendidikan, SPN 21 yang diselaraskan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2008 dikatakan telah selesai diselaraskan pada tahun 2011. Bagaimanapun dari penerangan mukadimah Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, SPN 21 nampaknya masih terus diselaraskan. Di sini saya ingin

menimbulkan kebimbangan yang telah disuarakan ataupun pandangan yang telah disoalkan oleh guru-guru dari mata pelajaran Matematik di peringkat 'A' level.

Menurut mereka, melalui SPN 21 penuntut telah diasingkan berpandukan kepada kecemerlangan mereka di mana mereka yang cemerlang akan dipendekkan waktu pembelajaran mereka ataupun *skip* satu tahun berbanding dengan penuntut biasa. Guru-guru tersebut berkata mereka tidak mempersoalkan penuntut-penuntut yang cemerlang ini akan berjaya atau lulus di dalam peperiksaan di peringkat 'A' level dalam mata pelajaran Matematik akan tetapi menurut mereka penuntut-penuntut ini tidak akan mempunyai asas yang kuat atau kukuh dalam mata pelajaran Matematik kerana dengan memendekkan satu tahun, guru-guru Matematik tidak mempunyai masa untuk mengajar mata pelajaran ini secara mendalam. Menurut mereka mata pelajaran Matematik ini adalah satu mata pelajaran yang mustahak terutamanya bagi mereka yang akan melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut ataupun ke bidang-bidang yang lebih tinggi.

Di sini saya memohon pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan berhubung dengan kebimbangan yang disoalkan oleh guru-guru Matematik ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Hajah Salbiah. Cadangan Yang Berhormat Datin bagi Kementerian

Pendidikan untuk menubuhkan *Director of Children Services* akan kita teliti kesesuaiannya. Sebagaimana yang saya pernah terangkan di Dewan ini pada tahun lepas bahawa terdapat beberapa *approach* di dalam membantu pelajar-pelajar dari keluarga kurang berkemampuan yang bukan saja memberikan bantuan kewangan untuk memberikan ia buku, pakaian dan sebagainya malah ada yang diberikan sarapan pagi di sekolah-sekolah, tetapi kita juga akan berusaha memberikan mereka ini bantuan dari segi meningkatkan tahap akademik mereka.

Kepada mereka yang menerima kemudahan asrama, Kementerian Pendidikan sekarang telah pun membuka dua kemudahan iaitu Asrama di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Jadi adalah menjadi hasrat kita supaya mereka ini juga dibawa ke satu alam persekitaran yang lain yang lebih kondusif untuk mereka dapat belajar dan menumpukan perhatian dan diberikan pengawalan sepanjang tempoh persekolahan.

Mengenai dengan pemerhatian daripada guru-guru bahawa mereka yang cemerlang mengikuti pengajian menengah selama empat tahun dikhuatiri kurang kemampuan dalam asasnya dalam menghadapi 'A' Level Matematik, perkara ini barangkali terpaksa diteliti. Tetapi apa yang nyata bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti aliran *General Education Programme* empat tahun telah menunjukkan prestasi yang amat tinggi buat 2 tahun berturut-turut. Pelajar-pelajar yang berkemampuan ini telah mencapai keputusan lebih 90% lulus

dengan memperolehi 5 'O' level ke atas. Jadi keputusan peperiksaan 'O' level mereka telah menunjukkan bahawa walaupun pelajar lain mengikuti lima tahun mereka empat tahun, keputusan peperiksaan mereka bukan saja lulus biasa tetapi lulus 5 'O' level ke atas adalah mencapai lebih daripada 90%. Bagaimanapun mereka kohoret pertama akan menduduki peperiksaan 'A' levelnya pada tahun ini. Jadi sama-samalah nanti kita akan menilai dan mengukur sejauh mana kesahihan andaian daripada guru-guru itu. Saya sendiri tidaklah dapat memberikan jawapannya tanpa adanya satu kajian perbandingan mengenai dengan pencapaian mereka selepas 'O' level khususnya apabila mereka mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan mempersilakan dua orang lagi Ahli Yang Berhormat sebelah sini untuk menghadapi soalan. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan mengajukan satu persoalan. Yang Berhormat Pengerusi, terdapat keluhan dari sekolah-sekolah bukan kerajaan di mana Elaun Pelajaran dibayar kepada ibu bapa, tidak dibayar ke sekolah tempat anaknya belajar menyebabkan bayaran sekolah anak tersebut tertunggak.

Adalah dicadangkan Kementerian Pendidikan akan dapat membenarkan permohonan pihak sekolah supaya elaun-

elaun pelajaran tersebut dibayar terus ke sekolah mereka. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Mengenai dengan Elaun Pelajaran, prosedurnya pada masa ini adalah bagi ibu-bapa menerima elaun itu setelah permohonan elaun pelajaran itu diluluskan. Cadangan daripada sekolah swasta yang dihadapkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah tadi akan kita diteliti kesesuaiannya kerana perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi. Bidang pendidikan merupakan bidang penting dalam penyediaan sumber manusia yang dapat memenuhi salah satu teras utama dalam Wawasan Negara 2035 iaitu Penduduk Yang Berpendidikan dan berkemahiran tinggi sekaligus akan menyumbang pula kepada kemantapan ekonomi negara. Dalam mendukung wawasan tersebut di dalam Rancangan Kemajuan Negara, pelaksanaan berterusan untuk merealisasikan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 yang berjaya, kita dapat melihat dari perancangan dari aspek pembinaan prasarana. Persekolahan daripada peringkat rendah, menengah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi. Para guru pula sebagai pemegang amanah bertanggungjawab untuk mencorak generasi masa depan yang cemerlang. Ke arah itu juga, Kementerian Pendidikan tidak kendur-kendur menyusun

program pembangunan untuk para guru dengan pelbagai latihan kursus meninggi tahap sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dalam hal ini, saya ingin mengetahui apakah usaha sedemikian akan ditingkatkan lagi dengan perancangan-perancangan? Umpamanya untuk membangun profesionalisme perguruan ini dengan mewujudkan sebuah Pusat Pengkajian Khusus Untuk Para Guru atau boleh juga disebut sebagai *Research Centre For Teachers* yang disediakan sebagai pusat pembangunan profesional perguruan yang boleh juga dijadikan sebagai tempat rujukan, tempat kajian, tempat per muzakarah perancangan dan perkembangan bidang pendidikan. Pendeknya, di sinilah R & D bidang pendidikan yang lebih terarah. Pusat seumpama ini juga akan menjadi sebagai satu destinasi ilmu yang turut menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan di Negara ini dengan menyediakan program-program pembangunan yang teratur dan terancang dan sentiasa berterusan di semua peringkat. Saya percaya Kementerian Pendidikan mempunyai matlamat untuk membangun profesionalisme perguruan seoptima mungkin, sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Perkara kedua, isu yang pernah saya sentuh ketika mengulas pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013/2014 oleh Menteri Kewangan II (Kedua) mengenai keselamatan dan kesihatan di sekolah.

Di dalam bajet peruntukan kewangan, Kementerian Pendidikan tidak ada peruntukan khas untuk Program

Keselamatan dan Kesihatan, meskipun mungkin boleh digunakan daripada mana-mana peruntukan berulang-ulang atau peruntukan khas tetapi apabila ada keperluan lain selain keselamatan dan kesihatan, untuk menggunakan peruntukan tersebut, aspek prioriti akan berlaku bagi menggunakan peruntukan tersebut.

Tetapi sekiranya ada peruntukan khas untuk Program Keselamatan dan Kesihatan ini, maka banyak program-program dapat dilaksanakan. Contohnya program-program latihan keselamatan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar, penyediaan tempat-tempat khas menunggu untuk anak-anak sekolah, terutama sekolah-sekolah rendah. Penyediaan kemudahan peralatan keselamatan yang mencukupi sentiasa terpelihara dengan baik. Manakala institusi teknikal dan vokasional yang mempunyai peralatan dan mesin-mesin berat yang perlu dipastikan adanya kerja-kerja pemeliharaan yang berterusan, penggantian mesin-mesin lama dan usang kepada yang baru, ataupun *risk assessment* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi diadakan sebelum setiap rancangan seperti siri-siri lawatan sambil belajar bagi pelajar-pelajar yang berkemungkinan menyediakan kontingensi yang diperlukan ataupun mengaktifkan program-program yang sekolah-sekolah telah menyediakan *Unit First Aid* di peringkat sekolah. Begitu juga menyediakan orang-orang yang ada keahlian dalam bidang ini, seperti juga dalam bidang kaunseling yang telah pun Kementerian Pendidikan sediakan, jadi ini sahaja pandangan daripada saya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat.

Meningkatkan kapasiti guru-guru, sebagaimana jua yang saya terangkan dalam mukadimah tadi, peningkatan kapasiti guru-guru bukan saja penting kepada pembelajaran pelajar-pelajar tetapi juga adalah diperlukan untuk *career development* guru-guru kerana dalam Skim Perkhidmatan Perguruan yang baru menghendaki mereka ini mengikuti kursus-kursus atau mendapatkan kelayakan-kelayakan tertentu sebelum dapat meningkat kepada tangga gaji yang lebih tinggi. Tetapi yang lebih penting ialah bagi mereka menyumbang kepada pembelajaran, pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Jadi bagi tujuan ini, saya ingin mengongsikan bahawa pada masa ini Kementerian Pendidikan sedang meneliti akan penubuhan *Brunei Darussalam Teacher's Academy* yang bertujuan untuk memberikan latihan-latihan dalam perkhidmatan selain daripada apa yang dijalankan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkuah kerana *Brunei Darussalam Teacher's Academy* akan dapat mengendalikan latihan-latihan bukan sahaja bagi tujuan peningkatan akademik mereka tetapi juga untuk membantu guru-guru itu di dalam bilik darjah mereka kerana inilah perkara yang kita dapati pada masa ini bahawa mereka memerlukan bimbingan-bimbingan tertentu secara berterusan.



Mengenai dengan perkara keselamatan dan kesihatan, sungguhpun bajet-bajetnya tidak digambarkan secara khusus, tetapi Kementerian Pendidikan mengambil perhatian serius kepada dua perkara ini. Umpamanya dari aspek keselamatan, Bahagian Bangunan di Kementerian Pendidikan telah pun memulakan rancangan-rancangan untuk meningkatkan keselamatan di kawasan sekolah-sekolah umpamanya tempat di mana para ibu bapa menurunkan anak-anak mereka. Sekarang ini sudah mula dibuat sesuatu, di mana kita boleh menurunkan kanak-kanak jauh sedikit daripada kawasan sekolah bagi memastikan kereta-kereta tidak akan menghampiri kawasan bangunan sekolah.

Bagi bangunan-bangunan sekolah yang baru dibina umpamanya Sekolah Rendah Rataie di Temburong. Perkara keselamatan ini sudah dimasukkan di dalam pelaksanaannya. Kalau kita melihat sekarang ini tempat penurunan di Sekolah Rendah Rataie yang akan siap boleh digunakan dalam dua tiga bulan lagi ini yang mana sudah berjauhan daripada bangunan-bangunan sekolah.

Sebagaimana yang saya nyatakan tadi dalam dua perkara ini, walaupun tidak ada Tajuk-Tajuk yang khusus tetapi Kementerian Pendidikan mengambil perhatian yang berat mengenainya dan menggunakan Tajuk-Tajuk yang bersesuaian. Ini termasuklah juga mengenai dengan latihan-latihan ada terdapat tajuk dalam *capacity building*. Jadi di sana akan dimasukkan keperluan-keperluan untuk memberikan latihan kepada guru-guru dalam dua perkara ini. Itu saja yang dapat saya jelaskan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat, ada empat orang lagi Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan keinginan untuk bercakap tapi saya memohon supaya bersabar dulu sehingga kita menyambung perbincangan di peringkat Jawatankuasa nanti. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya perbincangan ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita sekarang bersidang di peringkat Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah sehingga ke hari ini persidangan Majlis Mesyuarat telah pun bersidang bagi hari yang ketujuh. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dan kita akan bersidang lagi insya-Allah pada hari Sabtu, 16 Mac 2013 pada jam 9.30 pagi, sekian terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Sabtu , 4 Jamadilawal 1434 / 16 Mac 2013****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK. **(Tidak hadir disebelah pagi)**

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Mulia Jurutulis II:**  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini bagi hari yang kelapan didahului dengan bacaan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir lagi pada pagi ini bagi meneruskan Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang kelapan pada hari ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 di peringkat Jawatankuasa. Alhamdulillah, pada Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan beberapa hari yang lalu telah meluluskan dan menjadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Pada hari Khamis yang lepas, Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

Saya telah difahamkan bahawa masih ada banyak lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat kenyataan mengenai dengan Tajuk ini. Saya telah diberikan senarai yang menunjukkan ada 13 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk bercakap. Saya berharap apa jua kenyataan akan diberikan oleh Ahli Yang Berhormat biarlah tepat dan ringkas.

Saya juga telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada urusan di luar negeri yang mana tidak dapat dielakkannya dan Yang Berhormat akan berlepas keluar negeri sama ada pada malam ini atau esok. Jadi, saya berharap akan mendapat kerjasama dari Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam membuat kenyataan masing-masing. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim untuk perbincangan pagi ini. Silakan, terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dihormati sekalian.

Dalam menyokong Tajuk ini, kita mengucapkan syabas dan tahniah atas usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan taraf pendidikan Negara ke tahap yang setanding dengan negara-negara maju di dunia. Sepertimana yang

kita maklum, dalam mukadimah yang telah disampaikan semalam oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Kementerian Pendidikan telah memberikan fokus untuk memastikan pendidikan Negara akan dapat melahirkan generasi khususnya belia-belia yang benar-benar dapat memenuhi keperluan pembangunan Negara.

Secara umumnya, transformasi pendidikan Negara dilihat sebagai agenda penting yang akan membina modal insan yang berilmu dan bertanggungjawab untuk pembangunan Negara dalam jangka masa pendek atau panjang bagi melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan berpendidikan tinggi selaras dengan keperluan Negara. Marilah kita sama-sama berdoa agar transformasi pendidikan Negara ini akan berjaya dilaksanakan dengan jayanya, Amin.

Yang Berhormat Pengerusi, ada beberapa isu yang saya ingin sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini:

- 1) Guru-Guru *Relief* (sandaran) di Kementerian Pendidikan yang sudah ditempatkan sejak tahun 2009 hingga ke hari ini adalah graduan-graduan Universiti Brunei Darussalam berijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam pengkhususan Bahasa Melayu akan dapat dipertimbangkan bagi diserapkan dan diambil sebagai guru bergaji hari ataupun berjawatan tetap, sama ada mereka ditempatkan di sekolah-sekolah menengah atau sekolah rendah bagi memenuhi keperluan dan kekurangan guru di beberapa sekolah rendah dan menengah di Negara ini.

Graduan-graduan Universiti Brunei Darussalam yang disebutkan ini adalah merupakan lepasan *fresh graduate* yang setentunya mereka ini akan dapat memberikan sumbangan yang lebih berkesan dalam usaha mendidik anak bangsa di samping berkhidmat bagi membantu kekurangan guru di sekolah-sekolah;

- 2) Program kursus yang ditawarkan. Yang Berhormat Pengerusi, saya juga mencadangkan agar Universiti Brunei Darussalam dan pusat-pusat pengajian tinggi di Negara ini akan dapat menawarkan kursus-kursus atau program baharu seperti Sijil Profesional atau program baru seperti Sijil Profesional dari badan-badan tempatan dan antarabangsa yang bertauliah agar mereka akan mendapat pekerjaan yang diperlukan oleh berbagai sektor seperti industri Minyak dan Gas, guaman, pelancongan dan lain-lainnya yang berkaitan dengan keperluan Negara. Sebagai contoh, penuntut-penuntut lepasan Institut Teknologi Brunei (ITB) sangat diperlukan dan mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran pekerjaan di Negara ini;
- 3) Pelajaran Sepanjang Hayat atau *Life Long Learning* sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pendidikan merupakan perkara yang sangat penting dan usaha menuntut ilmu merupakan usaha berterusan iaitu sepanjang hayat. Dalam menyokong tajuk ini saya ingin mencadangkan agar kakitangan Kerajaan yang ingin melanjutkan pengajian mereka iaitu bagi mereka yang sudah berumur 40 tahun akan dapat dipertimbangkan untuk melanjutkan pengajian mereka mengikut bidang masing-masing. Kita menyedari bahawa peraturan bagi seorang pegawai yang akan mengikuti kursus ada had umur tertentu iaitu tidak melebihi 40 tahun. Jadi dalam perkara ini dipohonkan pertimbangan;
- 4) Perkhidmatan Bas Sekolah. Perkhidmatan Bas Sekolah telah diberikan oleh Kementerian Pendidikan sejak sekian lama yang memberikan kemudahan kepada ibu bapa yang rumah mereka jaraknya tidak kurang daripada 3km. Perkara ini dicadangkan supaya akan dapat dilaratkan kepada ibu bapa yang terpaksa menghantar anak mereka ke lokasi yang berasingan. Misalnya ada penjaga terpaksa menghantar ke Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan sebagainya urusan ini akan mengambil masa yang lama dan menjejaskan kehadiran murid di sekolah atau kehadiran ibu bapa untuk menunaikan tanggungjawab di jabatan-jabatan Kerajaan;
- 5) Penuntut-penuntut yang tinggal jauh dan menggunakan kenderaan sendiri juga diberikan Elaun Perjalanan sejak tahun 60an yakni kira-kira 45 tahun yang lalu dengan kadar \$45.00 sebulan. Kita menyedari dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah menaikkan Elaun Penuntut-Penuntut Sebarang Laut. Dalam kesempatan ini adalah

dicadangkan jua supaya Elaun Penuntut yang menggunakan kenderaan sendiri ini akan dapat dinaikkan pada kadar yang berpatutan dan bersesuaian mengikut keperluan. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Pengerusi, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah memberikan bantuan kepada golongan-golongan yang memerlukan bantuan sebanyak \$60.00 seorang bagi seorang penuntut;

- 6) Sekolah Sukan telah diwujudkan kalau kaola tidak silap pada 7 tahun yang lalu dan sekarang ini sudah di tempatkan di bangunan baru dengan kemudahan dan fasiliti-fasiliti yang moden serta mempunyai guru-guru yang berpengalaman dan berkelayakan. Kaola ingin bertanya sejauh ini apakah pencapaian-pencapaian di peringkat sekolah-sekolah menengah dan di peringkat antarabangsa. Adakah penuntut-penuntut ini sudah pernah mewakili Negara ke Sukan SEA (South East Asia Games) dan sebagainya?

Apa yang kita lihat bahawa kualiti makanan dan taraf pemberian makanan kepada pelajar-pelajar ataupun penuntut-penuntut Sekolah Sukan itu adalah bertaraf antarabangsa; dan

- 7) Kaola juga ingin menarik perhatian bahawa sejak beberapa tahun iaitu lebih 50 tahun, Kementerian Pendidikan telah melatih guru-guru dikhususkan bagi mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Setakat ini, jikalau benar kenyataan ini, latihan seumpama itu tidak dijalankan lagi. Ada guru-guru yang

menjalani latihan perguruan khusus dalam bidang-bidang yang tertentu termasuk juga pelajaran Bahasa Inggeris. Mereka ini adalah lepasan dari Universiti Brunei Darussalam dan memang mempunyai kebolehan dan berpotensi mengajar di sekolah-sekolah menengah dalam meningkatkan kualiti pendidikan sekolah-sekolah rendah dan menengah. Saya berharap supaya perkara yang sedemikian ini akan dapat diteruskan semula. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Dalam catatan kaola ada 7 soalan dan bukannya 3 soalan. Izinkan kaola terlebih dahulu Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan sedikit penerangan tambahan kepada beberapa perkara yang telah pun ditimbulkan pada hari Khamis yang lalu.

Mengenai dengan pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan, saya hanya akan mengongsikan statistik bahawa mulai dari tahun 2011 terdapat seramai 2,230 orang pelajar di peringkat rendah dan menengah diberikan bantuan dan pada tahun 2012, terdapat 7,898 pelajar iaitu 5,016 orang di sekolah rendah dan 2,882 orang di sekolah menengah dari keseluruhan yang diterima. Pada tahun 2013, Kementerian Pendidikan akan berusaha supaya bantuan ini juga dapat dibuat dalam bentuk pembayaran kelas tuisyen dan pembayaran peperiksaan.

Saya juga ada menyatakan mengenai dengan kemudahan Asrama di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan juga di Sekolah Menengah Sufri



Bolkiah bagi pelajar-pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan. Bagi tujuan ini, di Asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah terdapat 54 orang dan di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah seramai 10 orang. Sebagaimana yang saya terangkan pada hari Khamis yang lalu bahawa mereka ini bukan sahaja diberikan tempat tinggal di asrama tetapi juga diberi bimbingan akademik oleh guru-guru pengawas dan mereka ini bersekolah di sekolah-sekolah menengah yang terdekat dengan asrama mereka.

Mengenai dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang menyatakan daripada laman web, pelaksanaan itu selesai pada tahun 2011. Yang dimaksudkan adalah untuk sekolah rendah. SPN21 sebenarnya bermula pada tahun 2009 dan dilaksanakan di sekolah menengah mulai tahun 2012 bagi Tahun 7. Proses pelaksanaan di sekolah menengah adalah masih berjalan dan akan selesai sepenuhnya bagi mereka yang mengikuti Sistem Pendidikan Jurusan Ekspres iaitu 4 tahun dalam tahun 2015 dan Jurusan Biasa Am (*General Programme*) pada 2016.

Soalan yang ketiga iaitu mengenai dengan *Continuing Education Program* atau *Program Life Long Learning* yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat. Kaola telah mendapat maklumat daripada Universiti Brunei Darussalam bahawa UBD melalui *Continuing Education Centre* dengan kerjasama *e-Government Innovation Centre* sedang giat menyediakan platform bagi penyediaan kursus secara *online*. Platform ini membolehkan pelbagai

teknologi untuk diguna pakai dan membantu dalam penyediaan akses kepada fasiliti dan kemudahan pembelajaran dan pengajaran secara *online*. Setelah platform ini siap, kerjasama penentuan program-program secara *online* akan dapat dibuat dengan lebih mudah dan efektif.

Sehubungan dengan ini juga, UBD melalui Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah sedang terlibat sama dalam merangka kursus *online* iaitu *Master in Education Leadership Programme for Virtual University for Small States of the Commonwealth* dan kursus ini dijangka akan ditawarkan pada tahun ini yang mana ia akan membolehkan semua bahan-bahan pengajian diakses secara *online* dan dimuat turun oleh mana-mana pihak atau institusi-institusi yang berminat. *Continuing Education Centre* juga bekerjasama dengan *United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* dan *British High Commission* di Negara Brunei Darussalam dalam menawarkan kursus *Green Growth* secara *online* kepada pegawai-pegawai kanan.

Sekarang saya akan cuba menjawab mengenai dengan soalan pertama daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan Guru Sandaran (*Relief Teacher*) supaya mereka ini dapat diserapkan ke dalam gaji hari. Pada masa ini seramai 150 orang Guru Sandaran masih berkhidmat di Kementerian Pendidikan. Kita mesti juga memahami mengenai dengan konsep Guru Sandaran ini. Pengambilan Guru Sandaran sebenarnya bagi menggantikan guru-guru yang bercuti terutamanya guru wanita yang dalam Cuti Bersalin, pegawai kontrak yang bercuti kontrak atau

pegawai-pegawai yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya terangkan pada tahun lepas, Guru-Guru Sandaran ini masih perlu menjalani prosedur-prosedur yang sama bagi memohon kekosongan jawatan termasuklah ujian bertulis, temuduga dan sebagainya. Pada tahun ini, peluang-peluang untuk Guru Sandaran ini mendapat jawatan-jawatan tetap iaitu seramai 31 orang, mereka itu telah pun diberikan jawatan di Kementerian Pendidikan, seorang di UNISSA dan 2 orang di Sekolah Sukan. Sementara itu 19 orang Guru Sandaran telah pun mendapat jawatan di Jabatan Pengajian Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan 9 orang lagi di jabatan-jabatan Kerajaan.

Mengenai dengan perkara kedua iaitu supaya Universiti Brunei Darussalam menawarkan program baru dan program-program dari badan-badan bertauliah antarabangsa apabila mereka ini keluar daripada universiti. Sebenarnya semua institusi pengajian tinggi berusaha untuk menyelaraskan program-program dengan keperluan industri sebagaimana yang saya terangkan dalam mukadimah iaitu pembentukan badan bagi menentukan keperluan guna tenaga ataupun *Manpower Planning* akan memandu penyediaan kursus-kursus di semua peringkat institusi pengajian tinggi dan *post secondary education*.

Keperluan-keperluan industri gas umpamanya adalah dilaksanakan oleh Institut Teknologi Brunei dalam mana pihak Institut Teknologi Brunei sedang meneliti program-program yang berkaitan

dengan keperluan industri minyak dan gas.

Mengenai *Life Long Learning*, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, ianya telah dilaksanakan sejak tahun lepas dan pada beberapa hari yang lalu saya juga ada menerangkan bahawa bagi mereka yang berumur lebih 40 tahun yang menurut syarat perkhidmatan tidak akan dapat dipertimbangkan untuk mengikuti dalam perkhidmatan-perkhidmatan luar negeri, mereka ini boleh mengikuti program-program yang ditawarkan di Universiti Brunei Darussalam umpamanya secara *part time*. Saya telah pun memberikan keterangan bilangan guru-guru khasnya yang mengikuti program secara *part time*.

Mengenai perkhidmatan bas sekolah pula, sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat sedia maklumi bahawa terdapat peraturan-peraturan tertentu bagi pemberian penyediaan kenderaan atau bas sekolah pada masa ini. Ia adalah hanya untuk membantu para ibu bapa dan bukanlah untuk menyelesaikan semua sekali masalah mereka. Mereka terpaksa berusaha sendiri bagaimana cara yang sebaik-baiknya untuk dapat menghantar anak-anak mereka.

Berkaitan dengan perkara elaan bagi mereka yang tinggal jauh daripada sekolah, pada masa ini mereka diberikan sebanyak \$45.00. Elaun ini adalah merupakan bantuan Kerajaan kepada pelajar-pelajar berkenaan untuk meringankan bebanan para ibu-bapa. Jadi untuk meneliti semula sama ada keadaan ini patut atau sudah sampai masanya untuk dinaikkan, ianya akan memerlukan penelitian kerana melibatkan peruntukan yang tinggi kepada Kementerian

Pendidikan. Namun demikian kita akan meneliti perkara ini melalui beberapa

pendekatan. Salah satu daripada pendekatannya ialah sebagaimana saya jelaskan pada tahun lepas, untuk membina asrama-asrama di mana kita boleh membinanya di sekolah-sekolah yang boleh menampung atau mempunyai kawasan, supaya bukan saja masalah pengangkutan akan dapat diatasi tetapi dapat memberikan pendidikan yang boleh melahirkan modal insan sebagaimana yang kita hasratkan.

Mengenai dengan Sekolah Sukan. Dari segi pencapaian akademik, tidaklah saya dapat menyatakan bahawa mereka ini cemerlang dalam pencapaian akademik kerana pelajar-pelajar yang diambil ke Sekolah Sukan ini adalah mereka yang mempunyai kecenderungan di dalam bidang kesukanan. Di dalam bidang kesukanan ini, Alhamdulillah pelajar-pelajar di Sekolah Sukan ini telah melibatkan diri dalam acara-acara kebangsaan. Seramai 6 orang pelajar dari Sekolah Sukan telah dipilih untuk menyertai dalam *Hassanal Bolkiah Trophy 2012* iaitu 5 orang adalah bekas pelajar Sekolah Sukan dan seorang pelajar pula masih menuntut di sekolah menengah dan seorang pelajar telah menjadi wakil *Commonwealth Youth Games 2001*. Pada tahun 2010, 2 orang pelajar mengikuti sukan sepak takraw dan seorang ikut bertanding dalam perlawanan golf di Sukan Sukma Malaysia. Sementara itu, di Sukan *Arafura 2010/2011*, 2 orang pelajar telah dipilih untuk menyertai perlawanan sepak takraw.

Dalam perlawanan *Borneo Games*, 3 orang pelajar sekolah telah menyertai kumpulan pemain bola sepak bagi perlawanan Bola Sepak Borneo, seorang

dalam pertandingan badminton, 2 orang mengikuti perlawanan sepak takraw dan 2 orang dalam perlawanan pencak silat. Pada tahun 2010, diadakan kejohanan Pesta Sukan Kebangsaan dan pelajar-pelajar dari Sekolah Sukan telah meraih pingat di bidang olahraga sebanyak 4 pingat emas dan 3 pingat perak, badminton sebanyak 3 pingat gangsa, sepak takraw 1 pingat perak, pencak silat 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

Selain itu di Pesta Sukan Remaja yang diadakan pada tahun berkenaan juga, pencapaian diperolehi melalui kejohanan luar negeri iaitu Sukan Terbuka Remaja Philippines dengan memperolehi 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa. 5 orang pelajar mewakili *ASEAN School Games (ASG) Malaysia* memperolehi 1 pingat gangsa dan dalam *ASEAN School Games (ASG) Thailand* memperolehi 1 pingat emas dan Sukan Borneo memperolehi 1 pingat emas di *World Amateur Interteam Gold Sarawak*.

Pada tahun 2011, melalui Pesta Sukan Remaja, bago olahraga memperolehi 6 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa, badminton 4 emas, 2 perak dan 2 gangsa, sepak takraw 3 emas, 2 perak dan 4 gangsa, pencak silat 1 emas, 4 perak dan 3 gangsa. Pada tahun 2012 bagi sukan bola sepak, 9 orang pelajar mewakili *Fourth ASEAN Kota Kinabalu* dan 9 orang *Fourth ASIA Japan*. Ini adalah merupakan pencapaian-pencapaian yang telah dibuat oleh pelajar-pelajar Sekolah Sukan setakat ini.

Mengenai dengan program-program yang ditawarkan oleh Universiti Brunei Darussalam khususnya mengenai dengan kursus-kursus pendidikan. Sungguhpun

pada masa ini, kursus pendidikan menjurus kepada *Post Graduate Education* iaitu *Master in Teaching*. Pihak UBD melalui *Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education*, juga menawarkan kursus-kursus yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa. Kalau yang dimaksudkan ini adalah untuk program-program Diploma dalam berbagai bidang, Diploma dalam Kaunseling, Diploma dalam *Early Childhood* dan sebagainya, program itu dikendalikan oleh UBD.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, izikan saya mengimbas kembali Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baru Masehi 2013. Baginda ada menyentuh tentang keputusan Penilaian Sekolah Rendah atau PSR tahun 2012 yang Baginda fikir perlu diambil iktibar dan perhatian yang serius untuk memperbaikinya. Carilah punca mengapa sebahagian anak-anak sekolah kita tidak dapat menguasai kemahiran asas ini, tegas Baginda kerana menurut Baginda mungkin saja latihan dan pendidikan perguruan perlu dipertingkatkan lagi.

Kaola menimbulkan perkara ini tidak berniat untuk menyalahkan siapa-siapa, kaola dengan ikhlas ingin mengongsikan pendapat dan pandangan serta pengalaman kaola yang terhad ini seperti berikut:-

1. Pelajaran anak-anak kita tidak sepatutnya dibebankan sepenuhnya ke atas bahu guru-guru sahaja, tetapi ianya adalah tanggungjawab semua yang berkepentingan terutama ibu bapa yang mana sebilangan mereka tidak memberi kerjasama dengan pihak sekolah. Mereka terlalu sibuk dengan urusan harian mereka seolah-olah hanya berharap kepada guru-guru yang mengajar anak-anak saja. Ada sebilangan ibu bapa mendulur anak-anak mereka mempunyai *i-Pad* dan *video games* yang membuatkan anak-anak itu lalai dan leka kepada pelajaran mereka.
2. Jumlah keramaian pelajar dalam satu-satu kelas hendaklah dikaji semula dan keadaan fizikal kelas juga harus diberi perhatian yang sama bagi memberikan persekitaran yang lebih kondusif kepada pelajar-pelajar kita.
3. Salah satu sebab berpunca daripada sistem pada masa ini iaitu tiada penahanan bagi murid-murid atau penuntut-penuntut dari Tahun 1 hingga Tahun 10 dan Tahun 11, melainkan jika peratus kehadiran mereka di sekolah tidak mencukupi iaitu kurang daripada 85%. Fahaman saya, sistem pada masa ini membenarkan murid-murid atau penuntut-penuntut naik darjah setiap tahun, mulai daripada Tahun 1 hingga Tahun 10 dan Tahun 11, walaupun prestasi dan keputusan penilaian

mereka itu tidak lulus atau tidak memuaskan, asalkan mereka hadir ke sekolah tidak kurang daripada 85%. Ini saya fikir dengan secara tidak langsung menggalakkan murid-murid itu tidak mengambil berat dan perhatian tentang pelajarannya kerana dalam fikiran mereka asalkan saja kedatangan penuh 85% mereka akan dinaikkan darjah. Jadi memang ada fikiran-fikiran atau perasaan begini di kalangan murid-murid ataupun penuntut-penuntut.

Kaola merasa waham, mengapakah pelajar-pelajar yang lulus penilaian sekolah ditahan kenaikan kelas atau darjah hanya disebabkan kehadiran mereka di sekolah tidak mencapai 85%? Bukankah ini merugikan kepada pelajar tersebut. Kaola berharap pihak-pihak berkenaan akan dapat menilai semula perkara ini dan memikirkan satu alternatif lain yang lebih berkesan kerana pada pendapat kaola, sistem ini amat merugikan dan juga akan memberi kesan kepada motivasi pelajar-pelajar tersebut. Mungkin lebih bersesuaian barangkali jika ibu bapa murid-murid yang berkenaan dipanggil untuk berbincang tentang masalah ketidakhadiran anak mereka ke sekolah. Bagi murid-murid itu pula, mereka perlu diberi kaunseling oleh guru khas bahagian ini supaya mereka lebih bersemangat untuk hadir ke sekolah.

Dalam surat khabar tempatan bulan Februari yang lalu, Kementerian Pendidikan telah pun mengambil langkah positif iaitu mengadakan sesi dialog bertujuan untuk mendapatkan maklum balas serta untuk mengetahui masalah yang dihadapi. Ini adalah

satu usaha dan langkah yang baik. Dari sinilah barangkali jawapan yang sebenar akan diperolehi, apakah perkara-perkara yang menyebabkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2012 kurang memberangsangkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menegaskan supaya latihan dan pendidikan perguruan perlu dipertingkatkan tegas Baginda. Di sini kaola dapat ertikan akan maksud Baginda itu bahawa kualiti guru yang mengajar murid-murid di peringkat asas ini semestinya guru-guru yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang pengajaran sekolah rendah. Kaola umpamakan seperti kita membangun bangunan yang tinggi-tinggi, semestinyalah *foundation* dan *piling* tapak bangunan untuk bangunan itu kuat dan teguh. Jika tidak, apakah akan terjadi kepada bangunan tersebut?

Pada tahun 1956, kita mempunyai Maktab Perguruan bagi melatih calon-calon guru untuk menjalani latihan selama 3 tahun yang telah berjaya mengeluarkan guru-guru yang berkecualan. Pada tahun 1984, Maktab Perguruan dinaik taraf menjadi Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanali Bolkiyah, kemudian ia digabungkan lagi dengan Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1988. Tetapi mulai tahun 2011, 4 tahun Sarjana Muda Pendidikan tidak lagi ditawarkan dan diganti dengan kursus setahun sahaja untuk memperolehi Sarjana Pendidikan. Pada pendapat kaola jangka masa

satu tahun itu terlampau pendek bagi mempersiapkan dan memperlengkapkan calon-calon guru dengan ilmu dan kemahiran perguruan berbanding dengan tiga tahun lamanya semasa menuntut atau menjalani kursus di Maktab Perguruan semasa tahun-tahun 60an dan 70an.

Pendapat kaola, ini tidak penting tetapi apa yang penting adalah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti kaola sebutkan di awal-awal tadi, perlulah diamat-amati dan diambil perhatian dan tindakan yang berkesan kerana titah Baginda itu mempersoalkan adakah Program Pendidikan Perguruan di institusi-institusi pengajian tinggi di Negara ini menepati objektif dan aspirasi pendidikan Negara bagi melahirkan sumber tenaga mahir dan berkualiti?

Pendapat dan cadangan kaola yang kedua ialah mengenai dengan pembayaran yuran sekolah kepada sekolah bukan Kerajaan. Baru-baru ini, kita telah mendengar perkara yang dibangkitkan dalam khutbah Jumaat di mana pada masa ini masih terdapat tunggakan-tunggakan Elaun Pelajaran iaitu bayaran bagi yuran persekolahan anak-anak yang bersekolah di sekolah swasta. Perkara ini sepatutnya tidak terjadi kerana ini adalah merupakan satu penyelewengan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, adalah disarankan supaya pihak-pihak yang berkenaan menyemak semula prosedur pembayaran elaun kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan ada baiknya jika bayaran elaun untuk yuran sekolah pelajaran kepada anak mereka itu disalurkan terus kepada sekolah-sekolah berkenaan untuk mengelakkan perkara yang merugikan kepada semua pihak. Sehubungan dengan usaha Kerajaan memberi insentif elaun yuran sekolah bagi kakitangan perkhidmatan awam ini masih juga ada sebahagian daripada kakitangan perkhidmatan awam yang kurang bernasib baik kerana terkecuali daripada menerima kemudahan ini. Golongan mereka itu ialah kakitangan dalam jawatan *Open Vote* dan dari Sebulan ke Sebulan. Mungkin sahaja golongan ini tidak mempunyai hak keistimewaan kerana sekatan peraturan perkhidmatan yang berjalan ketika ini ataupun masalah teknikal yang terlepas pandang.

Oleh yang demikian, adalah disyorkan supaya golongan ini juga diberikan kemudahan yang sama kerana mereka juga adalah merupakan tenaga perkhidmatan awam yang turut menyumbang bakti perkhidmatan dalam perkhidmatan awam dan mereka juga adalah rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi 2 perkara yang kaola hadapkan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang

Haji Zainal di atas pandangan dan pemerhatian Yang Berhormat mengenai dengan beberapa perkara yang bersangkutan dengan pendidikan.

Perkara yang pertama ialah mengenai penurunan prestasi peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) iaitu titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk dalam titah Baginda pada Menyambut Awal Tahun Baru 2013, sebagaimana yang saya telah terangkan di mukadimah saya, berdasarkan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru 2013.

Fokus Kementerian Pendidikan pada tahun 2013 ialah:

- 1) Usaha ke arah meningkatkan literasi dan numerasi. Mungkin perkara itu tidak saya kaitkan dengan penurunan Prestasi Penilaian Sekolah Rendah (PSR). tapi asas-asas kepada penurunan itu ialah juga kalau dari dulu dikatakan '3M' iaitu Membaca, Menulis dan Mengira, dalam Bahasa Inggeris '3R'. Inilah *concern* kita, kalau kita *improve* ianya dapat dibaiki dan inilah juga ubatnya;
- 2) Meningkatkan prestasi guru-guru kita;
- 3) Transformasi pendidikan teknik dan vokasional; dan
- 4) Pembangunan kapasiti Sumber Tenaga Manusia.

Empat perkara tersebut menjadi fokus Kementerian Pendidikan dalam tahun 2013 ini.

Mengenai dengan keputusan dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), ianya telah turun sebanyak 6.82% dari tahun 2011, sebab-sebab penurunan ini adalah berkaitan dengan beberapa perkara di mana Kementerian Pendidikan telah pun membuat penelitian awal apa sebab-sebab terjadinya penurunan itu. Kertas soalan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) sekali lagi telah diuji kepada pelajar-pelajar Tahun 7 pada tahun ini dan hasil penyelidikan itu adalah terhad sahaja kerana kita akan melihat dapatan awal yang boleh kita perolehi.

Jadi berpandukan kepada analisa yang dibuat, pelajaran Matematik adalah merupakan mata pelajaran yang paling banyak menyumbang kepada kegagalan pelajar Penilaian Sekolah Rendah (PSR), diikuti oleh mata pelajaran Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan akhirnya mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB).

Berikutan dengan itu, Jabatan Peperiksaan akan menganalisa kertas jawapan calon Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dalam Matematik dan Sains menurut kajian *Item Analysis*. Kita akan mengkaji satu-persatu perkara itu. Misalnya soalan nombor satu. Kalau jumlah penyelidikan itu 5,000 jawapan mana yang betul A,B,C,D. Apa sebab ia memilih jawapan A, kalau jawapannya adalah C, kenapa boleh terjadi kekeliruan sedemikian itu. Ini adalah *Item Analysis Study* dan analisa ini akan dibuat oleh Jabatan Peperiksaan bersama dengan Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan.

Berbalik kepada penyelidikan atau kajian awal yang telah dibuat, hasil analisis awal terhadap kertas jawapan calon secara umum mendapati kelemahan calon di

dalam mata pelajaran Matematik tertumpu kepada tajuk nombor iaitu di dalam tajuk yang paling asas di dalam mata pelajaran ini. Manakala dalam mata pelajaran Sains pula, kelemahan calon tertumpu kepada penguasaan Bahasa Inggeris lebih-lebih lagi mata pelajaran ini banyak menggunakan istilah-istilah saintifik.

Analisa ini akan dikongsikan bersama dengan sekolah-sekolah yang pencapaian murid-murid mereka rendah semasa menduduki Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2013. Pembentangan hasil analisa ini akan memberikan maklumat kepada sekolah-sekolah yang dipilih itu sebagai usaha membantu sekolah-sekolah berkenaan meningkatkan lagi pencapaian masing-masing.

Saya bersyukur Yang Berhormat mempunyai pandangan bahawa tugas untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar ini tidak sahaja bulat-bulat diletakkan kepada guru-guru dan pihak sekolah, tetapi pada juga kepada ibubapa kerana sebagaimana yang saya pernah nyatakan semasa pelajar-pelajar ini bersama guru-guru adalah terhad manakala masa mereka di rumah di dalam kawalan ibu bapanya adalah panjang.

Dalam hubungan ini, beberapa sekolah telah berinisiatif untuk menjemput para ibu-bapa ke sekolah. Sebagai contoh, di Sekolah Rendah Kiarong ada masa ibubapa itu dipanggil untuk menerangkan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh para ibubapa untuk membantu anak-anak mereka. Mereka diberikan kaedah-kaedah, dan di sini saya ingin mengucapkan penghargaan kepada ibu-bapa yang mahu datang tetapi, ada juga ibubapa yang tidak mahu hadir.

Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat bahawa *automatic promotion* atau mereka ini tidak ditahan akan menyebabkan kelemahan, sebenarnya Sistem Pendidikan Abad 21 memfokus kepada *Student Centered Learning* iaitu memusatkan pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar-pelajar.

Dengan yang demikian, guru-guru akan dapat memberikan perhatian kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Sistem penilaian kita pada masa ini adalah berdasarkan *School Base Assessment for Learning (SBAFL)*. Ini bermakna di akhir tahun mereka tidak hanya diuji dari segi ujian bertulis, tetapi juga dinilai daripada kerja-kerja yang dibuatnya di sekolah.

Dengan menumpukan kepada *Student Centered Learning* ini, guru-guru akan dapat mengenal pasti mana-mana pelajar yang kurang berkemampuan supaya langkah-langkah *intervention* akan dapat dibuat terus pada masa itu. Kalau dari Tahun 1, misalnya pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan mereka ini terus diberikan *intervention* pada tahun itu supaya kelemahannya itu tidak dibawanya nanti ke Tahun 2, Tahun 3 dan seterusnya. Ini yang kita dapati pada masa ini dibandingkan dengan hasil sistem kita yang dulu yang *examination oriented*. Ingin saya mengongsikan pengalaman, kalau *examination oriented* ini memberikan impak kepada guru-guru untuk menggunakan *drilling* iaitu *didrill* untuk peperiksaan kadang-kadang apabila mengulang kaji, ada yang sebulan sebelum peperiksaan mereka mengulang kaji kertas-kertas soalan lama sahaja. Pada hal yang penting mereka hendaklah memahami konsep-konsep tertentu.



Dengan pemahaman itu, apa pun masalah yang dikemukakan dalam soalan boleh mereka jawab.

Saya juga menghargai akan pemerhatian Yang Berhormat mengenai dengan sesi-sesi dialog dengan pengetua-pengetua dan guru-guru besar adalah menjadi satu daripada rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Kita mempunyai sesi dialog setiap penggal persekolahan, bukan saja dengan pengetua, guru-guru besar sekolah-sekolah Kerajaan tetapi juga sekolah-sekolah bukan Kerajaan.

Mengenai dengan Latihan Pendidikan Guru, perkara ini juga sama seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah telah mengenalkan *Program Masters of Teaching*. Program ini tidaklah baru tetapi namanya *Masters of Teaching*. Kalau dulu mereka yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi guru mengambil satu mata pelajaran tertentu contohnya kalau ia memilih dalam Ekonomi 3 atau 4 tahun ia akan membuat bidang Ekonomi. Apabila ia akan menjadi guru semasa zaman saya, ia akan membuat satu tahun lagi *Diploma of Education*.

Pada masa ini, *Diploma of Education* itu disebutkan sebagai *Masters of Teaching*. Apa yang tidak ada pada masa ini ialah program yang terus kepada *Bachelor of Education*. Ianya terus Tahun 3 ke Tahun 4 kerana dari dapatan kita, guru-guru yang mengajar itu mestilah juga faham dan berpengetahuan dengan subjek-subjek yang mereka ikuti. Kalau ia hendak mengajar Matematik atau Geografi ia mesti faham dengan bidang tersebut itu, pedagogi atau cara mengajar

seumpamanya. Ini boleh dibuat dalam satu tahun.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengongsikan satu laporan daripada penyelidikan "*An Assessment of International Teacher Training Systems Equivalence for England*" yang disediakan oleh *The National Recognition Information Centre for the United Kingdom* yang telah diterbitkan dalam bulan September 2012.

Penyelidikan tersebut membuat perbandingan menyeluruh mengenai dengan sistem latihan perguruan antarabangsa dengan sistem di England. Ia bertujuan untuk mengenal pasti mana-mana negara di mana guru-guru yang dilatih di negara-negara tersebut boleh memohon secara langsung sebagai guru bertauliah di England tanpa perlu menjalankan latihan lanjut.

Walaupun dapatan tersebut telah mendapati tiada satu sistem latihan perguruan antarabangsa pun yang menyamai sistem di England yang membolehkan guru-guru secara automatik mendapat status guru terlatih, satu *ranking* telah dibuat iaitu dari 28 buah sistem latihan perguruan antarabangsa, Alhamdulillah *Masters of Teaching* yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam ditempatkan di tangga kelima secara menyeluruh, berkongsi mata dengan Bahrain, di bawah Singapura, Hongkong, Israel dan Afrika Selatan. Ini bermakna bahawa Program Latihan Perguruan yang terdapat di Negara kita ini berada dalam landasan yang betul yang mana ianya diiktiraf oleh sistem antarabangsa.

Program *Masters of Teaching* ini hampir menyamai dengan kualiti latihan perguruan yang ditawarkan oleh Singapura dan Hongkong apabila kita tersenarai dalam kelompok yang sama iaitu 5 teratas. Bagaimanapun, masih banyak lagi yang perlu kita perbaiki dalam sistem perguruan kita ini.

Mengenai dengan Elaun Pelajaran yang juga telah ditimbulkan pada hari Khamis lepas, iaitu untuk membayar Elaun Pelajaran terus kepada sekolah-sekolah berkenaan, ianya adalah di bawah kawalan Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibawa kepada perbincangan dengan Kementerian Kewangan. Tetapi apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah amanah. Kalau ibu-bapa sudah diberikan oleh Kerajaan Elaun Pelajaran \$120.00 untuk dibayar ke sekolah, maka ia memegang amanah Kerajaan untuk disampaikan kepada sekolah. Kalau sudah orang Islam tidak amanah apa sebenarnya yang berlaku kepada masyarakat kita ini? Dimanakah kita dengan amanah ini? Bukan amanah kepada Kerajaan tetapi amanah kepada Allah. Saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah juga perlu sama-sama mendakwah penduduk-penduduk kampung dan penduduk mukim supaya memegang amanah itu kepada Allah supaya jangan sampai apabila di akhirat nanti sama ada akan terpaksa dulu menjawab ke mana amanah yang diamanahkan kepada mereka, mereka tunaikan ataupun tidak. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan membawa beberapa isu dalam tajuk ini:

1) Melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran adalah di antara objektif Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) dan lebih-lebih lagi ianya merupakan hasrat Negara. Kini terdapat ramai pelajar-pelajar yang hanya sekadar mempunyai kelulusan 4 'O' level ke bawah dan tidak lagi bersekolah kerana tidak dapat memasuki mana-mana intitusi pendidikan. Keadaan ini menambahkan jumlah pengangguran dan sukar pula untuk mendapatkan pekerjaan kerana tidak mempunyai kemahiran tertentu.

Untuk mengatasi masalah ini saya cadangkan supaya syarat kemasukan ke sekolah-sekolah vokasional, teknikal dan kejuruteraan dilonggarkan untuk dalam Negeri sahaja agar belia-belia yang saya maksudkan di atas menyambung pengajian mereka di sekolah-sekolah berkenaan.

2) Dalam tahun-tahun 50an hingga 60an, di sekolah-sekolah rendah seluruh Negara terdapat aktiviti berkebun atau lebih dikenali ilmu tanaman yang dilaksanakan pada sebelah pagi secara berjadual sebelum pembelajaran bermula. Menerusi aktiviti ini ada beberapa unsur dapat diserapkan kepada para pelajar:

i. Kemahiran asas pertanian yang membolehkan mereka mengenali peralatan, jenis tanaman, baja dan lain-lain;

- ii. Pengetahuan yang diperolehi ini dapat menggalakkan pelajar melaksanakannya di kawasan rumah dan secara tidak langsung mengelakkan mereka daripada membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah;
- iii. Pergerakan dalam melakukan kerja-kerja berkebun ini merupakan suatu senaman dan riadah dalam meningkatkan kesihatan dan kekuatan tubuh badan mereka yang masih dalam proses pembesaran fizikal dan pertumbuhan mental;
- iv. Menerapkan keyakinan diri, tabah dan sabar menghadapi cabaran apa juga dalam masalah pembelajaran; dan
- v. Menanam semangat keusahawanan.

Selain dari itu, penerapan pendidikan ilmu kemahiran hidup iaitu asas teknikal dan vokasional bermula dari pra-sekolah yang boleh membantu melakukan kerja-kerja rumah. Berdasarkan senario yang berlaku sekarang, ramai belia kita yang tidak tahu melakukan kerja-kerja mudah umpamanya memasang tabir, membaiki paip air, memasang lampu, memotong rumput, mengganti tayar malah menjahit butang pakaian pun tidak tahu dan sebagainya kerana disebabkan tidak mempunyai asas ilmu kemahiran itu.

Akhirnya belia berputih mata apabila kerja-kerja mudah ini telah diambil oleh pekerja-pekerja asing. Oleh itu, jika ianya bersesuaian dicadangkan supaya aktiviti dan pendidikan yang disebut tadi dapat dilaksanakan. Untuk

membimbing ke arah ini, sekurang-kurangnya ada seorang atau dua guru yang mempunyai kemahiran ini di setiap sekolah.

- 3) Pusat Industri Kreatif yang ada di Negara ini adalah sebahagian daripada penaraju utama kepada ekonomi Negara yang membantu meningkatkan kapasiti inovasi ekonomi dan boleh menjadi kuasa kepada pertumbuhan ekonomi masa depan. Tambahan pula produknya menjadi kegemaran ramai orang di seluruh dunia terutama yang berbentuk animasi yang boleh diakses bila-bila masa sahaja dalam *i-Pad*, *i-Phone*, telefon bimbit dan pembikinan perfileman dan televisyen.

Negara kita mempunyai berbagai cerita epik, sejarah dan lagenda yang boleh dilaksanakan seperti animasi Upin dan Ipin yang menjadi kegemaran kanak-kanak, cerita Nakhoda Manis, Jong Batu, Pilung-Pilungan, Bujang Si-Gandam, Bukit Tempayan Pisang, Awang Semaun, Puteri Lela Menchanai, Panglima Badar dan lain-lain cerita baru yang boleh dianimasikan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya industri kreatif ini dijadikan sebagai cabang pendidikan di peringkat Diploma Kreatif di sekolah-sekolah teknikal dan vokasional.

- 4) Kawasan sekitar Mukim Lamunin dikelilingi kampung-kampung yang berhampiran seperti Kampung Menengah, Kampung Bukit Sulang, Kampung Layung, Kampung Bukit Barun, Kampung Panchong, Kampung Benutan, Kampung Kuala Ungar, Kampung Rambai dan Kampung Lamunin sendiri. Oleh itu bagi

menampung kemasukan sekolah menengah dari kawasan tadahan yang disebut tadi adalah dipohonkan supaya kawasan Mukim Lamunin dibina sebuah sekolah menengah.

- 5) Mengenai dengan Ahli Jawatankuasa Sekolah jika masih mahu diwujudkan bagi memberigakan dan memperkasakan peranan Ahli Jawatankuasa Sekolah, elok juga ada panduan dari Jabatan Sekolah-Sekolah bagi mengemaskinikan agar perjalanannya lebih sistematik. Ahlinya tidak semestinya dari kalangan ibubapa atau penjaga anaknya yang ada bersekolah di sekolah tersebut. Malah orang ramai yang difikirkan boleh membantu ke arah kemajuan sekolah pun boleh dimasukkan sebagai Ahli Jawatankuasa, kerana peranan Ahli Jawatankuasa ini membantu pihak pentadbiran sekolah dalam memberi pandangan dan pemikiran serta menyertai kegiatan dan projek sekolah.

Dalam perkara ini, ada eloknya jika ada pegawai-pegawai daripada Jabatan Sekolah-Sekolah dipanggil ikut serta dalam setiap permesyuaratan Ahli Jawatankuasa Sekolah berkenaan untuk menjadi rujukan jika ada sebarang masalah yang perlu di ambil tindakan segera.

6. Kegagalan setengah pelajar dalam Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) di antara sebabnya ialah kesukaran pelajar untuk membaca, mengira dan menulis yang dikenali dulunya sebagai Program 3M dan kini dikenali TIARA. Jika perkara ini berlaku maka tidaklah ada kebolehan untuk memahami, mengingat, menterjemah pemikiran mereka

di dalam penulisannya. Adalah dicadangkan dan mungkin boleh membantu juga untuk mengatasi masalah-masalah ini supaya penekanan membaca, menulis, mengira dan memahami ini diberikan kepada pelajar dari peringkat pra-sekolah hingga ke Tahun 3 dengan mengurangkan beban mereka dengan subjek-subjek yang banyak supaya khusus menumpukan perhatian sepenuhnya ke arah ini. Kemudian setelah memasuki Tahun 4 barulah menambah subjek mereka untuk menghadapi PSR.

7. Pada umumnya pendidikan yang dilaksanakan terhadap permulaan kanak-kanak itu dibahagikan kepada 2,
- i. Pendidikan Perseorangan; dan
  - ii. Pendidikan Kelompok atau Masyarakat.

Untuk melahirkan masyarakat yang baik mestilah telah melalui pendidikan perseorangan kerana orang perseorangan itulah yang akan menjadi anggota dalam masyarakat yang mesti dididik terlebih dahulu. Jika Pendidikan perseorangan telah berjaya maka barulah ada harapan untuk mewujudkan suasana masyarakat yang baik, berbudi pekerti mulia, rajin berusaha, bantu membantu dan bertakwa kepada Allah.

Pendidikan Perseorangan saja tidaklah mencukupi jika tidak disertai dengan Pendidikan Berkelompok atau Masyarakat. Sebab pengaruh kelompok dan alam sekitar akan juga menguasai orang perseorangan. Jadi kedua-dua ini hendaklah seimbang.

Maka dalam perkara ini, disarankan selain daripada pendidikan agama dan akademik mereka juga dididik dengan pendidikan *soft skill, interpersonal skill*, budi pekerti dan tatasusila, perasaan bermasyarakat dan semangat untuk maju bagi membaiki nasib perseorangan. Kanak-kanak hari ini hendaklah dilatih dan dididik untuk menghadapi masyarakat yang akan datang yang penuh dengan kepelbagaian lapangan kemajuan dan perkembangan.

Itulah sebabnya sebuah masyarakat memerlukan anggota-anggota yang terdiri dari belia-belia dan orang yang berilmu dan mempunyai kemahiran tertentu mengikut bakatnya.

Isu terakhir, membuat keputusan adalah satu kemahiran yang amat penting dalam pendidikan di sekolah, apa lagi dalam kehidupan manusia. Setiap manusia membuat keputusan yang betul tentang masalah peribadi, perancangan persekolahan dan pemilihan kerjayanya.

Oleh kerana pentingnya membuat keputusan yang betul dalam kehidupan seseorang pelajar, maka adalah mustahak untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran-kemahiran dalam membuat keputusan. Kemahiran yang asas ialah kemahiran menentukan objektif dengan jelas dan secara eksplisit (menyatakan satu hasil yang diinginkan itu dengan jelas). Oleh itu, disarankan supaya penekanan diberikan kepada Guru-Guru Bimbingan dan Kaunseling supaya mengajar kemahiran ini kepada pelajar-pelajar mereka. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya perbincangan Jawatankuasa ini

ditangguhkan, kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu untuk berehat selama 20 minit. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa ini disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Tajuk SF - Kementerian Pendidikan. Jawatankuasa tadi telah berbincang lebih dari 1 jam tapi hanya 3 orang yang telah bercakap.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha supaya bercakap.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Setelah mendengar mukadimah dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam cabaran-cabaran Abad Ke-21 ini, ianya merangkumi semua aspek bagi melengkapkan negara menjelang 2035. Yang mana Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan adalah teras pemangkin untuk menjayakan Wawasan Negara 2035 nanti. Yang Berhormat Pengerusi, saya cuma ada dua isu:

- 1) Pertingkatkan Bahasa Melayu selain Bahasa Inggeris. Dalam hubungan ini saya dengan sukacita mengimbas kembali Sambutan Hari Guru Yang Ke-22 bagi Tahun 1433 bersamaan 2012 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan mempertingkatkan lagi bagi menutupi guru-guru tempatan yang menjayakan dua bidang iaitu Matematik dan Bahasa.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bertitah, bahasa bukanlah terhad kepada Bahasa Inggeris sahaja malah juga Bahasa Melayu sendiri kerana khabar-khabarnya markah Bahasa Melayu dalam ujian atau peperiksaan sering didapati rendah berbanding markah Bahasa Inggeris.

Dalam titah Baginda seterusnya, kalaulah ini benar mengapakah pelajaran Bahasa Melayu ini tidak dikuatkan, ingatlah bahawa Bahasa ini adalah Jiwa Bangsa. Pada memperkatakan perkara di atas, bahawa sepertimana yang dititahkan oleh Baginda itu sesungguhnya pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah positif bagi mengatasi perkara ini dalam masa pendek ataupun panjang; dan

- 2) Dalam kesempatan ini, saya juga menimbulkan sepertimana melalui surat kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan menaik taraf padang Sekolah Rendah Birau. Saya berharap bahawa ianya akan dapat diusahakan dalam Belanjawan Tahunan Kewangan 2013/2014.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang mana padang Sekolah Rendah Keriam sudah siap dan selesai serta selaras dengan keadaan Abad Ke-21, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas kejayaan melaksanakan usaha-usaha dan inisiatif yang berterusan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti.

Terima kasih juga di atas penerangan ringkas dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai fokus utama Kementerian Pendidikan bagi tahun 2013. Di antara fokus utama tersebut ialah memenuhi keperluan Sumber Tenaga Manusia Negara.

Pada mesyuarat di tahun lepas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada menyebutkan mengenai adanya penuntut-penuntut di bawah biayaan daripada siswa Kerajaan yang telah lulus dalam pengajian mereka dan diikat janji untuk menjadi pendidik telah tidak memenuhi ikat janji tersebut malah sebaliknya berkhidmat di tempat lain. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah menunjukkan ketegasan dalam hal ini. Saya berharap tidak ada lagi permohonan untuk dilepaskan dari diikat janji sebagai pendidik ini dibenarkan sebagaimana yang terjadi sebelum ini. Ini adalah kerana ia akan membantutkan usaha menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi di Kementerian Pendidikan.

Berkaitan dengan bekas penuntut-penuntut dermasiswa Kerajaan ini, saya ingin menyuarakan mengenai kedudukan kebanyakan bekas penuntut dermasiswa yang telah tamat pengajian dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda atau sarjana yang telah ditawarkan jawatan sebagai Pegawai Pelajaran bergaji hari

di Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Mengikut maklumat pada masa ini proses melantik mereka sebagai Pegawai Pelajaran bergaji bulan rata-rata memakan masa selama 2 tahun. Saya difahamkan perkara ini telah berlarutan selama beberapa tahun. Saya kurang pasti sama ada perkara ini disedari atau tidak oleh Kementerian Pendidikan atau memang ianya satu peraturan-peraturan sedemikian. Melihat kepada perkara ini saya sendiri berpendapat tempoh proses lantikan kepada bergaji bulan sedemikian itu adalah terlalu lama dan tidak menunjukkan efisiensi dalam pengurusan.

Ia juga banyak mendatangkan kerugian dan beban kepada pegawai-pegawai pelajaran yang masih bergaji hari tersebut untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang sepatutnya diterima sebagai Pegawai Pelajaran dalam jawatan tetap. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai perkara ini, sama ada ianya berpunca dari kelalaian pihak dalaman yang mengendalikannya atau di luar kawalan pihak Kementerian Pendidikan.

Dalam perkara Pegawai Pelajaran Bergaji Hari ini juga saya ingin mengemukakan cadangan apa kiranya Kementerian Pendidikan membuat perancangan bagi satu program yang lebih bermanfaat untuk Pegawai-Pegawai Pelajaran Bergaji Hari ini semasa cuti penggal persekolahan dengan menyediakan latihan, bengkel atau taklimat yang bersesuaian bagi membolehkan mereka menimba pengalaman, mengetahui dan mendalami lagi aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan sekolah bukannya setakat datang ke tempat mereka mengajar semasa Percutian Penggal tersebut

untuk melapor diri dan mencatat kedatangan harian.

Program tersebut boleh disusun dengan memberikan kefahaman terhadap Wawasan Negara 2035, wawasan Kementerian Pendidikan dan misi Jabatan Sekolah-Sekolah selain mengetahui peraturan-peraturan Kerajaan. Dengan cara ini mereka akan digarap dengan pengetahuan yang akan membantu mereka membina keyakinan diri apabila diberikan tanggungjawab yang lebih mencabar di kemudian hari.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang Sekolah Contoh (*Model School*). Memang terlalu awal bagi kita untuk menilai prestasi Sekolah Contoh (*Model School*) ini pada ketika ini. Walau bagaimanapun, dalam tinjauan dan pandangan saya ke sebuah Sekolah Contoh (*Model School*) di Panaga, Seria saya melihat setiap bilik darjah di sekolah tersebut hanya dapat menampung seramai 35 orang murid sahaja. Itu pun pada pandangan saya bilangannya agak ramai. Sekurang-kurangnya mungkin 25 ke-30 orang memadai supaya guru kelas dapat mengawal dan mengajar dengan lebih berkesan, sempurna dan teratur.

Di samping itu kedengaran sungutan daripada sesetengah ibu bapa atau penjaga mereka di mana sesetengah anak dan cucu mereka tidak berpeluang untuk masuk belajar di sekolah contoh yang satu-satunya ada di Daerah Belait disebabkan bilik-bilik darjah telah pun dipenuhi pelajar-pelajar. Perkara ini memang benar seperti yang saya telah dimaklumkan. Dalam pemikiran saya bagi memantapkan dan menjayakan sesebuah sekolah contoh ini supaya akan menjadi sebuah Sekolah Model yang boleh

dicontohi oleh sekolah-sekolah yang lain, antaranya mungkin boleh diusahakan:

- 1) Tenaga guru di sekolah contoh tersebut perlu ditambah dan dipertingkatkan keilmuan pengajaran mereka mengikut garis panduan yang tertentu dengan memberi latihan-latihan intensif yang berterusan bagi membantu mereka untuk mencapai kejayaan.
- 2) Peralatan-peralatan sekolah dibekalkan dengan lengkap dan secukupnya kepada tenaga pengajar bagi memudahkan mereka mengajar; dan
- 3) Adakan jerayawara bagi memberikan kefahaman dan pengetahuan kepada ibu bapa dan penjaga untuk lebih memahami, mengerti dan sedar akan arah tuju sekolah contoh itu dan tidak menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru-guru di sekolah tersebut.

Penglibatan sama pihak-pihak swasta dalam program peningkatan pembelajaran di sekolah-sekolah contoh ini adalah sebagai komitmen pihak swasta dan *Non Government Organization (NGO's)* terhadap perkembangan pelajaran di Negara ini seperti yang diusahakan oleh sesetengah negara maju di rantau ini. Seterusnya ibu bapa perlu dibawa sama dalam satu jawatankuasa khas sekolah yang berkenaan bagi membantu pihak sekolah contoh tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya saya ada perkara mengenai Penilaian Sekolah Rendah (PSR), tetapi saya tidak akan menyentuhnya lagi memandangkan rakan sejawat telah pun menyuarakannya sebentar tadi. Walau bagaimanapun, saya cuma ingin menyokong di atas saranan



dan cadangan mereka itu dan memberi pujian kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas respons beliau mengenai dengan kaedah-kaedah yang akan diusahakan dalam tahun 2013 ini. Mudah-mudahan usaha-usaha tersebut akan mencapai kejayaan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Di kesempatan ini saya tidak akan mengusulkan terlalu panjang kerana apa yang akan saya usulkan ini ada persamaannya dengan usul-usul yang telah diutarakan oleh rakan-rakan yang lebih awal tadi.

Yang pertama saya menyokong isu yang dibentangkan oleh rakan sejawat dari Zon 4, Daerah Brunei-Muara mengenai dengan perkhidmatan bas sekolah dan seterusnya menambah dan mencadangkan supaya bas-bas yang disediakan itu dibolehkan untuk membawa anak-anak murid yang memerlukan perkhidmatan tersebut dari kampung-kampung dan kawasan perumahan yang ada disediakan bas tanpa mengira jarak jauh dari tempat mereka ke sekolah.

Isu ini tidaklah memerlukan jawapan hanya ia memerlukan penelitian semula terhadap peraturan-peraturan yang melayakkan seseorang murid itu layak untuk menerima bantuan yang tersebut di atas. Ada di kalangan ibu bapa dan penjaga murid-murid tersebut tidak mempunyai kenderaan dan penuntut-

penuntut tersebut tidak menerima sebarang elaun.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan tahap kelulusan 'O' level tahun 2012 yang hanya mendapat kelulusan kurang daripada 31%, betulkan saya jika sekiranya terdapat kesalahan ataupun berlainan, berjumlah hampir 9,000 orang calon.

Perkara ini mungkin telah diambil perhatian dan dirangkumkan di dalam mukadimah awal Menteri Pendidikan kelmarin dan seterusnya akan membantu pelajar-pelajar yang didapati gagal dan kurang mendapat tahap kelulusan yang kurang daripada 5 'O' level dengan memberikan jalan pilihan untuk membolehkan mereka itu meneruskan pelajaran yang bersesuaian.

Dalam hal ini juga, saya seterusnya menyokong usul yang disampaikan oleh rakan sejawat daripada Zon 2, Daerah Tutong supaya pelajar-pelajar yang kurang dari 5 'O' Level diterima masuk ke sekolah teknikal atau vokasional mengikut kecenderungannya. Isu ini pun tidak memerlukan penjelasan dan seterusnya diharap ianya akan mendapat penelitian yang sewajarnya, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola akan

mengutarakan tiga perkara dalam Tajuk Kementerian Pendidikan di Dewan yang mulia ini:

- 1) Apa yang kaola difahamkan anak-anak sekolah yang mempunyai Kad Pengenalan berwarna ungu diperlukan untuk membayar bas sekolah kadar \$45.00 sebulan. Kaola mengusulkan dan mencadangkan di Dewan yang mulia ini kiranya pihak kementerian dapat mempertimbangkan agar diringkaskan atau dikurangkan kadar jumlah pembayaran tersebut atau ditiadakan sama sekali.
- 2) Mengenai dengan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) yang sudah diketahui umum bahawa sistem ini mula diguna pakai secara meluas di Negara ini dan di antara rasionalnya perubahan ini ialah untuk menanai dan meningkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Melayu. Soalan kaola apakah sistem ini juga diguna pakai di sekolah-sekolah swasta dan antarabangsa yang terdapat di Negara ini? Jika tidak, apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bagi memastikan penguasaan Bahasa Melayu bagi penuntut-penuntut yang belajar di sekolah-sekolah swasta dan antarabangsa agar tidak tercicir dari mata pelajaran yang penting ini; dan
- 3) Dalam mengimplementasikan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) ini, kaola percaya selain menjadikan generasi pelajar yang berilmu dan berkemahiran ianya juga untuk memastikan tenaga pelajar sistem ini satu masa nanti hanya akan terdiri dari guru-guru keluaran tempatan yang berkualiti.

Persoalan kaola dalam perkara ini, terdapatkah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam memastikan Tenaga Pengajar kita terdiri dari rakyat dan penduduk Negara ini yang mempunyai kemahiran bagi menjana mutu pendidikan setanding dengan negara luar. Bila kita melihat sebelum ini, pendidikan kita telah mengalami pelbagai perubahan dan pembaharuan seperti sistem prep, dwibahasa, 'N' Level dan sebagainya dan sekarang ini diperkenalkan kepada Sistem Pendidikan Negara Ke-21 (SPN21).

Persoalan akhir, adakah kajian dibuat terhadap hasil mutu pengajaran dan pembelajaran dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) berbanding sistem lama? Jika ada kajiannya apakah hasilnya? Jika belum ada, bilakah agaknya kajian mengenainya dapat dilaksanakan? Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

- 1) Tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas usaha Pelancaran *Model School* bagi menambah baik Sistem Pendidikan Negara selaras dengan dasar pendidikan dalam Wawasan Brunei 2035. *Model*

*School* telah dilancarkan dalam tahun 2012. Terdapat lima buah sekolah, sebuah sekolah menengah, tiga buah sekolah rendah dan sebuah sekolah vokasional. Soalan saya, setelah berjalan setahun dan dibuat pemantauan oleh Kementerian Pendidikan, apakah dapatan-dapatan yang diperolehi di atas kemajuan dan kejayaan *Model School* ini?

- 2) Adakah Kementerian Pendidikan meneruskan untuk membuat lagi *Model School* bagi fasa kedua di beberapa buah sekolah yang akan dilibatkan sama?; dan
- 3) Saya menyokong apa yang telah disuarakan oleh rakan-rakan sejawat mengenai dengan bantuan kepada penuntut-penuntut yang tinggal lebih 3 batu daripada rumah dengan sekolah untuk diberikan elaun kemudahan dalam negeri seperti kenderaan, elaun dan asrama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan supaya elaun \$45.00 itu akan disemak atau dikaji semula. Perkara ini sudah sekian lama diguna pakai. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bercakap sekali lagi.

Saya telah berkesempatan meneliti ucapan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari Khamis dan saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas kesediaan Yang Berhormat mengongsikan bukan sahaja rancangan-rancangan tetapi juga masalah dan kelemahan yang dihadapi. Inilah yang dinanti-nantikan oleh Ahli-Ahli Yang Dilantik untuk mengetahui perkara sebenar dan sama-sama memikirkan untuk mengatasi masalah-masalah dan kelemahan tersebut.

Saya ada 2 perkara sebenarnya untuk ditimbulkan. Bagaimanapun perkara pertama telah pun ditimbulkan oleh rakan-rakan sejawat iaitu berhubung dengan pendidikan asas bagi pelajar-pelajar di sekolah rendah dan jawapan telah pun diberikan dengan jelasnya oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya hanya ingin menyuarakan kemuskyilan mengenai pelajar-pelajar sekolah rendah yang masih menghadapi masalah-masalah penguasaan pendidikan asas iaitu menulis, membaca dan mengira, sebab pendidikan asas ini sentiasa diberikan tumpuan ataupun perhatian sama ada di dalam sistem baru ataupun sistem lama. Bagaimanapun ianya juga telah pun dijelaskan.

Saya hendak menimbulkan perkara yang kedua, berhubung dengan masalah-masalah pelajar yang meninggalkan bangku sekolah selepas 'O' Level yang sukar untuk mendapatkan sebarang pekerjaan dan dikaitkan juga dengan apa yang disuarakan oleh rakan dari Daerah Temburong. Dalam masa yang sama Dewan ini juga telah mendengar usaha yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan

pekerjaan kepada anak-anak tempatan di kedai-kedai dan di gedung-gedung perniagaan.

Berhubung dengan perkara ini, pendapat saya bagi menaikkan mutu kehidupan rakyat, kita sepatutnya memastikan pelajar-pelajar yang meninggalkan bangku sekolah sekurang-kurangnya mempunyai kemahiran walaupun ianya hanya sekadar di peringkat rendah atau *semi-skill*. Maka itu saya menyambut baik langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk merebiu pendidikan teknik dan vokasional yang berhasrat untuk menjadikan kedudukan institusi-institusi teknik dan vokasional sebagai pusat-pusat cemerlang. Dari itu, di sini saya ingin menghadapkan satu soalan dan satu cadangan:

- 1) Saya ingin bertanya, dari jumlah pelajar-pelajar yang menjalani peperiksaan 'O' Level dan yang hendak memasuki institusi-institusi teknikal dan vokasional, berapa peratuskah dari mereka yang memohon berjaya untuk diterima masuk mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional pada setiap tahun?; dan
- 2) Bagi kemasukan pelajar ke institusi teknikal dan vokasional, saya pasti keutamaan akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi 'O' Level yang banyak, jadinya bagi pelajar-pelajar yang gagal untuk mendapatkan lebih dari 3 'O' Level yang akan tercicir daripada mengikuti program-program pendidikan teknikal dan vokasional. Apakah persediaan yang disediakan oleh Sistem Pendidikan Negara (SPN21) kepada mereka ini? Bagi perkara ini, saya ingin

mencadangkan bagi Kementerian Pendidikan untuk memikirkan dan meneliti apa yang dibuat oleh negara jiran di mana mereka akan mengintegrasikan pendidikan teknik dan vokasional di peringkat pendidikan *mainstream*. Seperti yang dilaporkan di dalam media massa negara jiran, pada tahun 2013 mereka akan melaksanakan Program Asas Teknikal di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.

Menurut laporan yang sama juga mengatakan program ini akan dapat memberikan *alternative education* dan seterusnya akan memudahkan penyaluran pelajar-pelajar pendidikan menengah ke pendidikan teknikal dan vokasional. Mungkin dengan cara ini juga kita akan dapat menyelesaikan masalah pelajar-pelajar di Daerah Temburong yang sukar untuk mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional. Sekurang-kurangnya mereka akan memperolehi kemahiran yang dikategorikan sebagai *semi skill* tanpa memerlukan mereka memasuki institusi pendidikan dan vokasional.

Dari itu demi untuk memberikan peluang-peluang yang sama kepada pelajar-pelajar di Daerah Temburong, saya memohon supaya Kementerian Pendidikan meneliti perkara ini kerana kemungkinan ia boleh diadaptasikan mengikut calak kita sendiri selaras dengan SPN21. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Tuan Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tajuknya Skim Pinjaman Pelajaran. Setiap tahun rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memohon dermasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara bagi mendapatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan keperluan semasa dan kebolehan dalam bidang masing-masing.

Ini membuktikan rakyat negara ini mempunyai semangat ingin maju demi untuk kepentingan negara setanding dengan negara-negara lain yang terus maju ke hadapan. Ada di antaranya pemohon-pemohon ini tidak berjaya atas sebab-sebab tertentu, walaupun mereka ini mempunyai kelayakan dan berazam serta berminat dalam bidang-bidang tertentu demi untuk keperluan negara dan rakyat di negara ini bagi mencapai hasrat kerajaan seperti yang terkandung dalam Wawasan Brunei SPN 21, "Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Dan Berjaya 2035". Untuk mencapai matlamat ini majlis menyarankan kepada Kementerian Pendidikan dan yang berkenaan untuk menubuhkan satu Skim Tabung Pinjaman bagi pendidikan untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut yang gagal mendapat dermasiswa supaya cita-cita mereka itu tidak akan terbantut di tengah jalan. Matlamatnya ialah:

1. Untuk memberi peluang kepada pemohon yang tidak berjaya mendapat dermasiswa atau dari badan-badan

penaja yang lain untuk mereka menyambung pelajaran mereka di bidang yang lebih tinggi di luar negara.

2. Dengan adanya Skim Pinjaman Pendidikan akan mengurangkan bebanan Kerajaan.
3. Secara tidak langsung akan membantu pihak Kerajaan untuk mencapai Wawasan Negara 2035 sepertimana yang dihasratkan oleh pihak yang berkenaan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, kerana menyampaikan mukadimah yang begitu luas dan lengkap dengan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran yang menyokong dan mendukung ke arah hala tuju hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi merancang dan menyediakan tenaga-tenaga pekerja dan program-program bagi pelajar-pelajar untuk memudahkan mereka bergerak demi kemajuan dan kejayaan negara ke arah pencapaian

perkembangan dan persediaan bagi perjalanan untuk menuju ke arah Wawasan Negara 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola ingin mengambil perhatian dari mukadimah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sampaikan kelmarin iaitu bantuan bagi anak-anak dari keluarga kurang berkemampuan supaya hendaklah diteruskan dengan peruntukan sebanyak \$3 juta.

Bagi membolehkan anak-anak dari keluarga kurang berkemampuan diberi peluang yang sama dengan anak-anak dari keluarga berkemampuan dapat merasai nikmat mempunyai komputer untuk meningkatkan atau mendapatkan ilmu-ilmu yang mudah didapati dari melalui komputer. Dengan adanya pemberian ini, mereka tidak akan tertinggal di belakang jika dibandingkan dengan anak-anak yang berkemampuan yang biasanya mempunyai komputer. Bukan itu saja, bahkan ianya boleh memperbanyakkan anak-anak negara ini mempelajari dan menguasai ilmu penggunaan komputer dan juga menggunakan dengan sebaiknya berbagai-bagai kemudahan *internet* yang biasanya banyak memberikan maklumat-maklumat yang boleh menolong menambah ilmu pengetahuan yang mudah dan cepat bagi menjadikan mereka ini warga berilmu dan berkemahiran. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Saya ada satu cadangan sahaja supaya diadakan *Rotation System* ataupun Sistem Pemusingan bagi para guru.

Ini adalah kerana kemahiran guru tidak berkembang disebabkan tidak diberi peluang untuk mendapat pengalaman mengajar di sekolah yang berlainan. Setiap sekolah mempunyai latar belakang pelajar yang berbeza dan begitu juga dari segi sistem pentadbirannya. Contohnya guru-guru di sekolah elit tidak mempunyai pelajar-pelajar pra-vokasional dan level 2.

Sebagai saranan pemusingan para guru boleh dibuat bagi guru-guru yang telah lama berkhidmat dengan sekolah tersebut dalam masa 5 tahun. Pemusingan hendaklah dibuat mengikut tadahan yang bersesuaian dengan tempat tinggal para guru tersebut. Objektif pemusingan para guru ini adalah untuk memperkayakan pengalaman mereka atas dasar latar belakang pelajar yang berbeza. Selain itu, teknik kemahiran dalam pengajaran juga dapat dikongsikan bersama dengan guru-guru di sekolah baru guru tersebut. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- 1) Sebuah sekolah menengah telah dibina untuk menempatkan pelajar-pelajar menengah di Tingkatan 6 iaitu Pusat Tingkatan Enam bertempat di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, tetapi tidak

berapa lama pelajar-pelajar di sekolah tersebut berpindah ke Pusat Tingkatan Enam Meragang. Hari ini, para ibu bapa amat memerlukan supaya sekolah tersebut dikembalikan kepada asalnya. Ertinya penuntut di Pusat Tingkatan Enam Meragang dikembalikan semula ke Sekolah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati kerana perjalanan yang menyusahkan.

- 2) Anugerah Hari Guru. Guru-guru yang telah berhijrah ke jabatan atau ke kementerian yang lain telah berpeluang untuk menjadi calon penerima Anugerah tersebut. Persoalan saya, apakah tidak ada lagi guru-guru yang bertungkus lumus dalam pendidikan untuk diketengahkan di samping guru-guru yang banyak berjasa?
- 3) Mengenai dengan Pelajaran Tulisan Jawi yang kita bincangkan pada tahun lepas, nampaknya, Pelajaran Tulisan Jawi telah diambil inisiatif oleh Kementerian Pendidikan untuk menangani akan kelangsungan Pelajaran Tulisan Jawi itu. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang telah bersungguh-sungguh untuk melaksanakan kegiatan Pelajaran tulisan Jawi tersebut. Adalah diharapkan setelah Kementerian Pendidikan melangkah bergembeling tenaga dan berdaya usaha untuk meneruskannya, janganlah bergantung pengayuh untuk menanti sampainya ke tempat yang di tuju kerana Negara

kita amat memerlukan pengajaran tersebut.

- 4) Begitu juga disarankan agar Kementerian Pendidikan akan menggunakan buku-buku teks dan rujukan Bahasa dan Sastra Melayu yang dikarang oleh penulis-penulis tanah air. Ini antara lain akan mengatasi cita rasa pembangunan insan Negara Melayu Islam Beraja dan juga Negara Zikir yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping untuk menyelesaikan beberapa fenomena buku-buku yang terlalu banyak di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mengenai perkara ini saya sambung dengan pantun sedikit:

*Banyak-banyak memakan buah ciku  
Ciku itu lemak bijinya  
Hendaklah banyak hormat kepada guru  
Kerana guru itu banyak jasa dan budinya*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Pendidikan, jika ada yang ingin untuk diulas silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pendidikan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan buah fikiran mengenai dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi, saya akan menerangkan dulu perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu mengenai dengan pelajar-pelajar yang lulus 'O' Level supaya syarat-syarat kemasukan ke sekolah teknikal vokasional akan dapat diteliti semula. Sebenarnya tranformasi pendidikan teknik dan vokasional antara lainnya adalah menilai semula syarat-syarat kemasukan pelajar bagi mengikuti program-program ditawarkan. Ini termasuklah mengambil kira akan pelajar-pelajar yang tidak *academically inclined* tetapi mempunyai potensi kemahiran-kemahiran lain.

Insyallah, tranformasi ini berusaha untuk mengubah persepsi masyarakat khususnya ibu bapa terhadap Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional. Semogalah pada suatu waktu nanti, kita akan dapat sampai ke tahap apa yang dialami oleh Negara Singapura dan Korea umpamanya, di mana orang berebut-rebut untuk masuk ke institusi pendidikan teknik dan vokasional berkurangan ke aliran akademik.

Berlainan dengan keadaan kita di Negara Brunei Darussalam, semua ibu bapa mahu anaknya masuk ke pusat-pusat tingkatan enam. Seperti yang saya terangkan sebelum ini, kadang-kadang susah kita menyuruh mereka untuk masuk ke sana. Walau bagaimanapun, seperti yang saya terangkan bilangan pengambilan telah pun dinaikkan hampir sebanyak 40% daripada 2011 ke 2012 tahun lepas.

Kemudian mengenai dengan aktiviti berkebun, sebenarnya aktiviti ini dijalankan di sekolah-sekolah rendah sebagai satu aktiviti dan saya sendiri menyaksikan aktiviti berkebun ini di

Sekolah Rendah Kapok. Di peringkat menengah, ia ditawarkan sebagai mata pelajaran Sains Pertanian ataupun *Agricultural Science* dan ditawarkan di tujuh buah sekolah.

Mengenai dengan perlunya para belia ini mempunyai kemahiran-kemahiran hidup, perkara-perkara ini kita masukkan bukan dalam kurikulum tetapi kadang-kadang dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sekolah-sekolah.

Mengenai Pusat Industri Kreatif, sebenarnya beberapa institusi pengajian selepas 'O' Level mengendalikan kursus ini iaitu institusi pendidikan swasta. Ini adalah merupakan satu bidang yang boleh diterokai oleh pelajar-pelajar yang berminat.

Mengenai cadangan untuk membina sekolah di Lamunin, apa yang kita dapati di kawasan tersebut pada masa ini ada sekolah menengah yang baru iaitu Sekolah Menengah Tanjung Maya. Pada masa ini, keramaian pelajarnya ialah 983 orang dan sekolah ini boleh menampung sehingga 1,200 orang. Oleh yang demikian, buat masa ini nampaknya belum dapat kita memberikan pertimbangan tetapi kita akan melihat perkara ini secara menyeluruh bagi pembinaan sekolah-sekolah menengah di tempat-tempat kawasan tadahan yang memerlukan. Umpamanya di kawasan Daerah Brunei dan Muara masih lagi memerlukannya dan gilirannya akan tiba pada suatu waktu nanti.

Mengenai dengan Jawatankuasa Sekolah, memanglah dialu-alukan supaya Jawatankuasa Sekolah-Sekolah itu juga dianggotai bukan sahaja oleh ibubapa tetapi juga oleh orang-orang tertentu



yang ada di kawasan-kawasan tersebut dan kita mengambil perhatian akan cadangan supaya pegawai daripada Kementerian boleh hadir semasa Jawatankuasa Sekolah bermesyuarat. Ini sebenarnya boleh disertai oleh Pegawai-Pegawai Pelajaran bagi Daerah-Daerah.

Mengenai dengan kegagalan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) sudahpun saya jawab tadi dan cuma untuk menambah bahawa penekanan-penekanan daripada kemahiran-kemahiran 3M (Membaca, Menulis, Mengira) di peringkat pra-sekolah itu telah pun saya jelaskan dibuat dengan mengenalkan beberapa program seperti TIARA, PEKA dan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sekarang ini ialah kaedah fonik.

Penguasaan 3M ini juga bukan sahaja terhad untuk disampaikan atau diajarkan melalui pengajaran bahasa tetapi juga *across* kurikulum. Sebab itu bila kita mengalakkan guru-guru bila mengajar matematik seumpamanya, di sana juga menggunakan bahasa. Di sanalah keperluan guru-guru untuk mengetahui bahawa dia bukan sahaja mengajar kira-kira tetapi juga mengajar literasi.

Mengenai dengan keperluan *the soft skill* perkara-perkara inilah yang terkandung di dalam SPN 21 di mana kita berharap kita akan dapat menanamkan apa yang kita sebut sebagai *Learning Skill For 21<sup>st</sup> Century*. Sebagaimana dalam mukadimah saya, perkara ini kita kaitkan bukan dengan melihat pengajaran *21<sup>st</sup> century* ini di Brunei tetapi menerusi penyertaan Program LEAP21 bersama dengan negara-negara lain. Kita melihat apakah amalan-amalan terbaik yang boleh dipelajari oleh Negara Brunei Darussalam di dalam menanamkan *21<sup>st</sup> century skills* kepada

pelajar-pelajar kita dan begitulah juga dalam *problem solving*.

*Problem solving* sebenarnya bukan baru tapi kalau misalnya kita melihat kepada pengajaran Bahasa Inggeris pun dulu sudah dimasukkan atau *diintergrate*, *diincorporate* dalam pengajaran Bahasa Inggeris dulu digelar sebagai *CORT Critical Thinking*. Jadi di sana berkait rapat dengan *problem solving*.

Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohammad Taha, supaya peningkatan Bahasa Melayu tidak tertinggal dengan pengenalan SPN 21 yang juga memberi penekanan dalam Bahasa Inggeris. Saya telah menerangkan mengenai dengan beberapa usaha-usaha yang telah pun dibuat oleh Kementerian Pendidikan tetapi berasaskan pada keputusan peperiksaan 'O' Level pada tahun 2012 bagi Pendidikan Menengah Am iaitu pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian menengah 5 tahun, keputusan Bahasa Melayu mereka bagi gred 'A' ke 'C' ialah 74.94% dibanding dengan Bahasa Inggeris 42.69%. Nampaknya di sana penguasaan Bahasa Melayu peratus lulus dalam subjek Bahasa Melayu dengan kredit 'A' sampai 'C' adalah tinggi jika dibandingkan dengan Bahasa Inggeris. Kalau gred 'A' ke 'E' ertinya termasuk lulus sahaja. Bahasa Melayu adalah pada tahap 97.35% berbanding dengan Bahasa Inggeris 81.81%. Kalau kita melihat kepada programe 4 tahun *express programme* peratus lulus Bahasa Melayu nya ialah 94.65% dan Bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar *general programme express* ialah 88.07%. Jadi kalau berdasarkan kepada keputusan nampaknya pencapaian itu kalau dapat dijadikan ukuran antara Bahasa Melayu

dan Inggeris, Bahasa Melayu lebih menonjol. Saya harap kita akan terus memantau perkara ini dari semasa ke semasa.

Mengenai dengan Padang Sekolah Rendah Birau, sebenarnya telah ditulis oleh Yang Berhormat kepada Kementerian dan saya akan memberikan jawapannya kemudian nanti.

Mengenai dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Shafiee mengenai dengan pemegang-pemegang biasiswa yang diikat janji untuk menjadi pendidik, Alhamdulillah, kita telah dapat memantau perkara ini dengan sebaik-baiknya bagi memastikan mereka yang diikat jadi pendidik akan dapat bertugas di Kementerian Pendidikan dan meneliti semula akan prosedur-prosedur mengenai dengan penganugerahan ini.

Bekas penerima biasiswa yang pada masa ini dalam gaji hari supaya dicepatkan proses mereka untuk menjawat jawatan tetap. Perkara ini sudah saya terangkan bahawa ianya mengambil masa 2 tahun. Seperti yang saya terangkan prosesnya adalah proses biasa. Mereka memohon melalui iklan ada proses ujian, temuduga dan sebagainya.

Alhamdulillah mulai tahun ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengurniakan perkenan bagi Lembaga Perjawatan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Jadi kita semua berharap semoga dengan adanya Lembaga Perjawatan di Kementerian Pendidikan proses-proses seumpama ini insya-Allah akan dapat kita percepatkan. Mengenai keperluan untuk guru-guru itu menimba

pengetahuan sebagaimana saya jelaskan pada hari Khamis lalu, salah satu daripada rancangan Kementerian Pendidikan ialah untuk menubuhkan Akademi Guru Brunei Darussalam yang bertujuan untuk memberikan *in-service training* dari masa ke semasa bagi meningkatkan kecekapan, kemahiran para guru yang berada dalam perkhidmatan.

Mengenai dengan Sekolah Contoh, *Model School* di Panaga. Barangkali konotasi *Model School* menarik perhatian para ibu-bapa. Guru besar pun ada menyatakan kesulitannya kerana bila diisytiharkan sebagai *Model School* ramai orang dari sekolah lain akan masuk ke sana. Sebenarnya hajat kita ialah bukan *Model School* Maktab Sains. Ia bukan sekolah yang mengambil penuntut-penuntut yang *excellent*. Ia adalah sekolah biasa dan kita mahu bagaimana sekolah yang biasa boleh maju, boleh meningkatkan prestasi dalam alam sekitar yang biasa, jadi pelajar-pelajarnya hanya pelajar biasa cuma namanya konotasi *Model School* yang barangkali menarik perhatian ibu-bapa. Memang diakui terdapat ramai pelajar daripada yang sepatutnya. Dari segi infrastrukturnya pihak sekolah berusaha untuk menambah prasarana pendidikan dengan mengambil beberapa bangunan di sekitar sekolah itu supaya dapat menampung pertambahan pelajar.

Saya mengucapkan terima kasih atas pemerhatian Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee dan cadangan-cadangannya mengenai dengan bagaimana lagi kaedah atau cara-cara kita boleh mempertingkatkan *model school* ini. Antaranya ialah penyertaan atau penglibatan ibu-bapa di dalam Jawatankuasa Sekolah. Sebenarnya *Model School* ini masih baru dilaksanakan pada

bulan Mei tahun lepas. Jadi kita harus bersabar untuk melihat perubahan-perubahan.

Salah satu daripada rancangan yang dijalankan oleh *model school* ialah menubuhkan *Board of Governors* sendiri yang berbeza dengan sekolah biasa kerana dari *Board of Governors* ini mereka boleh memilih orang-orang dari sektor-sektor tertentu seperti kalau di Panaga itu mungkin dari Minyak Shell, dari industri dan dari bisnes untuk sama-sama menyertai dan tidak dimonopoli oleh orang pendidikan sahaja. Jadi dengan cara itu, kita mengharapkan sumbangan pihak yang berpengalaman dari institusi-institusi kewangan, misalnya bagaimana cara sebaik-baiknya bagi melaksanakan inspirasi dan objektif *Model School* tersebut.

Alhamdulillah, saya di kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada DST yang telah pun memberikan bantuan dan sumbangan yang berbentuk *iPad* kepada sekolah ini dan mudah-mudahan kerjasama yang serupa ini akan dapat dibuat oleh beberapa agensi bukan Kerajaan dalam sama-sama memajukan pendidikan di Negara ini.

Mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai perkhidmatan bas supaya diteliti akan peraturan-peraturannya. Sebenarnya kita telah meneliti peraturan-peraturan ini tapi saya ingin menyatakan di Majlis ini juga bahawa walaupun ada peraturan-peraturan seperti ini, bagi keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan, peraturannya dilonggarkan untuk mengurangkan bebanan mereka. Jadi kalau ada kes-kes dari

keluarga yang kurang berkemampuan perkara itu bolehlah dihadapkan kepada Pegawai Pelajaran Daerah.

Mengenai dengan tahap 'O' Level tahun 2012, saya ingin membetulkan statistiknya bahawa yang menduduki 'O' Level 2012 itu adalah seramai 7,731 calon dari sekolah-sekolah Kerajaan, 883 calon dari sekolah-sekolah swasta dengan jumlah semuanya sebanyak 8,614 calon dan calon persendirian ialah sebanyak 378 calon.

Mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad, pelajar-pelajar pemegang Kad Pengenalan Ungu yang dikenakan bayaran \$45.00 sebulan bagi bayaran kenderaan, perkara ini akan saya siasat dan saya belum dapat memberikan jawapannya di sini.

Mengenai dengan perkara Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21), penguasaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah swasta. Alhamdulillah di Negara Brunei Darussalam, sistem pendidikan kita ialah Sistem Pendidikan Kebangsaan yang ertinya semua sekolah-sekolah mestilah mengikut Sistem Pendidikan Negara. Jadi sekolah-sekolah swasta juga melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu ini. Kita telah pun melaksanakan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dari beberapa sistem-sistem yang lain dan telah pun dibuat sebelum ini. Sebenarnya sebelum Sistem Pendidikan Negara (SPN21), kita ada Sistem Dwi Bahasa yang diperkenalkan pada tahun 1984, kemudiannya SPN21. Perbezaannya daripada Sistem Pendidikan Dwi Bahasa kita masih mengutamakan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, cuma Sistem Pendidikan Abad Ke-21 sebagaimana yang

saya terangkan pagi tadi ialah menumpukan kepada *student centered learning*.

Yang kedua, banyak peperiksaan, jadi kalau dulu dalam pelajaran rendah kita mempunyai Penilaian Darjah 3 sebelum duduk PSR, sekarang Penilaian Darjah 3 tidak ada. Sekolah-sekolah menengah terdapat Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB), sekarang juga ditiadakan dan terus pelajar itu mempelajari 'O' Level itu dari Tahun 7. Jadi mereka mempunyai kesempatan program am 5 tahun belajar 'O' Level. Kalau dulu diberikan tahap Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 untuk PMB, Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5 baru 'O' Level. Jadi ada perbezaan, ada transisi lagi. Sekarang kurikulum tersebut diterjemahkan terus daripada Tahun 7 ke 'O' level. Itulah harapan kita supaya kemahiran-kemahiran itu dapat diajarkan di Tahun 7.

Yang ketiga ialah pendidikan vokasional dan teknikal yang diperkuatkan dalam *main stream* seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah, yang mana sebenarnya kita sudah memulakan dalam tahun 2009 sebelum negara jiran memulakannya. Di sekolah menengah kita menyediakan *multiple pathway to higher education*. Izinkan saya Yang Berhormat Pengerusi untuk menjelaskan pertama ialah ekspres, ertinya 4 tahun boleh menamatkan pelajaran menengah. Yang kedua biasa 5 tahun iaitu *general programme*. Yang ketiganya *Special Applied Programme*. Inilah program untuk pelajar-pelajar yang kurang berminat dalam akademik dan mereka ini diberikan pendedahan ataupun mata-mata pelajaran selepas Tahun 8. Mata pelajaran yang masih kita ajar dalam bahasa dan matematik kerana itu penting

tetapi mereka boleh memilih mata pelajaran *Design and Technology, Business Art and Technology* serta *Hospitality*. Jadi mata-mata pelajaran ini sudah berbeza. Yang kedua, *Syndicate Examination* sekiranya mempunyai Lembaga Peperiksaan juga berbeza iaitu EDEXEL dan selepas itu mereka boleh nanti meneruskan jika berkeupayaan memasuki institusi-institusi teknikal dan vokasional.

Ini bermakna selepas mereka menamatkan sekolah menengah barulah mereka ini disalurkan ke sekolah teknikal dan vokasional berbeza pada masa yang lalu. Saluran yang keempat ialah *Special Education* untuk kanak-kanak yang berkeperluan khas. Pendeknya kita ada 4 laluan untuk menuju menengah atas.

Saya harap jawapan itu juga menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah.

Mengenai dengan kajian yang mana kajian berterusan memang dibuat oleh Kementerian Pendidikan terhadap Sistem Pendidikan Negara 21 (SPN21).

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor bin Daud, mengenai dapatan *Model School* telah pun saya jawab tadi bahawa terlalu awal untuk kita membuat penilaian tetapi ianya terus dipantau dan adakah *Model School* ini akan dibesarkan. Pada masa ini kita akan meneliti pencapaian kita bagi *Model School* sebanyak 5 buah yang sedang berjalan.

Perkara ketiga, penuntut yang tinggal lebih daripada 3 km supaya elaun disemak telah pun saya jawab.

Mengenai dengan perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman bahawa pelajar-pelajar di Peringkat Kemahiran Asas pun menghadapi masalah. Sebenarnya secara berterusan kita telah berusaha untuk melihat apakah kaedah-kaedah yang boleh kita laksanakan bagi mereka ini dapat mencapai kemahiran-kemahiran yang diperlukan itu dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi ialah kaedah fonik yang sejauh ini nampaknya berjaya meningkatkan Kemahiran Asas 3M mereka.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya berpendapat ada baik Tajuk SF - Kementerian Pendidikan ini diundi kalau ada penjelasan-penjelasan tambahan bolehlah diberikan bila kita bersidang semula nanti. Tajuk SF - Kementerian Pendidikan diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SF - Kementerian Pendidikan diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SF - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.45 petang nanti, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## **Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang**

### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pagi tadi telah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk SF - Kementerian Pendidikan.

Maka bagi membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis sekarang berbincang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin bercakap untuk menambah penjelasan yang telah dibuat pada sebelah pagi tadi. Silakan Yang Berhormat.

### **Yang Behormat Menteri Pendidikan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menerangkan beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sebelah pagi tadi. Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, telah mengemukakan cadangan supaya ditubuhkan tabung pinjaman bagi membantu penuntut-penuntut yang tidak berjaya mendapat dermasiswa.

Sebenarnya sudah lama ada kerjasama di antara Kementerian Pendidikan dengan institusi-institusi kewangan di Negara ini yang menyediakan pinjaman bagi mengikuti pengajian tinggi dan bukan saja ia berupa pinjaman, kalau saya tidak silap, tetapi juga memberikan insentif kepada pelajar-pelajar berkenaan bagi mereka yang lulus dengan mendapat kelas pertama akan diberikan sebahagian, kalau tidak silap 100% pembayarannya.

Jadi insentif itu dikira sebagai galakan kepada pelajar-pelajar kita untuk meraih kecemerlangan. Walau bagaimanapun, bagi penuntut-penuntut sedemikan, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, menawarkan program-program atau kursus-kursus dan adalah lebih baik bagi mereka itu jika tidak dapat memohon dermasiswa ke luar negeri untuk memohon program-program yang ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tempatan.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bagi bantuan komputer kepada kanak-kanak yang kurang berkemampuan.

Pada asasnya semua pelajar-pelajar mempunyai akses kepada komputer, yang mana makmal-makmal komputer sudah disediakan di semua sekolah-sekolah peringkat rendah ke peringkat menengah. Mereka itu didedahkan dan mempunyai akses kepada komputer, pembelajaran internet menggunakan komputer memang sudah ada. Cuma barangkali dari cadangan Yang Berhormat itu, ia merupakan nilai tambah saja apabila

pelajar-pelajar itu mempunyai komputer itu di rumah.

Jadi dalam hubungan ini, mungkin pihak-pihak tertentu, pihak sektor swasta ada juga ingin melibatkan diri dalam memberikan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan seperti ini.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin ada menimbulkan mengenai dengan *rotation* bagi guru-guru. *Rotation* ini bolehlah kita sifatkan sebagai pertukaran guru-guru cuma yang ditimbulkan itu kalau saya tidak silap tadi ialah untuk mengajar kursus-kursus pra vokasional. Sebenarnya dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) dengan adanya laluan *Special Applied Program*, kursus-kursus ini sudah disediakan.

Walau bagaimanapun, cabaran kepada kita ialah menyediakan guru-guru yang berkebolehan mengajar subjek-subjek vokasional dan teknikal di dalam *Special Applied Program* ini. Jadi kita mengambil ingatan akan pandangan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit itu. Memang perkara ini dilaksanakan bagi memberikan peningkatan guru-guru dari segi kemahiran atau kemampuan untuk mengajar mata pelajaran-mata pelajaran berkenaan.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan kedudukan Sekolah Menengah Mukim Berakas. Memang betul Sekolah Menengah Mukim Berakas pada asal premis itu digunakan bagi tujuan untuk menampung pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam. Pada waktu itu,

kehendak untuk kemudahan Pusat Tingkatan Enam tidak dapat ditampung oleh institusi-institusi ataupun sekolah-sekolah yang ada. Sementara menunggu siapnya bangunan Pusat Tingkatan Enam Meragang, pelajar-pelajar pada waktu tersebut telah ditempatkan buat sementara di Sekolah Menengah Lambak Kiri, Berakas. Akan tetapi, apabila bangunan Pusat Tingkatan Enam Meragang bangunannya sudah siap, pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam Berakas sebelumnya telah dipindahkan ke Pusat Tingkatan Enam Meragang dan Sekolah Menengah Lambak Kiri, Berakas ini digunakan untuk menerima tadahan pelajar-pelajar di kawasan atau zon berkenaan bagi sekolah menengah.

Sebagaimana yang saya nyatakan bahawa kita sekarang ini telah pun membina sebuah lagi Pusat Tingkatan Enam Sengkurong terletak di Jalan Mulaut yang hampir siap. Jadi bila Pusat Tingkatan Enam Sengkurong ini nanti beroperasi, ia akan dapat mengurangkan kesesakan di Pusat Tingkatan Enam Katok. Bila pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam Katok dapat diagihkan ke Pusat Tingkatan Enam Sengkurong mungkin ada kekosongan-kekosongan di Pusat Tingkatan Enam Katok. Oleh itu, ibubapa yang berhampiran dengan kawasan itu akan berpeluang untuk menghantar anak mereka di sana dan tidak lagi ke Pusat Tingkatan Enam Meragang.

Mengenai dengan Anugerah Hari Guru yang dikatakan telah berpindah dan tidak adakah lagi calon di Kementerian Pendidikan. Sebenarnya kita mempunyai Jawatankuasa Pemilihan Hari Guru dan pemilihan ini mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu, jadi sekiranya seorang itu memenuhi kriteria-kriteria bagi anugerah-

anugerah tersebut dan telah pun terbukti dalam perkhidmatannya di Kementerian Pendidikan memberikan sumbangan kepada pendidikan, saya rasa adalah bersesuaian untuk dipertimbangkan bukan maknanya tidak ada calon tetapi Jawatankuasa Pemilihan akan menilai calon-calon dalaman dan juga calon-calon dari luar.

Untuk pengetahuan, Jawatankuasa Pemilihan ini bukan sahaja terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi juga dianggotai oleh bekas penerima-penerima anugerah itu sendiri. Mengenai dengan Pelajaran Tulisan Jawi, insya-Allah kita akan berusaha terus untuk meningkatkan tulisan jawi dan dalam hubungan ini juga kita berusaha untuk meneroka kaedah-kaedah yang lebih baik dan lebih berkesan dalam pelajaran.

Mengenai dengan penggunaan buku-buku teks yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan. Perkara ini oleh kerana peperiksaan kita ini adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan *Cambridge*, perkara-perkara tersebut cadangan-cadangan penukaran-penukaran itu pada lazimnya terpaksa dihadapkan kepada Lembaga Peperiksaan *Cambridge* untuk mendapat persetujuan.

Yang terakhir ialah perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf mengenai padang Sekolah Rendah Birau. Padang Sekolah Rendah Birau pada masa kini sedang dilaksanakan dan di samping membaiki padang tersebut kita juga akan berusaha untuk memberi pagar padang itu. Cuma kalau saya betul memahami

maksud Yang Berhormat apa yang dimaksudkannya ialah padang permainan yang tarafnya seperti di padang Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang disediakan dengan trek getah yang berwarna merah itu atau padang tiruan. Jadi dalam hubungan ini sebenarnya Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah dilengkapi dengan padang yang baru yang mempunyai trek dan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ini hanyalah 5 minit daripada Sekolah Rendah Birau.

Sebagaimana yang saya pernah jelaskan pada tahun lepas ada 33 buah sekolah rendah dan menengah yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan ini dan kita pada masa ini sedang menilai sama ada perlu meluaskan ataupun kita mengoptimalkan kemudahan-kemudahan ini, kerana selaras dengan semangat anggaran belanjawan kita untuk berhemat dalam perbelanjaan. Kita mahu mengoptimalkan apa jua kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan bukan semestinya semua sekolah dilengkapi tetapi *cluster of school*, beberapa sekolah boleh berkongsi kemudahan-kemudahan ini tetapi dengan tidak menafikan bahawa sekolah itu mempunyai kemudahan asas untuk mereka bermain.

Jadi perkara ini sedang kita teliti dan kita sekarang hanya menghadkan sehingga ini 33 buah sekolah. Oleh sebab itu juga pada tahun lepas, saya nyatakan bahawa kemudahan padang untuk bersukan ini, kita bukakan jua kepada penduduk-penduduk kampung supaya ramai yang dapat menikmati pelaburan Kerajaan di dalam memberikan kemudahan



seumpama ini. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas penjelasan yang diberikan itu. Perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini akan beralih ke Tajuk seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk dibincangkan saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin untuk menyampaikan pernyataan terhadap Tajuk ini, silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Sebelum Majlis Jawatankuasa ini membincangkan peruntukan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, izinkan saya menyampaikan mukadimah dan penjelasan ringkas.

Saya ingin membawa Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengimbas kembali matlamat penubuhan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-5 pada tahun 1989 iaitu memastikan kemakmuran rakyat, mempelbagaikan ekonomi dan mempercepatkan perkembangan perindustrian.

Selaras dengan matlamat-matlamat penubuhan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sepertimana yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, saya seterusnya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah merangka strategi-strategi baru dengan memberi fokus kepada kelompok berikut:

- 1) Kelompok Sekuriti Makanan;
- 2) Kelompok Mempelbagai Ekonomi;
- 3) Kelompok Sosio-Ekonomi; dan
- 4) Kelompok Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) atau SME serta Koperasi.

Melalui pendekatan secara kelompok-kelompok ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berharap akan membawa sinergi di kalangan Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di bawahnya.

Dalam Kelompok Sekuriti Makanan, objektif strategi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah untuk memastikan rakyat dan penduduk di Negara ini sepanjang masa memiliki akses ekonomi dan fizikal ke atas makanan yang

cukup, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan dan cita rasa permakanan untuk hidup aktif dan sihat. Objektif strategik ini adalah mengikut definisi *The World Food Summit* 1996 dan FAO.

Dalam Kelompok Mempelbagai Ekonomi, objektif strategik Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah untuk mewujudkan industri-industri yang dapat menyumbang secara signifikan kepada struktur ekonomi Negara yang selama ini masih bergantung kepada hasil minyak dan gas.

Dalam Kelompok Sosio-Ekonomi pula objektif strategik Kementerian dan Perindustrian Sumber-Sumber Utama adalah untuk mewujudkan industri pelancongan, perindustrian dan *cottage* yang akan membawa faedah kepada pembangunan sosio dan ekonomi Negara ini. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ingin memfokus kepada memajukan pelancongan ceruk dan mampan yang akan mempromosikan cara hidup kehidupan Islam, budaya dan warisan orang-orang Brunei dan imej Negara sebagai antara negara teratas yang melindungi hutan dan alam sekitar serta alam semula jadinya yang asli.

Sementara Kelompok Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) atau SME dan Koperasi pula, objektif strategik Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah untuk menjana PKS atau SME dan Koperasi yang berkualiti, beretika, berkeusahawanan, berdaya tahan, mandiri serta mampu menghadapi persaingan dalam dan luar negara. Untuk mendukung pelaksanaan Kelompok ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

kini dalam peringkat menyusun segala strategi dan program-program pembangunan termasuk pengstrukturkan semula organisasi dan rancangan pembangunan sumber tenaga manusia.

Yang Berhormat Pengerusi, Anggaran Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2013/2014 dan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan dari bulan April 2013 ke Mac 2014 bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui peningkatan taraf infrastruktur dan sumber tenaga manusia di samping memantapkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R & D).

Di samping itu, beberapa peruntukan perintah atau perundangan juga akan dicadangkan untuk diluluskan di Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara ini. Ini termasuklah Perintah Akta Syarikat Kerjasama (Pindaan 2012) dan Perintah Akta Agen-Agen Pelancongan (Pindaan 2012).

Selain dari itu juga, selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menubuhkan satu lagi bahagian baru di dalam Kementerian iaitu Bahagian Hidupan Liar. Bahagian Hidupan telah ditubuhkan secara rasmi pada 8 November 2012 dan dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1984 dan juga Perintah Fauna dan Flora Liar 2007 bagi memastikan agar hidupan liar di Negara ini akan terus terlindung dan terkawal dari apa jua aktiviti yang boleh mengancam keberadaannya.

Bagi memudahkan urusan-urusan untuk mendapatkan lesen perniagaan di Negara ini, pihak Kementerian ini juga telah berjaya mengadakan *soft launching Business Licensing System (BLS)* pada 27 Februari 2013 yang baru lalu. *Business Licensing System* yang juga dikenali sebagai *ONEBIZ* adalah satu sistem permohonan bagi mendapatkan lesen perniagaan secara *online*. Melalui pengwujudan sistem ini, ianya mampu memendekkan tempoh masa yang diperlukan bagi mendapatkan lesen-lesen perniagaan dan juga membolehkan pemohon mengesan status permohonan masing-masing.

Sebagai kesimpulannya, sebahagian besar program dan projek-projek serta perundangan atau perintah yang dihadapkan dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara, adalah pemboleh cara kepada usaha mempelbagai ekonomi Negara, kepada penjana lebih banyak PKS atau SME serta Koperasi, pembangunan sektor swasta dalam industri bukan minyak dan gas, penjana pekerjaan serta usaha kepada peningkatan produktiviti dan kualiti hasil-hasil pengeluaran.

Sebahagiannya pula adalah sebagai pelaburan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan sektor Kerajaan dalam mentadbir, mengurus dan memajukan pembangunan industri secara mampan. Untuk itu adalah menjadi hasrat Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama supaya sektor swasta dan PKS atau SME serta koperasi dapat memanfaatkan segala kemudahan dan pelaburan yang disediakan ini dengan baiknya. Sekian Wabillahir

Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian dan Sumber-Sumber Utama dibuka untuk dibahas. Silakan. Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Adalah difahami Negara Brunei Darussalam telah naik empat anak tangga dalam Laporan *Ease of Doing Business 2013* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Negara belum lagi berpuas hati dengan pencapaian tersebut.

Saya menyokong kenyataan berkenaan, kerana jika diteliti penyumbang utama peralihan positif indeks *Ease of Doing Business* berkenaan ialah urusan berkenaan permit membangun bangunan yang di bawah kawalan Kementerian Pembangunan yang telah membuat reformasi yang signifikan dalam proses berkenaan. Akan tetapi, enam dari sub indeks yang diambil kira didapati menurun beberapa anak tangga.

Sementara itu, bagi sub indeks Pendaftaran Hartanah (*Registering Property*) mendapat kredit melindungi para pelabur (*Protecting Investors*) dan menguatkuasakan kontrak (*Enforcing*

*Contract*) Negara kita berada di anak tangga lebih 100.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mengetahui apakah reformasi yang sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkepentingan untuk memperbaiki lagi pencapaian tersebut. Indeks *Ease of Doing Business* adalah antara sukat-sukat yang diambil kira oleh para pelabur sebelum membuat keputusan untuk membuat pelaburan di mana-mana negara. Ianya juga adalah sebagai petanda akan suasana dalam mana para peniaga tempatan menjalankan perniagaan sama ada persekitaran yang efisien dan menggalakkan atau sebaliknya bagi meningkatkan lagi pencapaian kita dalam indeks *Ease of Doing Business* tersebut.

Maka kita berharap semua pihak yang berkepentingan hendaklah memfokuskan dan tidak putus-putusnya terus berusaha dengan gigih iaitu seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Perkara kedua, yang ingin saya sentuh ialah mengenai Deklarasi Pembangunan Pengusaha Kecil dan Sederhana. Pada Forum Pengusaha Kecil dan Sederhana tahun 2011, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menyatakan bahawa Deklarasi 2010 dan 2020 adalah sebagai Dekad Pembangunan Pengusaha Kecil dan Sederhana. Sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya dengan Deklarasi tersebut. Saya tertarik dengan rangka kerja yang dijadikan sebagai garis pandu untuk membangun keusahawanan di Negara kita yang saya sebutkan satu persatu ini:

- 1) Perkembangan Sumber Manusia;
- 2) Akses Kepada Kewangan dan Pelaburan;
- 3) Akses Kepada Teknologi dan Inovasi;
- 4) Peningkatan Akses Kepada Pasaran;
- 5) Penggunaan ICT;
- 6) Polisi Peraturan dan Suasana Pentadbiran ataupun *Good Governance*; dan
- 7) Membangun Tapak dan Infrastruktur untuk Sektor Pengeluaran dan Pembuatan.

Pada pandangan saya adalah penting setiap rangka kerja tersebut dipantau dan dijadikan sukat-sukat pencapaian usaha memperkembangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan iaitu sama juga seperti kita mendengar tadi sukat-sukat indeks *Ease of Doing Business* yang telah dibuat oleh *World Bank*.

Deklarasi berkenaan telah lebih 2 tahun berlalu iaitu sejak Tahun 2010. Di sini saya mencadangkan supaya ditubuhkan agensi khusus bagi memantau kemajuan, keusahawanan bagi setiap rangka kerja tersebut, yang boleh dibuat dengan sukat-sukat kualitatif atau lebih baik lagi sukat-sukat kuantitatif atau KPI yang bersesuaian untuk memantau pencapaian Negara dalam memperkembangkan perusahaan kecil dan sederhana.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Berpandukan kepada pengalaman kemajuan Negara tidak ada jalan senang dan singkat untuk memajukan perekonomian Negara. Saya di sini mencadangkan agar usaha untuk memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam dekad ini sentiasa menjadi keutamaan oleh Kerajaan.

Seterusnya, seperti yang kita fahami, Skim penyediaan tapak untuk sektor pengeluaran dan pembuatan memang sudah lama berjalan dengan objektif untuk membantu pengusaha-pengusaha. Kemudahan berkenaan telah membolehkan beberapa syarikat menjalankan perusahaan mereka di atas tapak yang telah disediakan.

Dalam perjumpaan saya bersama beberapa ahli *Young Entrepreneur Association Brunei (YEAB)* pada akhir tahun lepas, ada ahli yang menyuarakan kesulitan untuk mendapatkan tapak perusahaan. Terdapat satu permohonan yang ditolak dengan tidak memberikan penerangan sebab-sebabnya mengikut maklumat yang diberikan kepada saya. Sehubungan dengan ini, saya mencadangkan agar pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui BINA membuat garis pandu yang lebih jelas supaya pemohon-pemohon dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Saya juga cadangkan supaya BINA membuat jerayawara mempromosi tapak-tapak yang masih kosong pada masa ini. Kesempaan objektif untuk memperkembangkan pengusaha kecil dan sederhana memerlukan usaha yang proaktif, saya rasa daripada menolak satu-

satu permohonan, ada baiknya BINA membantu para pemohon untuk mendapat tapak berkenaan tanpa membuat kelonggaran apa jua syarat yang diperlukan. Sekian Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menyuarakan 3 perkara di Dewan yang mulia ini:

- 1) Dalam usaha orang ramai menjaga kesihatan dengan mengamalkan cara hidup sihat setiap warga di Negara ini serta mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit, pada pendekatan dan pandangan kaola dan juga orang ramai, kebanyakan penyakit yang tidak berjangkit juga disebabkan oleh kandungan racun atau bahan-bahan kimia lain yang tidak terkawal.

Kaola ingin tahu adakah sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan kerang-kerangan laut yang didatangkan dari negara jiran ke Negara kita benar-benar bebas dari mengandungi racun dan bahan-bahan kimia yang lain dan bebas dari air kemerah-merahan? Orang ramai juga bertanya sekerap manakah pemantauan dan kawalan di setiap pintu masuk ke Negara ini dibuat. Apakah makmal kita mampu memberi keputusan ujian dengan cepat sebelum sayur atau buah-buahan itu dapat dimakan dan terjamin tidak memudaratkan kesihatan pengguna?

2) Bagi mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menentukan makanan halal adalah dicadangkan supaya disediakan satu tempat penyembelihan di Daerah Temburong. Antara kebbaikannya ialah pengeluaran satu lesen halal saja yang boleh diiktiraf oleh Kerajaan di Temburong bagi menjamin mutu kehalalan penyembelihan ternakan yang dikeluarkan di Daerah ini dan membukakan kepada pengusaha ternakan untuk mengambil lesen penyembelihan bagi menggalakkan para belia atau pengusaha meningkatkan usaha menternak. Kaola percaya dengan adanya pusat penyembelihan di Daerah ini, pengeluaran daging akan dapat ditingkatkan; dan

3) Alhamdulillah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun berusaha meningkatkan perekonomian mukim dan kampung melalui produk-produk berkonsepkan Satu Kampung Satu Produk. Telah nampak hasil-hasilnya amatlah menggalakkan. Sukacita saya ingin menyuarakan mengenai peranan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk membantu produk-produk yang dihasilkan itu dengan lebih jauh lagi? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Saya tidak akan menimbulkan banyak perkara kerana Tajuk di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun dihadapkan di bawah Perkara Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Di sini saya juga ingin menimbulkan perkara berhubung *Ease of Doing Business* yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, saya pendekkan saja soalan saya.

Saya ingin bertanya dengan pelaksanaan *Business Licensing System* yang diadakan baru-baru ini yang mana perkara ini juga telah dimaklumkan kepada Mesyuarat ini pada tahun lepas. Adakah Sistem tersebut telah menjamin bahawa permohonan untuk memulakan perniagaan yang dihadapkan, berjaya diluluskan dalam masa-masa yang telah dijanjikan? Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin menyampaikan pandangan di sini sebagai pemikiran. Mungkin ianya boleh diguna pakai untuk membantu perkembangan ekonomi Negara.

Negara Brunei Darussalam adalah memandang serius mengenai dengan penyediaan pemakanan halal. Ini jelas dengan adanya usaha-usaha beberapa pihak mengadakan permit dan memastikan makanan halal di restoran-restoran, kedai-kedai makan, gerai makan dan barang makanan yang dijual di kedai-kedai dan pasar raya. Kini telah

ditubuhkan Pusat Sains Halal untuk memastikan semua bahan dan barangan digunakan halal dengan cara penyelidikan saintifik. Ada kemungkinan Negara ini suatu hari nanti mempunyai potensi untuk menjadi pusat perdagangan pemakanan halal dunia.

Hal ini boleh saja menjadi kenyataan jika ada usaha ke arah ini dengan import bahan-bahan mentah yang murah untuk ditambah nilai, kemudian dieksport kembali sebagai produk halal ke negara-negara Islam. Kalau Negara ini dapat menyediakan bahan mentahnya sendiri adalah lebih baik lagi kerana ianya boleh menjimatkan dan dapat menggalakkan rakyat tempatan berusaha mengadakan bahan mentah tersebut.

Berdasarkan kajian dari 232 negara, jumlah umat Islam adalah 1.95 bilion iaitu merupakan kapasiti pasaran yang amat luas. Soalan saya, adakah sudah terlaksana kerjasama perdagangan barangan halal Negara ini dan di luar Negara? Kalau ada, negara-negara manakah yang terlibat dan apakah jenis perdagangan halal tersebut?

Di Taman Rekreasi Pantai Telisai ada satu tapak terbiar yang telah berpagar dan kini dipenuhi belukar dan di sekeliling pagar tersebut juga dipenuhi rumput. Dimaklumkan bahawa ianya adalah di bawah projek Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Tapak ini dulunya adalah kawasan Projek Tanaman Tembikai bagi penduduk Mukim Telisai.

Di Kampung Keramat Telisai pula ada terdapat kolam-kolam udang yang tidak lagi beroperasi dan ianya terbiar begitu saja dan nampaknya berbahaya apabila ia dimasuki oleh spesies buaya. Soalan

saya, adakah cadangan untuk memberi peluang pada penduduk Mukim Telisai menggunakan tapak-tapak ini sementara menunggu projek-projek bermula untuk bercucuk tanam dalam kawasan berpagar dan di luar pagar dan menggunakan kolam terbiar bagi ternakan ikan dan udang untuk Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim Telisai?

Dalam membantu perkembangan Satu Kampung Satu Produk selain dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, terdapat beberapa agensi lain yang terlibat umpamanya Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan *Livewire* dalam membantu prasarana dan kepakaran. Soalan saya, apakah bantuan sepertimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi? Apakah bantuan yang dapat diberikan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung?

Perkara terakhir, terdapat beberapa spesis burung dan binatang liar yang termasuk dalam Akta Kawalan Hidupan Binatang Liar di Negara ini. Sehubungan dengan ini, masih banyak penduduk-penduduk Negara ini belum mengetahui akan spesis mana yang terkawal dan mana yang tidak terkawal kerana kurangnya maklumat semasa.

Cadangan saya, ada eloknya perkara ini diberikan maklumat melalui media-media masa, terutama iklan-iklan menerusi Radio Televisyen Brunei dengan gambaran rupa bentuk spesis tersebut kerana tidak semua orang kita mengenalinya orang ramai terutama jenerasi baru hanya kenal pada nama tetapi tidak kenal pada rupa. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, pada masa ini tanaman padi masih diteruskan, apa kiranya tanaman lain akan dapat diusahakan untuk menjana penghasilan Negara. Apa yang saya maksudkan tanaman lain ialah tanaman getah.

Yang Behormat Pengerusi, mengimbas kembali dalam tahun 20an atau sebelum Perang Dunia Kedua bahawa tanaman getah dikenali juga dengan tanaman Getah Para. Pada masa tersebut, getah merupakan salah satu mata pencarian penduduk-penduduk di Negara ini. Di Daerah Temburong mempunyai ladang yang besar dinamakan Labu Estate. Begitu juga di Gadong dan Berakas. Di samping itu ada ribuan ekar pekebun-pekebun kecil dimiliki oleh orang perseorangan.

Yang Berhormat Pengerusi, ekonomi Negara dan rakyat sesungguhnya banyak bergantung kepada komoditi ini terutama dalam Tahun 1950 hingga 1952. Semasa Perang Korea, mereka menoreh getah dua kali sehari. Ini bererti bahawa harga getah pada masa tersebut cukup tinggi dan menjamin pendapatan rakyat terutama mereka di kampung-kampung pedalaman.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini saya menyarankan agar pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah proaktif untuk melihat kembali sumber ekonomi ini selain daripada minyak dan gas berdasarkan komoditi ini mempunyai potensi yang begitu baik dan harganya terus meningkat. Mengikut apa yang kita ikuti bahawa pekebun-pekebun kecil di negara jiran menarik nafas lega kerana harga getah dapat menjamin kehidupan mereka di luar bandar.

Oleh yang demikian, saya berpendapat diadakan beberapa pendekatan dan perancangan program jangka pendek dan jangka panjang. Di antaranya:

- 1) Mengadakan Skim Tanaman Semula;
- 2) Membuka Skim Pekebun-Pekebun Kecil seluruh Negara; dan
- 3) Membuka Ladang-Ladang Baru Berskala Sederhana oleh pihak yang berminat.

Sekiranya langkah-langkah ini dapat dilaksanakan, saya penuh yakin bahawa tanah-tanah bekas pekebun kecil yang ada sekarang akan dapat memainkan peranannya dalam mempelbagaikan ekonomi rakyat terutama penduduk-penduduk kampung pedalaman.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini saya timbulkan adalah berdasarkan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, ada lapan strategi yang dikenali pasti di antaranya ialah strategi ekonomi. Begitu juga negara-negara jiran berusaha membuka ladang untuk bertanam getah dengan peruntukan berjuta-juta ringgit.



Akhirnya, saya penuh yakin bahawa Negara kita atau Kementerian yang berkenaan akan dapat melaksanakannya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan siapnya jalan yang dibina menuju ke Lubuk Ning iaitu Ulu Tutong, jalan untuk membina empangan Lubuk Ning diharap akan membuka peluang kepada penduduk-penduduk sekitar kawasan berkenaan untuk mengusaha kawasan yang berpotensi dalam bidang pertanian bagi menambahkan pendapatan dan menaik taraf kehidupan ke arah yang lebih mantap.

Dengan adanya jalan yang baik, petani-petani dan peladang-peladang akan dapat menjual hasil usaha mereka terus kepada pengguna secara langsung di pasar tamu, di pasar terbuka seperti Tamu Mingguan dan Pasar Borong. Dengan adanya kemudahan asas di kawasan berkenaan, maka adalah diharapkan kepada kementerian-kementerian yang terlibat dengan pembangunan negara untuk rakyat seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan dapat mewujudkan projek-projek untuk rakyat seperti mengadakan sekolah-sekolah teknikal dan vokasional, projek perumahan, pengembangan permit pertanian yang akan membuka peluang

kepada penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam berhijrah ke kawasan pedalaman.

Yang Berhormat Pengerusi, pada masa ini projek-projek hanya tertumpu di kawasan bandar (perumahan), yang mana keadaan semakin sehari semakin bertambah sesak dan boleh menimbulkan gangguan kesihatan dan mental yang sukar untuk diubah. Secara tidak langsung usaha-usaha Kerajaan iaitu perbelanjaan yang dibelanjakan untuk membuka kawasan berkenaan yang berjumlah beratus-ratus juta, iaitu untuk membuka jalan ke Lubuk Ning akan mendatangkan manfaat kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana jalan raya dan api letrik telah pun sedia ada di empangan untuk Lubuk Ning.

Selain dari yang disarankan tadi, yang lebih penting lagi dengan adanya penghuni ataupun projek dibina di kawasan berkenaan akan dapat membantu iklim keselamatan Negara yang lebih selesa di masa akan datang kerana kawasan Projek Empangan Lubuk Ning ini terletak jauh di pedalaman Ulu Tutong atau berhampiran dengan perbatasan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin bercakap mengenai dengan Akta Binatang Terkawal tetapi ada juga jenis binatang yang tidak terkawal masa ini seperti monyet, babi hutan, anjing liar, beruk dan buaya. Binatang-binatang ini

membimbangkan keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

Di beberapa tempat, saya diberikan maklumat tidak lagi ada orang berani berjogging dan menunggang basikal pada waktu petang kerana adanya anjing-anjing liar, monyet, babi hutan dan beruk yang merosakkan tanaman petani-petani di kampung-kampung bahkan spesies monyet ini sudah berani masuk ke dalam rumah untuk mencuri makanan di dalam rumah tersebut. Diharapkan pihak yang berkenaan patut memikirkan keselamatan penduduk walaupun ada akta menghalang kita menganiaya binatang. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sepertimana saya difahamkan sebahagian daripada pemilik-pemilik kawasan perindustrian di Sungai Duhun Kuala Belait telah diberikan notis supaya mengosongkan kawasan tersebut bagi tujuan pembangunan perindustrian baru. Apa yang amat mendukacitakan ialah tempoh arahan tersebut agak terburu-buru tanpa mengira atau memberi peluang kepada tuan-tuan punya kawasan dan bangunan di kawasan tersebut untuk mencari tapak atau mengalihkan perkakas-perkakas mereka daripada tempat yang ada pada masa ini.

Sehubungan dengan ini, adakah pihak yang berkenaan akan memberi kawasan tapak yang baru kepada mereka yang terlibat? Sekiranya ada, dimanakah tempatnya? Kalau sebaliknya macamanakah mereka itu akan

meneruskan perusahaan mereka? Atau adakah pihak yang berkenaan akan memberi sebarang bantuan bagi membina bangunan-bangunan atau memberi sebarang gantian yang berupa bantuan terhadap usaha-usaha yang telah mereka buat pada awalnya kira-kira 30 tahun yang lalu. Disebabkan usaha untuk mendapatkan kawasan atau membuka kawasan baru agak sulit tanpa ditangani oleh pihak kementerian, maka sudah setentunya memakan masa yang panjang dan kos perbelanjaan yang agak besar dari serba-serbinya.

Dalam hubungan ini, diharap kementerian yang berkenaan akan dapat memperjelaskan atau mempertimbangkan dalam menangani masalah yang saya sebutkan di atas. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menimbulkan beberapa isu di dalam Dewan yang mulia ini.

1) Kita mengingati kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada 15 Mac 2006, iaitu kira-kira 7 tahun yang lalu supaya sektor pertanian dipertingkatkan bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan makanan import (3.7 bilion termasuk pemakanan).

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan khususnya Jabatan Pertanian membuat kajian tentang tanaman tebu bagi keperluan gula Negara. Sebagai usaha bagi nilai tambah kepada usaha yang telah berjalan sekarang ini iaitu penanaman padi dan lain-lain sektor seperti perikanan dan sebagainya bagi mengurangkan pergantungan gula yang diimport dari luar negeri. Dalam kesempatan ini, kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kerana telah menyediakan kilang pemprosesan beras yang mempunyai kapasiti yang berteknologi tinggi dan ini setentunya akan lebih memudahkan kepada pengusaha dan peladang yang aktif dalam penanaman padi untuk menggunakan kemudahan ini dengan berkesan.

Dengan yang demikian, sudah tentu hasil dan produktiviti akan meningkat. Saya juga mencadangkan agar bantuan akan diberikan secara berterusan seperti mengadakan skim latihan pendedahan supaya mereka ini akan menjadi peladang dan pengusaha sepenuh masa. Bantuan bagi memasarkan hasil ladang mereka dan usaha memberikan galakan insentif seperti yang telah diadakan pada setiap tahun iaitu memberikan anugerah kepada peladang, penternak dan nelayan amat disanjung tinggi.

2) Ternakan Ruminan. Keperluan Negara bagi daging lembu, kerbau dan kambing semakin meningkat terutama sekali di musim-musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Korban. Mengikut perangkaan

ternakan kerbau sudah menurun berbanding pada tahun 1960-an di mana ramai pengusaha-pengusaha ternakan kerbau pada ketika itu ada di Negara kita. Dengan yang demikian, dicadangkan supaya industri pertanian khususnya ternakan kerbau di Negara ini akan dapat ditingkatkan dengan memperkenalkan kaedah yang moden serta berteknologi tinggi dengan memberikan bantuan kepakaran dan kemudahan kepada penternak yang berminat mengusahakan industri berkenaan seperti di kawasan Pangkalan Batu, Limau Manis, Junjungan dan lain-lain kawasan di Negara Brunei Darussalam.

3) Pantai Jerudong dan kawasan sekitarnya, merupakan kawasan yang sangat indah dan menarik serta merupakan tempat riadah yang sering dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negeri. Di sini juga merupakan tempat pendaratan ikan bagi para nelayan. Masalahnya ialah kurang kebersihan, sampah bersepah di merata-rata tempat seperti serpihan perahu, besi, pukuk buruk, tayar dan lain-lain. Adalah dicadangkan tempat pendaratan ikan ini perlu difikirkan semula agar menepati kehendak dan keperluan pengguna dari segi kemudahan dan keselamatan serta kebersihan.

4) Jerudong Park Playground. Sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 7 Mac 2013, industri pelancongan adalah salah satu kegiatan yang boleh menyumbang kepada pembangunan Negara. Oleh kerana itu, usaha untuk

ke arah meningkatkan industri tersebut memerlukan perhatian yang serius. Banyak tempat-tempat yang menarik di Negara Brunei Darussalam ini seperti Jerudong Park Playground, Kampong Ayer, Kuala Belalong, Daerah Temburong dan banyak lagi.

*Jerudong Park Playground* merupakan kawasan yang indah dan sangat menarik di suatu masa dahulu. Ianya dikagumi dan menjadi kunjungan orang ramai dari dalam dan luar negeri. Negara Brunei Darussalam boleh menjadi destinasi pelancongan yang bertaraf dunia jika kegemilangan dan kecemerlangan Jerudong Park Playground ini dikembalikan semula.

5) Seterusnya pula mengenai dengan tanah-tanah terbiar seperti di beberapa kawasan yang telah diperuntukkan untuk pertanian. Zon 4 iaitu di Mukim Lumapas dan Mukim Pengkalan Batu sepertimana yang saya ketahui yang mana tanah-tanah terbiar ini ada yang tidak diusahakan oleh pemilik-pemiliknyanya. Oleh kerana itu, adalah dicadangkan supaya perkara tersebut akan dikaji semula dan tanah-tanah terbiar tersebut akan dijadikan tempat penanaman tebu sepertimana yang saya cadangkan tadi. Kerana tanaman tebu ini boleh hidup subur di mana-mana tempat dan tidak memerlukan kawasan yang luas. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Dalam Tajuk

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ini saya akan bercakap mengenai koperasi. Jabatan yang mengendalikan hal ehwal koperasi ini telah lama diwujudkan di Negara Brunei Darussalam dan persatuan-persatuan koperasi juga sudah lama dan banyak dibangunkan di daerah-daerah. Hanya sayangnya persatuan koperasi tersebut seolah-olah 'hidup segan mati tak mahu'. Ada juga yang seperti 'rambutan jantan' - orang berbunga ia berbunga, orang berbuah dia tiada. Apa yang kita mahu di kampung dan mukim mempunyai koperasi yang benar-benar dipunyai oleh anak-anak tempatan. Bukan hanya sekadar nama tetapi ia mestilah benar-benar kepunyaan mukim, kampung, daerah dan Negara sendiri.

Beberapa tahun yang lalu, perhimpunan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa yang mana oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat hadir. Ketika itu tercetus idea penubuhan Koperasi Negara. Lalu dijelmakan oleh sekumpulan rakyat yang amat prihatin menyokong hasrat cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dengan menubuhkan Koperasi Mukim dan Kampung yang bernama KOKAMI.

Apa yang berlaku, tidak ramai yang mengikuti koperasi ini termasuk penghulu dan ketua-ketua kampung yang nampaknya, berdiri di luar pagar. Mereka tidak menjadi Ahli Koperasi, sedangkan koperasi tersebut adalah diolah dari rakyat dan untuk rakyat dan hanya seorang Menteri turut serta dalam Koperasi

tersebut. Sepatutnya manusia-manusia yang menyedari akan kumpulan tersebut akan menjadi Ahli dan menjadi tenaga penggerak, akan bergerak terus di dalam koperasi tersebut. Untuk itu mari kita berniat dan berazam akan membangun koperasi di kampung dan di mukim, jangan menuding jari salah menyalahkan atau akhirnya akan menjadi lagu 'Bangau Oh Bangau'. Semua salah menyalahkan.

Jadi dengan adanya kita berazam untuk bersatu dalam koperasi ini untuk pembangunan Negara yang Wawasan 2035 itu dengan tidak lagi salah menyalahkan. Dengan itu tidak ada bangsa lain menguasai perniagaan kecil dan sederhana. Sekarang kita bercakap di sana sini bahawa bangsa lain berniaga secara kecil dan besar tetapi kita hanya berdiam diri. Dari jiwa yang besar dari seorang Menteri itu, mari kita urung-urungi yang lain bersama dengan pegawai-pegawainya.

Mudah-mudahan KOKAMI, koperasi rakyat ini akan menjelma gerakan-gerakan yang besar rakyat untuk rakyat. Makanya bisai jua saya berpantun di ujung-ujung ini;

*Naik ke mimbar menjunjung berkat,  
Menjunjung berkat di waktu subuh,  
kita hidup mesti muafakat,  
Bersatu teguh bercerai roboh".*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah,

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mendapat peruntukan berjumlah \$43.7 juta bagi tahun 2013/2014 dan bertambah sebanyak \$5 juta. Dengan jumlah tersebut adalah diharapkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan dapat melaksanakan projek-projeknya yang lebih memberi kemanfaatan kepada rakyat. Sepanjang tahun lepas beberapa usaha dan bantuan telah dihulurkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kepada petani dan peladang di Daerah Belait khususnya di Mukim Liang iaitu menyediakan kawasan tanaman padi di kampung Sungai Lalit manakala di Mukim Labi di Lot Sengkuang akan menaikkan taraf infrastruktur ladang-ladang seperti jalan ladang, saliran dan sistem perairan.

Bagaimanapun dalam jawapan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kepada beberapa soalan saya mengenai dengan perkembangan penanaman padi di Mukim Labi khususnya di Lot Sengkuang pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Kelapan tahun lepas, saya dimaklumkan bahawa Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menempuhi beberapa rintangan seperti:

1. Penyediaan ladang, penanaman dan penuaian padi secara *mechanization*;
2. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menghadapi kekurangan mesin dan jentera yang khusus di samping kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran untuk mengendalikan mesin dan jentera berkenaan;

3. Sebahagian daripada kawasan-kawasan penanaman padi berkenaan masih belum sesuai untuk penggunaan *mechanization*; dan
4. Sumber air yang terhad bagi membekalkan air ke ladang-ladang.

Saya ingin mengetahui dan bertanya:

1. Apakah usaha-usaha yang sudah dan sedang diambil oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam mengatasi perkara-perkara yang saya sebutkan di atas tadi?
2. Bagaimana dengan kerjasama di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Jabatan Saliran dan Pembantungan mengenai dengan kecukupan sumber air bagi kawasan tersebut secara menyeluruh, adakah sudah dimeterai?
3. Bagaimana dengan usahasama untuk bekerjasama (*joint venture*) dalam penanaman padi di Negara ini bersama pengusaha-pengusaha luar negeri. Adakah ianya berjaya dilaksanakan?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita beralih balik ke Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan peringkat Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 20 minit. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula akan tetapi bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula. Jawatankuasa masih lagi membincangkan Tajuk SH01A – Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum berehat tadi ada beberapa soalan daripada 11 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau dapat saya akan menjawab satu-persatu secara susunan soalan-soalan itu dikemukakan itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid telah menyoalkan mengenai dengan *Ease of Doing Business* dan beberapa soalan lain lagi. Tanpa menyentuh mengenai sokongan yang diberikan oleh Yang Berhormat, yang mana abis kaola/saya di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menghargai sokongan dan juga bantuan tentang mencapai matlamat untuk meningkatkan pencapaian Negara di indeks *Ease of Doing Business*.

Secara keseluruhannya, reformasi yang sedang dan akan dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* dapat dibahagikan kepada 3 kategori iaitu menyusun semula (*rationalization*) bidang kuasa *competent authority* dan keperluan perlesenan serta membuang lapisan proses-proses yang tidak perlu melalui penyelarasan, pengemasan dan konsolidasi.

Kedua ialah menggalakkan ataupun menyeru kepada semua yang terlibat untuk mengadakan lebih banyak kordinasi untuk memastikan pensejajaran penghantaran muka (*defacing*), perkongsian data serta penglibatan penuh semua pihak berkepentingan dengan lebih baik.

Yang ketiga, ketelusan (*transparency*) untuk memberikan yang lebih jelas terhadap peraturan, mengurangkan tafsiran berbeza dan meningkatkan kebolehan orang ramai serta perundangan yang konsisten. Beberapa pembaikan juga sedang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Pandu yang diketuai oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian yang berkenaan. Ini adalah termasuk merebiu perundangan-perundangan yang berkenaan dengan

memulakan dan mengoperasi bisnes di Negara ini mengikut Penggal 39 Akta Syarikat-Syarikat. Ianya termasuklah juga dalam meningkatkan perundangan-perundangan kepada pelabur sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Kedua, menyusun semula dan menyelaraskan kuasa *competent authority* seperti mengeluarkan permit pembinaan dan proses-proses bagi memulakan bisnes.

Ketiga penyelarasan dan *consolidation* proses-proses untuk mempermudah dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan seperti bagi pendaftaran syarikat, pendaftaran hartanah dan penyambungan elektrik.

Reformasi seterusnya ialah merebiu proses-proses penghakiman bagi mempertingkatkan efisiensi proses-proses penguatkuasaan kontrak dan menangani penggulungan syarikat (*insolvency*).

Reformasi selanjutnya ialah merebiu dan mengemaskan keperluan dan tatacara kastam dan penubuhan dari aspek meningkatkan efisiensi dalam proses-proses pengimportan dan pengeksportan komuniti.

Selanjutnya ialah penubuhan biro kredit yang mana ini dilaksanakan oleh Authority Monetary Brunei Darussalam (AMBD). Biro ini berperanan untuk memastikan ketelusan dan penyelarasan maklumat kredit dan seterusnya menyediakan dokongan institusi kepada penjamin dan pemiutang dan pengambilan sekali dialog, mengadakan dialog dan perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan *inputs* dan penglibatan pihak berkepentingan serta memastikan maklumat pembaikan-pembaikan yang

dilaksanakan diberigakan kepada bisnes komuniti atau komuniti bisnes yang berkenaan.

Insyaa-Allah reformasi-reformasi berkenaan bukan sahaja akan dapat meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam laporan bisnes yang dikeluarkan oleh bank dunia, tetapi yang lebih penting lagi ianya akan mempermudah dan meningkatkan kualiti perkhidmatan Kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam mendokong perkembangan bisnes dan pelaburan di negara ini. Sambil saya menyentuh mengenai *Ease of Doing Business* ini, izinkan saya untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai dengan *Business Licensing System (BLS)* yang telah saya sebutkan tadi telah pun di *soft launch*, adakah Sistem oneBiz ini dapat memenuhi kehendak untuk memendekkan prosesnya.

Alhamdulillah, dengan adanya kesemua agensi-agensi yang terlibat dalam pemberian lesen bisnes di satu tempat di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan dengan adanya kemudahan untuk mendaftar secara *online*, proses pemberian lesen itu dapat dipendekkan. Ini baru saja dilancarkan bulan lepas secara *soft launch* dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang mengadakan penilaian untuk menambah lagi khidmat tersebut di luar waktu pejabat, seperti hari Jumaat.

Walau bagaimanapun perkhidmatan BLS ini boleh dilayari melalui *online*. Bagi kepada mereka yang tidak berkunjung ke Kementerian untuk mendaftar, bolehlah mendaftar secara *online* dan bagi yang

tidak ada kemudahan komputer, di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ada kemudahan untuk mendaftar secara *online*. Setakat ini, cuma satu saja pusat dibukakan iaitu untuk di Daerah Brunei dan Muara. Perancangan untuk membuka kepada beberapa pusat lagi lain-lain daerah sedang diteliti. Sebagai menjawab soalan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman itu, mudah-mudahan dengan adanya sistem ini dan dengan adanya kehadiran kakitangan yang terlibat dalam pemberian lesen di dalam satu tempat, dan keputusan akan disampaikan dalam masa itu juga. Ini akan lebih banyak memendekkan proses pemberian lesen.

Seterusnya masih lagi dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid mengenai dengan satu Majlis di mana saya telah menyatakan dalam forum pengusaha kecil dan sederhana tahun 2011 telah menyatakan hasrat Kementerian untuk mengisytiharkan dekad 2010-2020 ini sebagai dekad untuk melonjakkan pembangunan pengusaha kecil dan sederhana.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang banyak *key indicators* yang telah disebutkan. Walau bagaimanapun cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid berhubung dengan keperluan menubuhkan agensi khas untuk memantau kemajuan SME seperti yang digariskan dalam rangka kerja tersebut, ianya dialu-alukan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Memang ianya telah ditubuhkan secara dalaman di mana terdapat satu Kumpulan Kerja Pemantau yang melibatkan semua agensi ataupun jabatan dan bahagian di



Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Pusat Pembangunan Keusahawanan (*Entrepreneur Development Center*) di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah merupakan *focal point* kepada kemajuan dan perkembangan SME ini. Sememangnya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan bagi memudah cara pembangunan perusahaan kecil dan sederhana di Negara ini dengan mengenalkan pelbagai pendekatan dan menyesuaikan kepada Negara ini sebagaimana jua amalan-amalan terbaik yang diguna pakai oleh negara-negara lain di rantau ini mahupun di Asia, Asia Pasifik dan juga antarabangsa.

Menyentuh mengenai dengan rangka kerja pembangunan *Small Medium Enterprise (SME)* ianya mencakupi 6 perkara utama iaitu:

- 1) Persekitaran yang membolehkan perniagaan (perundangan ataupun kawal selia);
- 2) Pembangunan keusahawanan;
- 3) Akses kepada pembiayaan;
- 4) Perkhidmatan pembangunan perniagaan;
- 5) Penerapan inovasi dan teknologi; dan
- 6) Akses kepada pasaran dan rangkaian ini selari dengan dasar permohonan *Small Medium Enterprise (SME)* di Asia Pasifik ini.

Tentang *Key Performance Indicator (KPI)* pula, saya mengalu-alukan cadangan yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi supaya *KPI* ataupun sukat-sukat yang perlu kita dapatkan, bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga dari segi kualiti. Dalam usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, bukan sahaja jumlah *Small Medium Enterprise (SME)* yang akan dikira tetapi juga kualiti ataupun bentuk *Small Medium Enterprise (SME)* yang dimajukan. Ini adalah disebabkan kita lebih menekankan tentang ketahanan *Small Medium Enterprise (SME)* yang akan dimajukan itu dalam tempoh yang disasarkan dan berpanjangan.

Mengenai dengan soalan ketiga daripada Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid iaitu tentang permohonan daripada *Young Entrepreneurs Association Brunei (YEAB)*, memang garis panduan dalam pemberian tapak-tapak perindustrian ada disediakan, dan ianya diterangkan kepada orang awam apabila mereka memohon untuk mendapatkan tapak yang kosong. Permohonan ini akan diproses sebaik sahaja memenuhi syarat-syarat atau memberikan maklumat yang lengkap yang diperlukan oleh Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Penempatan projek di tapak-tapak yang sedia adakah berasaskan kepada jenis kegiatan yang digalakkan sahaja khususnya dalam industri pembuatan dan industri berbentuk nilai tambah (*value added activities*). Walau bagaimanapun, jika projek yang dipohonkan tidak termasuk dalam lingkungan projek yang digalakkan, maka pihak Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) akan menyalurkan permohonan berkenaan kepada agensi-agensi lain yang berkaitan bagi sebarang bantuan mengikut bidang masing-masing.

Sebagai contoh, sekiranya permohonan tapak bagi penyimpanan *hardware* (barang-barang perkakas besi dan sebagainya) sahaja, ianya akan disalurkan kepada Jabatan Tanah. Sekiranya ada juga keperluan lain, maka ianya akan disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

Di waktu yang sama, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) akan sentiasa membantu dan memudah cara pihak pemohon untuk mendapatkan bantuan yang lain melalui agensi yang berkaitan seperti mendapatkan bantuan kewangan, status *pioneer* dan lain-lain. Walau bagaimanapun, saya menyambut cadangan Yang Berhormat itu dan akan membuat kajian, penilaian dan penelitian yang terperinci mengenainya.

Mengenai usaha mempromosi tapak kosong, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) memang telah banyak mengiklankan tapak-tapak berkenaan melalui media massa khususnya Pelita Brunei. Ianya adalah tertakluk kepada kekosongan tapak berkenaan dan jenis aktiviti yang akan dijalankan.

Bagi perusahaan baru, syarikat akan dipohonkan untuk mengadakan taklimat untuk mengetahui perancangan syarikat, sumber kewangan dan lain-lain yang berkaitan. Bagi syarikat-syarikat yang sedia ada, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) akan membuat lawatan untuk mengetahui masalah dan keperluan bantuan termasuk keluasan tapak yang diperlukan.

Pada masa ini Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) sedang membuat kajian dengan bantuan dari pakar bagi tapak perindustrian antarabangsa untuk

memperbaiki proses pembahagian tapak, peningkatan fasiliti dan infrastruktur, proses mempromosikan tapak dan lain-lain lagi yang boleh meningkatkan tatacara pembahagian tapak dan perancangan mengenainya.

Sebagai jawapan kepada soalan mengenai *Young Entrepreneurs Association Brunei* tersebut, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengambil maklum terhadap isu kesulitan untuk mendapatkan tapak perusahaan. Walau bagaimanapun, garis panduan bagi mendapatkan tapak seperti yang saya sebutkan tadi adalah juga mengambil kira kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 1) Jenis aktiviti projek;
- 2) Penyertaan ekuiti tempatan hendaklah sekurang-kurangnya 30%;
- 3) *Viability* projek melalui Analisa Peraliran Kewangan (*Cash Flow Analysis*);
- 4) Kegiatan yang berorientasikan Teknologi Tinggi (*Higher Technology*);
- 5) Impak terhadap alam sekitar;
- 6) Peluang pasaran;
- 7) Kesesuaian lokasi;
- 8) Tapak yang masih kosong, tertakluk jika yang dipohonkan masih ada;
- 9) Pelaburan mestilah melebihi \$300,000.00;
- 10) Struktur kapital juga dilihat dari segi *Spin off effect*;

- 11) Peluang-peluang pekerjaan; dan
- 12) Bagi kegiatan yang tertentu seperti pembuatan pakaian, tempoh penyewaan adalah 30 tahun.

Oleh yang demikian, setiap permohonan yang diterima akan diproses sebaik sahaja pemohon memenuhi syarat-syarat atau memberikan maklumat yang lengkap.

Jika ada permohonan yang ditolak dan tidak diberikan penjelasan akan sebab-sebabnya penolakan tersebut, saya menjanjikan pihak Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), hendaklah memastikan permohonan-permohonan tersebut ditolak dengan penjelasan tentang alasan-alasan penolakan tersebut.

Di samping itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memang sentiasa membantu dalam memudah cara jika permohonan mereka ditolak untuk mendapatkan tapak-tapak lain. Jika permohonan dibenarkan, mereka akan diberikan kemudahan-kemudahan seperti mendapatkan bantuan kewangan dan juga mendapatkan status *pioneer* ataupun lain-lain.

Yang terakhir sekali, pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid ialah bagaimana Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dapat membantu para pemohon untuk mendapatkan tapak berkenaan tanpa membuat kelonggaran apa jua syarat yang diperlukan. Saya menghargai pandangan Yang Berhormat tersebut.

Mengenai perkara ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan lebih proaktif dengan memberikan keutamaan kepada pemberian tapak

dengan mengambil kira kegiatan yang mempunyai nilai tambah kepada industri pembuatan dan perkhidmatan dan seterusnya menentukan kawasan-kawasan tapak untuk perusahaan yang tertentu ataupun yang digelar *preferred industry* dan juga mengutamakan perusahaan di mana Negara Brunei Darussalam mempunyai kekuatan (*comparative advantage*).

Ini bertujuan untuk memudahkan tanpa mengubah syarat-syarat tersebut. Jika diubah dikhuatiri akan menimbulkan tuduhan-tuduhan yang tidak baik ke atas kebenaran yang diberikan ataupun tidak mengamalkan ketelusan dalam proses pemberian.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan kedudukan sama ada Kementerian ada mengadakan kajian ataupun pemantauan tentang barang-barang ataupun bahan-bahan yang dimasukkan di Negara Brunei Darussalam memang pemantauan keselamatan makanan bukan sahaja yang diimport dari luar Negara tetapi juga yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan. Ianya dilakukan bukan sahaja di Jabatan Pertanian dan Agri-Makanan, tetapi juga dilakukan oleh bahagian-bahagian lain di Kementerian iaitu di bahagian *Bio-Security* dan juga di Bahagian Keselamatan Agri-Makanan.

Contohnya segi ternakan ayam dan daging, pengesanan pencemaran akan diuji bukan saja bahan kimia tetapi juga *micro biology* dan juga *pathogen* ataupun *virus* yang mungkin menjangkiti ternakan. misalnya *Pathogen* yang dikawal benar-benar ialah bakteria *Salmonella* dan *E-Coli* yang menyebabkan beberapa kejadian

baru-baru ini bukan sahaja di negara-negara kurang maju tetapi juga di negara yang maju seperti *Germany* yang mana *E-Coli* dan *Salmonella* telah didapati dalam bahan makanan.

Pengesanan dari segi sisa baki ubat-ubatan *vertinary* dan seperti yang saya sebutkan pencemaran bahan kimia juga dikaji. Begitu juga produk ternakan yang diimport seperti telur ayam dan telur masin yang mana produk-produk ini juga dibuat ujian seperti yang saya sebutkan tadi.

Mengenai dengan pemantauan, ianya juga diadakan di pusat-pusat penyembelihan dan logi pemerosesan. Bagi memastikan ujian kebersihan (*hygiene*) dalam operasi yang dijalankan dan keputusan ujian-ujian yang dilaksanakan adalah mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) sendiri dalam kajian-kajian tersebut. Sebagai misal ialah ujian pengesanan pencemaran *micro biology* dan *pathogen* dan pencemaran bahan kimia dengan menggunakan kaedah *conventional*, ujian ini akan memakan masa selama 7 hari. Sementara kaedah *high end* menggunakan mesin PCR dan lain-lain mengambil masa dalam sehari ke dua hari. Sebelum keputusan dapat dimaklumkan mengenai dengan makanan laut seperti ikan dan udang, pengambilan contoh produk perikanan juga akan diambil secara rambang (*random*) dan berkala ataupun berjadual di premis-premis pemerosesan di pasar-pasar raya dan di pasar-pasar basah (*wet market*) bagi tujuan pemeriksaan bahan kimia *Formaldehyde* ataupun kimia-kimia yang digunakan untuk pengawet makanan dan juga *bio-toxin* iaitu racun-racun yang berasal daripada tanaman tumbuhan-

tumbuhan dan sisa antibiotik dan juga sisa kimia *pesticide*.

Divisyen Kuarantin dan Pemeriksaan Bahagian *Bio-diversity* Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dipertanggungjawabkan untuk mengawal kemasukan musuh dan penyakit-penyakit tumbuhan yang merbahaya kepada industri tanaman. Jadi kesemua jenis tumbuhan dan bahan tumbuh-tumbuhan termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan yang dibawa masuk ke Negara ini hendaklah mempunyai pendaftaran pengimport yang sah.

Surat permit untuk membawa masuk tumbuh-tumbuhan, import permit dan sijil kesihatan tumbuhan ini diperlukan bagi memastikan pohon-pohon ataupun tanam-tanaman itu adalah daripada tempat-tempat yang diakui menjalankan pemeriksaan ataupun menjalankan penilaian mereka masing-masing.

Di kesempatan ini saya ingin menyentuh tentang satu penyakit yang telah melanda di Negara Brunei Darussalam ini yang melibatkan *Citrus Industry* ataupun Industry Limau Manis yang terjejas disebabkan oleh kemasukkan *pathogen* yang tidak terkawal di mana satu ladang di Kampung Labi telah pun musnah disebabkan oleh kejangkitan penyakit yang datangnya mungkin dibawa masuk melalui pohon-pohon yang tidak dikuarantin dan yang diseludupkan. Penyakit-penyakit itu telah melarat dan telah menjejaskan ladang kebun limau manis di Kampung Labi dan sekarang pengeluaran limau manis di Negara Brunei Darussalam sudah pun menurun dan kalau ada pun tidak lagi sebesar Limau Labi yang dulu dihasilkan oleh peladang tersebut.

Seperti yang saya fahamkan tadi, *Citrus Industry* ataupun Industri Limau Manis di Negara Brunei Darussalam telah terjejas selama beberapa tahun dan Negara Brunei Darussalam tidak dapat menanam Limau Manis itu tanpa mengandungi penyakit ataupun *pathogen* yang dimasukkan itu.

Sebagai pengajaran, kita haruslah memastikan bahawa bukan sahaja Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan barang-barang itu terselamat dan tidak tercemar tetapi orang-orang ramai ditegah memasukkan bahan-bahan yang tercegas itu dan bertanggungjawab dan juga bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan jika mendapati bahawa kemasukkan barang-barang itu berlaku di hadapan mata mereka.

Jika perkara ini berlaku, ada baiknya kita bersama-sama mengatakan bahawa barang itu adalah ditegah dan mengasingkan barang-barang tersebut daripada digunakan di Negara Brunei Darussalam. Itulah seruan saya di Dewan yang mulia iaitu bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan barang-barang itu selamat tetapi juga tanggungjawab yang sama perlu dipikul oleh orang ramai, pengguna dan pengeluar-pengeluar di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad juga ada mengemukakan cadangan supaya diadakan satu pusat penyembelihan di Daerah Temburong. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bukan saja mengalualukan cadangan bagi menubuhkan pusat menyembelihan di Daerah Temburong malah menggalakkan bagi penubuhan pusat penyembelihan berkenaan. Dengan

adanya pusat penyembelihan ternakan di Daerah Temburong, ianya juga akan dapat menjana peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk terutamanya belia-belia di Daerah berkenaan.

Setakat ini, belum ada pengusaha yang menghadapkan sebarang perancangan atau cadangan untuk menubuhkan pusat penyembelihan berkenaan. Kerajaan dalam perkara sedemikian akan mengutamakan sektor swasta untuk menubuhkan pusat penyembelihan tersebut. Walau bagaimanapun tempat-tempat penyembelihan kecil memang ada di Daerah berkenaan dan kalau sekiranya ada keperluan daripada pengusaha untuk mengadakan satu pusat penyembelihan, Insyallah Kerajaan akan menyediakan tempat-tempat yang sesuai bagi mereka beroperasi. Di samping itu, di kesempatan ini saya juga ingin menjelaskan bahawa pemantauan tempat-tempat penyembelihan ini diberikan bukan sahaja oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tetapi juga oleh Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya seterusnya ingin menjawab Soalan ke-3, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad yang berkaitan dengan sokongan daripada Satu Kampung Satu Produk dan juga soalan daripada salah seorang Ahli Yang Berhormat mengenai bantuan oleh Kementerian untuk memajukan produk-produk daripada satu kampung satu produk.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memang memberi sokongan sepenuh-penuhnya terhadap inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang memperkenalkan inisiatif Satu

Kampung Satu Produk ini yang bukan sahaja dapat memupuk perpaduan di kalangan penduduk dan masyarakat mukim dan kampung di Negara Brunei Darussalam malahan juga telah dapat sambutan baik daripada penduduk masyarakat mukim dan kampung. Ia terbukti apabila sebilangan mukim dan kampung telah berjaya menghasilkan produk-produk mereka yang lahir daripada inisiatif ini. Melihat kepada produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk dan masyarakat mukim dan kampung, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melihat bahawa produk-produk tersebut mempunyai banyak potensi untuk dibangunkan serta dimajukan. Sebagai contoh produk-produk yang berupa hadiah atau cenderahati. Jika produk ini dapat dibuat penambahbaikan dari segi kualiti, reka bentuk pembungkusan dan sebagainya, ianya mempunyai potensi untuk dijual kepada pelancung-pelancung. Begitu juga dengan produk-produk lain seperti makanan kering dan basah, kraf tangan seperti anyaman dan pembuatan daripada kayu-kayuan, perkhidmatan seperti pelancongan dan perusahaan-perusahaan pertanian dan perikanan serta perhutanan.

Oleh kerana itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebenarnya telah membuat perundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memikirkan bersama cara-cara terbaik untuk memastikan produk-produk yang dihasilkan daripada inisiatif Satu Kampung Satu Produk adalah mapan (*sustainable*). Ini meliputi aspek-aspek kualiti dan standard, sumber bekalan bahan-bahan mentah ataupun *raw material*, pasaran (*marketability*) perancangan dan pembangunan bagi

kawasan-kawasan pelancungan yang lainnya.

Hasil daripada perbincangan tersebut kedua-kedua Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah bersetuju supaya dibentuk beberapa kumpulan kerja mengikut kategori-kategori produk di bawah Satu Kampung Satu Produk, masing-masing satu kumpulan bagi produk makanan dan minuman, kraf tangan, perkhidmatan dan kombinasi perusahaan pertanian, perikanan dan perhutanan. Dengan adanya kumpulan kerja ini, maka strategi program dan pelan tindakan untuk membangun serta meningkatkan produk-produk keluaran Satu Produk Satu Kampung ini akan meningkat ke satu tahap yang lebih baik dan dapat dirangka dan dilaksanakan dengan jayanya.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga telah menubuhkan sebuah pusat diberi nama Pusat Industri Kotej dan Kraf tangan (*Cottage Industry and Handicraft Centre*). Melalui penubuhan pusat ini, matlamat Kementerian adalah untuk memajukan produk-produk tradisi Brunei yang akan mengangkat orang-orang Brunei yang bersifat titih dan lutan dengan produk yang sempurna serta halus buatannya.

Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit ada menyatakan tentang permakanan halal. Sejauh ini usaha untuk menembusi pasaran halal di luar negara adalah terhad. Pada awalnya syarikat berkenaan telah pun menubuhkan satu perwakilan di United Kingdom bagi tujuan menembusi pasaran di United Kingdom dan di Eropah.

Di samping itu, ada juga beberapa produk yang dikenalkan di Eropah iaitu produk-produk kering. Bagaimanapun produk yang dikenal pasti boleh melangkaui tujuan untuk mendapatkan penerapan ataupun memasuki pasaran halal ialah pengeluaran hasil-hasil daging ataupun bahan-bahan mentah, yang mana ini dijangka akan dapat melonjakkan penembusan pasaran halal ke negara-negara lain khususnya Eropah.

Soalan seterusnya ialah Satu Kampung Satu Produk seperti yang disebutkan tadi apa bantuan dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memang ada bantuan itu.

Taman Telisai yang terbiar itu adalah tanah TOL bersebelahan dengan satu kawasan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tetapi bagi penanaman tembikai dan lainnya itu dilakukan di bawah kawasan tanah-tanah TOL yang dikawal oleh Jabatan Tanah. Kawasan di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah satu kawasan untuk penternak-penternak udang di Telisai. Sementara kolam di Keremut yang dimaksudkan itu bukan kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan Kemajuan Pertanian atau KKP tetapi adalah kawasan TOL di Keremut.

Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dirunding dengan Jabatan Tanah tentang kesesuaiannya sama ada boleh diberikan kepada orang-orang Kampung Telisai untuk meneruskan ataupun memajukan.

Dan soalan keempat ialah mengenai dengan binatang liar di mana belum ada banyak pengetahuan orang ramai tentang jenis-jenis binatang yang dikawal

dan yang ditegah untuk diperdagangkan. Usaha mengenai perkara ini ada dibuat secara berterusan. Dalam satu masa dulu ada satu poster yang dikeluarkan oleh Jabatan Muzium-Muzium dan juga ada satu usaha untuk membawa maklumat ini ke tamu-tamu di Bandar Seri Begawan dan Daerah Tutong.

Walau bagaimanapun, perkara ini saya mengambil maklum supaya perkara ini diberigakan kepada orang ramai tentang jenis binatang yang ditegah.

Di samping itu, seperti yang saya sebutkan tadi, Bahagian Hidupan Liar telah ditubuhkan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Salah satu daripada usaha Bahagian Hidupan Liar ini adalah untuk mengenal pasti jenis binatang yang mungkin akan ditambah untuk dimasukkan dalam senarai binatang-binatang yang tidak dibenarkan untuk diperdagangkan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera yang berkaitan dengan penanaman pokok getah, usaha menanam tebu dan getah ini perlu kita fahami risiko dan keadaan pasarannya terutama mengetahui pengeluar yang terbesar pada masa ini dan juga jenis penyakit yang melanda. Saya telah diberitahu baru-baru ini, pohon-pohon getah yang ada di Malaysia telah dijangkiti sejenis penyakit yang menjejaskan akar dan jika ini berlaku kepada pohon getah akan melarat kepada pohon buah-buahan di Negara Brunei Darussalam.

Perlu kita fahami perkara-perkara ini sebelum kita menimbangkan untuk mengadakan perusahaan getah secara besar-besaran. Perusahaan getah sekarang sudah berbeza dengan

perusahaan pada masa dulu di mana *market size*. Di samping itu, kalau kita fahami sepanjang tahun pengeluaran getah asli yang banyak berlaku ialah penjunaman harga dan peningkatan harga tidak banyak. Penjunaman (*price drop*) lebih deras daripada *price spike* disebabkan oleh banyak cabaran dan saingan.

Saingan ini bukan saja daripada pengeluar getah-getah asli tetapi juga pengeluar-pengeluar getah tiruan (*synthetic*). Ini telah berlaku pada satu masa dahulu apabila pengeluar getah *synthetic* disebabkan oleh keperluan perang, telah menjejaskan pengeluaran getah asli di Malaysia. Jadi ini perlu kita nilai sebelum kita menimbangkan pengeluaran getah dan tebu secara besar-besaran.

Di samping itu, perlu juga kita tekankan bahawa tanah Negara Brunei Darussalam ini terhad. Terhad dari segi jumlah dan juga terhad dari segi tanah-tanah yang subur untuk bertanam getah dan tebu. Di samping itu kita juga mengutamakan penanaman tanaman utama seperti beras, buah-buah dan sayur-sayuran.

Kalau pun sekiranya ada keperluan, akan dinilai dan saya mengucapkan terima kasih atas cadangan tersebut. Saya tidak mahu pernyataan saya ini seolah-olah ada sokongan daripada Kementerian dan secara langsung saya memberitahu tidak ada sokongan daripada Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama untuk bertanam getah, tebu atau pun pokok-pokok untuk membuat kertas secara besar-besaran.

Soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin

Uking, Jalan Ampangan Lubuk Ning ini adalah *service road* untuk ke ampangan itu sahaja dan kawasan itu adalah terletak di dalam kawasan hutan simpanan. Kalau hutan simpanan, Kementerian memang berfikir 2 kali untuk membuka bagi kegunaan perusahaan. Apa lagi kalau perusahaan itu yang bukan ada kepentingan untuk seluruh negara. Ertinya kalau padi sendiri pun, pihak Kementerian tidak akan menimbangkan untuk mengadakan di sana, apa tah lagi perusahaan-perusahaan yang bukan keperluan strategik Negara.

Sebagai jawapan Lubuk Ning itu, pihak Kementerian menerima saranan daripada Yang Berhormat tersebut, jika sekiranya ada keperluan nanti. Mungkin tidak diketahui bila hutan simpan itu akan dibuka, tetapi seperti yang difahami, kalau hutan simpan itu memang disimpan, memang terhad penggunaannya.

Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin ada menyebut mengenai kegiatan binatang-binatang yang tidak terkawal seperti anjing, babi, monyet, buaya dan anjing liar, yang mana orang ramai kebanyakannya rasa takut. Kalau sekiranya dapat dibantu oleh Bahagian Binatang Liar, di Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama akan membantu. Ini pernah berlaku apabila melibatkan sekumpulan monyet di Pekan Seria, di mana telah banyak mengganggu keselamatan orang-orang di Pekan Seria. Kementerian melalui Bahagian Binatang Liar telah pun memberikan bantuan di sana.

Di samping itu, orang ramai boleh mendapat bantuan daripada Jabatan



Bandaran dan juga Jabatan Daerah untuk memastikan bahawa binatang-binatang tersebut sama ada dimusnahkan atau ditangkap dan disimpan di tempat-tempat yang sesuai.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Dulamin ini mengenai dengan perusahaan di Kuala Belait. Yang sebenarnya perusahaan ini bukan di bawah tapak Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA). Saya difahamkan ini adalah tanah TOL yang digunakan untuk perusahaan tetapi telah pun diambil balik oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri untuk kegunaan perusahaan *marine base*. Jadi itu tanah kerajaan, tanah TOL, bukan tanah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Di samping itu, mereka yang terlibat memerlukan kawasan, pada masa ini saya tidak menjanjikan akan diberikan, akan tetapi permohonan mereka akan diproses kalau sekiranya ada permohonan untuk meneruskan perusahaan. Jika ada kawasan-kawasan kosong di Pekan Seria dan akan diiklankan, mereka akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk meneruskan dan sebagainya. Itu saja yang dapat saya jelaskan mengenai dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Dulamin tentang perusahaan di Kuala Belait itu. Saya memohon maaf kerana tidak dapat menjanjikan banyak kerana ianya bukan tanah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), ianya adalah tanah TOL.

Mengenai cadangan penanaman tebu daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, telah saya jawab. Kedua tentang kilang pemprosesan padi. Memang ada satu kilang baru, *milling machine* yang akan dapat memproses

padi dengan lebih tinggi dan saya menghargai doa daripada Yang Berhormat tadi, mudah-mudahan dengan ini akan dapat menjayakan usaha Kementerian untuk meningkatkan padi dan cadangan-cadangan Yang Berhormat tentang memberikan skim latihan, bantuan hasil ladang mereka akan diambil maklum. Memang perkara ini telah dijalankan. Mereka telah diarahkan untuk menjalani latihan *Farmers Field School* untuk memastikan mereka memahami, bukan saja penanaman tetapi juga peringkat selepas tuai ertinya *processing* dan sebagainya.

Mengenai ternakan ruminan ini, kambing, lembu dan kerbau yang moden, Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agri-Makanan, telah pun mengenal pasti satu kawasan di Kampung Batang Mitus dalam seribu hektar untuk tujuan tersebut.

Di samping itu, bagi tujuan ini ia lebih kepada yang berteknologi tinggi, Kementerian menekankan supaya penternakan itu akan menggunakan sistem *Feed Lot*. Ertinya bukan menggunakan satu kawasan luas untuk membesarkan sapi, kambing, lembu dan kerbau tetapi menggunakan lot-lot dengan mendatangkan makanan tersebut kepada binatang-binatang berkenaan menggunakan *Feed Lot System*. Pada masa ini pihak Kementerian sedang mengkaji *Feed Lot System* yang paling baik.

Tentang pendaratan ikan dan nelayan di Pantai Jerudong ini akan saya sampaikan kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, yang mana mereka bertanggungjawab tentang pengawalan pendaratan di Pantai Jerudong ini. Ianya bukan kawalan

Jabatan Perikanan. Walau bagaimanapun, akan diadakan perundingan dengan Pejabat Daerah Brunei dan Muara untuk memastikan ia bersih dan sentiasa selamat.

Di samping itu saya menyeru, kalau 100% pihak Kerajaan akan menanggung perkara itu, tidak juga boleh. Pengguna-pengguna sama-sama menggunakan kemudahan itu dengan lebih bertanggungjawab. Kalau sekiranya barang-barang itu sudah buruk, lapuk, boleh di pindah. Jangan menunggu ianya dipindahkan oleh yang mempunyai tanah ianya boleh dilakukan secara bekerja sama dengan pihak pengguna dengan pihak pemilik kawasan tersebut kerana ia kegunaan bersama.

Mengenai Jerudong Park, saya rasa ini di luar bidang Kementerian. Walau bagaimanapun Kementerian memang mengalu-alukan kalau ada kemudahan-kemudahan baru untuk menarik pelancong.

Mengenai dengan tanah-tanah yang mungkin terbiar di Mukim Lumapas dan Pengkalan Batu, sejauh ini kita ada mengenal pasti beberapa kawasan di kawasan tersebut untuk dijadikan kawasan-kawasan penanaman padi yang mana ini berdekatan dengan kawasan sempadan dan kawasan air. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat menimbulkan perkara itu di Dewan ini dan Kementerian akan melihat macam mana mempercepatkan proses tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Hussin bertanya mengenai koperasi. Secara ringkas saya sebutkan sahaja bahawa KOKAMI masa ini adalah dalam pemantauan Kementerian Perindustriaan

dan Sumber-Sumber Utama terutamanya Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), memandangkan masalah-masalah dalaman. Secara ringkas koperasi tersebut memang banyak tujuannya dan banyak tanggungjawab pemegang-pemegang saham. Kerajaan ataupun pendaftar koperasi bertanggungjawab untuk memastikan semua yang terlibat adalah bertanggungjawab dan menjalankan tugas masing-masing.

Di samping itu, kalau sekiranya perlu mengadakan pengauditan sejauh ini Kementerian telah pun mengadakan satu projek. Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) telah mengenalkan projek KEMAS. Projek KEMAS ini memastikan bahawa kebanyakan koperasi-koperasi di Negara ini mempunyai akaun-akaun yang teratur dan mengadakan mesyuarat-mesyuarat agung tahunan masing-masing.

Dalam tahun 2013 ini kita telah dapat meningkatkan 40% daripada koperasi-koperasi yang berdaftar itu telah mengadakan mesyuarat tahunan dan juga mengadakan akaun-akaun yang teratur. Adalah diharapkan dalam tahun 2015 kesemua 100% koperasi ini mempunyai *governance* yang teratur terutamanya tentang mengadakan *Annual General Meeting (AGM)* dan juga mempunyai akaun-akaun yang teratur.

Jadi barangkali itu sahaja yang saya sebutkan kalau sekiranya masih lagi tertinggal saya akan jelaskan kemudian. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk - SH01A-Jabatan Kementerian Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama ada baiknya diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan  
bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SH01A - Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk - SH01A Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 18 Mac 2013, jam 9.30 pagi. Sekian, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

## DEWAN MAJLIS

**Isnin, 6 Jamadilawal 1434 / 18 Mac 2013**

### **YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

#### **YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI- MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.  
**(Tidak hadir sebelah petang)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang jam**

**9.30 pagi**

**Yang Dimulikan Jurutulis I:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bersidang pada hari ini, hari yang kesembilan didahului dengan bacaan Doa Selamat.

### **DOA SELAMAT**

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimulikan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala

Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang kesembilan. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 di Peringkat Jawatankuasa. Alhamdulillah pada Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pada hari Sabtu masih lagi membincangkan Jadual di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka bagi membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini disambung semula. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini masih lagi membincangkan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka kita akan beralih kepada Tajuk Jabatan seterusnya.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Pemeliharaan hutan adalah merupakan tanggungjawab Jabatan Perhutanan. Sumber alam mempunyai nilai yang tinggi kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita semua. Peranan yang dimainkan oleh Jabatan ini adalah seperti berikut:

1. Pemeliharaan Hutan;
2. Produk Hutan;
3. Rekreasi Hutan;
4. Pemuliharaan (*Conversation*) Hutan; dan
5. *National Park*.

Produk Hutan mempunyai kawasan lebih kurang 18,562 hektar, Taman Rekreasi Hutan Simpan 4,211 hektar, Pemuliharaan Hutan 28,562 hektar sementara *National Park* 4,210 hektar.

Isu yang kaola ingin bangkitkan Yang Berhormat Pengerusi ialah mengenai pencapaian Industri Sungai Liang. Pusat Industri Sungai Liang telah dilaksanakan dalam RKN Ke-5 dan telah selesai pada tahun 1992, iaitu kira-kira 21 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya:

- 1) Apakah perkembangan yang telah dicapai sepanjang pelaksanaan tersebut?
- 2) Selain daripada Sungai Liang adakah kawasan-kawasan lain lagi yang akan diterokai dan diperkembangkan untuk menjadi Pusat Penanaman dan Pembiakan Sumber Hutan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi? Kerana secara umumnya, kita menyedari dan mengetahui bahawa Negara kita mempunyai berbagai spesis hutan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Seperti penghasilan kayu untuk kilang papan bagi pasaran dalam dan luar negeri.

Selain daripada apa yang disebutkan di atas kaola juga mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- 1) Bahan-bahan seperti jelutong, buluh, rotan dan lain-lain tumbuhan dapat dimajukan sebagai industri hutan bagi menghasilkan produk Negara.
- 2) Tumbuhan perubatan tradisional seperti herba dan sebagainya yang merupakan bio-teknologi dan *bio-engineering* juga dicadangkan untuk dijadikan industri baru sesuai dengan *tropical biodiversity* yang dijangka akan dapat menjana ekonomi Negara.
- 3) Membina satu Taman Hutan yang mempunyai kepelbagaian spesis hutan bagi rujukan orang ramai dan pencinta alam.
- 4) Taman Rekreasi Luagan Lalak yang merupakan sebagai destinasi



pelancongan yang menghidangkan alam semula jadi supaya akan dapat dijadikan taman riadah dengan menyediakan kemudahan penginapan yang reka bentuknya serta bahan binaannya berlatar-belakangkan kayu hutan yang terdapat di Negara ini. Kemudahan seperti ini akan dapat memberikan sumbangan kepada industri pelancongan dan peluang perniagaan kepada pengusaha kecil dan sederhana.

- 5) Keselamatan dan pegawalan hutan Negara supaya akan dapat dipertingkatkan secara berterusan kerana kita menyedari pencerobohan sering berlaku di beberapa kawasan hutan yang mempunyai sumber alam yang bernilai tinggi dengan menambah bilangan tenaga pekerja (renjer) yang pada masa ini ada seramai 20 orang dan Pembantu Perhutanan 50 orang. Sekian Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin berkongsi pandangan dalam Tajuk Jabatan Perhutanan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu mengenai dengan bekas kawasan-kawasan kuari pengambilan atau pengorekan batu kelikir di kawasan Mukim Amo Temburong yang terbiar begitu lama. Apakah ada inisiatif Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian, dan Sumber-Sumber Utama dengan sokongan daripada

jabatan-jabatan yang berkenaan? Dicadangkan juga supaya di kawasan tersebut akan dapat ditanam balik anak-anak pokok yang bersesuaian seperti anak pokok Kayu Semala dan Kayu Kapur supaya kawasan-kawasan tersebut tidak terbiar begitu sahaja. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pengambilan kayu balak dan membuat jalan bagi laluan kenderaan, pengangkutan kayu balak menyebabkan kemusnahan pohon-pohon kayu kecil dan tumbuhan-tumbuhan yang berharga. Pohon kayu yang rebah dibiarkan dan tanah-tanah yang diturap oleh jentera gergasi, susurnya mengalir menghalang dan menutup anak sungai. Selain dari itu, penggunaan kenderaan pengangkutan kayu balak berat yang melalui jalan utama di kampung-kampung menyebabkan kerosakan teruk dan mengganggu keselesaan perjalanan kenderaan kecil penduduk-penduduk kampung berkenaan. Soalan saya ialah:

- 1) Apakah tindakan dan pelaksanaan pemulihan yang telah dibuat oleh Jabatan yang berkenaan bagi mengawal kemusnahan ini?
- 2) Berapakah syarikat pembalakan yang masih beroperasi di Negara ini dan berapakah had pengambilan kayu balak yang dibenarkan dalam setahun?

Hutan dan sumber hutan di dalamnya merupakan khazanah Negara yang sangat berharga yang mesti dipelihara dan dikawal dari menjadi pupus dan musnah. Kepupusan dan kemusnahannya itu nanti menyebabkan generasi yang akan datang tidak lagi mengenali apa itu hutan dan kehidupan yang ada di dalamnya. Oleh kerana itu, maka wujudnya akta dan peraturan akan tetapi walau sebaik mana sekalipun akta dan peraturan yang telah dimaktubkan, jika pelaksanaan tidak di jalankan dengan sempurna, kemusnahan dan kecurian tetap juga akan berlaku. Mungkin sahaja banyak cabaran dan halangan yang menyebabkan kegagalan bagi melaksanakan akta dan peraturan ini. Umpamanya mungkin pegawai atau kakitangan tidak mencukupi atau kurangnya kemudahan dan peralatan yang disediakan ketika bertugas di dalam hutan. Bagi mengatasi masalah ini dicadangkan beberapa perkara seperti berikut yang boleh diguna pakai:

- 1) Kekerapan rondaan dan pemeriksaan oleh pegawai dan kakitangan berkenaan ke dalam hutan.
- 2) Mengadakan Renjer Hutan yang sentiasa bertugas secara berkumpulan dan berjadual terutama di kawasan-kawasan sempadan Negara.
- 3) Menghadkan jangka masa kebenaran perlesenan di kawasan kuantiti pengambilan kayu balak berdasarkan ratio hutan Negara.
- 4) Pemulihan dan penanaman semula hutan yang telah dimusnahkan.
- 5) Larangan penerokaan hutan kecuali pembangunan yang menguntungkan Negara.

- 6) Membina beberapa pusat kawalan di dalam hutan iaitu di tempat-tempat yang bersesuaian bagi menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan atau renjar hutan bertugas dan bermalam.
- 7) Mengadakan kempen kesedaran memelihara hutan melalui ceramah, seminar, forum, menerbitkan poster dan buku-buku panduan. Untuk menanamkan semangat rasa cinta penduduk-penduduk di Negara ini dalam sama-sama bertanggungjawab dalam memelihara hutan tanpa menyerahkan sepenuhnya kepada pihak Kerajaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Dari segi pembahagian geografi dan paras ketinggian bumi terdapat hanya 2 kategori besar hutan di Negara Brunei Darussalam yang dinamakan Hutan Paya dan Hutan Bukit. Hutan-hutan paya merupakan yang terdapat di kawasan tanah-tanah rendah yang mudah mengalami perubahan pasang surut air, banjir berpanjangan dan sering ditenggalami oleh air. Kumpulan ini terdiri dari hutan-hutan bakau, paya air tawar, paya gambut seperti yang terdapat di sepanjang Jalan Seria Mumong *By Pass*. Kawasan-kawasan paya gambut tersebut di akhir-akhir ini sering menjadi mangsa pembangunan di mana tanahnya digali

dan kemudian ditinggalkan begitu sahaja tanpa ada sebarang pemuliharaan dan pemeliharaan dilakukan. Dalam pandangan saya aktiviti sebegini menjejaskan ekosistem biologi hutan Negara Brunei Darussalam. Soalan saya ialah:

- 1) Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Jabatan Perhutanan dalam memelihara kawasan-kawasan paya gambut dari dicemari dan dimusnahkan?
- 2) Bangunan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika Sungai Liang yang tersergam indah di Kilometer 4, Jalan Labi yang akan dibuka rasmi pada 23 Mac 2013 ini, seperti yang dimaklumkan mempunyai fungsi untuk memelihara hutan tropika kita. Selain menjalankan kaji selidik terhadap hutan tropika dan isi di dalamnya, apakah lagi fungsi-fungsinya yang lain?
- 3) Lori-lori yang membawa kayu-kayu balak dari hutan ke kilang-kilang papan dengan membawa muatan yang berlebihan dari yang dihadkan. Bagaimanapun perkara ini tidak dapat dipastikan kerana tidak ada mekanisme yang menentukannya pada masa ini. Ini adalah satu penyebab jalan-jalan di pedalaman menjadi rosak dan menjejaskan keselamatan awam.

Pada pandangan saya, perkara ini patut dipantau dan sering mengadakan pemeriksaan ke atas muatan yang dibawa oleh kenderaan tersebut sebelum mereka keluar ke jalan-jalan besar sepertimana yang diusahakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, di Pos Kawalan Sungai Tujuh baru-baru ini, iaitu jika didapati kenderaan membawa lebih muatan mereka akan diminta untuk mengurangkannya dan

jika didapati kenderaan tersebut masih membawa lebih muatan, kenderaan tersebut tidak akan dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya kita mengalu-alukan inisiatif Jabatan Perhutanan dalam memberigakan Taman Luagan Lalak di Mukim Labi seperti yang disebutkan oleh teman saya sebentar tadi. Beberapa aktiviti telah diusahakan di taman tersebut seperti penanaman pokok-pokok kayu di mana belia-belia dalam Program Khidmat Belia Negara telah pun turut serta membantu ke arah usaha yang berkebjajikan ini.

Pada pandangan saya, taman tersebut boleh dikembangmajukan sebagai sebuah taman destinasi pelancongan, melalui usaha sama antara pelabur dalam Negara mahupun dari luar negara, kerana taman tersebut dilihat mempunyai potensi sebagai industri pelancongan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya apa yang saya akan katakan ini mempunyai persamaan dengan apa yang dijelaskan oleh teman sejawat tadi mengenai dengan kesan-kesan pengorekan tanah pasir bagi pembangunan di Daerah Belait.

Saya pernah mengusulkan dan berpendapat supaya tasik-tasik ataupun luagan-luagan dari kesan pengorekan tanah tersebut akan dapat dilepaskan ikan-ikan yang bersesuaian. Akan tetapi mengikut penerangan daripada Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan, air di kawasan tersebut tidak sesuai untuk dilepaskan ikan. Saya memohonkan supaya akan dapat difikirkan, apakah kesesuaiannya bekas-bekas korekan tanah ataupun luagan-luagan tersebut untuk masa depan Negara kita. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualakum Warahmatulahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya ingin menyentuh mengenai sejenis pokok sicut ataupun dikenali pokok sabal yang tumbuhnya di kawasan hutan simpan Daerah Brunei, Tutong dan Belait. Buah sicut ataupun buah sabal ialah sejenis buah yang dihasilkan atau dikeluarkan oleh pokok sicut. Buah sicut pada masa ini sangat berharga dan tinggi nilainya. Pada pasaran semasa, harga sebiji ialah 50 sen. Buah sicut kebanyakannya didapati dalam kawasan hutan simpan Daerah Belait dan Tutong.

Saya telah dimaklumkan bahawa untuk mendapatkan buah sicut ataupun sabal ini, pengutip atau orang yang memunggut buah ini akan menebang pokok-pokok sicut itu untuk mendapatkan buahnya. Jadi persoalannya, adakah pihak Jabatan Perhutanan mengawal atau mengawasi mereka-mereka yang mengutip buah sicut ini? Kerana dikhuatiri jika tidak ada kawalan mungkin satu masa nanti pokok-pokok sicut ini akan pupus dan generasi yang akan datang tidak akan mengetahui

akan pokok sicut ini yang mana menjadi kegemaran penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum saya menjawab soalan-soalan mengenai dengan Jabatan Perhutanan, saya minta maaf ada satu soalan yang ditimbulkan pada hari Sabtu yang lepas daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee mengenai dengan Lot Sengkuang. Saya fikir ada baiknya dijawab semasa membincangkan Tajuk Jabatan Pertanian dan Agrimakanan nanti kerana isu yang ditimbulkan adalah mengenai dengan Jabatan berkenaan.

Oleh itu saya meminta izin daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee untuk menjawab soalan mengenai dengan Lot Sengkuang sewaktu kita membincangkan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Mengenai dengan beberapa perkara yang ditimbulkan dalam Jabatan Perhutanan. Saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim iaitu berkenaan pemeliharaan hutan-hutan di Negara Brunei Darussalam khususnya mengenai dengan perkembangan di Sungai Liang yang mana telah pun ditubuhkan 21 tahun lalu.

Di Sungai Liang ini banyak melibatkan beberapa kegiatan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Satu kawasan telah dikenal pasti bagi perawatan untuk merawat hutan dalam 11,000 hektar dan juga ada beberapa kawasan telah dikenal

pasti sebagai kawasan *plantation forestry* iaitu sejenis hutan yang akan mengamalkan kaedah bertanam secara langsung dan spesies-spesiesnya adalah dipilih yang mana jangka kematangannya adalah jangka pendek dan boleh dipotong dalam jangka waktu pendek tersebut.

Ini lebih mapan (*sustainable*) daripada menggunakan hutan-hutan primer (*pristine*). Dalam kawasan itu, satu kawasan juga telah dikenal pasti untuk mengadakan kawasan *plantation forest*.

Mengenai dengan perkembangan kegiatan-kegiatan tersebut, dalam usaha untuk mengadakan rawatan biji-bijian, pohon-pohon detrokup ataupun pohon damar, nurseri di Sungai Liang pada masa ini telah pun dapat menyediakan dalam 300,000 anak-anak pohon untuk ditanam balik. Usaha-usaha juga dilakukan dengan mengutip anak-anak pohon pada musim pembungaan dalam 2 tahun yang lalu. Jabatan Perhutanan telah dapat menambahkan anak-anak pohon itu dan dipindah ke satu nurseri di dalam kawasan Sungai Liang.

Apabila keperluan untuk menanam balik pohon-pohon seperti pohon meranti ataupun detrokup, maka anak-anak pohon ini akan digunakan. Ini adalah salah satu dasar yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian apabila sebarang pembalakan dilakukan. Pembalakan kayu-kayu yang telah dikenal pasti akan mengikut keadaan saiz *groove*, ertinya disukat berapa diameter. Kalau kurang tidak dibenarkan untuk dipotong, tetapi kalau sudah lebih, ianya akan ditanda untuk dipotong. Semasa pemotongan itu dibuat hendaklah dipastikan satu pohon dipotong, dimestikan ditanam empat pohon. Ini adalah untuk memastikan ia dapat hidup

lebih lama ataupun *survival ratenya* lebih tinggi.

Kita telah dapat mengumpulkan dalam 300,000 anak-anak pohon dan insya-Allah anak-anak pohon ini akan digunakan untuk penanaman balik tempat-tempat yang telah dibalak.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim seterusnya ialah mengenai berapa jumlahkah syarikat-syarikat pembalakan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam? Sejauh ini dalam kiraan Jabatan Perhutanan, terdapat 24 buah syarikat pembalakan. Jabatan Perhutanan menghadkan jumlah pengeluaran tidak melebihi 100,000 meter padu setahun dan dihadkan kepada saiz pohon tersebut iaitu jika *girth circumference* melebihi daripada yang ditentukan maka ianya boleh dipotong. Jika sebaliknya, ianya tidak akan dipotong.

Bagi memenuhi keperluan-keperluan asas Negara bagi bahan kayu-kayan yang mana dianggarkan dalam 100,000 metrik padu, seperti yang saya sebutkan tadi, ini adalah satu cara yang diamalkan. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada masa ini memikirkan supaya tidak lagi menebang hutan-hutan yang primer ini tetapi akan menggunakan hutan-hutan yang ditanam secara *plantation*.

Sebab itu Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan memperkayakan hutan-hutan yang ditanam secara *plantation*, teratur dan lebih efisien cara penanamannya dan pemotongannya supaya hutan-hutan yang primer ini tidak dirosakkan kerana pohon-pohonnya mengambil masa selama beratus tahun untuk hidup. Oleh kerana

itu kita tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil dan membersihkan hutan tersebut.

Pendekatan baru yang telah dilakukan oleh Jabatan Perhutanan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ialah memindahkan pembalok-pembalok yang pada masa ini mempunyai *concession* daripada memotong atau mengambil kayu-kayu dalam hutan primer tetapi dipindahkan ke hutan-hutan *plantation*. Perkara ini adalah dalam proses memberigakan kepada pembalok-pembalok tersebut sebab mereka sudah lama memegang *concession* ini. Sebelum Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengambil tindakan untuk mengurangkan pemotongan kayu balak daripada hutan-hutan yang masih *pristine* dan primer itu kita terpaksa menyiapkan kawasan-kawasan hutan yang digunakan untuk *plantation forest*.

Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim juga ada mencadangkan untuk diadakan Taman Hutan yang mempunyai kekayaan hutan-hutan seperti herba dan sebagainya. Ini adalah merupakan satu cadangan yang memang dialu-alukan dan akan dinilai kesesuaiannya dan tempatnya. Di samping itu Jabatan Perhutanan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada masa ini juga mengadakan penilaian secara mengutip *baseline data* mengenai dengan kekayaan hutan-hutan di Negara Brunei Darussalam ini, terutama bentuk-bentuk hutan, jenis-jenis herba dan sebagainya bagi membolehkan kita menggunakan hutan-hutan tersebut untuk dikomersialkan. Cadangan ini sangat dialu-alukan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim dan saya akui

bahawa di kawasan Kampung Putat memang ada satu Taman Herba yang berpotensi dan menunjukkan kemajuan.

Mengenai Luagan Lalak pula, ianya adalah satu kawasan yang baru dibuka dua tahun yang lalu semasa sambutan Hari Perhutanan Sedunia. Memang ini merupakan satu destinasi pelancongan bagi Negara Brunei Darussalam bukan sahaja bagi Daerah Belait. Sebuah jambatan juga telah pun dibina untuk merentas ke Luagan Lalak ini.

Mengenai cadangan supaya diadakan satu tempat penginapan yang berasaskan kayu, jika ada kesesuaiannya, pihak yang ingin memajukan tempat-tempat penginapan adalah dialu-alukan. Jabatan Perhutanan memang memberikan kemudahan sekiranya ada pihak swasta yang ingin mengadakannya. Seperti di Daerah Temburong yang mana perkara tersebut pada masa ini telah dijalankan oleh pihak swasta.

Seperti dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi kawasan Luagan Lalak ini memang ada disediakan tempat riadah, kawasan untuk meletakkan kereta dan sebagainya. Ini merupakan peluang untuk memberigakan kemudahan yang terdapat di kawasan Luagan Lalak ini. Orang ramai berpeluang untuk mengadakan riadah ataupun bercuti hujung minggu di kawasan ini. Ini adalah salah satu daripada produk yang akan digalakkan untuk dimajukan bagi menarik pelancong-pelancong dari luar negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim juga ada menyebutkan tentang keselamatan hutan-hutan. Memang pengawalan secara berterusan diadakan dan dalam beberapa tahun ini usaha

untuk menambah kakitangan juga telah dipohonkan. Walau macamanapun, kita mestilah prihatin tentang keperluan-keperluan kewangan yang mungkin belum mengizinkan untuk menambah kakitangan terutama kakitangan perhutanan.

Di samping itu, usaha-usaha untuk mengawal kawasan-kawasan hutan ini bukan saja dilakukan oleh Jabatan Perhutanan tetapi juga mengadakan operasi bersama dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Saya beralih kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan kedudukan bekas tapak kuari di Daerah Temburong yang dicadangkan supaya ditanam dengan pokok-pokok yang berbentuk komersial. Perkara ini adalah diambil maklum dan ini adalah satu cadangan yang baik.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga ada memikirkan kawasan kuari tersebut untuk dibaikpulih. Jabatan Perhutanan akan meneliti keperluan ini dan memberikan bantuan yang berpatutan dengan mengadakan perundingan dengan Kementerian Pembangunan dan juga kementerian-kementerian lain di dalam Kerajaan untuk mencari cara yang sesuai untuk menanam pohon-pohon di kawasan tersebut di mana Jabatan Perhutanan akan mengenal pasti pohon-pohon yang sesuai dan akan memberi bantuan yang berpatutan.

Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit menimbulkan mengenai dengan pengambilan kayu balak yang menyebabkan kayu-kayu kecil musnah.

Apakah tindakan Jabatan Perhutanan bagi mengawal perkara tersebut dan apakah sukat-sukat pembalakan itu, telah pun dijawab.

Mengenai dengan apakah tindakan Jabatan Perhutanan tentang kerosakan-kerosakan yang telah dilakukan, seperti yang saya sebutkan tadi tanah kawasan tersebut yang diberi *concession* itu adalah di bawah pengawalan Jabatan Perhutanan dan jalan-jalan yang dibuka itu bukanlah jalan daerah, itu jalan pembalakan. Tanggungjawab tersebut adalah di bawah pemegang lesen ataupun pemegang *concession* tersebut. Jalan-jalan tersebut telah digunakan untuk jalan daerah dan ia merupakan sebagai satu khidmat tambahan kepada kawasan pedalaman untuk membuka jalan raya. Jabatan Perhutanan juga mengadakan beberapa pengawasan di kawasan-kawasan pembalakan tersebut terutamanya tentang hakisan-hakisan bukit dan tanaman-tanaman dan juga memastikan setelah pohon-pohon tersebut diambil, pohon-pohon yang ditanam itu akan tumbuh ataupun subur. Sekiranya tidak subur perundingan akan dibuat bersama pembalok atau pemegang lesen. Dalam hal ini, pengawalan yang ketat mestilah dilakukan.

Yang Berhormat Tuan Haji Ramli juga mencadangkan kekerapan rondaan iaitu mengadakan renjer hutan dan juga menghadkan jangka masa pemetongan hutan dan sebagainya diambil maklum dan dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pula menyentuh mengenai dengan hutan yang secara ringkasnya disebutkan dua jenis hutan. Sebenarnya kita mempunyai lebih banyak jenis hutan

lagi tetapi mengikut Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee ada dua jenis paras ketinggian hutan iaitu paras ketinggian paya dan ketinggian bukit. Bagaimanapun kalau dilihat memang banyak lagi jenis hutan di Negara Brunei Darussalam ini mengikut ketinggian dari segi bentuk dan spesis-spesisnya.

Tentang penggunaan paya gambut atau *peat swamp* sekiranya hutan-hutan ataupun paya gambut ini diganggu hidrologinya ertinya penyerapan air dan juga pengaliran air itu dimusnahkan, ia akan banyak mengakibatkan kerosakan-kerosakan dan banjir di hiliran sungai. kebanyakan banjir yang berlaku bukan saja di Negara ini tetapi juga di negara jiran ialah berpunca dari gangguan ataupun kerosakan hutan-hutan ataupun paya gambut.

Jabatan Perhutanan juga memastikan supaya paya gambut ini tidak diganggu. Usaha pada masa ini ialah untuk mempelajari cara mengembalikan semula kehidupan hutan paya gambut ini melalui kerjasama dengan beberapa kerajaan seperti Republik Indonesia yang telah dapat memulihkan paya gambut di Kalimantan dan sebagainya. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengelakkan daripada menggunakan tanah-tanah ataupun kawasan-kawasan paya gambut seperti beberapa kawasan di Ulu Tutong dan Ulu Belait untuk kegiatan-kegiatan pengeluaran beras yang mana adalah keperluan asas, apatah lagi untuk kegunaan bukan penting.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee ada menyebutkan tentang *Tropical Biodiversity Centre (TBC)* yang akan dibukakan tidak lama lagi dalam hujung minggu ini. Ia telah pun siap

sebenarnya di bawah projek RKN Ke-10 dan beberapa kegiatan telah pun dilakukan di sana. Kegiatan utama ialah mengenai penyelidikan dan perkembangan terutamanya tentang kehidupan *forest microbes* ataupun *microbes* yang terdapat di hutan-hutan Negara Brunei Darussalam. Ia juga bertujuan untuk mengajar ataupun memberi pengajaran kepada orang ramai tentang kekayaan dan pentingnya hutan-hutan untuk diselamatkan dan diusahakan. Selain mengadakan penyelidikan dan sebagainya, ianya juga dijadikan kegiatan pembelajaran dan juga menyimpan beberapa maklumat-maklumat mengenai dengan kekayaan hutan di Negara Brunei Darussalam.

Ini secara tidak langsung boleh digunakan untuk menarik pelancong-pelancong terutamanya pelancong-pelancong yang lebih mementingkan alam sekitar ataupun yang digelar *ethical visitor* yang mencintai alam sekitar, hutan dan sebagainya. Ini adalah satu peluang bagi mereka untuk mengenal pasti bentuk-bentuk hutan dan bentuk-bentuk kehidupan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, sebab dalam kawasan *Tropical Biodiversity Centre* tersebut memang sudah ada satu *herbarium* yang dipunyai oleh Jabatan Perhutanan, dan satu pusat data bagi menyimpan jenis-jenis pokok di Negara Brunei Darussalam untuk disatukan di dalam kawasan tersebut. Selain itu ianya adalah satu peluang bukan saja untuk Jabatan Perhutanan mengumpulkan maklumat tetapi juga untuk kegunaan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini mengetahui lebih lanjut mengenai dengan kekayaan hutan di Negara Brunei Darussalam. Tentang Luagan Lalak, seperti yang saya jawab sebentar tadi Luagan Lalak itu memang



telah dikenal pasti dan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee mencadangkan kalau dapat dikembangkan secara usaha sama. Sekiranya ada pihak swasta berkeinginan untuk memajukan secara usaha sama, usaha sedemikian memang digalakkan dan boleh dipertimbangkan.

Soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin mengenai dengan tanah pasir di Kuala Belait. Jika kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan-kawasan tanah kerajaan, maka ianya adalah di bawah pengawalan kawasan tanah (TOL). Walau bagaimanapun, jika sekiranya melibatkan penanaman, Jabatan Perhutanan boleh membantu dan berusaha untuk menghidupkannya semula. Seperti juga dengan apa yang telah berlaku di hutan Benutan, satu masa dahulu kawasan hutan Benutan tersebut dikenal pasti sebagai satu kawasan yang telah dibalok secara berlebihan (*over logging*). Bagaimanapun kita telah menghidupkan balik kawasan hutan Benutan untuk *re-forestation*. Jadi kawasan-kawasan tanah pasir tersebut sekiranya sesuai, boleh diperkayakan dan dihidupkan.

Yang paling saya susah untuk menjawab ialah soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, mengenai dengan pokok sicut. Saya sendiri pun belum pernah melihat pokok buah sicut ini, tetapi yang pastinya kalau sekiranya ada orang didapati mengambil pokok buah sicut di dalam kawasan hutan simpanan, maka ianya adalah menyalahi Undang-Undang Perhutanan. Saya sendiri selaku Menteri pun tidak boleh memotongnya tanpa kebenaran Pengarahnya kerana ianya adalah bidang kuasa Pengarah Perhutanan. Kalau sekiranya didapati ada

orang yang memotong pohon buah sicut ataupun sabal, ianya memang dianggap menyalahi undang-undang.

Tetapi jika sekiranya pohon buah-buahan diambil, ianya adalah digalakkan dan cara yang paling baik ialah kalau dapat ianya dimajukan dan diambil pohon sicut itu dijadikan satu pohon untuk di *propagate* ataupun *cultivate* supaya ia diperkayakan dan lebih teratur pengambilannya. Bagi pengutipannya, kalau sekiranya berlaku pada masa ini, orang-orang kampung dibenarkan saja untuk mengambilnya. Tetapi kalau memotong pohonnya, mesti ada kebenaran daripada Pengarah Perhutanan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Tuan Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kerana ada keraguan dan kurang maklumat mengenai pokok buah sicut ini, saya ingin menambah bahawa Pokok sicut ini biasanya tumbuh di hutan, walaupun ditanam oleh orang-orang kampung ianya tidaklah begitu subur contohnya ada orang-orang kampung yang pernah menanam di sebelah Kampung Bukit mengambil masa belasan tahun untuk berbuah.

Pada tahun lepas, hasil buah sicut boleh dikatakan lumayan. Kebanyakan orang-orang yang mengusahakannya akan mendapat laba yang banyak. Tetapi apa yang dikhuatiri ialah sikap menebang pokok-pokok yang tidak diketahui oleh Jabatan Perhutanan. Sebab hutan simpanan di Daerah Belait dan Tutong ini

adalah besar, luas dan begitu susah untuk dikawal, maka ada orang-orang yang mengambil kesempatan dengan menebang pokok-pokok tersebut yang tingginya sampai 30 ke-40 kaki.

Untuk mendapatkan buahnya pula ialah dengan cara menebang dan menggunakan *chainsaw*. Jadi perkara ini perlu diambil perhatian untuk generasi yang akan datang. Jika dibiarkan kegiatan ini setiap kali ianya bebuah maka setiap tahun ianya akan ditebang dan lama kelamaan akan pupus, sekian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, ada soalan tambahan, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi bukannya soalan tambahan cuma mengingatkan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, satu soalan saya belum dijawab iaitu lori-lori yang membawa kayu balak. Apakah rancangan dan tindakan kepada lori-lori yang membawa lebih muatan itu? Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam perkara ini, kalau berlaku di kawasan-kawasan ladang, ia dipastikan tidak melanggar pemberian lesen.

Walau bagaimanapun perkara ini akan dirundingkan dan akan dibuat permuzakarahannya bersama Jabatan Pengangkutan Darat bagi memastikan sekiranya perkara ini berlaku di dalam hutan, maka mereka mestilah memenuhi

syarat tetapi apabila keluar dari kawasannya itu, mestilah juga memenuhi syarat penggunaan jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Sekiranya perkara ini berlaku maka perundingan akan diadakan dan saya akan mengarahkan Jabatan Perhutanan untuk memastikan walaupun ia sudah memenuhi syarat di dalam kawasan-kawasan *concession* tetapi apabila melimpasi dan menggunakan kawasan-kawasan jalan raya besar mestilah memenuhi keperluan-keperluan keselamatan dan juga Undang-Undang Jalan Raya di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis II:** Tajuk SH02A - Jabatan Perhutanan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan ada baiknya dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada bulan Disember 2012 proses pelbagai kegunaan sumber marin dan pusat bisnes, kalau tidak silap kira-kira 30 juta loji memproses makanan laut telah beroperasi sepenuhnya. Kemudahan ini adalah hasil usaha sama di antara *Semaun Holdings*

*Sdn. Bhd. Resources* dengan *Golden Cooperation* sebuah syarikat pelaburan.

Teknik inovasi industri di pusat pemprosesan ini melihat ikan yang tidak dapat dipasarkan kepada pengguna diproses dan dijadikan sebagai produk nilai tambah seperti *Surimi Fish Ball*, yang mana sebelumnya nelayan-nelayan membuang ikan-ikan tersebut di antara 400 ke-500 kilogram bagi setiap tangkapan.

Pada bulan Oktober 2012, Duta Korea Selatan ke Negara Brunei Darussalam melalui temuramah beliau di media tempatan mengatakan Negara Brunei Darussalam mempunyai potensi dalam pemprosesan makanan laut dan patut meneroka ke arah bekerjasama di antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan pelabur-pelabur dari Korea Selatan. Sebulan kemudian pegawai kerajaan dari Korea Selatan telah membuat lawatan ke Brunei dan mengatakan peluang-peluang pelaburan di Brunei masih belum ditembusi, terutamanya di bidang pembinaan pelancongan dan pembuatan makanan.

Dalam hubungan ini, apakah pandangan Jabatan Perikanan mengenai dengan komen-komen yang saya sebutkan di atas tadi? Pada pandangan saya, peluang sebegini akan memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan sekaligus akan dapat meningkatkan hasil pendapatan negara.

Seterusnya perusahaan ternakan ikan yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh Negara, di mana terdapat beberapa buah syarikat mengusahakan projek-projek ternakan ikan air tawar berskala kecil dan

sederhana sama ada dalam kolam, sangkar ataupun menggunakan kontena. Tidak semua pengusaha ternakan ikan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ini mempunyai pengalaman, kemahiran ataupun modal yang cukup untuk mengendalikan projek tersebut. Tidak dinafikan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah masing-masing, ada membantu dengan peruntukan yang disediakan.

Walau bagaimanapun, bantuan kepakaran cara-cara memelihara ikan yang lebih sempurna dan mendapatkan benih-benih anak ikan menjadi faktor utama kegagalan sesetengah projek tersebut. Bagaimana caranya, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung boleh mendapatkan bantuan tersebut dari Jabatan Perikanan secara berterusan? Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin tahu bilakah dijangka perusahaan perikanan di Negara Brunei Darussalam ini di tahap sara diri? Pada masa ini, kita banyak bergantung kepada import. Sekurang-kurangnya kita boleh mengadakan perusahaan perikanan di Negara Brunei Darussalam dalam 70%. Oleh yang demikian, saya ingin tahu bilakah kita dapat di tahap sara diri?, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perikanan kerana berjaya menternak jenis udang harimau di Kolam Udag Sungai Paku, Mukim Telisai yang mana ianya merupakan suatu perkembangan terbaru kerana benihnya dihasilkan sendiri oleh Jabatan Perikanan dan pada tahun lepas telah pun berjaya mengeluarkan tuaian pertama yang sangat memberangsangkan.

Begitu juga ternakan ikan sangkar di sungai-sungai telah pun berkembang, ini terbukti dengan wujudnya banyak pengusaha-pengusaha dalam ternakan ini. Adalah jelas Jabatan Perikanan mempunyai kepakaran dalam membantu pengusaha-pengusaha ini. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu:

- 1) Selain daripada kepakaran ternakan udang dan sangkar ikan di sungai, apakah kepakaran ternakan-ternakan lain yang khusus di sungai atau laut yang boleh membantu pengusaha-pengusaha ternakan berkenaan?; dan
- 2) Penurunan populasi spesies penyu semakin ketara sejak kebelakangan ini apabila dilihat daripada kurangnya pendaratan penyu ke pantai-pantai Negara ini. Anak-anak penyu yang baru menetas menghadapi ancaman kematian sebelum sempat membesar oleh pemangsa seperti ketam, biawak, burung-burung, ikan dan pengambilan telur penyu secara haram untuk dimakan. Pencemaran dan pembangunan pantai, penggunaan peralatan perikanan yang memudaratkan habitat penyu dan

dengan kata lain populasi penyu hampir pupus disebabkan oleh aktiviti manusia sendiri. Maka di Negara kita, orang ramai dan lain-lain agensi terutama Jabatan Perikanan merupakan badan yang paling bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

Oleh yang demikian saya mengucapkan tahniah kepada Unit Pemeliharaan Penyu, Jabatan Perikanan kerana telah mengusahakan berbagai program dan aktiviti di antaranya, Program Kajian dan Penyelidikan, mengadakan undang-undang, aktiviti pemeliharaan anak penyu dan juga mengadakan kempen-kempen kesedaran.

Soalan saya:

- 1) Adakah undang-undang dan akta yang sudah ada mencukupi untuk membentasi kegiatan haram terhadap kepupusan populasi penyu? Jika tidak ada, adakah perlu membuat langkah pindaan undang-undang?
- 2) Adakah pelaksanaan menyeluruh telah dibuat oleh pegawai-pegawai penguat kuasa berdasarkan undang-undang yang sedia ada? Kerana walaupun undang-undang ada tetapi tanpa pelaksanaan menyeluruh maka ianya akan tinggal harapan; dan
- 3) Sejauh manakah pencapaian kajian-kajian dan penyelidikan selama ini termasuk pencapaian Program Pelepasan Anak Penyu Ke Laut dan aktiviti kempen kesedaran?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Saya ingin menyentuh mengenai penurunan perahu bagi nelayan-nelayan di Daerah Tutong. Sehingga pada masa ini, masalah tempat penurunan perahu bagi nelayan-nelayan Sungai Tutong belum ada penentuannya, sama ada tempat penurunan perahu mereka tersebut dalam keadaan selesa dan selamat yang diawasi dan dibenarkan oleh Jabatan Perikanan. Mengikut sumber yang diketahui bahawa peruntukan untuk projek tersebut telah pun disediakan oleh Jabatan berkenaan. Nelayan-nelayan di kawasan berkenaan amat gembira mendapat khabar tersebut dan mengucapkan berbilang-banyak terima kepada jabatan berkenaan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Pengerusi, nelayan-nelayan berkenaan ingin tahu bilakah pengkalan penurunan perahu tersebut dapat dibuat? Mereka juga berharap supaya masalah mereka akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih sekali lagi Yang

Berhormat Pengerusi. Kaola di sini tidak banyak bercakap cuma sedikit sahaja.

Sumber ikan dan makanan laut telah dapat sedikit sebanyak menyumbang kepada keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sepertimana persoalan rakan kaola Ahli Yang Berhormat tadi. Pada Majlis Pembukaan Rasmi Hari Peladang dan Nelayan, Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menyatakan bahawasanya 86% sumber-sumber ikan dan makanan laut telah dapat dipenuhi.

Oleh yang demikian, ada beberapa faktor yang telah menyumbang kepada pengeluaran ini. Peluang telah dibukakan bagi pengusaha-pengusaha penternak ikan dan mendapat sokongan berterusan daripada Jabatan Perikanan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Ada 2 isu yang saya ingin bangkitkan:

- 1) Kemudahan bagi mendapatkan tapak bagi penternakan ataupun perancangan untuk mencari lokasi baru seperti di beberapa kawasan umpamanya di Mukim Lumapas, terdapat beberapa kawasan yang dikenal pasti bagi pertumbuhan penternakan ikan dan udang seperti di Kampung Kasat dan Kampung Putat; dan
- 2) Penyambungan lesen bagi industri ini terdapat sungutan-sungutan daripada orang ramai bahawasanya mereka lambat menerima keputusan daripada pihak yang berkenaan. Oleh yang demikian, dipohonkan perkara ini akan dapat diambil perhatian dan mendapat sokongan yang berterusan.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sepertimana difahamkan bahawa Jabatan Perikanan telah membekukan lesen untuk menangkap ikan di kawasan air cetek iaitu di persisiran pantai di antara 0 hingga ke-3 batu bagi kawasan 1 dan 2. Ada sebahagian pemohon tidak diberi lesen dengan alasan lesen tersebut telah dibekukan. Perkara ini telah menimbulkan beberapa sungutan daripada anak-anak buah kampung yang berkeinginan untuk menangkap ikan secara sambil-sambilan.

Dalam hubungan ini saya mencadangkan supaya Jabatan Perikanan akan dapat mengambil langkah atau seterusnya mempertimbangkan semula untuk memberi kebenaran ataupun permit sama ada jangka pendek atau panjang contohnya bagi tempoh yang terhad selama 1 bulan kepada pemohon-pemohon. Ini adalah untuk membolehkan mereka menangkap ikan di kawasan-kawasan yang disebutkan sekaligus bagi mengelakkan mereka itu melakukan kegiatan-kegiatan menangkap ikan tanpa kebenaran dan melanggar undang-undang ataupun peraturan-peraturan Akta Perikanan.

Mengenai dengan takat-takat tiruan, adakah usaha yang pernah dilakukan oleh Jabatan Perikanan akan diteruskan dan apakah perkembangan takat-takat yang telah dibuat pada tahun-tahun lepas dari

segi kemajuan ataupun hasil yang tercapai terhadap usaha-usaha tersebut.

Mengenai dengan peraturan penurunan perahu di Kuala Belait yang pernah saya utarakan pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, saya ingin mengetahui apakah kedudukan ataupun perkembangannya yang telah tercapai pada masa ini? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai dengan satu projek usaha sama antara *Semaun Holdings Sdn. Bhd.* dengan *Golden Corperation*, usaha ini nampaknya menarik minat dan peluang-peluang peniagaan dan perusahaan. Usaha sama ini berbentuk *integrated*, menyediakan *feed meal* kepada *marketing* dilakukan oleh satu badan ataupun satu usaha sama bagi mengurangkan risiko-risiko dan kos. Mudahan ianya akan berjaya.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji. Mohd Shafiee bahawa ikan-ikan yang tidak digunakan kerana tidak mempunyai *commercial value* telah diambil oleh syarikat ini untuk diproses menjadikan bahan dikenali dengan *Fish Paste Surimi*. Pada masa ini ikan-ikan buangan ini yang dahulu tidak bernilai sekarang sudah mempunyai nilai. Yang menjadi masalah sekarang ini adalah orang-orang yang mempunyai ladang persendirian tidak memperolehi ikan-ikan buangan untuk dijadikan bahan makanan

sebab diambil terus oleh syarikat usaha sama ini dengan nilai yang lebih tinggi.

Jadi itulah satu kegiatan *value adding* dengan kesan-kesan *spin-off* dalam perindustrian perikanan Negara Brunei Darussalam.

Seperti yang ditanyakan tadi mengenai kerjasama dengan Korea, memang ianya berterusan. Usaha telah pun dikenal pasti dengan mengadakan perundingan malahan ada satu kawasan di Serasa telah pun dikenal pasti sebagai satu kawasan *hub* untuk memproses keperluan-keperluan yang disebutkan untuk pasaran di Negara Korea dan banyak lagi telah dilaporkan tentang usaha sama dengan syarikat-syarikat Korea ini. Malahan ada juga usaha untuk membeli atau mengeksport udang Menadon daripada Negara Brunei Darussalam ke Korea melalui satu syarikat tempatan yang menjadi rakan kongsi dengan syarikat-syarikat di Korea.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, perkara ini masih dalam pemantauan dan digalakkan oleh Duta Korea sendiri yang mungkin berminat juga untuk memastikan bahawa projek ini berjalan. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bukan sahaja ingin memastikan projek ini berjalan dengan lancar tetapi juga lebih teratur dan berpanjangan.

Mengenai dengan perusahaan ikan air tawar bagi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana pula, anak-anak ikan ataupun benih-benih ikan itu boleh didapatkan daripada pusat-pusat penetasan anak-anak ikan di Serasa ataupun di mana-mana di Jabatan Perikanan jika ada pengeluaran anak-anak ikan. Mengeluarkan hasil anak-anak ikan yang banyak adalah merupakan satu

cabaran kita pada masa ini. Dari itu saya mensyorkan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana supaya mereka sendiri berusaha sebagai pengusaha pengeluar anak-anak ikan, bukannya pengeluar ikan besar.

Ertinya mereka akan menghadkan risiko-risiko mereka kepada beberapa bulan sahaja selepas itu anak-anak ikan itu dapat dijual kepada pengusaha-pengusaha yang akan membesarkannya. Bisnes ini mengambil masa yang paling pendek dan seterusnya orang-orang yang akan membesarkan itu mengambil risiko pembesaran dan sebagainya.

Kalau sekiranya pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana mengenal pasti *segmentation* ini iaitu *segmentation* dalam pengeluaran ikan, pengeluaran benih ataupun pengeluaran anak ikan itu adalah satu perusahaan juga dan risikonya rendah tetapi pulangnya tinggi. Saya menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana menumpukan usaha dan kewangan mereka untuk menubuhkan pusat-pusat penetasan atau *hatchery* untuk mengeluarkan benih-benih ikan.

Pada masa ini pengeluaran benih-benih ikan ini berkurangan. Ini bererti keperluan itu lebih tinggi daripada pembekalan, di mana harganya adalah lebih tinggi. Daripada menunggu anak-anak ikan itu datang daripada pusat-pusat penetasan Kerajaan dan tidak tahu apa kualiti benih-benih ikan itu, adalah lebih baik pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini menumpukan usaha-usaha untuk mengeluarkan anak-anak ikan dan benih-benih ikan yang mana mengambil masa barangkali dalam paling panjang pun setengah tahun dan selepas itu dijual

kepada penternak ikan yang akan membesarkan anak-anak ikan tersebut.

Oleh itu, kalau dapat digalakkan pengusaha-pengusaha ini supaya terlibat sama dan kalau sekiranya perlu untuk menyiapkan makanan ikan, sebagai satu perusahaan juga. Perusahaan pengeluaran ikan itu boleh dipecah (*segment*) daripada penyediaan makanan kepada penyediaan benih-benihnya ataupun digelarkan *PL Post Larvae* yang bersaiz dalam 16 milimeter ataupun 2 cm. Itu sudah cukup untuk menjadikan bisnes. Itulah seruan saya kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit pula ada menyatakan tentang bilakah kita akan mencapai sara diri dalam perusahaan ikan. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi 86% pada masa ini belum mencukupi 100%; tetapi 86% itu belum memuaskan lagi. Kalau dapat kita akan mengeluarkan lebih daripada 100% sebab keadaan pasaran dan keadaan pengeluaran ikan ini adalah bermusim dan mengikut keadaan cuaca. Kalau dapat dilebihkan daripada 100% bagi membolehkan lebihnya itu diproses untuk dijadikan nilai tambah dan sebagainya.

Saya belum dapat menjanjikan bilakah kita dapat 100% hidup sara diri tetapi saya boleh laporan bahawa pada masa ini kita telah dapat mengeluarkan 86% hasil ikan dalam negara.

Yang Berhormat Tuan Haji Ramli pula menyebutkan tentang sejenis udang harimau (*tiger prawn*) yang telah dihasilkan oleh Negara Brunei Darussalam. Memang udang harimau ini adalah satu spesies yang telah pun dibuat kajian dan telah pun dihasilkan melalui percubaan

dan sebagainya. Udang ini adalah bebas daripada jangkitan penyakit atau pun dipanggilkan *Specific Pathogen Free (SPF)*. Pada suatu masa dulu pengeluaran udang harimau telah terjejas disebabkan oleh kejangkitan *pathogen*. Ini telah mengakibatkan udang-udang harimau tidak membesar dengan cepat dan akan melibatkan kos yang paling tinggi untuk menghasilkannya.

Jadi dengan adanya spesies *Specific Pathogen Free Conversion Rate* akan menambahkan badannya lebih daripada satu kilo. Kalau sekiranya ia satu kilo dimakan beratnya setengah kilo sahaja adalah tidak menguntungkan.

Bagi Jabatan Perikanan, kalau boleh, *conversion rate* itu lebih daripada apa yang dimakannya bagi mengurangkan kos pemeliharaan dan pembuatan. Dengan adanya jenis *Specific Free Pathogen* ini, kita telah dapat mengatasi masalah-masalah penyakit yang menyebabkan ia tidak berapa mengembang atau pun tidak berapa baik pembiakannya.

Jadi perkara ini telah pun dimajukan di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama satu syarikat di Amerika Syarikat yang mana mempunyai hak milik atau pun *copyright*. Minta maaf kalau saya menggunakan perkataan *animal*. Kerana Jabatan Perikanan, *spesies animal* ini walaupun bentuknya *special animal* ianya bebas daripada *Specific Pathogen*.

Perkara lain yang kita lakukan di samping usaha sama dengan Institusi Penyelidikan di Amerika Syarikat ini, ialah menggunakan kerjasama dengan beberapa agensi di luar negara terutama tentang pengolahan bahan makanan yang lebih tahan.



Ini memerlukan kepakaran mengolah bahan makan itu bagi memastikan apa yang dimasukkan ke dalam makanan itu adalah barang-barang yang tidak ditegah. Misalnya protein-protein yang ditegah seperti daripada darah dan sebagainya.

Beredar kepada soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli mengenai dengan spesies penyu. Memang sudah ada undang-undang tentang penguatkuasaan perkara ini. Penyu yang kita kenal pasti itu tidak boleh diperdagangkan tanpa ada kebenaran atau pun lesen dan dikawal secara ketat. Ada beberapa jenis penyu dan usaha pada masa ini bukan hanya untuk menguatkan undang-undang tersebut tetapi juga usaha untuk menambahkan jenis-jenis spesies yang perlu diselamatkan dan perlu dipertahankan dengan menambah beberapa jenis spesies dalam dalam perintah berkenaan.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai kurang pelaksanaan penguatkuasaan, perkara ini memang diakui. Salah satu daripada kelemahan yang dikenal pasti ialah disebabkan kawasan laut itu terlampau luas dan sebagainya dan Jabatan Perikanan cuma mempunyai beberapa orang kakitangan. Walau bagaimanapun, usaha pada masa ini telah dibuat untuk menambah keupayaan tersebut dengan mengadakan ataupun membeli beberapa perahu penguatkuasaan yang dapat menjangkau kepada kawasan-kawasan melebihi 100 kilometer.

Soalan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat, tentang kawasan-kawasan untuk kemudahan perikanan di Mukim Lumapas, perkara ini akan diambil tindakan oleh Jabatan Perikanan melihat kawasan-

kawasan tersebut sekiranya sesuai untuk dimajukan di kawasan tersebut.

Isu penyambungan lesen memang diakui sebagai masalah yang perlu diatasi. Dulu lesen itu diberikan untuk 3 bulan sahaja, sekarang lesen-lesen tersebut telah diberi 1 tahun. Mudah-mudahan dengan memberi lesen bukan dalam tempoh 3 bulan tetapi dalam diberi tempoh 1 tahun, masalah penyambungan itu akan dapat diselesaikan.

Pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Dulamin mengenai pembekuan lesen-lesen di kawasan-kawasan Zon 1, yang mana adalah di kawasan yang difikirkan air cetek daripada 0 kepada 3 kilometer. Penangkapan ikan dibekukan (*moratorium*), daripada tahun 2008 hingga sekarang. Ini adalah bagi membolehkan anak-anak ikan itu membesar dan memperkayakan lagi kawasan-kawasan perikanan kita. Kawasan-kawasan luar pantai yang di dalam kawasan 0 kepada 3 kilometer itu adalah kawasan penetasan anak-anak ikan, maka jika anak-anak ikan diambil, ianya akan menjejaskan stok ikan. Itulah tujuan mengadakan *moratorium* tersebut.

Seperti yang dicadangkan tadi, saya tidak dapat menjanjikan ianya akan dibukakan dan akan diberi kelonggaran secara pendek sebab jika diberi kelonggaran secara pendek banyak lagi nanti yang akan meminta. Ini adalah bagi kesenangan dan kemudahan rakyat Negara Brunei Darussalam, bukan sahaja bagi nelayan.

Takat-takat tiruan pada masa ini, sebenarnya telah digunakan pada satu waktu dulu akan tetapi ianya telah diberhentikan sebab didapati lebih

menjejaskan kehidupan laut. Akan tetapi kita telah menggunakan seperti besi ataupun bahan-bahan logam, bahan-bahan yang tidak mencemarkan alam sekitar untuk mengadakan takat-takat tiruan. Dulu banyak kegiatan-kegiatan takat tiruan menggunakan tayar-tayar yang sudah usang dan lapok untuk ditanam atau diselamkan di laut tapi sekarang tidak digalakkan lagi.

Di negara lain seperti Malaysia juga tidak lagi menggunakan tayar-tayar lapok dan usang ini untuk takat-takat tiruan. Itu sahaja yang dapat diterangkan Yang Berhormat Pengerusi, kalau ada sekiranya seperti yang saya janjikan, nanti saya akan tambah kemudian, sekian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan diundi, siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara, terima kasih.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim, kita sekarang bersidang semula sebagai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk kita berehat selama 20 minit, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula tapi untuk membolehkan perbincangan Jawatankuasa diteruskan, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung dan masih lagi membincangkan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka sekarang kita beralih kepada Tajuk seterusnya di bawah Kementerian tersebut.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dibuka untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum kita membincangkan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, izinkan saya kalau dapat menerangkan ada dua soalan tadi yang belum dapat dijawab. Satu daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit wakil Daerah Tutong mengenai dengan Program Penetasan Anak Penyu di Pusat Penetasan Penyu. Nampaknya program tersebut belum dapat dicapai disebabkan kekurangan telur-telur penyu. Jadi masalah mendapatkan telur penyu ini disebabkan oleh:

- 1) Pendaratan penyu itu untuk bertelur sudah kurang; dan
- 2) Telur-telurnya telah diambil, dimakan dan dijual.

Jabatan Perikanan memerlukan telur-telur penyu ini untuk ditetas dan untuk dilepaskan. Yang lebih baik kalau dapat sarang-sarangnya itu jangan dikacau. Sebabnya mengikut kaedah-kaedah tertentu, kalau sudah telur penyu itu ditetas dalam keadaan artifisial dalam keadaan yang bukan asli, penyu itu tidak akan dapat hidup secara asli. Oleh yang demikian, kalau dapat jangan dikacau sarang-sarang penyu tersebut bagi membolehkan mereka menetas di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk penetasan telur dan pemeliharaan penyu.

Penurunan perahu di Kuala Belait yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Dulamin, dukacita

setakat ini belum ada perkembangannya disebabkan kawasan tanah yang dikenal pasti itu belum lagi dapat diwartakan. Belum lagi ada proses untuk perwartaan kepada tanah di bawah kawalan Jabatan Perikanan. Itu saja yang saya sebutkan mengenai perkara yang belum berjawab.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Perkara pertama ialah mengenai keselamatan daging yang diimport ke Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam telah pun mengimport daging halal dari Australia dan bertambahnya keperluan daging di Negara ini di samping dengan alternatif yang murah telah juga mengimport dari negara yang lain seperti China dan India.

Untuk kepentingan penduduk Negara ini, pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat semua pemeriksaan dan pemantauan bagi menentukan kualiti daging yang diimport ke Negara Brunei Darussalam adalah halal dan berkualiti tinggi. Kita berterima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat yang memastikan bahawa kesemua daging yang diimport adalah dipastikan halal dan berkualiti. Saya berharap agar Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat akan dapat sentiasa bekerjasama

dan berusaha untuk memastikan kehalalan daging-daging dan makanan yang dimasukkan ke Negara ini dengan menggunakan cara pengurusan dan teknologi yang terkini.

Perkara kedua ialah pencapaian Piawaian Antarabangsa. Salah satu tugas Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ialah untuk membantu syarikat-syarikat tempatan bagi mencapai Piawaian Antarabangsa bagi membolehkan produk-produk tersebut menembusi pasaran antarabangsa. Dalam hal ini, saya mencadangkan supaya Kementerian ini menyediakan infrastruktur bagi membantu perdagangan dan pengusahaan kita memasarkan produk-produk mereka di dalam dan luar negeri.

Ada beberapa agensi di Brunei Darussalam telah membantu Pengusaha-Pengusaha Kecil dan Sederhana (SME) untuk mendapatkan bantuan serta kewangan, kapasiti di bidang pengurusan dan lain-lain lagi. Saya ingin mencadangkan penubuhan Pusat Perusahaan Kecil atau pun Pusat SME akan dapat membimbing perusahaan-perusahaan kecil bagi memasarkan produk-produk mereka lebih efektif dan adalah dicadangkan supaya pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Buruh, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Imigresen diwakili di pusat tersebut bagi menyelaraskan pengurusannya. Diharap agensi-agensi kerajaan akan dapat berkerjasama serta sumber-sumber tenaga dapat disatukan bagi memajukan perusahaan-perusahaan kecil di Negara Brunei Darussalam.

Perkara yang ketiga ialah permakanan dalam negara. Usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam memajukan hasil pengeluaran padi di Negara ini adalah merupakan usaha yang baik dan perlu disokong oleh semua pihak. Menurut beberapa maklumat yang saya terima terdapat beberapa masalah logistik yang dihadapi oleh peladang-peladang. Antara masalah yang dihadapi ialah mendatangkan mesin dari di luar negara, kekurangan baja dan pengaliran air. Bagi mengatasi masalah tersebut, saya ingin mencadangkan bagi penubuhan Autoriti Padi oleh Kerajaan yang bertanggungjawab bagi pemasalahan yang dihadapi oleh peladang di samping memberi khidmat nasihat kepada peladang dan juga mengawal kualiti padi.

Selain daripada masalah logistik, terdapat juga pengeluaran padi hybrid yang juga dalam percubaan di Negara ini. Saya berharap percubaan yang dijalankan oleh pihak yang berkenaan akan dapat membantu penghasilan tanaman mereka. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi. Misi dan visi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan amat jelas dan menepati kehendak pembangunan Negara dalam usaha meningkatkan hasil pertanian bagi keperluan dan kesejahteraan rakyat di samping berusaha untuk menjadikan industri ini menembusi pasaran luar negeri.

Dalam tajuk ini, saya ingin menimbulkan beberapa isu. Pertama saya bahagikan kepada 3 bahagian. Tawaran untuk memajukan tapak komersial di kawasan pertanian (KKP) 2013;

- 1) Lot 108 Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) bertumpu Kampung Masin Mukim Pangkalan Batu bagi tanaman sayur;
- 2) Lot 177 Kawasan Kemajuan Pertanian bertumpu juga bagi kegiatan ternakan ayam pedaging secara tertutup;
- 3) Lot C Kawasan Kemajuan Pertanian Stesen Sungai Liang bagi tanaman sayur hidroponik.

Saya ingin bertanya apakah syarat-syarat yang diperlukan bagi ketiga-tiga kawasan pertanian yang disebutkan di atas, adakah mereka ini mempunyai pengalaman atau pernah mengikuti kursus-kursus atau menerima sijil misalnya bagi ternakan ayam, sayur dan tanaman hidroponik? Soalan ini timbul kerana kita takut ada 'Ali Baba' baru seperti yang kita selalu cakapkan beberapa hari yang lepas. Atau orang lain jadi pengusaha sementara tuan punya hanya mendapat kuahnya.

Yang kedua, keperluan hasil buah-buahan, merujuk ucapan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan pada 1 November 2012 yang lepas dengan tema "Makanan Terjana Negara Selamat" di mana dipetik sedutan berkenaan seperti berikut " Peladang, Penternak, Petani dan Nelayan berupaya menyediakan hampir 100% pembekalan ayam pedaging dan telur, 86% pembekalan sayur-sayuran dan cuma 25%

pembekalan buah-buahan bagi keperluan rakyat dan penduduk Negara ini. Sementara nelayan-nelayan berupaya menyediakan kira-kira 90% pembekalan ikan, udang dan makanan laut."

Dalam kesempatan ini Yang Berhormat Pengerusi, kita ucapkan syabas dan tahniah atas pencapaian tersebut. Yang Berhormat Pengerusi, menyedari akan kurangnya pencapaian pembekalan buah-buahan di Negara ini, maksud saya ialah hasil pertanian Negara hanya menunjukkan di tahap 25%. Maka di Dewan yang mulia ini, saya cadangkan Jabatan Pertanian khususnya, akan dapat membuat kajian bagi menilai jenis-jenis buah-buahan yang boleh diusahakan bagi keperluan Negara.

Perkara yang ketiga iaitu mengenai Peladang Muda yang mana usaha Kerajaan pada 20 tahun yang lalu ialah untuk menjadikan peladang muda menjadi peladang yang berjaya dengan diberikan beberapa kemudahan dan tanah-tanah untuk mengusahakan pertanian. Kaola ingin bertanya Yang Berhormat Pengerusi, dimanakah mereka berada dan sejauh mana mereka telah berjaya dalam mengusahakan pertanian secara sepenuh masa?

Perkara keempat ialah mengenai dengan ladang padi. Kita mengucapkan terima kasih atas perhatian Jabatan Pertanian yang telah memberikan peluang kepada Kampung Limau Manis dan Junjongan untuk mengusahakan tanaman padi seluas 50 hektar. Dalam sama-sama menyahut seruan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar tanaman padi diusahakan bagi keperluan Negara.

Bagi memudahkan dan melicinkan lagi usaha murni ini, adalah dicadangkan agar Pusat Empangan Air Kampong Imang yang ada sekarang akan dapat ditingkatkan bagi keperluan perairan ladang padi seperti di Batang Perhentian, Bebuloh, Limau Manis dan Junjongan kerana sumber air yang mencukupi amat penting terutama sekali semasa musim kemarau. Begitu juga dengan jalan-jalan di kawasan ladang padi seperti di Kampung Wasan, Kampung Bebuloh dan Kampung Pengkalan Batu akan dapat dinaik taraf dengan dibubuh asfalt bagi kemudahan kepada pengusaha-pengusaha ladang berkenaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada empat isu yang ingin saya timbulkan dalam tajuk ini;

1) Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah banyak mengadakan berbagai seminar dan bengkel bagi pengusaha-pengusaha padi di daerah-daerah. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan produktiviti dan menambah pengetahuan bagi memperbaiki cara penanaman padi yang moden. Walau bagaimanapun, kalau tidak ada bantuan secara praktikal, ianya adalah sukar untuk berjaya sepenuhnya.

Umpamanya di Ladang Kerancing, Kampung Benutan dan Mukim Rambai adalah merupakan ladang padi yang

sudah lama diusahakan dan menjadi ladang padi utama kepada pengusaha-pengusaha di kawasan ini. Begitu juga ladang-ladang padi yang lain di Daerah Tutong. Tetapi walaupun usaha gigih telah dilakukan, hasilnya masih tidak seberapa kerana masih lagi menggunakan cara lama dan tidak ada kemudahan pertanian. Adalah disarankan supaya ada bantuan kepakaran dan kemudahan dari pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berkenaan kepada pengusaha-pengusaha ladang padi dengan mengadakan lawatan dan bantuan insentif.

- 2) Kumpulan Peladang Luar Bandar (KPLB) Bukit Sulang yang telah dibenarkan operasinya pada tahun 1995 dan kini pada tahun 2011 telah menerima tuntutan tertunggak dari Jabatan Tanah yang berjumlah \$27,000.00. Tunggakan ini berlaku disebabkan oleh kelambatan tuntutan dari Jabatan Tanah. Maka ianya telah menjadi masalah kepada Kumpulan Peladang Luar Bandar Bukit Sulang. Oleh itu, apakah bantuan yang dapat dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian bagi mengatasi masalah ini bagi membantu pembangunan ekonomi mukim dan kampung? Jika KPLB yang tidak aktif adakah ianya akan ditarik balik sepertimana berlakunya di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) yang tidak diusahakan?
- 3) Bagi membantu perkembangan produk mukim dan kampung terutamanya produk permakanan, banyak perkara yang perlu diperbaiki dan ditambah nilai. Ke arah ini, Unit Agromakanan mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam menjalankan

aktiviti-aktiviti bagi melaksanakan program-program jaminan dan kawalan kualiti dan keselamatan makanan, analisa makanan, latihan dan lain-lain. Oleh itu disarankan kepada Unit Agrimakanan untuk ditempatkan di setiap daerah. Dengan adanya unit ini di daerah-daerah, ia akan memudahkan bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan sesiapaupun termasuklah pengusaha supaya dapat berurusan.

- 4) Industri Ternakan iaitu perusahaan ayam pedaging dan pengeluaran telur ayam hampir mencapai 100% tahap sara diri, sesuatu yang sangat membanggakan. Walau bagaimanapun industri ternakan dominan masih di tahap yang rendah.

Soalan saya ialah, kenapakah pencapaian ternakan dominan masih di tahap rendah dan apakah usaha-usaha Jabatan ini untuk meningkatkannya? Adalah juga dicadangkan supaya kajian dibuat terhadap buah-buah asli tempatan untuk dimajukan? Umpamanya buah sabal yang disebutkan tadi oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat iaitu seperti buah Belimbing Hutan, Pidada, Jambu Kerasik, Surapit, Asam Kelumbi, Sulang, Kuragam, Kawang dan lain-lain lagi jenis-jenis buah tempatan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Saya tidak akan menyuarakan lagi soalan yang berhubung kait dengan Lot Sengkuang. Cuma saya hanya akan mendengar penyataan daripada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Saya ingin menambah beberapa perkara khususnya mengenai dengan pertanian. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kerana telah dapat mengadakan satu kursus iaitu cara-cara penanaman padi kepada kira-kira seramai 15 orang peladang-peladang pilihan di Daerah Belait pada 19 Januari yang lepas. Usaha sedemikian ini sangat-sangat membantu para peladang dan ianya hendaklah diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa dan dilaratkan jika boleh ke bidang-bidang yang lain seperti penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain. Kerana pada pandangan saya, tanaman buah-buahan mempunyai potensi besar untuk dipasarkan sama ada dalam negeri atau dieksport. Jika ianya diusahakan dengan betul dan teratur ia boleh menyumbang kepada pendapatan Negara. Di samping itu kita mengalu-alukan prespektif baru dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang mana jabatan tersebut tidak akan membataskan pengeluaran barangan keluaran mentah tetapi akan melaratkan ke bidang pemprosesan dan lain-lain perkhidmatan bagi memenuhi kehendak Negara dalam aspek keselamatan makanan atau tanggungjawab terhadap sosial. Dalam hubungan ini apakah langkah-langkah atau perkembangan mengenainya?

Pembahagian bantuan baja-baja dengan harga subsidi kepada peladang-peladang di seluruh Negara haruslah dipantau cara pembahagiannya kerana ada kedengaran

sungutan mengatakan sesetengah peladang tidak berpeluang untuk mendapatkan baja tersebut kerana kehabisan bekalan. Dicadangkan supaya pembahagian baja-baja dapat dibahagi dengan mengambil kira dan memberi keutamaan kepada peladang-peladang yang kurang mampu dan dihindarkan daripada dipajak oleh sebahagian peladang-peladang yang mempunyai kemampuan dan keluasan ladangnya kerana mereka ini mampu untuk membiayai sendiri jangan sampai dimonopoli oleh sebahagian peladang-peladang.

Sementara lesen-lesen menjual baja dan racun serangga janganlah dihadkan atau dimonopoli oleh 1 atau 2 pengusaha sahaja. Dicadangkan supaya lesen harus juga dikeluarkan mengikut peraturan tertentu kepada pengusaha-pengusaha yang mempunyai kemampuan dalam jurusan ini. Dengan banyaknya pembekal penjual baja dan racun di Negara ini, ia akan dapat memudahkan untuk mendapatkannya dengan harga yang lebih kompetitif.

Mengikut kenyataan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, stesen-stesen pertanian akan disegarkan kembali bagi membantu peladang-peladang di mukim dan kampung. Perkembangan ini adalah sangat-sangat disokong bagi membolehkan para peladang berinteraksi dan memohon bantuan nasihat dan lain-lain dengan jabatan yang berkenaan.

Seterusnya kita mengalu-alukan inisiatif ini dan menyarankan supaya pegawai luar agar sentiasa turun padang serta memberi bantuan nasihat dan praktikal kepada peladang-peladang di tanah air terutama dengan kaedah-kaedah yang baru dalam

ilmu pertanian dalam meningkatkan hasil. Saya dimaklumkan bahawa peladang-peladang di kawasan Lot Sengkuang, Mukim Labi akan dikenakan bayaran sebanyak \$12.00 setiap sehektar. Peladang-peladang merasa terkilan kerana mengikut mereka bahawa ladang-ladang yang ada sekarang semuanya diusahakan oleh peladang itu sendiri dengan perbelanjaan yang besar dari belukar besar menjadi sebuah sawah yang bersih, hanya Jabatan Pertanian sahaja membantu dari segi infrastruktur. Itupun masih belum selesai. Apakah perkara ini benar?

Yang terakhir saya ingin tahu perkembangan tanaman padi beras Laila. Apakah perkembangannya dan adakah ianya berhasil dan sesuai dengan iklim di Brunei Darussalam? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima Yang Berhormat Pengerusi. Sejak akhir-akhir ini pertanian adalah salah satu tunggak utama dalam perekonomian di kebanyakan negara dari kecil-kecilan kepada komersial dan sepenuhnya. Alhamdulillah, Negara kita sudah pun menerokai di bidang ini. Soalan kaola ialah:



1) Berapa banyakkah sudah golongan bumiputera menerokai bidang ini dan bagaimanakah bantuan-bantuan berupa kepakaran, suntikan modal dan pemberian kawasan-kawasan pertanian iaitu dalam bahagian perladangan, perkebunan, penternakan dan sebagainya diberikan kepada mereka untuk mencapai tahap pertanian skala besar? Di samping itu, apakah tahap pencapaian pertanian Negara kita sudah mampu membekalkan produk-produk pertanian ini?

2) Penghasilan pengeluaran beras di Negara kita ada menampakkan peningkatannya. Bagaimanapun usaha yang lebih gigih perlu ada untuk mencapai matlamat 60% pada tahun 2015. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama? Adakah matlamat ini akan dapat mencapai sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini atau hanya 66% sahaja pada tahun 2015?

Saya juga ingin mengetahui bagaimanakah perkembangan Projek Padi di Kuala Belait iaitu kawasan Labi dan Ulu Sungai Tutong? Adakah akan diteruskan khususnya dari penyediaan segi infrastruktur, jalan, paip air, api letrik dan sebagainya kerana terdapat sungutan bahawa bekalan air sungai di Kawasan Labi adalah tidak mencukupi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan

menyuarakan 4 perkara di Dewan yang mulia ini. Sebelum itu izinkan kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang bekerja keras merancang dan melaksanakan pelbagai projek dan program dalam bidang pertanian bagi memajukan pertanian di Daerah Temburong.

1) Kaola ingin mengetahui terutamanya bagi peladang-peladang padi di Daerah Temburong iaitu berapa lamakah proses pembayaran padi daripada penerimaan hasil padi dari Unit Perkembangan Pertanian daerah-daerah kepada peladang-peladang yang mengikuti skim bantuan harga padi khususnya di Daerah Temburong.

2) Kaola telah merujuk di Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas di Dewan yang mulia ini mengenai perancangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Daerah Temburong bagi pembinaan sebuah jambatan yang menyeberangi Sungai Batu Apoi ke kawasan padi Kampung Selapon. Sukacita kaola ingin mengetahui status pembinaan jambatan tersebut. Tujuan perkara ini dibangkitkan adalah bagi memudahkan para pengusaha padi untuk membuat aktiviti di kawasan berkenaan.

3) Bila melihat perkembangan tanaman padi di Daerah Temburong atau di daerah lain dan fokus penanaman padi di Kampung Wasan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menggariskan matlamat peningkatan hasil beras tempatan sekurang-kurangnya 60% sara diri

pada tahun 2015. Pada masa ini, sejauh manakah perkembangan untuk mencapai peningkatan hasil tersebut dan apakah hasrat 60% akan tercapai mengikut tempoh masa yang diperlukan?

- 4) Orang ramai menilai dan melihat bahawa hasil pengeluaran beberapa jenis buah-buahan tempatan yang dikenal pasti ditanam oleh peladang-peladang tempatan pada tahun 2012 di seluruh Negara lebih meningkat berbanding pada tahun 2011. Contohnya buah rambutan. Bagaimanakah cara pihak Kementerian untuk mempelbagaikan hasil-hasil tanaman buah-buahan tempatan bukan hanya untuk kegunaan dalam Negara malahan dieksport ke luar negara dengan logo halal. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya ingin mengutarakan 2 isu iaitu:

- 1) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat dalam mempelbagaikan ekonomi. Dalam kesibukan itu, Kementerian juga mempromosikan dan menggalakkan

peniaga-peniaga mengusahakan pengeluaran padi dengan banyak peruntukan disediakan.

Selain daripada inisiatif ini, adakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempunyai inisiatif sebagai penghargaan kepada pengusaha yang telah mencapai kejayaan dan masa ini menguruskan bagi mempertahankan pengeluaran yang sudah baik dan mempunyai reputasi yang boleh dibanggakan dari segi pencapaian dan pembekalan produk-produk mereka kepada pasaran tempatan? Kalau dilihat dari segi bantuan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kepada pengusaha-pengusaha yang baru hendak memulakan perniagaan, mereka biasanya dibantu dengan berbagai skim termasuk juga kewangan. Tetapi bagi syarikat yang sudah menempuh kejayaan dan beroperasi bertahun-tahun lamanya, mereka memerlukan pembaharuan dan peningkatan *plant* dan mesin-mesin untuk menaik taraf supaya dapat mengukuhkan dan mempertahankan perniagaan mereka supaya dapat beroperasi lebih lama lagi. Apakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempunyai misi untuk menghulurkan bantuan kepada syarikat-syarikat yang saya sebutkan keperluannya tadi?

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama petang kelmarin berkenaan dengan Industri *Citrus* yang telah musnah oleh penyakit-penyakit tumbuhan, dari pengajaran dan pengalaman kemusnahan Industri *Citrus* itu, adakah

Kementerian Yang Berhormat Pehin bercadang untuk membuat inisiatif seperti menguatkan lagi pemantauan kepada penyeludup-penyeludup untuk mengetahui kapasiti perusahaan mereka dalam negara dengan membandingkan jumlah banyaknya jualan mereka, yang mana barang-barang yang diseludup itu berkemungkinan membawa penyakit-penyakit tanaman dan ternakan ke Negara ini. Kejadian seperti kemusnahan Industri Citrus ini boleh juga dikira sebagai insentif kepada pengusaha-pengusaha yang sudah lama berkecimpung dalam peniagaan-perniagaan mereka supaya tidak mengalami sepertimana yang dialami oleh industri citrus. Insentif ini juga menghalu kepada mempertahankan pembekalan yang berterusan bagi memenuhi hasrat kepada sekuriti makanan Negara Brunei Darussalam.

- 2) Saya ingin menimbulkan dari petikan saya dari hasil-hasil beras yang tercatat dari maklumat Skim Bantuan Harga Padi bagi musim 2010/2011. Data-data dari maklumat Skim Bantuan Harga Padi bagi musim 2010/2011 telah saya satukan berdasarkan tempat, jumlah peladang terlibat, kawasan tanah diusahakan, jumlah pengeluaran dan pendapatan didapati mengikut daerah, luas kawasan, bilangan peladang, jumlah hasil jualan padi (kilo) dan nilai dibeli iaitu \$1.60 sekilo.

Saya cuma akan menyebut secara menyeluruh mengenai dengan tanah di Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong yang mana keseluruhan tanah digunakan bagi penanaman padi mengikut keluasan 949.1 hektar, keseluruhan bilangan

peladang ialah 621 peladang, keseluruhan jumlah hasil jualan padi ialah 1,579,658 kilo dengan nilai dibeli \$1.60 sen sekilo dan berjumlah \$2,527,452.00. Jika nilai ini dibahagi dengan jumlah peladang seramai 621 orang maka peladang ini akan menerima \$4,069.97 setahun bagi seorang peladang. Manakala jika dibahagi kepada 12 bulan untuk menjadikan pendapatan sebulan, ia akan menjadi \$339.16 sen. Jika ditolak gaji, pembelian *raw material* perkakas seperti cangkul, pisau, perbelanjaan pengurusan penanaman dan lain-lain lagi yang belum termasuk, ini bererti peladang hanya mempunyai baki pendapatan yang jauh lebih rendah daripada pekerja-pekerja di pejabat. Justeru itu, jika dilihat dari segi pendapatan peladang padi, jumlah gaji mereka sebulan tidak akan dapat menyara hidup mereka melainkan mereka mempunyai pendapatan yang lain yang boleh menampung keperluan keluarga mereka.

Saya cuma melihat perkara ini dari pendapatan yang saya kongsiikan sebentar tadi. Saya tidak berniat untuk mengatakan projek ini tidak *viable*, cuma saya ingin membuat analisa bagaimana projek ini boleh memberikan sumbangan kepada pemaju ladang dan juga kepada Negara dengan baik dan apakah projek ini adalah lebih baik dari projek pertanian yang lain seperti produk yang boleh menyumbangkan ke arah sekuriti makanan. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapor, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya ingin mengetahui berhubung dengan kedudukan Tanah Tumpang Sementara (TOL) sebanyak 50 ekar bagi Projek Pemeliharaan Binatang Kerbau dan Lembu sejak Tahun 70an. Kelulusan melalui Jabatan Pertanian ketika itu menyatakan bahawa kedudukan kawasan tersebut adalah bersempadan dengan Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbing. Ladang ini tidak lagi berfungsi dan sudah sekian lama kosong, hanya tinggal bekasnya ataupun kandangnya sahaja. Adakah kawasan ini dipantau oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan?

Dalam hubungan ini, Majlis Perundingan Kampung bercadang untuk memohon menggunakan sebahagian kawasan tersebut bagi Projek Penanaman Buah-Buahan Tempatan dan lain-lain yang bersesuaian seperti pemeliharaan dan perusahaan burung puyuh yang ada pada masa ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tuan Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kalau kelmarin rakan-rakan telah mengutarakan cadangan penanaman semula getah dan penanaman tebu supaya dapat diusahakan dan telah pun mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Pehin. Maka di kesempatan ini saya mengambil kesempatan untuk

mengajukan satu pandangan dan cadangan iaitu sebagai nilai tambah kepada hasil mahsul Negara selain daripada sumber minyak dan gas. Hasil pertanian adalah sebagai salah satu penyumbang yang boleh dikembangmajukan di Negara ini.

Jika dilihat dari kesuburannya adalah juga dianggap mempunyai tanah yang subur. Kita telah pun membuat beberapa percubaan dan seterusnya mengusahakan tanaman padi secara besar-besaran termasuklah juga peruntukannya yang difahamkan semakin meningkat secara perlahan-lahan dan belum mencapai ke tahap yang mencukupi dan boleh menampung keperluan Negara. Melihat kesuburan tanah di Negara Brunei Darussalam iaitu setelah melihat usaha-usaha penanaman kelapa sawit di negara jiran yang bersempadan dengan Negara kita nampaknya mempunyai potensi yang baik dan boleh diusahakan.

Dalam masa yang sama, kita sangat tertarik hati akan usaha yang sedemikian dapat dibuat di Negara Brunei Darussalam. Maka saya bercadang untuk mengusulkan supaya Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membuka ladang di samping menggalakkan penduduk-penduduk yang mempunyai tanah geran yang agak terbiar diganti dengan tanaman kelapa sawit.

Mungkin ada pertanyaan atau persoalan, tentang bagaimanakah kita akan memasarkan hasil kelapa sawit? Sebagai langkah awal sudah tentunya kita memerlukan kebijaksanaan perundingan dan persefahaman dengan negara jiran yang ada mengeluarkan hasil kelapa sawit untuk dieksport ke sana. Sekiranya Negara kita belum berkemampuan untuk

membuat loji penapisan minyak kelapa sawit diharap cadangan yang diangan-angankan ini menjadi kenyataan untuk di hari kemudian setelah kita membuat beberapa penilaian terhadapnya iaitu sebagai pilihan kedua atau ketiga ke arah menjana hasil Negara selain daripada minyak dan gas. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Usul ini telah dibangkitkan tadi sedikit oleh rakan sejawat. Saya menyokong Usul tersebut dan ingin menambah sedikit. Tahun 1970an hingga 1980an Bahagian Pengembangan adalah penggerak pertanian secara kecil-kecilan di kampung-kampung. Di waktu itu jika dibandingkan pada waktu ini, pertanian di kampung-kampung lebih aktif. Adalah lebih baik pengembangan itu diaktifkan semula seperti tahun-tahun dahulu dengan versi baru. Seperti pertanian cara baru yang tidak memerlukan kawasan yang luas dan juga hidroponik yang memberikan pulangan yang lebih lumayan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir

Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang saya ingin timbulkan di sini ialah ladang padi di Daerah Tutong. Dalam memperkasakan ladang padi ini yang sudah ada di Daerah Tutong dan diusahakan secara perseorangan atau berkumpulan nampaknya tidaklah begitu menggalakkan. Dalam Dewan yang mulia ini saya mencadangkan ladang padi ini diperluaskan dengan berskala besar di antara 1,000 hingga 1,500 hektar.

Dengan kemudahan-kemudahan moden seperti jalan raya, perbekalan air dan seumpamanya yang diperlukan dalam sesuatu ladang. Dengan adanya tapak-tapak yang disediakan, saya percaya bahawa penduduk di Daerah Tutong akan ikut serta menyertainya.

Yang kedua, sepertimana yang saya suarakan pada mesyuarat beberapa tahun yang lalu supaya Negara kita membina kilang baja. Dengan adanya kilang ini kita tidak bergantung kepada negara lain. Selain itu, dapat menampung pencari-pencari kerja untuk bekerja di kilang ini. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat telah diberikan peluang untuk mengemukakan soalan dan memberikan pandangan mengenai dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ini. Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini akan saya tangguhkan dan apabila kita berbincang semula sebelah petang nanti bolehlah Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengulas terhadap pertanyaan-pertanyaan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan itu.

Sekarang perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula selaku Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.45 petang nanti, sekian terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**Majlis Mesyuarat disambung pada  
jam 2.45 petang**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan selamat petang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Di Peringkat Jawatankuasa pagi tadi masih lagi membincangkan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Maka bagi membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung dan masih lagi membincangkan Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Pada perbincangan yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi, seramai 11 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membuat pernyataan terhadap Tajuk ini.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk memberikan ulasan terhadap soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu, sekian.

**Yang Berhormat Menteri  
Perindustrian dan Sumber-Sumber**

**Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sebanyak 30 ke 35 soalan yang diterima daripada 11 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai keselamatan daging import dari luar negara bagi pihak yang berkenaan memastikan ianya halal dan selamat. Jadi ini memang dalam pengawasan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Tugas ini memang dilakukan secara tegas dan juga di samping itu berusaha dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan barang-barang yang dimasukkan itu halal dan selamat.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam kita mengimport lembu hidup 70% dari Australia dan 30% daripada India. Juga ada beberapa fasiliti di India dan di China yang dikenal pasti dapat digunakan dan memenuhi piawaian antarabangsa. Dalam mengawasi penyembelihan di luar negara, amalan yang sentiasa dilakukan ialah bagi mengadakan 2 orang pengawas dari Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam untuk mensahkan kehalalannya.

Setakat ini semua daging yang diimport adalah berkualiti, bersih, halal dan selamat untuk dimakan dan begitu juga dengan daging-daging beku dan daging-daging yang telah diproses. Pemantauan dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan

daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengenai dengan piawaian antarabangsa untuk menembusi pasaran antarabangsa. Dicadangkan supaya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk membantu SME atau Perusahaan Kecil dan Sederhana ini untuk memasarkan produk yang dihasilkan di dalam negeri dan di luar negeri.

Dicadangkan supaya ditubuhkan satu pusat untuk memasarkan produk-produk yang dapat dihasilkan. Pada masa ini sudah ada satu Pusat Pembangunan Keusahawanan yang terletak di Anggerek Desa yang ditubuhkan bagi tujuan tersebut untuk membantu SME.

Di samping itu, *Business Licensing and Facilitation Centre* yang baru ditubuhkan dan dilancarkan baru-baru ini di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di samping memberi kemudahan untuk membuat lesen juga ada satu meja ataupun satu sudut untuk membantu pengusaha kecil dan sederhana secara menyeluruh dan secara umum. Bukan saja untuk mendapatkan lesen tetapi untuk mendapatkan nasihat mengenai perusahaan dan sebagainya. Saranan itu sangat dialu-alukan dan mungkin itu menjadi satu sasaran Kementerian untuk mengadakan satu pusat ataupun satu badan dimana dapat membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Mengenai masalah-masalah logistik peladang-peladang yang menghadapi masalah mendatangkan mesin dari luar negara, kekurangan baja, pengaliran air dan sebagainya. Memang diketahui pada peringkat awal ini masalah-masalah ini

adalah satu masalah yang besar. Memandangkan deras pengeluaran yang dilakukan oleh Kementerian daripada 1% disasarkan kepada 10% iaitu 7 Ke 8 kali ganda, jadi memang masalah-masalah seperti mesin lambat datang, baja kurang dan kekurangan air itu infrastruktur memang belum disiapkan. Usaha ini memang berterusan dan diharap Ahli-Ahli Yang Berhormat ditempat itu dapat juga menenangkan peladang-peladang di sana. Perkara ini sudah sampai kepada pihak yang berkuasa dan diambil maklum dan diambil perhatian oleh pihak berkuasa. Tidak boleh sekelip mata masalah itu akan diselesaikan jadi kalau dapat ditenangkan supaya mereka dapat bersabar dan usaha pembaikan akan dilakukan secara berterusan. Alhamdulillah bukan saya memperkecilkan kerja-kerja yang dilakukan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tetapi banyak juga perkara yang susah dilakukan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Adalah diakui bahawa masalah-masalah itu memang akan timbul.

Semasa membuat sasaran untuk pengeluaran beras kepada satu sasaran yang cepat dan deras, telah dikenal pasti bahawa masalah-masalah sampingan itu akan lebih memberi cabaran yang kuat. Itu memang diakui dan mudah-mudahan dapat diatasi.

Mengenai beras hibrid seperti yang disebutkan tadi, kita telah dapat mengenalkan 2 beras hibrid:

- 1) Beras Laila; dan
- 2) Beras Titih.

Kedua-dua beras ini dapat melonjakkan hasil pengeluaran beras. Tadi ada Ahli Yang Berhormat bertanya apa kedudukan Beras Laila. Kita telah dapat menghasilkan



pelonjakkan hasil 1 ekar. Dulu kalau 1 ekar itu hanya boleh menghasilkan 1 tan metrik tapi sekarang Alhamdulillah, dengan adanya menggunakan beras hibrid ini, kita dapat menghasilkan sampai ke 4 tan metrik 1 hektar. Ertinya telah dapat melipatgandakan 3 ke 4 kali.

Jadi itulah hasil daripada keupayaan jika kita menggunakan beras-beras hibrid dan yang menggunakan teknologi tinggi, cuma masalahnya mereka memerlukan banyak pemerhatian dan pemeduliaan terutamanya tentang keperluan-keperluan air, pengaliran air dan juga menghadapi masalah-masalah penyakit. Di samping dapat menderaskan pengeluaran ia juga dapat mendatangkan masalah-masalah penyakit dan kekurangan air serta masalah-masalah citarasa. Sejauh ini citarasa orang ramai tentang beras Laila diakui diterima baik oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Beras Titih pula Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mencuba *sensory test* tentang penerimaan Beras Titih ini dan sejauh ini didapati ia boleh diterima oleh penduduk negara ini, sebab ia menyamai rasa dan bentuk beras wangi yang didatangkan daripada Thailand.

Dengan ini diharapkan akan dapat membantu peladang untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi lagi.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, mengenai beberapa tapak yang telah disebutkan iaitu 3 tapak yang berada di kawasan Bertumpu dan kawasan Sungai Liang. Sebenarnya pemberiannya memang dikawal dengan beberapa syarat dikenakan kepada pengusaha-pengusaha tersebut. Sebelum diberikan kepada pengusaha-pengusaha, dipastikan bahawa

yang akan mengusahakan itu adalah penduduk tetap dan sebarang usaha sama dengan mana-mana pengusaha luar negara mestilah sekurang-kurangnya penglibatan tempatan sebanyak 30%.

Pemohon itu mesti mengetahui dan berminat dalam bidang yang akan dipohonkannya dan mesti juga tahu akan keperluan-keperluan untuk menggunakan kawasan-kawasan tersebut. Tapak-tapak yang berpotensi untuk dimajukan akan ditawarkan melalui tender terbuka daripada Warta Kerajaan Pelita Brunei. Itu adalah bagi soalan mengenai kawasan Kemajuan Pertanian di Bertumpu dan di Sungai Liang.

Selanjutnya, pertanyaan tentang kedudukan peladang muda, yang mana 20 tahun lalu telah diperkenalkan untuk diadakan di Negara Brunei Darussalam. Sejauh ini ada beberapa orang sahaja yang masih meneruskan usaha mereka di kawasan Birau dan Luahan dan sebahagiannya berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebagai pegawai dan penolong pegawai di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Mengenai bekalan buah-buahan yang di negara ini yang mana seperti yang disebutkan cuma 25% sahaja supaya kajian dapat dilakukan. Memang perkara ini dilakukan oleh Kementerian terhadap semua jenis buah yang perlu diusahakan demi untuk mencapai hasil pengeluaran buah-buahan tempatan terutamanya buah-buahan tropika.

Seterusnya Yang Berhormat menimbulkan tentang Empangan Imang yang terletak di Kampung Imang yang mana Empangan air ini membekalkan air tidak dirawat kepada pengusaha-pengusaha petani di

kawasan-kawasan Bertumpu dan juga di kawasan-kawasan Wasan. Kementerian pada masa ini berusaha untuk meningkatkan lagi penghasilan Ampangan Imang ini iaitu mencari cara mendalamkan ampangan ini supaya dapat menampung air yang lebih banyak, di samping itu ada juga usaha supaya penggunaannya akan dapat dikawal secara teratur.

Pada masa ini, air akan dipakai tanpa memikirkan bila ia akan habis dan tidak ada kos. Dalam hal menyediakan kemudahan itu adalah satu kos yang tinggi. Pada masa ini usaha yang mungkin difikirkan ialah untuk memastikan bahawa penggunaannya mesti dihadkan supaya air yang ada dalam Empangan Imang itu tidak habis. Ada usaha supaya ianya dapat ditingkatkan serta didalamkan dan mungkin memerlukan satu peruntukan yang besar. Di samping itu penggunaannya juga akan disesuaikan supaya ianya lebih berpanjangan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya ladang-ladang yang diberikan di kawasan Limau Manis dan Junjongan itu, dinaik taraf kepada asfalt dan sebagainya, kalau ada peruntukan insya-Allah. Selalunya jalan-jalan ladang adalah jalan ladang sahaja. Jalan ladang ini selalunya digunakan bagi kegunaan kereta-kereta ladang iaitu mengikut taraf yang bersesuaian.

Seperti apa yang berlaku di Wasan, apabila telah dinaik taraf maka jalan tersebut digunakan orang ramai untuk merentas. Akibatnya jalan tersebut rosak disebabkan oleh kereta-kereta yang bukan sesuai untuk menggunakan di kawasan itu, kerana pada asasnya bukan untuk kereta berat dan sebagainya. Bagaimanapun perkara ini memang akan

diberikan bantuan berterusan dan diperbaiki longkang-longkangnya.

Mengenai beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit. Pertama, bantuan daripada Jabatan Pertanian telah pun dilaratkan dengan mengadakan seminar dan bengkel kepada pengusaha-pengusaha padi di daerah itu. Oleh yang demikian, disarankannya supaya bantuan kepakaran dan kemudahan akan dapat diadakan dengan lawatan dan bantuan insentif yang sememangnya diteruskan. Apa yang diseru ialah supaya peladang-peladang tersebut rajin untuk menghadiri sekolah ladang yang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan gelarkan *Farmers' Field School*. Oleh yang demikian, peladang-peladang adalah perlu menghadiri untuk mendengar taklimat dan sebagainya sebab itu adalah usaha untuk meningkatkan produktiviti masing-masing.

Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit juga ada menimbulkan tentang tunggakan yang baru dituntut oleh Jabatan Tanah sebanyak \$27,000.00. Perkara tersebut belum saya dapat berikan penyelesaian pada masa ini tetapi pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan merundingkan dengan Jabatan Tanah untuk diselesaikan dengan secara yang baik dengan pengusaha-pengusaha Kumpulan Peladang Luar Bandar (KPLB) di Bukit Sulang. Kumpulan Peladang Luar Bandar (KPLB) ini ialah di bawah pengawasan Pejabat Daerah dan dibantu dengan memberikan nasihat oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tetapi pihak yang berkuasa memberikan segala peruntukan dan sebagainya adalah Pejabat Daerah.

Ada juga dipersoalkan tadi, adakah pengusaha-pengusaha Kumpulan Peladang Luar Bandar (KPLB) ini jika tidak aktif akan ditarik balik dibandingkan dengan Kawasan Kemajuan Pertanian? Sememangnya Kawasan Kemajuan Pertanian yang tidak aktif akan ditarik balik setelah diberi notis yang cukup. Tetapi Kumpulan Peladang Luar Bandar (KPLB) ini di bawah pengawasan Pejabat Daerah dan bagi tujuan-tujuan tertentu. Sejauh ini belum ada kriteria untuk menarik balik tanah-tanah tersebut malah seperti yang difahamkan, ada tanah-tanah berkenaan digunakan untuk tujuan lain iaitu bukan seperti tujuan asal ditubuhkan.

Seperti yang dimaklumkan bahawa tujuan penubuhan Kumpulan Peladang Luar Bandar (KPLB) tersebut adalah untuk mengusahakan kawasan-kawasan yang terbiar di kampung-kampung oleh penduduk-penduduk kampung. Ianya juga di samping menghasilkan hasil pertanian yang diharapkan oleh Jabatan Pertanian adalah bagi tujuan-tujuan kemasyarakatan.

Mengenai produk mukim dan kampung seperti yang disoalkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit pada hari Sabtu lepas, ada usaha Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membantu mengembangkan Satu Produk Satu Kampung ini. Yang Berhormat berkenaan juga menyarankan supaya Unit Pertanian dan Agrimakanan ditempatkan di daerah-daerah. Sememangnya di daerah-daerah sudah ada Pegawai Pertanian Daerah yang boleh juga menjadi penasihat bagi perkara-perkara yang ditimbulkan berkenaan.

Oleh yang demikian, Pegawai Pertanian Daerah berkenaan bolehlah digunakan dan tidak perlu untuk mengadakan satu unit khas untuk memajukan perusahaan Satu Produk Satu Kampung. Perkara ini akan dipantau oleh Pegawai Pertanian dan Agrimakanan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Seterusnya mengenai persoalan kenapa ternakan *ruminant* masih di tahap rendah? Pada suatu waktu memang kita kurang menekankan pengeluaran daging-daging binatang-binatang *ruminant* seperti lembu, kambing dan kerbau disebabkan kita lebih bergantung kepada keupayaan untuk mendatangkan ternakan *ruminant* daripada luar negeri iaitu Australia. Tetapi di akhir-akhir ini, kita telah pun menilai balik memandangkan beberapa keadaan mengenai keperluan bagi kita mengadakan keupayaan untuk mengeluarkan ternakan *ruminant* di dalam Negara.

Oleh yang demikian seperti yang saya sebutkan sebelum ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah pun mengenal pasti satu kawasan di Batang Mitus seluas 1,000 hektar bagi tujuan berkenaan dan sistem yang akan digunakan ialah *feed lot system*.

Memang perkara ini telah diusahakan supaya penggunaan tanah tersebut akan lebih berkesan. Kita tidak dapat mengadakan tanah yang lebih besar dan tetapi akan memastikan pengeluaran ternakan itu lebih berkesan dengan berkurangnya penyakit binatang, makanan dapat didatangkan dengan penghasilan yang juga lebih berkesan. Oleh yang demikian, perkara ini adalah yang diusahakan pada masa ini.

Tentang buah-buahan asli tempatan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga pada masa ini menilai mana-mana buah tempatan yang boleh dimajukan. Di samping itu juga, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ada mengadakan kempen untuk mengagih-agihkan anak-anak pokok dan anak-anak benih pokok-pokok buah tempatan sambil diselajurkan dengan mengambil nama kampung-kampung tersebut seperti baru-baru ini di Kampung Tanjung Nangka, di Kampung Manggis dan mungkin tempat-tempat lain mungkin diberikan buah-buah lain.

Sememangnya jika ada mana-mana peluang bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengagih-agihkan pokok-pokok ini seperti melalui ekspo atau Hari Peladang supaya akan dapat dilaratkan penanamannya. Di samping itu, ada juga usaha untuk mengenal pasti pohon-pohon yang lama supaya akan di *cultivate* dan *propagate* dengan lebih banyak kerana ini memerlukan teknologi-teknologi terkini seperti *tissue culture*, *cross breeding* dan sebagainya yang boleh dilakukan.

Seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu diucapkan terima kasih sekali lagi dan perkara ini diambil maklum dan perhatian seterusnya.

Berbalik kepada persoalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, saya ingin menerangkan mengenai dengan Lot Sengkuang. Pada musim mesyuarat lepas, saya ada menerangkan bahawa Lot Sengkuang dikenal pasti untuk membuat satu tempat pengeluaran padi secara besar-besaran. Pada waktu itu, satu projek telah diperkenalkan untuk meningkatkan taraf infrastruktur ladang padi di Lot Sengkuang

tetapi sebelum projek tersebut berjalan, Jabatan Saliran dan Pembentungan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan telah memberikan pandangan supaya penilaian mengenai kecukupan sumber air bagi kawasan tersebut dibuat secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terpaksa menilai semula dan merujuk kepada Jabatan Saliran dan Pembentungan, Jabatan Kerja Raya yang mana setelah perkara ini dirujuk baru-baru ini, Jabatan berkenaan telah menawarkan untuk melantik satu *consulting engineers* yang akan membuat satu projek yang bergelar "*Supply of Water and Irrigation System at Lot Sengkuang, Sungai Lalit and Labi Baru*" tawarannya akan dikeluarkan dalam bulan ini. Kalau dapat saya ringkaskan skop kerjanya ialah bagi menilai keperluan air bagi sistem pengairan di kawasan-kawasan padi di sepanjang musim penanaman ertinya *continuous planting*, jumlah kawasan tedahan air yang mencukupi untuk menjana isu padu kualiti air yang diperlukan bagi sistem pengairan dan pembinaan ampungan air yang sesuai dan mencukupi bagi menghadapi musim kemarau yang teruk dan selanjutnya kejadian kemungkinan di Skim Pembekalan Air yang sesuai bagi Lot Sengkuang, Sungai Lalit dan Labi. Walau bagaimanapun di jangka waktu pendek ini bagi mereka yang berusaha di Lot Sengkuang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan menggunakan pam air yang sedia ada di Sungai Rampayoh untuk disalurkan ke kawasan padi Lot Sengkuang dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Belait.

Yang Berhormat juga ada menimbulkan tentang kenapa kena caj \$12.50 setahun sehektar. Saya kira sebulan \$1 lebih sahaja, sehari 3 sen. *Is it worth raising it here?* Kalau dibandingkan dengan yang dikenakan kepada pengusaha-pengusaha sayur lebih tinggi 2 kali lagi, \$30.00 dan pengusaha-pengusaha ayam sebanyak \$100.00. Jadi saya menyeru di samping menyampaikan masalah mereka di sini tenangkan juga mereka ini bahawa cuma \$1 sahaja sebulan, 33 sen sehari sahaja.

Mengenai tanaman buah-buahan untuk dipasarkan sama ada dalam negeri atau di eksport. Memang kalau diusahakan dengan betul ini akan dapat dimajukan bukan sahaja untuk halal tapi apa jua yang bersesuaian. Jadi langkah-langkah pada masa ini di kementerian telah mengadakan pengkajian dan penyelidikan untuk macamana memproses buah-buahan ini dan di mana yang sebenarnya *market* yang boleh kitani tembusi untuk buah-buahan ini.

Seterusnya mengenai bantuan baja dan harga subsidi kepada peladang-peladang seluruh negara memang dipantau pembahagiannya supaya jangan disalah guna. Cadangan untuk mengasingkan, penerima subsidi itu adalah satu cadangan yang baik demi untuk mengkesankan bantuan subsidi itu.

Mengenai lesen yang menjual racun-racun dan sebagainya ini pada masa ini sistem penjualan racun dan sebagainya ini dikawal secara teratur oleh bukan sahaja Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tetapi oleh Kementerian Kesihatan. Sebarang penggunaan racun dan sebagainya itu tidaklah dapat dibukakan secara terbuka selarah-larahnya tapi memang dikawal. Walau bagaimanapun jika sekiranya perlu

untuk membukakan pasarannya dibukakan secara teratur dan secara lebih berkesan supaya dapat bersaing seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya soalan Yang Berhormat Tuan Haji. Mohd. Shafiee mengenai beras Laila, saya telah terangkan tadi yang mana telah dapat meningkatkan hasil daripada 1 tan metrik sehektar kepada 3 ke-4 tan metrik sehektar.

Soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Mahajaraja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai berapakah golongan bumiputera menerokai bidang ini dan bagaimanakah bantuan-bantuan berupa kepakaran? Ini satu soalan yang strategik terutama tentang penglibatan orang-orang tempatan dalam perekonomian yang melibatkan pertanian. Pada masa ini memang belum ada angka tetapi kebanyakan pengusaha-pengusaha ini terdiri daripada orang-orang tempatan bumiputera penduduk Negara Brunei Darussalam, sebab penduduk luar tidak dibenarkan. Bantuan jenis suntikan modal pun pada masa ini belumlah secara teratur tapi ini akan dapat diusahakan.

Mengenai pengeluaran beras Negara meningkat tapi seperti yang disebutkan dalam tahun 2015 kita akan mensasarkan kepada 60% yang sebenarnya satu target yang digelar *stretch* ataupun *ambitious target* tapi apa yang penting ialah menyiapkan prasarana pertanian untuk melonjakkan pengeluaran beras. Itu yang dipantau paling rapat dan paling kuat (prasarana itu menyediakan infrastruktur ladang yang lebih baik dengan infrastruktur yang cukup). Kedua dengan

meningkatkan keupayaan peladang-peladang dengan mengadakan sekolah-sekolah ladang supaya mereka belajar dan mereka mengetahui tentang teknologi-teknologi baru. Terutama teknologi yang melibatkan penanaman beras hibrid.

Mengenalkan jenis-jenis beras yang boleh menghasilkan pengeluarannya yang lebih tinggi. Jadi menyediakan ketiga-tiga prasarana ini, prasarana ini adalah lebih penting daripada mendapatkan sasaran 60% itu, sebab apa yang perlu ialah supaya pengusahaan-pengusahaan pengeluaran itu akan lebih berterusan dan berpanjangan dengan adanya prasarana yang sesuai dan peningkatan keupayaan peladang-peladang serta penggunaan jenis-jenis padi hybrid. Jadi itu lebih berkesan bagi pandangan Kementerian untuk meningkatkan hasil pengeluaran kepada satu tahap yang tinggi.

Jadi Alhamdulillah kita dapat meningkatkan kawasan-kawasan ladang yang telah dinaikkan taraf dan telah dapat melarutkan pengetahuan serta dapat memberikan pengetahuan kepada peladang-peladang kita dengan mengadakan *Farmers Field School*. Dari segi kedatangan peladang-peladangnya juga dipantau. Sebelum memberikan kawasan-kawasan ladang mereka dimestikan menghadiri *Farmers Field School* itu.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini akan diteruskan bagi menyediakan infrastruktur jalan, air, dan sebagainya. Memang ada sungutan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tentang bekalan air di kawasan Labi yang tidak mencukupi dan seperti yang saya sebutkan tadi di Lot Sengkuang tidak ada tempat

tedahan air dan mereka mengharapkan air daripada hujan sahaja dan bukan yang didatangkan daripada empangan atau pun daripada tadahan air. Jadi memang dikenal pasti dan diakui, sebab itu ada satu projek untuk mendatangkan air di Lot Sengkuang dan kawasan-kawasan berdekatan sana itu.

Selanjutnya Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad menimbulkan 4 soalan tentang proses pembayaran berapa lama? Terus terang saya sebutkan 45 hari daripada bermula menghadapkan tuntutan kepada pembayaran yang memerlukan banyak proses. Proses mengenal pasti betulkah tidak jumlah yang dihadapkan dan memastikan kualitinya dan sebagainya dan menghadapkan kepada pihak yang berkenaan untuk mendapatkan pembayaran.

Seterusnya, status pembinaan jambatan dari Batu Apoi ke Selapon masa ini sebenarnya sudah ada satu projek yang mana perkara ini telah pun diiklankan di dalam Pelita Brunei pada bulan Mei 2012 dan pada masa ini menunggu kebenaran untuk memulakan projek tersebut yang akan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya. Jadi insya-Allah, kalau siap jambatan tersebut akan dimaklumkan dan di samping itu pengusaha-pengusaha di Selapon disarankan untuk meneruskan usaha berpadi walaupun belum ada jambatan.

Yang ketiga ialah mengenai dengan penanaman padi di seluruh Negara seperti yang saya sebutkan disasarkan untuk mencapai 60% bagi 2015. Alhamdulillah di sebalik tidak mencapai 20% pada tahun lepas, peningkatan dari 1% daripada tahun 2008 kepada 5% pada tahun ini boleh juga dibanggakan, walaupun kurang

daripada apa yang kita capai ini. Seperti yang saya sebutkan yang mustahak ialah menyediakan prasarana untuk mencapai pelonjakan pengeluaran beras di Negara ini.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman ialah mengenai dengan jenis buah-buah tempatan di Negara ini. Pada tahun ini diakui penghasilan buah-buah tempatan melonjak sebanyak tiga kali ganda. Hasil itu di luar dari jangkauan.

Jadi itu, pada masa ini Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengadakan pemprosesan buah-buah tempatan iaitu proses minima buah-buahan tersebut ertinya memproses buah itu tanpa banyak pengolahan seperti tidak banyak menggunakan alat dan sebagainya. Itu pun telah dikaji di Jabatan, supaya buah-buah itu lebih banyak mendatangkan hasil kepada penduduk-penduduk setempat.

Seterusnya dalam senarai saya ini, soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi ialah apakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempunyai misi dan untuk mengeluarkan bantuan kepada syarikat-syarikat yang disebutkan tadi. Bantuan secara menyeluruh ada dan tentang penyakit pokok *Citrus* itu, Jabatan membantu untuk mengadakan kajian tentang jenis penyakit dan bagaimana mengelakkan berlakunya penyakit seperti itu pada buah-buahan lain.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah memberigakan dan memberitahu pengusaha-pengusaha. Malahan ada *leaflet* yang dikeluarkan oleh Jabatan mengenai jenis-jenis penyakit, buah-buahan, sayur-sayuran yang boleh

didapati di stesen-stesen di daerah-daerah mengenai dengan jenis penyakit dan sebagainya. Bagi mereka yang berminat untuk mengetahui ada dimaklumkan mengenai dengan jenis-jenis penyakit tanaman di Negara ini.

Dan kedua, mengenai bantuan harga padi. Yang sebenarnya perkiraan Yang Berhormat itu terlampau halus untuk saya mengikuti. Tetapi seperti yang diketahui banyak yang mahu berkecimpung dalam bertanam padi ini. Di samping keuntungan kewangan, ada lagi keuntungan lain yang mereka perolehi.

Ada barangkali orang yang mahu berkecimpung terutama penuntut-penuntut lepasan dari Sekolah Vokasional Wasan.

Soalan Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai dengan Tanah Tumpang Sementara (TOL) yang 50 hektar, saya telah berunding dengan kawan sebelah saya di situ supaya tanah TOL tersebut diambil dulu daripada tuan punya tanah. Yang sebenarnya Kerajaan ada hak dan tanggungjawab untuk mengambil kerana kalau orang yang punya tanah itu meninggal, tidak boleh diturunkan kepada anak. Tanah TOL mesti diserahkan balik kepada Kerajaan.

Dalam keadaan ini, Kementerian Pembangunan akan mengambil balik tanah itu, setelah diambil balik mungkin akan diserahkan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Dalam hal ini, Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim telah mendaftar keperluannya supaya diberikan kepada orang kampung dan diambil maklum permohonan itu. Kalau sekiranya perlu akan diutamakan bagi

orang kampung untuk berusaha bertanam seperti bertanam buah-buahan dan sebagainya. Yang sebenarnya tempat itu kawasan berdekatan dengan Tasik Serubing dan mungkin boleh membantu penduduk-penduduk Kampung Belimbing, Kampung Subuk dan sebagainya untuk berusaha dan sebagainya. Saya akan berunding dengan Kementerian Pembangunan untuk menyerahkan tanah yang 50 hektar itu, kalau sudah selesai penyerahannya secara teratur diserahkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Terima kasih juga mencadangkan perkara itu dan juga mendaftar keperluan Yang Berhormat itu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin mahu bercakap.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola ingin menerangkan ada beberapa perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, dalam menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

- 1) Mengenai jambatan di Kampung Selapon. Saya ingin memaklumkan bahawa jambatan itu sudah pun ditender dan masa ini menunggu saja kebenaran ataupun keputusan daripada Lembaga Tawaran Negara untuk keputusan akhir mengenainya.
- 2) Mengenai dengan kawasan padi Kampung Sengkuang, sebenarnya *flat relief canals* telah pun siap dibuat dan langkah untuk membekalkan air ataupun *irrigation water* diletakkan

tersebut. Dalam bulan April ini, kita juga sudah menjemput UI daripada konsultan untuk meneliti cara-cara membuat *irrigation* dan juga bekalan air di sana.

- 3) Mengenai dengan tanah itu, insya-Allah seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, perkara itu akan dibincangkan dan jika bersesuaian tanah itu mungkin akan dapat diserahkan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan terpulanglah kepada MIPR untuk menyerahkan kepada siapa-siapa yang bersesuaian.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama ada lagi penjelasan?

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Ada lagi Yang Berhormat Pengerusi, beberapa soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat belum lagi terjawab. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai dengan penerangan tambahan itu.

Mengenai soalan Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Dulamin mengenai dengan kelapa sawit. Yang sebenarnya semasa saya menerangkan cadangan getah, tebu dan kertas itu, saya ingin menyebut yang tidak diberi sokongan itu adalah juga kelapa sawit. Jadi secara pendek, kelapa sawit belumlah diberi galakan untuk ditanam secara besar-besaran disebabkan oleh faktor-faktor yang perlu



dipertimbangkan, yang paling utama kesannya kepada alam sekitar.

Saya rasa dari segi pengeluaran kelapa sawit, kita tidak ada *comparative advantage*, *labour cost raw material* kita tinggi dan pengusaha-pengusaha dan buruh-buruh itu bukan terdiri dari orang tempatan. Itu satu pemikiran yang perlu kita nilai secara mendalam.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin ada menimbulkan tentang teknologi baru seperti fertigasi (*fertigation*) dan juga hidroponik. Memang di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ada usaha untuk mengenalkan fertigasi dan juga hidroponik. Hidroponik sudah ada, yang tidak menggunakan tanah dan ini boleh dilakukan dalam kawasan kecil, tidak perlu kawasan besar dan memberi pulangan yang lumayan dan tinggi, ini memang dialu-alukan kalau sekiranya ada pengusaha-pengusaha untuk mengadakan hidroponik ini dan kalau sekiranya perlu nasihat dan sebagainya boleh didatangkan daripada jabatan untuk mengadakan nasihat dan sebagainya.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf menyarankan mengenai dengan meningkatkan kawasan ladang padi dari 1,000 ke 1,500 hektar. Kalau ada sekiranya kawasan mungkin perkara ini akan dinilai tetapi sejauh ini belum ada kawasan yang seluas 1,000 ke 1,500 hektar tanpa menjejaskan hutan simpanan kita. Jadi cadangan ini diambil maklum sahaja dan mungkin belum dapat dilaksanakan memandangkan kawasan tanah itu terhad.

Mengenai dengan kilang baja, ini juga diambil maklum saya rasa ini satu

cadangan yang baik kalau sekiranya ada satu konsortium daripada pihak swasta mengadakan kilang baja dialu-alukan, malahan Kementerian ini telah mengalakkan konsortium yang mengeluarkan bahan-bahan makanan udang dan ikan tanpa penglibatan daripada pihak berkuasa. Pihak berkuasa mengalakkan dan memberikan kemudahan-kemudahan yang sesuai. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama atas penjelasan itu. Saya sendiri tertarik dengan rancangan untuk menanam pohon-pohon buah-buahan yang menggambarkan nama kampung-kampung seperti Kampung Tanjung Nangka digalakkan bertanam buah nangka, Kampung Manggis bertanam buah manggis, saya percaya pihak yang berkenaan akan juga mempertimbangkan kampung-kampung yang lain supaya ditanami buah-buahan dan pohon-pohon yang menggambarkan nama-namanya seperti buah belimbing, buah limau manis, buah kapok, buah rambai dan buah labu. Sekian terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan diundi. Siapa bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri ingin untuk membuat kenyataan dengan mengenai Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA). Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ini berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Yusof bin Dulamin pada 16 Mac mengenai dengan penjelasan pengambilan semula kawasan perindustrian di Sungai Duhon di Kuala Belait. Jadi ada baiknya saya memberikan sedikit latar belakang mengenai tapak perindustrian berkenaan.

Tapak perindustrian ini terletak di kawasan di Sungai Duhon di sepanjang tebing Sungai Belait. Kawasan Perindustrian Sungai Duhon ini disewakan secara Tanah Tumpang Sementara (TOL) oleh Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan kepada syarikat-syarikat termasuk yang terlibat dalam industri minyak dan gas. Pada tahun lepas, notis untuk mengosongkan kawasan telah di keluarkan oleh Jabatan Tanah pada 30 Ogos 2012 yang memaklumkan yang tapak mereka telah dibatalkan dan mereka perlu mengosongkan tempat tersebut. Walau bagaimanapun, ada kelonggaran diberikan kes demi kes untuk mengosongkannya sehingga 6 bulan. Hingga saat ini mereka diberi notis selanjutnya untuk mengosongkan tempat tersebut hingga hujung bulan Mac ini dan perbelanjaan sebanyak \$5 juta telah disediakan oleh pihak Jabatan Tanah untuk ganti rugi.

Tindakan untuk mengosongkan tapak ini adalah disebabkan semasa pemeriksaan dikendalikan, apa yang didapati adalah kawasan berkenaan dibangun dengan cara tidak teratur dan mempunyai kesan negatif kepada alam persekitaran, keselamatan dan kesihatan orang ramai seperti penyimpanan bahan bahaya dan dijadikan tempat pembuangan bahan terpakai. Kawasan tersebut juga digunakan untuk menyimpan besi-besi lama, bahan-bahan minyak dan bahan kimia yang boleh terbakar dan beracun.

Keadaan jalan yang sempit juga menyukarkan, agensi kecemasan seperti pihak Bomba dan Penyelamat dan Kereta Ambulans untuk memasuki tempat tersebut jika berlaku sebarang kejadian kecemasan. Ada sebahagian juga terbiar kosong sahaja dan mengendalikan aktiviti yang tidak ada kaitan keperluan dengan *river front* seperti tempat menyimpan kenderaan berat, keadaan sebegini adalah merugikan Negara memandangkan ini adalah *prime area* bagi industri minyak dan gas yang mana pada masa ini adalah terhad dan sukar untuk diperolehi di tempat-tempat lain di Negara ini.

Sebahagian daripada mereka telah menyewakan kepada pihak lain dan ada juga didapati menggunakannya bagi maksud persendirian seperti untuk membina kapal pelayaran persendirian bukannya untuk tujuan perniagaan. Saya sendiri melawat tempat tersebut dan melihat dengan sendiri akan keadaan yang mengecewakan dan berbahaya. Ada juga didapati oleh kerana kawasan ini dipegang secara Tanah Tumpang Sementara (TOL), mereka tiada peluang bagi pemain-pemain baru untuk memperolehi kemudahan yang sama bagi membangun perusahaan mereka masing-

masing disebabkan mereka tidak mempunyai tapak yang sesuai yang memerlukan *river front*. Perkara ini tidak selari dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangun sebanyak mungkin perusahaan-perusahaan anak-anak tempatan dengan menyediakan *level flying field* tanpa sesuatu sektor pun didiskriminasikan secara *unfair advantage* oleh mana-mana pihak. Dengan mengambil kira perkara-perkara ini, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan telah mengambil langkah bagi memperbaiki keadaan berkenaan.

Jabatan Tanah sedang mengendalikan untuk memindahkan kontraktor yang ada pada masa ini ke tapak Tanah Tumpang Sementara (TOL) lain di Kuala Balai bagi membolehkan kawasan Sungai Duhon dibangun dengan teratur. Ini termasuklah pertama infrastruktur asas akan dibina dan siap sedia supaya mana-mana syarikat akan terus dapat mengendalikan projek tanpa memerlukan kos yang tinggi bagi penyediaan kemudahan. Ianya akan mempunyai kemudahan yang lebih moden dan menepati Piawaian Antarabangsa. Akses kepada kemudahan ini dibuka secara adil kepada mana-mana syarikat marin yang mempunyai aktif kontrak secara sewa.

Bila sesebuah syarikat itu sudah habis tempoh kontraknya, tapak ini dapat disewakan kepada mana-mana syarikat yang lain yang telah memperolehi kontrak baru.

Perkara yang kedua, ada dihasratkan sebahagian kawasan berkenaan digunakan bagi menempatkan *Brunei Maritime Academy*. Insya-Allah akademi ini akan mengeluarkan tenaga-tenaga pekerja yang berpengalaman dan diiktiraf oleh *International Maritime Organisation* (IMO). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Negara memerlukan lebih ramai pegawai dan anak kapal yang berkelayakan untuk mengisikan sehingga 2,000 pekerjaan dalam sektor marin bagi aktiviti-aktiviti minyak dan gas luar pantai. Lebih 90% kerja-kerja berkenaan pada masa ini diisikan oleh orang luar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adalah penting bagi kita untuk memastikan adanya tapak perindustrian yang dapat memenuhi piawaian antarabangsa sambil membukakan kemudahan ini kepada semua pihak dengan adil dan saksama. Adalah penting juga bagi kita untuk menyediakan alam persekitaran yang bersih dan selamat, bukan sahaja bagi para pekerja dalam industri malah juga kepada orang ramai termasuklah kepada para penduduk setempat. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) ini dibuka untuk dibincangkan. Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman. Silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Tanda-tanda keberkesanan amalan harian Melayu Islam Beraja dalam kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya boleh dapat diberi pujian, begitu juga di sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi tinggi dan lain-lain pertubuhan yang dipunyai oleh Kerajaan. MIB ternyata sedang giat berjalan dan ada yang sudah sampai ke tahap yang membanggakan. Contohnya MIB dimasukkan dalam mata pelajaran disemua sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi-institusi tinggi. Apakah program-program seperti mana yang dijalankan dalam kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya dan sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi tinggi? Saya ingin bertanya mengenai dengan Wawasan 2035 yang mana ada disebutkan mengenai strategi pembangunan perniagaan tempatan bagi meningkatkan peluang kepada pengusaha kecil dan sederhana tempatan dan membolehkan rakyat Melayu Brunei menjadi pemimpin dalam perniagaan.

Kalau diertikan, impian ini memang ke arah hala tuju yang berteraskan kenegaraan iaitu berbangsa, beragama dan beraja yang memberi tekanan penting untuk diasaskan supaya dapat melahirkan anak bangsa Melayu yang dapat menyertai dan bergabung membangunkan ekonomi Negara untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi seperti sentiasa dapat mempertahankan ekonomi di bumi Negara Brunei Darussalam. Soalan saya ialah:

1) Apakah program khas bagi mengenal pasti perniagaan Melayu boleh diangkat untuk dijadikan sepertimana

yang dirancangan di dalam strategi Wawasan 2035?;

- 2) Jika sudah ada apakah pencapaiannya?;
- 3) Di tahap manakah mereka ini dikategorikan?; dan
- 4) Dimanakah dan macammanakah caranya Negara mengangkat mereka?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. BINA telah diberi peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014 sebanyak \$3.85 juta. Dengan peruntukan itu, saya percaya BINA dapat memainkan peranannya dengan lebih aktif untuk turut memajukan lagi syarikat-syarikat koperasi di Negara ini. Memang ada syarikat-syarikat koperasi yang berpotensi untuk membuat pelaburan di luar negeri, bukan sahaja dengan skala besar bahkan dalam skala kecil dan sederhana. Tetapi ada kekhawatiran langkah melabur di luar negeri itu akan membawa risiko negatif yang membawa kerugian kepada syarikat akibat kurang arif tentang kedudukan sebenar syarikat di mana pelaburan itu akan ditembusi.

BINA boleh memainkan peranan aktif bagi memberikan maklumat sebenar mengenai tempat-tempat untuk pelaburan itu dibuat, memandangkan ianya sebuah agensi Kerajaan yang tentunya ada membuat perhubungan dengan syarikat-syarikat luar negeri bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu. Saya mencadangkan supaya BINA bergerak lebih aktif ke arah memberikan peluang kepada syarikat-syarikat koperasi tempatan untuk tujuan-tujuan pelaburan demi untuk meningkatkan dan meluaskan lagi kegiatan-kegiatan ekonomi syarikat-syarikat berkenaan dan bagi menyumbang ke arah penjanaan ekonomi Negara. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Koperasi syarikat-syarikat di kampung-kampung dan mukim-mukim telah giat berjalan pada tahun 70an yang mana ianya telah banyak melahirkan syarikat-syarikat dan koperasi yang berjaya dan ada juga yang terkandas di tengah jalan. Saya mengusulkan supaya kegiatan ini dicadangkan semula supaya setiap mukim dan kampung ada koperasi dan syarikatnya. Ini bertujuan untuk memberi saingan kepada peniaga-peniaga Ali Baba. Harga barang-barang runcit hendaklah dikawal oleh BINA supaya lebih murah dari kedai-kedai Ali Baba.

Dengan ini, orang-orang yang kurang mampu dapat berbelanja di tempat yang murah dan sekurang-kurangnya dapat menjimatkan perbelanjaan bulanan 30% hingga 40%. Ianya juga berhasrat untuk

mengurangkan orang-orang kita daripada membeli keperluan ke sebelah sempadan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya cuma ada satu isu sahaja, iaitu mengenai dengan Koperasi Persatuan Belia. Mengimbas kembali dalam tahun 60an, Persatuan Belia di Negara ini mempunyai koperasinya sendiri untuk meningkatkan ekonomi ahli-ahlinya. Kalau dikira pada masa itu, betapa teguhnya permuafakatan ahli-ahlinya sendiri. Walau bagaimanapun bahawa sejak akhir-akhir ini ada di antara koperasi berkenaan mengambil jalan pintas dengan menyewakan kepada orang asing. Saya berpendapat bahawa Akta atau Peraturan-Peraturan Koperasi ini perlu dikemaskinikan dengan mengambil kira supaya tidak di Ali Baba tetapi menurut istilah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan Ali Mamak, yang mana trend ini nampaknya menjadi satu jalan mudah tanpa melihat impaknya kepada orang-orang kitani atau generasi yang akan datang. Saya penuh yakin bahawa dengan adanya akta atau peraturan-peraturan sedemikian dikemaskinikan, maka peluang pencari kerja dapat dilaksanakan bagi mengurangkan masalah pengangguran dan mereka ini boleh diambil bekerja di tempat berkenaan.

Kalau kita melihat dan meneliti di kedai-kedai runcit di kampung-kampung kesemuanya dimonopoli oleh Ali Mamak. Apakah perkara ini kita biarkan begitu saja tanpa mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya, tambahan pula Kerajaan sentiasa menggalakkan supaya di bidang perekonomian ini diceburi oleh anak-anak kitani Brunei, terutamanya belia-belia mengambil bahagian yang positif ke arah ini.

Saya berpendapat bahawa selain daripada akta peraturan-peraturan yang berkaitan dikemaskinikan, ada baiknya juga koperasi yang mengambil jalan pintas ini akan dapat dibantu dari segi kewangan mengikut syarat-syarat yang tertentu. Akhirnya saya berharap supaya apa jua yang saya sarankan ini akan dapat difikirkan dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sekian dan terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Tahniah kepada Jabatan BINA kerana telah dapat mengubah landskap koperasi-koperasi di Negara ini dengan meneliti dan kesesuaian senario perniagaan yang lebih mantap dan berdaya saing.

1) Kaola ingin tahu berapa buah koperasi bertaraf asas, pertengahan dan menengah yang boleh diiktiraf sebagai memenuhi piawaian dan kayu ukur Jabatan BINA. Seperti yang kita ketahui bahawa Koperasi Nasional merupakan koperasi indung dan merangka berbagai strategi bagi

kemajuan koperasi di Negara ini dan semalam kita dimaklumkan bahawasanya Koperasi Nasional tidak termasuk dalam Akta Koperasi. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan supaya koperasi-koperasi yang berpontensi dan berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada ahli-ahlinya serta menurut peraturan akta koperasi-koperasi dan berjaya serta mempunyai aset yang tinggi akan dapat secara bersepadu, menubuhkan koperasi berskala besar ataupun atasan yang diharapkan akan dapat membantu koperasi-koperasi berskala kecil. Kerana kita menyedari bahawa banyak koperasi-koperasi kecil dan sederhana di Negara ini telah terpaksa gulung tikar disebabkan beberapa hambatan persaingan yang hebat dengan kehadiran orang asing di kampung-kampung, di bandar dan di pedalaman.

Saya penuh percaya jika koperasi berskala besar dapat membantu dari segi khidmat nasihat dan permodalan. Maka saya percaya kewujudan koperasi-koperasi ini akan dapat dipulihkan asalkan sanggup bersaing dan mempunyai pemimpin yang berkaliber.

2) Peluang Menceburi Perniagaan. Mengikut Akta Koperasi 1984 ada menyatakan bahawa koperasi adalah dikecualikan daripada cukai barangan import. Ini telah memberikan ruang yang cukup luas kepada koperasi. Soalnya, adakah akta ini dapat dipraktikkan? Saya merujuk kepada permohonan Koperasi Tasamul tentang pembelian bas keluaran Hino di mana bas ini telah diimport dari Kuala Lumpur (Terangganu) dengan harga

yang lebih murah daripada pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, cukai telah dikenakan kepada koperasi sebanyak B\$50,000 bagi 2 buah bas dengan modal yang sama. Saya masih waham tentang pengecualian cukai ini.

- 3) Permit Bas Keluar Negeri. Pengusaha-pengusaha bas khususnya koperasi yang membawa pelancong ke luar negeri akan dapat dipermudahkan pengambilan permit bas berkenaan supaya dapat melalui *online* sepertimana yang dirancang bagi kemudahan agen-agen pelancongan beroperasi dengan mudah.
- 4) Skim Pinjaman. Adalah dicadangkan supaya koperasi akan dapat Skim Pinjaman bagi mengembangkan koperasi kerana kadar pinjaman yang dikenakan oleh beberapa buah bank, keuntungan yang dikenakan adalah agak tinggi dan juga dalam kesempatan ini saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini agar pinjaman akan dapat diberikan kepada koperasi-koperasi Negara ini.
- 5) Bas Sekolah. Dicapangkan supaya diberikan kepada koperasi kerana koperasi mempunyai keahlian yang begitu ramai. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi, tentang sejauh manakah kementerian-kementerian mengamalkan MIB. Dua perkara yang

perlu saya tekankan di dalam Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu pemberian mana-mana tapak dan mana-mana kemudahan sememangnya diutamakan penduduk bumiputera, penduduk-penduduk rakyat Melayu memang sudah dikenalkan. Di samping itu, apa yang perlu kita di tangani pada masa ini melibatkan 2 peringkat:

- i) Untuk membesarkan *pie (enlarging the pie)*
- ii) Macamana mengagihkan *pie (dividing the pie)* itu. Usaha di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada masa ini ialah untuk membesarkan pie tersebut dan jika telah berjaya, kita akan memikirkan macamana untuk mengagihkan pembahagiannya. Usaha yang paling penting ialah macamana kita akan membesarkan pie itu yang mana cabaran membesarkan pie itu lebih sukar disebabkan keadaan ekonomi Negara kita. Walau bagaimanapun, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah satu soalan yang strategik. Saya rasa perlu diambil kira untuk kitani memikirkan macamana memartabatkan pengusaha-pengusaha bumiputera dan menjadikan orang-orang melayu sebagai tuan dalam perniagaan dan sebagainya.

Soalan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid mengenai dengan koperasi, ini diambil perhatian cadangan Yang Berhormat Pehin itu supaya BINA memainkan peranan untuk memberitahu tentang maklumat peluang-peluang pelaburan di luar Negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa pergerakan koperasi telah pun disegarkan pada masa ini dengan menubuhkan satu unit bagi mengawasi perkembangan koperasi. Pada waktu dahulu, terdapatnya satu Jabatan Kerjasama Koperasi.

Setelah dipindah ke Kementerian, Jabatan Kerjasama Koperasi diserapkan di BINA. Baru-baru ini, kementerian merasakan supaya ada satu jabatan ataupun satu unit di Kementerian untuk menangani keperluan-keperluan pergerakan koperasi.

Kedua, pergerakan koperasi telah pun dimantapkan dengan mengadakan satu perintah akta baru, iaitu Akta Koperasi, yang mana akan mengukuhkan pergerakan koperasi di Negara ini. Diharap sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, BINA dengan *set-up* baru ini akan bergerak dengan lebih aktif dan lebih terlibat.

Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit, mengenai dengan orang-orang kampung, dicadangkan perlunya berkoperasi bagi mengelakkan kedatangan pendatang-pendatang di kampung-kampung ini, adalah digalakkan orang-orang kampung itu untuk menubuhkan koperasi masing-masing, jika mencukupi. Memang ada kemudahan-kemudahan untuk menubuhkannya dan boleh sahaja ditubuhkan dan bagi kementerian membantu .

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha ada menyebutkan tentang Koperasi Persatuan Belia, memang dahulu banyak aktif kegiatan-kegiatan koperasi dan sekarang berkurangan. Ini tertakluk kepada *governance* (orang yang

menganggotai) koperasi tersebut. Saya ingat dulu-dulu koperasi itu dianggotai oleh orang-orang yang bekerja sepenuh masa. Tetapi pada masa ini, ahli-ahlinya itu kadang-kadang diserahkan kepada *Board of Governors* nya yang mana adalah bukan secara sepenuh masa tetapi secara sambilan. Jadi itu yang menjejaskan keberkesanan koperasi tersebut. Seperti yang saya sebutkan, dengan adanya satu unit di Kementerian, ianya boleh menangani keperluan pergerakan koperasi supaya akan dapat dimajukan lagi.

Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim menimbulkan mengenai dengan berapa koperasi asas, menengah dan atasan. Ini belum lagi diperkenalkan sebab perundangan ini, Perintah Undang-Undang ini akan diperkenalkan pada musim mesyuarat kesembilan ini dan selepas diluluskan akan menjadi undang-undang. Ada keperluan baru untuk menubuhkan koperasi asas, bukan lagi 10 orang tapi 30 orang dan koperasi menengah akan ditubuhkan melibatkan beberapa koperasi lain dan koperasi atasan juga akan melibatkan beberapa koperasi. Jadi ada keperluan-keperluannya untuk menubuhkan setiap jenis koperasi itu. Ia bagi membolehkan koperasi-koperasi ini mengumpulkan keupayaan dan juga kewangan mereka untuk lebih berkesan.

Ini belum dapat diketahui berapa koperasi menengah dan berapa koperasi atasan tapi koperasi asas itu sebanyak 158 dan yang aktif cuma 68 sahaja. Koperasi menengah yang dulu disebutkan Gerakan Koperasi Nasional itu, dikira bertaraf menengah ataupun atasan, cuma pada waktu penubuhannya itu tanpa ada perundangan yang tertentu. Tapi dengan adanya perundangan baru ini, ia secara langsung bolehlah ditubuhkan, sekiranya



perlu, untuk menubuhkan balik Gerakan Koperasi Nasional tersebut.

Seperti yang ditimbulkan mengenai dengan cukai dan sebagainya, itu nanti akan saya nilai perkara ini. Yang sebenarnya pengecualian itu belum ada pengecualian secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, perkara itu akan diberi pengecualian oleh *His Majesty in Council* (Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat).

Saya rasa kemudahan kewangan bagi koperasi sekiranya skim-skim yang diungkayahkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terbuka kepada koperasi dan ini boleh didapatkan jika sekiranya bersesuaian. Memang ada kemudahan-kemudahan seperti itu, kalau sekiranya perlu boleh mengadakan perundingan di kementerian untuk mendapatkan kemudahan kemudahan kewangan.

Itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi mengenai dengan perkara tersebut.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Perhubungan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perhubungan:** Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tadi terdengar 3 soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai bas iaitu:

1) Bas Tasamul. Perkara itu telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Walau bagaimanapun, kaola

akan meneliti juga perkara ini daripada *MTLA (Motor Transport Land Authority)*, jikalau ada apa-apa yang relevan di sana.

2) Kemudian Yang Berhormat Tuan Haji Jumat tadi ada menyarankan supaya permit untuk bas keluar negeri daripada syarikat-syarikat koperasi ini akan dibuatkan secara *online*. Perkara ini adalah satu cadangan yang baik dan akan diteliti.

3) Yang Berhormat juga mencadangkan supaya bas pengangkutan sekolah diberikan kepada koperasi. Sebenarnya pihak yang bertanggungjawab memberikan kepada koperasi ini ialah Kementerian Pendidikan. Tetapi Kementerian Perhubungan akan menilai *road worthiness* kereta-kereta tersebut dan apabila ia *road worthy* bolehlah Kementerian Pendidikan memilih daripada kenderaan-kenderaan yang *road worthy* ini untuk diberikan kepada pengangkutan murid-murid sekolah.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SH05A - Jabatan Kemajuan Industri Brunei (BINA), ada baiknya diundi. Siapa bersetuju? Sila angkat tangan. Terima kasih. Tajuk SH05A - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) diluluskan.

**Yang Dimulihkan Jurutulis I:** Tajuk SH05A – Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Berhormat, ada baiknya perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan

dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula, tapi ditangguhkan untuk berehat selama 20 minit. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan bagi membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa diteruskan saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula. Kita masih lagi membincangkan Jadual Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Hanya sebuah jabatan saja lagi untuk dibincangkan.

Maka kita beralih ke Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Di Negara Brunei Darussalam terdapat banyak taman-taman rekreasi semulajadi. Di samping taman-taman yang diusahakan oleh sesetengah jabatan iaitu Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ada juga usaha-usaha orang berkumpul dan perseorangan. Di Daerah Belait saja terdapat banyak taman-taman rekreasi seperti Taman Jubli Anduki, Taman Rekreasi Sungai Liang, Air Terjun Wong Kadir dan beberapa taman air terjun semulajadi yang ada di kawasan Mukim Labi, Sukang dan Melilas.

Terdapat sesetengah taman rekreasi diminati dan mendapat perhatian dari beberapa jabatan yang berkenaan seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang mempunyai kepentingan iaitu di Sungai Ingei, Ulu Melilas. Termasuklah Jabatan Perhutanan, Jabatan Daerah dan lain-lain jabatan. Tempat-tempat seperti ini saya rasa mungkin diminati oleh pelancong-pelancong yang datang dari rantau Asia, Eropah dan lain-lain.

Penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang saya sebutkan di atas tadi kurang berkemampuan untuk memberigakan dan menguasai taman-taman tersebut supaya ianya benar-benar menjadi taman rekreasi yang dapat menarik lebih ramai pelancong untuk mengunjunginya.

Mengikuti perangkaan dari Jabatan Penerbangan Awam pada 6 bulan pertama bagi tahun 2011, kedatangan pelancong ke Negara kita hampir mencecah 17.8% iaitu kira-kira 425,000 orang berbanding pada tahun sebelumnya. Manakala statistik penginapan di 6 buah hotel pada tahun tersebut telah mencatat kira-kira 43%.

Ini ternyata pelancongan adalah satu produk yang dapat dikembangmajukan di Negara kita. Dalam hubungan ini, saya berpandangan taman-taman rekreasi yang ada di Negara kita ini boleh menambah destinasi-destinasi pelancongan selain daripada yang sedia ada seperti Kampong Ayer, Taman Belalong di Daerah Temburong dan lain-lain lagi. Dicadangkan supaya pengusaha kecil dan sederhana kita diberi peluang latihan dan bimbingan serta dibantu dalam bidang pelancongan ini. Terutamanya dalam meneroka usaha sama dengan agen-agen pelancongan di negara-negara yang saya sebutkan di atas tadi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak akan berpanjang lebar dalam membahaskan Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan ini. Sepertimana pada tahun lepas, di Dewan yang mulia ini saya telah mengetengahkan mengenai cadangan eko-pelancongan bagi Kampung Kuala Balai. Sepertimana yang dimaklumi, pelan induknya telah pun dibuat dan dihadapkan kepada Jabatan

Kemajuan Pelancongan. Cuma saya ingin mengetahui dan mengambil kesempatan, bagaimanakah perkembangan cadangan eko-pelancongan di Kampung Kuala Balai pada masa ini? Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan mengutarakan 4 perkara di Dewan yang mulia ini:

- 1) Taman Negara Ulu Belalong di Daerah Temburong adalah salah satu destinasi pelancongan yang dikenali dengan keindahan flora dan faunanya. Antara yang menjadi tumpuan dan tarikan para pelancong adalah sungai yang bersih, hutan yang indah dan tebal, titian selera, Wasai Sungai Apan dan jambatan gantung. Untuk memperlihatkan imej Negara di mata pelancong, kemudahan-kemudahan yang disediakan patut diambil perhatian penjagaannya terutamanya apabila terdapat kerosakan.

Dalam hal ini jambatan gantung telah pun mengalami kerosakan akibat bencana alam yang terjadi pada April 2012. Para pelancong yang melawat ke destinasi yang terkenal itu terkilau dan kecewa serta tertanya-tanya dengan keadaan jambatan gantung yang sudah lama terputus belum lagi diperbaiki hingga masa ini. Kaola ingin tahu mengapakah kelambatan-kelambatan seperti ini boleh terjadi dan bagaimana cara untuk mengatasinya?

- 2) Memandangkan Taman Negara Ulu Belalong juga adalah destinasi pelancongan yang sentiasa dikunjungi oleh pelancong dari luar dan dalam negeri. Dalam pandangan kaola adalah difikirkan perlu membuat satu pos kawalan keselamatan di kawasan tersebut untuk menangani jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diinginkan dan kecemasan.
- 3) Dengan izin di Dewan yang mulia ini, kaola memohon maaf sekiranya perkara ini sedikit terkeluar dalam tajuk ini dan jika ianya bukan dalam bidang tanggungjawab Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Negara Brunei Darussalam sudah dikenali di mata dunia sebagai sebuah Negara yang aman dan damai. Untuk menaikkan imej Negara ke mata pelancong luar negara dan apa yang dapat dilihat bahawa tahap kebersihan tandas-tandas awam yang perlu diambil perhatian kerana sering saja didengar dari pelancong-pelancong luar dan pengguna akan kebersihan tandas-tandas awam yang kurang memuaskan. Soalan kaola apakah usaha-usaha pihak yang berkenaan untuk meningkatkan tahap kebersihan tandas-tandas awam di Negara ini?; dan
- 4) Untuk menjamin kemajuan dan perkembangan eko-pelancongan di Daerah Temburong dalam jangka masa panjang kaola bertanya, apakah ada dalam perancangan pihak kementerian untuk mewujudkan badan kemajuan pelancongan di Daerah Temburong? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Saya akan membawa eko-Pelancongan di Daerah Tutong. Di Daerah Tutong terdapat beberapa buah tempat yang menarik yang dikenali sebagai tempat industri pelancongan. Tempat-tempat yang sudah dikenali sebagai tempat pelancongan di Daerah Tutong ialah Tasek Merimbun terletak di Ulu Tutong, Pantai Seri Kenangan di Kuala Tutong, Taman Rekreasi Sungai Basong di Bukit Bendera dan beberapa kawasan baru yang sedang dikembangmajukan seperti Wasai Batu Mapan di Kampung Padnunok, Kampung Kiudang dan lain-lain tempat lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, industri pelancongan memberikan impak yang positif dalam meningkatkan ekonomi negara. Industri pelancongan termasuk industri eko-pelancongan jika dikelola dengan baik dan terarah akan memberi peluang yang baik untuk penduduk setempat mendekati ekonomi mereka. Selain dari itu industri eko-pelancongan boleh meningkatkan pembangunan kapasiti (*capacity building*) dan juga memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan sekaligus dapat mengurangkan jumlah pengangguran dan secara tidak langsung dapat membasmi kemiskinan.

Meninjau tempat-tempat yang saya sebutkan di atas, saya sangat prihatin secara pengelolaan tempat-tempat ini yang tidak mencapai kepiawaian eko-pelancongan yang sebenar. Contohnya Tasek Merimbun, tempat Taman Kupu-Kupu sebagai tempat tarikan pelancong tempatan dan luar negara yang saya sifatkan sebagai satu usaha yang sangat baik tetapi apa yang saya perhatikan ialah kekurangan pengurusan yang baik seperti kupu-kupu yang mati tidak diganti.

Dari segi kemudahan seperti surau yang disediakan terlalu kecil, tandas yang kotor dan juga tidak berair. Begitu juga Pantai Seri Kenangan di mana tandas yang kotor, landskap yang tidak tersusun, restoran yang tidak standard dan kawasan yang berlopak-lopak yang kurang dipelihara. Keadaan bangunan Istana Pantai yang ada tidak berseri dan perlu diperbaiki dan dicantikkan semula.

Manakala Taman Rekreasi Sungai Basong tidak seindah namanya di mana terdapat rumah-rumah budaya yang buruk dan tidak terurus. Restoran yang tidak standard, tandas yang tidak berfungsi dan kawasan yang tidak terjaga. Dalam Buku Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Kerajaan Wawasan 2035, muka surat 108 (716), peruntukan sebanyak \$38.1 juta telah disediakan bagi tujuan pelancongan ini.

Saya ingin mencadangkan sebahagian dari jumlah tersebut diagihkan kepada Daerah Tutong bagi menaik taraf tempat-tempat pelancongan yang terdapat di daerah ini. Ini termasuklah menyediakan prasarana bagi membolehkan penduduk-penduduk tempatan menjalankan perniagaan yang bersesuaian.

Meminta agensi-agensi pelancongan memberikan promosi yang positif atas tempat-tempat pelancongan ini dan menjadikan tempat-tempat rekreasi ini sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, salah satu pintu masuk pelancong adalah melalui Pelabuhan Muara. Apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan di tempat Pelabuhan Muara tersebut dalam memberikan kemudahan-kemudahan pelancong-pelancong berurusan seperti menyediakan meja maklumat dan lain-lain; dan

Saya telah mendapat maklum bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan ada rancangan untuk membina pentas ataupun dewan bertempat di Kampung Sungai Matan yang mana kampung ini adalah menjadi kunjungan pelancong-pelancong luar negeri dan dalam negeri. Soalan saya bilakah projek ini dilaksanakan dan dijangka siap?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai beberapa taman-taman rekreasi di Negara Brunei Darussalam khususnya Daerah Belait banyak yang disebutkan. Memang peluang-peluang untuk PKS menggunakan kemudahan-kemudahan itu untuk dijadikan perusahaan sebagai pemandu ataupun Jurupandu (*guide*). Jadi di kementerian bekerjasama untuk membantu mana-mana PKS untuk mengadakan khidmat jurupandu dan sebagainya.

Ada beberapa penduduk yang kurang berkemampuan seperti di Kampung Melilas dan di Kampung Sukang boleh dipertimbangkan. Pada kawasan-kawasan yang sensitif seperti di Sungai Ingai bukan saja akan dibantu secara menyiapkan mereka untuk menjadi *guide* dan malahan juga pengawasan oleh pihak-pihak di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama seperti Jabatan Perhutanan dan sebagainya. Sebab ini sebagai satu produk pelancongan.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai Kuala Balai yang sebenarnya tahun ini ada satu peruntukan dalam \$150 ribu untuk melaksanakan *masterplan* Kuala Balai itu. Kuala Balai itu sudah ada *masterplannya*. Pelaksanaan *masterplan* Kuala Balai itu akan dilaksanakan secara '3P' iaitu *Private, Public, Partnership* dan sekiranya kalau ada sudah *private sector* yang berminat untuk melaksanakan *masterplan* itu, kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membantu dan dapat barangkali menggunakan peruntukan yang disediakan dalam \$150 ribu itu. Jadi pada

tahun ini, sejauh ini belum ada pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan *masterplan* tersebut.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai di Daerah Temburong. Memang diakui telah berlaku kerosakan sewaktu cuaca buruk dalam bulan April pada tahun lepas yang mana menjejaskan jambatan gantung di kawasan Ulu Temburong dan kawasan sekitarnya. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perhutanan telah melaksanakan langkah-langkah untuk membaiki semula jambatan tersebut dengan menghadapkan permohonan dan juga memohon supaya ia disegerakan dan memang dikesali berlakunya perkara-perkara tersebut.

Di samping itu, kerja yang perlu dilakukan ialah kerja yang lebih berkesan supaya mengelakkan perkara-perkara tersebut daripada berlaku lagi. Ada beberapa perkara yang boleh mengurangkan kesannya kepada Jambatan Gantung seperti menguatkan tebing-tebing dan mana-mana pokok yang boleh menjejaskan dan akan tumbang mungkin akan di potong dan sebagainya.

Pada masa ini masih dalam penelitian dan akan dibaik pulih sebaik saja ada peruntukan yang sesuai. Walau bagaimanapun Ulu-Ulu Temburong itu masih dibuka disebabkan kemudahan lain seperti *canopy walk* masih boleh digunakan. Jambatan gantung itu tidak menjejaskan pelancongan, cuma ia kurang daripada apa yang diharapkan. Walau bagaimanapun perkara itu dimaklumkan kepada pelawat-pelawat yang akan datang bahawa kemudahan jambatan

gantung itu tidak dapat digunakan demi keselamatan.

Taman Negara Ulu Temburong, seperti Yang Berhormat sebutkan sama ada bolehkah diadakan pos kawalan? Yang sebenarnya di Taman Negara Ulu Temburong sudah ada satu pos kawalan keselamatan yang berdekatan dengan *two river terrace* sejak tahun 2008. Jabatan Perhutanan juga ada mempunyai sistem perhubungan antara Taman Negara Ulu Temburong dengan Pejabat Perhutanan di Daerah Temburong. Jika berlaku sebarang kecemasan akan dapat dilakukan dengan berkesan, cepat dan melalui perhubungan telefon.

Mengenai tandas-tandas awam, memang tanggungjawab untuk memastikan tandas-tandas awam ini bersih dan sebagainya tidak terletak sepenuhnya kepada kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Pelancongan. Cuma yang dapat dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah untuk memastikan dan juga untuk memberitahu kepada orang ramai supaya lebih bertanggungjawab tentang penggunaan tandas-tandas awam ini, sebab ia sebagai satu imej Negara kalau sekiranya tandas-tandas awam tidak dijaga ataupun dibersihkan.

Usaha ini berterusan dan usahasama dengan jabatan-jabatan lain terutama sekali Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang dilakukan oleh Bahagian Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah bagi mengadakan satu kumpulan untuk mengadakan lawatan dan juga mengadakan pengredan kepada tandas mana yang mencapai 3, 4, 5 bintang dan

sebagainya bagi memudahkan orang mengenal pasti bahawa tandas-tandas dan juga bagi kemudahan pelancong-pelancong.

Seterusnya soalan ketiga daripada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman ialah sama ada diadakan Badan Kemajuan Pelancongan di Daerah Temburong. Memang digalakkan supaya pihak-pihak yang terlibat itu mengadakan satu badan. Di mana-mana negara pun badan pelancongan setempat itu adalah dianggotai dan dikuasai oleh pihak-pihak yang berkuasa di setempat, ertinya orang-orang yang terlibat, pihak-pihak yang berkuasa di tempat berkenaan dan tidak semestinya pihak kerajaan terlibat dalam penubuhan badan tersebut.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah, eko-pelancongan Daerah Tutong memang dikenal pasti beberapa Taman-Taman Rekreasi, Tasek Merimbun dan sebagainya. Permohonan Yang Berhormat supaya peruntukan diagihkan ke Daerah Tutong akan di lihat secara sesuai sama ada dapat diusahakan dan kerja-kerja pembersihan tandas dan sebagainya. Pembisaian kawasan-kawasan Taman Kupu-Kupu di Tasek Merimbun akan dibawa ke pengetahuan pihak yang berkenaan iaitu di Jabatan Muzium-Muzium. Pada masa ini merekalah yang mengawasi Taman tersebut, satu taman yang baik dan adalah salah satu daripada produk pelancongan yang boleh dimajukan.

Menyediakan meja maklumat, seperti Yang Berhormat Tuan Haji Gapor sebutkan di Pelabuhan Muara selalunya memang ada satu meja maklumat jika tidak ada meja maklumat ada satu ruang dimana maklumat-maklumat mengenai

kemudahan-kemudahan pelancongan di Negara Brunei Darussalam disiapkan di mana-mana pintu kemasukan di Negara Brunei Darussalam bukan saja di Lapangan Terbang Antarabangsa. Saya akan memastikan jika pun tidak ada bilik sekurang-kurangnya satu meja akan disediakan.

Kerja-kerja untuk membangun dewan di Kampung Sungai Matan sudah siap dilaksanakan pada tahun ini. Itu saja yang dapat disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola ingin memberikan respons kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu mengenai Taman Kulimambang walaupun dinyatakan Taman Kupu-Kupu tapi digunakan istilah sebagai kulimambang. Itu dalam makna pengurusan taman tersebut dalam pengamatan Yang Berhormat adalah kurang teratur terdapat kupu-kupu yang mati, perlu difahami bahawa Taman Kulimambang itu adalah merupakan sebagai bahan pendidikan, eko-sistem berhubung dengan kulimambang.

Sememangnya *life cycle* kulimambang bukannya panjang seperti binatang-binatang yang lain ada hanya sampai

seminggu maka kulimambang itu akan mati tapi ia membiak. Kulimambang mati itu bukan disebabkan oleh kecuaiian pengurusan tetapi merupakan sebagai satu kitaran hidup yang memberikan pendidikan kepada pelawat-pelawat khususnya penuntut-penuntut sekolah mengenai dengan *life cycle* kulimambang itu. Walau bagaimanapun pengamatan Yang Berhormat itu diambil perhatian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada soalan mengenai dengan jambatan gantung yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Sukacita memaklumkan bahawa jambatan gantung itu sudahpun ditender dan oleh kerana *design* itu lebih daripada bajet maka dipulangkan semula untuk dikaji semula.

Mengenai Taman Sungai Basong yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, sebenarnya Sungai Basong akan dijadikan Taman Herba, masa ini proses penanaman sudah pun dimulakan dan kerja-kerja lain seperti membaik pulih rumah budaya sedang dibuat, rumah puak Iban sudah siap dan rumah puak Cina dan Kedayan sedang dibaik pulih. Jadi insya-Allah Sungai Basong akan dijadikan satu taman yang menarik untuk pelancong, bukannya dibiarkan saja seperti yang telah pun dikatakan tadi itu, terima kasih.



**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan diundi, yang bersetuju?

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

Terima kasih. Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan diluluskan.

**Yang Dimuliakan Jurutulis I:** Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sekarang beralih kepada Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama, mungkin Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin untuk memberikan mukadimah, silakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola memohon izin untuk membuat sedikit mukadimah sebelum membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama 2013/2014. Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperuntukkan sebanyak lebih dari \$256 juta bagi menggerakkan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini dan aktiviti-aktivitinya.

Peruntukan ini insya-Allah, akan mencukupi malah Kementerian Hal Ehwal Ugama ini merasa lega dan gembira

bila mana Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) telah secara umum membayangkan akan menimbangkan tambahan peruntukan jika masih ada keperluan dengan disokong oleh sebab-sebab dan asas-asas yang kukuh. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan rahmat kepada Raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Walaupun Kementerian Hal Ehwal Ugama bukan sebuah kementerian yang akan membawa pulangan berbentuk *material* atau kebendaan sebagaimana lain-lain kementerian, namun di sebalik itu ia turut membawa keselamatan, keharmonian dan kestabilan kepada Negara kita yang tercinta ini dari segi kerohanian, *spiritual* dan keyakinan insan yang bertuhankan Allah Subhanahu Wata'ala yang suci, luhur dan murni.

Jelasnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sebuah agensi Kerajaan yang bergerak dalam bidang keagamaan memandangkan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam memaktubkan bahawa Islam adalah agama rasmi Negara mengikut aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Maka Kementerian Hal Ehwal Ugama turut berada di barisan hadapan untuk mendukung kehendak Perlembagaan ini. Kementerian Hal Ehwal Ugama ini turut berfungsi untuk menanai dan memajukan visi Negara iaitu Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur yang bermaksud "Negara Yang Baik Serta Aman Makmur dan Sejahtera".

Atas dasar inilah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan-Jabatan

di bawahnya bergerak dalam bidang dakwah, pendidikan agama, perundangan Islam, pemeliharaan akidah, memeduli hal ehwal masjid, zakat baitulmal, urusan haji, urusan permakanan halal dan sebagainya. Maka dengan adanya kerjasama penuh dari Kementerian Kewangan khasnya dan lain-lain kementerian serta masyarakat seluruhnya di sektor awam dan sektor swasta, Kementerian Hal Ehwal Ugama ini telah dapat bergerak dengan lancar dan mudah.

Kementerian Hal Ehwal Ugama ini juga mendukung risalah Negara Zikir dan Negara Melayu Islam Beraja (MIB). Negara Zikir dan Negara Melayu Islam Beraja (MIB) ini pada hakikatnya dapat dikatakan sudah bermula sejak Negara Brunei Darussalam menerima Islam di tangan Sultan Brunei yang pertama, Sultan Muhammad Shah dalam kurun yang ke-14 Masehi dan ia didakwahkan dan dimasyarakatkan oleh Sultan Brunei yang ke-3 yang sangat berjasa iaitu Sultan Sharif Ali. Sehingga ke hari ini, kita melihat Islam semakin kuat bergerak, bertapak dan berkembang maju di Negara ini dengan kepimpinan raja-raja kita yang soleh lagi bijaksana khasnya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan keazaman yang kuat tidak kendur-kendur mengajak, mengingatkan dan memeduli pembangunan Islam di Negara ini. Kerana pembangunan yang sebenar

itu, menurut Baginda adalah pembangunan duniawi dan ukhrawi yang mengingat dan berpegang teguh kepada kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala dan mengikut ajaran Islam. Ini kerana dalam ajaran Islam itu ada pegangan yang mantap dari segi akidah dan syariah, ada galakan menuntut ilmu, pembentukan akhlak yang sempurna, konsep-konsep persahabatan dan setia kawan, kejiwaan, keadilan dan kasih-mengasihi antara pemerintah dengan yang diperintah. Segala unsur-unsur negatif dan yang membawa kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala mesti dijauhi dan dihindari dan banyak lagi ciri-ciri membina dan unggul.

Bagi mencapai visi Kementerian Hal Ehwal Ugama serta mendukung aspirasi Negara Zikir dan meningkatkan penghayatan beragama di Negara ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dan akan terus melaksanakan pelbagai rancangan dan program dengan berfokuskan kepada 6 bidang strategik seperti yang terkandung dalam Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010/2014 iaitu:

- 1) Pendidikan agama berkesan;
- 2) Amar Ma'ruf Nahi Mungkar;
- 3) Keselamatan sosial terjamin;
- 4) Undang-undang Negara memenuhi hukum syarak;
- 5) Permakanan dan barang gunaan adalah halal dan suci; dan
- 6) Perkhidmatan berkualiti dan cemerlang.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan dan institusi-institusi di bawahnya sentiasa bekerjasama dan bersatu dalam merancang bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi, kondusif dan dinamik bagi orang ramai khususnya masyarakat Islam di Negara ini supaya dapat belajar dan beribadat serta melaksanakan tuntutan kewajipan mereka dengan selesa dan selamat.

Secara umum, pada masa ini 2 buah masjid telah pun siap pembinaannya dan menunggu masa untuk digunakan. Sementara ada 7 buah masjid lagi dalam perancangan untuk dibangunkan. 2 buah sekolah ugama baru siap pembinaannya telah pun digunakan dan ada 4 buah sekolah ugama lagi dalam proses untuk dimulakan pembinaannya. Sebuah sekolah Arab hampir siap pembinaannya dalam 90% dan ada 3 buah lagi sekolah Arab dalam proses untuk dimulakan pembinaannya.

Bagi bangunan-bangunan yang sedia ada di mana kebanyakannya telah mencapai usia lebih 30 tahun, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah mengambil langkah yang bersesuaian dalam merancang untuk meningkatkan taraf keadaan bangunan tersebut serta menyusun sistem pemeliharaan yang berterusan dan berdaya tahan supaya bangunan yang ada serta serba lengkap sentiasa menepati kehendak pengguna, dinamik, berkeadaan bersih dan selamat serta elok dipandang mata.

Turut diberi perhatian berat ialah keselamatan harta-benda para jemaah masjid yang mana sejak kebelakangan ini kes kecurian, ragut dan pecah

tabung masjid semakin menjadi-jadi di beberapa buah masjid. Maka sebagai langkah keselamatan dan pencegahan, pada tahun 2011/2012 sebanyak 17 buah masjid telah pun memasang sistem keselamatan kamera litar (*CCTV*). Alhamdulillah, pada peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014 sejumlah \$500,000.00 telah disediakan bagi pemasangan sistem keselamatan kamera litar (*CCTV*) dengan tumpuan pemasangan nanti di masjid-masjid Negara seterusnya masjid-masjid utama, mukim dan surau di seluruh Negara.

Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga sedang berusaha berunding dengan pihak Jabatan Keselamatan Dalam Negeri untuk mendapatkan khidmat sekuriti bagi masjid-masjid utama dan tertentu. Apa yang sangat dikesali ialah kes-kes kecurian sedemikian bukan sahaja menjejaskan keselamatan dan keselesaan para jemaah masjid malah turut membantutkan keinginan orang ramai untuk berjemaah di masjid. Kita mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan sedemikian yang sebelumnya tidak pernah terjadi atau jarang berlaku dulunya di Negara kita. Kita menyeru kepada mereka yang melakukan perbuatan demikian supaya akan segera bertaubat. Saya difahamkan si pelaku sudah ditangkap dan berharap tidak ada lagi yang akan mencuba.

Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang baru dilaksanakan pada 1 Januari 2013 yang lalu adalah satu sejarah penting bagi Negara kita. Ini salah satu mekanisme Negara Zikir sekaligus juga bagi memenuhi Wawasan 2035 kerana kanak-kanak yang bersekolah ugama pada hari ini akan berumur 30 tahun pada tahun 2035, menjadi

pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin muda Negara masa depan yang boleh membaca Al-Quran, berilmu pengetahuan, berakhlak dan bertakwa, insya-Allah.

Ini ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-7 pada 6 Oktober 2012, antaranya:

*"Beta penuh yakin, langkah mewajibkan pendidikan ugama adalah langkah yang sungguh-sungguh tepat. Di samping sebagai keperluan asas, ia juga amat penting bagi survival bangsa kita. Cuba perhatikan sahaja kepada senario orang-orang yang menghina Nabi dan ugama yang tidak pernah berhenti itu. Andainya kaum belia atau generasi kita lemah ugama atau miskin ilmu ugama, bagaimana mereka akan dapat menghadapinya kalau dada kosong dan ketandusan ilmu ugama?"*

Ke arah menjayakan Perintah ini, saya berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah meluluskan pewujudan 2 jawatan baru iaitu Penolong-Penolong Pengarah di Jabatan Pengajian Islam dan meluluskan 50 jawatan Guru Ugama Berijazah. Pelaksanaan Perintah ini akan dikawal oleh satu lembaga yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memantau, meneliti, menyelidik dan menghalusi dari semasa ke semasa.

Selain itu, perkembangan terbaru yang kaola rasa menarik dan perlu kaola kongsikan di sini ialah titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap cadangan polisi penganugerahan biasiswa Kerajaan melalui biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama yang baru seperti berikut:

- 1) Biasiswa cemerlang ke luar negeri yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan Mumtaz dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) ini diteruskan.
- 2) Biasiswa Skim Insentif Tasyjie'. Biasiswa ini diberikan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang juga memperolehi keputusan Mumtaz dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) tetapi berminat untuk belajar dalam Negara terutamanya dalam bidang pendidikan ugama. Pelajar berkenaan akan diberikan elaun sara hidup berjumlah \$500.00 sebulan berbanding dengan elaun yang biasa diterima oleh pelajar-pelajar tempatan pada masa ini berjumlah \$350.00 sebulan. Pelajar berkenaan juga akan diikat janji berkhidmat dengan kerajaan sebagai pendidik. Ikat janji ini khusus bagi pelajar cemerlang yang mengikuti pengajian di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, dan akan diberi keutamaan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya. Jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 3) Biasiswa Memenuhi Keperluan Khas Negara. Biasiswa ini bertujuan untuk memberi pertimbangan khas kepada pelajar-pelajar tertentu berdasarkan keperluan negara bagi memenuhi

kriteria-kriteria dan garis pandu yang ditetapkan; dan

- 4) Biasiswa Rif'ah bertujuan untuk dihulurkan kepada pelajar-pelajar dan golongan masyarakat yang kurang berkemampuan.

Merujuk kepada Biasiswa Skim Insentif Tasyjii' di atas ini bermakna pelajar-pelajar cemerlang yang berminat untuk belajar di dalam pusat-pusat pengajian tinggi dalam negara seperti UNISSA dan KUPUSB adalah dialu-alukan. Dengan ini akan mengangkat dan meningkatkan mutu pengajian dan imej pusat pengajian tinggi di dalam negara dengan adanya pelajar-pelajar yang cemerlang itu belajar dalam negara sendiri. Ini kerana kualiti pengajaran tinggi dalam negara juga tidak kurang dari segi prasarana dan tenaga akedamiknya mengikut piawaian antarabangsa.

Sementara Biasiswa Memenuhi Keperluan Khas Negara. Pelajar lelaki yang tidak mendapat pangkat Mumtaz dalam sijil STPUB boleh dipertimbangkan untuk menerima biasiswa ini bagi mengisi bidang yang biasanya diisi oleh kaum lelaki seperti bidang da'wah, pendakwaan, kehakiman, kemasjidan, penguatkuasaan dan sebagainya. Bagi memenuhi keperluan khas Negara, biasiswa ini juga boleh diberikan kepada pelajar-pelajar yang layak untuk mengikuti bidang kejuruteraan sains, matematik dan sebagainya.

Adapun Biasiswa Rif'ah bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan seperti fakir miskin yang nama ibu bapanya tersenarai sebagai penerima zakat di Majlis Ugama Islam atau penerima bantuan di Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Dengan pengurniaan biasiswa seperti di atas peluang pelajar di persekolahan Ugama/Arab adalah semakin luas dan cerah untuk mereka mencapai kecemerlangan dan kejayaan di masa hadapan kerana mereka bukan sahaja diperingkat menengah akan memiliki sijil SPU dan 'O' Level tetapi juga diperingkat Pra U akan memiliki sijil STPUB atau 'A' Level, malah bagi yang bijak mungkin kedua-duanya sekali. Bagaimanapun semua penerima biasiswa akan tertakluk pada syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam menangani beberapa isu, terutama isu keluar masuk ibu bapa semasa waktu berkerja yang mana isu ini telah timbul pada tahun lepas, maka Jabatan Pengajian Islam telah membuat penyelarasan waktu belajar peringkat rendah bawah (Darjah Pra hingga Darjah 3 Ugama) menjadi satu sesi pembelajaran dengan melaksanakan satu program yang dinamakan Program INSYIRAH. Program ini merupakan satu nilai tambah dalam mendukung pendidikan formal khususnya dalam merealisasikan matlamat pendidikan Islam bagi membentuk sahsiah murid.

Antara perisian program berkenaan ialah Asuhan Budi Warisan Kita iaitu (tulisan jawi, hadrah, berdirir, tausyih, nasyid) bimbingan Bahasa Arab dan hafazan Al-Qur'an dan Doa. Pendekatan pembelajaran dalam program ini ialah *Fun Learning*. Program ini dilaksanakan di ke empat-empat daerah dalam Negara di 32 buah sekolah ugama.

Waktu belajarnya bagi Pra Darjah 1, Darjah 2 dan Darjah 3 ialah dari jam 7.30 hingga 10.45 pagi

tidak lagi seperti sebelumnya dari jam 7.30 hingga ke 9.00 pagi dan dari jam 9.00 hingga 10.45 pagi.

Yang Berhormat Pengerusi, kita ada satu konsep yang dipanggil sebagai Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat. Konsep ini adalah sebagai usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam membina masyarakat yang mengamalkan dan menghayati nilai-nilai dan ajaran islam. Program-program pembelajaran ugama ini merangkumi pelbagai aspek keugamaan seperti akidah, akhlak, fardhu ain dan fardhu kifayah yang disasarkan kepada 4 kategori peserta utama iaitu:

- 1) Penuntut-penuntut institusi pendidikan;
- 2) Pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam;
- 3) Saudara-saudara baru; dan
- 4) Kaum wanita.

Program ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- 1) Bahagian Kelas Dewasa Ugama atau kelas lanjutan di bawah kelolaan Jabatan Pengajian Islam;
- 2) Kursus atau Bengkel Fardhu Ain dan Akidah di bawah kelolaan Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Hal Ehwal Masjid; dan
- 3) Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Pengajian Islam.

Pada masa ini sudah ada sebanyak 16 buah Kelas Dewasa Ugama yang diadakan di seluruh negara yang mana

sebahagiannya diadakan di jabatan-jabatan kerajaan dan sebahagiannya di sekolah-sekolah ugama, sekolah-sekolah rendah dan masjid-masjid.

Malah Jabatan Pengajian Islam juga turut mengaturkan perkhidmatan kelas ugama ke hospital, Rumah Al-Islah, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Jumlah minima pelajar untuk membuka kelas ini sekurang-kurangnya 15 orang. Alhamdulillah, jumlah keseluruhan pelajar di seluruh negara ialah seramai 1,156 orang dengan kapasiti 69 kelas dan 69 orang guru. Kelas Dewasa Ugama diadakan 2 kali seminggu sebelah malam selama 2 jam bagi satu sesi. Guru yang mengajar diberikan elaun mengikut kadar yang ada pada masa ini.

Sementara kursus atau Bengkel Fardhu Ain dan Akidah di khususkan bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam serta orang awam, kursus ini diadakan di Pusat Da'wah Islamiah dan masjid-masjid di seluruh Negara sepanjang tahun mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping diadakan di Pusat Da'wah Islamiah kursus atau bengkel ini juga diadakan secara bergerak ke jabatan-jabatan Kerajaan. Pada tahun 2012, seramai 5,421 orang telah menyertai kursus atau bengkel ini, sementara itu seramai 9,026 orang remaja dan belia turut terlibat dalam program ini.

Satu lagi program yang menarik untuk disebut-sebutkan juga ialah kegiatan-kegiatan yang telah dilakukan oleh muslimah. Kumpulan Muslimah yang merupakan sebahagian-sebahagian berada dalam Jabatan Hal Ehwal Masjid yang mana Kumpulan Muslimah ini telah

diikuti oleh seramai 1,519 orang di keempat-empat daerah berbanding dengan tahun lepas iaitu 1,419 orang iaitu ada pertambahan 100 orang dan tenaga pengajarnya adalah 61 orang. Ia dibuka di 45 buah masjid di seluruh Negara, secara keseluruhannya Daerah Brunei dan Muara ia dibuka di 25 buah masjid, Daerah Tutong 12 buah, Daerah Belait 6 buah dan Daerah Temburong 3 buah pada tahun 2013 ini, 3 buah sebagai tambahannya. Jadi sumbangan Kumpulan Muslimah ini adalah amat besar dan penting kepada masyarakat kita dalam bentuk sahsiah anak-anak dan juga keluarga.

Ada pun Kelas Dewasa Al-Quran dan Muqaddam ianya di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Masjid diadakan di masjid-masjid di seluruh Negara bagi kanak-kanak dan remaja. Ada seramai 17,570 orang pelajar kanak-kanak telah dan sedang mengikuti kelas ini.

Sementara kita juga ada Skim Tilawah Al-Quran iaitu satu skim yang dihasratkan bagi melahirkan Qari dan Qariah Al-Quran dari golongan remaja dan belia yang berpotensi sebagai pelapis di masa depan ada seramai 252 orang yang sedang mengikutinya.

Berdasarkan kepada apa yang kaola bentangkan tadi itulah senario perkembangan ugama di Negara ini dan Alhamdulillah nampaknya ada kemajuan dan peningkatan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita

bersidang balik sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada esok hari Selasa, 19 Mac 2013 jam 9.30 pagi. Sekian terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 7 Jamadilawal 1434 / 19 Mac 2013****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT  
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-  
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.  
**(Tidak hadir sebelah petang)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

#### **Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi**

**Yang Mulia Jurutulis II:** Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini, hari yang kesepuluh didahului dengan bacaan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin).

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir lagi pada pagi ini bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari yang kesepuluh. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 di peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

#### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya. Perbincangan diteruskan dengan Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama. Semalam Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah memberikan mukadimah dengan panjang lebar. Mungkin perkara-perkara yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri

Hal Ehwal Ugama itu ada juga yang meliputi soalan-soalan yang akan dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi jika berlaku demikian, saya berharap tidaklah perlu lagi perkara yang sudah dijelaskan itu ditimbulkan semula.

Maka sekarang Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama, saya bukakan untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

**Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiae Walmursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du. Kaola hanya akan bercakap mengenai 3 perkara sahaja.

1. Mengenai Kelas Dewasa Ugama. Peruntukan kewangan pada Tahun Kewangan 2013/2014, khusus untuk tujuan membayar Elaun Penceramah dan Tenaga Pengajar bagi Kelas Dewasa Ugama di masjid-masjid dan tempat-tempat yang bersesuaian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah sebanyak \$220 ribu. Kaola tidak akan menyentuh lain-lain program yang dikelolakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti Kelas Muqaddam di masjid-masjid, kelas-kelas yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan Kelas Tilawatil Quran, kerana kaola hanya ingin membincangkan hal-hal yang

berkaitan dengan Kelas Dewasa Ugama sahaja.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semalam, Kelas Dewasa Ugama yang telah dibuka buat masa ini ada sebanyak 16 buah dengan tenaga pengajarnya seramai 69 orang, tolong dibetulkan angkanya yang sebenarnya jika saya silap. Kelas-kelas Ugama itu ada yang diadakan di masjid-masjid dan di sekolah-sekolah ugama, iaitu di sebelah malam dua kali seminggu. Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kelas-Kelas Dewasa Ugama itu ada juga diikuti oleh kumpulan-kumpulan Muslimah.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah berjaya mengadakan semula Kelas-Kelas Dewasa Ugama setelah tidak kedengaran sejak beberapa lama. Pada hemat kaola, kemerlapan Kelas-Kelas Dewasa Ugama selepas tahun 60an dan 70an dahulu ada kaitannya dengan dasar mengadakannya hanya di masjid-masjid. Sebelum itu Kelas Dewasa Ugama bukan hanya diadakan di masjid-masjid tetapi lebih banyak diadakan di rumah-rumah orang kampung yang dipilih oleh peserta-peserta kelas dewasa ugama apabila membuat permohonan membuka Kelas Dewasa Ugama. Kelas-Kelas Dewasa Ugama pada ketika itu diadakan berperingkat-peringkat iaitu dari peringkat rendah, menengah dan tinggi. Sijil-sijil diberikan kepada peserta-peserta di setiap peringkat pembelajaran itu. Apa yang ingin kaola bangkitkan di sini ialah bahawa

jika mengadakan Kelas Dewasa Ugama itu di masjid khusus bagi orang-orang dewasa lelaki dan orang-orang dewasa perempuan yang telah putus haid tidak menjadi masalah tetapi bagi orang-orang dewasa perempuan yang belum putus haid dan sedang mengalami haid tentulah menjadi masalah untuk mereka berada di dalam masjid kerana menurut hukum orang-orang perempuan yang sedang haid adalah haram berada di dalam masjid.

Perkara hukum ini perlu diberi perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mengelakkan jangan sampai orang-orang perempuan yang berkenaan menanggung dosa sekalipun untuk mendapatkan ilmu di dalam masjid.

Kaola sangat mengharapkan dan menyarankan supaya diperluaskan Kelas Dewasa Ugama itu di seluruh pelosok Negara bukan hanya diadakan di masjid-masjid atau di sekolah-sekolah ugama tetapi juga di tempat-tempat yang mudah didatangi oleh orang dewasa di kampung-kampung sekalipun di rumah-rumah perseorangan yang dipersetujui oleh pemohon-pemohon.

Guru-guru atau tenaga pengajar haruslah bersikap terbuka dan bersedia turun padang untuk menyebarkan ilmu-ilmu ugama di kalangan rakyat dan penduduk-penduduk Islam dewasa agar tiada umat Islam yang tercicir daripada mempelajari ilmu-ilmu ugama, supaya mereka menjadi orang yang lebih beriman dan bertaqwa yang membolehkan mereka mengerjakan

amalan-amalan yang soleh dan membawa mereka selamat di dunia dan di akhirat kerana menurut sebuah hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam riwayat At-Tirmidzi yang sabdanya bermaksud "*Sesiapa yang berkehendakkan dunia maka hendaklah ia berilmu, sesiapa yang berkehendakkan akhirat maka hendaklah ia berilmu dan sesiapa yang berkehendakkan kedua-duanya maka hendaklah ia berilmu*".

Kaola berseru kepada umat Islam terutama orang yang ketinggalan daripada belajar kelas ugama di masa dahulu supaya merebut peluang bagi mempelajari ilmu-ilmu ugama di Kelas Dewasa Ugama yang diadakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kepentingan dan faedah diri masing-masing terutama sekali untuk kehidupan kekal di akhirat kelak.

Kaola berharap kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya membuat penyesuaian kurikulum ke sekolah dewasa itu dengan mengikut keadaan-keadaan semasa, keutamaan-keutamaan yang perlu diajarkan ialah ilmu-ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah seperti mendalami Al-Quran yang patut juga diperkenalkan kepada peserta-peserta yang berminat mengikuti mata pelajaran tersebut untuk meluaskan lagi kefahaman mereka mengenai Al-Quran dan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya.

2. Menunaikan Ibadat Haji adalah merupakan tuntutan agama bahkan ibadat itu adalah salah satu rukun Islam yang lima yang wajib ke atas orang yang berkuasa menunaikannya. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah sejak lama lagi telah memberikan kemudahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan tertentu untuk menunaikan Fardhu Haji dengan menghulurkan Tambang Kurnia Haji.

Kurnia Tambang Haji ini masih berjalan hingga sekarang. Pada mulanya Kurnia Tambang Haji mencukupi untuk keperluan perbelanjaan haji, sedikit sahaja perbelanjaan lain perlu ditanggung oleh penerima Tambang Haji itu tetapi dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, Kurnia Tambang Haji itu tidak lagi banyak membantu meringankan beban perbelanjaan haji sejak Pakej Haji diperkenalkan oleh pihak-pihak berkenaan. Harga pakej haji itu semakin meningkat dari tahun ke setahun, misalnya pada tahun lepas iaitu tahun 2012 dan khabarnya Pakej Haji itu sudah meningkat hingga \$16,000 dan harga yang paling rendah pada tahun lepas ialah kira-kira \$10,000.

Kaola berpendapat eloklah Kementerian Hal Ehwal Ugama mengkaji semula pemberian Tambang Haji itu sama ada ia masih *relevan* atau sebaliknya. Pada pendapat kaola adalah wajar disesuaikan dasar memberi tambang itu diganti dengan pemberian pembelanjaan menunaikan ibadah haji menurut Pakej Haji pada

tahun berkenaan dan berdasarkan pakej yang sederhana yang tidak terlalu mahal dan tidak juga terlalu murah. Kalau pada tahun tersebut harga pakej haji yang paling mahal adalah \$16,000.00 bagi seorang jemaah dan yang paling rendah \$10,000.00, maka bolehlah dipilih pakej yang berharga \$13,000.00.

Kaola berpendapat Kerajaan boleh memberikan \$6,500.00 iaitu separuh dari harga pakej itu kepada seorang penerima. Ini mengambil kira pengurangan kuota haji bagi Negara Brunei Darussalam daripada 1,000 orang ke-400 orang sahaja dan juga mengambil kira bahawa tidak semua daripada 400 orang itu terdiri daripada penerima pemberian Tambang Haji dari Kerajaan. Kerajaan boleh menentukan kadar bilangan penerima yang berhak menerimanya pada setiap tahun kerana itu adalah cadangan kaola yang setentunya tidak akan begitu membebaskan kepada pihak Kerajaan.

Memang benar kewajipan menunaikan fardhu haji itu tertakluk kemampuan kewangan dan lain-lain kemampuan kepada seseorang tetapi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bermurah hati membantu pegawai-pegawai Kerajaan dengan syarat-syarat tertentu untuk menunaikan Fardhu Haji. Kurnia Tambang Haji telah membantu ramai umat Islam dapat menunaikan fardhu haji terutama kepada orang-orang yang kurang berkemampuan. Amalan membantu supaya orang dapat menunaikan fardhu haji itu adalah

amat digalakkan oleh ugama Islam berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Al-Maidah ayat 2 :

وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

tafsirnya "Dan bertolong-tolonganlah kamu di atas perkara kebajikan dan takwa".

Jemaah haji yang beri kurnia tambang haji itu tentulah bersyukur bahkan mendoakan kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi kebaikan dan kesejahteraan raja dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

- Baru-baru ini di Kaherah, Mesir, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam satu majlis perjumpaan dengan penuntut-penuntut Brunei Darussalam di sana, telah mengurniakan titah bahawa kadar Elaun Pelajar-Pelajar Peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah ditambah dan dinaikkan dari kadar lama. Kaola memahamkan dari titah tersebut adalah merupakan suatu galakan kepada penuntut-penuntut Brunei di Mesir supaya melanjutkan pengajian mereka terus ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dan tidak berhenti di peringkat Sarjana Muda sahaja.

Sudah sampai masanya supaya pengajian atau pembelajaran penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang sudah memperolehi ijazah Sarjana Muda seboleh-bolehnya tidak terhenti di peringkat tersebut bahkan diteruskan hingga peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah kerana Negara sekarang ini memerlukan ramai pakar-pakar di

dalam segenap bidang termasuk dalam bidang ugama. Kita belum ada pakar-pakar tempatan yang benar-benar mahir dalam bidang tafsir, hadis, fiqh, nahu, falsafah dan lain-lain bidang yang bukan sahaja untuk pengembangan ilmu ugama secara mendalam tetapi juga bagi maksud untuk menghujah apa-apa jua fahaman negatif dalam agama yang sekarang semakin berkembang menerusi ICT.

Kaola mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama berusaha lebih giat memberikan motivasi-motivasi tertentu kepada penuntut-penuntut ugama yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri supaya mereka tidak berhenti belajar setakat mendapat Ijazah Sarjana Muda bahkan digalakkan supaya mereka meneruskan pengajian mereka hingga ke peringkat PhD atau Doktor Falsafah. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang diberikan pada petang semalam. Di sini kaola ingin

menimbulkan 2 perkara, mungkin keduanya ada hubung kait.

1. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, berhubung waktu-waktu persekolahan sekolah-sekolah ugama telah pun ditimbulkan pada tahun lepas dan Alhamdulillah dari penerangan semalam Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengambil langkah-langkah untuk cuba mengatasi dengan menjalankan program yang dinamakan Insyirah. Melalui program ini, waktu persekolahan bagi pelajar-pelajar darjah pra, Darjah 1 dan 2 dipanjangkan dari pukul 9.30 pagi hingga ke 10.45 pagi.

Walaupun Program Insyirah hanya dijalankan di 32 buah sekolah ugama seperti yang dimaklumkan, dari jumlah 144 buah sekolah ugama di seluruh Negara, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih atas inisiatif yang telah dibuat. Dengan adanya Program Insyirah ini, maka sesi persekolahan ugama adalah seperti berikut:

- i. Bagi yang bersekolah di waktu pagi Darjah Pra, Darjah 1 dan 2 akan bersekolah bermula pukul 7.30 pagi hingga ke pukul 10.45 pagi.
- ii. Bagi yang mengikuti Program Insyirah, Darjah 3 bermula pukul 9.00 pagi hingga 10.45 pagi; Darjah 4 hingga Darjah 6 bermula pada pukul 7.30 pagi hingga 10.45 pagi;
- iii. Bagi pelajar yang belajar di sesi sebelah petang Darjah Pra hingga

Darjah 2 akan bermula pada pukul 2.00 hingga 4.30 petang; dan

- iv. Bagi yang mengikuti program Insyirah; Darjah 3 bermula 3.30 petang hingga pukul 5.00 petang; Darjah 4 hingga Darjah 6 bermula pukul 2.00 petang hingga pukul 5.00 petang.

Dari waktu-waktu persekolahan yang kaola sebutkan tadi, kita dapat membayangkan yang ibu bapa terpaksa keluar pejabat untuk menguruskan persekolahan anak-anak mereka.

Yang Berhormat Pengerusi, walaupun perkara ini telah ditimbulkan di mesyuarat lepas, kaola rasa ianya perlu ditimbulkan lagi kerana kaola ingin mengimbas kembali kebimbangan yang pernah disuarakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada bulan Jun tahun lepas berhubung dengan kehadiran bekerja, disiplin dan produktiviti di kalangan kakitangan perkhidmatan awam.

Pada masa ini, tidak salah jika kaola katakan kegiatan kakitangan perkhidmatan awam keluar pejabat untuk menguruskan persoalan anak-anak mereka telah menjadi satu budaya ataupun kebiasaan.

Semasa Majlis Perjumpaan Muhibah dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, satu cadangan telah ditimbulkan oleh seorang rakan Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas pada kanak-kanak yang bersekolah di sekolah-sekolah ugama. Bagaimanapun jawapan yang diberikan oleh Kementerian



Hal Ehwal Ugama ketika itu dan jawapan yang sama diberikan juga di dalam media tempatan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak menyediakan perkhidmatan bas kepada anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah ugama kerana perkhidmatan yang sama juga tidak diberikan oleh Kementerian Pendidikan pada anak-anak yang belajar di peringkat rendah dan hanya diberikan kepada penuntut di peringkat menengah bawah sahaja.

Kaola kurang bersetuju dengan jawapan yang diberikan, sebab Kementerian Pendidikan tidak mempunyai darjah-darjah yang memulakan dan menamatkan waktu persekolahan di dalam waktu pejabat. Mereka tidak menghadapi masalah mengenainya. Di sini kaola ingin mencadangkan ada baiknya supaya penjadualan waktu-waktu persekolahan ugama ini difikirkan semula dan diselaraskan dengan waktu-waktu pejabat atau jika ianya sangat susah untuk diubah, mungkin cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama menyediakan pengangkutan bas dapat diberikan pertimbangan.

Berhubung dengan kelas-kelas ugama sebelah petang yang banyak menggunakan atau menumpang di bangunan sekolah-sekolah rendah di Kementerian Pendidikan. Sebagai contoh sekolah-sekolah ugama di Sekolah Rendah Delima Satu, Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Pulaie, Sekolah Rendah Amar Pahlawan dan kaola pasti ianya juga terdapat di daerah-daerah lain.

Oleh sebab bilik-bilik yang tidak mencukupi keadaan ini telah menjejaskan

keselesaan guru-guru ugama yang mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Sebagai misalan, terdapat bilik darjah digunakan sebagai bilik guru atau *staff room* sekaligus digunakan sebagai *store room* untuk menyimpan buku-buku. Di dalam jadual perbelanjaan di bawah Kemajuan Negara nampaknya terdapat 6 buah sekolah ugama akan dibina di bawah RKN Ke-10. Bagaimanapun dari Jadual Peruntukan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2013/2014 hanya satu sekolah ugama iaitu Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan yang akan mula dibina pada tahun ini.

Kaola ingin bertanya apakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ugama yang kaola sebutkan tadi?

Dalam masa yang sama dan yang berkaitan juga dengan apa yang kaola sebutkan dalam perkara pertama tadi, mungkin juga difikirkan tentang perlunya membina satu blok bagi sekolah ugama di kawasan-kawasan berhampiran dengan sekolah-sekolah rendah Kementerian Pendidikan. Dengan langkah ini, mungkin akan dapat menyelesaikan kedua-dua perkara ini dan juga menjimatkan peruntukan kewangan Kerajaan jika dibandingkan dengan membina sebuah sekolah ugama secara berasingan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di Dewan yang mulia ini, kaola akan membawakan 7 perkara yang ringkas insya-Allah. Sebelum itu izinkan kaola dalam mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan sepertimana dalam mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi mencapai visi kementerian ini serta mendukung aspirasi Negara Zikir dan meningkatkan penghayatan beragama di Negara ini.

1. Salah satu gejala sosial yang melanda masyarakat di Negara ini ialah kes-kes khalwat dan melahirkan anak di luar pernikahan. Dalam konteks Daerah Temburong setelah pihak yang berwajib membuat tangkapan dan soal siasat serta menghadapkannya untuk pendakwaan dan seterusnya proses pembicaraan, kes-kes tersebut perlu dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan di Bandar Seri Begawan, seperti waran tangkapan. Ini menyebabkan ada sesetengah kes memakan masa yang lama untuk diambil tindakan dan diselesaikan dan dikhuatiri boleh mendorong kesalahan tersebut akan berulang.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya kes-kes seperti ini kaola ingin penjelasan sejauh manakah langkah-langkah Kementerian melalui jabatan berkenaan dalam mempercepatkan proses ini?

2. Sepertimana juga dengan daerah yang lain, Daerah Temburong juga mempunyai Sekolah Arab dikenali sebagai Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT). Sekolah ini sudah ditubuhkan sejak Tahun 1997. Namun sekolah ini belum mempunyai bangunan kekal sepertimana sekolah-Sekolah Arab di daerah-daerah yang lain, bahkan sekolah-sekolah Persediaan Arab Temburong masih lagi berkongsi bangunan dengan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah. Dalam mukadimah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada petang semalam bahawa ada 3 buah lagi sekolah Arab dalam proses untuk dimulakan pembinaannya. Adakah ia termasuk untuk membina bangunan sekolah Arab kekal yang berasingan di Daerah Temburong kiranya ada, bilakah bangunan baru tersebut akan dimulakan dan dilaksanakan di Daerah Temburong?

3. Dalam menuju era kemajuan Negara sudah setentunya mempunyai pegangan atau kekuatan bagi mempertahankan isi di dalamnya sebagai sebuah Negara Zikir dan berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Ugama merupakan cabang yang mampu mempertahankannya dan berpandukan Al-Quran sebagai pegangan. Adalah dicadangkan supaya sebuah pusat pembelajaran Al-Quran ditubuhkan di Daerah Temburong bagi memenuhi keperluan penduduk di daerah ini sepertimana perkara yang dimaksudkan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berusaha dengan tidak kendur-kendurnya dalam mengatasi masalah kemiskinan di Negara ini. Antara usaha tersebut ialah memberi bantuan kepada Asnaf Fakir dan Miskin berupa kewangan secara bulanan mengikut tempoh yang tertentu sama ada 1 tahun ataupun 5 tahun dengan jumlah tertentu. Kaola ingin bertanya jika tempoh bantuan terakhir, adakah mereka ini diberikan lagi bantuan yang sama apabila mereka difikirkan layak untuk memohon? Setakat ini adakah catatan atau kajian yang menunjukkan jumlah mereka yang menerima bantuan ini telah berjaya atau dapat membebaskan diri dari belunggu kemiskinan setelah habis bantuan yang diberikan?

5. Warga Emas Fakir dan Miskin ditempatkan di rumah sewa yang diuruskan oleh Majlis Ugama Islam menghadapi masalah iaitu bayaran sewa rumah-rumah sangat lambat dibayar kepada tuan rumah, walaupun perjanjian sudah ditandatangani. Akibatnya ada Warga Emas Fakir dan Miskin dikeluarkan dari rumah sewa kerana bayaran tidak diterima sekian lama. Bagi yang tidak membayar lebih 6 bulan tuan rumah terpaksa menyewakan kepada penyewa yang membayar tunai.

Kaola juga ingin mengetahui, apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi perkara ini bagi menentukan bayaran cepat dibuat. Ini bagi mengelakkan lambat bayaran kepada rumah yang disewa dan bagi mengelakkan Warga Emas Fakir dan Miskin dikeluarkan dari rumah sewa tersebut.

6) Perkara ini pernah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal sebentar tadi di Dewan yang mulia ini, kaola menyokong sepenuhnya sebab Yang Berhormat suarakan tadi ialah mengenai dengan pengurniaan tambang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menunaikan Fardhu Haji bagi Pegawai Kerajaan yang berkelayakan.

7) Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, kaola ada menimbulkan mengenai dengan pengauditan Wang Baitul Mal dan yang berkaitan dengannya. Sukacita kaola memohon penjelasan mengenai perkara ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan menyuarakan 3 perkara pada hari ini iaitu:

1) Penggunaan Masjid. Masjid selain tempat ibadat juga menjadi tempat penyebaran ilmu dan lain-lain aktiviti-aktiviti keagamaan. Akhir-akhir ini kita dapati banyak Majlis Akad Nikah dan Majlis Pengislaman dilakukan di Masjid-Masjid. Mengikut perhatian saya terdapat juga pengunjung

masjid yang berpakaian kurang kemas dan penampilan yang kurang beretika. Dalam hal ini, saya mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat menyediakan peraturan-peraturan yang bersesuaian termasuk etika pakaian untuk menjaga kemuliaan Rumah Allah di samping menjaga kebersihan.

- 2) Guru-Guru Al-Quran Yang Tidak Berdaftar. Walaupun Kementerian Hal Ehwal Ugama mengeluarkan arahan bagi semua aktiviti-aktiviti ugama dari luar negeri perlu ditapis dan mendapat kebenaran terlebih dahulu. Terdapat sebilangan guru-guru yang bekerja dari luar Negeri yang mengajar Al-Quran dari rumah ke rumah tidak berdaftar dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam hal ini, saya berharap Kementerian Hal Ehwal Ugama akan kerap melakukan pemerhatian ke atas kegiatan-kegiatan ini di samping untuk memperkenalkan Sistem Kawalan iaitu sistem yang merekodkan kelayakan yang diperlukan di samping menentukan mereka yang tersebut terdiri dari orang-orang yang menganut Mazhab Imam Shafie bagi mengelakkan penyebaran ajaran sesat.
- 3) Tanda Kiblat Di Rumah-Rumah. Negara kita sudah diisytiharkan sebagai Negara Zikir dan saya berpendapat bagi mengukuhkan lagi ideologi ini, setiap rumah orang Islam hendaklah diwajibkan untuk mempunyai tanda arah Kiblat. Pada masa ini untuk mendapatkan khidmat pemasangan tanda arah Kiblat di rumah-rumah dikenakan bayaran.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat memasang tanda arah Kiblat ini secara percuma. Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan peruntukan \$256.18 juta setentunya akan memberikan peluang kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi melaksanakan berbagai projek dalam pelan strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dari mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama petang kelmarin menunjukkan perancangan yang menjurus kepada meningkatkan infrastruktur dan kapasiti di kementerian berkenaan. Dalam kesempatan ini saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana telah dapat menyiapkan 2 buah masjid yang besar di kawasan Zon 4 iaitu Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, di Kampung Kilanas dan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, di Kampung Mulaut.

Bagi penyelesaian dan kemudahan orang ramai, saya ingin mencadangkan beberapa perkara khususnya di kawasan Zon 4 seperti berikut:

- a) Pembinaan Masjid Tanjung Bunut supaya akan dapat dipercepatkan pembinaannya;

- b) Pembinaan Masjid Kampung Tarap Bau dan Lupak Luas; dan
- c) Pembesaran atau pembinaan baru bagi Masjid Kampung Lumapas.

Pada kesempatan ini kaola ingin bertanya:

1. Bilakah Masjid Kampung Batong akan dimulakan? Kerana pembinaannya sama dengan masjid yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu pembinaan Masjid Kampung Masin juga harus diberikan perhatian. Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, bahawa kepadatan jemaah sering berlaku terutama sekali pada setiap hari Jumaat sehingga para Jemaah bersembahyang Fardhu Jumaat di luar kawasan masjid dengan menggunakan khemah.
2. Pembinaan sekolah-sekolah ugama juga harus dilaksanakan seperti di Kampung Kasat, pembinaan Sekolah Ugama Kampung Limau Manis dan juga pemeliharaan beberapa buah tanah perkuburan orang-orang Islam di kawasan Zon 4 seperti di Kampung Putat, Kampung Baung dan sebagainya.
3. Mengenai Asnaf Zakat Fakir Miskin. Adalah dicadangkan supaya pengagihan bantuan berkenaan akan dapat dinilai pelaksanaannya kerana terdapat banyak sungutan daripada orang yang menerima asnaf ini yang mengatakan proses pengagihannya lambat dilakukan.
4. Kemudian kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan masjid. Masjid merupakan tempat beribadat dan kadang-kadang menjadi tumpuan

lawatan pelancong, terutama sekali masjid-masjid utama. Adalah dicadangkan supaya beberapa kemudahan akan dapat disediakan seperti menyediakan *mini market* dengan menjual barangan seperti alat-alat keperluan sembahyang, buku-buku dakwah dan membuat replika masjid yang sering menjadi kunjungan orang ramai seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Jame 'Asr Hassanil Bolkiah.

5. Selain daripada itu juga seperti yang ada disebutkan oleh rakan-rakan tadi ialah mengenai dengan Kuota Jemaah Haji dicadangkan agar mereka yang telah mendaftar pada tahun lepas akan dapat diberikan keutamaan dan pertimbangan untuk menunaikan Fardhu Haji pada tahun ini, kerana ada sesetengah mereka telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat untuk pemergian mereka pada tahun yang lepas.
6. Mengenai dengan rumah-rumah daif di bawah Majlis Ugama Islam. Oleh kerana bertambahnya bilangan permohonan untuk mendapatkan rumah, perlu ada usaha bagi mempercepatkan proses berkenaan. Adalah dicadangkan supaya pembinaan-pembinaan rumah daif itu akan mengikut falsafah kita Melayu Islam Beraja (MIB) kerana apabila seseorang yang akan ditempatkan di rumah-rumah sewa, sebelum mereka ditempatkan oleh Kementerian-Kementerian khususnya Majlis Ugama Islam Brunei menghendaki supaya rumah tersebut mempunyai empat buah bilik atau sekurang-kurangnya tiga. Tetapi dalam pembinaan rumah daif ini ada bertentangan sedikit,

mungkin mengenai bajet. Adalah diharapkan perkara ini akan dapat diatasi kerana kadang-kadang ada dua buah sahaja bilik disediakan sedangkan bilangan keluarganya ramai mungkin ini adalah disebabkan peruntukan.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan diusahakan untuk diatasi. Jadi mohon supaya dipertimbangkan bagi maksud memenuhi keperluan kita iaitu Konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Dalam kesempatan ini, saya bercakap mengenai beberapa perkara:

1. Mengenai galakan membaca Al-Quran. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan Baginda telah menginginkan kemajuan membaca Al-Quran itu diserlahkan di bumi Negara Brunei Darussalam ini. Apatah lagi untuk menjadikan sebuah Negara Zikir, maka perkara demikian amat tinggi nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Baru-baru ini Skim Galakan Membaca Al-Quran telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri kepada johan qari dan qariah yang berjaya di Peringkat

Antarabangsa Kuala Lumpur iaitu berupa elaun bulanan seumur hidup.

Dalam konteks ini, saya sukacita mengusulkan untuk menambah perkara tersebut, apa kiranya johan qari dan qariah yang berjaya di Peringkat Kebangsaan juga akan diberikan elaun yang bersesuaian dengan masa yang bersesuaian. Mudah-mudahan dengan demikian akan menjadikan pendorong, penggerak, penyambung rezeki dan sebagainya kepada orang-orang berkenaan. Di samping itu, akan terus menyokong Negara Zikir dengan ditemani oleh doa-doa anak yatim, para ulama dan orang tua-tua, lebih-lebih dalam pembacaan Al-Quran akan menjelmakan sebenar-benarnya Negara *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*.

2. Izinkan saya bercakap mengenai dengan Melayu Islam Beraja. Melayu Islam Beraja yang telah kita anuti sekarang ini sudah barangkali beratus tahun lamanya. Tetapi sejak kemerdekaan ianya telah disebarkan sebagai pembaharuan dan mengingatkan balik akan Melayu Islam Beraja itu kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara ini. Melayu Islam Beraja telah diuar-uarkan dan disuarakan melalui ceramah-ceramah kepada pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua kampung, guru-guru sekolah dan tidak ketinggalan orang-orang yang bertaraf dalam negeri ini. Dalam masa itu tidak dinafikan, saya sendiri terus mengikuti ceramah ini melalui Radio Televisyen Brunei (RTB), waktu Subuh jam 5.45 pagi sampai 6.00 pagi yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato

Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Dalam ceramah tersebut, kaola memang kagum untuk mendengarkannya dan boleh dikatakan setiap hari ianya ditunggu-tunggu iaitu selepas sembahyang Subuh untuk mengetahui isi ceramah-ceramah yang akan disampaikan. Memang hebat, makanya di Dewan Majlis ini kaola sukacita mengusulkan supaya keseluruhan ceramah tersebut dapat diedarkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini untuk dibaca dan dihayati sepenuhnya akan maksud Melayu Islam Beraja, supaya tidak lagi ada orang bertanya apakah itu Melayu Islam Beraja?

3. Sukacita juga mengusulkan agar naskah-naskah bertulis Perlembagaan Brunei 1959, akan dapat diedarkan dan dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang tertentu seperti pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru, pelajar-pelajar menengah supaya akan dapat difahami, apakah isi Perlembagaan tersebut.
4. Sukacita kaola juga ingin menyentuh mengenai dengan perpustakaan di dalam masjid. Sekarang ini tidak dapat dinafikan bahawa di masjid-masjid utama dan masjid yang lain telah diadakan perpustakaan, sama ada yang dirancang oleh Kerajaan melalui Jabatan Hal-Ehwal Masjid atau diusahakan oleh para jemaah yang berkenaan. Apa yang kita perlukan adalah supaya perpustakaan tersebut bukan saja dilengkapi dengan buku-buku pengetahuan dan rujukan tetapi biarlah perpustakaan tersebut menjadi

pusat sumber kepada masjid berkenaan dengan mempunyai pustakawan yang boleh mengendalikan dan mengawas perpustakaan tersebut.

Kita tidak mahu Perpustakaan Masjid itu dijadikan seperti 'rumpun di tengah jalan, hidup segan mati tidak mahu'. Kita hendaklah menyerlahkan perpustakaan itu supaya menjadi satu khazanah di setiap kampung dan mukim untuk kemudahan menimba ilmu para jemaah dan orang yang berkenaan. Mudah-mudahan ianya juga dapat menyokong hasrat Negara untuk menanamkan sikap rajin membaca dan menambah ilmu melalui perpustakaan.

5. Yang Berhormat Pengerusi seterusnya izinkan saya menyentuh mengenai sebuah kapal yang terapung-apung di atas air. Kapal ini diberikan nama 'Mahligai Astaka Lagun' yang letaknya di kawasan Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Pada peringkat awal, 'Mahligai Astaka Lagun' tersebut dikhususkan sebagai pentas membaca Al-Quran di Peringkat Kebangsaan tetapi beberapa tahun kemudiannya Lagun tersebut tidak lagi digunakan disebabkan pentas pembacaan sudah dipindah ke dewan-dewan yang lebih sesuai dan selesa untuk para hadirin.

Yang Berhormat Pengerusi, pernah juga satu ketika 'Mahligai Astaka Lagun' ini juga digunakan oleh para belia untuk mengadakan satu pentas drama tentang keadaan peperangan Sepanyol. Untuk itu, saya mencadangkan supaya 'Mahligai Astaka Lagun' itu akan dapat diaktifkan semula penggunaannya dengan mengadakan berbagai-bagai aktiviti di atas Lagun tersebut kerana Lagun itu dibina dengan harganya yang mahal dan begitu indah,

ianya tidak patut dibiarkan begitu saja. Mungkin ada pihak yang berkenaan yang berkeinginan dan berusaha untuk menghidupkan dan menyemarakkan Lagun tersebut diisi dengan acara-acara keagamaan seperti berdirik, bernasyid, bertausyeh dan apa saja yang berbentuk keagamaan.

6. Mengenai dengan derma. Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai kumpulan wang dari Baitulmal dan Kumpulan Wang Zakat yang diperbantukan di bawah Asnaf Fisabilillah. Mudah-mudahan kewangan yang banyak itu akan dapat dipertimbangkan oleh pihak Majlis Ugama Islam untuk dihulurkan atau diberikan kepada badan-badan *Non Government Organization (NGO's)* yang berfisabilillah supaya dengan bantuan tersebut mereka dapat melaksanakan visi dan misinya.

7. Di samping itu, saya ingin menyentuh juga mengenai koperasi yang pernah saya sentuh beberapa hari yang lalu. Apa yang jelas kelihatan bahawa kelemahan-kelemahan koperasi itu datangnya dari pemiutang-pemiutang ahli koperasi itu sendiri. Apa kiranya jika pihak Kementerian akan dapat menghulurkan derma Al-Gharimin kepada mereka yang berkenaan untuk melepaskan hutang-piutang mereka kepada koperasi. Dengan cara itu nanti koperasi-koperasi berkenaan akan terserlah semula dan dapat membangun koperasi yang hebat dan besar di kampung-kampung, mukim-mukim dan juga bandar. Dengan itu harapan dan cita-cita agar kita dapat menggabungkan dengan kukuh semua koperasi di kampung-kampung, mukim-mukim dan di seluruh Negara. Jadi

mudah-mudahanlah apa yang saya cadangkan ini akan dapat diambil manfaatnya untuk dilaksanakan bersama-sama.

Demikianlah yang dapat saya sampaikan. Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

**Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya akan menimbulkan beberapa perkara iaitu:

1) Tema Peruntukan Kewangan bagi Tahun 2013/2014 memfokuskan kepada peningkatan kapasiti sumber manusia yang sudah setentunya menghalu kepada keperluan bagi meningkatkan tahap pendidikan di Negara ini. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bahawa pada tahun ini beberapa kategori biasiswa telah diperkenankan kepada penuntut-penuntut cemerlang daripada institusi pengajian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Soalan saya, adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama berkemungkinan dapat membuka peluang dan menerima permohonan serta mempertimbangkan pemberian biasiswa berkenaan kepada penuntut-penuntut daripada mana-mana institusi pengajian yang lain di Negara ini yakni yang bukan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama



terutamanya dalam bidang-bidang pengajian yang selain daripada bidang-bidang keagamaan; dan

- 2) Dari segi pengembangan dan penyebaran dakwah islamiah melalui kursus-kursus atau kelas-kelas dewasa atau kelas-kelas ugama yang semakin aktif terdapat juga sebahagian kecil orang-orang Islam yang kurang memahami pengajaran yang diajar di dalam Bahasa Melayu terutama bagi saudara-saudara baru yang bukan rakyat tempatan yang mana jumlahnya semakin ramai.

Saya ingin menyarankan supaya diadakan kelas-kelas ugama atau Kursus Bimbingan Fardhu 'Ain dalam bahasa Inggeris yang mana saya difahamkan ramai yang ingin mengikutinya. Manakala promo mengenainya hendaklah sampai kepada kumpulan sasar berkenaan.

Begitu juga dengan isi pengajaran daripada Khutbah Jumaat yang sangat berfaedah untuk difahami dan dihayati, perlulah juga difikirkan supaya teks Khutbah Jumaat itu dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris meskipun belum sampai ke tahap penyampaian dalam Bahasa Inggeris di mana-mana masjid yang dipilih tetapi memadai jika sekiranya dapat diagihkan kepada para jemaah yang memerlukan.

- 3) Saudara-Saudara Baru ataupun Muafak adalah salah satu daripada penerima Asnaf Zakat di Negara Brunei Darussalam. Dengan mengambil kira syarat dan kelayakan tertentu, Saudara-Saudara Baru akan dapat diagihkan pembahagian zakat

sebagaimana yang berjalan pada masa ini. Kelambatan membuat permohonan atau kurang memahami bagaimana cara permohonan dibuat menyebabkan sesetengah daripada mereka ini tidak menerima agihan Wang Zakat berkenaan.

Untuk mengatasi perkara ini saya ingin memberikan pandangan supaya Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muafak, Pusat Dakwah Islamiah bekerjasama dengan Majlis Ugama Islam mengadakan ataupun mewujudkan Sistem *Data Base* supaya Muafak ataupun Saudara-Saudara Baru yang layak menerima agihan zakat akan dapat menerima dengan lebih teratur atau sekurang-kurangnya dapat mengingatkan mereka bila mereka dapat memohon atau bila dikeluarkan borang-borang permohonan.

Apa yang kita maklum projek SisMI untuk saudara-saudara baru melalui projek e-Kerajaan Kementerian Hal Ehwal Ugama sudahpun dilaksanakan dan mungkin sebahagian keperluan yang saya sebutkan tadi dapat dipertimbangkan dalam projek yang sudah sedia ada; dan

- 4) Dalam Peruntukan Kemajuan, ada peruntukan bagi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan tetapi nampaknya untuk Tahun Kewangan 2013/2014 tidak tercatat jumlah peruntukan digunakan dan baki masih sama iaitu sebanyak \$42 juta.

Di dalam projek *Upgrading and Sustaining Assets in Infrastructure* atau Projek USAI dicatatkan hanya peruntukan untuk masjid dan sekolah dan tidak tercatat untuk Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Dengan usia Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPUSB) lebih kurang 6 tahun sejak 2007 penubuhannya belum nampak perubahan yang ketara dari segi penambahan bangunan atau prasarana baru yang bersesuaian sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. Sebagaimana yang dapat kita lihat institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di Negara ini seperti Universiti Brunei Darussalam, Institut Teknologi Brunei dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) begitu rancak dari segi penambahan, pengubahsuaian dan sebagainya.

Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPUSB) satu-satunya institusi pengajian tinggi di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang memerlukan perhatian untuk ditingkatkan kewibawaannya bukan sahaja dari aspek peningkatan tahap program-program pengajian tetapi juga dari aspek pembangunan prasarana dan infrastruktur fizikalnya supaya selari dengan misi dan visi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Sekiranya dapat dijelaskan di Dewan yang mulia ini, kenapa belum ada tanda-tanda bangunan baru akan dibina atau sekiranya tapak masih dalam proses penyelesaian, sekurang-kurangnya ada perancangan penambahan atau pengubahsuaian kepada bangunan yang sedia ada yang mana kita maklum setiap tahun akan ada kemasukkan pelajar-pelajar baru yang sudah tentu memerlukan bilik-bilik kuliah dan persiapan yang lain. Ini juga menepati penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama

semalam bahawa tahun ini Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menumpukan kepada menaik taraf bangunan-bangunan yang telah berumur lebih 30 tahun.

Isu berkaitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) juga, dalam hal ini saya ingin mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Ke-2 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) mengenai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012. Perintah ini mungkin saja tidak akan menepati sasarannya jika kita tidak menyediakan guru-guru ugama yang berkepakaran tinggi untuk menyokong pelaksanaan perintah tersebut.

Dalam hal ini saya berpendapat, perlulah Kementerian Hal Ehwal Ugama menyediakan perancangan yang teliti supaya lulusan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) ini akan menjadi sumber tenaga yang diperlukan dan juga diberikan keutamaan untuk memenuhi perkhidmatan perguruan berbanding dengan institusi-institusi yang lain di mana Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) adalah satu-satunya Institusi Pendidikan yang melatih pelajar-pelajarnya dalam bidang Ikhtisas Perguruan Ugama.

Perkara ini saya timbulkan kerana saya difahamkan sebilangan lepasan daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) masih belum mendapat pekerjaan berbanding dengan lepasan universiti dari tempat-tempat lain. Sekiranya sokongan

diberikan kepada lepasan-lepasan ini diberi keutamaan pekerjaan dalam bidang-bidang mereka dengan Skim Perkhidmatan yang teratur serta kepakaran yang diperlukan, ini adalah lebih baik dan insya-Allah dapat memenuhi kehendak Perintah Pendidikan Wajib Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengeluarkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak lebih 20 tahun sudah memiliki Mushaf Al-Quran sendiri yang mana Mushaf Brunei Darussalam sejak itu terbitlah cetakan kedua pada tahun 2006 dan Projek Perintis Terjemahan Mushaf Brunei Darussalam juga dilaksanakan dengan terbitan edisi terjemahan Juzuk 1 dan 3 pada tahun 2009 dan projek ini jika tidak silap saya berjalan dengan jayanya.

Maka sesuai dengan perkembangan inilah saya ingin mencadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat memikirkan untuk menerbitkan buku-buku hadith yang sahih dari ulama-ulama muktabar khususnya enam kitab

hadith utama yang dikenali sebagai kitab Al-Syitah, Shahih Al-Bukhari, Shahih Muslim, Sunnah Anass, Sunnah Abu-Daud, Sunnah At-Tirmidzi dan Sunnah Ibnu Majah.

Saya percaya, insya-Allah dengan terbitnya buku-buku ini usaha merealisasikan Negara Zikir berpanduan Al-Quran dan As-sunnah adalah akan lebih jelas lagi perjalanannya. Usaha ini juga diharapkan membuahakan sebuah masyarakat Islam yang beramal dengan ilmu yang sahih di samping mampu menangkis apa jua pemikiran yang lari daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jemaah.

Kebersihan masjid adalah satu perkara yang sering kita dengar diperbualkan di kalangan para jemaah masjid di mana kebersihan disebilangan masjid-masjid kurang dijaga dengan baik dan bersih. Puncanya disebabkan tidak ada orang yang dikhususkan bertugas membersihkan masjid secara berterusan.

Dalam hal ini, saya ingin memberikan resolusi kepada masalah ini iaitu dengan membenarkan syarikat-syarikat swasta untuk memberikan khidmat pembersihan dan menjaga kebersihan tandas di masjid-masjid di negara ini. Jika peruntukan kewangannya menjadi satu isu, maka saya cadangkan, apakah dibolehkan wang tabung masjid digunakan untuk membayar syarikat-syarikat swasta yang memberikan khidmat pembersihan masjid berkenaan? Jika tidak diperbolehkan apakah tabung derma yang khusus boleh diwujudkan bagi perbelanjaan membayar khidmat ini? Saya yakin para jemaah masjid, masing-masing akan bermurah hati untuk menyumbangkan derma masing-masing kerana ianya merupakan amal jariah dan mendapat pahala; dan

Pada masa ini terdapat perkuburan orang-orang Islam di kawasan Daerah Brunei dan Muara yang belum lagi digazetkan. Cadangan saya supaya tanah-tanah perkuburan orang-orang Islam yang berkenaan akan dapat digazetkan seperti tanah perkuburan orang-orang Islam di Kampung Batu Marang. Perkara ini adalah amat penting bagi kegunaan pihak-pihak yang berkenaan, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita beralih ke peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk kita berehat selama 20 minit, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini disambung semula akan tetapi bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa diteruskan saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Tajuk SJ – Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebelum Tajuk ini saya bukakan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menjawab beberapa soalan-soalan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, di sini saya masih mempunyai senarai 8 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat kenyataan mengenai tajuk ini. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi ada 2 perkara:

- 1) Mengenai Sekolah Ugama. Terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana akan membangun Sekolah Ugama di Kampung Kiarong, tetapi ini belum mencukupi memandangkan di kawasan zon ini mempunyai 80 lebih ribu penduduk dan dijangka akan bertambah dengan cepat kerana banyak rumah perpindahan dan rumah-rumah persendirian dibangun di kawasan ini. Walaupun sekolah-sekolah rendah Kementerian Pendidikan boleh dipakai sebagai sekolah ugama di waktu petang tetapi bagi sesi ugama sebelah pagi ada sedikit masalah di mana anak-anak yang hendak sekolah ugama di sebelah pagi ada yang dihantar ke Jerudong dan ada yang ke Sekolah Ugama Beribi di Kampung Mata-Mata.

Jadi penduduk Mukim Gadong 'A' ini berhasrat untuk mempunyai sekolah agama di mukim tersebut supaya masalah menghantar dan mengambil anak dapat diatasi; dan

- 2) Boleh dikatakan ramai juga pendakwah di Negara ini dan kita tidak tahu dari mana datangnya pendakwah ini yang bergerak bebas ke rumah-rumah dan masjid-masjid dengan memujuk orang ramai untuk menyertai kumpulan mereka. Ada baiknya jika kegiatan mereka ini dipantau oleh pihak yang berkenaan kerana ditakuti mereka ini bukan dari aliran Ahli Sunnah Wal Jemaah, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ada beberapa isu yang akan saya kemukakan dalam tajuk ini, saya akan cuba memendekkan mukadimah dan langsung kepada saranan dan cadangan insya-Allah.

Mengenai jawatan Pegawai Masjid dan Imam yang tidak berijazah. Adalah dicadangkan supaya sebuah institusi yang khusus mengenai kerjaya imam dapat diwujudkan di negara ini sepertimana juga kerjaya-kerjaya lain iaitu ada tempat untuk mendapatkan kemahiran sebelum menjawat pekerjaan tersebut. Umpamanya guru ada institusi perguruannya, kerani ada Diploma Perkeranian, jurutera ada maktab kejuruteraannya, doktor ada pengajian kedoktorannya dan lain-lain lagi. Jika pun

tidak perlu membina kolej atau institusi imam secara persendirian maka adalah memadai diadakan satu Kursus Imam untuk diserapkan ke dalam salah satu pengajian tinggi Islam yang ada di negara ini sebagai salah satu jurusan pengajian selama 2 atau 3 tahun, sekurang-kurangnya diiktiraf di Peringkat Diploma Imam, kerana dengan kursus singkat sahaja tidak akan memadai.

Oleh itu, pihak berkenaan eloklah merangkakan suatu kurikulum untuk pembelajaran dan pendidikan imam dengan tujuan memberigakan dan memartabatkan jawatan Imam, kerana imam adalah sentiasa saja berhadapan dengan para jemaah dan masyarakat yang berbagai peringkat umum. Imam adalah juga sebagai pemimpin masyarakat sebagai indung tempat orang ramai merujuk meminta pandangan dan nasihat seperti juga penghulu dan ketua kampung. Saya mencadangkan supaya imam yang tidak berijazah tetapi mempunyai pengalaman dan kemahiran luas dalam keagamaan dan kemasyarakatan diberi peluang menjadi Pegawai Masjid di masjid masing-masing.

Isu yang kedua ialah mengenai Zakat. Statistik zakat tahun 2005 menunjukkan kutipan sebanyak \$18.9 juta dan ianya menurun hampir 50% iaitu \$8.8 juta pada tahun 2006 dan sehingga pada tahun 2007 menunjukkan penurunan yang amat ketara. Saya ingin bertanya:

- 1) Berapakah Statistik Kutipan Zakat sehingga tahun 2012?;
- 2) Jika berlaku penurunan, apakah penyebabnya?; dan

3) Pelabelan dan pengiktirafan halal menerusi sijil dan logo halal yang dilaksanakan oleh pihak berkenaan adalah suatu perkara yang disambut baik oleh orang ramai terutamanya orang-orang Islam dalam memartabatkan Negara ini sebagai Negara Zikir. Tidak ada lagi keraguan memilih apa jua jenis pemakanan di mana juga premis makanan yang ada dijual di Negara ini.

Walau bagaimanapun, adalah perlu diambil perhatian bagi mendapatkan pengiktirafan halal, ianya adalah terlalu lama dan menyebabkan kelembapan dalam perusahaan pemakanan, terutama produk-produk mukim dan kampung. Kini masih banyak produk mukim dan kampung yang belum mendapat pengiktirafan ini.

Apakah kiranya ada kategori pengiktirafan Label Halal kepada jenis produk pemakanan ini? Umpamanya pemakanan kuih kering tradisional yang memang sudah dimakan sejak zaman dahulu lagi yang dibuat oleh orang-orang Negara Brunei Darussalam sendiri. Oleh yang demikian, eloklah pengiktirafan pemakanan kuih kering tradisional ini sahaja didapati menerusi dari Jabatan Daerah melalui penghulu atau ketua kampung iaitu bagi membezakan pengiktirafan halal kepada pemakanan restoran dan gedung-gedung perniagaan.

Kita renung kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 2007 Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-61 Tahun, di antaranya:

*“Mana-mana agensi yang masih memakai peraturan-peraturan atau proses-proses yang boleh melambatkan pencapaian dan juga menghalangi perkhidmatan yang efisien, hendaklah mereka itu dengan segeranya mengubah pandangan mereka”.*

Isu yang terakhir seterusnya ialah mengenai dengan pembinaan masjid. Adalah dicadangkan supaya bentuk luaran dan dalaman masjid perlu mempunyai keindahan dan kecantikan berkonsepkan keislaman terutama dalam bentuk kubahnya. Dari penyediaan kemudahan dan biliknya pula perlulah diambil perhatian umpamanya mempunyai bilik bacaan, pejabat imam, tempat pengurusan jenazah, setor, tempat mengambil wudhu lelaki dan perempuan, tempat sembahyang perempuan, letak kereta jenazah dan tempat aktiviti majlis korban.

Syukur Alhamdulillah, peruntukan pemasangan Sistem Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) telah dinyatakan kelmarin untuk masjid-masjid dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Jika boleh, peruntukan berkenaan juga akan dapat dilaratkan bagi pemasangan PA System yang berkeupayaan tinggi dan juga bantuan pengambilan insurans dan cukai jalan kereta jenazah. Dalam hal ini juga kereta jenazah berkenaan jika boleh adalah dikecualikan dari pengambilan cukai jalan.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bagi pelaksanaan pembinaan masjid-masjid di masa yang akan datang akan dapat mengikut saranan yang telah dinyatakan dan jika ada saranan yang lebih baik ianya adalah dialu-alukan.

Maka saya ingin mengambil kesempatan supaya Masjid Kampung Telisai yang ada dinyatakan dalam perancangan begitu juga Kampung Rambai, Kampung Lamunin dan lain-lain lagi akan dapat dibina dengan bentuk binaan yang terbaru. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Setelah mendengar Mukadimah dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang begitu panjang. Saya ada beberapa isu yang ingin dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini:

- 1) Mengenai Pembinaan Sekolah Ugama Kampung Keriam dan Sekolah Ugama Kampung Kupang. Perkara ini sudahpun disentuh dalam perjumpaan ramah mesra dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada bulan lepas. Walau bagaimanapun, saya berharap supaya pembinaan kedua-dua sekolah ini akan dapat disiapkan sepertimana yang dirancangan.
- 2) Mengenai Sewa Rumah yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Pada masa ini Majlis Ugama Islam Brunei menyediakan kewangan sebanyak \$500.00 sebulan bagi

pembayaran sewa rumah kepada ibu tunggal dan fakir miskin. Terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh ketua-ketua kampung dalam menangani perkara ini. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya Majlis Ugama Islam Brunei menyediakan rumah sahaja iaitu bangunan yang dimiliki oleh Majlis Ugama Islam Brunei sendiri untuk dijadikan kediaman ibu tunggal dan fakir miskin tanpa mengenakan bayaran. Dengan adanya rumah kediaman itu nanti saya percaya tidak banyak karenah yang akan dihadapi; dan

- 3) Mengenai dengan Dakwah ataupun Tabligh sepertimana yang disentuh oleh rakan sejawat saya di sebelah kiri tadi. Kalau kita mengikuti masalah tabligh ini tidaklah dinafikan yang mereka ini berkumpul sehingga beberapa hari berada di dalam masjid dan membincangkan sesuatu sesama sendiri. Di samping itu mereka juga berdakwah dengan berkunjung ke rumah-rumah dan perbuatan mereka ini tidak disenangi oleh sebahagian masyarakat setempat.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang menjadi masalah kepada imam-imam ialah, apakah mereka ini mendapat kebenaran dari pihak yang berkenaan? Persoalannya ialah:

- i. Apakah mereka ini dibenarkan tinggal di masjid atau tidak?; dan
- ii. Apakah tindakan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menangani perbuatan tabligh yang berdakwah

dan berkunjung ke rumah-rumah di persekitaran yang berdekatan dengan masjid?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan menyuarakan 4 perkara, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama di atas usaha-usaha dan inisiatif yang berterusan dalam mengembangkan syiar Islam di Negara ini khususnya untuk menanai dan memajukan visi Negara iaitu "*Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur*" yang bermaksud negara yang baik serta aman makmur dan sejahtera.

Terima kasih juga di atas penerangan padat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang mana berkisar pada pelan-pelan strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama. Daripada penerangan tersebut saya percaya Kementerian Hal Ehwal Ugama sudahpun merangka peta-peta strategik yang akan dicapai bagi tahun 2013/2014 ini khususnya mengenai perkembangan tenaga manusia dan penguatkuasaan.

1) Yang saya ingin timbulkan ialah Isu Pakej Umrah. Baru-baru ini terdapat laporan di sebuah akhbar tempatan mengenai dengan sekumpulan orang yang berhajat untuk menunaikan

ibadat umrah telah tidak dapat menunaikannya disebabkan visa umrah tidak dapat dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan. Saya difahamkan seramai lebih 900 telah terlibat dalam perkara ini yang mana pemergiannya telah dibatalkan di saat-saat akhir walaupun semua urusan termasuk pembayaran telah dibuat. Saya telah difahamkan bahawa masalah ini berpunca dari syarikat-syarikat yang berkaitan dengan *International Association of Travel Agents (IATA)*.

Saya menyuarakan perkara ini adalah kerana masalah visa umrah ini sering saja timbul apabila tiba musim untuk mengerjakan umrah di waktu-waktu tertentu. Saya berpendapat mungkin masih ada ruang di mana kita memerlukan lebih banyak maklumat dan penjelasan untuk diberikan kepada orang ramai mengenai syarat-syarat yang berkaitan dengan pengendali pakej umrah yang dibenarkan untuk membawa jemaah yang akan mengerjakan ibadah umrah ini.

Saya memohon penerangan mengenai perkara ini supaya ianya akan dapat dikongsi sama oleh orang ramai. Saya juga berpandangan bahawa orang ramai perlu sentiasa diingatkan dari masa ke semasa mengenai dengan perubahan-perubahan, jika ada, dalam perkara ini. Dalam hubungan ini, apakah pandangan dan tindakan dari pihak Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

2) Mengenai Isu Menghormati Hari-Hari Kebesaran Islam. Alhamdulillah kita di Negara ini begitu menghormati setiap hari-hari kebesaran Islam terdapat garis pandu dari pihak yang



berkenaan dalam Kerajaan menasihatkan supaya acara-acara yang berbentuk hiburan dalam bulan-bulan tertentu seperti bulan Syaaban, Ramadan tidak digalakkan. Misalnya perayaan-perayaan Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkebetulan dalam bulan Syaaban dan Ramadan telah disesuaikan dengan bulan-bulan Islam tersebut. Ini menunjukkan kita benar-benar mempraktikkan Negara Zikir yang kita sering sebut-sebut.

Bagaimanapun disebalik itu ada juga sebilangan pihak yang berkenaan dalam Kerajaan yang mungkin terlepas pandang mengenai dengan garis pandu menghormati bulan-bulan dalam kalendar Islam ini. Saya berpendapat perkara ini perlulah diambil perhatian. Saya menyuarakannya di Dewan yang mulia ini adalah semata-mata untuk sama-sama menandai tanggungjawab dan membantu pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam merealisasikan usaha ke arah menjadi Negara ini sebuah Negara Zikir dan Negara Melayu Islam Beraja. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan terus memberikan kita kekuatan untuk mengekalkan usaha berkebijakan ini.

3) Saya seterusnya ingin menyuarakan mengenai bangunan masjid di Negara Brunei Darussalam. Izinkan saya menerangkan sedikit berpandukan kepada sesi muzakarah saya dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama baru-baru ini bahawa di Daerah Brunei dan Muara mempunyai 54 buah masjid. Daerah Belait 10 buah masjid, Daerah

Tutong 24 buah masjid dan Daerah Temburong 8 buah masjid. Jumlah masjid keseluruhannya di negara kita ialah 90 buah masjid mengikut perangkaan yang telah saya perolehi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Daerah Belait mempunyai penduduk lebih kurang 70,000 orang, daerah kedua terbesar selepas Daerah Brunei dan Muara. Daerah Belait mempunyai 10 buah masjid sahaja.

Manakala Daerah Tutong yang penduduknya 39,000 orang kurang daripada Daerah Belait tetapi mempunyai sebanyak 24 buah masjid dan Daerah Temburong dengan keramaian penduduknya 9,000 orang hampir-hampir menghampiri bilangan masjid di Daerah Belait. Saya ingin bertanya mengapakah bilangan masjid di Daerah Belait itu kecil bilangannya jika dibandingkan dengan di Daerah Tutong dan Temburong. Adakah ini bermakna Daerah Belait penduduk Islamnya tidak banyak atau sudah berkurang jika dibandingkan dengan Daerah Tutong dan Temburong. Bagaimanapun di kesempatan ini saya tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih di atas makluman yang didengar semasa majlis muzakarah bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama baru-baru ini bahawa sebuah masjid akan dibina di Kampung Lumut 1; dan

4) Walaupun telah disuarakan mengenai Sijil Halal. Saya ingin menambah sedikit di mana statistik Sijil Halal dan Label Halal mengikut data yang saya perolehi daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu restoran-restoran pada tahun 2011, hanya 2 buah mendapat Sijil Halal dan Label Halal. Manakala pada tahun 2012 melonjak kepada 114

buah restoran. Bagi barang makanan pada tahun 2011 adalah sebanyak 166 produk dan pada tahun lepas iaitu tahun 2012 ianya melonjak kepada 565 produk yang mendapat Sijil Halal dan Label Halal. Manakala Sijil Penyembelihan bagi tahun 2011 sebanyak 22 sijil telah dikeluarkan dan pada tahun lepas sebanyak 26 sijil.

Walau bagaimana pun kita mendengar sebentar tadi dari rakan sejawat saya mengatakan bahawa proses mendapatkan Sijil Halal dan Label Halal ini mengambil masa yang begitu lama untuk diluluskan. Tetapi kalau kita melihat statistik yang saya bentangkan sebentar tadi ianya ada peningkatan daripada tahun 2011 ke tahun 2012 adalah sangat jauh peningkatannya.

Jadi keterangan atau pandangan yang disebutkan tadi itu nampaknya bercanggah. Pada pandangan saya, perkara ini sepatutnya tidak timbul dan saya ingin mengetahui apakah pandangan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama? Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya apa yang akan saya katakan ini ada sebahagiannya telah dikatakan oleh rakan-rakan yang lebih awal bercakap tadi. Walau bagaimanapun saya ingin menambah sedikit untuk mengukuhkan apa yang dikatakan iaitu:

1. Bermula pada 1 Januari 2013 Perintah Pendidikan Ugama Wajib telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Peningkatan secara amat ketara telah berlaku di sekolah-sekolah ugama atau sekolah-sekolah ugama secara kongsi sama yang berlainan Kementerian. Perkara ini ada juga disentuh berhubung dengan kekurangan kelas atau bangunan sekolah ugama oleh salah seorang rakan tadi dan yang saya fokuskan ialah di Mukim Kuala Belait, di kawasan Zon 2, Daerah Belait.

Sepertimana yang telah disalurkan melalui media-media akhbar tempatan yang menyatakan terdapatnya kesesakan kelas-kelas ugama. Maka, saya ingin menyarankan supaya bangunan-bangunan sekolah ugama yang baru ataupun yang sudah ada itu ditambah atau sama sekali difokuskan kepada kawasan-kawasan penduduk yang padat seperti di kawasan Perumahan Panaga yang mempunyai 10,000 orang penduduk. Maka dengan adanya penambahan sekolah-sekolah ugama di kawasan tersebut akan memudahkan lagi para ibu bapa untuk menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah ugama yang berkenaan.

2. Menyentuh dengan Waktu Persekolahan, Alhamdulillah nampak-nampaknya satu perubahan telah pun dibuat iaitu mulai pada jam 2.00 petang. Jadi dengan secara langsung ianya telah dapat memberi peluang kepada ibu bapa dan anak-anak

tersebut menikmati makan tengahari kerana jika perut lapar sudah setentunya pengamatan pembelajaran akan berkurang.

3. Menyentuh dengan pembinaan masjid yang baru. Sepertimana yang telah dirancangkan terdapat 7 buah masjid akan dibina dan saya menaruh harapan yang tinggi supaya giliran bagi 7 buah masjid itu terkandung jua Masjid Kampung Mumong yang telah sekian lama diidam-idamkan oleh penduduk Kampung Mumong kerana Kampung Mumong mempunyai penduduk Islam seramai lebih kurang 8,500 orang, mengalahkan penduduk Daerah Temburong. Itulah harapan saya di Dewan yang mulia ini semoga apa yang telah dicadangkan oleh rakan-rakan pada awalnya itu akan dapat diambil perhatian. Sekian, Wabillahit Taufek Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal silakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada 3 cadangan saja.

1. Dicapangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat menubuhkan satu Unit Khas Guaman Kerajaan bahagian Syarie bagi memberi perkhidmatan

bantuan mengenai masalah kes-kes Mahkamah Syarie kepada orang ramai yang tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan dari guaman swasta.

2. Dicapangkan di Bahagian Bangunan Mahkamah, perlu diwujudkan Kaunter Rujukan bagi orang ramai mendapatkan bantuan pertanyaan mengenai Hal Ehwal Perundangan Islam yang mana banyak di antara kes-kes Perundangan Islam sukar untuk difahami disebabkan masalah istilah dan bahasa. Jadi pada masa ini telah ada klinikal guaman yang diwujudkan oleh pihak sektor swasta tetapi ada baiknya jika pihak Kerajaan mengadakan kaunter ini untuk memudahkan orang ramai yang menghendaki guaman tidak payah lagi berjumpa kepada pihak sektor swasta disebabkan bayaran *fees*nya terlalu mahal.
3. Mengenai dengan Pendidikan Ugama Di Sekolah-Sekolah Kerajaan, saya menyarankan supaya persekolahan ugama selepas Darjah 6 diteruskan ke peringkat menengah seperti juga halnya dengan sekolah akademik biasa. Mereka ini seterusnya boleh memasuki institusi-institusi pendidikan tinggi di dalam dan di luar Negara, yang setentunya juga mengandungi mata pelajaran biasa seperti Matematik, Sains, Teknologi dan seumpamanya.

Ini bukan sahaja memberi pilihan kepada murid-murid sekolah tetapi dalam jangka masa panjang ianya boleh menanamkan sifat ugama Islam dalam jiwa mereka. Kerana kita yakin beberapa gejala sosial yang berlaku di Negara kita ini tidak lain dan tidak bukan berpunca dari luntarnya jiwa

beragama pelakunya, serta disebabkan oleh persekitaran dan lingkungan di mana mereka berada.

Kita boleh saja menyalahkan budaya asing, media dan media sosial. Walau bagaimanapun jika keimanan kita kental dan tebal berkat dari pendidikan agama yang teratur dan berkesan maka apa pun badai budaya asing atau gelombang perubahan sosial, orang-orang kita pasti akan dapat berdiri tegak dan kukuh tanpa goyang. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

**Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, bagi menerapkan ajaran Islam supaya lebih dijiwai dan dihayati ke arah yang lebih mantap maka kelas-kelas bimbingan perlu ditubuhkan. Pada masa ini telah pun ditubuhkan khasnya bagi saudara-saudara baru dan untuk jemaah masjid di seluruh negara sepertimana dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama semalam.

Yang Berhormat Pengerusi, untuk makluman, Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) telah pun menubuhkan kelas-kelas agama di kampung-kampung di Daerah Tutong. Ini selaras dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama dalam majlis ini semalam yang antara lain menyentuh peranan kementerian berkenaan dalam bidang dakwah termasuklah berdakwah kepada mereka yang belum beragama Islam. Setakat ini 8 buah kelas agama

telah ditubuhkan seperti di tempat berikut:

1. Kampung Lubuk Pulau, di Bangunan Pesatu;
2. Kampung Kiudang, Mongkom di rumah Awang Haji Omar Ali;
3. Kampung Pancong, di rumah Ketua Kampung;
4. Kampung Ukung di rumah Haji Mohd. Ukit;
5. Kampung Bukit di Masjid Kampung Bukit;
6. Kampung Long Mayan, di Balai Ibadat Kampung Long Mayan;
7. Kampung Kuala Ungar di rumah Awang Pawi Bingkitan (seorang yang tidak beragama Islam); dan
8. Kampung Rambai di rumah Awang Haji Suhaili bin Abdullah.

Yang Berhormat Pengerusi, kelas agama ini telah ditubuhkan beberapa tahun lalu dan pada masa ini ada sebahagiannya tidak dapat belajar dan tidak berfungsi kerana ketiadaan guru agama yang boleh membimbing dan mengajar saudara-saudara baru.

Yang Berhormat Pengerusi, ramai guru-guru agama boleh mengajar saudara-saudara baru tetapi tidak ramai yang boleh membimbing mereka. Membimbing dan mengajar saudara-saudara baru kaedahnya tidaklah sama atau serupa mengajar kanak-kanak peringkat pra-sekolah atau Darjah 1. Kerana mengajar dan membimbing kanak-kanak sesuai dengan pepatah 'melentur buluh bermula

dari rebung', tentu agak mudah diperlakukan tetapi untuk melentur buluh yang sudah tua, banyak karenah dan masalah, jika kurang sabar tidak akan berjaya.

Yang Berhormat Pengerusi, selain itu guru-guru tidak sanggup membimbing dan mengajar kelas ugama ini kerana tempatnya terletak jauh di pedalaman dan mengambil masa setengah ataupun sehingga satu jam perjalanan kereta, lebih-lebih lagi di waktu malam. Oleh kerana mendapatkan guru-guru ugama sukar diperolehi, maka melalui Majlis yang mulia ini saya mencadangkan Elaun Mengajar Kelas Ugama ditambah daripada \$9.50 sejam yang ada pada masa ini kepada \$20.00 sejam dan waktu belajar hendaklah ditambah 4 hingga 6 jam seminggu supaya ianya lebih berkesan.

Yang Berhormat Pengerusi, tujuan bagi tambahan Elaun ini ialah supaya menseimbangkan dengan masa dan jauh perjalanan kerana ada di antaranya kelas ini diadakan di waktu malam. Dengan adanya cadangan yang mendapat pertimbangan dari pihak berkenaan, maka Majlis yakin untuk mendapatkan Guru Ugama yang boleh membimbing dan mengajar kelas-kelas ugama saudara-saudara baru yang bertempat di kampung-kampung pedalaman akan dapat diatasi dan juga dengan tambahan elaun yang dicadangkan akan mendorong guru-guru yang berpengalaman untuk mencurahkan pengalaman mereka dengan memberi ilmu pengetahuan ugama yang mereka miliki kepada saudara-saudara baru yang sangat-sangat memerlukannya. Diharapkan kedua-dua belah pihak iaitu tenaga pengajar dan para pelajar akan mendapat manfaatnya dan ganjaran dari

Allah Subhanahu Wata'ala jua. Insya-Allah, sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang terakhir sekali, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

**Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan bercakap mengenai masalah produk-produk yang dijual di Negara Brunei Darussalam mengenai kehalalannya. Pemeriksaan dan pengesahan produk-produk yang sudah ada dan yang akan dibawa masuk untuk dijual di pasaran Negara Brunei Darussalam. Dalam jangka masa satu tahun ini, ada dua kejadian yang boleh meragut reputasi negara ini;

- 1) Produk yang ditimbulkan oleh negara jiran berkenaan dengan kehalalannya iaitu produk mentega '*Golden Churn Brand*' dari New Zealand; dan
- 2) Produk yang diumumkan iaitu produk '*Greatwall Brand Corn Beef*' dari China yang didapati mengandungi DNA Khinzir yang telah disahkan oleh Pusat Sains Halal Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi, mentega *Golden Churn* telah dikeluarkan dari gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai di seluruh negara oleh kerana negara jiran telah menyaki produk itu ada mengandungi bahan-bahan haram.

Kaola ingin mengongsikan baru-baru ini ada dalam akhbar Brunei Times keluaran hari Ahad, bertarikh 17 Februari 2013, melaporkan di muka hadapan dengan tajuk '*Golden Churn Butter complies with Halal norms*' dan isi petikannya di dalam Bahasa Inggeris yang berbunyi: "*The Inspection Committee comprising Brunei Islamic Council, Religious Affairs Ministry and State Mufti's Office has agreed that the Golden Churn Pure Creamery Butter processed in New Zealand was made in accordance with the Syariah Law*".

Kaola ucapkan syabas dan tahniah Yang Berhormat Pengerusi, kerana *Greatwall Brand Corn Beef* telah diharamkan penjualannya setelah lama dipasarkan di Negara ini. Kedua-dua produk yang kaola sebutkan, memberi cabaran terutama sekali kepada Negara ini secara umumnya dan khusus kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab membuat kerja-kerja pemeriksaan, penganalisaan dan pengesahan tentang kehalalan produk-produk yang dibawa masuk ke Negara ini yang mungkin memberi impak negatif kepada reputasi Negara ini disebabkan kejadian itu. Seperti yang selalu dibanggakan dan diumumkan kepada bakal pelabur-pelabur asing yang hendak melabur di negara ini, mereka percaya negara ini mempunyai amalan yang tegas dalam hal ehwal penghayatan, pengetahuan, pemahaman dan pengurusan ugama Islam. Tentu sekali amalan dan pengawasan tentang cara hidup Islam mestilah sangat baik dari itulah mereka berminat hendak ikut serta menggabungkan diri atau syarikat mereka bersama-sama dengan Negara ini mahupun dengan cara melabelkan produk-produk mereka dengan Label Halal Brunei ataupun membuka kilang mereka di dalam Negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, bersandarkan kepada dua kejadian yang disebutkan tadi, produk-produk *Golden Churn* setelah Negara jiran mendapati ada unsur-unsur bahan yang haram, barulah kita ikut bertindak sedangkan produk ini sudah berpuluh-puluh tahun diedarkan dan digunakan oleh suri-suri rumah tangga dan peniaga-peniaga kuih dan makanan. Begitu juga dengan *Greatwall Brand Corn Beef*. Seperti apa yang terjadi, ianya patut disedari dan difikirkan bahawa mempertahankan status nama negara ini sebagai negara yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup dan mempunyai reputasi yang begitu baik dari segi penjagaan dan pengamalan makanan halal.

Yang Berhormat Pengerusi, pandangan kaola dari sekarang untuk mempertahankan Negara ini sebagai negara yang digalati dengan mengamalkan cara hidup Islam dan mempunyai nama baik dari segi menentukan kehalalan makanan disertai dengan ketegasan pemeriksaan dan penentuan barang-barang dan produk-produk yang disahkan kehalalannya yang bertanggungjawab dengan pemeriksaan penganalisaan dan pengesahan. Memastikan kehalalan produk-produk dan makanan itu supaya mengambil iktibar untuk berusaha lebih baik bagi membuat kajian lebih terperinci dan lebih awal lagi kepada produk yang popular di kalangan produk-produk di Negara ini, yang belum ada lagi kepastiannya tentang kehalalannya. Bagi memastikan daripada masalah yang terjadi kepada *Golden Churn* dan *Great Wall brand Cornbeef* supaya Negara ini tidak akan lagi terikut-ikut negara jiran.

Dengan ada kemahuan untuk menguatkan usaha pemeriksaan penganalisaan dan pengesahan adalah satu usaha-usaha yang boleh mempertahankan reputasi Negara ini sebagai Negara yang serius lagi berwibawa dengan memastikan makanan-makanan yang terdapat di pasaran adalah tidak bersebab kepada kandungan bahan-bahan dan campuran-campuran yang berunsur bahan-bahan yang haram.

Kaola mencadangkan supaya diadakan satu akta yang akan dapat menangani akan masalah seperti ini dan dengan adanya inisiatif ini, Negara ini akan dapat meningkatkan dan mempertahankan reputasi sebagai Negara yang betul-betul berusaha untuk mempertahankan Negara Islam yang mengamalkan cara pemakanan yang halal lagi bersih. Kaola menyarankan supaya isu ini dapat diambil serius kerana peluang Negara ini untuk menjadi hub halal sangatlah tinggi dan berpotensi untuk menarik pengeluar produk-produk makanan besar dunia yang mahukan produk-produk mereka dilabelkan dan digunakan dengan menggunakan Label Halal Brunei Darussalam seperti yang dipromosikan oleh Wafirah Holding Sendirian Berhad atau Gahamin *International Food Cooperation* Sendirian Berhad amatlah mustahak untuk mempelbagaikan ekonomi Negara. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengikut pengiraan pihak Jurutulis di sini, jumlah bilangan soalan-soalan itu adalah 59 soalan. Jadi untuk membolehkan Menteri Hal Ehwal Ugama membaca atau merenungkan soalan-soalan ini, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini saya

tangguhkan dan kita balik bersidang selaku Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita sekarang bersidang semula selaku Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang lagi pada jam 2.45 petang nanti. Terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Jadual di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Untuk membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

### **(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula. Perbincangan Jawatankuasa yang telah diadakan di sebelah pagi tadi masih lagi membincangkan Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seramai 16 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membuat pernyataan berkenaan dengan tajuk ini. Mengikut catatan daripada Jurutulis, sebanyak 59 soalan dan juga cadangan telah diajukan. Mungkin bukan semuanya berkehendakkan jawapan secara terperinci tetapi saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengulas. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi,

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kerana memberi kaola peluang untuk menjawab 60 soalan kurang satu (59) dan daripada 16 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya gembira dengan sambutan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Kepada persoalan mengenai dengan agama ini, saya kira bukan menunjukkan banyaknya kelemahan, walaupun memang ada kelemahan tetapi juga menunjukkan minat dan ghairah kita sama-sama untuk menjunjung agama di Negara ini.

Soalan yang datang daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal yang menerangkan minat beliau kepada adanya Kelas-Kelas Ugama di Negara ini. Alhamdulillah beliau telah memberikan penjelasan yang jelas mengenai dengan kedudukan belajar ugama di masjid-masjid yang mana beliau menerangkan bahawa perempuan-perempuan yang datang haid, maka haram bagi mereka itu untuk berada di dalam masjid.

Ini menjadi satu ingatan dan nasihat yang baik daripada Ahli Ugama kita Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, mudah-mudahan diambil perhatian khususnya golongan kaum wanita kita yang mana kaola merasa perkara ini telah dimaklumi oleh kaum wanita kita, tetapi mungkin juga ada yang memerlukan dan kaola rasa insya-Allah akan mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Masjid untuk menyediakan garis panduan apa-apa yang boleh dan apa-apa yang tidak boleh pada kaum wanita.



Kemudian Yang Berhormat itu menjelaskan supaya usaha-usaha seperti ini hendaklah diperluaskan lagi di seluruh Negara dan insya-Allah memang itulah juga niat Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengenai dengan Tambang Menunaikan Fardu Haji. Biasanya dulu, Tambang Menunaikan Fardhu Haji mencukupi ataupun hampir-hampir mencukupi. Tidak banyak lagi untuk ditambah. Itu dahulu, tetapi sekarang sudah jauh berbeza, supaya diusahakan peningkatan tambang itu. Setelah bermesyuarat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan pihak-pihak yang tertentu, Alhamdulillah Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mendapat Warkah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya Tambang Haji yang berjumlah \$3,500.00 ditambah menjadi \$4,500.00 bagi pegawai-pegawai Kerajaan.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan supaya diberi *top-up* sebanyak \$600.00 kepada orang-orang dewasa dan \$475.00 kepada kanak-kanak bagi yang membuat haji kali yang pertama dan kali yang kedua sahaja manakala yang sudah, pula tidak diberikan. Bermakna jika sekiranya tambang itu \$4,000.00, maka \$600.00 ditanggung oleh Kerajaan yang mana ia akan membayar \$3,400.00 sahaja. Jadi *top up*nya \$600.00 bagi orang dewasa.

Syukur Alhamdulillah kita mendapat kurnia sebegini. Seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala; "La in syakartum La azidannakum. Jika kamu bersyukur, Aku akan tambah lagi kurnia-Ku kepada kamu". Walaupun tidak dapat penuh

tetapi kata orang perlahan-lahanlah kita akan berusaha dari semasa ke semasa. Walaupun tidak dapat dulunya kita fikir supaya dapat tambang haji kepada pakej haji, mungkin kepada pakej haji itu terlalu drastik. Apa yang telah dikurniakan ini Alhamdulillah diterima dulu.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Baginda berada di Kaherah iaitu mengumumkan kenaikan Elaun bagi pelajar-pelajar di peringkat Ijazah lanjutan, dan ini juga kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana yang demikian ini menjadi satu motivasi kepada para pelajar di peringkat Ijazah Lanjutan iaitu *master degree* dan Ph.D. Kalau kaola boleh menambah di sini, kita cuma ada seorang sahaja yang memperolehi Ph.D daripada Universiti Al-Azhar iaitu Allahyarham Profesor Dato Mahmud Haji Saedon bin Haji Awang Othman. Memang bukan mudah untuk lulus Ph.D di Universiti Al-Azhar. Kalaulah sekiranya dapat diusahakan elaun khas bagi mereka yang berani untuk mencuba di Universiti Al-Azhar ini, memang kalau diberikan elaun yang istimewa, kaola rasa ada kemunasabahannya dan mungkin akan difikirkan pada masa akan datang, insya-Allah.

Kemudian Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman ada menimbulkan mengenai dengan Waktu Persekolahan Ugama. Penyelesaian yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ini ialah mengadakan program Insyirah yang mana pelajar-pelajar dari Pra, Darjah 1, 2, 3. Jika belajar di sebelah pagi dari pukul 7.30 hingga 10.45 pagi dengan mengambil kira bahawa pelajar di sebelah petang ialah

pukul 12.00 tengah hari. Itulah usaha yang dapat dibuat pada masa ini walaupun barangkali tidak dapat memuaskan hati semua pihak tetapi kita akan usahakan lagi cara-cara yang terbaik pada masa hadapan.

Mengenai kenderaan, kita mengikut sebagaimana Kementerian Pendidikan iaitu sekolah rendah tidak disediakan elaun kenderaan begitu juga sekolah agama kerana pelajar-pelajar di sekolah agama itu juga bersekolah di sekolah rendah Kerajaan. Biasanya pelajar-pelajar itu berada tidak berjauhan daripada tempat pelajar-pelajar itu bersekolah rendah. Walau bagaimanapun, jika ada aduan atau keperluan, apa-apa pun masalah akan kita cuba atasi dan akan kita bantu sehingga kanak-kanak itu belajar dengan sempurna dan selesai.

Mengenai dengan penjadualan, seperti yang saya perkatakan tadi, yang mana jadual itu akan diteliti dan diperbaiki lagi supaya kanak-kanak bersekolah pagi dan petang itu akan belajar dengan selesai dan teratur.

Mengenai dengan penggunaan sekolah rendah, Kementerian Pendidikan juga digunakan oleh sekolah agama. Ini adalah berdasarkan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya dimanfaatkan sebaik-baiknya institusi-institusi yang ada itu jika dapat berkongsi, maka setelah membuat perundingan dengan Kementerian Pendidikan, Alhamdulillah sekolah di Kementerian Pendidikan juga dapat digunakan oleh sekolah agama tetapi tidak mengganggu perjalanan sistem masing-masing. Untuk membina sekolah berasingan yang berdekatan dengan

sekolah pendidikan, barangkali memandangkan situasi ekonomi kita belum lagi sesuai kerana setentunya ini akan membebankan ekonomi Negara kita jika diadakan setiap sekolah di Kementerian Pendidikan ada sekolah agama di sebelahnya. Mungkin di masa akan datang, kita lihat bagaimana konsep itu dapat dijalankan di Negara kita.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad berhubung dengan Membentras Kesalahan Syariah ataupun Gejala Sosial yang melakukan kesalahan-kesalahan jenayah syariah. Saya rasa ini tidak menimbulkan kerisauan kepada Yang Berhormat kerana kesalahan jenayah syariah di Daerah Temburong sangat rendah berbanding dengan kesalahan jenayah di daerah-daerah lain. Saya sudah bertanya mengenai perkara ini kepada pihak Mahkamah dan pihak Pendakwaan Rendah di Daerah Temburong. Walau bagaimanapun, rendahnya kesalahan-kesalahan jenayah syariah itu adalah kemungkinan juga faktornya kerana masyarakat di Daerah Temburong itu masih lagi merupakan masyarakat yang belum terdedah kepada masalah-masalah sosial seperti yang melanda di bandar-bandar.

Masyarakatnya masih lagi perihatin kepada keadaan dan keolahan, perlakuan anak-anak muda mungkin segan silu untuk melakukannya. Walau bagaimanapun, saya menyeru kepada masyarakat di seluruh Negara supaya memberi perhatian dalam mengawal gejala sosial dan mengawal kesalahan jenayah syariah ini bukan sahaja dibebankan kepada Kementerian Hal Ehwal Uagama ataupun pihak penguatkuasa agama tetapi juga seluruh masyarakat mengambil perhatian, sama-

sama membuka mata dan membanteras. Kalau kita memahami konsep Negara kitani MIB, dan Negara Zikir maka sama-samalah kita mendokong. Jangan bersikap diam dan lihat sahaja. Kita bukan hidup di masyarakat Barat di mana apa yang dilakukan di hadapan orang tidak menjadi masalah. Tetapi kita di dalam masyarakat Timur dan dalam keadaan beragama Islam.

Satu lagi cara membanteras setentunya mencukupkan Pegawai Penguatkuasa di Temburong pada masa ini hanya ada 3 orang Pegawai Penguatkuasa. Baru-baru ini telah ditemuduga sebanyak 25 jawatan kosong untuk Penguatkuasa Ugama. Tentulah di Daerah Temburong juga akan ditambah dari 3 orang kepada beberapa orang lagi untuk bertugas di Daerah Temburong. Dengan bertambahnya nanti Pegawai Penguatkuasa, insya-Allah akan lebih banyaklah kawasan-kawasan yang dapat dipantau. Dalam hal kemahkamahannya ini kita tidak boleh sewenang-wenang untuk campur tangan kerana soal-soal mahkamah ini adalah berbeza dengan institusi-institusi lain. Soal penyiasatan, perlu dengan rapi dan begitu juga waran tangkap atau bongkar. Jika kesalahan-kesalahan itu serius seperti berkesedudukan dan sebagainya mestilah memerlukan arahan dan kebenaran daripada Mahkamah Syariah.

Sesudah penyiasatan dibuat dengan rapi, diserahkan kepada Bahagian Pendakwaan. Bahagian Pendakwaan pula akan meneliti lagi dan seterusnya akan disiasat. Setelah pendakwa berpuas hati barulah dibawa ke Mahkamah. Di Mahkamah pula, jika saksi tidak datang, akan ditangguh lagi. Banyak masalahnya, tapi tidak pula semua masalah itu disebabkan

kelambatan, ada juga masanya ia cepat selesai jika segala keperluannya cukup. Kalau ada kes-kes yang berat dan memerlukan penyiasatan lanjut, ianya akan menjadi lambat.

Mengenai dengan pembinaan Sekolah Arab di Daerah Temburong, walaupun sudah lama Sekolah Arab di Daerah Temburong ini berkongsi dengan sekolah ugama tapi keperluan pada masa itu belum ada untuk membina Sekolah Arab di Daerah Temburong. Pada masa ini nampaknya sudah ada. Insya-Allah sekolah Arab di Daerah Temburong akan ditubuhkan di Kampung Gadong, Temburong dengan peruntukannya sebanyak \$7 juta. Insya-Allah dalam masa yang tidak berapa lama lagi akan mula dibina di Daerah Temburong. Sama juga keadaannya di Kuala Belait yang baru juga dibina dan siap sebagaimana yang saya katakan semalam 90% telah siap pembinaannya. Oleh itu, tidak berapa lama lagi Sekolah Arab di Belait akan siap. Daerah Temburong tidak perlu bersedih kerana dia sebenarnya tidak ditinggalkan. Maknanya, di Daerah Temburong dan di Kuala Belait hampir-hampir sama ia dibina.

Untuk menubuhkan Pusat Pembelajaran Al-Quran di Daerah Temburong, saya rasa walaupun cadangan ini adalah cadangan yang baik dan cadangan yang mulia tetapi belum tiba masanya buat pada masa ini. Begitu juga di daerah-daerah lain (Kuala Belait dan Daerah Tutong) belum ada. Yang ada hanyalah Institut Tahfiz Al-Quran di Bandar Seri Begawan yang merupakan pusat yang menjadi kebanggaan Negara kita.

Pelajar-pelajar yang terpilih ke Institut ini adalah pelajar-pelajar pilihan daripada segi Al-Qurannya, bacaannya, jawinya, fardu ainnya dan akhlakunya. Semua ini adalah diambil kira. Setelah ditemuduga, ia berjaya tetapi syarat-syaratnya memang ketat. Tegasnya kita jayakan dulu pusat yang ada di Bandar Seri Begawan ini seberapa cemerlang yang boleh.

Soalan mengenai bantuan kepada fakir miskin, adakah akan diteruskan setelah tamat bantuan yang ada? Jawabnya ialah insya-Allah akan diteruskan. Tetapi jika memohon semula dan setelah disiasat berhak untuk mendapat bantuan seterusnya, maka bantuan tersebut akan diteruskan. Kita tidak akan memberhentikan sekali sahaja. Mereka boleh memohon, jika ia masih berhak dan berkecukupan.

Kajian mengenai fakir miskin ini belum lagi dibuat secara terperinci. Tetapi apa yang dilihat ialah ada di antara mereka yang tidak memohon lagi, yakni sudah berhenti memohon. Mungkin ini menunjukkan yang mereka dalam kehidupan yang baik, mungkin anak-anaknya sudah bekerja dan sebagainya dan tidak perlu lagi memohon. Apa yang dilihat ialah PROPAZ misalnya ada lebih 50% yang mendapat kerja di sektor persendirian ataupun berusaha sendiri ataupun bekerja dengan kerajaan. Jadi ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh PROPAZ itu ada menunjukkan kejayaannya, cuma kita tinggal lagi untuk memberikan penekanan dan peningkatan yang lebih baik lagi.

Soalan yang kelima daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ialah mengenai warga fakir

miskin yang lambat dibayar sewa rumahnya sampai kepada 6 bulan. Setelah saya membuat tinjauan-tinjauan dan kajian, tidaklah sampai 6 bulan sebenarnya. Tetapi tidaklah diketahui, sekiranya ada, mungkin ia merupakan masalah yang terpencil ertinya tidak lumrah. Mungkin terlepas pandang atau mungkin juga hal ini berlaku kerana kelalaian warga emas fakir miskin itu menghantar Buku Akaun, maklumlah mereka ini warga emas tidak berapa hiraukan tentang Buku Akaun ini. Apabila lambat menghantar kepada Majlis Ugama Islam maka tentulah bayaran pun lambat. Ada juga sesetengahnya yang telah tamat tempohnya, sehingga berlalu masa sampai beberapa bulan misalnya, tetapi mereka tidak memohon semula. Hal-hal seperti inilah yang mungkin menjangkau kepada 6 bulan ini. Tetapi Alhamdulillah, sekarang ini usaha-usaha sedang dipertingkatkan oleh Majlis Ugama Islam untuk mempercepatkan dalam masa yang berpatutan.

Mengenai hal pengurniaan Tambang Haji yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi, barangkali sudah kaola jawab di bawah soalan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal tadi.

Soalan keempat, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar menimbulkan tentang masalah akad nikah di masjid-masjid. Sekarang ini ramai orang berminat untuk nikah di masjid. Memanglah ini satu perkara yang baik tetapi yang tidak baiknya ialah sesetengahnya memakai pakaian yang tidak sesuai untuk ke masjid. Perkara ini memang tidak elok hingga menjejaskan kebersihan

masjid. Insya-Allah, Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengambil perhatian perkara ini dan akan membuat garis pandu bagi orang-orang yang memohon untuk bernikah di masjid ini supaya menjaga peraturan-peraturan masjid, menjaga dari segi berpakaian, dari segi kesucian, dari segi kebersihan dan sebagainya.

Kemudian isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan sebilangan guru-guru ugama tidak berdaftar. Kalau boleh, mana-mana guru ugama yang tidak berdaftar itu dapat dilaporkan kepada Majlis Ugama Islam. Inilah merupakan sikap kerjasama yang sangat baik. Saya sukacita menasihatkan kepada guru-guru berkenaan ataupun kepada masyarakat yang berkenaan supaya menasihatkan guru-guru yang tidak berdaftar itu untuk mendaftar ke Majlis Ugama Islam, kerana jika sekiranya akan diadakan siasatan ataupun pemeriksaan ataupun pemantauan dan sebagainya oleh Majlis Ugama Islam apabila didapati tidak berdaftar maka ianya sudah menjadi satu kesalahan. Lebih baik ia awal-awal menyerah diri supaya mendaftar di Majlis Ugama Islam supaya tidak timbul dakwa-dakwi kemudiannya.

Soal Mazhab Shafie, Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah memang menjadi salah satu syarat penting yang diberikan kepada guru-guru yang ingin mengajar ugama di Negara ini iaitu mengikut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Shafie.

Satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu ialah mengenai dengan tanda kiblat di rumah-rumah. Sebuah Negara Islam, Negara MIB, Negara Zikir, apa kiranya tanda kiblat itu diberikan percuma kepada rumah-rumah

orang Islam. Setiap rumah orang Islam mengadakan tanda kiblat di rumahnya supaya sesuai dengan konsep Negara kita tetapi memang ada bayaran tertentu yang mungkin tidaklah berapa mahal. Tetapi untuk percuma itu perlu difikirkan dan akan dihadapkan kepada yang berkenaan sama ada boleh diberi percuma atau tidak.

Soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan masjid di Tanjung Bunut. Masjid Tanjung Bunut akan dibina di tapak masjid yang ada sekarang ini dan mungkin masjid baru itu akan disatukan dengan yang ada ini, tetapi dalam proses pembinaan masjid yang baru itu akan dibuat satu macam kotak atau kabin untuk orang bersembahyang sementara dalam sekitar empat puluh hingga lima puluh orang, untuk sementara menunggukan ia siap.

Mengenai masjid di Tarap Bau, ia akan dilihat dulu kesesuaiannya dan dibuat kajian sama ada bersesuaian untuk dibuat masjid di sana. Mengenai Masjid Lumapas, kaola pun sudah melihat masjid di Lumapas ini memang memerlukan kepada tambahan dan insya-Allah memang ada dalam usaha untuk membesarkan masjid ini di dalam Projek USAI.

Mengenai Masjid Kampung Batong. Bila akan digunakan? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya difahamkan untuk dibangunkan *sub-station* terlebih dahulu dan insya-Allah dalam masa yang terdekat masjid ini akan dapat digunakan. Masjid Kampung Masin sudah padat dengan para jemaah, apa kiranya kalau dapat ditambahkan dan dibesarkan? Insya-Allah ini pun dalam usaha untuk penambahan kerana jika ia merupakan sebagai kes yang segera maka akan kita segerakan.

Mengenai pembinaan sekolah agama di Kampong Kasat. Ia akan dinaikkan taraf di bawah Projek USAI. Pada asalnya diperbuat daripada kayu dan kita akan dirikannya daripada konkrit. Sekolah Agama di Limau Manis sudah dilakukan pembaikan.

Mengenai kubur Islam yang terdapat kerosakan dan kekotoran, insya-Allah kubur ini juga dalam pemantauan. Saya difahamkan bukan saja kubur Islam di Putat malah semua kubur ini diadakan pembersihan secara berkala. Kalau sekiranya tidak mencukupi secara berkala ini mungkin akan dipesatkan lagi supaya ia kelihatan lebih cerah, bersih dan indah.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim iaitu mengenai kelambatan dalam proses dan penilaian Asnaf Fakir Miskin. Sebagaimana yang saya katakan tadi Alhamdulillah proses pemberian bantuan kepada Asnaf Fakir Miskin ini semakin baik dan dipercepatkan bergantung kepada tenaga yang ada. Jadi kalau kita mahukan cepat mungkin akan memerlukan tenaga yang lebih banyak tapi insya-Allah kita akan ikhtiarkan.

Mengenai kemudahan masjid apa kiranya disediakan *mini market* dan sebagainya. Kalau kemudahan-kemudahan dalaman itu seperti perpustakaan, *air condition*, kapet dan sebagainya boleh juga difikirkan. Tetapi kalau hendak mengadakan *mini market*, masjid kita di Brunei ini sebenarnya berkonsepkan beribadah. Kalau di luar negeri, misalnya Singapura ia sudah bercampur dengan komersil dan apabila keluar saja daripada masjid ada sudah orang berjual-jualan. Kita berbeza, lebih-lebih lagi dalam konsep masjid adalah berpagar dan tidak boleh kotor dan

sebagainya. Berbeza dengan Singapura masjid ialah dewan. Tengah-tengah orang sembahyang itu adalah dikira masjid. Apabila keluar daripada dewan itu bukan masjid lagi sebab itu ia boleh berbuat apa saja.

Mengenai kedudukan orang haji tahun lepas yang tidak dapat menunaikan haji yang mana kita sudah sekat jumlahnya menjadi 400 orang sahaja selebihnya 700 hingga 800 orang belum dapat menunaikan fardhu haji. Barangkali kalau kuota kita masih lagi tahun ini seperti itu maka insya-Allah kita akan berkecenderungan untuk melaksanakan seperti tahun lepas kerana mereka itu belum pernah menunaikan fardhu haji.

Bagi mereka yang sudah pernah menunaikannya, Alhamdulillah selesai sudah kewajibannya sebagai seorang Islam. Kita berikan kesempatan dan peluang kepada orang yang belum pernah pergi haji. Konsep pada tahun lepas akan kita gunakan lagi pada tahun ini kecuali ada perubahan-perubahan nanti kemudian kriterianya juga akan turut berubah.

Mengenai rumah orang daif. Apa kiranya kalau rumah mereka ini disempurnakan, sesuai dengan Negara kita yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja dalam falsafah itu ada Islam, keluarga Islam. Kalau dalam Islam konsep membuat rumah mestilah ada 3 buah bilik. Saya setuju, satu bilik untuk ibubapanya, satu bilik untuk anak perempuan dan satu bilik lagi untuk anak lelaki.

Soalan keenam daripada Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain mengenai galakan membaca Al-Quran. Alhamdulillah

pada tahun lepas kita telah melaksanakan pemberian Anugerah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seorang qariah kita yang berjaya di peringkat antarabangsa yang telah dikurniakan sebanyak \$2,000.00 sebulan. Ini adalah mengikut contoh apa yang dibuat di Malaysia mengurniakan yang sedemikian itu. Kalau tidak silap jumlah yang serupa tetapi berbeza dengan nilai wang Malaysia.

Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain supaya di peringkat kebangsaan juga dapat diberikan pemberian yang serupa, jadi tidak disamakan. Anugerah yang ada ini adalah bagi peringkat antarabangsa, 10 tahun sekali pun susah hendak mendapat. Oleh yang demikian, tidak boleh diberikan persamaan di antara johan antarabangsa dengan kebangsaan dengan anugerah yang sama akan tetapi jika ada kesesuaian nanti bolehlah difikirkan. Selain itu, jika sudah menang menjadi johan di peringkat kebangsaan ianya diberikan hadiah yang lumayan bagi setiap peraduan.

Mengenai cadangan apa kiranya Naskhah Perlembagaan 1959 dapat disebarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai Kerajaan, kaola rasa Naskhah Perlembagaan 1959 ini sudah lama tersebar dan setiap orang sudah memiliki.

Mengenai Perpustakaan Masjid, elok juga jika masjid mempunyai perpustakaan yang cukup banyak bukunya yang diadakan oleh Pegawai Perpustakaan tetapi soal memberikan gaji itu mungkin boleh diberikan sebagai duit upah setiap bulan yang diambil daripada tabung

masjid itu sendiri. Masalah begini perlu kita bawa ke dalam bajet kerajaan. Perpustakaan yang lengkap memerlukan Pegawai Perpustakaannya sendiri dan perkara ini boleh diusahakan.

Mengenai kapal yang terapung-apung di Istana Lagun apa kiranya digunakan Astaka itu untuk majlis-majlis keagamaan seperti Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran, Pertandingan Nasyid dan sebagainya. Sebenarnya perkara ini memang disedari oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pada tahun lepas Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memulakan untuk mengadakan Pertandingan Membaca Ayat Suci Al-Quran Bahagian Dewasa bagi Imam-Imam dan Pegawai-Pegawai Masjid di seluruh Negara di Istana Lagun berkenaan. Perkara ini akan dipromosikan dan diusahakan bukan sahaja oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi kementerian-kementerian lain juga boleh mengadakan acara-acara keagamaan yang bersesuaian.

Kemudian mengenai derma Baitul Mal dan kepada *Non-Government Organization (NGO)* memang sudah dilaksanakan. Baitul Mal memang sentiasa menghulurkan derma kepada pihak-pihak yang berkenaan dan *Non-Government Organization* yang memohon mengikut keperluan dan kesesuaiannya. Baitul Mal tidak boleh menghulurkan bantuan daripada zakat kerana zakat hanya diperuntukan kepada Asnaf Zakat sahaja.

Kemudian mengenai kelemahan Koperasi kerana ada hutang dan meminta hutang itu dibayarkan oleh Baitul Mal. Perkara ini tidak munasabah untuk pihak Baitul Mal ataupun Al-Garimin menyelesaikan hutang-hutang Koperasi tersebut dan

perkara ini adalah tidak sesuai. Masalah Koperasi tidak berjaya dan mengalami kegagalan adalah kerana orang-orang kita banyak berhutang kepada Koperasi dan kaola sendiri melihat perkara tersebut. Tetapi kenapa Koperasi yang dimiliki oleh orang-orang Melayu ini membenarkan orang kita berhutang dengan Koperasi dan selepas itu menjadi lemah.

Satu perkara lagi yang menghairankan iaitu jika sekiranya kedai Melayu dan kedai bangsa asing berada di satu tempat yang berhampiran, orang akan pergi ke kedai bangsa asing dan tidak pergi ke kedai melayu sendiri. Mungkin kerana perkhidmatannya kurang baik dan harganya terlalu mahal jika dibandingkan dengan harga di kedai bangsa asing. Ini adalah satu kelemahan orang kita kerana tidak mengkaji persekitaran dan bagaimana untuk bersaing dengan orang lain.

Masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin iaitu mengenai dermasiswa kepada bukan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebenarnya biasiswa itu dinamakan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jadi bagaimana ianya akan diberikan kepada yang bukan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama tetapi orang-orang yang bukan belajar di Sekolah Arab ataupun di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama memang boleh memohon jika sekiranya ianya bersesuaian untuk mendapatkan biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama tersebut.

Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama ini telah kaola jelaskan semalam dalam ucapan dan mungkin telah jelas aspek-aspek bahagian-bahagian biasiswa dan

di Sekolah Arab pada masa ini sistemnya boleh mengambil peperiksaan 'O' Level, Sijil Pengajaran Ugama Brunei (SPUB), 'A' Level, Sijil Tinggi Pengajaran Ugama Brunei (STPUB). Mereka-mereka yang lulus dalam bidang akademik ini seperti bidang sains dan ekonomi, mereka boleh memohon biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk melanjutkan pelajaran ke bidang-bidang yang lain bukan dalam bidang ugama saja. Adapun tujuan biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama lebih diutamakan kepada pelajar-pelajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Untuk mengadakan kelas-kelas ugama dalam Bahasa Inggeris bukan sahaja dalam Bahasa Melayu, kaola rasa ini juga satu cadangan yang baik supaya dapat menarik bangsa asing untuk memahami lebih dekat apa itu ajaran Islam dan cadangan ini kaola rasa mungkin baik difikirkan oleh Pusat Dakwah Islamiah supaya mereka dapat menjalankan program-program bagi saudara-saudara baru di dalam Bahasa Inggeris yang tidak dapat memahami Bahasa Melayu.

Manakala mengenai Khutbah Jumaat yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris ini juga satu cadangan yang baik dan akan diberikan kepada jemaah selepas solat Jumaat dan akan dibagikan kepada mereka yang tidak memahami Bahasa Melayu. Tetapi untuk kitani mengadakan khutbah di dalam Bahasa Inggeris di Negara Brunei Darussalam ini mungkin belumlah lagi sesuai rasanya seperti yang diadakan di Singapura yang mana ada terdapat tempat-tempatnya yang memberikan khutbahnya di dalam Bahasa Inggeris, Bahasa India dan sebagainya. Tetapi di Brunei mungkin belum sesuai lagi untuk diadakan perkara seperti ini



kerana konsep Negara ini adalah Negara MIB yang mana Bahasa Melayu ialah bahasa utama.

Bagi soalan berikutnya, iaitu mengenai muafak yang tidak menerima zakat, ada baiknya Pusat Dakwah Islamiah bekerjasama dengan Majlis Ugama Islam Brunei untuk mengadakan *database* yang mana ini adalah satu cadangan yang baik. Dengan ini, ianya mungkin lebih memudahkan lagi pengurusan para muafak ini untuk dilaksanakan oleh projek SiSMI yang mana telah disentuh oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Tetapi sejauh mana kesempurnaannya akan diteliti nanti supaya para muafak ini akan menerima hak-hak mereka itu dengan sempurna.

Mengenai Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) yang mana menurut Yang Berhormat itu belum ada perubahan yang dapat dilihat mengenainya. Sebenarnya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) ini bergerak dan berusaha secara tidak kendur-kendurnya. Ia berusaha secara diam-diam selama dalam 2 tahun dan telah berusaha sehingga telah dapat menyiapkan lukisannya, strukturnya dan sehingga telah dapat melantik konsultan dan hanya untuk menunggu perkenan konsultannya lagi.

Bajetnya telah pun diperuntukkan sebanyak \$40 juta lebih supaya diusahakan, dibelanjakan dulu dan nanti akan ditambah lagi setelah berjalan dengan baik. Manakala tapaknya ialah di Salambigar. Akan tetapi, keluasan kawasan yang diberikan hanyalah 56 ekar sahaja. Inilah yang menjadi persoalan kepada Majlis Kolej Universiti Perguruan

Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) berpendapat bahawa ianya perlulah mempunyai kawasan yang lebih daripada 56 ekar kerana sekolah menengah sahaja secara lazimnya dibina di tapak yang berkeluasan 50 ekar. Bagaimanakah sebuah Universiti yang akan membawa wawasan Negara kita sebagai sebuah Negara Islam, Negara Zikir, Negara MIB dan lebih-lebih lagi Universiti ini ialah berdasarkan pendidikan ugama, untuk didibina di kawasan yang keluasanya hanya 56 ekar sahaja. Majlis KUPUSB menyarankan pihak-pihak berkenaan, termasuklah kaola sendiri dan Timbalan Menteri untuk berunding dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk mendapatkan lebih maklumat. Alhamdulillah projek itu telah berjalan sejak bulan Jun tahun lepas, dan ianya telah dipersetujui secara lisan untuk mendapatkan kawasan yang akan menjadikan kawasan tersebut kepada 100 ekar di kawasan Salambigar, akan tetapi perkara tersebut belum lagi dapat diberikan ketetapan.

Ada satu perkembangan baru lagi yang mana terpaksa kaola menimbulkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah berunding pada 2, 3 minggu yang lepas mengenai perkara ini. Perkembangan baru ialah untuk membina Stadium Negara di kawasan yang telah dikhususkan untuk pembinaan KUPUSB ini. KUPUSB boleh dibangunkan di tanah yang berkeluasan 56 ekar sahaja tetapi di dalam keadaan kawasan perumahan dan kawasan sukan yang akan dibina akan datang, adalah tidak sesuai Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) untuk dibangunkan di sana.

Dalam perundingan tersebut Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) sedia berpindah ke kawasan yang lebih luas lagi kira-kira sekitar 200 ekar yang abiskaola hadapkan dan juga agar ianya tidak diletakkan di tengah-tengah hutan.

Kawasan itu Alhamdulillah dapatlah dibayangkan seperti di Kawasan Limau Manis dan mudah-mudahan jua perundingan ini akan berjaya dan kaola harapkan keluasan tanah 200 ekar itu akan dapat diusahakan untuk Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Kaola juga menekankan supaya proses yang dijalankan selama 2 tahun ini tidak akan bermula lagi daripada A, jadi maknanya kami akan berpindah tempat daripada kawasan Salambigar ke Kampung Limau Manis seperti yang dibayangkan dan diharapkan. Jika kami bermula daripada A, tentu kami akan memakan masa yang lama lagi dan ini hanya urusan perundangan sahaja.

Jika diluluskan oleh Kementerian-Kementerian berkenaan nanti dapatlah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dibina dalam masa yang tidak begitu lama untuk berpindah ke tempat baru itu seperti yang diharapkan. Maka inilah gambaran yang dapat kaola jelaskan mengenai dengan KUPUSB yang mana perubahan sebenar yang dibuat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) tidaklah digembar-gemburkan. Akan tetapi, di dalam segi akademik, kalau dulu kita mulakan dengan Ijazah Sarjana Muda di dalam Usuluddin dan Pendidikan Ugama Usuluddin dan juga Sarjana Muda Pendidikan Syariah tapi kita sekarang sudah sampai ke peringkat Ph.D. Jadi ada perkembangan dari segi akademik dan

apa yang lebih penting lagi ialah kita memperkukuhkan lagi akademik itu, meramaikan lagi tenaga-tenaga pensyarah yang berkualiti dan mendapatkan profesor-profesor dalam pendidikan ugama. Malah bukan senang untuk mendapatkan pendidikan dalam ugama kerana saya sendiri pun sudah beberapa tahun mencari penasihat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Untuk mencari orang yang mempunyai kepakaran dalam pendidikan ugama, tahu berbahasa Inggeris, tahu berbahasa Arab dan berlatarkan belakang keugamaan tidak dapat dicari sehingga sekarang. Inilah masalah yang dihadapi.

Pembinaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) adalah berdasarkan pengalaman yang kami ada iaitu daripada pengalaman anak tempatan yang telah membantu membina Institut Pengkajian Islam (IPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan sekarang membina Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Inilah pengalaman yang kami gunakan dan mudah-mudahan juga Allah Subhanahu Wata'ala menolong.

Lepasan daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) ini masih ada yang menganggur dan belum mendapat pekerjaan sebagaimana juga lulusan-lulusan yang lain dan bukan sahaja lepasan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) kerana lepasan daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) jua ada yang menunggu pekerjaan. Ini akan diusahakan kerana sepatutnya pengangguran di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) tidak harus berlaku

kerana kita mempunyai IRK di Pendidikan, dan kita ada Sekolah Arab, dan kita ada Sekolah Ugama dan kita ada pegawai-pegawai masjid yang memerlukan kelulusan ugama. Sepatutnya tidak ada berlaku pengangguran daripada kelulusan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Ini harus diteliti oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) sendiri mengenai graduan-graduan yang menganggur tersebut.

Oleh yang demikian, saya berharap Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) membuat penelitian bersungguh-sungguh untuk mencari sebab-sebabnya dan seterusnya berharap Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) ini di masa yang akan datang untuk bekerjasama dengan Jabatan Pengajian Islam dalam menyelesaikan masalah pengangguran graduan-graduan kelulusan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) tersebut. Ini adalah jawapan bagi persoalan ketujuh daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin tadi dan diucapkan terima kasih.

Persoalan kelapan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai masalah tafsiran mushaf Negara Brunei Darussalam yang mana Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang berusaha untuk menyiapkan tafsiran mushaf Negara Brunei Darussalam tersebut. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana selama beberapa tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berusaha untuk menyiapkan tafsiran mushaf Negara Brunei Darussalam yang telah

dilancarkan pada tahun 90an itu yang mana sekarang sudah siap.

Tafsiran yang dimaksudkan ialah bukan tafsir huraian tetapi adalah tafsir maknanya. Ini telah diusahakan oleh para intelektual dan ulama anak tempatan kita yang saya sendiri merasa bangga yang mana kita tidak lagi perlu bergantung kepada ulama-ulama daripada luar. Saya juga merasa melalui penilaian saya sendiri bahawa tafsiran ini akan lebih baik berdasarkan daripada perbandingan dengan tafsiran keluaran daripada Malaysia, Indonesia dan merujuk kepada tafsir-tafsir yang muktabar sebagai misalan kalau memilih satu perkataan sahaja untuk ditafsir akan memakan masa perbincangan selama satu jam. Insya-Allah, kualiti bagi tafsiran kita ini mungkin akan lebih baik daripada yang lain.

Dalam usaha untuk menterjemahkan hadith, saya tidaklah berapa cenderung untuk menggunakan tenaga para ulama kita kerana mungkin mereka diperlukan untuk menumpukan perhatian dalam satu usaha lagi iaitu membuat tafsir huraian selepas membuat tafsiran makna mushaf berkenaan. Lagi pun pada masa ini, terdapat banyak tafsiran yang diusahakan oleh luar negara sama ada di Indonesia atau Malaysia yang boleh kita baca.

Seterusnya persoalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai kebersihan masjid yang tidak disediakan tugas khusus dalam perkara ini. Perkara ini sebenarnya, ada masjid-masjid yang mempunyai syarikat-syarikat swasta yang mengendalikan kebersihan masjid-masjid berkenaan secara kontrak untuk

pemeliharaan bangunan masjid-masjid. Peruntukan bagi perkara ini juga boleh digunakan daripada tabung masjid. Oleh yang demikian, saya berharap Jabatan Hal Ehwal Masjid akan memberi perhatian mengenai perkhidmatan pembersihan masjid ini.

Dalam pada itu juga, jemaah-jemaah masjid perlulah menyedari bahawa masjid itu adalah hak dan tanggungjawab bersama untuk berusaha membersihkan, menjaga dan memelihara masjid-masjid berkenaan. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan swasta yang diperlukan khusus bagi pemeliharaan dan kebersihan masjid-masjid berkenaan, ia juga memanglah baik.

Mengenai Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam yang belum diwartakan (*gazette*) seperti di Kampung Batu Marang, mengikut sumber Kementerian Hal Ehwal Ugama bahawa perkara ini sudahpun dalam proses untuk diwartakan (*gazette*).

Seterusnya persoalan kesembilan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai dengan Sekolah Ugama Kiarong yang mana zon ini mempunyai 80,000 orang penduduk dan sekolah ugama sebelah pagi ada masalah kerana terdapat pelajar-pelajar yang bukan dari Kampung Kiarong sendiri bersekolah di sana yang bermungkinan membuatkan sekolah berkenaan dalam keadaan sempit dan tidak cukup menampung keperluan penduduk di sana. Walau bagaimanapun, saya rasa hal-hal seperti ini bukanlah dihadapi oleh semua pelajar yang bersekolah di sana. Kemungkinan hanya orang-orang tertentu sahaja yang mana perkara ini bolehlah diadakan perundingan

dengan pihak sekolah tanpa dijadikan sebarang permasalahan.

Mengenai persoalan orang-orang dan pendakwah tabligh berkenaan perlulah dipantau kerana mereka ini mungkin bukan pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Persoalan ini pernah ditimbulkan pada tahun lepas dan saya telah menjelaskan mengenai kumpulan jemaah tabligh ini yang merantau ke sana sini dan berdakwah ke rumah-rumah dan mengajak orang-orang ke masjid. Tetapi satu yang jelas bahawa jemaah tabligh ini tidak bercampur dengan hal-hal siasah politik yang mana mereka hanya berdakwah untuk ke masjid dan menyambung pertalian silaturahim.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Ugama memang sentiasa memantau mereka ini tetapi sepanjang pengetahuan saya jua bahawa jemaah tabligh berkenaan adalah pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dalam hubungan ini, Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dari tahun 1962 hingga 1993 pernah membolehkan dan tidak menghalang pergerakan dakwah mereka ini tetapi bukan sebagai menggalakkan kerana pergerakan mereka tersebut juga tidak menyalahi daripada segi akidah dan syariah.

Oleh yang demikian, saya tidaklah berani untuk melangkah atau mengambil tindakan yang drastik terhadap apa yang telah dibolehkan oleh Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz,

Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam berkenaan.

Seterusnya persoalan kesepuluh daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Pegawai Masjid dan Imam yang tidak berijazah untuk diserapkan secara khusus bagi pengajian tinggi. Sebenarnya perkara ini pernah berlaku pada 20 tahun dulu yang mana Institut Pengajian Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama membukakan program yang salah satu daripadanya ialah bagi Imam-Imam untuk berkursus di Institut Pengajian Islam selama 6 bulan ataupun setahun. Selepas mereka menamatkan kursus ini akan diberikan sijil dan jika tidak silap, telah menerima sijil-sijil mereka semasa konvokesyen. Jika ada keperluan untuk mengadakan semula kursus-kursus ini tidaklah menjadi masalah kerana pada masa ini ada 2 buah universiti iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Mana-mana universiti ini boleh mengambil peranan dalam perkara ini untuk memberikan ilmu pengetahuan melalui kursus yang sesuai dalam bidang mereka itu sebagai Imam ataupun Bilal.

Mengenai sebab-sebab statistik zakat yang telah menurun pada tahun 2007 tersebut, saya tidaklah dapat menjawabnya pada masa ini. Mungkin saya akan membuat kajian dengan pegawai-pegawai berkenaan bagi mengetahui sebab-sebab perkara ini.

Seterusnya mengenai pengiktirafan halal bagi pemakanan tradisional supaya dipermudahkan pengiktirafan memberikan Sijil Pengiktirafan Halal itu kepada makanan-makanan tradisi juga seperti

gerai-gerai ini sedang difikirkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagaimana caranya supaya tidak menyalahi peraturan-peraturan lesen-lesen yang dikeluarkan di negara kita ini.

Perkara ini sedang diusahakan supaya mereka itu dapat dipermudahkan dan berharap semua makanan di negara ini dijamin halal dalam tahun 2014 atas usahasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengistiharkan pada bulan Januari 2014 pemegang Lesen Rampaian mesti ada Sijil Halal. Jika tidak mempunyai Sijil Halal tidaklah dapat diberi Lesen Rampaian.

Kita sedang berusaha keras dengan bersungguh-sungguh untuk membincangkan perkara ini di Mesyuarat Majlis Ugama Islam dan telah mencari jalan strategi langkah-langkah bagaimana untuk mempercepatkan sehingga dapat mencapai pada tahun 2014 semua restoran-restoran dan tempat-tempat makan di negara kita ini adalah halal. Perkara ini akan saya ajukan dengan lebih panjang lagi di sesi soal jawab mulut akan datang nanti. Insya-Allah.

Pembinaan masjid, keindahannya dan lengkap dengan keperluannya seperti perpustakaan, alat penghawa dingin, karpet dan sebagainya. Perkara ini sangat-sangat diharapkan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama memang peka dalam perkara ini kerana kalau yang sudah-sudah kita membuat masjid sahaja tanpa memikirkan keperluan yang lain. Insya-Allah pada pembinaan masjid-masjid yang akan datang mudah-mudahan akan lebih menyerlah lagi daripada apa yang ada sekarang ini khasnya harapan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan kita berjumlah \$100 juta untuk membina masjid.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah tiap-tiap soalan yang banyak 59 itu mesti dijawab satu persatu dengan terperinci atau secara umum sahaja.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pehin, itu pun sudah ringkas Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jadi itu belum dikira panjang Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Belum juga dikira panjang. Tapi ada juga panjang sedikit kerana menghuraikan supaya lebih jelas dan tidak menjadi ragu. Adakah kaola meneruskan Pehin. Jadi kalau kaola meneruskan mengenai dengan soalan dari Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai pembinaan Sekolah Ugama Kampung Keriam dan Kampung Kupang adakah sudah diusahakan atau tidak. Jadi Alhamdulillah Sekolah Kampung Keriam dan Kampung Kupang dalam usaha yang terdekat untuk dibangunkan dengan kadar sewa rumah \$500.00 sebulan. Adakah rumah bagi ibu tunggal tanpa bayaran. Ini kaola takut sedikit, kalau diberi ibu tunggal tanpa bayaran, nanti takut banyak orang meminang ibu tunggal ini karang.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jadi kalau sudah ia dipinang tidak hilang pertolongannya itu nanti.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Dapat tinggal sama-sama di rumah itu.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tidak lagi payah diberikan pertolongan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kemudian soalan ke 3 dakwah *public* adakah mereka mendapat kebenaran berkunjung ke rumah-rumah? Tidak ada. Tetapi tidak pula ada kami mengatakan jangan kamu berkunjung ke rumah-rumah tetapi saya nasihatkan kepada Ahli-Ahli Tabligh yang mendengar di seluruh negara supaya eloklah berdakwah itu secara tertib dan berkunjung ke rumah dan tidak mengganggu tuan rumah.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat barangkali saatnya sudah tiba untuk kita menangguhkan perbincangan diperingkat jawatankuasa ini dan berpindah balik ke sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan untuk membolehkan perbincangan Jawatankuasa diteruskan, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula. Sebelum perbincangan Peringkat Jawatankuasa ditangguhkan tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama masih lagi memberikan ulasan-ulasan terhadap soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang diajukan. Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyambung ulasan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya menyambung dan terlebih dahulu menimbulkan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Ahad mengenai dengan pengauditan wang Baitulmal. Barangkali Yang Berhormat itu *concern* mengenai dengan kesangsian orang ramai berkenaan dengan wang tersebut. Jadi saya ingin maklumkan di sini bahawa wang baitulmal itu di bawah istilah kami ialah Kumpulan Wang Pentadbiran Am. Di bawahnya ialah wang Baitulmal, wang wakaf dan daripada denda dan sebagainya. Jadi ini sudah diaudit sehingga 2003.

Mengikut laporan daripada Setiausaha Majlis yang telah bersara pada masa ini wang zakat telah diaudit sehingga 2006. Jadi segala bahan-bahan selepas itu iaitu tahun 2004 hingga sekarang sudah diberikan kepada pihak Juruaudit Agung Negara yang mana belum ada sebarang makluman. Maknanya wang-wang yang ada di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama ini semuanya diaudit insya-Allah dalam keadaan terjaga dan terpelihara. Terima kasih.

Saya ingin menyambung mengenai dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee mengenai dengan pakej umrah dan visa umrah yang tidak dapat dikeluarkan dan pada masa ini ada 900 orang yang tidak dapat menunaikan umrahnya. Angka itu mungkin dipertikaikan kerana yang pergi umrah mengikut Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. tidak ada masalah.

Sebenarnya, operator-operator umrah ini mesti memiliki satu lesen yang dinamakan *IATA*. Ini adalah lesen yang diperlukan oleh Kerajaan Arab Saudi. Sejak 5 tahun yang lalu, perkara ini telah timbul dan telah diberitahu kepada operator-operator umrah ini supaya mendapatkan *IATA* untuk membolehkan membawa jemaah-jemaah umrah. Selama ini Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. Holdings Sdn. Bhd. *mengcover* mereka iaitu menggunakan Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. yang mempunyai *IATA* ini dan juga Syarikat Straits Central Agencies (SCA) yang juga ada memiliki *IATA*.

Selama 5 tahun Darussalam Holdings Sdn. Bhd. telah melindungi syarikat-syarikat yang lain ini tetapi mulai tahun lepas sudah dimaklumkan dan pada tahun ini mereka tidak lagi dapat menggunakan Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. kerana Kerajaan Arab Saudi mengetatkan peraturan-peraturan pada masa ini. Dikhuatiri kalau sekiranya umrah dibawa oleh syarikat lain seperti Humaira ataupun Titian yang membawa mereka itu yang ada membuat kesalahan dan kesilapan akan dipersalahkan kepada Syarikat Darussalam. Kemungkinan Syarikat Darussalam itu akan menerima masalah yang mana lesennya digantung dan sebagainya. Ini yang ditakuti oleh Syarikat

Darussalam sebab itu mereka tidak berani lagi menggunakan lesen yang dimiliki oleh Syarikat berkenaan itu.

Seperti yang saya difahamkan, sebahagian daripada jemaah-jemaah umrah itu telah pergi daripada Syarikat Darussalam dan sebahagiannya lagi daripada Syarikat lain kerana Syarikat Darussalam telah mengaturkan perjalanan penerbangan Royal Brunei Airlines (RBA) ke Arab Saudi dan ada menggunakan penerbangan yang lain yang tidak dapat diteruskan. Saya berharap syarikat-syarikat lain yang ingin meneruskan perkhidmatan mereka untuk membawa orang umrah di masa hadapan biarlah memiliki lesen *IATA* ini.

Kemudian ditimbulkan jua masalah mengenai dengan menghormati Hari-Hari Kebesaran Islam seperti dalam bulan Syaaban dan Ramadan. Alhamdulillah sama-sama kita mendokong perkara ini dan kita menyeru kepada masyarakat supaya menghormati bulan Syaaban dan Ramadan dari segi mengadakan majlis, hiburan-hiburan dan sebagainya dan jangan sampai bercanggah dengan kehormatan hari-hari kebesaran Islam itu.

Ketiganya ialah mengenai dengan Bangunan Masjid di Daerah Brunei dan Muara sebanyak 54 buah, Daerah Belait 10 buah, Daerah Tutong 24 buah dan Daerah Temburong 8 buah yang menjadikan jumlahnya kepada 90. Akan tetapi, jumlah sebenarnya ialah 114 buah masjid di seluruh Negara iaitu termasuk surau dan balai ibadat. Mungkin yang dikira Yang Berhormat tadi itu adalah masjid sahaja. Jumlah 114 masjid ini adalah termasuk 3 buah masjid yang dibina pada tahun lepas di Kampung Mulaut, Kampung Kilanas dan Kampung

Katok, dan termasuk juga Masjid Ash-Shaliheen.

Mengenai dengan sebab kenapa di Daerah Belait dibina 8 buah masjid sahaja sedangkan di Daerah Temburong yang penduduknya kecil dibina 10 buah masjid itu adalah kerana berkemungkinan penduduk di sana lebih ramai tetapi kebanyakannya merangkumi penduduk dari negara asing. Walau bagaimanapun, untuk faedah ilmiah barangkali boleh dibuat kajian pada masa hadapan.

Kemudian yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi juga mengenai dengan Sijil Halal dan Label Halal dan mengapa ia mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Soalan ini dapat kaola jawab semasa sesi soal jawab mulut.

Soalan yang ke-13 yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin iaitu mengenai dengan Perintah Pendidikan Ugama Wajib, kepadatan kelas ugama telah berlaku dan memerlukan tambahan bangunan sekolah ugama. Perkara ini adalah diakui kerana Peringkat permulaan pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib ini adalah perkara biasa yang mana berlaku permasalahan kerana pelajar-pelajar yang ramai dan para ibu bapa pula memilih sekolah tertentu yang tidak mengikut tadahan.

Oleh itu mereka mahu sekolah yang terkenal ataupun sekolah yang memang sudah menjadi tumpuan kerana berdekatan dengan tempat bekerja dan sebagainya sedangkan tadahannya bukan di sana. Saya menyeru kepada para ibu bapa supaya dapat memahami kedudukan ini supaya sekolah ugama itu akan menjadi sekolah ugama yang



kondusif, yang mana perjalanan pengajaran dan para pelajarnya selesa dan kanak-kanak dapat memahami dan menghayatinya. Biarlah mengikut apa yang telah diaturkan oleh Jabatan Pengajian Islam.

Penambahan bangunan sekolah agama ini, memang ada dalam perancangan seperti di Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, kerana penuntutnya agak ramai. Kaola sudah melihat rata-ratanya seramai 35 orang penuntut di dalam satu kelas yang sepatutnya dalam 25 orang penuntut sahaja untuk sebuah kelas bagi mengadakan pratikal dan sebagainya. Jadi kami sedang membincangkan sekolah itu supaya sebahagian pelajar itu dapat dipindahkan ke sekolah lain yang boleh menerimanya, insya-Allah. Cadangan untuk menambah dewan ataupun kelas tambahan yang berdekatan dengan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah akan diusahakan.

Soalan mengenai Pembinaan Masjid Baru. Sebanyak 7 buah dan adakah terkandung di Kampung Mumong. Dapatlah saya maklumkan bahawa insya-Allah di Kampung Mumong ada terkandung dalam projek ini insya-Allah pembinaan masjid itu terkandung di bawah RKN Ke-10.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal ada menimbulkan mengenai dengan perlunya Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menubuhkan Badan Guaman Syarie. Sebenarnya kebetulan soalan yang ditimbulkan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama bukan sahaja baru

bermula bahkan sudah pun memikirkan perkara ini sejak beberapa ketika yang lalu dan telah bermesyuarat dan akan mengusahakan satu Guaman Syarie untuk diwujudkan di negara ini untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan. Jadi belumlah kaola dapat menghuraikan lebih lanjut kerana ia masih dalam tahap pemerosesan.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat ini, bagi mewujudkan kaunter di Bangunan Mahkamah Syariah supaya dapat melayani persoalan-persoalan Perundangan Islam seperti sudah ada di Klinikal Guaman di Swasta. Ini pun satu cadangan yang baik. Kalau sekiranya belum ada di Bangunan Mahkamah Syariah. Kalau sudah ada di tempat swasta, apa salahnya kalau pihak Kerajaan untuk mengadakan Klinik-Klinik Guaman, Klinik Mahkamah Syariah atau apakah nama-nama yang difikirkan bersesuaian. Jadi ini akan diajukan dan dicadangkan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Yang ketiganya, mengenai Pendidikan Ugama selepas Darjah 6 bagi meneruskan ke menengah. Pada tahun lepas saya telahpun memperkatakan perkara ini, iaitu tujuan kerajaan ialah untuk memberikan Fardu Kifayah atau Fardhu Ain kepada setiap pelajar kita bagi memahami apa kewajipan-kewajipan dirinya sebagai seorang Islam, iaitu selesai diajar sehingga Darjah 6. Jadi peningkatannya, saya telah menjelaskan iaitu kita mempunyai Sekolah Arab, bagi ingin melanjutkan dalam bidang Pengajian Ugama, ia boleh mengambil menengah SPU, STPU, STPUB dan terus ke Universiti di luar Negeri iaitu Al-Azhar atau Jordan dan kalau di dalam negeri iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

Begawan (KUPUSB). Tetapi untuk meneruskan ke peringkat menengah ianya adalah sama seperti pendidikan yang ada di Tahun 7, 8, 9, 10, ada juga bahagian ugama seperti Tahun 7, 8, 9, 10, kerana kita ada IRK. Sebenarnya IRK itu ialah daripada darjah rendah kepada PSR, dari PSR sampai kepada Tahun 7, 8, 9, 10, yang mempunyai matapelajaran IRK itu. Di situ dia boleh meluaskan pengetahuan ugamanya, selepas mengambil IRK 'O' Level, dia boleh mengambil dalam peringkat 'A' Level Usuluddin atau Syariah dalam Bahasa Melayu.

Bukannya mereka tidak boleh melanjutkan, mereka boleh melanjutkan dengan satu subjek Usuluddin dan Syariah yang boleh ditampung dengan pelajaran Sejarah atau Ekonomi. Misalnya mereka boleh mengambil undang-undang di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang mana soalnya ialah bahasa sahaja. Kalau mereka ada Bahasa Inggeris, boleh mereka melanjutkan ke peringkat Undang-Undang ataupun Kewangan Islam. Bahkan kalau mereka mahir Bahasa Arab, mereka boleh masuk Bahagian Usuluddin dalam Bahasa Arab. Jadi, kita mempromosikan lagi Bahasa Arab supaya anak-anak kita sebagaimana mereka pandai mengambil 'O' Level dalam Bahasa Inggeris, kita juga akan datang berusaha untuk anak-anak kita mengambil 'O' Level dalam Bahasa Arab dan kemudian mengambil 'A' Level dalam Bahasa Arab.

Jika mereka ini ada subjek Usuluddin, Syariah, Bahasa Arab yang layak mereka ke Universiti, mereka boleh masuk ke Universiti Fakulti di Al-Azhar, tanpa masalah. Jadi tidak perlu kita menyaingi pendidikan, ada sistem pendidikan yang Tahun 7, 8, 9, 10, dan ada 'O' Level Ugama, ada 'A' Level Usuluddin dan

Syariah. Jika mahu lebih awal lagi ia boleh pergi ke Sekolah Arab, dalam Bahasa Arab kerana Sekolah Arab sudah ada berjalan masa ini. Bahasa Arab adalah jalan masa hadapan. Kalau kita ada Bahasa Arab macam subjek Bahasa Inggeris sebagai *individual* subjek dan ada 'A' Level Usuluddin dan Syariah, mereka boleh masuk ke Universiti Islam dalam Bahasa Arab. Tidak ada menjadi masalah untuk melanjutkan.

Apa yang kita fikirkan pada masa ini ialah selepas Darjah 6. Insya-Allah, ada lagi usaha kita untuk melengkapkan dan memantapkan pengetahuan pelajar-pelajar yang Darjah 6 itu, iaitu kita ingin membuat satu peringkat sijil ataupun peringkat diploma atau sebagainya. Peringkat Tahasus, ini berlaku di Negeri Johor, kita pun mengikut sistem Negeri Johor. Dari Darjah 1 hingga 6 mengikut sistem-sistem Negeri Johor, lepas daripada Tahasus, itulah guru-guru yang mengajar anak-anak kita. Jadi sistem itu bagus dahulu dan apa salahnya kalau kita mengadakan selepas Darjah 6 ini, ada Tahasus selama setahun atau dua tahun supaya mereka itu lebih matang lagi pengetahuan dan penghayatan ugama. Ini yang sedang dibincangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, insya-Allah.

Kemudian soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai dengan di Daerah Tutong ada Persatuan PERSATU yang telah membuka 18 kelas ugama ini di antara yang ditubuhkannya. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking dan juga penduduk Daerah Tutong yang telah berusaha ke arah meningkatkan

pengetahuan agama di sana. Ini adalah bagi saudara baru yang mana katanya ketiadaan Guru Agama. Insya-Allah masalah ini dapat diselesaikan jika perkara ini dibincangkan bersama Jabatan Pengajian Islam.

Perbezaan dengan pelajar dan pembimbing ini juga dapat diselesaikan jika kita memberi kefahaman tentang apa yang diperlukan oleh PERSATU daripada guru-guru agama tersebut. Daripada kita membiarkan masalah itu berpanjangan, tentulah kita tidak berpuas hati dan kita hendaklah menerangkan apa yang diperlukan seperti teknik mengajar yang mana ianya adalah cara untuk mengajar dan membimbing. Ertinya bimbingan di dalam dan di luar kelas. Oleh itu, perkara inilah yang perlu dijelaskan kepada Guru Agama tersebut.

Mengenai dengan saranan bagi tambahan Elaun Guru. Sebenarnya sudah lama difikirkan dan insya-Allah Elaun Guru ini akan ditambah. Penambahan sedemikian itu akan mengalakkan guru-guru agama untuk berkecimpung dalam bidang perguruan agama.

Soalan yang terakhir iaitu daripada Yang Berhormat Tuan Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai dengan produk makanan halal dan bagaimana cara untuk makanan halal itu dapat dikawal dengan sempurna dan kenapa kita mesti mengikut negara lain yang mengharamkan. Negara lain menghalalkan kita pun turut menghalalkan. Sebenarnya tidak berlaku sebegitu, sebagai contoh mentega *Golden Churn* sudah awal lagi dibuat kajian di bawah makmal Kementerian Kesihatan dan di bawah makmal Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bahawa bahan khinzir tidak terkandung dalam mentega *Golden Churn*.

Pada asalnya, di Negara Malaysia di bawah pengawalan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) mengatakan tidak ada bahan khinzir di dalam mentega tersebut, akan tetapi perkara ini ditimbulkan oleh pihak Sarawak yang mengatakan bahawa terdapatnya unsur bahan khinzir di dalam mentega tersebut. Kuala Lumpur, Malaysia menyokong pendapat daripada Sarawak dan oleh kerana jiran kita sudah berkata perkara sedemikian, maka menjadikan kita was-was. Was-was ini memang ada dinyatakan di dalam Islam dan dalam hadis pun ada mengatakan 'Walhalal Baihinun Walharam Baihinun Wabainahuma Mulmusbihatun'. Jadi kalau ada perkara ini, ia mengganggu persekitaran kita dan menjadikan kita ragu-ragu.

Ia sebenarnya seolah-olah meragui makmal kita yang telah menjalankan kerjanya dengan tepat. Buktinya ialah Malaysia, Kuala Lumpur akhirnya mengakui bahawa tidak ada bahan khinzir dalam mentega tersebut dan kita tidak terus mengatakan tidak tapi kita tunggu dulu. Kita tidak mahu mengesahkannya sehingga kita menghantar rombongan ke New Zealand di mana punca produk ini sudah diperiksa dan diteliti dengan sehalus-halusnya bahawa bahan khinzir disahkan tidak ada dan perkara ini dilaporkan kepada Majlis Ujama Islam seterusnya mengakui bahawa bahan khinzir disahkan tidak ada. Satu lagi contoh bahawa jenama *Great Wall Cornbeef* yang baru-baru ini telah dibuat kajian dan mendapati ada bahan khinzir di dalamnya. Apabila kita *siasat di* Kementerian Kesihatan ada, *di* MIPR pun

ada dan kita pun yakin bahawa bahan khinzir itu memang ada.

Alhamdulillah, setelah kedua-dua pihak bersepakat mengatakan tidak ada bahan khinzir, perkara itu mesti dimaklumkan kepada orang ramai setelah dimaklumkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, perkara-perkara kehalalan dan makanan ini kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan, memberikan dan mengawal makanan orang-orang Islam di Negara kita.

Apa yang ingin saya katakan lagi, insya-Allah barangkali akan kaola sebut dalam jawapan mulut secara lisan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang habis sudah penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya bukakan Tajuk ini untuk diundi, saya ingin memberikan sedikit pandangan. Nampaknya dari soalan-soalan dan pandangan-pandangan dan juga jawapan-jawapan dan penjelasan yang telah diberikan mengenai dengan Tajuk ini, saya tidak ternampak galakkan atau usaha untuk menggalakkan semangat suka relawan. Nampaknya semua berkehendakkan upah merupakan kewangan. Sebagai misalan, kerja membersihkan masjid terpaksa dikontrakkan, membersihkan kubur-kubur orang Islam di kampung-kampung

menunggu Kementerian Hal Ehwal Ugama mengusahakan.

Tidakkah kerja-kerja sedemikian ini dibuat oleh anak-anak buah kampung dengan diketuai oleh Ketua Kampung atau Penghulu. Begitu juga perpustakaan di masjid ada cadangan supaya diadakan Pegawai Perpustakaan. Jadi tidakkah kerja-kerja sedemikian ini dibuat secara sukarela yang mana dulunya diadakan atau ditubuhkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam tahun 50an selepas Perlembagaan, kerja-kerja ugama dibuat secara sukarela oleh orang tua-tua dahulu tidak diberi upah. Sekarang kebanyakan kerja-kerja ugama itu mengehendaki supaya diupahkan. Semangat sukarelawan itu nampaknya diganti oleh memerlukan upah berupa wang. Mana pegangan kita sebagai orang Islam bahawa segala kerja berkaitan dengan ugama itu adalah ibadah dan mendapat pahala yang besar. Sekian, terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama ini diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis II:** Tajuk SJ - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk seterusnya SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Kita masih ada masa untuk mendengarkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan memberikan Mukadimah mengenai dengan kementerian ini. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan hadirin yang dihormati sekalian. Sebelum Jawatankuasa ini membincangkan peruntukan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, saya ingin memohon izin untuk mengongsikan secara ringkas, tumpuan dan keutamaan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini.

Alhamdulillah, Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak \$313,161,400 iaitu bertambah sebanyak \$6,481,050 dari Peruntukan Tahun Kewangan 2012/2013. Kementerian Pembangunan mempunyai dua teras utama dalam memohon peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014 iaitu:

1. Memantapkan dan meningkatkan kapasiti prasarana yang sedia ada; dan
2. Meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai.

Teras ini adalah sejajar dengan tema cadangan Belanjawan Tahun Kewangan

2013/2014 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) pada hari ketiga Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara, iaitu "Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Negara Yang Berdayatahan" kerana hasil pemantapan dan peningkatan kapasiti prasarana dan perkhidmatan kepada orang ramai ini juga akan dinikmati oleh golongan belia yang merupakan 47% dari jumlah penduduk Negara ini melalui kehidupan yang berkualiti, dan kerana kehidupan berkualiti itu adalah salah satu landasan asas pembinaan insan.

Bagi mendokong teras pertama iaitu memantapkan dan prasarana yang sedia ada, Kementerian Pembangunan memberi keutamaan kepada 6 perkara:

1. Pemeliharaan dan Penggantian Paip-Paip Air Yang Lama yang sudah menjangkau usia melebihi 40 tahun. Sebanyak \$3.6 juta disokong bagi mengganti paip-paip di Daerah Brunei Muara, Belait dan Tutong.
2. Meningkatkan Kapasiti Bekalan Air bagi menampung permintaan bekalan air yang meningkat sejajar dengan peningkatan jumlah kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian baru. Sebanyak \$6.6 juta disokong untuk membiayai pembinaan tangki air baru di Daerah Belait, penggantian alat-alat mekanikal dan elektrik loji rawatan air di Kampung Layong, serta mempertingkatkan keupayaan loji-loji rawatan dan sistem bekalan air di Daerah Tutong dan Pekan Seria.

3. Mengurangkan masalah banjir setempat melalui penaiktarafan sistem saliran, mendalam dan membesarkan hilir sungai serta membina longkang-longkang konkrit. Sebanyak \$11.7 juta telahpun disokong. Antara kawasan-kawasan yang diliputi ialah:

- Lumapas
- Kawasan Komersil Kiulap
- Beribi
- Tasek Meradun
- Sungai Bebuhun
- Kampung Jangsak
- Simpang 248 Jalan Kota Batu
- Kampung Sabun
- Maraburong
- Lamunin
- Kiudang
- Birau
- Kampung Penanjong
- Kampung Bukit
- Bukit Beruang
- Kupang
- Kampung Rataie
- Bokok
- Kuala Belait

Ini adalah merupakan usaha kita berterusan untuk mengurangkan terjadinya banjir di beberapa tempat yang mudah banjir (*flood-prone areas*). Tetapi kita tidaklah dapat menjamin bahawa banjir tidak akan berlaku kerana ada beberapa faktor yang masih menyebabkan banjir berlaku, yang diluar dugaan dan disebalik usaha manusia.

4. Membaik pulih dan memelihara sistem pembentungan, pemasangan *sewage system*, dan menaik taraf loji kawalan air kumbahan. Sebanyak \$8.1 juta disokong. Sistem yang dibaikpulih atau dinaik taraf ialah di Pintu Malim, Belait,

Lumut, Los Tanjong, dan penyambungan paip pembedungan meliputi kawasan tadahan Gadong, Bunut dan Jerudong.

5. Pemeliharaan, membaik pulih dan menaik taraf jalan-jalan raya termasuk jalan-jalan penghubung dan *slip roads* serta jambatan-jambatan, dan pembinaan jejantas. Sebanyak \$9.9 juta telah pun disokong. Antara jalan yang akan dinaik taraf atau dibina ialah:

- (i) Jalan masuk ke Sekolah Menengah Sungai Akar;
- (ii) Menaik taraf jalan ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kg Lumut;
- (iii) Pembinaan jalan dari Institut Tahfiz ke Jalan Kubah Makam Diraja;
- (iv) Jalan Bengkurong Masin dari simpang Jalan Tutong ke Jalan Mulaut;
- (v) Melebarkan jalan Kampung Tungku;
- (vi) Membaik pulih Jalan Muara dari pusing keliling lebuhraya ke Pekan Muara;
- (vii) Jalan-jalan di Belait;
- (viii) Melapis jalan utama Belait;
- (ix) Menurap aspal jalan lebuhraya Muara Tutong dan Simpang Tutong hingga ke Simpang Empat di Kampung Sengkarai; dan

- (x) Meningkatkan beberapa jalan yang mengalami banjir.

Usaha Jabatan Kerja Raya dalam kerja-kerja memelihara membaik pulih dan menaik taraf jalan raya semakin berkesan dengan adanya *Highway Maintenance Unit* ataupun HMU yang memantau sebarang kerosakan dan pembaikan yang diperlukan, sementara perkhidmatan *Road Inspection Division Enforcement (RIDE)* yang baru diadakan akan meronda jalan-jalan raya bagi tujuan memeriksa keadaan jalan dan memaklumkan kepada pusat atau *Call Centre* 140 akan sebarang kerosakan.

Di samping itu Jabatan Kerja Raya yang baru diperkenalkan dua bulan yang lalu, adalah bagi orang ramai melapor dengan menggambar dan menghantar melalui *smartphone* mereka mana-mana kerosakan infrastruktur termasuk jalan yang memerlukan perhatian. Kita juga akan mentafsir mana-mana akses kesesuaian jalan-jalan kecil tertentu untuk dinaik taraf iaitu jalan-jalan yang telah diserahkan oleh Pejabat Daerah. Tetapi dengan keupayaan yang ada pada masa ini, memang diakui tidak semua jalan-jalan kecil dapat dinaik taraf, atau diberikan perhatian serentak. Terutamanya jalan-jalan kecil di kawasan persendirian yang belum memenuhi kriteria untuk dinaik taraf. Walau bagaimanapun setiap permohonan akan direbiu dari semasa ke semasa insya-Allah, lambat laun ia akan diusahakan juga.

Meningkatkan Keselamatan Jalan Raya dengan tumpuan kepada kawasan persekolahan serta lebu-lebu raya dan jalan-jalan utama serta mengadakan program-program keselamatan jalan raya.

Sebanyak \$1.2 juta disokong untuk pemasangan *safety guardrail* baru di zon sekolah-sekolah fasa 3. Pemasangan *guardrails* di lebuhraya dan jalan utama fasa 2, dan pembinaan jejantas di Pusing, Ulak *Radial* dan juga di Jalan Gadong berdekatan Pusat Pengakap. Pada masa ini, 3 jejantas baru telah siap dibina dan telah diguna pakai iaitu di Sengkurong, Kiulap dan Jerudong.

Bagi mendukung teras kedua, Kementerian Pembangunan iaitu "meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai," kita mempunyai dua strategi utama:

1. Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada orang ramai melalui pengurusan dan pemeliharaan estet-estet perumahan, menangani aduan orang ramai, penyediaan dan memelihara kemudahan-kemudahan awam, tempat-tempat riadah, Pusat Komuniti (*Committee Centres*), Pusat Komersil dan Infrastruktur Kawasan Rancangan Perumahan Negara. Sebanyak \$6.8 juta telah disokong, \$2.2 juta darinya ialah untuk kemudahan riadah dan bersukan. Di sini Kementerian Pembangunan juga akan meneliti bagaimana pihak swasta dapat turut serta membekalkan bermacam kemudahan secara *Public Private Partnership* (PPP). Lain-lain perancangan ialah:

- (i) Membaik pulih Jeti Sungai Bunga;
- (ii) Pembaikan dan Pelindungan Cerun Bukit di kawasan RPN dan STKRJ;
- (iii) Membaiki kerosakan di Lagun di Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan;

(iv) Membaiki pulih Gerai dan Jeti di Serasa; dan

(v) Membaiki kerosakan rumah akibat *ground settlement*.

2) Meningkatkan *institutional capacity* antaranya melalui perkhidmatan 'One Stop Agency' bagi memperbaiki kedudukan Negara dan indeks 'Ease of Doing Business', dan peningkatan tenaga kerja teknikal. Sebanyak \$9.9 juta disokong untuk membiayai pelbagai usaha termasuk yang bersifat menjaga keselesaan kakitangan. Khusus mengenai "Ease of Doing Business" bagi tahun 2013", Alhamdulillah, kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam kategori *construction permit* menunjukkan peningkatan dari tangga 88 ke-43, iaitu naik 45 tangga daripada tahun 2012.

Mengenai pembayaran kepada pemborong pula, menurut data yang diperolehi dari sistem TAFIS Kementerian Kewangan, dalam tempoh dari 1 April 2012 hingga 26 Februari 2013, dari \$26,170 pembayaran yang dibuat, 86.1% atau sebanyak \$22,539 pembayaran telah dapat dibuat dalam tempoh 30 hari, manakala 13.9% atau \$3,631 pembayaran telah dibuat dalam tempoh melebihi 30 hari. Kementerian Pembangunan akan berusaha memperbaiki lagi prestasi pembayaran ini.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pembangunan juga telah mengemaskinikan beberapa peraturan yang berkaitan dengan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai oleh pemaju atau *developers*, pemborong atau *contractors*, tenaga *professional* secara

individu atau melalui syarikat mereka, konsultan, *Qualified Persons* (QP), dan yang lain-lain lagi. Ini adalah untuk memastikan kepentingan orang ramai dan pelanggan (*clients*) sentiasa terpelihara.

Di samping itu, satu Lembaga bagi mendaftar dan mengawal selia kejuruan (Akitek, Jurutera Profesional dan Jurukur Bahan) telah ditubuhkan pada tahun 2012 dan sebagai usaha dalaman bagi memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan ditahap yang memuaskan *Authority Building and Construction Industry (ABCI)* juga menitikberatkan prestasi seseorang itu atau syarikatnya jika mereka mahu berurusan dengan Kementerian Pembangunan melalui projek-projek Kerajaan yang ditawarkan.

Perbelanjaan Berulang-Ulang yang disokong ialah sebanyak \$148,901,400. Sasaran Perbelanjaan Berulang-Ulang ini juga sejajar dengan teras pertama Kementerian Pembangunan bagi peruntukan 2013/2014 ini iaitu memantapkan dan meningkatkan kapasiti prasarana yang sedia ada dengan menyokong peruntukan sebanyak \$81.7 juta bagi Pemeliharaan Aset.

Lain-lain perbelanjaan yang disokong bagi Tahun Kewangan 2103/2104 secara menyeluruh bagi Kementerian Pembangunan ialah:

- 1) \$5.5 bagi Pemeliharaan Sistem Komputer;
- 2) \$4.4 juta bagi Perbelanjaan Operasi;



3) \$1.3 juta bagi Perkembangan Sumber Tenaga Manusia; dan

4) \$1.2 juta bagi Pengutipan Sampah di bawah JASTRE.

Gambaran sepenuhnya skop kerja Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya tidak akan lengkap tanpa saya juga menyatakan bahawa sebahagian besar projek-projek yang dijalankan adalah juga projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Secara ringkasnya jumlah-jumlah yang disokong di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini ialah:

1) \$113.8 juta disokong bagi projek-projek Rancangan Perumahan Negara (RKN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ); dan

2) \$69.4 juta disokong bagi projek-projek jalan raya, bagi pelebaran dan penaikan taraf beberapa jalan utama dan jua beberapa jejambat persimpangan seperti Lebuhraya Muara-Tutong, bersimpang dengan Jalan Penghubung Berakas. Lebuhraya Muara Tutong yang bersimpang dengan Perumahan Bukit Beruang. Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Jalan Pengiran Babu Raja, Jalan Gadong dan Jalan Telanai.

Tambahan kepada itu, projek-projek berikut juga telah disediakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) iaitu Jalan Penghubung Jerudong-Tungku sekarang untuk di aspal.

Bagi Fasa 2, Jalan Sengkurong *Bypass* yang telahpun diberi peruntukan dan Jalan Residency Fasa 2. \$59.9 juta

disokong bagi projek-projek air bagi meningkatkan keupayaan dan menjamin bekalan air, termasuk meneruskan kerja-kerja Empangan di Ulu Tutong, meneruskan kerja pemasangan paip utama dari Bukit Barun ke Daerah Brunei dan Muara, meningkatkan kapasiti loji rawatan air Bukit Barun, meneruskan pembinaan tangki air baru, mengganti paip-paip utama yang lama dan sebanyak \$29.3 juta juga disokong bagi projek-projek pembetulan yang termasuk penaikan taraf loji-loji rawatan di Pandan, Pekan Seria, Mukim Gadong dan Jerudong dan juga skim pembetulan yang meliputi kawasan-kawasan berikut:

- 1) Kampung Berangan, Kianggeh dan Subok;
- 2) Kampung Menglait, Batu Bersurat dan Pengkalan Gadong;
- 3) Bandar Daerah Tutong;
- 4) Pekan Bangar;
- 5) Kampung Kiulap;
- 6) Kampung Delima dan Sungai Akar;
- 7) Kampung Kiarong;
- 8) Kampung Beribi;
- 9) Jalan Manggis Satu dan Dua;
- 10) Kampung Pandan Utara;
- 11) Kampung Mumong;
- 12) Kampung Telanai, Madewa, Bunut dan Bengkurong;
- 13) Jalan Berakas dari Jalan Kustin hingga ke Simpang 412, Jalan Berakas; dan
- 14) Kampung Lumut dan Kampung Telisai.

Sebanyak \$22.7 juta bagi projek-projek saliran di kawasan-kawasan berikut:

- 1) Sungai Kedayan;
- 2) Sungai Menglait;
- 3) Kampung Ban/Mulaut;
- 4) Tadahan Damuan;

- 5) Kampung Lugu;
- 6) Pekan Seria;
- 7) Kampung Selayun dan Sengkurong;
- 8) Kampung Tanjong Bunut ;
- 9) Kampung Bebuhun;
- 10) Pekan Daerah Tutong;
- 11) Daerah Temburong;
- 12) Dataran Sungai Tutong;
- 13) Sungai Belaban;
- 14) Kampung Jangsak;
- 15) Kampung Sungai Tilong dan Salambigar;
- 16) *Outfall* ke laut di Kuala Belait;
- 17) Kampung Lumapas;
- 18) Sungai Mentiri; dan
- 19) Mukim Lumut dan Kuala Belait.

Sebanyak \$11.1 juta disokong bagi projek Alam Sekitar dan Kawalan Pantai dan akhir sekali \$2.0 juta disokong bagi Projek Kajian Kemungkinan dan Perancangan. Semua projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 yang saya sebutkan tidak bermakna akan siap pada tahun ini juga kerana ia adalah projek Rancangan Kemajuan Negara dan dijangka akan siap dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 ini. Ini semua membuktikan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memajukan prasarana di Negara ini bukan sahaja untuk masa kini tetapi bagi masa dan generasi akan datang.

Insyallah, projek-projek yang mana peruntukan telah pun disediakan, akan dilaksanakan secepat mungkin dan hasil serta faedahnya akan dapat kita semua saksikan serta nikmati setelah apabila siapnya nanti. Itulah tujuan kita dan menghadapkan permohonan peruntukan tahun ini dan juga

permohonan yang dipohonkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10.

Sekianlah sahaja mukadimah dari saya dan saya harap ia dapat memberikan gambaran yang jelas akan perancangan Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sepanjang Kewangan 2013/2014 dan tahun selanjutnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Di-Pertua:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang pada esok hari Rabu, 20 Mac 2013 pada jam 9.30 pagi. Sekian terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**